

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**

**PADA 11, 12, 14, 17 HINGGA 19 DISEMBER 2000
BERSAMAAN
15, 16, 18 21 HINGGA 23 RAMADAN, 1421**

DIKELUARKAN OLEH:

Pejabat Dewan Undangan Negeri,
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 11 DISEMBER 2000**

Hari Isnin
11 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Ucapan Yang Dipertua Dewan [Muka 5]
4. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [Muka 7]
5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Bertulis [Lampiran A]
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 9]
6. Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain [Muka 27]
7. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Perbekalan (2001) 2000* [Muka 28]

11 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

11 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

11 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJM.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh - Dengan Maaf
WAKIL KUALA BESUT

11 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

11 DISEMBER 2000

D O A

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا
ومن سيئات أعمالنا من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له،
أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.
اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين .

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. di mana dengan inayah dan hidayah-Nya dapat kita menghadiri Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Kesepuluh yang bermula pada hari ini dan sehingga kepada tempoh yang sedia telah dimaklumkan.

Yang Amat Berhormat dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sekali lagi saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyatakan kesyukuran yang tulus dan penuh insaf kehadiran Allah *Azzawajalla malikamuk* kerana telah mengurniakan kita dua nikmat yang amat besar, pertama nikmat iman anugerah Allah untuk kita menjadi umat terbaik di persada dunia. Sekiranya segala tugas dan tanggungjawab iman itu dipikul dan dijunjung oleh kita semua. Berada di dalam keimanan bererti berada di permulaan landasan yang betul di samping mencerminkan dan manifestasi celik mata hati yang pastinya memandu akal fikiran dan segala deria ke arah matlamat yang selamat, bermanfaat dan sejahtera. Itulah ukuran nilai manusia sebenar, bagaimana difirmankan oleh Allah:

ولقد ذرأنا لجهنم كثيرا من الجن والانس لهم قلوب لا يفقهون بها
ولهم اعين لا يبصرون بها ولهم آذان لا يسمعون بها اولئك كالانعام
بل هم اضل.

Sesungguhnya Kami telah sediakan ke neraka jahanam kebanyakan manusia dan jin kerana mereka mempunyai akal tidak mahu memahami, mereka mempunyai mata tetapi tidak mahu

11 DISEMBER 2000

melihat kebenaran, mereka mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar akan kebenaran mereka adalah sama seperti binatang ternakan malah lebih sesat daripada binatang ternakan.

Nikmat kedua ialah nikmat berada di bulan Ramadan al-Mubarak, bulan difardhukan puasa untuk menjana ketakwaan dan membentuk ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Takwa bererti mematuhi titah perintah Allah dan menjauhkan daripada segala larangan-Nya. Bulan Ramadan disifatkan oleh Rasulullah s.a.w.:

أول له رحمة وأوسطه مغفرة وآخره عتق من النار

Bahagian pertamanya sebagai rahmat, untuk mendapat rahmat, pertengahannya untuk mendapat keampunan dan bahagian akhirnya untuk membebaskan diri daripada api neraka. Di samping itu, Rasulullah s.a.w. juga memberi khabar gembira bahawa pada bulan ini:

فتحت أبواب الجنة وصدقت الشياطين

Dibuka pintu syurga dan dibelenggu segala syaitan.

Maka persidangan Dewan kali ini amat bertuah dan beruntung ianya dilangsungkan di bulan bukan sahaja perut dilaparkan malah minda dan deria juga dipandu oleh cahaya iman dan buah ketakwaan yang dibentuk dan dihasil daripada Ramadan al-Mubarak. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya faham bahawa segala apa jua pandangan, buah fikiran, teguran, sindiran dan sebagainya hendaklah lahir daripada suluhan iman dan bebas daripada gangguan syaitan. Syaitan telah dibelenggu dan diberkas, gerak geri syaitan telah diikat maka sudah tentulah watak-watak seperti bercakap kotor, degil, tidak mahu menerima kebenaran dan sebagainya dapat dibebaskan dari Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Saya menyatakan ini semua bukan untuk mengongkong Dewan dan untuk menyekat kebebasan Dewan, bukan untuk menjadikan Dewan ini kaku dan sunyi atau tidak bermaya dan tidak ceria, berbincanglah, berhujahlah, berbahaslah dan bermusyawarahlah dengan bijaksana, tegakkanlah kebenaran dan yang hak, pertahankanlah kejernihan dan kesucian iman di dada masing-masing, pertahankan kesucian syariat Allah, tegakkanlah kebenaran dan keunggulan Islam dalam masyarakat kita dan kita mesti ingat akan pesanan Rasulullah s.a.w.:

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده

Seorang Islam yang sebenar ialah apabila orang Islam lain selamat daripada mulut lidahnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekadar itulah ucapan saya pada kali ini. Sekian walbillahi taufik wassalamuataikum warahmatullahi wabarokatuh.

11 DISEMBER 2000

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2001.
(D.U.N. Bil. 18/2000)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2001.
(D.U.N. Bil. 19/2000)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2001.
(D.U.N. Bil. 20/2000)
4. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun (2000
(No. 2) 2000.
(D.U.N. Bil. 21/2000)
5. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu
Bagi Tahun 1997.
(D.U.N. Bil. 22/2000)
6. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu
Bagi Tahun 1998.
(D.U.N. Bil. 23/2000)
7. Surat Akuan Ketua Audit Negara dan Penyata Akaun Jabatan
Bekalan Air Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 1997.
(D.U.N. Bil. 24/2000)
8. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Terengganu
Tahun 1999.
(D.U.N. Bil. 25/2000)
9. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Bagi Tahun 1999.
(D.U.N. Bil. 26/2000)

11 DISEMBER 2000

10. Laporan Tahunan Lembaga Muzium Negeri Terengganu Bagi Tahun 1999.

(D.U.N. Bil. 27/2000)

11. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Wang Negeri Terengganu Bagi Tahun 1997.

(D.U.N. Bil. 28/2000)

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS
[Lampiran A]**

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Dr. Mamad bin Putih
(Wakil Kuala Berang)
3. Y.B. Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
(Wakil Rantau Abang)
4. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
5. Y.B. Haji Ismail bin Harun
(Wakil Air Putih)
6. Y.B. Encik Rosol bin Wahid
(Wakil Ajil)
7. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
(Wakil Seberang Takir)

11 DISEMBER 2000

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Bert hormat Wakil Kemasik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Adakah betul pihak Kerajaan Negeri Terengganu akan mengambil tindakan OSA terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri yang membocorkan rahsia kerajaan, iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Setiausaha Kerajaan?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Assalamualikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menjawab soalan ini, lebih saya baca dahulu. Soalannya - Adakah betul betul pihak Kerajaan Negeri Terengganu akan mengambil tindakan OSA, iaitu *Official Secret Act* terhadap kakitangan-kakitangan kerajaan yang membocorkan rahsia kerajaan, iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Setiausaha Kerajaan?

Untuk menjawabnya begini, tiap-tiap kakitangan kerajaan dia menanggung dua tanggungan. Yang pertama tanggungan mematuhi undang-undang negara dan undang-undang negeri. Yang kedua, sebagai kakitangan kerajaan dia mesti menanggung peraturan ... mengikut peraturan-peraturan negeri, iaitu di sini ialah *General Order* ataupun tatatertib.

Jadi mengenai sama ada betul atau tidak betul Kerajaan Terengganu akan mengambil tindakan, ini tertinggalah kepada bukti-bukti dan juga aduan-aduan yang dibuat oleh pihak yang tertentu terhadap seseorang pegawai kerajaan. Jikalau ada perkara bocor atau tidak bocor itu ... jikalau ada aduan kerajaan akan tentu sekali tidak tertinggal begitu saja, tentu kerajaan akan menyiasat. Jikalau siasatan itu benar ada penyelewengan dan perkara ini akan diserahkan kepada Polis kerana kerajaan tidak ada kuasa untuk menjalankan tugas seterusnya.

Jadi, jawapannya begitulah setakat ini tidak ada lagi aduan dan tidak ada lagi bukti yang menyatakan sesiapa di antara pegawai kerajaan ini yang telah membocorkan rahsia-rahsia kerajaan. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua. Adakah perkara ini begitu serius sehinggakan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu mengambil pendekatan untuk mengambil tindakan kepada mereka-mereka yang membocorkan rahsia kerajaan di bawah OSA?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, rahsia ini ialah satu perkara yang serius. Tetapi Setiausaha Kerajaan membuat kenyataan itu ialah sebagai amaran kepada pegawai-pegawai kerajaan sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

11 DISEMBER 2000

Berapa batangkah jalan kampung yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabatokatuh. Soalnya, berapa batangkah jalan kampung yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000? Yang Berhormat Yang Dipertua.

Sepanjang tahun 2000 Kerajaan Negeri telah membina 92 batang jalan kampung di mana 81 batang dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan selebihnya sebanyak 11 batang dikenalkan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri. Pecahannya mengikut daerah:

Daerah Besut	- 17 batang
Daerah Kemaman	- 5 batang
Daerah Kuala Terengganu	- 7 batang
Daerah Marang	- 12 batang
Daerah Dungun	- 12 batang
Daerah Hulu Terengganu	- 20 batang
Daerah Setiu	- 8 batang

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasil): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Berapakah kos jalan-jalan yang disebutkan tadi?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kos bagi membina keseluruhan jalan ini banyak. Kalau mahu saya boleh bacakan satu persatu mengikut daerah-daerah. Saya nak mulakan daripada daerah kemaman:

- Sambungan tanah merah di Kampung Labuhan, Kertih - RM50,000
- Jalan tanah merah Kampung Nibong ke Bukit Pahang, Kertih - RM59,000
- Jalan tanah merah di Kampung Paya, Bukit Mentok - RM50,000
- Jalan tanah merah ke padang bola Bukit Mentok - RM70,000
- Jalan tanah merah di Kampung Bukit Kuang - RM47,000

Daerah lain nak juga Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Beri keseluruhan, kesemua sekali yang telah dibina di seluruh Negeri Terengganu berapakah kesemuanya itu?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): *Totahnya* saya kena jumlahkanlah, tetapi kalau nak satu persatu saya boleh baca mengikut daerah?

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terpulang kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya ingat memakan
masa Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya saya dah sebut kawasan Yang Berhormat tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya tak tanya kawasan saya, saya tanya di seluruh Negeri Terengganu kos pembinaan jalan-jalan
yang disebutkan tadi di seluruh Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Walau bagaimanapun, pihak Alur Limbat telah
bersedia untuk memberi angka keseluruhan kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik tetapi tidaklah
dengan membaca satu demi satu untuk menjimatkan masa.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Soalan
tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Adakah kerajaan sedar ada jalan-jalan tersebut,
10 tahun tidak diturap hasil penginggalan kerajaan yang lalu sebagaimana Laporan Ketua Negara
tahun 1998 muka surat 21, 22, 23 dan 24?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan
Yang Dipertua, memang kerajaan sedar dan memang kerajaan mengambil tindakan atas perkara-
perkara yang telah dibelanjakan sebagaimana yang disebutkan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Boleh nyatakan jalan mana yang dimaksudkan itu? Sebab apa yang dijawab oleh Exco berkenaan
tadi hanya jalan tanah merah bukan naik taraf.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Banyak Yang
Dipertua, cuma saya tak boleh nak perincian satu persatu di sini tetapi sekurang-kurangnya saya
boleh sebut apa yang telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri:

- | | |
|---|-------------|
| - Jalan ke tanah pinggir Hulu Setiu | - RM100,000 |
| - Jalan ke tanah pinggir Air Sejuk | - RM100,000 |
| - Jalan Gong Terap, Bukit Tok Has – Bukit Merah Setiu | - RM 20,000 |
| - Jalan baru Bukit Losong ke Masjid Kg. Paloh, Kuala Terengganu | - RM 5,000 |
| - Jalan Kampung Darau, Besut | - RM400,000 |
| - Jalan Belatan, Kuala Kubang ke Felda Selasih, Besut | - RM 20,000 |
| - Jalan baru Lingai, Jelapang - Langkap | - RM200,000 |
| - Jalan baru Binjai ke Paman melalui Paya Seratus | - RM100,000 |
| - Jalan Kampung Bukit – Sungai Las - Bukit Munduk – Tengkawang | - RM300,000 |
| - Jalan baru daripada Batu 7 laluan 3 ke Binjai, laluan 1 ke 132 Dungun | - RM100,000 |
| - Dan Jalan Jenang – Sg. Batu, Kg. Tuman | - RM 50,000 |

11 DISEMBER 2000

Sebahagiannya merupakan projek-projek yang telah disempurnakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan ketiga -

Adakah pemilihan semula Jawatankuasa Masjid telahpun selesai dan sejauh manakah langkah itu dapat menyatupadukan rakyat?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan nombor tiga ni berbunyi - Adakah pemilihan semula Jawatankuasa Masjid telahpun selesai dan sejauh manakah langkah itu dapat menyatupadukan rakyat?

Buat masa ini belum lagi pemilihan keseluruhannya selesai daripada 445 buah masjid, yang telah bermesyuarat 278, yang belum mesyuarat 167, yang sudah selesai buat pelantikan 85. Alhamdulillah, laporan awal yang kita terima dengan pelantikan Jawatankuasa Masjid ini perpaduan rakyat di kampung berkenaan makin baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Apakah halangan-halangan yang menjadikan bahawa pemilihan sebahagian daripada masjid tidak dapat diselesaikan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Buat masa ini belum ada sebarang halangan. Tapi proses kerja perlu dibuat secara teratur dan secara yang lebih tersusun. Oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua ... cara pemilihan kitanya terbahagi beberapa peringkat. Pertama, jika ada pemuafakatan antara anak-anak mukim maka itu dapat diselesaikan dengan segera. Dan jika tidak ada pemuafakatan, kita terima dua senarai, cadangan; itu akan diproses oleh Pesuruhjaya dan orang-orang yang terlibat dalam pemilihan ini. Dan yang baki lagi tu, insya Allah, kita sedang mula memilih semula. Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan meniktiraf semua Jawatankuasa-jawatankuasa yang telahpun selesai diadakan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang sudah selesai kita sudah hantar suratpun. Yang sudah selesai tidak ada masalah, kita sudah hantar surat perakuan dan pelantikan kepada Jawatankuasa tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan pertama -

11 DISEMBER 2000

Adakah ada perjanjian di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan Kerajaan Negeri Terengganu di dalam penggunaan sebahagian kemudahan kawasan Tasik Kenyir, Paka dan tempat-tempat yang lain oleh TNB untuk menjana kuasa elektrik?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalnya - Adakah ada perjanjian di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan Kerajaan Negeri Terengganu dalam penggunaan sebahagian kawasan Tasik Kenyir, Paka dan tempat-tempat yang lain oleh TNB untuk menjana kuasa elektrik?

Tuan Yang Dipertua, memang terdapat perjanjian di antara TNB dengan Kerajaan Negeri dalam penggunaan sebahagian kawasan Tasik Kenyir untuk menjana kuasa elektrik. Sementara kawasan-kawasan lain yang melibatkan TNB, kita tidak ada sebarang perjanjian hingga setakat ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan, Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua. Adakah kawasan yang belum ada perjanjian kerajaan bercadang untuk membuat perjanjian?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sebenarnya perjanjian yang dibuat di antara TNB dengan Kerajaan Negeri yang melibatkan Tasik Kenyir itu, oleh kerana melibatkan kawasan tadahan air. Sementara di tempat lain, umpamanya di Paka ini tidak melibatkan kawasan tadahan air dan ia melibatkan proses pentadbiran biasa saja umpamanya melalui hubungan dengan Pejabat Daerah dan juga Majlis Daerah.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan - Adakah apa-apa pembayaran atau sewaan, atau pampasan yang dikenakan kepada sebahagian daripada Tasik Kenyir itu?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, di mana berdasarkan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan TNB mengenai Empangan Kenyir yang telah dibuat pada 24 Ogos 1987, iaitu selama 10 yang tamat 23 Ogos 1997. Kemudian untuk 10 tahun kedua yang bermula pada 24 Ogos 1997 dan akan berakhir 23 Ogos 2007. Di mana bayaran pampasan yang dibuat ataupun hasil yang didapati oleh Kerajaan Negeri daripada perjanjian ini, yang pertamanya berdasarkan kepada lesen yang dikeluarkan berdasarkan kepada tanah yang ditenggelami air. Yang keduanya berdasarkan kepada lesen penjanaan, ini lesen penggunaan di Tasik Kenyir itu sendiri.

11 DISEMBER 2000

Untuk 10 tahun pertama, Kerajaan Negeri mendapat lebih kurang sebanyak RM3 juta termasuk cukai tanah, RM3 juta setahun maksud saya. Kemudian untuk 10 tahun kedua yang bermula pada 24 Ogos 1997 dan akan berakhir pada 23 Ogos 2007 nanti, iaitu berdasarkan kepada lesen dan tanah yang ditenggelami air, kerajaan mendapat lebih kurang RM1,836,500 setahun.

Yang keduanya, lesen penjanaan ataupun penggunaan air di mana kerajaan mendapat sebanyak RM4 juta. Jadi jumlah semua sekali yang kerajaan dapat untuk perjanjian bagi tahun yang kedua ini sebanyak RM5,836,500.

YANG BERTIHOUMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan - Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik kadar yang dikenakan kepada lesen tadi?

YANG BERTIHOUMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, saya dah sebutkan tadi perjanjian ini akan disemak selepas tiap 10 tahun sekali. Jadi selepas 10 tahun yang berakhir pada 2007 nanti kerajaan berhak untuk menyemak balik perjanjian ini.

YANG BERTIHOUMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah apa-apa pampasan sekali gus contohnya seperti yang diperolehi di Kelantan yang melebihi daripada RM100 juta, kerana boleh setongkol begitu. Adakah?

YANG BERTIHOUMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, kita ada perbezaan di antara apa yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Negeri Terengganu ini. Kerajaan Kelantan memang dibayar secara *lump-sum* sekali gus yang mereka dapat lebih daripada RM100 juta. Tetapi kalau berdasar kepada apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ini kita akan dapat ... berdasarkan kepada perjanjian setiap 10 tahun sekali dan insya Allah, jumlahnya akan lebih besar.

YANG BERTIHOUMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Soalan tambahan - Adakah pihak kerajaan yakin itu perjanjian yang betul ataupun kok-kok jadi MoU pula.

YANG BERTIHOUMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat, Alhamdulillah setakat ini ... ini tidak dimungkiri lagi. Kita mempunyai hubungan yang baik dengan TNB dan kita telah menikmati hasil daripada bayaran yang telah dikenakan.

YANG BERTIHOUMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan lagi - Adakah kerajaan ada kemungkinan untuk membuat penjana kuasa sendiri di Tasik Kenyir?

YANG BERTIHOUMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, urusan berhubung dengan penjanaan kuasa elektrik ini sebenarnya sebagaimana yang telah difahami memang urusan pihak Tenaga Nasional Berhad. Jadi Kerajaan Negeri sebenarnya tidak bercadang untuk mengambil alih tugas yang telah diberikan kepada TNB.

YANG BERTIHOUMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Dipertua.

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Yang Dipertua, pendapatan yang dipungut ... yang diberitahu oleh Ahli Exco tadi termasuk cukai pintu dan juga cukai-cukai yang diperolehi daripada sektor pelancongan?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini tidak termasuk cukai taksiran ataupun cukai pintu yang disebutkan tadi, ini semata-mata berdasarkan kepada cukai ataupun lesen dikeluarkan berdasar kepada kawasan yang ditenggelami air 27,000 hektar dan juga berdasarkan kepada penjana kuasa elektrik yang dikenakan berdasarkan kepada kapasiti 400 megawatt ... 400,000 kilowatt yang kita dapat berdasar RM10 satu kilowatt yang bermaksud kita dapat RM4 juta itu saja sebenarnya. Cukai-cukai taksiran daripada Majlis Daerah tidak termasuk di dalam perkara ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Paka, dipersilakan -

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Sejauh manakah usaha kerajaan negeri membawa para pelabur asing, terutama dari negara-negara Islam melabur di negeri ini dan apakah benar wujudnya halangan daripada pihak-pihak tertentu terhadap kedatangan para pelabur asing ke negeri ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Paka ingin mengetahui - *Sejauh mana usaha kerajaan negeri membawa para pelabur asing, terutama dari negara-negara Islam melabur di negeri ini sama ada wujudnya halangan daripada pihak-pihak tertentu terhadap kedatangan pelabur asing ke negeri ini.*

Yang Berhormat Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk menarik para pelabur asing terutama sekali daripada negara Islam ke negeri ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah mengadakan lawatan galakan pelaburan ke negara-negara berikut untuk mengalu-alukan bakal-bakal pelabur datang ke Negeri Terengganu, antaranya:

1. Pada bulan April tahun ini kita telah menyertai satu *International Business Forum* dalam membentuk 'net-working' dengan usahawan Islam di peringkat antarabangsa.
2. Dalam bulan Jun suatu tinjauan projek *aquaculture* dan konsep penswastaaan kawasan perindustrian juga telah dibuat.
3. Bulan Julai Seminar Pelaburan yang diadakan di *Islamic Foundation Center*.
4. Dalam bulan Julai juga ialah kita telah menjalin hubungan dengan Dewan-dewan Perniagaan/perdagangan serta menarik ahli-ahli perniagaan untuk datang ke Terengganu.

11 DISEMBER 2000

Selain daripada galakan-galakan pelaburan, Kerajaan Negeri juga telah menyertai pameran-pameran dan seminar yang menerima penyertaan asing. Melalui seminar dan penyertaan sebegini, hubungan awal dapat dijalin dengan bakal-bakal pelabur yang berkenaan. Antaranya:

1. Pada 31 Mei hingga 1 Jun 2000, kita telah menyertai satu seminar yang dinamakan *Petrochemical Downstream Opportunities* dianjurkan oleh PETRONAS di Kuala Lumpur.
2. *Asia Pacific Conference* di Singapura bulan Jun.
3. Global Muslim Showcase di The Mine bulan Julai juga.
4. *SMI One Stop Agency* juga di The Mine.

Pada 11 hingga 13 November 2000, Kerajaan Negeri sendiri telah menganjurkan apa yang kita namakan TRICON 2000 iaitu *Islamic Investment Conference for Business Entities from GCC Countries* dan Expo TITREX 2000, khusus untuk bakal-bakal pelabur Islam yang telah dikenal pasti dari lawatan-lawatan di atas.

Selain daripada itu terdapat juga kunjungan pelabur-pelabur daripada luar negara seperti berikut:

1. Pada bulan Mac kita menerima kunjungan daripada *British Oil & Gas Trade and Investment Mission* seramai 26 orang.
2. Pada bulan Mei kita menerima kunjungan daripada *Malaysian International Chamber of Commerce* pada 15 hingga 17 Mei.

Bagi menjawab soalan bahagian yang kedua, sama ada wujudnya halangan daripada pihak tertentu. Secara rasminya kita tidak menerima halangan-halangan daripada mana-mana pihak sekalipun tetapi kita menerima maklumat bahawa ada kalangan-kalangan tertentu yang berusaha supaya pelabur-pelabur asing ini tidak datang ke Terengganu. Kita sedang meneliti untuk mendapatkan suatu pengesahan tentang maklumat-maklumat yang kita terima. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Sejauh manakah kejayaan ataupun sikap pelabur-pelabur luar ni hasil perubahan kepimpinan Negeri Terengganu ini?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita telah menerima suatu respon yang sangat baik dalam kunjungan-kunjungan yang kita buat kepada negara-negara yang telah kita lawati. Dan sebab itulah, TRECON 2000 yang kita anjurkan di Terengganu ini sebagai suatu saranan daripada pihak-pihak pelabur ini supaya pendedahan yang lebih luas dapat kita berikan. Dan ekoran daripada TRECON 2000 dan *Exhibition* yang diadakan itu sudah ada pihak-pihak pelabur luar bersama-sama dengan agensi-agensinya dalam negeri sendiri yang sedang dalam proses untuk membuat *matching* dari sudut industri yang akan dibuat di dalam negeri Terengganu ini. Dan perkara yang seperti ini sedang berjalan dengan beberapa pihak dengan luar negeri.

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua - Sila nyatakan siapakah pihak-pihak tertentu ataupun halangan-halangan tertentu yang dimaksudkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah sebut tadi kita sedang berusaha untuk mengenal pasti berdasarkan maklumat-maklumat yang kita terima. Setakat ini proses mengenal pasti ini masih berjalan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua - Adakah ini satu andaian ataupun tohmahan yang menunjukkan kelemahan diri sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa tak payah jawablah soalan tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua - Boleh nyatakan nama-nama negara yang telah diadakan lawatan untuk menarik pelabur?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, barangkali saya pun duduk ingat bulan puasa ni sepatutnya Yang Berhormat yang berkenaan tu dia dengar waktu saya menerangkan. Beberapa kunjungan telah dibuat kepada negara-negara termasuk negara yang telah saya senaraikan tadi, antaranya kalau boleh saya ulangilah ... saya sebut tadi Australia, UK, Saudi Arabia, Iran dan Turki. Mungkin The Mine tak berapa jelas tu ... The Mine tu Kuala Lumpur saja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi dikatakan soalan berkaitan negara-negara Islam, adakah UK tu negara Islam? Australia tu negara Islam? Sebab soalan ni bertanyakan tentang negara-negara Islam ... terutamanya negara-negara Islam.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya rasa cuba tengok semula soalan tu - Sejauh manakah usaha kerajaan negeri membawa pelabur asing terutama, bukan khusus eksklusif negara Islam, sebab tu saya masuk dua-dua tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tapi hak sebut tadi Yang Dipertua, UK, Australia Cuma Arab Saudi saja negara Islam jadi banyak negara dak Islam yang disebut.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Australia, United Kingdom ini bukan semuanya orang yang bukan Islam. Dalam negara ini terdapat pelabur-pelabur di kalangan orang Islam dan kita buat kunjungan itu khusus United Kingdom ini yang saya sebut *Islamic Foundation Center* itu khusus kepada

11 DISEMBER 2000

itu khusus United Kingdom ini yang saya sebut *Islamic Foundation Center* itu khusus kepada pelabur-pelabur Islam. Adapun Saudi Arabia, Iran dan Turki negaranya negara umat Islam pelabur-pun pelabur Islam.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Apakah ada sebarang perjanjian antara kerajaan negeri Terengganu dengan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) berkaitan pengoperasian Loji Air Serdang dan sejauh manakah operasi loji berkenaan menjejaskan Syarikat Air Terengganu (SATU)?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alor Limbat): Tuan Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ingin tahu: *Apakah ada sebarang perjanjian antara kerajaan negeri dengan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) berkaitan pengoperasian Loji Air Serdang dan sejauh manakah operasi loji berkenaan menjejaskan Syarikat Air Terengganu (SATU)?*

Tuan Yang Dipertua, di bawah kerajaan dulu memang tidak ada sebarang perjanjian bahkan tidak ada dalam bentuk MoU yang rasminipun berhubung dengan projek yang saya maksud tadi. Walau bagaimanapun di bawah kerajaan sekarang ini, kerajaan sedang meneliti draf perjanjian yang sedang dirangka oleh pihak Petronas dan juga pihak UPEN. Buat masa ini loji pembersih air Petronas belum lagi beroperasi tetapi apabila beroperasi dijangka pada akhir bulan ini, adalah dijangkakan akan memberi kesan kepada operasi loji air SATU. Ini memandangkan muka sauk loji pembersih air Petronas berada lebih kurang 1.5 kilometer di hulu muka sauk loji SATU sedia ada di mana kesannya nanti ialah kuantiti sedutan air mentah akan terjejas. Dan kerajaan juga sedang mengkaji perkara ini dari segi kemungkinan masalah air masin.

Walaupun bagaimanapun kerajaan sedang mengkaji untuk membina satu lagi loji air baru yang terletak dalam rancangan perbekalan air Dungun Peringkat Dua. Mungkin Serdang yang insya Allah akan dibina iaitu lebih kurang 8 kilometer ke hulu sedia ada.

Walaupun bagaimanapun operasi SATU pembekalan air bersih tidak terjejas kerana loji ini hanya dibenarkan untuk membekal air kepada projek-projek baru dalam Kompleks Petrokimia Bersatu Kerteh sahaja.

YANG BERTHORMAT AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan - Berapakah jumlah sebenar keluasan tanah yang diguna pakai oleh Petronas dalam pembinaan tapak loji, sama ada daripada keluasan tanah kerajaan, tanah persendirian ataupun tanah TOL? Dan berapakah jumlah pembayaran yang dibuat kepada Kerajaan Negeri ataupun kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pengambilan tanah?

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, saya perlukan notis untuk menjawab semua sekali soalan tadi. Cuma saya boleh menyebutkan kos projek ini lebih kurang RM540 juta yang melibatkan semua sekali, pengambilan balik tanah dan juga pampasan-pampasan yang akan dibuat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan - Berapakah kadar juta gelen yang akan disedut oleh Petronas dalam jadual yang ditetapkan?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini juga Tuan Yang Dipertua, saya perlukan notis kerana keupayaan sebenarnya belum lagi teruji. Jadi kita sedang meneliti apabila akhir bulan ini bermulanya operasi ini kita akan dapat tahu kapasiti sebenar loji ini.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan - Berapa lamakah tempoh yang dipohon oleh Petronas untuk menggunakan kawasan Serdang sebagai loji kepada Petronas? Adakah sepanjang masa ataupun ada konsesi masa tertentu?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi pihak kerajaan sedang meneliti draf perjanjian yang sedang diuruskan oleh pihak Petronas dan pihak UPEN di mana insya Allah pihak kerajaan akan mengambil kira semua sekali kepentingan kerajaan termasuk tempoh konsesi, termasuk apa yang menjadi masalah sebelum daripada ini berhubung dengan pembinaan *coffer dam* di Sungai Durian Mentangau untuk menyekat air masin, yang nak kita pastikan *low barrage* empangan rendah akan dibina. Begitu juga berhubung dengan perkara-perkara lain yang berkait dengan tarif air dari segi air mentah, dari segi *treated water* air yang dirawat dan juga perkara-perkara lain yang melibatkan kepentingan syarikat kerajaan negeri, syarikat air SATU berhubung dengan kepentingan kerajaan negeri berhubung dengan perjanjian ini. Ini semua akan diteliti dan insya Allah kerajaan akan pastikan perkara ini tidak akan merugikan kerajaan negeri.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan Yang Dipertua. Kita melihat kawasan yang diambil begitu luas yang menjejaskan tanah kepada masyarakat sama ada untuk pertanian ataupun penempatan kerana itulah hasrat masyarakat untuk mandiri penempatan dan pertanian kepada mereka. Ekoran daripada pengambilan tanah yang begitu luas apakah kerajaan melihat kebaikan-kebaikan yang masyarakat setempat boleh terima daripada Kampung Delong, Kampung Kumpal ke Padang Pulut dan seumpamanya, adakah anak-anak tempatan akan diberi ruang untuk bekerja di loji Petronas ataupun seumpamanya setelah kawasan penempatan mereka diambil alih oleh Petronas.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana projek ini sebenarnya dibina di bawah kerajaan yang terdahulu, apa yang telah terlepas tu terlepaslah tapi dalam konteks apa yang menjadi kemampuan kerajaan negeri sekarang untuk mengambil kira perkara-perkara yang disebutkan tadi dan memang sudah diambil perjalanan berhubung dengan soal-soal pengambilan pekerja-pekerja tempatan, diambil perjalanan sebenarnya.

11 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang)
Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Saya memohon maaf kerana mengikut nasihat Yang
Dipertua bulan puasa dan sebagainya tapi tohmahan kepada kerajaan dahulu yang dikemukakan
oleh Ahli Exco, saya difahamkan bahawa draf dan perbincangan demi perbincangan telahpun
dibuat untuk mengadakan perjanjian mengenai skim loji ini. Cuma kelemahan barangkali

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tuan Yang Dipertua, penjelasan ... dia bukan kerajaan untuk jawab.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Dipertua, saya ingin penjelasan - Adakah kelemahan pegawai ataupun kelemahan kerajaan.
Dan soalan saya yang kedua, kalau setahun kerajaan negeri sekarang dah memerintah barangkali
tidaklah begitu rupa tidak ada lagi perjanjian sebagaimana dikatakan kelemahan kerajaan yang
terdahulu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua,
saya dah sebutkan tadi memang tidak ada perjanjian, memang tidak ada MoU pun berhubung
dengan projek loji air di Serdang ini. Memang tidak ada sebenarnya. Soal kita kata kelemahan
pegawai, saya fikir pegawai ini jentera pelaksana kerajaan, kita sebagai kerajaan kita mesti pastikan
apa yang kita nak. Jadi sekarang tidak berbangkit apa yang disebutkan tadi usaha dibuat oleh
kerajaan dahulu untuk mengadakan perjanjian, memang tidak ada perjanjian. Dan untuk makluman
Yang Dipertua, hubungan kita dengan Petronas pun dengan apa yang telah kita usahakan akhir-
akhir ini saja ada usaha dibuat untuk mengadakan perjanjian secara rasmi. Dan Insya Allah,
kerajaan akan memastikan kepentingan kerajaan tidak akan terjejas kerana projek yang telah
dilaksanakan ini.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Soalan tambahan Yang Dipertua - Adakah usaha draf, perbincangan telah diadakan?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Kita telah menerima
draf perjanjian dan kita sedang berbincang dan insya Allah dalam jangka masa yang singkat ini kita
akan memutuskan apa yang merupakan perjanjian yang sebenar berhubung dengan perkara ini.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang
Dipertua, soalan tambahan. Pengamatan sebagai Yang Berhormat yang memegang Exco baru ni,
adakah ini menjadi satu amalan biasa zaman kerajaan dulu maknanya pakat buat gomo begitu saja
baru kira perjanjian kemudian. Kita nak kahwin pun akad nikah dulu maknanya.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini sepatutnya dia
tanya kawan kita yang berkenaanlah. Tapi inilah antara perkara yang dapat kita kesan yang
merupakan kelemahan kerajaan yang terdahulu, buat dulu lepas tu bincang kemudian. Terima
kasih.

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Maafkan saya Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah projek ini untuk kepentingan negeri
ataupun untuk kepentingan kerajaan Barisan Nasional semata-mata?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tidak berbangkit,
apabila kita melaksanakan projek adalah merupakan satu perkara yang tidak cerdas kalau kita tidak
mengambil kira kepentingan rakyat, kepentingan negeri, kepentingan jangka panjang. Tapi soalnya
itulah realiti yang berlakunya tidak ada perjanjian dan tidak ada MoU pun hingga setakat ini dalam
pentadbiran kerajaan dahulu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya saya persilakan Yang Berhormat
Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT ENCIK SAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi):
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,
soalan yang pertama –

*Sila nyatakan jumlah balairaya di seluruh negeri mengikut
pecahan daerah-daerah dan jumlah yang masih digunakan oleh
Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) untuk Kelas Taman
Didikan Kanak-Kanak (Tadika), serta jumlah balairaya yang
masih tidak dapat digunakan oleh Jawatankuasa Syura Rakyat
(JSR) dan sebab-sebabnya.*

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat
Tuan Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Jabi ingin
tahu mengenai *jumlah balairaya di seluruh negeri mengikut pecahan daerah-daerah dan jumlah
yang masih digunakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS untuk Kelas Taman
Didikan Kanak-Kanak (Tadika), serta jumlah balairaya yang masih tidak dapat digunakan oleh
Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) dan sebab-sebabnya.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah balairaya semuanya ialah sebanyak 636 buah.
Pecahan menurut daerah-daerah adalah seperti berikut:

<u>Daerah</u>	<u>Jumlah Balairaya</u>	<u>Digunakan oleh KEMAS</u>
Kuala Terengganu	210	139
Kemaman	63	34
Dungun	47	20
Besut	78	51
Hulu Terengganu	96	48
Marang	72	48
Setiu	70	15

Adapun jumlah balairaya yang tidak dapat digunakan oleh JSR atau Jawatankuasa Syura Rakyat
ialah sebanyak 171 buah.

11 DISEMBER 2000

Antara sebab balairaya-balairaya ini tidak dapat digunakan ialah kerana ianya terletak di atas tanah milik persendirian dan tuan-tuan tanah ini berkeras tidak benarkan Jawatankuasa Syura Rakyat menggunakan balairaya tersebut. Ini adalah disebabkan oleh kerana pembinaan balairaya dulu tidak mengikut peraturan di mana sengaja didirikan atas tanah persendirian menurut permintaan orang-orang kuat UMNO waktu itu. Wallahuallam.

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri terhadap penggunaan balairaya oleh KEMAS?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, sehingga ini tidak ada syarat yang khusus dirundingkan tetapi kita telah memberi syarat umum kepada mereka, iaitu untuk kegunaan kelas KEMAS sahaja, kelas pendidikan sahaja.

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sejauh manakah KEMAS menggunakan balairaya ini hanyalah sekadar pendidikan dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri jika sekiranya KEMAS tidak mematuhi syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Baruk): Tuan Yang Dipertua, kita telah menerima maklumat-maklumat dan masih dalam siasatan terperinci bahawa KEMAS ada memberi keizman kepada UMNO dan puteri-puteri UMNO menggunakan balairaya-balairaya ini ianya bertentangan dengan kebenaran kita yang terdahulu, insya Allah kita akan ambil tindakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji balik kebenaran kepada KEMAS untuk menggunakan balairaya melihatkan beberapa penyelewengan yang dilaksanakan di sana ataupun ada had tempoh masa yang tertentu? Dan saya berharap supaya ianya dikaji balik, kerana kita melihat kelas-kelas yang lain seperti PASTI dan seumpamanya mereka masing-masing menggunakan tempat-tempat persendirian yang dibina oleh masyarakat setempat dan seumpamanya. Mengapakah TADIKA ataupun KEMAS tidak boleh berusaha sendiri daripada menggunakan balairaya yang sepatutnya tidak digunakan sebagai kelas pendidikan kepada mereka.

Dan adakah kerajaan bercadang 171 yang tidak boleh diguna oleh JSR ini, kita robohkan dan kita alih ke tempat tanah kerajaan yang bukan milik persendirian?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita membenarkan kelas-kelas TADIKA digunakan di balairaya-balairaya sepanjang tahun yang ada sekarang, ini adalah ihsan daripada kerajaan kita. Dan kita sedang meneliti dan mengkaji apakah tujuan yang kita benarkan itu, iaitu untuk kegunaan pendidikan disalahgunakan. Dan kalau ianya disalahgunakan maka kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kerana memang tujuan asal didirikan balairaya tersebut adalah bagi tujuan sosial dan kemasyarakatan.

Adapun balairaya yang 171 buah tadi, sekarang ini dah setahun kita tidak dapat guna mungkin tuan rumah ataupun pihak tertentu guna untuk sarang ... untuk reban ayam ataupun tempat kandang kambing mereka, kita pun tak tahu. Perkara itu sebenarnya boleh menimbulkan masalah kerana

11 DISEMBER 2000

yang banyaknya dulu bangunan kayu bila tidak digunakan akan mudah rosak dan apatah lagi kalau digunakan bagi tujuan-tujuan yang bukan untuk kepentingan oranglah untuk kepentingan yang lain.

Tuan Yang Dipertua, dari segi memastikan balairaya yang 171 buah ini dipindah atau dirobohkan kita dapat mengatakan bahawa untuk masa yang akan datang insya Allah, semua balairaya didirikan di atas tanah kerajaan. Wallahuallah.

YANG BERHORMAT ENCIK SAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah terdapat balairaya yang disebutkan tadi menjadi markas kepada parti yang memerintah sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan yang lalu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tidak ada.

YANG BERHORMAT ENCIK SAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya persilakan Wakil

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam hubungan dengan penggunaan balairaya oleh TADIKA KEMAS, untuk menjamin kepentingan kerajaan negeri Terengganu adakah pihak kerajaan bercadang nak mengadakan perjanjian dengan KEMAS?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Perundingan maksudnya Yang Berhormat di antara pihak setempatlah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Apakah kerajaan bercadang nak mengadakan perjanjian dengan KEMAS berhubung dengan penggunaan balairaya untuk Kelas TADIKA KEMAS?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Setakat ini KEMAS belum pun menulis dan memberi tahu kepada kerajaan tentang kegunaan mereka secara rasmi sepatutnya mereka memberi tahu kegunaan yang mereka lakukan. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak bercadang membuat apa-apa perjanjian dengan pihak KEMAS kerana kebenaran yang diberikan itu adalah kebenaran yang sementara untuk kegunaan pendidikan dan insya Allah, sekiranya ada kegunaan yang lebih mustahak yang difikirkan oleh kerajaan negeri maka KEMAS mestilah mencari tempat alternatif untuk kegunaan mereka. Wallahuallah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kerajaan negeri merasakan kepentingan-kepentingan tercabar ataupun terjejas, adakah pihak kerajaan negeri bercadang dalam hal ini untuk mengadakan perjanjian dengan KEMAS supaya kedudukan kerajaan negeri terjamin dan terpelihara.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan negeri tak rasa apa-apa terjejas. Dulu kita tak perintah sekarang kita perintah, kita diberi mandat oleh rakyat secara umum secara mutlak kita tidak rasa apa-apa, kita hanya bertindak semata-mata untuk kepentingan rakyat bukan tujuan yang lain.

11 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipsilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Berapakah wang kerajaan negeri yang disalurkan kepada Perbadanan Menteri Besar sejak penubuhannya hingga sekarang, apakah projek-projek yang dilaburkan dan nyatakan statusnya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sehingga ini pelaburannya sebanyak RM10 juta. Dan projek-projek yang dilaburkan dan status adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Jumlah Pelaburan	Pegangan Ekuiti	Status
Palm Oil Product	RM10 juta	83%	Syarikat ini terpaksa ditutup.
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	Pelaburan bermula 1982 sebanyak RM126.5 juta		Kesemua saham telah dipindah kepada Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu
Malaysian Helicopter Berhad	RM6.3 juta		-
TDM	RM10.9 juta		-
Jasa Marin	RM4.3 juta		-
Pembesar Nacap	RM510,000		-
Larut Tin	RM11 juta		-
Pengkalan Bekalan Kemaman	RM4 juta		-
Kemaman Furniture Industry	RM2.8 juta		-

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengikut Laporan Audit Negeri Terengganu 1999 muka surat 44, menyatakan bahawa daripada 1982 hingga tahun 1994 sebanyak RM46.10 juta telah dilaburkan oleh Perbadanan Menteri Besar tetapi dijual balik RM11 juta pada tahun 1989 dan baki sebanyak RM35.10 juta tidak dapat dikesan. Jadi manakah pergi wang sebanyak RM35.11 juta tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini di luar soalan asal yang kita perlukan kepada notis yang sempurna.

11 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Soalan tambahan. Adakah pelaburan-pelaburan yang telah dibuat mendatangkan pulangan yang keuntungan kepada Kerajaan Negeri ataupun sebaliknya?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, daripada senarai yang saya baca tadi telahpun diketahui umum seperti Plam Oil Berhad telahpun ditutup ataupun digulung tikar. Perwaja Sdn. Bhd. semua orang dah tahu dalam keadaan yang hampir mufliis. Helicopter Service juga tidak ada pulangan. Cuma TDM yang masih lagi berkembang tapi dalam keadaan yang sakit-sakit sihat. Dan pihak Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua sedang mengkaji untuk membuat penyusunan semula syarikat-syarikat yang kurang sihat ini.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, soalan nombor dua –

Berapakah sumbangan kerajaan negeri kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim (Perkaya) dan Darul Falah?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Bukit Tunggul yang juga Timbalan saya. Sumbangan Kerajaan Negeri kepada PERKAYA adalah dalam dua bentuk. Yang pertamanya sumbangan kewangan, yang keduanya sumbangan kakitangan kerajaan. Sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri kepada PERKAYA melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bagi tahun 2000 adalah sebanyak RM787,950. Agihan sumbangan seperti adalah seperti berikut:

- Emolumen termasuk gaji, elaun dan lain-lain berjumlah RM135,335
- Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM548,530
- Pemberian dalam negeri yakni ganjaran sebanyak RM5,470
- Dan aset termasuk bangunan, pembaikan dan harta modal sebanyak RM89,590.

Bantuan kewangan secara langsung bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tahunan bermula tahun 1996 sehingga 1999 berjumlah RM390,390. Dan mulai tahun 1998 sehingga tahun 2000 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah mengeluarkan bantuan sebanyak RM15,000 setiap tahun. Sementara sumbangan dalam bentuk kakitangan daripada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah seramai 12 orang dan dibayar gaji dan elaun sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Bantuan yang diberikan kepada Darul Falah pula daripada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1998 adalah berjumlah RM88,259.50. Mulai tahun 1998 hingga tahun 2000 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu telah mengeluarkan sumbangan sebanyak RM40,000 setiap tahun daripada wang zakat. Sementara itu tidak ada sumbangan secara langsung daripada Kerajaan Negeri kepada Darul Falah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada apa yang dinyatakan oleh Exco tadi, kerajaan telah menyumbangkan sebegitu banyak peruntukan dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut. Jadi sejauh

11 DISEMBER 2000

manakah peranan Kerajaan Negeri bagi memantau perbelanjaan yang diuruskan pertubuhan-pertubuhan yang dinyatakan tadi?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memantau supaya segala sumbangan yang diberikan kepada PERKAYA dapat digunakan dengan sebaik mungkin.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Tuan Yang Dipertua, mengikut maklumat yang kita perolehi bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela atau NGO ni dia bernaung di bawah Majlis Kebajikan Negeri. Tapi sejak akhir-akhir ini MKN, Majlis Kebajikan Negeri sendiri telah meminda Perlembagaannya dengan tidak lagi memberi keutamaan kepada Exco yang berkaitan dengan kebajikan menjadi Pengerusinya seperti mana amalan biasa. Ini adalah merupakan cubaan untuk mengelakkan kegiatan pengurusan diawasi oleh pihak kerajaan. Kita bimbang perkara-perkara sebegini berlaku menyebabkan tidak kawalan tertentu oleh pihak kerajaan, di mana yang kita lihat bangunan PERKAYA di Jalan Batas Baru terbiar begitu saja sehingga hari ini tidak dapat diselesaikan. Jadi apakah sikap kerajaan terhadap tindakan MKN ini?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang mengambil daya inisiatif untuk memastikan bahawa MKN sentiasa di bawah kawalan Kerajaan Negeri sebagaimana pada awal penubuhannya. Jadi, oleh kerana itu sekarang ni pihak kita sedang berusaha untuk mengemaskini kedudukan MKN supaya ianya benar-benar berfungsi sebagaimana yang dikehendaki ketika ditubuhkan dahulu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tambah sedikitlah. Kerajaan Negeri sedang membuat kajian terperinci ke atas khususnya PERKAYA ini kerana ada maklumat-maklumat salahguna yang dilakukan oleh kerajaan dulu.

YANG BERTHORMAT DR. ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk menjawab soalan-soalan lisan telahpun berakhir maka semua soalan-soalan akan dijawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawab pada hari ini.

11 DISEMBER 2000

**CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG
DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN**

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya membawa cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Tuan Yang Dipertua Dewan, saya memohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain telah diterima dan telah mendapat sokongan. Sekarang kemukakan kepada undian –

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG
UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN
YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN
KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA
TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA

11 DISEMBER 2000

RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERBEKALAN (2001) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2001 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN 2001 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA
BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2001 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan inayah-Nya dapat saya membentangkan kepada Dewan yang mulia ini, satu Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan (2001) 2000. Enakmen ini dibentang bagi mendapat pertimbangan Dewan yang mulia untuk menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan bagi membiayai perbelanjaan dan perkhidmatan pada tahun 2001.

Kenyataan lengkap adalah seperti yang terkandung dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Tahun 2001 (*Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 18/2000*).

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Al-Baqarah:

وَتبَلَّغُوا نَفْسَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالْمُرَاتِ وَيُشْرِ الصَّابِرِينَ (١٥٥)
(البقرة)

11 DISEMBER 2000

Yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

Demikianlah peringatan dari Allah S.W.T. kepada hamba-hamba-Nya yang beriman bahawa perjuangan bagi menegakkan sebuah Kerajaan yang berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah adalah satu pekerjaan yang besar yang akan menghadapi rintangan dan pelbagai cabaran. Namun begitu Kerajaan Barisan Alternatif yang telah diberi mandat oleh rakyat akan terus memikul amanah dengan teguh dan sabar serta yakin akan diberi petunjuk oleh Allah S.W.T. ke jalan kemenangan.

Sejak Barisan Alternatif pimpinan PAS menubuhkan kerajaan selepas Pilihanraya Umum 29 November 1999 yang lalu berbagai ancaman dan kacau ganggu telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat yang jelas bercanggah dengan dasar federalisma serta mencabul sistem demokrasi dan cuba menidakkan hak rakyat. Kedaulatan dan kuasa kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat tidak dapat diterima oleh Kerajaan Pusat dan mereka mula melancarkan tindakan balas dendam bagi menghukum rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Tidak puas dengan pembatalan bayaran Royalti Petroleum, projek pembangunan utama yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat juga telah dibatalkan termasuk pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang sebelum ini telahpun dipersetujui dan dilancarkan. Pembiayaan projek infrastruktur yang dibiayai dari peruntukan Pinjaman Pusat yang telah ditandatangani perjanjiannya sebelum ini juga telah dibatalkan. Projek-projek yang terlibat termasuklah 11 projek Perumahan Awam Kos Rendah di seluruh negeri, projek Bekalan Air Luar Bandar, Sistem Perparitan Bandar Kuala Terengganu dan projek pembangunan di bawah pelaksanaan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Semua projek berkenaan dirancang semata-mata untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah, yang masih memerlukan rumah sendiri bagi meningkatkan taraf kehidupan dan sosio-ekonomi. Di samping itu penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan sistem perparitan yang sempurna, adalah perlu supaya wujud persekitaran yang sihat selesa untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Tindakan yang lebih melampaui batas lagi zalim, yang telah di ambil oleh Kerajaan Pusat bagi melemahkan pentadbiran Kerajaan Negeri, ialah dengan menukarkan hasil Royalti Petroleum Kerajaan Negeri dengan apa yang dinamakan “Wang Ihsan”. Berdasarkan kepada paras harga petroleum bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2000, adalah dianggarkan tidak kurang dari RM700 juta hasil Royalti Petroleum telah dirampas oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Berikutan dari semua tindakan tersebut adalah jelas dan nyata kepada kita semua bahawa, Kerajaan Pusat telah menghukum rakyat Negeri Terengganu semata-mata kerana kepentingan politik yang sekaligus bercanggah dengan dasar federalisma dan demokrasi. Kerana ingin untuk membalas dendam, Kerajaan Pusat sanggup mencabul perjanjian yang dimeterai oleh Kerajaan Negeri dengan Petronas pada 22 Mac 1975 di antara Dato’ Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri

11 DISEMBER 2000

Besar Terengganu dengan pihak Petronas yang diwakili oleh Y.M. Tengku Razaleigh Hamzah selaku Pengerusi dan Ketua Eksekutif Petronas pada masa itu.

Begitu mudah dan tanpa rasa segan silu mereka memutar belitkan fakta, langsung menukar pembayaran Royalti Petroleum kepada “Wang Ihsan” yang kononnya untuk terus membela rakyat negeri ini. Tetapi apa yang nyata, mereka sebenarnya telah mengkhianati seluruh warga negeri ini dengan merampas hak rakyat dan cuba pula membelanjakan wang tersebut demi kepentingan politik Kerajaan Pusat. Bagaimana boleh Wang Royalti Petroleum negeri ini dibelanjakan bagi pelaksanaan projek-projek Kerajaan Pusat, sedangkan sepatutnya telah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyediakan peruntukan. Mereka telah sewenang-wenangnya bertindak seolah-olah mereka masih memerintah Negeri Terengganu dan apa yang menyedihkan kita ialah tergamaknya kalangan tertentu dalam pimpinan UMNO Negeri Terengganu sendiri, yang telah mendesak pihak Pusat mengambil tindakan seumpama ini. Tanpa rasa bersalah, mereka sanggup mengkhianati rakyat negeri sendiri yang selama empat puluh tahun telah memberi peluang kepada mereka untuk memerintah negeri ini.

Tidak cukup dengan itu mereka menubuhkan pula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, yang telah digantikan oleh Kerajaan Negeri dengan Jawatankuasa Syura Rakyat. Semua tindakan tersebut menunjukkan mereka sebenarnya sedang mengalami tekanan dan kekecewaan yang amat sangat, hingga sukar dibendung akibat tewas dalam keadaan yang teruk dalam pilihanraya yang lalu. Mereka sebenarnya tidak langsung menyangka tentang kekalahan, malah apa yang lebih memalukan adalah kerana mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini, telah menolak bulat-bulat dasar perjuangan mereka yang nyata sudah membosankan rakyat. Pengkisahan sejarah telah meriwayatkan satu demi satu tamadun dunia yang lampau runtuh, satu zaman pemerintahan telah berganti dengan zaman yang lain, revolusi diganti dengan gerakan pembaharuan dan banyak lagi peristiwa yang menggambarkan akhirnya kuasa rakyat akan beroleh kemenangan.

Walau apapun cabaran yang akan mendatang, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan tanggungjawabnya demi kesejahteraan rakyat. Kita yakin dan percaya bahawa segala usaha pihak-pihak tertentu untuk menjejaskan kewibawaan Kerajaan Negeri telah menemui kegagalan demi kegagalan, malah sebaliknya kita telah menerima simpati serta sokongan yang tidak berbelah bagi, bukan sahaja dari kalangan rakyat tetapi juga dari Pertubuhan-Pertubuhan NGO dari dalam dan luar negeri. Melalui penjelasan yang telah diberikan oleh pimpinan negeri, tokoh-tokoh NGO serta pakar undang-undang, ternyata tindakan-tindakan Kerajaan Pusat selama ini telah gagal mendapat sokongan. Dalam hubungan ini Allah S.W.T. telah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ عَهْدَ اللَّهِ وَأَيْمَانَهُمْ ثَمَانًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يَكْتُمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُونَ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُرَكِّبُهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٧٧) (آل عمران)

11 DISEMBER 2000

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat, dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

Surah Al-Imran: Ayat 77.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Prospek Bagi Tahun 2001

Defisit perolehan hasil negeri semasa akibat dari pembatalan bayaran Royalti Petroleum oleh Kerajaan Pusat telah melembabkan aktiviti ekonomi terutama sektor perkhidmatan kerajaan dan sektor pembinaan. Sektor-sektor lain juga secara tidak langsung turut sama terjejas kerana di antaranya saling berkaitan dan sangat memerlukan ransangan daripada perbelanjaan awam. Walau bagaimanapun secara amnya ekonomi negeri masih lagi berkembang pada tahap positif sungguhpun kadarnya menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pada keseluruhannya kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2000 adalah dianggarkan sebanyak 2 peratus, di mana sektor perlombongan dan industri terus menyumbang kepada pertumbuhan yang stabil dan turut mempengaruhi kemantapan sektor-sektor lain. Walaupun pelaburan langsung negeri telah merosot kerana gangguan peningkatan kemasukan pelaburan, namun kita masih menerima permintaan pelaburan dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana yang menjadi salah satu sektor terpenting pada masa sekarang. Jumlah pelaburan dalam sektor ini adalah sebanyak RM200 juta dan telah dapat mewujudkan sebanyak 1,750 peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri akan terus menyediakan infrastruktur yang selengkapnya bagi menjamin dan menggalakkan pertumbuhan yang berterusan bagi sektor ini di samping dapat menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Berdasarkan kepada perkembangan dan petunjuk ekonomi semasa, adalah dianggarkan pertumbuhan sektor perlombongan akan susut kepada 3.2 peratus, perkilangan 3.2 peratus dan pembinaan sebanyak 3.8 peratus.

Sektor pertanian masih memainkan peranan penting dalam pengeluaran makanan keperluan, bagi mengurangkan nilai import walaupun sumbangannya terhadap KDNK adalah rendah jika dibandingkan dengan sektor industri dan pembuatan. Usaha-usaha bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian akan terus dijalankan melalui pendekatan secara komersial dan bersaiz ekonomik, selaras dengan Dasar Pertanian Negara atau DPN3 dan juga Dasar Pertanian Negeri. Tanaman yang mempunyai 'comparative advantage' seperti limau madu, buah-buahan dan roselle akan diberi tumpuan khas supaya ianya berkembang dengan lebih pesat. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat kepada 3.1 peratus. Di samping itu sektor perkhidmatan akan terus disokong oleh sub-sektor perdagangan dan perniagaan serta sub-sektor pelancongan yang merangkumi bidang pengangkutan.

11 DISEMBER 2000

Prestasi pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun ini agak perlahan berikutan kekurangan hasil negeri yang ketara yang secara langsung memperlahankan ransangan perbelanjaan awam dan pembangunan negeri. Justeru itu Kerajaan Negeri telah mengambil langkah segera dengan melaksanakan dasar perbelanjaan berhemat, bagi menentukan kestabilan aliran tunai negeri dalam jangka panjang. Dasar penjimatan telah dimulakan bagi mengelakkan perbelanjaan yang kurang perlu serta memastikan wujudnya lebihan dalam akaun, semasa. Segala faktor telah di ambil kira bagi menentukan pelaksanaan dasar ini tidak akan menjejaskan kemudahan pembiayaan aktiviti-aktiviti utama pengurusan dan pembangunan negeri.

Bagi mengatasi defisit perbelanjaan mengurus, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pengurusan sumber negeri dengan lebih berkesan dan strategik, supaya hasilnya dapat dimanfaatkan secara optimum dalam meneruskan aspirasi serta agenda pembangunan negeri yang berteraskan Islam. Berdasarkan perancangan strategik ini, sumber-sumber negeri seperti tanah, tenaga kerja, rizab hutan, keindahan alam, khazanah bumi dan sumber air dijangka akan menyumbangkan kepada pertambahan hasil negeri. Kita telah mula menggubal dasar dan mekanisma yang spesifik bagi mencapai matlamat tersebut dan Insya-Allah jika semuanya berjalan sebagaimana yang diharapkan, kita akan dapat menampung defisit dalam akaun semasa ke tahap yang lebih selesa. Dengan sumber hasil tersebut dapatlah kita meneruskan pembangunan spiritual dan material meliputi aspek insan dan ekonomi seperti yang dihasratkan oleh rakyat negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Belanjawan Negeri

Walaupun pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS, namun ianya telah meningkatkan kejituan iltizam untuk terus berusaha menunaikan amanah dan tanggungjawab bagi mencerna pembangunan yang berkonsepkan "amal ma'aruf nahi mungkar".

Prestasi ekonomi negeri pada tahun 2001 dijangka akan mengalami pertumbuhan yang sederhana, memandangkan kepada pelbagai tekanan dan diskriminasi yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat semata-mata bertujuan untuk melemahkan jentera pentadbiran negeri. Tindakan-tindakan tersebut sama ada disedari atau tidak oleh mereka, nyata telah secara langsung mengkhianati dan menganiaya rakyat Negeri Terengganu keseluruhannya. Berdasarkan kepada hakikat tersebut maka jumlah anggaran hasil negeri bagi tahun 2001 dijangka diperolehi sebanyak RM720.496 juta, termasuk sebanyak RM540 juta dari Royalti Petroleum iaitu meningkat sebanyak 4.09 peratus berbanding hasil tahun semasa yang berjumlah RM692.182 juta. Oleh itu dengan berlandaskan dasar hak dan kepentingan rakyat, maka Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk mendapatkan balik segala hasil negeri yang telah dirampas secara tidak waras dan buta ihsan oleh pihak yang sebenarnya sedang mengamalkan sikap 'dictatorship'.

Walau bagaimanapun, atas dasar hak yang telah diperuntukkan dalam undang-undang dan mandat yang telah diberikan, Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa dalam pendedaan Belanjawan Negeri Tahun 2001, perolehan hasil dari Royalti Petroleum hendaklah diperakukan sebagai hasil negeri yang sudah semestinya dikreditkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri Terengganu. Kerana tidak ada satu sebabpun sama ada dari sudut perundangan ataupun pentadbiran yang boleh membawa kepada pembatalan atau perampasan hasil tersebut dari Kerajaan Negeri.

11 DISEMBER 2000

Berdasarkan kepada anggaran yang disediakan adalah didapati bahawa Hasil Cukai akan meningkat kepada RM580.319 juta atau 0.54 peratus, manakala Hasil Bukan Cukai perolehannya meningkat kepada RM96.632 juta atau 24.8 peratus dan Terimaan Bukan Hasil pula dijangka meningkat kepada RM43.544 juta atau 15.70 peratus.

Bumi Negeri Terengganu Darul Iman ini sebenarnya telah dianugerahkan Allah S.W.T. dengan pelbagai hasil mahsul sama ada di atas daratan ataupun dari dasar lautan dan ditambah pula dengan keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan kepada para pelancong. Malah limpah rezeki yang diturunkan Allah S.W.T. di bumi Terengganu ini bukan sahaja dinikmati oleh rakyat negeri ini, malah telah dapat dimanfaatkan di seluruh Negara Malaysia. Pengikhtibaran dari kurniaan tersebut adalah untuk menjadikan kita sebagai hamba-hamba yang beriman lagi bersyukur dan jauh sekali dari menjiwai sifat-sifat bongkak, riak, zalim dan khianat. Dalam hal ini Allah telah berfirman dalam Surah An-Nahl Ayat 71:

والله فضل بعضكم على بعض في الرزق فما الذين فضلوا
برآدي رزقهم على ما ملكت أيمنهم فهم فيه سواء
أفبئمة الله يجحدون (٧١)
(النحل)

Yang bermaksud:

"Dan Allah telah melebihikan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya; dalam pada itu, orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu dengan perbuatan syirik?"

Kerajaan Negeri dengan penuh kesedaran telah membuat berbagai perancangan yang meliputi seluruh aspek kehidupan rakyat termasuk pembangunan insan, pembangunan ekonomi, pendidikan, pertanian, kebajikan sosial, infrastruktur dan sebagainya yang akan dilaksanakan melalui perolehan hasil negeri yang semakin meningkat. Segala perancangan dalam agenda pembangunan negeri akan dilaksanakan dengan matlamat menuju kepada Wawasan Negeri Maju Berteraskan Islam.

Berdasarkan falsafah tersebut dan bersesuaian dengan hasrat untuk mencerna pembangunan sosio-ekonomi serta perkhidmatan kepada rakyat, yang akan menjurus kepada pembentukan bangsa dan masyarakat yang bersyakhsiyyah dengan berpaksikan Al-Quran dan Al-Sunnah, maka Belanjawan Negeri telah dirangka dengan strategi berikut:

1. Merangsang dan mempelbagaikan asas ekonomi negeri dengan pertumbuhan yang berterusan terutama dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.
2. Menguruskan perbelanjaan berdasarkan keutamaan dan keperluan sebenar, tanpa berlakunya pembaziran dengan menjurus kepada pengurusan kewangan yang telus dan berhemat, dengan kedudukan aliran tunai yang sentiasa berimbang.

11 DISEMBER 2000

3. Meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mengurangkan kadar kemiskinan negeri dengan memajukan tahap sosio-ekonomi di semua peringkat.
4. Meneruskan pembangunan infrastruktur, pendidikan dan latihan kemahiran serta sumber manusia bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berkemahiran tinggi.

Yang Berhormat, Tuan Yang Di Pertua,

Perbelanjaan Mengurus

Dalam usaha untuk meneruskan perkhidmatan kepada rakyat dan menuju ke matlamat sebagaimana yang telah dirancang, dengan mengutamakan perbelanjaan yang berhemat, maka saya mencadangkan jumlah perbelanjaan mengurus bagi tahun 2001 diperuntukkan sebanyak RM733.463 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak RM60.411 juta disediakan untuk Perbelanjaan Tanggungan yang merangkumi perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang dan juga peruntukan bayaran balik pinjaman. Saya juga mencadangkan sejumlah RM673.025 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Bekalan. Pada keseluruhannya jumlah perbelanjaan yang dicadangkan telah meningkat sebanyak 7.27 peratus atau RM49.756 juta berbanding tahun semasa yang berjumlah RM683.707 juta.

Walaupun kita menghadapi defisit perolehan hasil yang ketara, namun kita tetap merancang dan menyediakan perbelanjaan sebagaimana biasa kerana Royalti Petroleum masih kekal sebagai hak rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman, sebagaimana yang telah dipersetujui dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Belanjawan Negeri bagi tahun hadapan disediakan dalam keadaan defisit sebanyak RM12.940 juta atau 1.79 peratus berbanding dengan anggaran hasil. Segala usaha akan digembengkan bagi meningkatkan hasil dari sumber negeri yang dijangka akan dapat menampung jumlah defisit tersebut. Pendekatan tertentu telah diambil kira supaya sebarang bentuk kenaikan hasil negeri tidak akan membeban dan melibatkan rakyat umum, tetapi ianya lebih ditumpukan kepada sektor perindustrian utama dan komersial.

Sungguhpun sebahagian dari perbelanjaan telah dikurangkan kerana langkah berjimat cermat, semua pertimbangan telah diambil kira agar prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam tidak terjejas. Oleh itu bagi perbelanjaan Emolument, saya mencadangkan peruntukan sebanyak RM142.525 atau 21.17 peratus dari jumlah perbelanjaan bekalan yang meliputi pembiayaan gaji dan elaun tetap. Manakala peruntukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan pula disediakan sebanyak RM57.801 juta dalam memenuhi keperluan jabatan membiayai perbelanjaan aktiviti, penyelenggaraan dan pelbagai perkhidmatan.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Komponen terbesar dalam peruntukan Belanja Mengurus bagi tahun hadapan adalah aktiviti Pemberiaan dan Kenaan Bayaran Tetap yang dicadangkan peruntukannya disediakan sebanyak RM525.319 meningkat sebanyak 11.65 peratus daripada peruntukan tahun semasa. Dari jumlah tersebut sebanyak RM210 juta adalah caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang akan membiayai pelbagai projek baru dan sambungan bagi tahun 2001 dan juga bagi

mengurangkan jumlah defisit terkumpul akaun kumpulan wang tersebut. Sementara itu caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air disediakan sebanyak RM9.423 juta, manakala caruman kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri adalah berjumlah RM81 juta.

Tidak dapat dinafikan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri telahpun memainkan peranan selari dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dalam pelbagai bidang pembangunan merangkumi tahap sosio-ekonomi serta kesejahteraan hidup rakyat. Sehubungan dengan itu peruntukan berjumlah RM105 juta akan disediakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Dalam pada itu Kerajaan Negeri akan meneruskan langkah pemantauan ke atas kecekapan dan prestasi Badan-Badan Berkanun Negeri termasuk syarikat anak supaya benar-benar dapat berfungsi dengan baik serta berdaya maju. Tindakan penilaian dan penyusunan semula mana-mana agensi yang kurang berkeupayaan dan bermasalah telah, sedang dan akan terus di ambil bagi mengelakkan kerugian serta masalah pengurusan yang berpanjangan. Pihak pengurusan hendaklah mengambil pendekatan yang lebih berkesan malah jika perlu kaedah dan cara bekerja juga hendak diubah ke arah yang lebih cemerlang, produktif dan berinovasi.

Usaha bagi mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat yang mengamalkan budaya ikram, mawaddah, rahmah, adil dan bertanggungjawab akan terus diberi keutamaan. Kadar kemiskinan negeri masih di tahap tinggi dengan seramai 13,412 penerima bantuan kewangan bulanan pada tahun 2000, yang berjumlah RM11.894 juta, manakala mereka yang menerima bantuan sekaligus pula adalah seramai 6,925 orang dengan jumlah bantuan yang telah dikeluarkan sebanyak RM943,000. Dengan tujuan untuk memakmurkan lagi kehidupan golongan miskin dan fakir di negeri ini maka mulai April tahun ini kadar Bantuan Am telah dinaikkan daripada RM60 kepada RM150 dan daripada RM100 kepada RM250 sebulan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar kemiskinan melalui program pemutihan yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, malah usaha membasmi kemiskinan adalah menjadi agenda utama semua jabatan dan agensi Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan. Dengan iltizam yang amat tinggi berserta komitmen untuk terus memikul amanah bagi membela nasib rakyat yang kurang bernasib baik, agar turut merasai nikmat kurniaan Allah S.W.T. serta tidak tersisih dari arus pembangunan, maka saya mencadangkan peruntukan sebanyak RM28.038 juta disediakan pada tahun 2001 bagi membiayai Bantuan Am dan pelbagai bantuan lain yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penyediaan peruntukan ini telah meningkat sebanyak 64.92 peratus berbanding tahun semasa.

Badan-Badan Berkanun Negeri juga memang telah lama terlibat dalam program membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat. Yayasan Terengganu telah menyediakan berbagai bentuk bantuan pembiayaan kepada pelajar termasuk di peringkat sekolah, di bidang kemahiran mahupun di peringkat pengajian tinggi dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta pada tahun ini. Begitu juga dengan Yayasan Pembangunan Keluarga yang telah membimbing serta meningkatkan kemajuan dan khidmat sosial ke atas institusi keluarga dengan tumpuan khas kepada golongan miskin melalui Program Jaya Diri dengan matlamat membantu mereka membebaskan diri dari kemiskinan. Selain dari itu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) juga bertanggungjawab ke atas masalah kemiskinan dengan pembahagian zakat mengikut asnaf yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Bagi maksud membiayai pelbagai bantuan termasuk kepada fakir miskin, MAIDAM telah mengeluarkan perbelanjaan berjumlah RM6.322 juta pada tahun 2000 ini.

11 DISEMBER 2000

Sungguhpun begitu Kerajaan Negeri menyedari bahawa tanggungjawab dan peranan memerangi masalah kemiskinan ini bukan sahaja terletak kepada kerajaan semata-mata, malah ianya menjadi tanggungjawab kepada semua pihak yang mampu kerana setiap yang beramal soleh akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda dari Allah S.W.T.

Oleh hal yang demikian bagi meluaskan kurniaan ganjaran serta pahala dari Allah S.W.T. kepada mereka yang berjiwa penyayang lagi bersifat pemurah yang secara ikhlas ingin menghulurkan bantuan kepada golongan miskin, kurang upaya serta kurang bernasib baik yang amat memerlukan bantuan dari mereka yang mampu, maka Kerajaan Negeri telah menubuhkan 'Tabung Darul Iman' yang telah dirasmikan pelancarannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada 23 November yang lalu. Di majlis pelancaran tersebut sebanyak RM2.6 juta telah berjaya dipungut daripada pelbagai pihak termasuk Badan Berkanun Negeri, Syarikat-Syarikat Anak, Syarikat Perniagaan dan juga individu. Malah saya percaya ramai lagi pihak yang akan turut menyumbang kepada tabung ini pada masa akan datang untuk dimanfaatkan kepada golongan yang kurang bernasib baik yang memohon berbagai jenis bantuan bagi meringan bebanan mereka. Sesungguhnya bagi mereka yang melakukan amal jariah dengan bersedekah atau menderma dengan niat yang ikhlas telah dijanjikan ganjaran pahalanya oleh Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَدْرُسُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةِ
أُولَئِكَ لَهُمْ عِزِّي الْعَظِيمُ (٢٢)

Yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata, dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang; dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat".

Surah Ar-Ra'd: Ayat 22

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Kecemerlangan pendidikan di Negeri Terengganu akan terus dipertingkatkan bukan sahaja menyediakan peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi dalam negeri malah meliputi pengajian di luar negara dalam semua bidang sama ada sains dan teknologi, perubatan, teknologi maklumat dan juga pengajian Islam. Yayasan Terengganu sebagai agensi yang bertanggungjawab menaja pengajian pelajar akan memperluaskan skop serta program yang layak mendapat penajaan dari pihaknya. Adalah dianggarkan peruntukan sebanyak RM30 juta akan disediakan di bawah agensi-agensinya yang terlibat termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama, MAIDAM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Usaha kecemerlangan pendidikan ini akan diperluaskan bermula di peringkat pra-sekolah lagi dengan menyediakan kemudahan asas yang mencukupi termasuk peralatan dan bahan pembelajaran serta bantuan kewangan supaya mutu dan pencapaian pelajar akan meningkat. Pendekatan yang

11 DISEMBER 2000

berteraskan pendidikan Islam akan terus diberi keutamaan di semua peringkat bagi melahirkan insan yang berilmu, berperibadi luhur, beriman dan bertaqwa. Kegiatan pendidikan tidak hanya tertumpu kepada pendidikan secara formal di sekolah-sekolah sahaja malah kita juga mengadakan program pendidikan kepada masyarakat yang berbentuk kelas-kelas khidmat masyarakat. Program ini lebih menekankan kepada pengajaran berbentuk dakwah dan meningkatkan pengetahuan mengenai keislaman dengan pengisian ilmu seperti fardhu ain, usrah, qiamullai, kelas-kelas agama dewasa dan belia, kelas Al-Quran, berzanji dan khatam quran dengan penglibatan meluas segenap lapisan masyarakat.

Program pembangunan sumber manusia negeri akan diteruskan bagi menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk memasuki pasaran kerja dan pekerjaan melalui latihan kemahiran. Pada masa ini terdapat 17 buah Pusat Latihan Kemahiran di negeri ini dan di antaranya termasuklah Pusat Kemahiran Terengganu (TESDEC), Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC), Yayasan Pembangunan Keluarga dan sebagainya. Sehingga kini seramai 36,942 orang belia lepasan sekolah telah berjaya dilatih oleh Pusat-Pusat Latihan berkenaan yang menawarkan lebih 50 jenis kursus-kursus kemahiran.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Perbelanjaan Pembangunan

Penyediaan peruntukan bagi projek-projek pembangunan tahun 2001 akan disenaraikan sebagaimana biasa dengan berasaskan kepada perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Lapan. Di samping itu terdapat juga senarai projek-projek tambahan yang difikirkan perlu diberi keutamaan.

Bagi maksud perbelanjaan pembangunan tahun 2001 saya mencadangkan peruntukan langsung negeri disediakan sebanyak RM149.041 juta untuk membiayai pelaksanaan 491 projek yang telah dicadangkan. Pembiayaan juga akan diperolehi daripada punca pinjaman Kerajaan Pusat yang dianggarkan berjumlah RM132.547 juta, terutama bagi meneruskan projek-projek di bawah pembiayaan Pinjaman Pusat yang telah dilulus dan ditandatangani perjanjian pinjamannya sebelum ini. Projek-projek berkenaan termasuklah pembangunan Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Bekalan Air dan Sistem Perparitan Bandar Kuala Terengganu.

Dalam merangka perbelanjaan ini, keutamaan diberikan kepada projek-projek sambungan yang masih dalam pelaksanaan khususnya Projek Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah serta pembangunan infrastruktur. Penyediaan peruntukan pembangunan dari peruntukan langsung negeri diagihkan di bawah tiga sektor utama, di mana sektor ekonomi meliputi RM47.753 juta atau 32.04 peratus, sektor sosial berjumlah RM64.708 juta atau 43.42 peratus dan sektor pengurusan/pentadbiran awam sebanyak RM36.580 juta atau 24.54 peratus.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa matlamat agenda pembangunan negeri adalah untuk mewujudkan kemajuan yang menyeluruh berasaskan peningkatan tahap sosio-ekonomi rakyatnya dengan keseimbangan di antara pembangunan spiritual dan material, yang akhirnya untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Insya-Allah. Walaupun Kerajaan Negeri mengalami defisit perolehan hasil, namun usaha-usaha akan diteruskan sedaya-upaya bagi mencapai matlamat tersebut, demi memikul amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat keseluruhannya.

11 DISEMBER 2000

Bagi meneruskan pembangunan kemudahan asas fizikal di seluruh negeri seperti pembinaan jalan, jambatan, bangunan awam, perumahan kos rendah dan program penyusunan semula penduduk, peruntukan sebanyak RM42.370 juta disediakan di bawah berbagai jabatan seperti Jabatan Kerja Raya, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat-Pejabat Daerah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam program pembangunan perumahan, Kerajaan Negeri telah menetapkan objektif pelaksanaannya adalah bagi memastikan setiap keluarga mempunyai tempat tinggal sendiri dan sekaligus dapat menyelesaikan masalah setinggan atau pendudukan secara haram. Perancangan juga telah dibuat untuk menyusun semula kawasan penempatan penduduk dengan kaedah pembangunan tersusun, lengkap dengan kemudahan asas serta persekitaran yang sihat dan selesa. Beberapa pendekatan telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri, untuk memenuhi keperluan perumahan dan penempatan penduduk di kalangan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Bagi tujuan tersebut, pelaksanaan projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah akan diperbanyakkan, meliputi seluruh negeri untuk dimanfaatkan oleh mereka yang berpendapatan rendah. Selain dari itu projek-projek pembangunan perumahan rakyat akan dilaksanakan dengan menyediakan lot-lot perumahan kepada rakyat yang berkeluarga. Dalam usaha menyediakan kawasan penempatan yang tersusun serta mempunyai kemudahan asas yang mencukupi, program pembangunan pekan-pekan kecil dan pertumbuhan bandar-bandar baru akan dilaksanakan.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek tersebut Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi galakan dan sokongan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri dan UDA bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam sektor ini di samping projek-projek yang akan dibangunkan secara penswastaan. Walaupun pelaksanaan projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah menghadapi banyak rintangan terutama apabila Kerajaan Pusat membatalkan pinjaman ke atas tiga belas projek yang mengandungi 5,438 unit dengan kos sebanyak RM95.712 juta, namun Kerajaan Negeri akan tetap meneruskannya. Sebenarnya bukan sahaja Royalti Petroleum yang dibatalkan oleh Kerajaan Pusat tetapi mereka juga sanggup bertindak menghalang pengeluaran peruntukan pinjaman yang telah dipersetujui malah perjanjian mengenainya telahpun ditandatangani. Tindakan seumpama ini tidak sepatutnya dilakukan kerana ianya bukan isu hukuman politik untuk membalas dendam terhadap rakyat negeri ini. Perlakuan yang ditunjukkan adalah sebenarnya merupakan satu kezaliman politik kehampaan dengan menjadikan rakyat yang kurang upaya sebagai mangsa.

Dalam tempoh sepuluh bulan kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS, sebanyak 650 unit Rumah Awam Kos Rendah telah berjaya menjadi milik rakyat. Daripada 17,124 buah rumah yang sedang dalam pembinaan, 7,012 buah daripadanya adalah Rumah Awam Kos Rendah yang dirancang pembinaannya dengan penyertaan pihak swasta. Tiga projek awal untuk membina 1,638 unit rumah sudah bermula dengan pelancaran pembinaan di Kampung Balai Besar Dungun, Bukit Kuang, Kemaman dan Kuala Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

Sektor pertanian tetap menjadi sektor penting dalam sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan dianggarkan akan terus menjana pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2001. Prospek pembangunan sektor pertanian amat menggalakkan dengan sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan mempunyai daya saing yang tinggi. Sungguhpun kemajuan pesat

11 DISEMBER 2000

berlaku di sektor-sektor perindustrian, perkilangan dan pembuatan, tetapi pengantungan guna tenaga penduduk negeri terhadap sektor pertanian masih lagi tinggi iaitu sebanyak 27.6 peratus dari jumlah guna tenaga.

Menyedari kepentingan sektor pertanian sebagai agenda utama negeri dalam pengeluaran makanan keperluan rakyat serta pasaran eksport, maka Dasar Pertanian Negeri akan dilaksanakan selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN 3), yang telah menggariskan haluan strategik jangka panjang. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti serta daya maju, mewujudkan gabungan dengan sektor-sektor lain, menerokai bidang-bidang baru, memulihara dan menggunakan sumber asli dengan lebih meluas.

Bagi tanaman padi, peningkatan pengeluaran dijangka mampu menambah tahap sara diri bekalan beras bagi Negeri Terengganu kepada 80 peratus tidak lama lagi. Untuk mencapai matlamat tersebut, usaha akan diteruskan bagi meningkatkan produktiviti ladang melalui program pengurusan dan penyelenggaraan kawasan tanaman dengan lebih cekap, menggunakan teknologi terkini seperti menggunakan benih padi bermutu serta usaha-usaha bersepadu bersama jabatan dalam menaiktaraf infrastruktur pengairan.

Sub-sektor perikanan pula telah berkembang pesat dan telah menjadikannya satu industri yang moden, cekap dan bertaraf komersial. Penerokaan perikanan laut dalam sentiasa digalakkan memandangkan sumber perikanan pantai yang semakin pupus. Walaupun begitu hasil tangkapan ikan laut pada tahun 2000 telah melebihi keperluan dalam negeri di mana sehingga September tahun ini sebanyak 94,000 metrik tan ikan telah didaratkan dengan nilai RM300 juta. Menjelang akhir tahun adalah dijangkakan pendaratan sebanyak 130,000 metrik tan dengan nilai berjumlah RM415 juta dapat dihasilkan.

Di samping itu, bidang akuakultur juga telah mengalami perkembangan yang menggalakkan dan telah diusahakan secara komersial dengan penglibatan pihak swasta. Pada tahun ini adalah dijangka sebanyak 5,000 metrik tan ikan air tawar akan dihasilkan daripada projek ternakan ikan dalam sangkar. Kawasan-kawasan baru yang sesuai sedang dikenalpasti bagi menambahkan lagi kawasan ternakan termasuk potensi ternakan secara kurungan.

Manakala sub-sektor ternakan juga perlu dipertingkatkan khususnya bagi mencapai tahap keperluan sara diri, di mana pada masa ini pengeluaran hanya di tahap sara diri 39.82 peratus. Projek integrasi lembu di ladang-ladang kelapa sawit akan diperluaskan, di samping program pawah integrasi diperkenalkan dalam usaha meningkatkan jumlah ternakan lembu bagi memenuhi permintaan dalam negeri yang semakin bertambah. Untuk melaksanakan berbagai rancangan pembangunan di sektor pertanian pada tahun 2001 peruntukan sebanyak RM15,709 juta akan disediakan di bawah pelbagai agensi pertanian.

Dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang berterusan, salah satu bidang yang perlu diberi perhatian adalah pembangunan usahawan yang berkait rapat dengan sektor industri kecil dan sederhana. Usaha memupuk pembangunan serta taraf pencapaian usahawan dan kemudahan serta kemajuan peniaga-peniaga kecil hendaklah diteruskan. Selain dari berbagai jenis kursus yang telah diadakan, mereka juga telah diberikan berbagai kemudahan kredit yang mana hingga akhir Oktober 2000 seramai 40 usahawan/syarikat telah mendapat pembiayaan modal berjumlah RM2,216 juta dari Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu. Usaha juga sedang dibuat bagi menubuhkan Tabung Usahawan Kecil Negeri yang akan mengendalikannya skim pinjaman syariah berteraskan

11 DISEMBER 2000

konsep "Al-Qadrul Hassan" dan "Al-Musyaraka" dengan cadangan dana berjumlah RM10 juta. Di samping modal dan pengalaman, tempat perniagaan dan perusahaan yang lengkap dengan kemudahan akan disediakan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sesuai, dan bagi melaksanakannya peruntukan sejumlah RM3 juta akan disediakan.

Yang Berhormat, Tuan Yang Di Pertua.

Sejak hampir sedekad yang lalu, bidang pelancongan telah menjadi salah satu sumber ekonomi yang penting kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu dan ianya juga menjadi penyumbang penting kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Gabungan dari pelbagai perkhidmatan dan produk pelancongan yang menarik telah memberi kesan kepada tahap sosio-ekonomi dan perkembangan budaya kerana ianya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor perniagaan dan perkhidmatan yang lain.

Kerajaan Negeri akan menjadikan Negeri Terengganu sebagai model destinasi pelancongan Islam yang unggul serta dapat diterima oleh semua pihak termasuk pelancong dari dalam dan luar negara. Untuk mencapai matlamat tersebut semua pihak perlu memainkan peranan dalam merancang dan melaksanakan semua program pembangunan produk, prasarana, perniagaan, perkhidmatan dan promosi pelancongan yang berorientasikan pendakwaan, pendidikan moral dan pembangunan insan. Oleh itu penekanan akan dijuruskan kepada usaha memulihara, membangun, memperkenalkan serta mengeksport nilai-nilai kemasyarakatan, kebudayaan, institusi pendidikan dan ciri-ciri pemerintahan Islam di negeri ini sebagai produk pelancongan yang utama. Kegiatan dan aktiviti berkenaan akan dirancang dengan pelbagai bentuk perjalanan (siyahah) dan mengembara (sasar) seperti musafir, rehlah, ziarah dan riadah dalam suasana yang menarik, selesa dan selamat. Bagi menentukan pembangunan yang lebih pesat di sektor pelancongan yang akan memberi faedah langsung kepada segenap pihak yang terlibat maka peruntukan sebanyak RM4.530 juta disediakan untuk melaksanakan berbagai projek berkaitan pelancongan termasuk kemudahan asas, perkhidmatan dan perhotelan, rekreasi dan keindahan serta program menggalakkan perlancongan.

Dalam pada kita menumpukan kepada pelbagai rancangan pembangunan ekonomi dan fizikal, jangan kita lupa terhadap pembangunan serta keperihmatan ke atas kebajikan institusi kemasyarakatan. Berdasarkan hasrat tersebutlah Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bagi Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum yang bertanggungjawab melaksanakan segala program dan aktiviti kaum wanita serta hubungan kaum dengan lebih berkesan. Ke arah mencapai matlamat tersebut satu Jawatankuasa Induk Wanita Negeri Terengganu atau MAWADDAAH telah ditubuhkan dengan tujuan menjadikannya rangkaian perhubungan Kerajaan Negeri dengan semua peringkat pertumbuhan wanita di negeri ini. Selain dari itu Jawatankuasa ini juga berperanan menggerak, memantau dan bekerjasama dengan pertumbuhan-pertumbuhan wanita.

Berbagai program yang berbentuk kursus dan seminar telah dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan kepada kaum wanita berhubung aspek perundangan, kekeluargaan, penjagaan kesihatan, peluang-peluang kemahiran, memupuk sifat-sifat penyayang bagi mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat.

Bagi meningkatkan interaksi, persefahaman dan perpaduan antara kaum sebanyak 20 program perpaduan telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara. Selain dari itu kepimpinan negeri juga sentiasa mengadakan perjumpaan dari masa ke semasa dengan masyarakat bukan Melayu terutama kaum Cina bagi mengeratkan lagi hubungan antara kedua belah pihak di samping

11 DISEMBER 2000

mengadakan dialog untuk memberi penjelasan berhubung isu-isu semasa. Keharmonian institusi masyarakat yang berbilang kaum hendaklah terus dipertahankan dengan strategi utamanya adalah untuk memastikan aspek sosial diintegrasikan dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bagi mencapai matlamat perpaduan jangka panjang.

Yang Berhormat, Tuan Yang Di Pertua,

Untuk pembangunan perbekalan air pula saya mencadangkan peruntukan langsung negeri sebanyak RM9.423 juta disediakan dan peruntukan dari punca Pinjaman Pusat yang telahpun dipersetujui sebelum ini adalah sebanyak RM92.4 juta. Negeri mempunyai sumber air yang mencukupi yang boleh digunakan untuk keperluan domestik dan industri. Projek-projek menaiktaraf bekalan air yang sedang berjalan pada masa ini akan tetap diteruskan walaupun Kerajaan Pusat bertindak membekukan pengeluaran pinjaman berjumlah RM79 juta yang telah dimeterai. Projek-projek berkenaan dijangka siap pada tahun 2001 hingga 2002 dan dengan siapnya projek tersebut, Insya-Allah seluruh penduduk di negeri ini tidak akan menghadapi masalah bekalan air dan ianya akan mampu menampung bekalan sehingga tahun 2010.

Program pembangunan yang seperti dirancangan dalam pelbagai sektor adalah untuk menjamin keharmonian serta kemakmuran negeri, walaupun terpaksa menghadapi berbagai cabaran dan rintangan yang berpunca dari perbezaan ideologi politik, lalu timbul tindakan-tindakan membalas dendam dengan tujuan untuk melemahkan urusan pentadbiran negeri. Tetapi mereka lupa, tindakan-tindakan sedemikian telah meningkatkan lagi semangat dan keazaman kerajaan yang disertai dengan sokongan yang berterusan dari rakyat terhadap Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS untuk terus menjana pembangunan negeri menurut Islam. Semua program pembangunan yang akan dilaksanakan hendaklah mengutamakan matlamat pembangunan seimbang di antara duniawi dengan ukhrawi supaya dapat mewujudkan kalangan masyarakat yang beriman dan sentiasa bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah S.W.T. Saya yakin bahawa semua lapisan masyarakat akan meningkatkan lagi kecekalan dalam menghadapi berbagai rintangan demi untuk merealisasikan wawasan Negeri Terengganu untuk menjadi sebuah negeri yang maju berteraskan Islam, Insya-Allah.

Yang Berhormat, Tuan Yang Di Pertua,

Keberkesanan serta manfaat Belanjawan Negeri Tahun 2001 yang dibentangkan ini, adalah bergantung kepada komitmen dan sokongan semua pihak di samping kecekapan, ketelusan dan semangat bekerja yang tinggi di kalangan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri. Sesungguhnya Allah S.W.T. akan sentiasa menguji kita dengan nikmat kekayaan mahupun kepayahan sehingga ternyata siapakah di antara kita yang gigih berjuang dan tabah bersabar.

Akhirnya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang telah menjalankan tugas menabur khidmat bakti demi pembangunan dan kemajuan negeri ini. Penghargaan yang sama juga disampaikan kepada seluruh pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah memberi sokongan serta sama-sama berkhidmat dengan tekun dan berdedikasi. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh rakyat yang terus memberi kepercayaan dan dorongan terhadap dasar, dan wadah pemerintahan Kerajaan Negeri. Mudah-mudahan segala usaha kita akan diberkati dan diberi ganjaran rahmat serta digolongkan kita di kalangan orang-orang yang beriman lagi bersyukur kepada Allah S.w.T., supaya bertepatan dengan firmanNya dalam Surah An-Nahl:

11 DISEMBER 2000

من عمل صالحاً من ذكر أو أنثى وهو مؤمن فلنجيئه حياة
طيبه ونجزنهم أجرهم بأحسن ما كانوا يعملون (٩٧)
(التحل)

Yang bermaksud:

“Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan”.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua. Ahli Yang Berhormat sekalian untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru sebentar, saya dengan ini berhasrat untuk menangguhkan persidangan Dewan pada hari ini kepada hari esok, 12 Disember tahun 2000 pada jam 9.30 pagi. Dan sehingga esok 9.30 pagi, marilah sama-sama kita tangguhkan dengan baca *tasbih khifarak* dan *surahtul 'Ashr*.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.50 PAGI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 12 DESEMBER 2000**

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 12 DESEMBER 2000

Hari Selasa
12 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 43]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 47]
3. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Perbekalan (2001) 2000* [Muka 63]
[**PERBAHASAN**]

12 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURAJAYA

12 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

12 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,P.JN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

- Dengan Maaf

12 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

12 DISEMBER 2000

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan sama-sama membaca umul Quran – Al-Fatihah.

Tertib perjalanan Dewan hari ini dimulakan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya dengan ini mempersilakan Yang Berhormat Dato' Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama saya telahpun ditolak, soalan yang kedua –

Sila nyatakan berapakah jumlah Masjid dan Surau yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam tahun 2000?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Kemasik ingin tahu berhubung dengan berapakah jumlah masjid dan surau yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam tahun 2000?

Tidak ada masjid baru yang dibina sepanjang tahun 2000 kecuali surau, sebanyak 6 buah surau telah dibina sepanjang tempoh tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Adakah masjid yang ada di seluruh Negeri Terengganu telah mencukupi?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dari segi nak sembahyang sekarang ni kita tak dengarlah ada tempat yang tak boleh nak sembahyang kerana tak ada masjid. Walau bagaimanapun daripada semasa ke semasa kerajaan mengkaji supaya masjid-masjid yang lebih selesa akan dibina berdasar kepada keperluan-keperluan semasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan dan penjelasan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Ini bermakna bahawa masjid-masjid yang ada di seluruh Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu telahpun mencukupi?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, istilah cukup ni kita tengok dari sudut yang lebih luas. Oleh kerana, kalau kita kata dengan jumlah pertambahan penduduk masjid boleh digunakan tapi tidak mencukupi memerlukan tambahan ruang dan juga memerlukan kemudahan-kemudahan masjid baru yang lebih luas, yang lebih besar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bermakna keperluan yang diperlukan mengikut keadaan semasa cukup?

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Untuk sembahyang, kalau kita kata nak sembahyang sampai ke tanah tak dok masalahlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Mengapa ada sebahagian masjid di Negeri Terengganu belum lagi dibaiki sedangkan keperluan masjid itu amat penting bagi penduduk setempat. Contohnya, masjid di Kampung Nyiur, Paka.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bergantung kepada kajian kita. Dari segi kajiannya tentulah kita mengambil kira dari sudut keutamaan, mungkin Yang Berhormat sebutkan tadi Kampung Nyiur itu tidak mencukupi berbanding dengan jumlah jemaah. Tetapi mungkin ada tempat lain yang lebih mendesak, yang lebih mendesak yang memerlukan komitmen daripada kerajaan untuk membina masjid baru yang lebih penting daripada masjid yang disebutkan Yang Berhormat tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL CAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Guana Yang Berhormat ranyai sampai ke Paka?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebab ini menjadi sungutan daripada rakyat di kawasan Paka dan telahpun diadakan juga kepada saya. Sebuah masjid yang dipecat dindingnya untuk dibaiki, hanya masjid itu sebuah saja yang ada di Kampung Nyiur. Sehingga hari ini setelah dindingnya dipecat, tidak dilaksanakan pembakiaian sebagaimana yang dijanjikan sehingga masyarakat umat Islam di Kampung Nyiur terpaksa sembahyang di sebuah masjid yang tidak ada dinding dan menjadi halangan kepada mereka untuk beribadat ketika waktu hujan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Yang Dipertua, orang tak sembahyang atas dinding atas lantai.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau nak kira dari segi komplain zaman kerajaan Barisan Nasional dulu saya fikir lebih banyak. Kerajaan baru ni baru setahun, kerajaan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tujukan khas kepada masjid di Kampung Nyiur, Paka yang tidak ada dinding hari ni. Kalau hujan mari pias, mereka tidak dapat menunaikan ibadat terutama di bulan puasa dengan begitu selesa.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Mana Yang Berhormat Tuan Kerajaan tidak ada tindakan? Kalau kata kerajaan ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebab saya tahu keadaan masjid tersebut masih berkeadaan yang ada pada hari ini, orang panggil 'Masjid Cermin' tak ada dinding, kita boleh pergi tengok hari ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tidak bermakna kalau pembinaan ataupun ubahsuai masjid itu belum dibuat kerajaan tidak ada perancangan. Kerajaan sudah tentu ada perancangan cuma soal masa sahaja.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Masa Yang Berhormat, telah hampir 6 masjid tersebut dirobuhkan tapi tidak ada satu tindakan yang diambil untuk memperbetulkannya, termasuk Wakil Rakyat Paka itu sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Kampung Nyiur termasuk juga dalam kawasan yang saya ... yang saya tahu sedikitlah. Mungkin Yang Berhormat Kemasik dia lalu acap dia duduk tengok dinding tak dok tapi singgah saya dok tahu dia singgah sembahyang ke tidak ... (KETAWA) ... Jadi saya suka menyebut memang perkara ini pernah dibawa kepada kita dan masjid ni dalam pembaikan *renovation* dan sebagaimana dalam pembaikan dia makan masa sedikit. Dan bila makan masa tu makan masalah, cuma Yang Berhormat tanya bakpa 6 bulan? Ada masjid 3 tahun dok sudah. Ini atas keadaan yang memerlukan demikian. Jadi soal baik 3 hari

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya terima jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tapi jawapan yang diberi oleh Exco tadi mengatakan mengikut keperluan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk, Wakil Kemasik sila duduk sekejap dia tak habis jawab lagi. Sebelum Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan jawab selesai, saya beri peluang.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya dah sebut tadi memang dalam pembaikan dan dalam pembaikan ini akan memakan masa sedikitlah. Dan pihak To' Imam bagi tahu saya, dia kata insya Allah kita akan perbaiki berhubung dengan masalah masjid ni. Itu sajalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang begitu jelas berbeza dengan jawapan yang diberi oleh Exco yang pertama tadi.

Soalan yang ketiga –

Berapakah jumlah Pelabur-pelabur Asing yang telah melabur di Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Kemasik ingin tahu berhubung dengan masalah pelabur-pelabur asing yang melabur di Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000?

Saya suka menjelaskan soal pelaburan ini dalam bentuk yang lebih luas supaya dapat kita memahami senario pelaburan dan perkembangan ekonomi negara keseluruhannya. Bahawa dalam tahun 2000 bagi Negeri Terengganu hanya satu projek yang diluluskan lesen pengilang oleh MITI yang melibatkan pelabur asing. Sementara ada 6 yang melibatkan pelabur dalam negeri dan 26 lagi ialah melibatkan pelaburan yang telahpun kita meluluskan kawasan-kawasan bagi SMI. Dasar yang kita laksanakan sekarang ini kita memberi penumpuan kepada SMI. Kita menyedari bahawa pelabur asing khususnya FDI adalah suatu yang dialami oleh seluruh negeri kerana perkembangan ekonomi negara sebenarnya belum pulih sebagaimana yang selalu dinyatakan. Walaupun bukan

12 DISEMBER 2000

kata tak ada, ada berlaku. Jadi sebab itu dalam soal ini kita memberikan penumpuan kepada SMI di samping kita juga tidak menghentikan soal pelabur asing ni datang tetapi suka saya menegaskan inilah senario yang berlaku sekarang ini dari sudut pelaburan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Ada ke tidak pelabur-pelabur yang telah memberi persetujuan melabur di Negeri Terengganu pada tahun-tahun yang lepas tetapi membatalkan hasrat mereka dan berpindah ke negeri lain?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam perbincangan-perbincangan berhubung dengan soal pelaburan luar memang terdapat bahawa pelabur luar membuat pilihan sama ada nak pergi ... khususnya Pantai Timur, nak pergi ke Terengganu ke, nak pergi ke Pahang ke memang ada sesuatu yang seperti itu. Dan memang dalam perbincangan yang dibuat, setakat yang saya dimaklumkan ada barangkali oleh kerana kemudahan-kemudahan pelaburan yang ada di Kuantan menyebabkan ada pilihan kepada pelabur asing itu memilih Pahang lebih daripada Terengganu. Tetapi secara konkritnya secara terperinci belum lagi kita dapat satu angka yang jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan pertama –

Sejauh manakah kuasa yang telah diberikan kepada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) terhadap tanah-tanah Negeri Terengganu yang telah diserahkan kepadanya oleh Kerajaan Terengganu untuk dimajukan dan apakah ada perjanjian yang telah dibuat di antara keduanya.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jeritih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang dikehendaki diberi jawapan ialah berbunyi seperti berikut: Sejauh manakah kuasa yang telah diberikan kepada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah terhadap tanah-tanah Negeri Terengganu yang telah diserahkan kepadanya oleh Kerajaan Terengganu untuk dimajukan dan apakah ada perjanjian yang telah dibuat di antara keduanya?

Jadi bagi menjawabnya, di sini kita mesti mengetahui bilakah dan atas apa asaskah KETENGAH itu diwujudkan. KETENGAH diwujudkan di bawah Atka Parlimen No. 104 pada tahun 1973 mulai satu haribulan lima tahun '73. Tujuan Akta ini dan kuasa-kuasa yang diberi oleh Parlimen kepada KETENGAH ialah untuk membangunkan sosio-ekonomi di kawasan yang tertentu yang dihadkan kepada KETENGAH. Jumlah keluasan kawasan yang diberi kepada KETENGAH ialah seluas 653,264 hektar yang meliputi 3 buah daerah di Negeri Terengganu ini, iaitu daerah Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu. Ketetapan kawasan ini ialah diberi di bawah Seksyen 9 Akta 104 tadi, jadi kuasa-kuasa mengenai dengan pentadbiran, hartanah dan juga kuasa-kuasa yang dipunyai Kerajaan Negeri pada pandangan kasar saya, setelah saya meneliti undang-undang. nampaknya tidak diserahkan kepada KETENGAH. Tidak ada perjanjian, di sini kata sama ada

12 DISEMBER 2000

perjanjian di antara KETENGAH dengan Kerajaan Terengganu. Jawabnya tidak ada. Tapi yang adanya ialah satu Enakmen No. 17 tahun '72, yang mana Enakmen ini memberi kuasa kepada Kerajaan Terengganu untuk memindahkan kuasanya kepada KETENGAH dalam bahasa Inggeris *assignment of authority of powers to KETENGAH*. Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan ini pada 28 haribulan duabelas tahun '72 dan nombornya ialah 17/1972. Mengikut seksyen 4 dan 5, Kerajaan Terengganu iaitu *Ruler in Council* kata dia, Excolah maknanya, *Ruler in Council* boleh dengan secara *order* dengan secara perintah menyerah kuasa kepada Lembaga iaitu kepada KETENGAH, mana-mana tugas dan juga kuasa Kerajaan Negeri dan juga yang dipunyai oleh pegawai-pegawai kerajaan kepada Lembaga. Penyerahan itu dengan secara *by order*. Saya telah membuat sedikit penyelidikan nampaknya tidak ada *order* yang dibuat. Yang demikian, tidak ada penyerahan kuasa Kerajaan Negeri Terengganu kepada KETENGAH.

Kemudian seksyen 5 pula berkata, *The Ruler in Council* iaitu Kerajaan Negeri boleh maknanya ada kuasa untuk melantik KETENGAH sebagai menjadi Pentadbir Tanah, *Collector of Land Revenue*. Di sini juga saya tengok, saya *check* tengok, tidak ada juga kuasa, tidak ada juga pelantikan dibuat yang mengatakan KETENGAH menjadi sebagai *Collector* atau menjadi sebagai Pentadbir Tanah. Jadi maknanya di sini, teranglah bahawa kuasa-kuasa Kerajaan Terengganu tidak terjejas masih lagi dipunyai Kerajaan Terengganu, KETENGAH tiada berhak menjalankan mana-mana tugas dan kuasa Kerajaan Negeri Terengganu. Yang adanya KETENGAH ialah dia bertugas di bawah Aktanya sendiri iaitu Akta 104 tahun '73. Tetapi sedikit pelik di sini, KETENGAH itu diwujudkan pada tahun 1973 tapi Enakmen Negeri Terengganu yang hendak memberi kuasa kepada KETENGAH itu diwujudkan pada tahun '72. Jadi, maknanya beri kuasa tu kepada suatu perkara yang belum ada lagi wujudnya. Ini satu pelik, jadi seolah-olah Terengganu ni nak beri sangat kuasa ni kepada KETENGAH.

Kemudian KETENGAH punya, kuasa-kuasa yang KETENGAH ni ialah bermacam-macam panjang disebut cerita dia, tapi ialah semata-mata nak membangunkan sosio-ekonomi di kawasan itu. Dan dia mestilah meliputi *area* yang tertentu, kawasan yang tertentu dan di sini pada pandangan kasar saya di sini, saya berasa ragu mengenai dengan *constitutionality* kewujudan KETENGAH ini. Kerana mengikut Perlembagaan, jikalau terutama sekali Article 92 dia mengatakan *national development*, jikalau *national development* hendak diadakan di mana negeri hendaklah melalui beberapa peringkat. Yang pertama sekali peringkat pakar, mesti membuat kajian, membuat pengakuan dan perkara ini mesti dipersetujui oleh *National Land Council* dan juga oleh *National Finance Council*, yang mengatakan satu kawasan itu hendaklah didirikan atau dimajukan. Dan dengan sebab itu jikalau ada persetujuan itu barulah Yang di-Pertuan Agong membuat satu *declaration* mengatakan kawasan-kawasan yang tersebut hendaklah didirikan sebagai *National Development*. Dan selepas dibuat semacam itu, barulah Parlimen boleh ada kuasa meluluskan undang-undang yang meliputi tanah negeri-negeri yang tersebut untuk mewujudkan satu Lembaga untuk menjalankan apa yang dipersetujui oleh pakar-pakar yang tersebut. Dan undang-undang itu sendiri mesti menyebut semua ini, kena ada *resettle* menyatakan pakar kata begini, *National Land Council* kata begini, *National Finance* kata begini dan semua mesti disebut. Kalau tidak, perbuatan ini sudah menyalahi Article 92, Perlembagaan Malaysia. Jadi, di sini saya berasa ragu sedikit mengenai kewujudan KETENGAH ini.

Sekianlah, terima kasih.

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Benarkah kawasan takungan air Kenyir dan sekitarnya tidak termasuk dalam gazet yang dikatakan 650,000 hektar itu?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jawabnya benar, kawasan yang termasuk ... kawasan asal ialah 444,065 hektar kemudian ditambah lagi 209,199 hektar itu kawasan Kenyir. Itulah jumlahnya menjadi 653,264 hektar.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan. Kalau benar tidak termasuk, benarkah sekarang kawasan takungan air Kenyir itu diserahkan sama ada mulut atau tidak untuk diusahakan oleh KETENGAH?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya tidak tahulah sama ada kawasan air itu diserahkan ataupun tidak tetapi dikata 'kawasan Kenyir'. Di mana kawasan tu, wallahualam.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan. Adakah benar KETENGAH boleh meluluskan permohonan tanah di sekitarnya atau di bawah usahanya?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Tak bolehlah, saya dah bagi tahu dah tadi. Jadi, Kerajaan Terengganu sungguhpun diberi kuasa untuk menyerahkan kuasanya kepada KETENGAH tapi tidak ada penyerahan itu dibuat dan tidak adapun pelantikan KETENGAH itu sebagai Pentadbir Tanah. Tentang memungut hasil dan sebagainya hendaklah *Collector of Land Revenue* yang berkenaan dan juga berkenaan dengan kelulusan *alienation* kepada tanah-tanah itu ialah Exco sendiri.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya peranan KETENGAH terhadap kuasa ... kuasa KETENGAH terhadap bangunan-bangunan yang dibina oleh KETENGAH termasuklah padang bola, dewan orang ramai dan sebagainya yang berada di dalam kawasan KETENGAH yang kebanyakannya dihalang walaupun oleh pihak Kerajaan Negeri menggunakannya. Dan ini menimbulkan kesulitan yang cukup besar kepada saya dan juga kepada penduduk di dalam DUN Bukit Besi kerana seluruh kawasan DUN Bukit Besi ini berada di dalam kawasan KETENGAH. Dan kalau di bandar Durian Mas itu sendiri, Bandar AMBS padang bola tidak boleh dibina yang lain melainkan yang ada dibina oleh KETENGAH saja dan bangunan-bangunan dewan orang ramai juga begitu. Jadi, kalau bangunan-bangunan ini tidak dibenar, dipakai guna oleh pihak Kerajaan Negeri maka amat sukar bagi kita sehingga pernah berlaku pada Exco kita sendiri dihalang untuk menggunakannya di kawasan Ketengah Jaya. Minta penjelasan.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Untuk memberi penjelasan yang semacam itu, kita kena cari status iaitu kedudukan, bagaimanakah kedudukan balai-balai itu, atas tanah siapa. Adakah tanah yang mana balai atau dewan itu didiri masih lagi kepunyaan Kerajaan Negeri Terengganu atau sudah dialiagnatekan kepada KETENGAH. Jadi untuk nak menjawab perkara yang sebegini detail yang semacam ini tentulah kita mesti duduk mencari, melihat rekod-rekod yang sebenar. Untuk pagi ini saya hanya menjawab kedudukan KETENGAH ini saja. Bahkan ini kali pertama saya tahu berkenaan dengan KETENGAH ini. Jikalau nak tahu dengan detail insya Allah boleh, kita buat satu *study*, satu kajian

12 DISEMBER 2000

mengenai KETENGAH ni. Setakat mana yang saya pandang berkenaan dengan KETENGAH ini, KETENGAH ini ialah satu agensi Kerajaan Pusat tidak kena mengenai dengan Kerajaan Terengganu. Kerana apa, Ketua dia, *Chairman* dia ... dia ada Lembaga itu dia ada *Chairman* dia, Pengerusi dia di bawah Pengerusi dia, dia ada pula *General Manager* dia dari sungguhpun dalam Lembaga itu ada Wakil daripada Terengganu tapi setakat yang saya diberitahu, tidak dilantiknya wakil dari Terengganu. Jadi 100% KETENGAH agensi Kerajaan Pusat yang duduk bertualang di Negeri Terengganu ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat Wakil Jertih memerlukan kepada notis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Jertih): Yang Berhoramt Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau begitu keadaannya, apakah tindakan Kerajaan Negeri pada hari ini?

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Kita sedang mengkaji perkara ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Berapakah jumlah ajaran sesat yang dikesan diamalkan di negeri Terengganu, apakah ciri-ciri ajaran sesat dan apakah langkah-langkah kerajaan membasminya?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan dan saudara hadirin dan hadirat sekalian. Soalan pertama ini berbunyi: Berapakah jumlah ajaran sesat yang dikesan diamalkan di negeri Terengganu, apakah ciri-ciri ajaran sesat dan apakah langkah-langkah kerajaan membasiminya?

Ada tiga, yang pertama berapa jumlah. Setakat ini kita tidak dapat nak catat berapa jumlah, tiga ke, tujuh ke. Jumlah sebenar dalam kajian. Yang keduanya, ciri-ciri, ciri ni banyak juga di antara ciri-ciri ajaran sesat ini, orang kata "agama Islam ni tidak kena mengena dengan politik," itu satu ciri. Ada ciri yang lain orang kata "dia buat Kaabah kampung dia, dia tawaf," ada juga, satu ciri. Dan ciri-ciri yang lain lagi tu, banyaklah saya sebut satu dua saja. Dan yang ketiganya, bagaimana langkah kerajaan nak mengatasi perkara ini. Sekarang pendekatan yang kita ambil melalui tiga perkaralah ... salah satu daripada tiga, kalau tak berjaya salah satu tiga-tiga sekali gus. Di bawah kerajaan baru untuk jangka masa panjang, untuk membendung ataupun menyekat berlaku ajaran sesat melalui pendidikan, yang mengatasi keadaan yang ada ni melalui dakwah. Kita menjalankan aktiviti dakwah untuk memperbetulkan fahaman-fahaman yang salah atau ajaran salah. Dan yang ketiganya, kalau kedua-dua ni tak berjaya maka ketiganya penguatkuasaan, insya Allah.

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa kata-kata yang memperkecilkan hukum Allah seperti "saya tidak benarkan hukum Islam dilaksanakan di negara ini," atau "saya tidak mahu melihat negara yang kita bina selama ini menjadi hancur kerana pelaksanaan Islam," merupakan ungkapan yang cenderung kepada ciri-ciri ajaran sesat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu cirinya ... itu saja.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SIAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Apakah kerajaan negeri bercadang mengkaji semula perubahan-perubahan yang membabitkan perbelanjaan tambahan, ekoran penarikan balik royalti petroleum oleh kerajaan Pusat?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Rantau Abang ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula perubahan-perubahan yang membabitkan perbelanjaan tambahan, ekoran penarikan balik royalti petroleum oleh Kerajaan Pusat.

Bagi menjelaskan perkara ini, saya mohon supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat melihat buku anggaran belanjawan yang dibentangkan sekarang dan bandingkan dengan tahun 2000, kita akan dapat melihat perbezaan-bedaan itu secara terperinci. Sebagai panduan, tahun 2001 belanjawan yang kita sedang bahaskan sekarang, senarai anggaran perbelanjaan tanggungan dan seterusnya beberapa muka kita melihat ada dua kategori yang diletakkan: satu yang diletakkan 'bintang' *asterisk*, satu yang kosong. Yang diletakkan 'bintang' itu ialah perbelanjaan yang insya Allah kita mampu dengan kewangan yang ada dibelanjakan tanpa royalti. Adapun yang tiada 'bintang' itu, kita masukkan royalti ini menjadi hak Negeri Terengganu. Dan kalaulah royalti yang telah dirompak itu diberi balik oleh perompak, barangkali tak ada masalah kita menghadapi tahun 2001 ni, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SIAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Melihat kepada kewangan Kerajaan Negeri yang terbatas, adakah kerajaan bercadang untuk membekukan pengambilan kakitangan baru ataupun mengurangkan kakitangan yang ada, ataupun dengan kakitangan sambilan bagaimana keadaan mereka?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pihak pentadbiran sedang mengkaji perkara ini dan kita dapati dalam setengah-setengah sektor dalam pentadbiran kita ini memang mengalami lebih tenaga pun yang boleh diagihkan berdasarkan kaedah-kaedah tertentu dalam yang lain. Adapun pembekuan tidak menjadi polisi di mana-mana jawatan yang memang diperlukan itu akan disi. Terima kasih.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Terima kasih. Soalan yang kedua –

Adakah peruntukan pembangunan kepada semua Wakil Rakyat negeri ini telah diguna pakai?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua daripada Yang Berhormat Rantau Abang ingin mengetahui semua peruntukan pembangunan kepada Wakil Rakyat negeri ini telah diguna pakai.

Untuk maklumat Dewan ini, kesemua Yang Berhormat telah menggunakan peruntukan pembangunan itu sama ada menghabisi semua ataupun sebahagian daripadanya, kecuali dua orang Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Seberang Takir dan Ladang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan. Kita melihat ketelusan kerajaan negeri yang membahagikan peruntukan kepada Wakil-wakil Rakyat bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga daripada pembangkang yang tidak dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di negeri-negeri lain. Adakah kerajaan bercadang untuk masa akan datang untuk meneruskan juga peruntukan kepada wakil pembangkang? Perhatikan sebahagian sikap mereka yang menindaskan masyarakat dengan mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat supaya menukar royalti kepada 'ihсан'.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, polisi kerajaan telah beberapa kali dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bahawa tidak mempunyai polisi 'balas dendam' sebagaimana orang lainlah. Dan sebab itu soal ini kita teruskan bagaimana yang ada. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa mungkin setengah wakil tidak memerlukan bantuan ini, kita kajilah tengok kerana mungkin ada duit lain yang lebih banyak. Kita tengok keadaan ini, kita kaji perkara ini insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Berapakah luas tanah yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) di seluruh negeri Terengganu dan berapakah daripadanya yang sudah ada peneroka?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah peneroka tanah rancangan LKTP ataupun Felda yang mendapat hakmilik tanah ialah seramai 5,428 orang. Manakala bilangan peserta Felcra yang belum mendapat hakmilik tanah ialah seramai 2,171 orang. Adapun sebab-sebab kelambatan mendapat hakmilik ini, saya fikir adalah kehendak daripada

12 DISEMBER 2000

Kerajaan Negeri itu sendiri dan juga sedikit masalah yang berkaitan dengan bidang kuasa Felda dan Felera. Oleh kerana itu, sekiranya kehendak daripada Kerajaan Negeri untuk memberi hakmilik ini betul-betul ada maka insya Allah akan dapat diselesaikan. Maka kerajaan yang ada sekarang ini bercadang untuk memberikan hakmilik kepada peserta-peserta ini sama ada kepada Felda ataupun Felera dengan seberapa segera apabila selesai masalah-masalah teknikal tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berasa kesilapan Exco memberi jawapan. Soalan yang ditanya berapa luas tanah yang dimajukan oleh Felda dan juga Felera.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ni bertukar nombor ni Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta maaf.

Soalan Yang Berhormat Langkap tadi ... dia ada dua sebenarnya, soalnya lebih kurang sebenarnya. Minta maaf, satu Yang Berhormat Bukit Besi, satu Yang Berhormat Langkap. Jadi, berapakah tanah yang dimajukan oleh ... izinkan saya Yang Berhormat, berapakah luas tanah yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Pemulihan Tanah Persekutuan (Felera) di seluruh Negeri Terengganu dan berapakah daripadanya yang sudah ada peneroka?

Luas tanah yang dimajukan oleh Felda ialah 33,611.47 hektar bersamaan 83,020.33 ekar dengan peneroka sebanyak 7,493 orang. Manakala luas tanah yang dimajukan oleh Felera ialah 23,560.01 hektar bersamaan 58,193.22 ekar yang peneroka seramai 5,125 orang. Saya ingat itu saja, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kalau kita tengok daripada keluasan tanah dan juga keramaian peneroka maka kita rasa tidak samalah. Jadi soalan saya, apakah ada rancangan Kerajaan Negeri untuk memasukkan peneroka yang baru kepada tanah-tanah lot yang belum lagi diagihkan kepada peserta?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Sebelum daripada saya beri jawapan itu, saya nak beri sedikit gambaran ringkas. Rancangan tanah Felda yang tidak dimasukkan peneroka sebanyak 10 buah dan keluasannya ialah 13,350.16 hektar. Sekiranya rancangan ini menempatkan peneroka ia akan menampung seramai lebih 3,000 peneroka. Sementara rancangan tanah Felera yang tidak diisi peserta ialah seluas 7,312.231 hektar dan kalau diisi peserta akan menampung seramai, kalau diberikan 2 hektar setiap orang akan menampung seramai 3,756 orang. Memandangkan kepada jumlah peserta dan peneroka yang boleh diisi maka sesungguhnya kerajaan telah melihat kepentingan untuk mengisikan peserta kepada Felera. Namun begitu, yang berkaitan dengan Felda dia telah diletakkan di bawah apa yang disebut sebagai *Felda Plantation Sdn. Bhd.* itu maka kerajaan sedang mengkaji untuk mendapat kepentingan daripada jumlah lebih daripada 10,000 hektar atau 13,000 hektar tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Setujukah kalau saya katakan bahawa satu pelanggaran persefahaman dari sudut konsep agensi-agensis tersebut dalam memajukan tanah Kerajaan Negeri Terengganu? Sekian, terima kasih.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang telah berlaku pelanggaran syarat dan perjanjian dengan Kerajaan Negeri. Di mana 9 projek yang mempunyai lebih daripada 10,000 hektar tadi yang tidak dimasukkan peserta dan tanah-tanah ini dimajukan mengikut perjanjian di antara kedua-dua pihak adalah di bawah Akta Penempatan Beramai-ramai ataupun *Group Settlement Act '60*, yang sepatutnya diisi dengan peneroka-peneroka supaya syarat-syarat pelupusan tanah di bawah Akta di atas, iaitu Fasal 4, 5 dan 6 boleh dilaksanakan. Senarai projek-projek Felda yang diuruskan oleh *Felda Plantation Sdn. Bhd.* dan segala keuntungannya telah menjadi milik agensi ini dan telah membelakangkan perjanjian dengan Kerajaan Negeri. Sepatutnya diisi dengan peserta tetapi sekarang tak diisi maka segala hakmilik menjadi milik agensi. Memang telah berlaku pelanggaran syarat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Sila nyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani gejala sosial yang melanda remaja di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berbagai langkah telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani gejala sosial di kalangan remaja secara menyeluruh menerusi agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Unit Pembangunan Insan, Yayasan Pembangunan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Belia dan Sukan; merangkumi bukan saja aspek mendidik, mencegah, memperbetul dan memulih melalui pendidikan formal yang sedia ada tetapi juga aspek kesepaduan dan kesepakatan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan sukarela. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bersetuju kalau saya katakan bahawa masalah gejala sosial yang berlaku pada hari ini adalah saki baki peninggalan Kerajaan BN yang memerintah.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memanglah kita tidak dapat nafikan bahawa kesan daripada gejala sosial yang berlaku, yang berterusan sehinggalah kepada kerajaan pada hari ini yang mengambil tindakan untuk mengatasinya. Ini satu beban yang bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi tanggungjawab semua pihak untuk menangani kesan daripada atau warisan peninggalan kerajaan dahulu.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Kelantan di dalam menangani gejala sosial ini?

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang peringkat sekarang ni kita dalam perbincangan untuk mengadakan satu kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial di kedua-dua buah negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Ajil.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Benarkah Pesuruhjaya Hisbah Negeri Terengganu setaraf dengan pegawai JUSA C.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHID SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang dikehendaki dijawab oleh saya iaitu benarkah Pesuruhjaya Hisbah Negeri Terengganu setaraf dengan pegawai JUSA C. Sebelum daripada saya menjawab soalan ini, oleh kerana orang yang berkenaan, iaitu Pesuruhjaya Hisbah Negeri Terengganu telah meninggal dunia dalam masa dua minggu yang lepas, saya menjemput segala yang hadir di sini membaca Fatimah hadiah kepada Allahyarham - Al-Fatihah. Terima kasih

Jawapannya begini. Allahyarham telah dilantik belum lagi dengan secara rasmi kerana Undang-Undang Hisbah belum lagi diluluskan, dilantik sebagai *defacto* menjadi Pesuruhjaya Hisbah pada 2 haribulan Julai tahun ini. Ia dilantik bukan sebagai pegawai tetap, sebagai *public officer* yang tetap *permanent officer* tapi ia dilantik dengan secara kontrak. Dan gaji yang dibayar kepadanya ialah sebanyak RM5,072.10. Inilah gaji yang dia akhir sekali menerima semasa dia dalam jawatan dahulu. dahulu dia menjadi Pegawai *Judicial and Legal Officer*, Pegawai Kehakiman dan Pegawai Undang-Undang tapi dia telah bersara dan gaji akhirnya ialah RM5,072.10. Yang demikian, dia dilantik pada 2 haribulan Julai tahun ini dengan secara kontrak dan itulah gaji yang dibayar. Tentang sama ada setaraf tidak setaraf dengan JUSA C, tentu tidak setaraf kerana JUSA C gajinya RM5,478.00 dan menaik kepada RM6,622.00. Jadi dia tidak setaraf dengan JUSA C.

Kalau nak kira setaraf mungkin dari segi gaji setaraf dengan Kategori I.1, iaitu gajinya di antara RM4,020.50 hinggalah RM5,072.10. Itulah dia setaraf lah jadi pasal gajinya dari segi kerjanya dan tugasnya memang tidak setaraf, lain sama sekali. Jadi soalnya sekarang bagaimana kita nak mencari orang yang boleh menjalankan kerja ini, penuh dengan *competence* dia dan *integrity* dia. Jadi kita sedang mencari-cari orang yang semacam ini, mungkin kita tidak boleh dapat orang dengan sekejap masa saja, ini akan mengambil masa. Sekianlah, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Pesuruhjaya ini berasal dari mana?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHID SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Dia ni orang Malaysia bukan orang luar negeri. Dia berasal daripada Tanjung Piandang dan dia satu orang yang baik sehinggalah sebelum daripada dia meninggal dunia, lebih kurang satu bulan sebelum daripada dia meninggal dunia, oleh kerana dia sakit tidak boleh bekerja dia telah memberitahu Setiausaha dia bahawa dia tidak nak menerima gaji dia kerana dia kata dia sakit.

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tanjung Piandang tu di Besut ke ataupun mana tu?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Ini cakap menyindir ni, tak baik cakap begitu. Saya *object* cakap macam ini. Tanjung Piandang bukan di Besut.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tanya negeri mana? Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Tanjung Piandang, Negeri Perak bukan Negeri Besut. Takkanlah tak tahu *geography*.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi oleh kerana berasal daripada Negeri Perak, adakah tidak ada rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan untuk jawatan ini Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jikalau ada di Ajilpun saya boleh cari.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jawab soalan Tuan Yang Dipertua. Jadi itu persoalannya, maknanya dalam ramai-ramai rakyat Negeri Terengganu ni adakah tidak ada seorang pun yang layak memegang jawatan setinggi ini di Negeri Terengganu? Itu persoalan.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Kalau Ahli Yang BERTHORMAT ada orang, sila beritahu kepada saya siapa itu? Saya boleh terima orang tu atas nilai-nilai yang kita buat. Jikalau ada orang, sila beri nama.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Insha Allah, saya akan cari. Terima kasih, Yang Dipertua. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalan kedua -

Betul atau tidak seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri terlupa membaca fatihah dalam rakaat kedua sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Lingai pada 15.9.2000?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan yang kedua tu, tidak betul.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, setahu saya peristiwa ini memang benar-benar berlaku pada tarikh yang dinyatakan sebab itu saya soalan ini. Jadi kalau soalan ini dijawab dengan 'tidak betul' maka itu suatu pembohongan kepada Dewan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, saya jawab ikut soalan. Saya baca semula soalan: Betul atau tidak seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri terlupa membaca fatihah? Sebab tu saya kata tak dok, tak dok hak lupa baca Fatihah. Jadi, kalau ada orang tahu dia terlupa ke dok terlupa dia tu sendiri. Jadi, kalau nak

12 DISEMBER 2000

jawab hak lain boleh tapi saya jawab soalan itu. Makna berlaku satu peristiwa di mana dalam satu sembahyang Jumaat yang dikatakan 15 haribulan sembilan 2000 itu di Kampung Lingai, memang berlaku salah seorang Ahli Exco pergi ke situ membaca khutbah dia sembahyang jadi Imam. Rakaat yang pertama dibaca fatihah secara *jahrum*, rakyat kedua dia baca fatihah secara *sirum*. Jadi *jahrum* itu sunat, dia bukan wajib baca *sirum* pun boleh juga. Tapi oleh sebab orang kampung tu berasas kepada pendidikan biasa tidak rajin dengar ... memanglah baca *sirum* ni orang dok dengar. Dok rajin berlaku macam ni, jadi dia buat kecoh.

Ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ni salah satu cara *Fan At Tasyrei*, cara seni memberi penjelasan hukum daripada seorang Exco itu ... (KETAWA) ... sebab dia mengambil kira Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia ambil kira apa yang berlaku zaman Rasulullah s.a.w. Sekali Rasulullah sembahyang zohor, biasa sembahyang empat rakaat, sekali tu dia sembahyang dua rakaat. Sudah dua rakaat, salamualaikum ... salamualaikum. Jadi sahabat-sahabat ni "nak buat guana ni Rasulullah sembahyang dua rakaat beri salam dah." Jadi oleh sebab itu sahabat tanya:

أَقْصَرْتُ الصَّلَاةَ أَمْ نَسِيتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ

Sembahyang ni *qosar* ke, ke Rasulullah lupa? Rasulullah pun fikir semula, Rasulullah jawab: Dua-dua dok berlaku, berlaku *sirr* – kalau tidak *qosar*, lupa. Jadi pada masa itu lupa, jadi tambah dua rakaat lagi itu *litasrek*. Nak tunjuk kalau lupa begitu macam mana, tambah pula dua lagi.

Jadi pada Exco kita ni, dia baca perlahan. Jadi orang kampung kata "macam mana baca perlahan ni tak baca perlahan ni, lupa?" Baca perlahan tak apa, sah juga *jahar* itu sunat saja. Saya ni bagi orang tak tahu memang susahlah, peringkat pertama. Peringkat kedua dok apalah, insya Allah. Saya nak cerita ni, orang dok tahu ni saya sembahyang tarawikh selepas empat rakaat tu saya baca doa selalu. Sekali tu saya takut orang kata wajib baca doa, saya pun dok baca doa. Naik atas rumah anak saya hak umur 12 tahun dia kritik saya "guana Abah tidak baca doa selepas empat rakat tadi?" Anak saya wajid dia ingat, saya kata "dok wajid Awang, sunat saja," saya jawab. Tu cara, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Tuan Yang Dipertua. Saya nampak jawapan tu telah lari daripada apa yang ditanya. Dan persoalannya, kenapa selepas terlupa baca fatihah, Imam tersebut telah wujud sahwi sedangkan baca fatihah suatu rukun?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil tu dia bekas mengaji sekolah agama juga sepatutnya dia tahu di antara 'lupa' dengan saya kata dengan baca 'se'. Hak dia kata lupa tu baca fatihah, saya kata tidak berlaku. Yang berlaku baca secara *sirum*, secara senyap. Nanti dulu nak jawab ini ... apabila dia baca *sirum*, lepas pada tu dia nak ... oleh sebab baca *jahar* itu sunat saja dan lepas pada tu dia baca *sirum*, dia sujud sahwi. Nak tanya bab sujud sahwi, kemuka soalan lain.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Setakat yang saya tahu sujud sahwi itu ialah apabila kita tertinggal sunat *adbaad*, ni apabila tertinggal rukun kalau telah dibaca fatihah ertinya tak perlu lagi sujud sahwi. Jadi, di sini kenapa berlaku sujud sahwi? Itu persoalan.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, dok faham lagi saya cakap, kita kata bukan dok baca fatihah, baca *sirum*, baca kohor. Jadi bila baca kohor, baca *jahrum* itu sunat. Bila dia baca *sirum* meninggalkan sunat, jadi lepas pada tu boleh sujud sahwi. Nak sujud sahwi pun dok apa, tak nak sujud sahwi pun dok apa. Kalau kita sembahyang subuh, qunut sunat, kalau kita terlupa baca qunut kita boleh sujud sahwi. Tak nak sujud sahwi pun tak apa. Kalau kita sengaja tinggal pun hak dok sunat, sengaja tinggal malas-malas nak baca qunut dan ganti dengan sujud sahwi, tak apa lagi. Orang nahu kata, pasal sujud sahwi ni benda sunat saja, buat dok apa tak buat pun tak apa. Orang nahu kata:

الكبير لا يكبر والصغير لا يصغر

Hak besar dok payah dibesarkan, hak kecil dok payah kecil lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, saya nampak Ahli Yang Berhormat cuba mempertahankan keadaan ini, dalam keadaan bulan puasa. Cuma saya kurang berpuas hati kerana apa yang saya dimaklumkan dan belajar di segi agama lebih kurang bahawa dalam rukun sembahyang ada tiga, rukun *fekli*, *quali* dan *quabil*. Jadi kalau baca senyap, saya tidak tahu masuk dalam rukun mana?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, baca kuat, baca barang ni, kalau sembahyang siang hari zohor, asar tu dia sunat baca senyap. Sunat baca senyap bukan wajib baca senyap. Baca fatihah wajib tapi *sirum* itu sunat, kalau nak baca kuatpun ... Bismillahi rahmani rahim ... dok apa sah juga sembahyang. Begitu juga sembahyang Jumaat, sembahyang-sembahyang siang hari yang disunatkan baca *jahrum* tapi dia nak baca *sirum*, dia punya pasal ni *tasrek* bukan terlupa baca fatihah. Jangan silap. Jadi kita kena faham hak mana sunat hak mana wajib. Ke sembahyang selama ni ingat ke wajib hak tu? Beratlah kita.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Cuma ingatan saya:

من غشنا فليس منا

Siapa yang menipu bukan dari golongan aku.

Seterusnya soalan yang ketiga, Tuan Yang Dipertua:

Apakah rasional dan justifikasi kerajaan negeri mencatu makanan pelajar asrama Sekolah-sekolah Agama Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada maklumat yang salah yang disiarkan oleh akhbar maka timbul satu soalan yang berbunyi: Apakah rasional dan justifikasi kerajaan negeri mencatu makanan pelajar asrama Sekolah-sekolah Agama Negeri Terengganu?

Jawab dia, tidak ada pencatuan tapi salah sangka orang surat khabar. Saya nak terang begini, cara pelajar-pelajar asrama ni diberi makan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganunya, yang pertamanya dia bekal dengan bahan-bahan mentah. Bahan mentah biasa seperti daging, sayur

12 DISEMBER 2000

RM3.00 sehari yang kerajaan bayar. Kemudian bahan-bahan kawalan beras, gula, minyak, gas dan lain-lainnya, itu RM2.00 sehari campur dua tu jadi RM5.00. Kemudian gaji tukang masak pula RM2.00 sehari jadi RM7.00. Jumlah semua RM7.00, makna budak boleh makan tu habis RM7.00 bukan habis RM3.00. Jadi silap faham bila Pejabat Agama buat Surat Pekeliling kepada Pengetua-pengetua jangan beli barang-barang mentah tersebut seperti sayur dan sebagainya tadi, jangan lebih daripada RM3.00 kalau lebih daripada RM3.00 kita kena tambah pitis lain lagi. Dia duduk ingat RM3.00 tu saja. Jadi, asrama lain bekal makanan RM4.50, RM4.60, RM5.00 barang masak dah, kita daripada semua jumlah sampai budak boleh makan maknanya RM7.00 sehari. Sebab itulah orang cakap belaka makanya asrama pelajar-pelajar Terengganu ni, pelajar-pelajar duduk di asrama ni gemok-gemok, sihat-sihat belaka sebab makanan banyak.

YANG BERTUHUTU YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Bertuhutu, masa untuk soalan lisan telahpun tamat dan semua soalan-soalan yang masih belum dijawab untuk pagi ini akan disusuli dengan jawapan bertulis, msya Allah.

Yang Amat Bertuhutu dan Ahli-ahli Yang Bertuhutu sekalian, Dewan diteruskan di mana kelmarin, pada pagi kelmarin satu Rang Enakmen Perbekalan dua kosong-kosong satu ataupun 2001 untuk bacaan kali kedua telah mendapat sokongan yang telah dibentang oleh Yang Amat Bertuhutu Menteri Besar. Maka sekarang saya buka untuk perbahasan. Dipersilakan -

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, para pemerhatian, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertamanya Alhamdulillah, saya mengucapkan berbanyak syukur kepada Allah s.w.t. kerana pada hari ini dapat saya sama-sama diberi kesempatan oleh Allah s.w.t. bagi memberikan pandangan, memberikan ucapan menyentuh tentang Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar kelmarin. Dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada saya pada pagi ini. Dan juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar kerana berjaya dalam Ucapan Belanjawan 2001 bagi membentangkan satu Rang Undang-Undang, Enakmen Perbekalan bagi 2001 yang merupakan satu belanjawan yang berasaskan kepada dasar dan prinsip perjuangan hasil daripada sokongan rakyat kepada Barisan Alternatif, iaitu meletakkan belanjawan kita berteraskan kepada Islam yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Dalam mencari keredhaan Allah s.w.t., Alhamdulillah kita melihat satu belanjawan yang merupakan belanjawan yang berhemah bagi menangani di masa ke depan agar ianya menjamin kestabilan negeri kita yang kita kasihi dan yang kita cintai ini, insya Allah. Belanjawan yang dibentangkan ini merupakan satu belanjawan yang dinanti oleh semua pihak sama ada kawan ataupun lawan. Dan mereka sememangnya berhasrat untuk melihat bagaimana Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman akan mengurus dan mentadbir Negeri Terengganu Darul Iman tanpa royalti. Tetapi sebagaimana hak yang telah diperuntukkan yang sepatutnya dijamin oleh undang-undang dan sebagainya walaupun ia sebagaimana disebut telah dirompak dan dirampas oleh Kerajaan Pusat tetapi kita melihat paling kurang belanjawan ini memberi satu jawapan kepada golongan-golongan tertentu yang mempersoalkan tentang hasil royalti yang dibimbangi akan diselewengkan oleh pemimpin-pemimpin khurusnya bagi Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Selama ini kita mendengar dari kalangan pemimpin-pemimpin tertentu, yang turun ke kampung-kampung dan sebagainya mempersoalkan ke manakah pergi RM434 juta royalti peringkat awal yang dibayar kepada Negeri Terengganu Darul Iman. Dan kita tidak akan memberi royalti itu kerana kita tidak tahu ke mana ia akan dibelanjakan. Jadi, pada hari ini Alhamdulillah, kita melihat belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar memberi gambaran secara jelas apakah peruntukan belanjawan dan juga mengurus kewangan yang sepatutnya kita miliki bagi tahun 2001. Tetapi bagi kalangan rakyat tempatan, orang kampung dan sebagainya mungkin ia akan ditipu oleh golongan-golongan tertentu seolah-olah pemimpin yang mereka pilih selama ini mengaut keuntungan untuk kepentingan peribadi, memecah amanah untuk menjadikan hasil royalti minyak bagi kepentingan peribadi masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita melihat bahawa belanjawan ini yang sepatutnya kita memberi sokongan sepenuhnya berdasarkan kepada asas dan konsep belanjawan Negeri Terengganu yang disebut "Negeri Maju Yang Berteraskan Islam." Pembangunan yang dicanangkan adalah berdasar dan berasaskan kepada konsep *amal makruf dan nahi mungkar*. Dan juga dalam melaksanakan dasar perbelanjaan berhemah bagi menjamin kestabilan aliran tunai negeri di masa akan datang. Setelah kita melihat bahawa strategi dalam belanjawan yang dibentangkan bagi merangsang ekonomi dan juga pelbagai asas ekonomi negeri khususnya untuk menjamin pertumbuhan yang berterusan yang diberi penekanan kepada sektor pertanian, perkilangan, perkhidmatan dan sebagainya. Dan menguruskan perbelanjaan secara jimat cermat

12 DISEMBER 2000

dari sekarang dan meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mengurangkan kadar kemiskinan dan memajukan tahap sosio-ekonomi. Dan juga untuk meneruskan usaha pembangunan infrastruktur, pendidikan dan sumber manusia. Ini merupakan satu strategi belanjawan yang seimbang antara kepentingan dunia dan juga kepentingan ukhrawi. Kita melihat hasil daripada tekanan dan penindasan Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan sebelum pada ini telah dilalui oleh Kerajaan Kelantan Darul Naim. Walau macam manapun kita melihat bahawa usaha-usaha itu setakat ini, kita melihat adalah suatu perkara yang menggagalkan hasrat dan cita-cita mereka. Bahkan kita melihat rakyat di dua negeri ini khususnya di Negeri Kelantan yang telah menjalani dua penggal, 10 tahun masih lagi istiqamah dan mencintai kepemimpinan yang memerintah Negeri Kelantan Darul Naim. Dan kita merasakan dan cukup berkeyakinan rakyat Negeri Terengganu khususnya dan sudah pasti suatu hari nanti rakyat seluruh Malaysia amnya, melihat ini suatu perkara yang menggambarkan kezaliman hasil daripada tekanan dan penindasan Kerajaan Pusat kerana rakyat Negeri Terengganu memilih pemimpin yang bukan dari kalangan pemimpin-pemimpin mereka.

Tuan Yang Dipertua, sepatutnya kita merujuk dan melihat bagaimana di zaman jahiliah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang tidak selari keyakinan dan kepercayaan mereka dengan penduduk tempatan ketika itu yang dipimpin oleh Abu Jahal *and the geng* dan konco-konconya itu tapi kita melihat mereka telah melaksanakan pengepungan ekonomi sehingga tiga tahun dari kalangan sahabat-sahabat yang setengahnya pernah meriwayatkan mereka terpaksa memakan belulang dan daun-daun kayu tetapi mereka istiqamah bersama Rasulullah s.a.w. Dan kita melihat di dalam hal ini semua tindakan ini berlaku setiap masa, setiap ketika bukan hanya di zaman Rasulullah s.a.w. Kita melihat juga negara-negara umat Islam seperti di Iran bagaimana negara-negara barat, negara-negara luar memberi penekanan kepada negara Republik Islam Iran. Begitu juga kita melihat bagaimana negara Iraq dan juga Libya tetapi dalam masa yang sama Allah s.w.t. memberi kekuatan kepada mereka sehingga mereka boleh membina negeri mereka dan mereka boleh berdikari dalam mengurus, mentadbir dan menggerakkan pembangunan di negara mereka ini yang menyebabkan mereka ini boleh membebaskan diri mereka daripada pergantungan kepada negara-negara luar. Bahkan komitmen rakyat bersama kepemimpinan mereka yang mempertahankan hak, negeri, tanah air bersama dengan maruah mereka sendiri sehingga kita melihat sehingga ke hari ini ia merupakan satu kejayaan yang memberi sinar kepada negara masing-masing.

Kerana itulah walaupun tekanan dan penindasan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini, kita merasakan ini merupakan satu tarbiah daripada Allah s.w.t. kepada mereka yang meletakkan asas perjuangan berdasarkan Islam. Sebagaimana Hassan Banna pernah berkata di dalam kata-katanya: *Jika sekiranya satu gerakan yang berasaskan Islam, jika sekiranya ia tidak diuji dengan onak dan duri nescaya ia perlu memerhati kembali kepada perjuangannya itu.* Kerana, kerana perjuangan yang berasaskan Islam, yang ingin menegakkan apa yang diperintah oleh Allah, yang ingin menegakkan apa yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. sudah pasti akan diuji, sudah pasti akan dicuba dalam segenap masa, ketika. Kerana itulah perjuangan kita dahulu yang sebelum diberi kurniaan oleh Allah s.w.t. untuk memerintah Negeri Terengganu Darul Iman, kita diuji dengan berbagai-bagai ujian dan tekanan. Tetapi Alhamdulillah, kita boleh mempertahankan dan juga kita dapat istiqamah di dalam perjuangan ini. Dan apabila dikurniakan oleh Allah s.w.t. memerintah Negeri Terengganu, kita merasakan dan kita impikan bahawa kita akan dapat mentadbir dengan selesa dan tenang tanpa ada tekanan dan sebagainya. Tetapi lirah Allah s.w.t. telah menentukan bahawa perjuangan di masa-masa akan datang akan lebih sukar dan lebih susah dan inilah merupakan satu ujian kepada negeri-negeri yang telah meletakkan asas iman dan takwa kepada Allah s.w.t.

12 DISEMBER 2000

Kerana itulah dalam isu perampasan duit royalti yang telah ditukar kepada 'duit ihsan' ini merupakan satu pembohongan dan merupakan satu kezaliman sebagai penindasan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini. Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman yang telah membuat pilihan dalam satu pilihan raya yang berasaskan demokrasi bebas, mereka berhak untuk memilih siapa pemimpin yang mereka kehendaki. Tetapi apabila mereka memilih kepimpinan yang tidak selari dengan kepimpinan Pusat lalu Kerajaan Pusat mengambil tindakan yang tidak wajar, yang mengambil satu tidak yang menggambarkan betapa kecilnya hati mereka ini. Kita ... saya sendiri apabila meneliti ucapan dari kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan yang terdahulu khususnya yang berada di dalam Dewan kita ini sendiri, yang merupakan antara pemimpin yang lama, pemimpin yang paling lama di dalam Dewan kita ini, apabila ... iaitu Wakil Seberang Takir pernah pada tahun 1975, saya rasa umur saya pada masa tu baru 7 tahun baru maknanya beliau sudah ada di dalam Dewan yang mulia ini; tetapi ketika itu di dalam ucapan-ucapan beliau, beliau mempertahankan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Bahawa royalti yang dikurniakan sebanyak 5% sebagai satu jaminan bagi mengembangkan dan memajukan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di masa akan datang. Tetapi hari ini setelah saya juga diberi peluang oleh Allah s.w.t. masuk ke dalam Dewan ini kita melihat bahawa ucapan yang tersebut tidak sebagaimana yang diucapkan pada tahun 1975. Ini amat mendukacitakan bahkan ia cuba untuk menunjukkan bahawa itu merupakan 'duit ihsan' walaupun ia merupakan suatu hak dan tuntutan Allah s.w.t. yang sepatutnya kita berkata benar walaupun bermula daripada awal sampai akhirnya supaya yang hak itu tetap yang hak.

Kerana itulah di dalam hal ini saya memberi sokongan yang penuh kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman untuk terus mempertahankan hak yang sepatutnya kita miliki. Dan kita akan teruskan tuntutan ini sampailah ianya dikembalikan kepada hak yang sepatutnya berhak dan kita berasaskan penuh keyakinan bahawa rakyat Negeri Terengganu Darul Iman akan memberi sokongan dan dokongan kepada pemimpin yang ada sekarang. Dan kita merasakan bahawa seluruh penduduk Malaysia ini sendiri perlu diberi kefahaman dan kesedaran betapa perampasan, perompakan ini merupakan satu kezaliman yang nyata. Dan kerana itulah kita dikesempatan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada penduduk di DUN Lunas yang baru-baru ini memberi gambaran kepada kita bahawa turut sedar bahawa sekarang ini mereka telah mengalih rasa kepimpinan untuk memilih kepimpinan daripada Barisan Alternatif. Gambaran itu sepatutnya memberi peringatan kepada pemimpin-pemimpin Pusat betapa rakyat sekarang ini bukan hanya boleh lagi diperkotak-katikkan, bukan boleh diperbodoh-bodohkan mereka sekarang ini sudah celik dan boleh melihat, dan boleh membuat pertimbangan yang sewajarnya siapakah pemimpin yang mereka patut pilih di masa-masa yang akan datang. Dan insya Allah, kita merasakan bahawa pada pilihan raya yang akan datang jika dikurniakan oleh Allah s.w.t. kuasa memerintah di Malaysia dan kita mengharapkan bahawa ini sebagai hutang yang perlu dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya 5% yang sepatutnya dikurniakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang disebut dalam ucapan belanjawan sepatutnya tidak kurang RM700 juta yang telah dirampas daripada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Sedangkan kita sedar bahawa Kerajaan Pusat telah mendapat hasil daripada petroleum sebanyak 20% daripada Perbendaharaan Negara pada tahun 1999. Di mana Kerajaan Pusat telah memungut berbagai-bagai cukai daripada petroleum termasuklah cukai pendapatan petroleum, cukai royalti petroleum, duti eksport petroleum, duti import petroleum dan dividen Petronas yang akhirnya mengumpul sebanyak RM11.6 bilion. Dan pada setengah tahun pertama pada tahun 2000 ia berjaya mengumpul RM4.3 bilion tetapi masih lagi dengan sikapnya yang angkuh dan sombong merampas

12 DISEMBER 2000

5% yang sepatutnya menjadi hak Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Kerana itulah di dalam hal ini kita melihat kezaliman ini berterusan di masa-masa akan datang tetapi kita memohon kepada Allah s.w.t. semoga untuk memberi kepada kita sikap ketahanan dan istiqamah, mempunyai sikap yang sabar dalam menghadapi suasana yang seperti ini dan kebenaran pasti akan timbul juga. Dan saya memberi sokongan dan menaruh sepenuh kepercayaan kepimpinan yang ada sekarang akan menerus untuk memikul amanah ini bagi menyelesaikan tuntutan dan juga gerak kerja yang menjadi hasrat dan cita-cita kita bersama.

Kalau kita menyorot bagaimana belanjawan Negeri Kelantan yang telah dibentangkan bagi tahun 2001, anggaran hasil sebanyak RM178.49 juta. Kerana itulah kita melihat Terengganu jika sekiranya royalti itu tidak diberi dan dirampas kita akan melihat lebih kurang anggaran hasil bagi 2001 sebanyak RM180 juta. Maknanya tercapailah hasrat Kerajaan Pusat untuk melihat Terengganu sama seperti Kelantan menghadapi dan menerima tekanan daripada Kerajaan Pusat. Dan juga lebih kurang defisitnya sebanyak RM12 juta, iaitu anggaran perbelanjaan sebanyak RM190 juta. Dan kita melihat bagaimana Kerajaan Kelantan bersama rakyat dan pimpinannya bagi menghadapi suasana itu dan kita merasakan bahawa Terengganu sebagai 'Serambi Madinah' yang perlu kita didik rakyat kita supaya boleh tahan dan istiqamah sama sebagaimana para sahabat yang boleh bertahan sehingga memakan belulang dan daun-daun kayu. Kita merasakan bahawa rakyat Terengganu yang kita melihat benderanya sendiri sebagai hitam dan putih, kalau tidak mati dia hidup, kalau tidak hidup dia mati. Dan kerana itulah kita merasakan komitmen rakyat Negeri Terengganu akan terus istiqamah dengan suasana ini dan dengan kekuatan dan imej serta lambang Negeri Terengganu Darul Iman untuk mempertahankan hak dan kebenaran sehinggalah dia kembali dia kembali kepada Allah s.w.t.

Konsep belanjawan yang berteraskan Islam yang akhirnya kita melihat bahawa sumber hasil pendapatan Negeri Terengganu banyak berkurang hasil daripada penyisihan kita daripada sumber-sumber yang haram dan kita memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk mendapat kenikmatan yang lebih yang akhirnya menyebabkan anggaran hasil kita berkurangan. Tetapi kita merasakan bahawa pengorbanan yang kita lakukan ini akan dapat dinikmati oleh rakyat bawahan dan kita cuba untuk mendapatkan, melipat gandakan usaha-usaha bagi meningkatkan sumber hasil pendapatan bagi Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di masa-masa akan datang. Kerana itulah sektor IKS contohnya sebagai sektor yang terpenting untuk menarik pelaburan, untuk dikembangkan dan juga sektor pertanian yang perlu kita lipat gandakan secara lebih agresif bagi dikomersilkan, bagi mengurangkan nilai import dan juga untuk menyokong berbagai-bagai pertumbuhan ekonomi lain bagi melahirkan suatu kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap di masa-masa akan datang, perlu digemblangkan bagi menjadikan Negeri Terengganu Darul Iman di masa akan datang sebagai satu negeri yang boleh berdikari dan boleh menguruskan pentadbiran dan perbelanjaan di masa akan datang walaupun tanpa duit royalti. Dan kerana itulah kita mengharapkan Kerajaan Negeri Terengganu ini dapat mencungkil hasil-hasil baru selain daripada petroleum. Dan satu gambaran yang baik saya lihat di sini bagaimana insya Allah, antaranya premium perhutanan yang dijangka meningkat pada tahun 2001 sebanyak RM41.4 juta. Kalau kita lihat perbandingan antara tahun 1999 sebanyak RM4.8 juta. Dan kita merasakan bahawa hasil hutan di Terengganu Darul Iman ini jika diurus dengan cara yang baik ia insya Allah akan menjadi pemangkin kepada sumber kewangan Negeri Terengganu di masa-masa akan datang.

Dalam masa yang sama kita melihat belanjawan yang telah dibentangkan ini memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat dan kita cuba mengelakkan rakyat daripada memikul beban hasil daripada penindasan Kerajaan Pusat itu. Dalam masa yang sama belanjawan yang kita harapkan ini

akan terus istiqamah dalam mempertahankan untuk mengambil punca-punca, sumber-sumber suci lagi halal. Kerana kita ingin mendapatkan keredhaan daripada Allah s.w.t. sebagai bukan hanya *baidatun thaibatun* dalam masa yang sama kita mengharapkan *warabun gharful*, Allah s.w.t. memberi keampunan. Komitmen kerajaan kepada kebajikan yang melibatkan masyarakat *marhim* iaitu meningkatkan sebanyak 64.92% hampir RM30 juta dalam juga memerangi kemiskinan yang melibatkan semua agensi. Ini merupakan satu tindakan kerajaan yang patut dipuji. Yang kita sedar bahawa sepanjang pemerintahan kerajaan dahulu sehingga kita warisi hari ini, kita masih lagi di peringkat bawahan antara rakyat dan juga taraf kemiskinan mereka berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Dan walaupun adanya ucapan-ucapan bahawa sekarang Negeri Terengganu Darul Iman sudah maju maka royalti tidak layak lagi diberi dan untuk diagihkan kepada negeri-negeri yang lain. Kita masih lagi tidak nampak bagaimana dengan kadar kemiskinan yang masih lagi tinggi yang menjadi dakwaan ataupun menjadi hujah dan bukti bagi setengah-setengah pihak menarik royalti daripada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Tetapi komitmen yang diberikan oleh kerajaan bagi membantu golongan yang seperti ini amatlah dialu-alukan. Kerana dalam masa yang sama kita ingin melihat Kerajaan Negeri Terengganu dan juga rakyatnya maju dan berkembang di masa-masa yang akan datang. Tetapi kita perlu memberi sokongan dan dokongan untuk seterusnya melihat dari kalangan rakyat Negeri Terengganu ini merasai nikmat secara keseluruhan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka supaya setanding dengan keseluruhan rakyat di Negeri Terengganu Darul Iman ini sendiri.

Dan juga daripada belanjawan yang telah dibentangkan ini kita melihat bagaimana sektor pendidikan yang berteraskan pendidikan Islam di semua peringkat amatlah dititik beratkan. Dan inilah merupakan satu generasi yang akan mewarisi pemerintahan di masa akan datang dan juga sebagai satu generasi yang akan kita wariskan kepada mereka pentadbiran negeri ini. Dan untuk menerajui negeri di masa-masa akan datang, kita ingin melihat bahawa mereka ini dilatih daripada semua peringkat, daripada semua masyarakat, daripada semua lapisan supaya mereka ini diteraskan dan diasaskan kepada Islam. Dan kita mengharapkan apa yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman untuk melihat bahawa masyarakat yang akan datang adalah masyarakat yang dilahirkan atas asas-asas iman dan takwa kepada Allah s.w.t. Kerana itulah pendidikan walaupun yang melibatkan duniawi tetapi kita harap bahawa pendidikan ukhrawi, pendidikan Islam itu tidak diabaikan di dalam struktur, dalam penyusunan pendidikan di Negeri Terengganu Darul Iman. Dan kita mengharapkan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman khususnya yang melibatkan peringkat awal yakni peringkat pra ataupun peringkat rendah supaya diasaskan dan diteraskan kepada pendidikan Islam. Bermula pada umur dan usia tersebut agar mereka berkembang berasaskan kepada tauhid dan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Moga-moga mereka akan meneruskan niat suci kita di dalam perjuangan ini untuk melihat Negeri Terengganu di masa akan datang akan sentiasa istiqamah bagi melaksanakan tuntutan khususnya bagi melaksanakan hukum Islam dan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Tidak ketinggalan kita melihat bahawa sektor makanan dan pertanian yang dijangka meningkat sebanyak 3.1%. Inilah merupakan satu sektor yang amat penting semoga kita dapat mengurangkan import makanan dan pertanian yang merupakan ianya berkait rapat dengan keperluan semasa dengan kita. Begitu juga yang melibatkan ternakan bagaimana saranan supaya *integrated farming* yang melibatkan pemeliharaan lembu di kawasan-kawasan pertanian, kawasan-kawasan ladang-ladang, kelapa sawit khususnya. Kita mengharapkan ianya dititik beratkan dan boleh dimulai oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu sendiri seperti TDM dan sebagainya untuk menjadi ternakan lembu ini khususnya di ladang-ladang untuk dipertingkatkan bagi menjamin

12 DISEMBER 2000

sektor makanan, penternakan dan pertanian ini akan lebih berdaya maju di masa-masa yang akan datang yang menyebabkan kita tidak bergantung sumber makanan daripada luar. Dan ini akan memberi pengukuhan dan kekuatan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman

Saya juga suka untuk menyentuh bagaimana cadangan untuk penubuhan Tabung Pembangunan Usahawan Kecil Terengganu. Ianya merupakan satu perkara yang amat dialu-alukan sama telah lagi ia diasaskan dan diteraskan oleh syariah. Dan cadangan sebanyak RM10 juta sebagai satu dana awal merupakan suatu perkara yang dapat memberi sokongan kepada usahawan-usahawan kecil. Kerana kebanyakan daripada usahawan-usahawan kecil merupakan usahawan-usahawan Melayu, usahawan-usahawan bumiputera. Mereka inilah yang kita lihat berniaga kecil-kecilan di pasar-pasar minggu dan sebagainya, di pasar-pasar tani yang majoritinya adalah merupakan rakyat atau anak tempatan kita yang perlu diberi sokongan dan dokongan. Dan insya Allah mereka akan menjadi usahawan-usahawan yang berjaya dan cemerlang di masa-masa akan datang. Sama telah lagi Rasulullah s.a.w. pernah menyebut bahawa sembilan persepuluh sumber kekayaan itu datang daripada perniagaan. Dan Rasulullah s.a.w. sendiri sebagai contoh merupakan ahli perniagaan. Kerana itulah kita mengharapkan Tabung Usahawan Kecil Terengganu ini akan segera diwujudkan dan akan diperkembangkan bukan hanya peringkat negeri tetapi juga ke peringkat daerah-daerah agar manfaat dia dapat diambil oleh semua lapisan masyarakat untuk kita didik dan bimbing mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya di masa-masa yang akan datang, insya Allah.

Kerana itulah cadangan kerajaan untuk melaksanakan langkah jimat cermat dan ianya hendaklah perlu dilakukan secara berhemah. Dan ianya sepatutnya dicontohkan bermula daripada pemimpin-pemimpin atasan sehinggalah ke peringkat bawahan. Kita sepatutnya berhati-hati dalam perbelanjaan mengurus ini kerana kita melihat adanya peningkatan sebanyak 7.27% daripada perbelanjaan mengurus bagi tahun 2001. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *Kita hendaklah sentiasa berjimat cermat sama ada ketika kaya ataupun ketika susah.* Kerana itulah di dalam hal ini, langkah jimat cermat ini perlu dipertingkatkan daripada masa ke semasa supaya perbelanjaan yang diurus dengan cara yang baik dan tidak membazir agar apa yang telah diamanahkan oleh rakyat itu dapat digunakan dengan sebaik mungkin, insya Allah. Dalam masa yang sama juga saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dapat membuat satu kajian secara menyeluruh terhadap gunatenaga bagi Kerajaan Negeri Terengganu, dengan kadar yang seminima mungkin gunatenaga agar ianya dapat memberi manfaat dan dalam masa sama dapat mengurangkan perbelanjaan bagi menguruskan hasil kewangan daripada sumber Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Kerana itulah latihan ataupun penerangan, pendidikan, pentarbiahan kepada seluruh anggota kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman perlu dipertingkatkan bagi melahirkan mereka ini supaya kuat bekerja dalam masa yang sama adalah beramanah dalam menguruskan apa yang telah menjadi tanggungjawab kepada kita. Benarnya sebagaimana disebut dalam satu firman Allah s.w.t. dalam Surahul Qashash, bagaimana difirmankan.

يا ايت ائتأ جر ه ان خير من ائتأ جر ت القوي الامين.

12 DISEMBER 2000

Berkata salah seorang anak perempuan Syuaib: *Wahai ayahku, ambillah kerjanya (yakni Nabi Musa a.s.) sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil kerja ataupun diberi upah, diberi gaji iaitu orang yang kuat dan beramanah.*

Kita tidak mahu lagi ada dari kalangan kakitangan-kakitangan kerajaan yang hanya pergi bekerja, peringkat awal pergi pukul 8.00 *punch card* kemudian pergi minum kopi lagi, minum air lagi, pukul 9.15 baru masuk. Pukul 9.30 kita tengok dah keluar untuk pukul 10.00 dan bertemu di pasar-pasar dan sebagainya, supaya ianya dapat diberi komitmen daripada semua peringkat bukan hanya peringkat bawahan tetapi juga di peringkat atasan dan sebagainya supaya ianya kita uruskan ataupun kita laksanakan kerja yang diamanahkan dengan cara yang diredhai oleh Allah s.w.t. Dalam masa yang sama kerajaan juga perlu meningkatkan kesedaran rakyat sendiri supaya mereka ini menyedari bahawa Negeri Terengganu Darul Iman ini merupakan negeri tanggungjawab kita bersama. Supaya bukan hanya menjadi satu masyarakat yang dilatih untuk menadah tangan mengharapkan bantuan dan subsidi kerajaan. Tapi dalam masa yang sama kita dapat melahirkan satu rakyat yang kuat berdikari mengurus dan juga mendapat sumber dan punca-punca hasil bagi membela keluarga mereka untuk sama-sama melihat Negeri Terengganu akan bergerak maju di masa yang akan datang. Penubuhan Tabung Darul Iman yang telah dilancarkan walaupun peringkat awal menyumbang RM2 juta lebih, kita mengharapkan tabung ini dapat diperkembangkan ke peringkat daerah-daerah dan sebagainya supaya ianya menggambarkan sikap dan tanggungjawab rakyat jelata untuk sama-sama menyumbang dan membantu Kerajaan Negeri Terengganu dan khususnya kepada mereka-mereka yang lemah, yang daif, yang miskin, yang mengharapkan bantuan segera maka tabung ini boleh dimanfaatkan kepada mereka yang memerlukan.

Dalam masa yang sama Tuan Yang Dipertua, kita mengharapkan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman meningkatkan kesedaran rakyat dalam pengukuhan institusi rumah tangga. Kerana kita bimbang mutakhir ini dalam juga di masa-masa akan datang masalah sosial, masalah kerukunan institusi rumah tangga yang menghadapi suasana masyarakat kita ini juga akan menyebabkan apa yang kita bina, yang kita susun akan turut musnah. Kerana keutuhan institusi rumah tangga yang merupakan suatu perkara yang amat dipentingkan bagi menjamin kestabilan negeri kita di masa-masa akan datang. Kerana itulah hari cuti yang diberikan kepada pekerja-pekerja dan khususnya kepada rakyat sendiri untuk kita manfaatkan sebaik mungkin sebagaimana yang disarankan hari Jumaat sebagai 'hari ilmu' ataupun hari Sabtu sebagai 'hari kekeluargaan' kita dapat pertingkatkan sebaik mungkin. Kempen-kempen perlu diadakan bagi manfaat bagi pembentukan kekeluargaan ini sendiri. Dan juga paling kurang kita merasakan bahawa ia dapat menyelesaikan permasalahan remaja, permasalahan belia apabila mereka ini mendirikan rumah tangga mereka mempunyai rasa tanggungjawab dan mereka sendiri mempunyai kesungguhan untuk mereka berdikari bagi membina kesempurnaan hidup mereka dan juga bagi membina kekeluargaan mereka sendiri. Dan dalam masa yang sama ini saya mengucapkan tahniah kepada sahabat saya daripada Bukit Besi yang baru-baru ini telah melangsungkan perkahwinan. Dan ini merupakan satu contoh yang baik sebagai model daripada rakyat Negeri Terengganu. Dan juga dalam masa yang sama, insya Allah belia-belie kita, remaja-remaja kita apabila mereka mempunyai pasangan hidup mereka akan rasa satu motivasi dalam diri mereka untuk meningkatkan taraf hidup mereka dan mereka insya Allah akan menjadi penggerak kepada ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman ini sendiri.

12 DISEMBER 2000

Dan dalam masa yang sama kita mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu dapat mempertingkatkan tahap keupayaan pungutan hasil bagi Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Ini paling kurang akan dapat menyumbangkan hasil kepada Kerajaan Negeri lebih segera dan lebih cepat. Saya membuat contoh khususnya di Paka sendiri, contohnya GP 5 dan 6 yang telah beroperasi dan telah dibina sejak 1995, makna sudah berlaku hampir 6 tahun tetapi kerajaan masih belum dapat memiliki ataupun mendapat apa-apa sumber hasil daripada pungutan hasil daripada loji tersebut. Kerana itulah ini memerlukan kepada peningkatan keupayaan kita dalam memungut hasil-hasil bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Juga melibatkan hasil-hasil yang lain, hasil tanah dan sebagainya. Dan tahap keupayaan ini jika kita dapat pertingkatkan ianya akan dapat menyumbang pungutan hasil yang lebih banyak kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan meningkatkan hasil mahsul yang sepatutnya dimiliki oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Dan kalau kita melihat ulasan daripada Ketua Audit Negara sendiri, kita melihat bagaimana peningkatan ini perlu diusahakan agar di masa akan datang hasil-hasil yang sepatutnya menjadi milik Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dapat dikumpulkan dan dapat dimanfaatkan untuk perbelanjaan mengurus dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, kerana itulah di dalam hal ini kita mengharapkan bahawa sokongan dan dokongan semua peringkat bagi melihat Negeri Terengganu Darul Iman ini dengan *budget* dan juga belanjawan yang dibentangkan ini insya Allah, kita merasakan bahawa Allah s.w.t. akan memberi kekuatan kepada kita dan memberi istiqamah untuk melaksanakan khususnya melihat bahawa rakyat Negeri Terengganu Darul Iman akan diselamatkan, khususnya yang melibatkan perkara-perkara maksiat dan kemungkaran. Semoga ianya tidak menjadi virus penyakit kepada struktur kehidupan negeri kita dan juga masyarakat kita agar negeri kita ini maju dan berkembang di masa-masa akan datang. Walaupun kadar peningkatan pembangunan kita mungkin kecil di masa akan datang tetapi dalam masa yang sama kita perlu meningkatkan lebih tinggi pembangunan insan, pembangunan manusia yang merupakan aset penting bagi masyarakat dan negeri kita, iaitu rakyat jelata seterusnya dan juga generasi-generasi yang akan datang untuk kita bimbing mereka, kita didik mereka dan kita tarbiah mereka sebagaimana dikehendaki oleh Allah s.w.t. Dan ingatlah akan firman Allahutaala:

أَفَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَادٍ وَأَضْلَاهُ اللَّهُ عَلَىٰ عُنُقِهِ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ سَمْعِهِ ...

Tidakkah kamu melihat dari kalangan mereka-mereka yang mengambil Tuhan mereka itu hawa nafsu, hawa nafsu sebagai Tuhan mereka dan disesatkan oleh Allah s.w.t. dan dikuncikan atas pendengaran dan hati mereka dan dijadikan di atas mata mereka itu ada selaput. Dan siapakah dapat beri hidayah lagi kepada mereka setelah dijadikan Allah demikian, apakah kamu tidak mengambil peringatan.

Kerana itulah kita mengharapkan ekonomi kita akan terus berkembang tapi dalam masa yang sama ia berkembang sebagaimana diasaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Kerana apabila ditanya bahawa perkembangan negeri dan negara kita sendiri yang sepatutnya diasaskan kepada

12 DISEMBER 2000

keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. inilah yang merupakan asas utama yang perlu kita tekankan untuk melihat generasi kita ini akan diredhai oleh Allah s.w.t.

Saya merasakan sekadar itu saja ucapan saya pada hari ini, dan sekali saya memberi sokongan kepada Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan sekadar itu wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTAKWA YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil daripada Paka. Sekarang saya masih buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Teluk Pasu.

YANG BERTAKWA HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh pegawai-pegawai kerajaan termasuk pemerhati sekalian.

Suka saya mengambil bahagian dalam Ucapan Belanjawan tahun 2001 demi untuk sama-sama menyumbangkan saham, fikiran dan pendapat agar ianya dapat dipertimbangkan supaya apa-apa kita buat berlandaskan kepada yang benar iaitu al-Quran dan al-Karim, dan sunnah Rasulullah s.a.w. Pertamanya saya suka mengucapkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ucapan ini, iaitu ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu dalam ucapan belanjawannya dimulakan dengan ayat pujian Allah ke atas hamba-hambaNya terutamanya dalam menegakkan sebuah kerajaan yang berteraskan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Apa yang diuji kepada kita, Kerajaan Terengganu dan rakyat adalah suatu pertalian ataupun gagasan tali-menali daripada perjuangan dahulu sehingga ke perjuangan kemudian yang memang setiap perjuangan mesti ada ujian bagi mematangkan kita terutama kerajaan daripada bergantung kepada makhluk supaya balik bergantung kepada Allah s.w.t. Ini jelas difirmankan oleh Allah Taala:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من حيث لا يحتسب
ومن يتوكل على الله فهو حسبه.

Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah sudah tentu Allah jadikan baginya tempat keluar daripada kesempitan. Dan sudah tentu Ia memberi rezeki kepadanya sekira-kiranya tidak terkira banyak. Rezeki akan dapat bila adanya takwa kepada Allah s.w.t. Begitu juga pergantungan kepada Allah mesti terutama saat-saat yang begini. Allah mengatakan barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, Allah memadainya.

Asas inilah maka saya cuba memberi beberapa pandangan dan rekomen terhadap ucapan belanjawan ini. Yang menarik kepada saya, di antara ucapan belanjawan iaitu pendekatan yang berteraskan kepada pendidikan Islam akan terus diberi keutamaan di semua peringkat bagi melahirkan insan yang berilmu, berperibadi luhur, beriman dan bertakwa. Asas inilah titik tolak pendidikan Islam yang pemberatan pendidikan Islam itu amat penting. Walaupun Allah Taala uji dengan penarikan 5% royalti yang dirancang oleh manusia, ujian itu kita hadapi dengan kita memberatkan kepada sektor pendidikan. Apabila manusia dididik dan mencetus manusia yang bertakwa, insya Allah negara dapat difikirkan oleh orang-orang yang bertakwa ke

12 DISEMBER 2000

arah bagaimana mendapat balik rezeki-rezeki yang Allah Taala belum beri kepada kita. Dan memang rezeki Negeri Terengganu amat banyak. Rezeki-rezeki yang amat banyak itu belum diproseskan dan belum dikeluarkan, memerlukan tenaga pakar. Dan ke arah inilah kerajaan memerlukan bertikir bagaimana untuk mengeluarkan hasil-hasil bumi, galian-galian yang berharga di negeri ini. Oleh itu aspek pendidikan perlu diutamakan. Dan pendidikan ini seperti mana yang difirmankan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w.

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُوا
عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ.

Sesungguhnya Allah telah menganugerahkan kepada orang-orang yang beriman kerana membangkit di kalangan mereka seorang Rasul yang tugas Rasulullah berperanan mendidik rakyat. Yang pertama membaca ke atas mereka ayat-ayat Allah. Yang kedua mengajar mereka ilmu al-kitab yakni memahami kitab al-Quranulkarim yang mengandungi semua aspek hidup manusia. Yang ketiga, *wazaikihim* mentazkirah mereka, membersihkan mereka dan yang keempat mengajar ilmu hikmah.

Dan apabila sampai satu tahap pendidikan, bila semua dapat peringkat hikmah – peringkat inilah yang digelar peringkat kecemerlangan atau peringkat kualiti yang disebut oleh Allah s.w.t.:

وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا

Barangsiapa yang diberikan ilmu hikmah, sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang amat banyak.

Bagaimana kita mahu merencana atau merancang pendidikan sehingga mencapai ke arah masyarakat Negeri Terengganu ini, masyarakat yang penuh berhikmah. Sudah tentulah proses-proses ini memerlukan kepada peruntukan-peruntukan, kepada pemikiran-pemikiran, gabungan-gabungan fikiran inilah yang perlu ada bagi merencanakan pendidikan yang menjadi model kepada negeri-negeri yang lain. Oleh itu kerajaan telah dan sedang melakukan usaha-usaha ini, antaranya ialah penubuhan API (Akademik Pembinaan Insan) dan juga UPI (Unit Pembangunan Insan) dan Belia Berwawasan yang telah mengambil modul ke arah yang disebutkan tadi. Oleh itu, apa yang disebutkan tadi ianya akan beroperasi sama ada dalam pembentukan pendidikan *nizomiah*, iaitu bersistem seperti sekolah-sekolah dan Alhamdulillah kita memiliki sekolah menengah agama yang sedia ada. Dan memang kita difahamkan penambahan-penambahan sekolah-sekolah terutama pada awal tahun ini bermulanya sekolah bersepadu yang difahamkan akan dibuka 7 buah sekolah. Itulah komitmen kita sebuah kerajaan. Begitu juga ianya tidak terbatas kepada *nizomiah* tetapi ianya juga perlu ada sokongan-sokongan, iaitu pendidikan *harakahiah* pendidikan yang bersifat berkala kursus-kursus dan juga yang berterusan di masjid-masjid melalui kelas-kelas fardhu ain dan juga usrah-usrah.

12 DISEMBER 2000

Suka saya menarik perhatian bahawa usrah-usrah ini perlu dihidupkan di masjid-masjid supaya masyarakat-masyarakat sekampung dapat memahami sebaik mungkin *tasawuf* Islam itu sendiri sehingga tidak ada lagilah rakyat akan menentang usaha-usaha Islam ke arah pelaksanaan syariah Islam di Negeri Terengganu ini. Apabila menyebut pelaksanaan syariah, ia menjadi tuntutan semua orang dan semua pihak. Alhamdulillah, Undang-undang bagi Negeri Terengganu tahun 1911 telah memperuntukan suatu kuasa yang begitu hebat kalau diteliti terhadap undang-undang tersebut terutama dalam Fasal ke 51, dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang dinamakan *Itamulut bitakdisuluh* yang dibuat oleh Sultan Zainal Abidin yang ketiga, yang menyebutkan "sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiah Melayuwiah." Fahamlah kita apabila menyebut Kerajaan Islam, segala pelaksanaan mestilah jangan lari daripada kehendak syariat Islam yang telah ditetapkan Allah sendiri:

انا انزلنا اليك الكتاب بالحق لتحكم بين الناس بما اراك الله.

Sesungguhnya Kami turunkan kepada engkau wahai Muhammad al-kitab, yakni al-Quran tujuannya untuk kamu memerintah di kalangan manusia dengan apa yang diperlihatkan oleh Allah.

Asas Undang-undang ini menjadi kukuh kepada kerajaan kita hari ini untuk melaksanakan ke arah pelaksanaan syariat Allah s.w.t. Dan asas ini tidak boleh diubah walaupun ada kerajaan selepas ini cuba mengubahnya. Kerana dalam Fasal ke 53, disebutkan "maka adalah hak kuasa bagi Raja dengan iktifak mesyuarat kerajaan yang boleh menambah atau membesarkan undang-undang ini daripada satu masa ke satu masa, bila-bila saja patut diperbuatkan dia iaitu dengan aturan yang tiada mengubah atau membinasakan asas dan maksud undang-undang ini." Dan lebih kemas lagi peraturan ini disebutkan dalam *qatimah* kepada undang-undang ini, iaitu: Kita Zainal Abidin Sultan, Raja yang empunya hak memiliki dan memerintah Kerajaan Negeri dan sekian daerah takluk jajahan Terengganu, memperbuat undang-undang ini menjadi suatu pusaka yang tiada harus diubah, dipinda, dipecah atau dihilang akan dia sekali-kali."

Kalau kita baca fasal-fasal tadi menunjukkan ruang lingkup ke arah pelaksanaan syariah dan apa-apa Enakmen yang diubah, kalau bertentang dengan syariat Allah, maka sepatutnya dibatalkan. Asas inilah yang menjadi kuat dan kuasa-kuasa Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah menubuhkan Jawatankuasa Kecil bagi memperhalusi pindaan dan penggubalan undang-undang adalah usaha-usaha yang patut disokong dan harus diberi penghargaan. Saya dimaklumkan bahawa usaha-usaha ini memang hebat dan sampai masa undang-undang ini akan dibentang di Dewan Undangan Negeri menjadi satu Enakmen yang akan berkuatkuasa di dalam Negeri Terengganu. Walaupun kita bercakap dengan semudah itu, tapi ujian-ujianya sudah tentu ada. Tidak ada apa-apapun kita buat maka royalti sudah ditarik balik. Maknanya ujian demi ujian akan dihadapi oleh kerajaan Terengganu. Tetapi kesungguhan terutama di dalam ucapan belanjawan ini menyatakan bahawa menubuhkan sebuah kerajaan yang berteraskan al-Quran dan Sunnah sudah tentu mendapatkan

12 DISEMBER 2000

ujian yang hebat. Dan kita akan sama-sama hadapi ujian ini dengan kita mengadu hal kepada Yang Maha Berkuasa, iaitu Allah s.w.t.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian, suka saya menyentuh juga apabila royalti telah dirampas dan diletakkan nama 'ihsan', sepatutnya kalau letak nama 'ihsan' maka ihsan kepada kerajaan. Kalau itu yang hendak diberi, bukan ihsan melalui JPP. Walau macam manapun kita berharap royalti tetap kepada kita kerana masih belum ada panggilan rasmi daripada Kerajaan Pusat berunding dengan kita, hitam putih. Oleh kerana itulah kita harap ianya datang kepada kita juga. Tetapi di dalam ujian yang sedemikian, diuji kita sedikit ini maka pergantungan kita dari segi ekonomi hendaklah kita belajar janganlah bergantung kepada sumber itu saja. Maka kita telah diberi kurnia khazanah bumi Negeri Terengganu yang begitu banyak yang berharga, Allah menyebut yang bermaksud: *Bagi setiap sesuatu itu ada sebab dan dikuti dengan sebab-sebab yang lain.*

Maka saya suka menyentuh antara khazanah kita ialah Tasik Kenyir. Ramai orang bercakap tentang rangkaian 'net' maklumat, sama ada internet dan apa-apa 'net'. Itu maklumat yang dipamer dalam bentuk gambar dan tulisan mengikut kajian saintis pada hari ini. Tetapi setakat maklum dan tahu tidak mempraktikkannya maka ilmu tanpa amal. Oleh itu, suka saya menyebut Kenyir mempunyai sumber 'net' yang banyak. Saya suka mencadangkan kerajaan mengambil kira dan berfikir bagaimana untuk menjana kuasa ekonomi bermula daripada Kenyir. Satu contoh saya katakan, Kenyir itu mempunyai berbagai-bagai fungsi, menjana kuasa airnya boleh kita buat lebuhraya perairan. Lebuhraya ini akan dapat mengairi tanaman dan pertanian. Saya teringat kepada bagaimana firman Allahutaala:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ

Jayatan iaitu *janatan*, ditafsirkan tanda-tanda daripada Saba ini kerana punca air dia, salirannya diambil daripada dua gunung dan menjadikan lebuhraya air pengairan yang kiri kanan *'an Yamin wa Syimal*, ada kebun yang subur. Kesuburan itu kerana kita sudah faham dan orang kampung faham, bila turun hujan rumput pun tumbuh tidak seperti air yang lain yang telah campur kimia, seperti air minum kita ini malahan jadi mudarat pula bila banyak bahan kimia. Tetapi sumber air ini sumber air yang memang baik bukan setakat tanaman, ternakan tetapi juga untuk manusia. Maka saluran paip-paip air ke rumah pun boleh difikirkan kerana sesuai juga di tempat yang tinggi maka kita tidak perlu sedut bawa ke atas. Dan ini juga menjadi bahan ekonomi kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kemudian kalau ada peluang di antara perjanjian kita dengan TNB, Tenaga Nasional Berhad, kalau ada ruangan perjanjian 10 tahun sekali kita cuba melihat balik kalau-kalau boleh kita dapat menjana kuasa elektrik sendiri dan memberi khidmat bayaran yang lebih murah daripada TNB yang ada sekarang kerana kepunyaan tanah ialah tanah kita Negeri Terengganu. Sebab itu soalan yang baru sekejap ditanya tentang KETENGAH. KETENGAH tu adakah ... sebab saya difahamkan bahawa KETENGAH diberikan oleh kerajaan dahulu kawasan Kenyir untuk dimajukan. Tetapi Alhamdulillah, dengan jawapan dan ucapan tadi daripada seorang salah seorang Exco mengatakan kawasan Kenyir tidak termasuk kawasan yang diberi kepada gazet KETENGAH. Alhamdulillah.

12 DISEMBER 2000

Banyak perkara daripada Kenyir ini dapat, pulau-pulaunya. Sebab pernah kita fikir bagaimana kita nak membendung gejala sosial. Rakan muda-mudi yang memang sudah banyak rosaknya oleh kerana kita tidak dapat membendung maka kita bendung di pulau-pulau. Dan Kenyir mempunyai 300 buah pulau, dalam 300 buah pulau itu banyak perkara yang kita boleh buat bukan setakat sahaja tempat pemulihan tetapi pertanian, penternakan dan juga ternakan ikan air tawar dapat diusahakan di sana termasuk pelancongan. Dan itulah yang saya maksudkan dengan menggunakan semaksimum mungkin Tasik Kenyir bagi menjana ekonomi gantian ataupun alternatif kepada Kerajaan Terengganu.

Akhirnya suka saya menyentuh, apabila pertanian, ternakan dan apa-apa usaha yang dilakukan dapat memberi hasil balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu terutama kalau kita memperkenalkan Undang-Undang *Usyul*. Undang-Undang *Usyul* itu mengambil atas kadar per sepuluh, maka di antara *usyul* itu ada satu per sepuluh. Salah satu *arbak usyul* tiga per empat puluh dan sebagainya, maka boleh kalau diperkenalkan pertanian dan ternakan apabila ianya dijadikan tanaman komersil untuk didagang maka kita boleh ambil 2.5 persen daripada zakat. Begitu juga suka saya menyentuh balak dan galian lain yang disebut di dalam satu kata-kata ulamak:

ما يستخرج من الأرض الخمس.

Apa-apa yang bahan yang dikeluarkan daripada muka bumi ini diambil 1.5, yakni 20 peratus. Maka pada masa inilah boleh kita praktikkan sama ada kita menjadi suatu Enakmen dan sebagainya.

Itu sajalah bahan fikiran, buah fikiran dapat saya utarakan dalam memberi beberapa pandangan semoga ianya dapat dipertimbangkan. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Teluk Pasu. Perbahasan masih dibuka, sila Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai kerajaan dan para pemerhatian yang dihormati sekalian.

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan belanjawan tersebut yang mana boleh disifatkan sebagai suatu pembentangan belanjawan dari kerajaan yang berjiwa besar. Kerana walaupun Kerajaan Negeri telah ditindas sebegitu rupa oleh Kerajaan Pusat pihak kerajaan masih lagi menaruh sangka baik kepada pihak Petronas dan Kerajaan Pusat bagi melunaskan pembayaran royalti petroleum yang menjadi hak rakyat Negeri Terengganu.

Yang keduanya, diharapkan semoga pemimpin Kerajaan Pusat juga berjiwa besar dengan menerima keputusan rakyat dalam pilihan raya yang lalu dengan sabar dan tenang. Keduanya menampakkan kesungguhan kerajaan menuntut hak rakyat negeri ini bagi memastikan kepentingan dan kebajikan rakyat negeri ini terus dibela dan terjamin walaupun ianya tidak disukai oleh

12 DISEMBER 2000

sebahagian daripada pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Tapi percayalah, rakyat negeri ini tetap bersama dengan pimpinan Kerajaan Barisan Alternatif, pimpinan PAS yang telah dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya yang kesepuluh baru lalu.

Tuan Yang Dipertua, jika dilihat secara perbandingannya dengan negeri-negeri dalam negara ini Terengganu masih lagi ketinggalan dalam berbagai-bagai aspek walaupun telah diberi hasil minyak selama 22 tahun yang begitu banyak oleh Allah s.w.t. di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Antaranya kalau kita perhatikan ialah kadar kemiskinan masih lagi tinggi, iaitu lebih daripada 17% menduduki tangga ketiga dalam senarai negeri yang ramai rakyat termiskin, kalau berlumba got boleh pingat gangsa. Bilangan pengangguran juga masih tinggi, iaitu berjumlah 17,504 orang ini mengikut maklumat daripada UPEIN iaitu sekitar 459 peratus dalam tahun 1999. Taraf kesihatan juga belum memuaskan di mana kadar kematian *parenatal*, *newnetal* dan kanak-kanak kosong hingga satu tahun masih lagi tinggi pada tahun 1999, masing-masing mencatatkan 13.3, 8.3 dan 12.0 per seratus ribu kelahiran. Jadi penyakit-penyakit yang berkaitan dengan persekitaran yang tidak sihat, yang kotor juga agaknya masih tinggi. Contohnya kejadian keracunan makanan, kejadiannya 75 per seratus ribu penduduk, virus *hepatitis* 41.7 per seratus ribu penduduk dan *taiport* penyakit demam kepilu 6.8 per seratus ribu penduduk. Ini semua adalah menunjukkan bahawa keadaan di Negeri Terengganu ini masih lagi tidak sihat dan tidak bersih.

Masalah sosial juga amat membimbangkan dan pada tahap yang sangat serius. Antara masalah-masalah yang selalu kita dengar pada hari ini ialah seperti budaya lepak, bohsia, bohjan, lumba haram, dadah, HIV, AIDS, mencuri dan sebagainya. Dan masalah yang sangat ketara bagi Negeri Terengganu ialah yang pertamanya ialah masalah kemiskinan. Terengganu merupakan negeri ketiga seperti saya dinyatakan tadi sedangkan dari segi hasilnya negeri kedua terkaya, iaitu KDNK per kapitanya ialah RM11,209 pada tahun 2000. Punca kepada masalah kemiskinan ini adalah kerana kurang peluang pekerjaan di negeri ini. Jika kita perhatikan perbandingan di antara bilangan perkilangan ataupun peluang-peluang pekerjaan melalui sektor perkilangan dan purata pendapat per kapita jelas menunjukkan bahawa daerah yang banyak kilang-kilang besar pendapatan per kapita penduduknya adalah lebih tinggi. Sebagai contoh, saya bagi contoh di sini Kemaman yang mempunyai 41 buah kilang besar pendapatan per kapita penduduknya ialah RM3,197.3. Kuala Terengganu yang ada 12 buah kilang besar pendapatan per kapital penduduknya ialah RM2,302. Sementara Setiu yang hanya ada satu buah kilang pendapatan per kapita ialah RM1,151 sahaja dan Besut ada 3 buah kilang pendapatan per kapitanya ialah RM1,406.8 sahaja. Masalah kemiskinan ini juga boleh membawa kepada keciciran dalam pelajaran dan pengangguran. Justeru itu ia menambah parah lagi masalah sosial yang kita alami sekarang.

Masalah yang kedua ialah masalah kesesakkan tempat tinggal. Di negeri ini didapati masalah keadaan tempat tinggal yang sesak masih lagi menjadi masalah utama. Keadaan ini dapat kita perhatikan sekitar kawasan Bandar Kuala Terengganu ini sendiri. Sebagai contoh, contoh yang senang dan dekat saya ambil, kita lihat saja penempatan di Pulau Duyung dan Pulau Ketam. Kedudukan pulau-pulau ini memanglah strategik dan cukup menarik kerana ia merupakan pintu masuk ke Kuala Terengganu bagi pelancong-pelancong yang menaiki kapal terbang. Namun begitu keadaannya amatlah menyedihkan sekali gus menjatuhkan imej negeri ini yang terkenal dengan jolokan 'Negeri Cantik Budaya Menarik.' Jika kita melawati pulau ini kita akan dapati rumah yang sesak dengan persekitaran yang amat kotor di mana air limbahannya atau orang Terengganu panggil 'air cor' dialihkan ke bawah rumah masing-masing kerana tidak ada sistem saliran hingga menyebabkan keadaannya becak, 'berdono' orang Terengganu kata 'berdono' bawah

12 DISEMBER 2000

rumah. Dalam keadaan itulah rakyat kita hidup sekarang ini. Dalam keadaan seperti ini sudah tentulah keadaannya amat tidak selesa untuk dijadikan tempat kediaman, jauh sekali untuk dipanggil 'rumahku syurgaku'. Ini menyebabkan anak-anak tidak betah untuk tinggal di rumah masing-masing lalu melepak ia di luar-luar rumah sama ada di pusat-pusat beli belah, bas-bas *stand*, di wakaf-wakaf, tepi-tepi jalan dan akhirnya mudah untuk terlibat dengan gejala-gejala sosial seperti yang saya sebutkan bohjan, bohsia, lumba haram, mencuri, dadah dan sebagainya.

Laporan ini kita boleh dapati daripada laporan akhbar harian dalam negara kita. Sebagai contohnya Harian Metro 14 haribulan sepuluh tahun 2000, melaporkan pusat hiburan menjadikan agen pelacur. Oleh itu, dasar kerajaan menutup pusat-pusat hiburan seperti itu amatlah wajar sekali. Harian Metro 23 haribulan sepuluh tahun 2000 pula melaporkan bahawa 60 pelajar di negeri ini dikesan terlibat dengan gejala dadah. Utusan Malaysia 4 haribulan tujuh tahun 2000, melaporkan 9 pelajar ditahan kerana disyaki mencuri motosikal.

Tuan Yang Dipertua, keadaan persekitaran yang kotor ini juga akan merebaknya penyakit berjangkit. Dan jika berlaku wabak penyakit berjangkit seperti demam kepialu dan taun, suasana rumah yang sesak ini sudah menjadi suatu alasan maka sudah tentulah imej kerajaan negeri akan jatuh di mata dunia. Suasana rumah yang sesak juga menghalang pihak bomba mengawal kebakaran jika berlaku bencana kebakaran. Jangan nak ditunggu malapetaka kebakaran baru kita sibuk nak menyiasat dan mencari salah pihak-pihak tertentu sedangkan ianya dapat dielakkan jika tindakan dapat diambil di peringkat yang lebih awal.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah yang ketiga ialah masalah penagihan dadah. Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang ramai bilangan penagih dadah. Tahun 1998 saja mencatat 1,160 orang penagih baru sedangkan tahun sebelumnya, 1997 hanya 979. Ini menunjukkan keadaannya meningkat tahun demi tahun. Dan 80% daripadanya ialah mereka-mereka yang di bawah umur 40 tahun, ini melibatkan golongan yang produktif yang sepatutnya memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negeri kita ini. Dan penagih dadah ini jugalah akhirnya ramai terlibat dengan pengidap penyakit HIV ataupun AIDS. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu dalam Utusan Malaysia 17 haribulan sembilan tahun 2000, menyatakan bahawa sejak 1988 seramai 3,508 kes HIV telah dikesan yang mana 219 kes adalah AIDS dan 179 kes telah meninggal dunia. Inilah penyakit alaf baru, ramai orang mati kerana penyakit yang kita cari sendiri. Bagi mengatasinya saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mengambil pertimbangan akan langkah-langkah yang berikut:

Pertamanya, mengadakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di tiap daerah dan tumpuan harus diberi di daerah yang masih tinggi kadar kemiskinannya seperti di Setiu dan Besut.

Langkah kerajaan menggalakkan industri kecil dan sederhana amatlah dialu-alukan. Namun begitu, jika dapat diusahakan supaya pelabur-pelabur asing datang ke Terengganu melabur dalam industri pekilangan yang besar sehingga hasilnya dapat mewujudkan pula industri-industri kecil dan sederhana yang dapat diceburi pengusaha tempatan. Semoga dengan itu dapatlah dilahirkan lebih ramai lagi usahawan tempatan di samping mewujudkan peluang-peluang yang lebih banyak. Usaha ini saya harap, untuk membawa kilang-kilang, pelabur-pelabur asing yang besar ni sudah tentulah memerlu sokongan daripada Kerajaan Pusat. Dan Alhamdulillah, saya rasa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang ada dalam Dewan ini boleh sama-sama bantu kerana saya percaya semua kita ini rakyat Terengganu yang setia kepada negeri kita.

12 DISEMBER 2000

Bagi kawasan pantai seperti di muara Sungai Terengganu patutlah dimajukan industri maritim yang mana kita sudah ada pengusaha seperti Mara Shipyards cuma ianya perlu diperbesarkan lagi. Muara Sungai Terengganu patut di dalamkan, pasir yang disedut boleh ditambun di kawasan pulau dan ini sekali gus dapat mewujudkan lebih banyak tapak kediaman dan tempat perusahaan. Dengan ini perindustrian ... industri perikanan juga dapat dimajukan bersama-samanya.

Tuan Yang Dipertua, langkah kerajaan menaikkan bantuan am kepada golongan fakir dan miskin amatlah dihargai. Penambahan peruntukan sebanyak 64.92% yang menjadikan jumlahnya RM28.038 juta adalah menggambarkan kerajaan sangat mengambil berat bagi mereka-mereka yang daif dan miskin. Dengan itu tertolaklah dakwaan pihak tertentu yang kerajaan menzalimi golongan miskin. Namun begitu, bantuan am ini hanyalah penyelesaian jangka pendek. Saya mencadangkan supaya peruntukan bagi Program Jaya Diri sama ada melalui YPK atau Jabatan Kebajikan Masyarakat patut ditambah bukan saja dari segi peruntukan kewangannya tetapi juga dari bilangan tenaga kepakaran untuk membimbing mereka ini semoga mereka yang menceburi skim ini benar-benar akan berjaya dan terkeluar daripada tahap kemiskinan.

Yang kedua, projek perumahan murah patut dipercepatkan walaupun ia telah dihentikan oleh Kerajaan Pusat (Barisan Nasional), projek ini dicadangkan supaya diteruskan cara penswastaan kalau tidak kerajaan boleh melaksanakannya sendiri jika ada duit royalti. Tapi apakan daya ianya telah dirampas dan dijadikan 'ihsan' oleh Kerajaan Pusat (Barisan Nasional), yang hingga kini kita belum tahu ke mana duit ini dibelanjakan sama ada benar untuk rakyat ataupun untuk masalah-masalah lain. Wallahuallah. Kalau kita perhatikan juga keperluan rumah-rumah di Negeri Terengganu mengikut rekod UPEN, tahun 1996 hingga 2000 jumlah keperluan rumah ialah 228,926 tapi yang sempat dibina sehingga sekarang hanya 24,491 buah saja yang mana 204,435 masih diperlukan. Oleh itu, langkah Kerajaan Pusat membatalkan pembinaan 13 projek rumah murah bernilai RM95.712 juta adalah satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan, jauh sekali jika nak dipanggil yang disifatkan 'ihsan'. Bagaimanakah pemimpin yang tidak ada sifat 'ihsan' ini hendak diamanahkan menguruskan wang ihsan. Ini satu persoalan yang sangat berat untuk kita beri pertimbangan.

Tuan Yang Dipertua, langkah kerajaan menggalakkan pembinaan rumah awam kos rendah amatlah dialu-alukan kerana ramai di antara rakyat yang tidak berumah adalah dari golongan miskin. Jika ada kemampuan dan sekiranya wang royalti dapat diperolehi kembali adalah dicadangkan supaya golongan ini dapat diberi kemudahan pinjaman tanpa riba yang meringankan bebanan golongan miskin ini di dunia dan selamat di akhirat kelak daripada azab neraka. Betapa besarnya dosa mereka yang cuba menghalang usaha yang murni ini dengan merampas wang hak rakyat Terengganu Darul Iman ini. Kadar pembinaan yang ada sekarang patut dipertingkatkan lagi bagi mengatasi keadaan permintaan rumah yang begitu tinggi.

Tuan Yang Dipertua, usaha kerajaan untuk menyusun semula kampung-kampung tradisional yang sesak adalah besar ertinya kepada rakyat yang hidup di kawasan yang sesak dan tiada kemudahan asas serta kawasan persekitaran yang tidak sihat. Keadaan seperti ini amat ketara jika dilihat di sekitar Bandar Kuala Terengganu sebagaimana contoh yang disebutkan tadi di kepulauan, di muara Negeri Terengganu ini. Oleh itu, saya mencadangkan supaya projek pembangunan Pulau Duyung Besar, Pulau Duyung Kecil, Pulau Ketam dan Pulau Besar dapat disegerakan. Keadaan ini perlu kerana kawasan ini merupakan, pertamanya kawasan laluan utama bagi pelancong-pelancong yang akan melalui Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dengan itu ia menjadi gambaran imej

12 DISEMBER 2000

Negeri Terengganu Darul Iman. Keduanya, ianya dapat dibangunkan secara bersepadu dengan industri maritim yang telah sedia ada. Dan ketiga, jika berlaku sesuatu wabak penyakit yang sukar dikawal kerana persekitaran yang kita tahu yang sangat kotor ini, sudah tentu ianya akan menjejaskan sektor pelancongan di negeri ini. Yang keempat, taraf hidup kaum nelayan yang selama ini selalu ketinggalan juga insya Allah, dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang Dipertua, yang ketiganya bagi penagih dadah pula kerana bilangan yang sangat besar tadi, dicadangkan supaya diadakan pusat pemulihan bersepadu. Kaedah yang diamalkan oleh Pusat Serenti sekarang didapati kurang berjaya kerana kadar kes berulang adalah sangat tinggi sedangkan belanja setiap penagih adalah sekitar RM14.00 seorang sehari. Satu kadar yang sangat tinggi. Pusat pemulihan bersepadu ini sepatutnya digabungkan di antara pemulihan secara Islam dan perubatan moden serta disediakan peluang-peluang pekerjaan setelah mereka dibebaskan seperti di ladang-ladang yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri ataupun kilang supaya pergerakan mereka ini dapat diawasi dari masa ke masa; dan bagi mengelakkan mereka bergaul semula dengan kumpulan penagih atau digoda, didekati oleh pengedar dadah. Kerajaan Terengganu patut menjadi printis bagi program ini. Kelemahan program rawatan sekarang ini di penjara atau di Pusat Serenti ialah tiada pengawasan bila mereka ini dibebaskan. Ianya dapat diatasi dengan disepadukan dengan program UPI dan JSR atau satu unit dalam komuniti untuk mengambil tugas ini jika penagih ini terpaksa dihantar pulang dalam masyarakat suatu masa kelak. Satu peruntukan khusus patut diambil kira bagi membiayai program ini sama ada melalui YPK atau lain-lain agensi yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa sekadar itulah apa yang dapat saya cadangkan pada waktu ini semoga ianya dapat memberi kebaikan untuk kita semua. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Saya nak buka peluang kepada pihak pembangkang kalau sekiranya ada? Kalau tak ada ... silakan Wakil dari Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan pemerhati sekalian.

Dalam belanjawan yang dibentangkan semalam menggambarkan kepada kita suatu belanjawan yang berhemat dan menggambarkan kesungguhan kerajaan dalam membangunkan rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman. Belanjawan ini juga menggambarkan keyakinan Kerajaan Barisan Alternatif, walaupun ditekan dan ditindas mereka percaya dengan janji daripada Allah s.w.t:

ان الله هو الرزاق ذو القوة المتين

Sesungguhnya Allah Yang Maha pemberi rezeki kepada kita, Yang Maha Kuat lagi Maha Teguh. Dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri yang bermula daripada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang sanggup menyumbangkan RM56,550 ke dalam Tabung Darul Iman iaitulah kira-kira sebulan gaji masing-masing, yang disiarkan dalam Warta pada hari semalam. Sepatutnya menjadi pengajaran kepada

12 DISEMBER 2000

kita semua dan menjadi iktibar kepada rakyat seluruhnya bagaimana pengorbanan Kerajaan Negeri yang bermula daripada pihak atasan untuk melihat masyarakat bawahan dalam keadaan baik. Langkah jimat cermat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri mestilah diguna pakai oleh kita dalam keadaan baik. Banyak perkara yang mesti kita laksanakan, di antaranya kita boleh memendekkan ucapan-ucapan telefon, menjimatkan penggunaan elektrik, menjimatkan penggunaan air dan seumpamanya. Ini di antara langkah-langkah yang mudah, yang boleh kita mengawal keadaan ekonomi negeri kita.

Dalam belanjawan ini kerajaan mestilah melihat kepada keutamaan masyarakat bawahan seperti perumahan kos rendah, tempat tinggal kepada mereka dan kemudahan asas yang masih belum sempurna. Dalam jawapan bertulis yang diberi kepada soalan saya, tentang kemudahan asas yang menyatakan semua daratan di Terengganu mempunyai kemudahan asas yang cukup kecuali Pulau Kapas dan Pulau Tieng yang tidak ada kemudahan air yang cukup. Saya merasakan bahawa jawapan ini adalah tidak tepat. Kerana saya melihat dalam kawasan daerah Dungun sahaja, saya tidak meninjau kawasan-kawasan yang lain, banyak kemudahan asas yang belum sempurna. Dalam DUN Paka, kawasan Durian Mentangau belum ada lagi talian telefon. Dalam DUN Bukit Besi, masih banyak belum ada talian telefon dan DUN Rantau Abang dalam kawasan Tok Kiah, kawasan Padang Pulut. Kampung Delong sebahagiannya, Serdang, Kelu dan seumpamanya masih belum ada talian telefon. Demikian dalam DUN Rantau Abang masih banyak kampung-kampung yang tidak ada kemudahan air yang bersih. Di Kampung Bemban tidak ada kemudahan air yang bersih. Kampung Padang Pulut adalah kampung masyarakat penduduk yang tidak ada kemudahan air bersih. Dan banyak lagi tempat-tempat yang tidak ada talian elektrik ke rumah masing-masing.

Saya tidak menyalah Barisan Alternatif yang diangkat oleh masyarakat pada hari ini, yang menerajui Kerajaan Negeri Terengganu yang usianya baru setahun jagung. Tetapi kita menyelahkan kerajaan yang lepas, yang diberi mandat oleh rakyat seluruh negeri yang memerintah berpuluh-puluh tahun tetapi mereka tidak mengambil hirau masalah kemudahan asas sedangkan diberi kekayaan hasil royalti hampir RM7 bilion kepada kerajaan kita. Di manakah kewangan itu? Walaupun mereka mengatakan bahawa mereka membina segala-gala, meninggalkan kemudahan yang banyak kepada Kerajaan Barisan Alternatif. Tetapi pada masa yang sama mereka meninggalkan beban hutang lebih daripada RM700 juta kepada Kerajaan Barisan Alternatif. Dan tidak lain apa yang saya perhatikan mereka dinafikan hak kemudahan asas, tidak lain dan tidak bukan kerana mereka menyokong Parti Islam se-Malaysia (PAS). Majoriti penduduk di kawasan ini adalah penyokong-penyokong PAS. Dan kita melihat di awal tahun 90-an, bukan saja mereka dinafikan hak penggunaan asas tetapi mereka didera oleh kerajaan dahulu dengan menghantar jentolak-jentolak, menggunakan pegawai-pegawai Polis, menghalau penduduk kampung daripada kampung halaman yang diterokai oleh mereka. Dan saya amat berharap kerajaan baru Barisan Alternatif dapat menilai semula bagaimana istiqamah daripada masyarakat bawahan ini yang bersama-sama dengan Barisan Alternatif, yang memerlukan pembelaan dan kesejahteraan hidup sebagaimana orang lain di bandar yang mengalami kesejahteraan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam membangunkan negeri ini semua pihak mestilah bekerja bertungkus lumus termasuklah pemimpin-pemimpin tertinggi, pegawai kerajaan dan kakitangan kerajaan di semua peringkat mestilah meningkatkan prestasi kerja, kita mesti menjaga masa dan seumpamanya. Ayat yang biasa kita baca:

12 DISEMBER 2000

والعصر ان الانسان لفي خسر.

Manusia itu dalam keadaan rugi, kata Allah yang menyalahgunakan masa yang dikurniakan oleh Allah. Kita melihat ada jabatan-jabatan, bukan secara keseluruhan tetapi sebahagian kecil yang kita menghubungi masa-masa kerja tidak tahu di mana pegawai-pegawai mereka. Perkara ini hendaklah diambil tahu oleh kepimpinan Kerajaan Negeri dalam keadaan baik. Saya yakin dan percaya apabila Enakmen Hisbah diluluskan nanti insya Allah, perkara ini dapat diatasi dalam keadaan baik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Exco Pelancong Negeri yang berjaya menarik pelancongan yang banyak ke negeri kita setelah pemerintahan Kerajaan Barisan Alternatif. Dan ada ura-ura membangunkan Rantau Abang yang ada dalam lipatan sejarah sebelum ini dengan pelancongan yang cukup baik. Cuma suka saya memberi pandangan, walaupun ada pihak-pihak tertentu yang mencadangkan untuk memajukan pusat pelancongan, kita mesti melihat adakah mereka mengira keuntungan mereka semata-mata. Ataupun mereka juga melihat bagaimana peradaban Islam yang hendak dikekalkan oleh kerajaan kita. Mestilah syarikat-syarikat yang menawarkan hendak memajukan Rantau Abang dan seumpamanya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam menjamin kehidupan masyarakat yang lebih baik pihak Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Wanita Negeri, iaitulah MAWADAH yang berjaya mengaturkan program dalam 6 bulan pertama tahun ini. Syabas kepada Kerajaan Negeri yang memberikan peruntukan, mudah-mudahan pada masa akan datang Jawatankuasa ini dapat bergerak dalam keadaan yang lebih baik daripada masa ke semasa.

Dan kita melihat dalam masalah petroleum yang dirampas oleh Kerajaan Pusat, mereka melantik satu jawatankuasa luar dikenali sebagai JPP, Jawatankuasa Pembangunan Persekutuan. Yang memelikkan, mereka memilih Ketua JPP daripada orang Perak juga walaupun dia mengkritik Suruhanjaya Hisbah, konon mengambil Pengerusi Hisbah daripada orang Perak, JPP juga melantik daripada orang Perak, orang Grik. Di manakah keupayaan UMNO Negeri Terengganu dalam hendak menguruskan kewangan yang dikatakan 'ihsan' kepada mereka ini.

Dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan juga kepimpinan Kerajaan Negeri yang tidak mengambil sikap balas dendam kepada Kerajaan Pusat dengan mengadakan hubungan yang baik dan akan meneruskan peruntukan kepada Wakil Rakyat daripada pembangkang. Dan saya menarik ucapan Yang Amat Berhormat di Stadium Sultan Ismail, yang pernah menyebut bahawa kita bersikap baik kepada sesiapa:

رموها بالاحجار وترميهم بالثمار

Mereka melontar kita dengan batu tetapi kita membalas mereka dengan buah-buah yang baik, mudah-mudahan menjadi pengajaran kepada mereka. Oleh sebab itulah, dalam apa-apa perkarapun kita mestilah melaksanakan sesuatu perkara dengan mengikut peraturan yang sebenar.

Dalam jawapan yang diberikan oleh Exco semalam tentang projek loji air di Serdang, saya mencadangkan supaya projek ini tidak dibenarkan meneruskan usaha lagi buat sementara,

12 DISEMBER 2000

sementara sebelum perjanjian dapat diselesaikan dalam keadaan baik. Kalaulah warung-warung yang kecil yang tak mengikut peraturan kita boleh mengarah dirobuhkan begitu saja, mengapa projek mega yang begini besar kita menafikan hak rakyat dan seumpamanya. Tidak ada perjanjian, tanah rakyat diambil dalam keadaan banyak. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengadakan perjanjian yang betul-betul kukuh dengan masalah ini mudah-mudahan memberi kebaikan kepada kita bersama.

Dan insya Allah, saya yakin dan percaya dengan pengorbanan daripada kepimpinan Kerajaan Negeri, dengan kesungguhan pegawai-pegawai, dengan kesabaran orang-orang bawahan insya Allah, kita akan diberi kejayaan dan diberi kemudahan oleh Allah s.w.t. Mudah-mudahan belanjawan kali ini mendatangkan natijah yang baik kepada kita. Wallahualam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Abang. Perbincangan diteruskan. Sila, Air Putih --

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAH, BIN HARUN (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang dihormati Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillah syukur kita kehadiran Allah s.w.t. kerana pada pagi ini, hari ini kita dapat lagi berada di dalam Dewan yang mulia ini dengan sedikit nyawa, nafas yang diberi oleh Allah s.w.t. kepada kita semua. Saya juga ingin berecakap sepatah dua di dalam Dewan ini untuk memberi sokongan di atas ucapan belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar pada pagi semalam.

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana kerajaan di bawah pimpinan Barisan Alternatif, pimpinan PAS baru hanya setahun jagung memerintah Negeri Terengganu ini tetapi telah dapat memberi keselesaan kepada rakyat dalam menyelamatkan rakyat daripada dosa yang selama ini dibiarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional mengikut bidang kuasa Kerajaan Negeri terutama sekali melalui pinjaman riba yang selama ini diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Alhamdulillah, sejak daripada semalam hingga ke hari ini kita lihat antara ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maka saya bersyukur juga kehadiran Allah s.w.t. dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Terengganu kerana pada tahun 1999 cepat sedar, kalau tidak saya rasa Negeri Terengganu ini tinggal tulang. Oleh kerana projek-projek yang begitu besar tidak ada perjanjian, KETTINGAIL, Felca, Felera dan sebagainya sehinggakan tidak ada perjanjian yang begitu dikatakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, kalau tidak UMNO, Barisan Nasional ni orang lain tidak boleh memerintah. Maka Alhamdulillah, dengan kesedaran rakyat dalam tahun 1999 telah membuat perubahan di dalam Negeri Terengganu ini. Alhamdulillah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Negeri Terengganu kerana sempat membuat kesedaran di dalam Negeri Terengganu kita ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyetuh beberapa perkara yang dikemukakan dalam belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar terutama sekali berhubung dengan perumahan yang akan diteruskan oleh pihak kerajaan. Inilah perkara yang perlu kita alu-alukan walaupun setakat ini pihak Petronas tidak membayar lagi wang royalti minyak

12 DISEMBER 2000

kepada Kerajaan Negeri Terengganu tetapi dasar prihatin Kerajaan Barisan Alternatif kepada rakyat. Maka Alhamdulillah, dengan ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar ingin meneruskan projek-projek perumahan kerana inilah perkara yang disungut oleh seluruh di dalam Negeri Terengganu ini berhubung dengan kedudukan rumah di dalam Negeri Terengganu ini. Terdapat juga Tuan Yang Dipertua, di kawasan saya sendiri ada di antara keluarga yang lebih daripada dua keluarga di dalam satu buah rumah kerana tidak penempatan yang selama ini digembar-gemburkan dengan pembangunan oleh Kerajaan Barisan Nasional, di sana pembangunan, di sini, pembangunan rupa-rupanya itulah omong-omong kosong saja.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya juga menyebut beberapa perkara di dalam ucapan sokongan saya kepada ucapan belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, iaitu berhubung dengan pertanian. Saya mengalu-alukan di atas ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat berhubung dengan ingin memajukan Negeri Terengganu ini dengan bahan makanan terutama sekali padi. Oleh kerana inilah sumber utama kepada rakyat Negeri Terengganu dan saya menyeru kepada Kerajaan Barisan Alternatif supaya memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan tanaman padi di dalam Negeri Terengganu ini dan memperbanyakkan lagi alat-alat jentera untuk mengurus tanaman padi dalam Negeri Terengganu kita ini. Oleh kerana kawasan dalam negeri kita ini boleh dikatakan kebanyakan kawasan berpaya sesuai ditanam oleh tanaman padi di dalam Negeri Terengganu kita ini. Di kawasan saya sendiri dalam DUN Air Putih, Tuan Yang Dipertua, ada beberapa tempat kawasan sawah yang ditanami padi tetapi barangkali sedikit masalah berhubung dengan jentera, maka saya menyerulah kepada kerajaan yang ada ini, pada tahun ini insya Allah, mudah-mudahan kerajaan akan mengambil perhatian yang serius berhubung dengan tanaman padi di dalam kawasan DUN Air Putih.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya sebut lagi beberapa perkara iaitu berhubung dengan kedudukan di dalam rancangan-rancangan Felda yang sekarang ini boleh dikatakan kebanyakan generasi yang kedua, yang telahpun berumah tangga sekarang ini tidak mempunyai tanah tempat duduk dan tidak mempunyai rumah tempat kediaman. Dan saya mengharap pihak kerajaan membuat perhatian kawasan-kawasan pedalaman yang menyertai rancangan-rancangan Felda dan Felcra supaya mengutamakan generasi yang kedua ini mudah-mudahan rakyat dan Negeri Terengganu tidak ada lagi rakyat yang tidak mempunyai tanah dan rumah.

Satu perkara lagi yang ingin saya menyentuh dalam belanjawan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar berhubung dengan perbekalan air. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebut berhubung dengan bekalan air di kawasan saya sendiri iaitu di kawasan Air Putih, iaitu satu loji perbekalan air di Cerol. Yang mana loji itu dibina yang dapat diguna pakai pada tahun 1978 tetapi sekarang ini, pada mulanya loji itu dibina hanyalah untuk menampung keperluan penduduk di sekitar Ceneh dan Cerol tetapi sekarang ini oleh kerana penambahan penduduk sekitar Neram dan kawasan di sekitarnya menyebabkan bekalan air tidak mencukupi dan terpaksa saat-saat mutakhir ini kedudukan air terpaksa dicatu oleh kerana keupayaan loji itu sendiri dapat menampung kadar penduduk di persekitaran pedalaman. Apatah lagi kawasan yang saya sebutkan itu kawasan yang berbukit amat sukar sekali sekiranya pihak jabatan SATU tidak dapat menyalurkan air oleh kerana kawasan perbukitan ini sukar untuk kita menggali telaga oleh kerana kawasannya tinggi. Maka saya mengharap kan sangatlah kepada pihak kerajaan untuk membuat perhatian apa yang saya sebutkan ini. Apatah lagi beberapa tempat di kawasan pedalaman sekarang ini walaupun 10 tahun, melebihi 10 tahun paipnya di dalam tanah tetapi airnya tidak keluar setitikpun di rumah masing-masing oleh kerana bekalan air tidak

12 DISEMBER 2000

mencukupi. Inilah yang digemburkan oleh Barisan Nasional dulu mengatakan diolah 'bapak segala pembangunan' untuk kepentingan rakyat, maka kita lihat pada hari ini, sampai kita perintah hari ini, airpun tidak boleh lagi. Itu keperluan asas, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebut juga berhubung dengan perpecahan masyarakat yang dilaung-laungkan oleh pihak Barisan Nasional, seolah-olahnya Kerajaan PAS yang memecah-belahkan masyarakat. Tetapi nyata pada hari ini kita dapat mengatakan merekalah golongan yang memecah-belahkan masyarakat dulu dengan tajaan dua Imam sekarang ni dengan tajaan dua Jawatankuasa Kampung, satu JSR, satu JKKK dan satu lagi JPP. Saya sifatkan JPP ini 'Jawatankuasa Perompak Profesional', maaf Yang Dipertua. Jika sekiranya kita melihat golongan ini yang berjalan di mana-mana, kita akan perhatikan kepala mereka akan memikirkan di mana lagi wang ataupun barang-barang kita yang akan dirompak.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil perhatian berhubung dengan pusat-pusat pendidikan Islam. Oleh kerana kawasan-kawasan pedalaman boleh dikatakan tidak ada sekolah-sekolah agama dibina oleh pihak kerajaan, maka saya mengesyorkan pihak kerajaan mengambil perhatian bukan saja di kawasan bandar tetapi di dalam kawasan pedalaman juga diambil perhatian berhubung dengan penubuhan pusat-pusat pengajian Islam. Semoga para-para pelajar yang ada di dalam kawasan pedalaman tidaklah begitu susah untuk turun ke bandar untuk mengambil pengajian Islam yang disediakan oleh pihak kerajaan di dalam kawasan bandar.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan Kerajaan Tempatan kita amat mendukacita sekali Tuan Yang Dipertua, telah lama begitu Kerajaan Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu ini, saya boleh katakan seluruh Kerajaan-kerajaan Tempatan yang ada di dalam Negeri Terengganu ini sepatutnya telahpun dapat berdikari dengan sendiri tetapi rupa-rupanya masih banyak lagi Kerajaan-kerajaan Tempatan yang bergantung kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat oleh kerana hasilnya, hasil Kerajaan Tempatan yang tidak ada hasil dalam Kerajaan Tempatan. Cuma yang adanya di Dungun dan di Kemaman, itupun bukan kerana kebijaksanaan pemerintahan dulu itu disebabkan oleh kerana kebetulan kilang Petronas itu bertempat di Kemaman maka tumbuilah industri-industri yang banyak di kawasan Kemaman yang menyebabkan Kerajaan Tempatan Kemaman dapat hasil yang begitu banyak dan dapat berdikari dengan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa pada hari ini saya ingin sampaikan salam kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat, sekiranya Kerajaan Pusat menganggap kepimpinan Barisan Nasional Negeri Terengganu, UMNO Negeri Terengganu mempunyai pemimpin yang bertokoh, yang mempunyai pendidikan yang tinggi, saya mencabar pada hari ini supaya Kerajaan Pusat melantik wakil daripada UMNO Negeri Terengganu menjadi salah seorang Menteri Pusat. Jika sekiranya cabaran saya ini berjaya, saya harap UMNO Negeri Terengganu bolehlah hantar pisang emas sesikat di rumah saya, insya Allah. Jika sekiranya cabaran saya ini tidak diterima, saya yakin Kerajaan Pusat pun beranggapan

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan Tuan Yang Dipertua. Saya minta penjelasan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Sila –

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Wakil Air Putih, nak sampai salam ke, di sampaikan salam? Ayat molek sedikit.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dua-duapun bolehlah, insya Allah. Jika sekiranya cabaran saya itu tidak diterima, saya menganggapkan Kerajaan Pusat pun menganggap kepada kepimpinan Negeri Terengganu, orang yang tidak mempunyai tokoh yang boleh dilantik menjadi Menteri dalam Kerajaan Pusat. Kerana telahpun dua penggal Negeri Terengganu ini tidak mempunyai seorang Menteripun di dalam Kerajaan Barisan Nasional di Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, agaknya sekadar itulah ucapan saya pada pagi ini. Dan saya ingin memperingatkan kepada diri saya yang begini sesudah saya tua, rambutpun

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Semacam pendek nafas saja bunyi?

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): rambutpun dah nak beruban, saya memperingatkan setelah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah Negeri Terengganu ini, moga-moga kita sama-sama berjalan memerintah negeri ini dengan baik, dengan kehendak Allah s.w.t. Dan tidak ada lagi orang-orang yang melakukan kezaliman di dalam negeri kita ini. Dan saya mengharapkan insya Allah, mudah-mudahan wang royalti minyak yang selama ini dirampas, dirompak oleh Kerajaan Barisan Nasional akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, insya Allah. Wabillahi taufik wahidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Dan perbincangan mengenai Belanjawan Tahun 2001 telah diambil bahagian oleh 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan. Dan saya masih buka lagi untuk perbincangan ini, kalau sekiranya sudah tidak ada minat untuk dibahaskan, insya Allah kita boleh ringkaskan perbincangan dan untuk memberi peluang kepada pihak kerajaan untuk menggulung. Walau bagaimanapun peluangnya masih ada, ini saya akan buka lagi. Sila, kepada Yang Berhormat yang berminat. Ya, silakan – sila Yang Berhormat Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati, hadirin, hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Pertama sekali marilah sama-sama kita merakamkan syukur setinggi-tingginya kepada Allah s.w.t. kerana pada pagi yang mulia ini, pada bulan yang cukup berkat ini kita dapat sama-sama berbincang, berbahas berkenaan dengan suatu kerja yang amat penting dalam memajukan, mentadbir Negeri Darul Iman yang kita cinta ini.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian, *Qal Allah Taala* sebagaimana yang diperkatakan dalam ucapan belanjawan Menteri Besar:

..... ولنبلونكم بشئ من الخوف والجوع

12 DISEMBER 2000

Yang maksudnya: *Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan dengan merasai kelaparan, dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira bagi orang-orang yang sabar*

Hadirin tuan-tuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, apa yang diperhatikan sepanjang setahun pengalaman ataupun kerajaan baru mentadbir Negeri Terengganu, saya tidak nampak ada sedikit kekurangan dan perasaan takut dan kelaparan terutama di kalangan pemimpin-pemimpin PAS yang mentadbir negeri ini. Yang mana apa yang kita fahamkan, apa yang didapati dan laporan yang kita terima bahawa telah banyak kawasan-kawasan balak telah diberi kepada pimpinan-pimpinan PAS dan orang-orang PAS. Dan ini sebenarnya sedikit sebanyak bukan menimbulkan kekurangan harta malah

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila ..

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Siapa pemimpin-pemimpin PAS tu? Jangan pakai locong begitu, sebutlah ... bawa bukti.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita ada bukti-bukti, di tangan saya ini ada surat-surat. Jadi, saya rasa kalau nak mungkin selepas inilah. Jadi oleh yang demikian, maka kita juga menerima laporan bahawa ada

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Cuba sebut gok dulu se, acap sangat nampak bunyi pemimpin curi balak. Berapa batang dah dia kebas?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, saya ada ... ini surat-surat yang ada di tangan saya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada ... ada, bacalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya bercakap atas kebenaran.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah benar, bacalah. Baca dah faham, ke dok reti baca? Mari nak tolong baca.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, tak boh tulah ... ada nana di sini, alamat Bukit Bayas.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca sedikit.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, Tuan Yang Dipertua oleh yang demikian, ini adalah sesuatu yang amat sensitif

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukti dok betullah tu, ni dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): apabila dikatakan benda ini dan ini menunjukkan ada kebenaran.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat diminta supaya tunjukkan satu bukti dulu, tuduhan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin yang telah senang linang. Kita kerajaan yang telus, Dewan ini juga mahukan kepada keadilan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ke dok boleh baca?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Okey, oleh kerana permintaan yang bertalu-talu, saya bacalah. Yang pertama, Syed Hasbil Hilmi Syed Omar, yang kedua Wan Hussin Wan Daud, yang ketiga Zaruan Enterprise, yang keempat Pengarah Urusan, Ciri Himat Corporation, Encik Mohd Noor Long, Yang Mulia Tengku Ibrahim, Yang Mulia Tengku Ahmad

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pemimpin PAS ke tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini pemimpin PAS peringkat kampung, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kampung mana?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya nak tahu yang dapat dokumen ni daripada siapa? Ke ada orang dalam hak beri ni? Ini satu salah guna kuasa oleh kakitangan kerajaan tu. Dia ambil dekat mana ni, saya nak tahu dokumen ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ni atas kebijaksanaan kitalah, atas pandai masing-masinglah. Tuan Yang Dipertua, nampak banyak gangguan Tuan Yang Dipertua. Oleh hal yang demikian, oleh kerana benda ni mungkin kena atas kepala bagi orang tertentu jadi benda ni jadi sensitif.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Itu tuduhan Tuan Yang Dipertua. Kita minta penjelasan, kita minta nama tadi bukan gangguan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Seterusnya, oleh hal yang demikian maka

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, bagilah betul-betul yang kita kata ada pemimpin PAS, Wakil Rakyat PAS, mana dia?

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya dok sebut Wakil Rakyat PAS, saya kata pimpinan PAS, di peringkat kampung JSR pun pemimpin PAS juga bukan Wakil Rakyat saja pemimpin PAS.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Zaman dulu pun banyak juga Yang Dipertua, hak pemimpin UMNO yang dapat balak ni, bukan hak bawah saja hak ataspun ada.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, kalau sama hak dulu dengan hak le ni, maknanya PAS dengan UMNO sama sajalah. Pakat masuk UMNO belakalah

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Hak dulu ... Yang Dipertua, hak dulu banyak dia ambil.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Diminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sila ikut peraturan Dewan, sila minta izin untuk berucap dan untuk bercakap. Sila ikut peraturan dan insya Allah, saya akan menggunakan keupayaan yang ada untuk memberi masa seadil-adilnya. Silakan –

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua minta izin, penjelasan. Sebenarnya kalau kena kepala sendiri begitulah Yang Dipertua, bercaca masing-masing, kalau kena kepala kita, kita senyap.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Kepala siapa dia?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Itu penjelasan ke atau apa tu? Yang Berhormat bercakap tadi, penjelasan ke apa?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Itu bukan penjelasan. Lain kali kalau sekiranya nak bercakap di atas penjelasan, biarlah penjelasan yang benar-benar. Silakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, saya harap minta kebenaran dulu daripada Yang Dipertua, jangan buat pembbohongan begitu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, silakan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Jadi oleh hal yang demikian, begitu juga halnya dengan wang 'ihsan' ataupun wang royalti. Jadi, kita nampak pihak kerajaan amat berkecualu apabila Kerajaan Pusat menukar pemberian 'ihsan' dan 'royalti'. Jadi ini menunjukkan bahawa

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua,

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): walaupun dalam keadaan mereka tidak yakin mendapat wang tersebut tetapi dalam anggaran hasil belanja negeri, kita perhatikan bahawa kerajaan telah memberi satu jumlah yang cukup besar daripada hasil petroleum.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, Wakil Batu Buruk minta laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Silakan –

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Laluan Yang Dipertua, saya minta *point of order* pembbohongan yang dikatakan dalam Dewan ini mesti ditarik balik. Tadi Yang Berhormat Ajil mengatakan pemimpin-pemimpin PAS yang terima balak. Sekarang ni JKKK tu bukan pemimpin.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): JKKK bukan pemimpin PAS, Yang Dipertua, JSR saya kata.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): JSR, beri nama JSR.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, nampak banyak gangguan Tuan Yang Dipertua. Jadi, saya tak boh jelaslah hak tu tapi saya tak akan tarik balik kerana ini adalah kebenaran.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tarik balik, kalau tidak saya buat usul kepada *displinary action*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang ni apabila Yang Berhormat sudah keluarkan kenyataan dan semua kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mestilah disokong oleh fakta dan bukti. Sekarang bukti yang diminta telah diberi dan bukti itu tidak menunjukkan kepada apa yang telah diucapkan. Sila buktikan semula, dipersilakan-

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, saya cadang supaya perkara ini dirujuk kepada *Privilege* di dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya masih beri peluang kepada Yang Berhormat untuk membuat pertimbangan terakhir.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua:

قل الحق ولو كان مرا

Apa yang saya katakan ini benar dan tidak ada yang benar selain benar, benar belaka. Oleh yang demikian, saya tidak akan menarik balik terhadap apa yang saya perkatakan tadi. Terima kasih.

12 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, saya berdiri di Dewan ini dengan mengusulkan supaya Yang Berhormat Ajil dirujuk kepada *Committee of Privilege*.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila ulang balik Yang Berhormat, tak jelas.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya mengusulkan supaya Yang Berhormat Ajil yang telah membohongi Dewan ini dirujuk kepada Jawatankuasa Tataertib Dewan untuk *ruling*.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, atas asas apa usul tadi dikemukakan dengan serta merta Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Atas pembohongan. *The Committee of Privilege* akan siasat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tentulah mesti disebut atas asas apa, bab apa yang membolehkan usul tadi dikemukakan dalam Dewan ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Jangan pakai sembarangan saja.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya menyokong usul berkenaan daripada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguh Dewan ini untuk 10 minit dan akan disambung semula untuk meneruskannya pada pukul 12.40.

DEWAN DITANGGUKAN SEMENTARA PADA PUKUL 12.30 TENGAH HARI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 12.45 TENGAH HARI.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Dewan disambung semula

Merujuk kepada perbahasan yang sedang berlaku di atas ucapan perbahasan belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Wakil daripada Ajil sebentar tadi. Saya telah membuat pengamatan terhadap ucapan itu, maka saya dapati bahawa ucapan itu ada unsur-unsur dan diyakini ianya mengandungi suatu tuduhan, tohmahan yang tidak ada alasan dan bukti yang menyokong terhadap tuduhan itu. Mengikut peraturan, Yang Berhormat hendaklah menarik balik tohmahan ini kalau tidak tarik balik saya terpaksa menggunakan peraturan-peraturan yang ada. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

12 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tetap tegaskan saya tidak akan menarik balik terhadap apa yang telah saya perkatakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mengikut Peraturan 51(2) Peraturan Tetap Dewan, oleh kerana Yang Berhormat telahpun tidak mahu menarik balik mengikut perintah yang dibuat oleh Yang Dipertua, saya minta supaya Yang Berhormat meninggalkan Dewan ini sekarang juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidakkah Yang Berhormat menggunakan 51(3) di mana masalah ni dikemukakan kepada Dewan untuk dibuat pengundian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya mencadangkan, kalau begitu kedudukannya Yang Berhormat menggunakan Fasal 51(3).

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya masih nak menggunakan 51(2).

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Alhamdulillah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

[*Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid (Wakil Ajil) meninggalkan Dewan*]

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan perbincangan terhadap belanjawan 2001 telahpun berlangsung kira-kira hampir dua jam setengah. Bagi merehatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka Dewan ini saya tangguh sehingga kepada 14 haribulan tepat jam 9.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAH HARI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 14 DESEMBER 2000**

Hari Khamis
14 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 92]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 96]
3. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Perbekalan (2001) 2000* [Muka 113]
[**SAMBUNGAN PERBAHASAN**]

14 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

14 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

14 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJM.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

- Dengan Maaf

14 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan 'a. Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT..ASM..KMN..PJC..PJK..BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

14 DISEMBER 2000

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula dengan sama-sama kita membaca umul Quran – Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua-ketua Jabatan, para pegawai, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pertama saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana dua hari yang lalu kita tidak dapat menghabiskan semua soalan-soalan maka pada hari ini, saya ingin menarik perhatian bahawa untuk menentukan seboleh-bolehnya semua soalan itu dijawab di dalam Dewan ini, maka saya menghadkan soalan tambahan hanya sekadar tiga saja. Setiap soalan hanya dibenarkan tiga soalan tambahan, oleh itu gunakan kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan secara yang lebih spesifik mengenai soalan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita teruskan mesyuarat dengan menjemput Yang Berhormat Dato' Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama saya telah ditolak, soalan yang kedua –

Dalam Persidangan Pertama, Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Kesepuluh yang telah diadakan pada 23 Disember 1999, Kerajaan telah berjanji akan memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang jahitan, kraftangan dan komputer. Sehingga hari ini, berapa ramaikah ibu-ibu tunggal yang telah mendapat latihan di dalam bidang-bidang tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, biarlah saya baca dulu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik – Dalam Persidangan Pertama, Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Kesepuluh yang telah diadakan pada 23 Disember 1999, Kerajaan telah berjanji akan memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang jahitan, kraftangan dan komputer. Sehingga hari ini, berapa ramaikah ibu-ibu tunggal yang telah mendapat latihan di dalam bidang-bidang tersebut?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sehingga ini seramai 12 orang ibu tunggal yang mendapat latihan dalam bidang jahitan. Manakala setakat ini belum ada lagi ibu-ibu tunggal yang memohon untuk mendapat latihan dalam bidang komputer dan kraftangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah halangan-halangan yang dihadapi sehingga tiada ibu tunggal yang mendapat latihan dalam kraftangan dan komputer?

14 DISEMBER 2000

Begitu juga dengan jahitan, hanya 12 orang saja ibu tunggal dalam seluruh Negeri Terengganu yang mendapat kemahiran. Dan ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak menunaikan janji sebagaimana dijanjikan dalam persidangan Dewan yang lalu.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kelas jahitan untuk wanita baru saja beroperasi pada bulan Oktober 2000 lalu setelah semua keperluan seperti pembelian mesin-mesin jahit, pemilihan tempat dan sebagainya disempurnakan. Buat permulaan seramai 160 orang peserta yang telah mengikuti di kelas jahitan yang sedang berjalan di mana kuota bagi ibu tunggal ditetapkan sebanyak 20%. Namun begitu setakat ini sambutan daripada ibu-ibu tunggal untuk menyertai kelas-kelas berkenaan agak kurang menggalakkan. Sebanyak 7 kelas jahitan telah berjalan sebagaimana berikut, kalau perlu kita baca kawasannya, iaitu:

Setiu	-	ada 20 orang peserta, ibu tunggal 7 orang
Marang	-	ada 20 orang, 4 orang peserta
Dungun	-	40 orang, tidak ada permohonan daripada ibu tunggal
Hulu Terengganu	-	20 orang
Kuala Nerus	-	20 orang, ada seorang ibu tunggal
Kemaman	-	20 orang
Kuala Terengganu	-	Akan dimulakan tak lama lagi, insya Allah.

Jumlah 160 dan sekadar 12 orang saja yang kita terima permohonan daripada ibu tunggal.

Manakala kelas jahitan, komputer khususnya untuk wanita memang ada ditawarkan di TESDEC. Walaupun kebanyakan pemohon kursus ini terdiri daripada lepasan sekolah, namun jika ada pemohon daripada wanita dewasa termasuk ibu-ibu tunggal yang berminat boleh juga memohon. Syarat untuk mengikuti latihan kemahiran komputer di TESDEC ialah berumur 18 tahun ke atas, berminat, tidak syarat kelayakan akademik asalkan mereka boleh membaca, menulis. Namun setakat ini menurut rekod, tidak ada permohonan daripada ibu-ibu tunggal yang memohon untuk mengikuti kelas-kelas komputer yang ditawarkan di TESDEC. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya, apakah halangan yang dihadapi? Yang Berhormat tidak memberi jawapan di atas soalan saya tadi. Apakah halangan yang dihadapi sehingga pihak kerajaan tidak dapat mengadakan kelas-kelas tersebut untuk kebaikan ibu tunggal? Itu soalan saya.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Tidak ada permohonan, tidak ada minat daripada ibu tunggal setakat ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau tidak ada permohonan, tidak ada minat apakah usaha kita dari segi pihak kerajaan supaya mereka berminat dan membuat permohonan?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Kita sentiasa, kerajaan sentiasa menyampaikan maklumat, mesej kepada ibu-ibu tunggal dalam apa juga program yang telah kita adakan dan setakat ini tidak ada permohonan daripada ibu tunggal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kuota dah habis tu, hari ini setakat tiga saja. Soalan berikutnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga –

Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap bendera serta kain pemedang yang dibentangkan oleh PAS di seluruh Negeri Terengganu, terutamanya dalam kawasan pihak berkuasa tempatan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tidak ada apa-apa tindakan diambil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan telah mengarahkan pihak Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan di atas apa yang telah dilakukan itu dengan membentangkan kain pemedang, memacak bendera-bendera PAS di sepanjang jalan di seluruh Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak dok sebab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukankah untuk kita memacak bendera dan membentang kain rentang memerlukan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Jawab dia tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Apa ... tak dengar jawapan tadi?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Bermakna pihak Majlis Kerajaan Tempatan tidak memerlu memberi kebenaran kepada sesiapa membenteng kain pemedang dan sebagainya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita ada peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Kalau

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu, silakan

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan pertama -

Apakah Kerajaan Pusat pernah memaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri Terengganu mengenai tindakannya merampas royalti petroleum daripada kerajaan dan rakyat negeri ini dan apakah sikap serta pendirian kerajaan berhubung dengan rompakkan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu ingin tahu sama ada Kerajaan Pusat pernah memaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri Terengganu mengenai tindakannya merampas royalti petroleum daripada kerajaan dan rakyat negeri ini dan apakah sikap serta pendirian kerajaan berhubung dengan rompakkan tersebut. Itu soalan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini sehingga ini tidak ada sebarang maklumat secara rasmi dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan apa yang dinyatakan dalam pertanyaan yang tersebut. Dan apa yang kita dapati maklumat itu hanya daripada *press release* ataupun siaran akhbar yang dikeluarkan pada 5 haribulan September, contohnya begini (menunjukkan surat siaran akhbar) ini *standard, press release* yang dibuat oleh Kementerian Kewangan bukan untuk ini saja tapi yang lain-lain pun beginilah bentuknya. Ini saja yang kita terima. Dan perkara ini sebenarnya kita telah sebut malah saya sendiri telah sebut dalam Parlimen pun, cara yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ini cara yang tidak beradab sebenarnya, yang di luar kerja-kerja orang yang mempunyai tamadun apa lagi dalam hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Ini saya sebut secara jelas di hadapan mereka-mereka pimpinan itu dalam Parlimen. Tapi tak ada jawapanlah daripada sebelah sana.

Kemudian apakah sikap serta pendirian kerajaan berhubung dengan rompakkan tersebut. Pendirian kerajaan, kita tetap menyatakan bahawa royalti itu hak rakyat Negeri Terengganu yang mesti

14 DISEMBER 2000

disalurkan melalui kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Kalau rakyat memilih BN maka itu disalurkan melalui BN, rakyat telah memilih Alternatif yang dipimpin oleh PAS mesti disalurkan melalui kerajaan yang dipilih. Inilah pendirian kita berhubung dengan royalti ini.

Adapun langkah-langkah yang kita buat supaya royalti ini dikembalikan ada beberapa langkah yang kita lakukanlah. Antaranya, kita telah menjelaskan kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu dan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan supaya mereka memahami keadaan yang berlaku berkait soal royalti ini. Dan adapun tindakan-tindakan yang lain, kerajaan sendiri berpendirian bahawa selain daripada tindakan-tindakan itu kita juga akan mengambil tindakan secara *legal*, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah tindakan susulan bagi menggantikan kehilangan dan hasil dari rompakkan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, sebahagian daripada pertanyaan itu telah terjawab dalam ucapan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar. Kalau boleh saya mengulangi antara perkaranya kita sedang mengkaji beberapa langkah yang perlu kita ambil, setengahnya telahpun ambil perjalanan kerana sumber bagi negeri selain daripada royalti terdiri daripada soal hasil ataupun cukai tanah, yang berkait dengan air, yang berkait dengan pembalakan. Kita telah mengambil perjalanan berhubung dengan perkara-perkara ini dengan mengingatkan kepada rakyat, bukan saja rakyat, mereka-mereka yang berkenaan supaya sama-sama bekerjasama dengan kerajaan ke arah meningkatkan hasil negeri.

Dari sudut pembalakan kita telahpun mengambil tindakan untuk menaikkan premium kepada lima kali ganda, sebelum daripada royalti lagi ditarik kita telahpun mengambil, dan kita akan teruskan dengan langkah itu. Dan tindakan mengkaji kawasan-kawasan industri ini dan perkara-perkara yang berkait dengan soal tanah sedang dibuat kajian oleh jabatan-jabatan yang berkenaan khususnya Kewangan dan PTG. Dan kita akan mengambil langkah-langkah yang munasabah daripada semasa ke semasa, insya Allah.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Adakah tapak yang digunakan oleh loji penapisan minyak itu ada perjanjian dengan Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Itu soalan yang berlainan tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak berapa jelas soalan tu, cuba ulang sekali lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahanya, adakah ada apa-apa perjanjian pengguna tapak loji penapisan minyak itu?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tapak apa? Tak jelas, tapak apa tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekejap, saya nak perjelaskan, tapak apa tu? Perjanjian mengenai tapak apa?

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Tapak pemprosesan minyak petroleum.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, suka saya menyebut kebanyakan kawasan-kawasan, tapak-tapak industri termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat itu ialah tapak-tapak yang telahpun diberi milik kepada pihak pelabur melalui pembelian yang mereka buat kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan kes-kes rasuah yang melibatkan kakitangan kerajaan negeri mengikut tahun bermula dari tahun 1995 hingga sekarang dan sejauh manakah tindakan yang telah diambil?

YANG BERHORMAT 'TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, sebelum saya menjawab soalan ini, kita kena tahu apa soalnya. Soalnya begini, sila nyatakan kes-kes rasuah yang melibatkan kakitangan kerajaan negeri mengikut tahun bermula dari tahun 1995 hingga sekarang dan sejauh manakah tindakan yang telah diambil?

14 DISEMBER 2000

Jawabnya, adalah sebanyak 27 kes dan tindakan yang diambil ialah 3 kes dibawa ke mahkamah, 3 kes lagi diambilkan tindakan tatatertib, satu lagi kes telah dilaporkan kepada jabatan yang berkenaan, 8 kes tidak ada keterangan/tidak ada bukti dan 12 kes lagi masih di dalam siasatan BPR.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan Yang Dipertua. Adakah dari sudut kes-kes jenayah yang melibatkan Polis ataupun kes yang melibatkan moral juga terdapat bagi kakitangan kerajaan sepanjang waktu yang sama yang melibatkan Pejabat Agama dan seumpamanya?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Di sini Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak ada kenyataan.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan Yang Dipertua. Dalam dua persidangan yang lepas, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar telah menyebut bahawa ada resit-resit atau bil yang melibatkan orang-orang tertentu pada masa dahulu dalam kes meminum minuman keras dan juga skandal seks dan seumpamanya. Adakah kes-kes ini telah dibawa kepada pihak-pihak tertentu sama ada Pejabat Agama ataupun seumpamanya?

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Setakat yang saya tahu, kes tersebut tidak melibat kakitangan kerajaan tapi terlibat dengan anak-anak syarikat kerajaan Terengganu. Dan kes ini masih di dalam pandangan Hisbah.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Langkap.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan yang pertama –

Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri sepanjang setahun yang lalu untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang setahun sehingga kini untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin iaitu PPRT melebihi RMI juta. Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Nyatakan perbandingan antara jumlah penerima bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah pembiayaan kerajaan negeri dengan penerima bantuan yang sama di negeri ini yang dibiayai oleh kerajaan Pusat?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, bantuan am atau bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diberikan kepada golongan sasaran adalah untuk menolong meringankan penderitaan hidup semasa dengan segera. Dan juga untuk menolong mengembangkan keupayaan mereka dan seterusnya berdikari. Dan meningkatkan penghidupan iaitu bantuan ini adalah bersifat sementara kecuali kes-kes yang tiada harapan untuk dipulihkan. Bantuan ini diberikan kepada golongan yang berkelayakan seperti berikut, iaitu di peringkat negeri:

- Bantuan diberikan kepada balu atau janda miskin yang mempunyai tanggungan anak kecil yang ramai
- Orang-orang cacat
- Orang tua yang daif ataupun tidak ada tempat bergantung hidup
- Dan ketua keluarga yang mencari nafkah mengalami kecederaan teruk, sakit atau tidak dapat bekerja dengan disahkan oleh agensi perubatan.

Untuk maklumat, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah penerima bantuan am sehingga kini daripada Kerajaan Negeri ialah sebanyak 13,287 orang. Sementara skim bantuan bulanan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat iaitu Bantuan Penyaraan Kanak-Kanak ataupun BKK dengan tujuan membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari satu keluarga yang telah kehilangan pencari nafkah ataupun pencari nafkah yang tidak berkeupayaan kerana keuzuran dan kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga ganti.

Yang keduanya ialah Bantuan Penyaraan Orang Tua ataupun Bantuan Orang Tua iaitu BOT dengan tujuan untuk membantu orang-orang yang daif dan miskin khususnya yang tinggal sebatang kara iaitu seorang diri, bagi membolehkan mereka hidup lebih selesa dan sempurna dalam alam sekeliling yang biasa bagi mereka.

Dan yang ketiganya ialah bantuan dalam bentuk Elaun Pekerja Cacat iaitu bagi pekerja cacat hidup berdikari sebagai seorang ahli masyarakat yang produktif. Bantuan diberi sebagai elaun perangsang atau galakan supaya orang-orang cacat lebih berminat untuk bekerja dan berdikari.

Dan bantuan yang telahpun diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat dan diberikan kepada mereka yang disebutkan tadi, iaitu bagi tahun 2000 sehingga Oktober, iaitu bagi Bantuan Kanak-kanak sebanyak 2,348 orang, Bantuan Orang-orang Tua seramai 635 dan Elaun Pekerja Cacat 302. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua. Adakah ada peruntukan khas khususnya kerana kita mendengar mutakhir ini peningkatan mereka-mereka yang kena penyakit masalah mental. Adakah peruntukan khas daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat buat golongan ini dan apakah jenis-jenisnya? Juga termasuk kepada mereka yang terlantar akibat penyakit HIV.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi semua mereka yang cacat yang disebut tadi yang memerlukan bantuan memang pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan bagi mereka ini jika sekiranya mereka tidak dapat tanggungan daripada waris-warisan yang mampu. Jadi kalau

14 DISEMBER 2000

umpamanya orang cacat akal ke ataupun yang terlibat dengan HIV, jika sekiranya mereka ini mempunyai kemampuan dengan harta yang banyak ataupun keluarga mereka di kalangan mereka yang berada maka kita tidak bersedia untuk memberi bantuan kerana mereka tidak tergolong dalam orang-orang yang mempunyai kelayakan untuk mendapat bantuan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk menyediakan pusat pemulihan bagi golongan ini mengikut kaedah dan cara Islam?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Cuba ulang sekali lagi soalan itu, sebab saya ingat soalan itu di luar daripada soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Daripada bantuan ataupun pembiayaan Kerajaan Negeri, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikannya, sebahagiannya untuk menyediakan pusat pemulihan mengikut syariat Islam, mengikut cara Islam kepada pesakit mental ataupun yang terlibat dengan HIV ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kita telahpun mengambil satu tindakan meminta Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengkaji bagaimana kita untuk membolehkan mereka yang cacat akal ini, terbiar untuk ditempatkan dalam komuniti. Adapun mereka yang terbabit dengan jangkitan HIV dan AIDS ini dalam kajian kitalah untuk memastikan bahawa kita dapat menyediakan satu tempat pemulihan. Walau bagaimanapun, ianya banyak berkaitan dengan beberapa teknikal dan juga makenisma yang perlu diambil kira. Kerana kita sedia maklum bahawa sebarang pusat pemulihan mestilah mendapat kelulusan daripada KDN dengan kerjasama Agensi Dadah Kebangsaan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri kita akan berusaha untuk memastikan bahawa ada pusat rawatan bagi mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Waki Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi meneruskan pembiayaan pinjaman Al-Qardhul Hasan kepada usahawan-usahawan kecil setelah penarikan balik royalti petroleum oleh Kerajaan Pusat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Jabi mengemukakan soalan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meneruskan pembiayaan pinjaman Al-Qardhul Hasan kepada usahawan-usahawan kecil setelah penarikan balik royalti petroleum oleh Kerajaan Pusat?

Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri telahpun meluluskan satu peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu untuk membantu usahawan-usahawan

14 DISEMBER 2000

kecil di seluruh negeri melalui satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil Negeri yang akan mengendalikan skim pinjaman syariah yang berteraskan konsep Al-Qardhul Hassan.

Bagi meneruskan pinjaman, pembiayaan pinjaman Al-Qardhul Hassan kepada usahawan-usahawan kecil setelah duit royalti petroleum dinafikan oleh pihak Kerajaan Pusat, antara langkah awal yang telah diambil ialah mengadakan ... kita telah mengadakan satu pertemuan dan perbincangan dengan pihak Menteri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan Usahawan bagi memohon pertimbangan yang sewajarnya supaya sebahagian daripada peruntukan itu dapat disalurkan kepada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu untuk pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah hasil daripada perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan tadi, kerajaan akan meneruskan pinjaman tersebut secara skim Al-Qadhrul Hasan atau menukarkan kepada skim yang lain seperti Mudharabah ataupun Murabahah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tuan Yang Dipertua, hasil daripada perbincangan kita mendapat respon yang cukup positif. Dan ekoran daripada itu perbincangan susulan di peringkat pegawai akan diadakan. Dan kalau ianya dapat disalurkan insya Allah, kita akan teruskan mengikut skim yang kita cadangkan, iaitu skim Qadhrul Hasan, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat ini berapa orangkah yang telah menerima pembiayaan pinjaman Al-Qadhrul Hasan daripada Yayasan Pembangunan Usahawan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, permohonan banyak kita terima tetapi belum lagi kita berikan apa-apa pinjaman dalam skim ini kerana masih tidak dapat peruntukan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua --

Sila nyatakan jumlah sekolah menengah agama milik kerajaan negeri yang telah diserahkan pengurusannya kepada kerajaan Pusat dan nyatakan pampasan atau apa-apa ganjaran yang dibayar oleh kerajaan Pusat?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Jabi ingin mengetahui jumlah sekolah menengah agama milik Kerajaan Negeri yang telah diserahkan pengurusannya kepada Kerajaan Persekutuan dan dia ingin tahu berapa banyak pampasan yang telah diberi.

Jadi, jumlah setakat ininya 5 buah tapi dalam tahun 2000 tidak ada. Yang berlaku 5 buah ni satu buah dalam tahun 1977 Sekolah Menengah Agama Tok Jiring, 1 Januari 1994 ada 4 buah lagi, iaitu Sekolah Menengah Agama Durian Guling, Sekolah Menengah Agama Wataniah, Alur Keladi,

14 DISEMBER 2000

Sekolah Menengah Nurul Ittifaq, Kuala Besut, Sekolah Menengah Agama Batu Rakit. Tiada sebarang pampasan yang diberi.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab utama penyerahan tersebut, apakah disebabkan oleh masalah ekonomi kerajaan pada masa tersebut ataupun disebabkan kelemahan ataupun ketidakmampuan kerajaan yang lalu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan tu tak ada dah, tak boleh jawab sekarang.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHRIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Pimpinan PAS telah berjanji dalam ceramahnya sebelum pilihan raya yang lalu untuk membahagi-bahagikan tanah kepada rakyat yang tidak bertanah. Mengapa kerajaan negeri mengambil tindakan terhadap peneroka tanah di kampung Bukit Cempedak Jalan Batangan Marang dengan merobohkan pagar dan bangsal peneroka tanah tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak minta Wakil Ajil ni, dia baca soalan dia sedikit, saya tak faham bahasa dia. Nak minta dia baca soalan dia tu saya tak faham, bahasa dia tak betul.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ni notis lama dah, bahasa Melayu. Bahasa Melayu jati bukan bahasa Urdu, bukan bahasa Hindustan. Dok kan dok faham?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dia tak mahu baca, saya baca kebodohnya Tuan Yang Dipertua. Pemimpin PAS telah berjanji dalam ceramahnya sebelum pilihan raya yang lalu untuk membahagi-bahagikan tanah kepada rakyat yang tidak bertanah. Bukan yang tidak bertanah 'yang tiada tanah'. Faham tu?

Tuan Yang Dipertua, kita telah membatalkan penutupan permohonan tanah mengikut keputusan kerajaan BN dulu mengikut GN 329/75 dan pembahagian tanah ini sedang dalam proses., permohonan sedang diterima daripada mereka-mereka yang tidak bertanah.

Yang kedua Tuan Yang Dipertua, kerajaan mempunyai aturan-aturan dan peraturan tanah dan juga tertakluk kepada Kanun Tanah Negara. Peneroka Bukit Cempedak adalah didalangi oleh pihak-pihak yang tertentu dan dibuat secara haram.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kenapa tindakan diambil sedangkan janji telah diberi sebelum pilihan raya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Budak ni dok faham Tuan Yang Dipertua. Saya kata, kita ada peraturan dan tindakan diambil kerana tidak mengikut peraturan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, rakyat menuntut janji kerana apabila berjanji kena tunai janji. Oleh hal yang demikian, tuduhan yang mengatakan didalangi oleh pihak-pihak tertentu, saya rasa satu tuduhan yang tidak berasas. Kebanyakan peneroka Kampung Bukit Cempedak ini adalah orang-orang PAS sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, saya tidak perlu penjelasan daripada dia.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Persoalan Tuan Yang Dipertua. Jadi, mereka menuntut janji, ke mana janji tersebut selepas menang pilihan raya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, dia tidak masuk borang permohonan macam mana kita mahu proses.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Walaupun jawapan kurang berpuas hati Tuan Yang Dipertua, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua -

Negeri Terengganu telah dianugerahkan beberapa projek pembinaan baru sekolah. Apakah sikap kerajaan negeri dalam hal pemberian tanah untuk tapak sekolah-sekolah tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua berbunyi: Negeri Terengganu telah dianugerahkan beberapa projek pembinaan baru sekolah. Bukan 'pembinaan baru sekolah' Tuan Yang Dipertua, 'pembinaan sekolah baru'. Apakah sikap kerajaan negeri dalam hal pemberian tanah untuk tapak sekolah-sekolah tersebut?

Tuan Yang Dipertua, pendidikan adalah kewajipan Kerajaan Pusat, pembinaan sekolah bukan anugerah tetapi obligasi ataupun kewajipan. Dan Kerajaan Negeri sentiasa memberi segala ruang untuk meninggikan dan meningkatkan pendidikan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua persoalannya, adakah daerah-daerah yang tidak membenarkan pembinaan sekolah ini dilaksanakan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak berbangkit Tuan Yang Dipertua.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ertinya Tuan Yang Dipertua, semua kawasan ataupun tanah akan diberikan kepada projek ini, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak payah erti Tuan Yang Dipertua, dia minta kita timbang.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cuma pertimbangan begitu saja, Tuan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta ulang balik.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dikatakan tadi, bila minta dipertimbang. Cuma pertimbangan saja, tak dok kelulusan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dia tanya timbang, kita timbang Tuan Yang Dipertua. Kalau nak lulus, kita luluslah mengikut kaedah-kaedah kitalah. Tapi jangan buat rumah dulu baru nak timbang.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada juga kawasan hak buat rumah dulu baru minta pertimbangan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Seterusnya, soalan yang ketiga –

Benarkah KUSZA masih belum mendapat kelulusan Lembaga Akreditasi Negara?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalnya berbunyi: Benarkah KUSZA masih belum mendapat kelulusan Lembaga Akreditasi Negara atau LAN.

Jawab dia, KUSZA tidak perlu kepada kelulusan Lembaga Akreditasi Negara.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Kenapa KUSZA tidak perlu kepada LAN?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang memerlukan pengiktirafan atau kelulusan daripada LAN ialah pusat-pusat pengajian yang ditubuh di bawah Akta 556. KUSZA tidak ditubuhkan di bawah Akta tersebut.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi KUSZA ditubuhkan ... Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon penjelasan, KUSZA ditubuhkan di bawah Akta mana?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, baru ni kita bincang dalam Dewan pindaan terhadap Enakmen penubuhan KUSZA. Jadi, KUSZA ditubuhkan di bawah Enakmen yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jika KUSZA tidak mempunyai Lembaga ataupun kelulusan Lembaga Akreditasi Negara, apakah kesan kepada penuntut-penuntut KUSZA untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, ada masalah sedikit kepada orang yang bertanya, iaitu tidak tahu berkenaan dengan perjalanan pendidikan. Jadi, bila tidak perlu kepada kelulusan LAN maka dia perlu kepada pengiktirafan daripada ... kalau nak kerja pengiktirafan daripada Perkhidmatan Awam, JPA. Jadi, kalau nak sambung pelajaran perlu pengiktirafan kepada pusat-pusat pengajian yang berkaitan. Dia nak sambung ke Timur Tengah, dia perlu pengiktirafan daripada universiti-universiti di Timur Tengah, nak sambung ke universiti dalam negeri dia perlu pengiktirafan daripada universiti-universiti dalam negeri, tak berkaitan dengan LAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama --

Sila nyatakan jumlah perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur sejak Januari 2000 mengikut pecahan sektor/jenis?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Wakil daripada Bukit Besi ingin tahu berhubung dengan jumlah perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur sejak Januari 2000 mengikut pecahan sektor ataupun jenis.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah perbelanjaan untuk infrastruktur sejak Januari 2000 sehingga setakat 15 November 2000 ialah sebanyak RM8,039,874.64. Di mana pecahan mengikut sektor ataupun jenis, ada beberapa pecahan di sini:

1. Pengangkutan sebanyak RM5.2 juta
2. Tenaga dan Kemudahan Awam RM52.2 juta
3. Perumahan RM4.2 juta
4. Majlis-majlis Tempatan/Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat sebanyak RM13.3 juta
5. Pembangunan Kampung dan Masyarakat sebanyak RM5.9 juta

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bermakna beberapa kain-kain pemedang yang dibentang menyatakan RM423 juta yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat melalui royalti minyak dahulu itu adalah tidak benar.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, orang yang jahil saja bercakap begitu.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan yang pertama –

*Dalam usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah kerajaan
Islam yang melaksanakan syariah Islam, nyata:-*

- (a) *Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil.*
- (b) *Apakah halangan dan cabaran yang dihadapi.*
- (c) *Bagaimanakah kaedah-kaedah penyelesaiannya.*

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalnya: Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah kerajaan Islam yang melaksanakan syariah Islam, nyatakan: Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil, apakah halangan, bagaimanakah hendak mengatasi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk melaksanakan pemerintahan cara Islam di negeri ini setakat ini belum lagi menghadapi apa-apa cabaran dan halangan, kecuali cabaran awalnya yang bukan dari sudut pelaksanaan tapi dari sudut alat pelaksanaan, rompak daripada royalti petroleum dan gas. Tuan Yang Dipertua untuk maklumat Dewan, dalam melaksanakan syariah Islam ada perkara-perkara yang tidak payah kita adakan peruntukan dan undang-undang. Umpamanya kita nak menukar skim pinjaman tanpa riba atau Al-Qardhul Hasan yang telah kita jalankan pada kenderaan, komputer, perumahan dan sebagainya telah kita jalankan. Itu tidak perlu kepada apa-apa peraturan dan undang-undang baru. Ini keputusan saja yang kita buat. Dan ada perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang yang belum ada, kita sedang mengadakan. Insya Allah, setakat ini untuk maklumat Dewan, yang kita telah siap tapi insya Allah, kita akan bentangkan ke Dewan ini secara beransur-ansur; kita sudah siap 9 termasuk Hudud yang selalu ditanya. Insya Allah, dia akan kita bentang juga akhirnya sebab draf sudah kita selesaikan.

Kemudian selain daripada itu, setakat ini kita cuba atau meninjau dan meneliti Undang-Undang Tubuh Bagi Kerajaan Negeri Terengganu setakat mana kita boleh melaksanakan dengan Undang-Undang Tubuh yang ada dan jika ada apa-apa perkara yang menghalang, maka kita insya Allah, akan membuat pindaan yang sesuai, insya Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang kedua –

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menyediakan peluang pendidikan Islam yang menyeluruh kepada semua peringkat masyarakat?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan peluang pendidikan Islam yang menyeluruh kepada semua peringkat masyarakat?

14 DISEMBER 2000

Kita telah berjanji dalam manifesto kita di dalam pilihan raya 1999 yang lalu bahawa kita akan menjalankan aktiviti dan kegiatan pendidikan ini melalui beberapa proses. Proses pertama iaitu pendidikan di peringkat kanak-kanak yang mula dengan prasekolah. Kemudian sekolah rendah dan kemudian sekolah menengah rendah, menengah atas dan pusat pengajian tinggi, insya Allah. Semua ini dalam usaha kita.

Dan berkaitan dengan pendidikan masyarakat kita laksanakan melalui beberapa agensi yang sedia ada, umpamanya melalui Jawatankuasa Dakwah atau melalui dakwah Islamiah yang dijalankan oleh dua agensi sekarang ini yang biasa didengari, iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu, Naysan Islam Terengganu dan juga di bawah program YPK dijalankan. Untuk tambahannya, iaitu satu pendekatan baru yang kita perkenalkan melalui dua agensi lagi iaitu yang pertama agensi APL Akademik Pembinaan Insan untuk mendidik anggota masyarakat terutamanya orang-orang yang terlibat di dalam kepimpinan masyarakat seperti JSR, Jaman Bilal, Muadibh dengan memperkenalkan kepada mereka itu Islam yang lengkap dan syumul. Begitu juga UPL Unit Pembinaan Insan juga mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membantu kerja-kerja pendidikan terutama sekali kepada belia-belia dan beliawanis sama ada yang terlibat dalam masalah sosial ataupun tidak. Sekian.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Seberang Takir, dipersilakan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama

Sejauh manakah benarnya dakwaan setengah pelajar tajaan Yayasan Terengganu bahawa Yayasan Terengganu telah gagal memberi pinjaman bagi tahun 2000 walaupun perjanjian telah sempurna ditandatangani?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalnya. Sejauh manakah benarnya dakwaan setengah pelajar tajaan Yayasan Terengganu bahawa Yayasan Terengganu telah gagal memberi pinjaman bagi tahun 2000 walaupun perjanjian telah sempurna ditandatangani?

Jawapannya, tidak benar Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua

Adakah benar Yayasan Terengganu telah membatalkan beberapa perjanjian pinjaman pelajaran? Apakah sebab sebenarnya berlaku pembatalan ini?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan yang kedua: Adakah benar Yayasan Terengganu telah membatalkan beberapa perjanjian pinjaman pelajaran? Apakah sebab sebenarnya berlaku pembatalan ini.

Soalan bahagian pertama, tidak benar. Yang kedua tidak berbangkit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

Berapa banyakkah wang diperlukan oleh Yayasan Terengganu untuk memenuhi perjanjian yang telah ditandatangani oleh pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan ketiga, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Berapa banyakkah wang diperlukan oleh Yayasan Terengganu untuk memenuhi perjanjian yang telah ditandatangani oleh pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu.

Untuk tahun 1 sampai tahun 4, RM33 juta.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama. Jumlah itu adakah meliputi pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar di seberang laut, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, jawab Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, bolehkah tidak diberikan pecahan berapa banyakkah pinjaman diperuntukkan bagi pelajar-pelajar di seberang laut dan pelajar-pelajar dalam negeri, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan ini perlu notis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, Yang Berormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah semua soalan yang diperlu diberi jawapan secara lisan pada pagi ini dapat diselesaikan melalui pendekatan baru iaitu penjimatan masa. Dan Alhamdulillah segala-galanya dapat berjalan dengan baik dan dengan licin.

Saya teruskan Dewan dengan menyambung perbahasan terhadap ucapan belanjawan dan kelmarin telahpun diambil bahagian oleh Ahli Yang Berhormat seramai 7 orang. Sekarang saya bukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

14 DISEMBER 2000

Dipersilakan - Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka bererti

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh,

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa Yang Berhormat Ajil telahpun bercakap semalam maka dia tidak boleh bercakap dua kali dalam tajuk yang sama.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kurang jelas Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi saya kurang jelas. Boleh Yang Berhormat ulang lagi sekali.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat saya telah beri peluang kelmarin, oleh kerana itu peluang itu sudahpun berakhir.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, kelmarin dulu saya telah diberi halangan-halangan untuk memperkatakan sesuatu yang benar. Apa yang saya ingin sampaikan kelmarin

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya telah beri pilihan untuk Yang Berhormat sambung ucapan dengan menarik balik tapi Yang Berhormat memilih jalan kedua maka itulah yang telah berlaku. Sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau saya tidak salah Yang Berhormat telah menggunakan Fasal 51(2). Fasal 51(2) itu kalau saya tidak salah khusus untuk hari, itu saja, mendisiplinkan dengan mengeluarkan Ahli yang berkenaan pada permesyuaratan hari itu saja.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya guna pula fasal lain iaitu 46(ix) - Tidaklah boleh seseorang Ahli berucap lebih dari sekali di atas apa-apa cadangan yang dihadapkan kepada Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa bukan diistilahkan dua kali kalau dibenarkan Wakil Ajil berucap hari ini, sekadar menyambungkan ucapan dia. Tidak bermakna mengulangi ucapan ataupun dua kali berucap.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya buka untuk ucapan perbahasan kalau sekiranya ada. Sila -

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan yang saya hormati sekalian.

14 DISEMBER 2000

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan ucapan belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 haribulan Disember yang lalu. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah dapat membentangkan satu belanjawan yang sekali imbas nampaknya satu belanjawan yang baik dan sesuai dengan kedudukan dan keadaan pembangunan Negeri Terengganu pada hari ini. Tapi kalau kita halusi belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita selidiki dengan halus bahawa belanjawan tersebut merupakan satu belanjawan yang boleh dikatakan 'belanjawan khayalan'. Sebabnya, belanjawan yang dibentangkan berjumlah RM733 juta dan hasil pendapatannya lebih kurang RM720 juta, berlaku defisit lebih kurang RM12.9 juta. Sedangkan hakikat sebenarnya pendapatan hasil daripada Kerajaan Negeri bukan RM733 juta. Sedang belanjawan tersebut dimasukkan perolehan petroleum sebanyak RM540 juta. Saya tak tahu bagaimana perolehan petroleum ini boleh dimasukkan dalam belanjawan yang kita semua sedia maklum bahawa peruntukan petroleum ini telahpun dipinda daripada royalti kepada 'ihsan'.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, penjelasan sedikit sebab dia kata dipinda daripada royalti kepada 'ihsan'. Yang pindanya orang Barisan Nasional bukan kita yang pinda.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Beri saya peluang

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya nak beri amaran Yang Berhormat supaya semua minta penjelasan hendaklah diminta izin terlebih dahulu dan kalau diizinkan baru boleh bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kita dah tahu hasil petroleum kita tak dapat, Kerajaan Persekutuan telahpun membuat keputusan bahawa wang ini akan disalurkan melalui satu jawatankuasa sebagai perantaraan kepada rakyat Negeri Terengganu, mengapa kita masuk dalam belanjawan ini? Sebab itu saya kata belanjawan ini merupakan 'belanjawan khayalan'. Apa akan jadi apabila satu projek yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan tersesbut tidak ada? Bukankah ini akan menjadi satu kesulitan terutamanya kepada rakyat yang beranggapan bahawa kerajaan akan membelanjakan RM733 juta. Dan saya nampak ini merupakan satu sandiwara oleh kerajaan PAS hari ini untuk mengabui pandangan rakyat, untuk mengelirukan

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Izinkan Yang Dipertua, siapa yang sandiwara siapa yang dok sandiwara ni?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nanti sekejap, Yang Berhormat Kemasik laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak akan beri, ini giliran saya berucap. Kalau Yang Berhormat nak berucap, berucap selepas ini.

Ini tidak sepatutnya berlaku pada kerajaan yang ada pada hari ini membentangkan belanjawan yang kita sendiri mampu melaksanakan.

14 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, lalu?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bolah beri laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Wakil Bukit Besi nak bercakap sekejap lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Giliran Yang Berhormat ada. Dua hari lepas Yang Berhormat bercakap kita tidak ada gangguan apa-apa. Masa Yang Berhormat ada.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila -

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang kedua, pihak kerajaan telah beberapa kali mengatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan pemerintahan secara Islam. Satu baru kita dengar, akan melaksanakan pemerintahan secara Islam. Tapi apabila kita tanya bilakah Hudud ini akan dilaksanakan di Negeri Terengganu? Soalan kita ditolak termasuk soalan pada Dewan kali ini. Kerajaan telah berjanji untuk mentadbirkan Negeri Terengganu secara Islam tetapi sehingga hari ini kita tidak nampak lagi bayang-bayang untuk memerintah Negeri Terengganu, sehingga hari ini kita tidak nampak lagi menggunakan yang pelaksanaan secara Islam akan dilaksanakan. Kerajaan masih lagi menggunakan Perlembagaan yang diterima pakai iaitu Perlembagaan tahun 1956 sebagaimana yang dijelaskan oleh kerajaan dalam mesyuarat yang lepas. Sedangkan Perlembagaan yang diterima pakai hari ini, Perlembagaan tahun 1956, Perlembagaan inilah yang dikatakan perlembagaan kafir, perlembagaan thagrut, perlembagaan jahiliah oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar satu ketika dulu. Buktinya, bagaimana yang tercatat dalam Amanat Haji Hadi. Saya ingin memetik kata-kata yang ada berkaitan dengan perlembagaan yang diterima pakai oleh kerajaan hari ini. Petikan tersebut seperti berikut:

Saudara-saudara sekalian percayalah, kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang BN bukan kerana nama BN. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

Perlembagaan mana?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucap terima kasih di atas bacaan itu.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi ucapan terima kasih kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang
Dipertua, minta laluan ... Paka ni?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Paka dah berucap kelmarin.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jiran nak lalu
sekali tak boleh ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya dah peringat dah kelmarin berhubung dengan pembangunan di Paka, itupun dia tak syukur
kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok ... minta
penjelasan hak Yang Berhormat cakap tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Kemasik):
Duduk.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia tak izin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Jadi perlembagaan tersebut merupakan perlembagaan yang diterima pakai oleh kerajaan hari ini.
Saya tak faham. Lepas tu perenggan yang kedua –

*Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan
kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang
dengan puak-puak ini, makna puak-puak yang menggunakan
perlembagaan di atas tadi, kalau mati berlawan ini, mati kita adalah
mati syahid, mati kita adalah mati Islam.*

Bermakna berlawan dengan puak-puak yang menggunakan perlembagaan yang diterima pakai pada
tahun 1956. Saya nak tahu, ucapan Menteri Besar ini ditujukan kepada orang UMNO ataupun
ditujukan kepada orang PAS? Kerana PAS sendiri menggunakan perlembagaan ini setelah setahun
memerintah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, ini merupakan satu sandiwara yang dimainkan oleh kerajaan PAS
hari ini. Cakap dulu lain, hari ini yang dicakap dia gunakan. Bila kita tanya, bila Hudud nak
dilaksanakan, soalan ditolak takut kononnya. Perlembagaan yang sama yang digunakan oleh
kerajaan PAS hari ini. Terpulanglah kepada tafsiran pihak kerajaan hari ini siapa, yang sebenarnya
patut disalahkan.

Yang ketiga, pada 26 tak silap saya, 26 haribulan sepuluh tahun ini Yang Amat Berhormat Menteri
Besar telah menyatakan bahawa minyak telahpun ditemui di darat iaitu di Besut dan Dungun,
bagaimana kenyataan akhbar pada 26 haribulan sepuluh tahun 2000.

14 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah,

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Surat khabar siapa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak kira surat khabar siapa, ini kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar. Macam-macam diperkatakan oleh Menteri Besar dalam akhbar ini kepada pemberita, tak payah saya sebut satu-satu. Tetapi apabila soalan bertulis saya yang ada kaitan dengan penemuan minyak ini, saya ingin baca balik soalan saya - *Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan penemuan telaga minyak di pesisir pantai dan daratan di Dungun dan Besut. Bilakah kajian dijalankan dan berapakah kos kajian serta syarikat manakah yang menjalankan kajian tersebut?* Jawapan yang diterima - *Setakat ini tidak ada telaga minyak yang ditemui.*

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, boleh beri laluan sedikit?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sila

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita terpaksa jawab begitu takut kena rampas pula.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau terpaksa jawab begitu tak kena rampas bermakna PAS sekali lagi bermain sandiwara.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, boleh

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah, masa kerajaan menjawab ada. Dan ini satu pembohongan. Saya nak kata di Dewan ini, satu pembohongan yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengelirukan rakyat Negeri Terengganu ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI HARUN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat, minta laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sila duduk, cakap lepas ni. Tak ada kajian dibuat, tidak ada minyak yang dijumpai tetapi disebar dengan begitu rupa mengatakan bahawa minyak telah ditemui dan satu badan telah dibentuk dan diberi kepada satu syarikat

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, satu kalimah, kalimah 'pembohongan' tu saya nak tanya, boleh diguna ataupun tidak?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Betul, sebab apa yang dikatakan kepada akhbar, apa jawapan yang saya terima berbeza. Berbeza bermakna apa yang diperkatakan akhbar satu pembohongan.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, surat khabar tu hak siapa? Hak tu nak tahu tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau surat khabar ni kata tak betul

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Siapa yang tulis surat khabar tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau kenyataan ini tidak betul mengapa tidak dibuat penafian?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang ni Yang Berhormat rujuk kepada surat khabar dan rujuk kepada jawapan yang diberi oleh kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dan ini merupakan satu sandiwara yang dimainkan oleh kerajaan PAS hari ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mengatakan 'pembohongan' tadi, sila baiki sedikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Memang melawok, kalau orang kampung kata 'memang melawok'. Kenyataan tak betul.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau kata 'kenyataan tak betul' boleh terima. Minta tarik balik perkataan 'bohong'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya sanggup terima apa-apa tindakan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tarik balik perkataan 'bohong' yang saya katakan 'Menteri Besar bercakap bohong'.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan. Menteri Besar tak cakap bohong, surat khabar bohong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau surat khabar bohong fasal apa tidak ada penafian.

14 DISEMBER 2000

Yang keempat, kita tahu kerajaan hari ini telah gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat. Sebab itu arahan dibuat ... mungkin arahan saya tidak nak buat tuduhan sebab saya tidak ada bukti yang sebenar, mungkin arahan telah dibuat kepada semua penyokong-penyokong PAS termasuk JSR supaya dibentangkan bendera-bendera PAS di seluruh Negeri Terengganu untuk mengelakkan pandangan rakyat kepada kelemahan kerajaan yang pada hari ini supaya mereka terus berpolitik sedangkan pilihan raya lambat lagi. Tak perlu tetak bendera di mana-mana sepanjang jalan seluruh Negeri Terengganu. Apabila soalan saya tanya tadi

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan Yang Dipertua. Penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasiq): Dok payah jelas. Apabila saya minta buat soalan, apakah tindakan kerajaan terhadap perkara ini? Yang Berhormat kata tadi 'tak perlu ambil tindakan'. Sudah-olah tidak ada Akta ataupun peraturan-peraturan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Patut jadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran mengambil tindakan. Sebab untuk menggantung poster, kain rentang dan sebagainya memerlukan kelulusan lesen dan sebagainya. Tapi di manakah letaknya Kerajaan-kerajaan Tempatan hari ini sehingga tindakan sedemikian tidak diambil tindakan? Rakyat, penyokong-penyokong PAS disuruh melaksanakan perkara-perkara ini semata-mata untuk melindungi bahawa kerajaan hari ini telah gagal memerintah negeri kita. Dan ini juga satu sandiwara daripada kerajaan PAS hari ini. Sehingga pihak Setiausaha Kerajaan sendiri telahpun mengeluarkan kenyataan bahawa mana-mana pegawai kerajaan yang tidak memberi sokongan kepada kerajaan yang ada hari ini patut berhenti. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan memberi kata-kata ini. Sehingga Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan terpaksa masuk campur dalam hal-hal politik yang jarang-jarang berlaku sebelum daripada ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan yang ada hari ini telahpun tenat, takut kepada bayang-bayang.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua, lalauan. Siapa takut ke bayang-bayang oi? Hak tukang cakap ke

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasiq): Dok-dok ... Yang Berhormat takut sebab tu Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat takut kepada bayang-bayang sebab tu Yang Berhormat bangun.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya dok takut kepada bayang-bayang, orang lak cakap tu nampak cakap tak betul. Cakap bia benda lak betul sedikit gok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasiq): Betu! saya cakap. Pasal apa tidak ada tindakan diambil kepada bendera-bendera yang dibentangkan di tengah jalan, di merata tempat?

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Geram ke tengok ke bendera?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasiq): Bukan kita geram, pihak kerajaan yang takut sehingga mengalihkan pandangan masyarakat.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, bendera tu nampak lawa 'hijau dengan putih' tu sejuk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau lawa, sejuk pasal apa tak letak di rumah kita banyak-banyak biar tutup semua rumah tu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya cukup tak puas hati di atas setengah-setengah pemimpin PAS apabila berlaku sesuatu perkara yang tidak dapat dilaksanakan di Negeri Terengganu seperti projek misalnya, seperti golongan-golongan muda dari segi kelakuan-kelakuan yang tidak baik oleh orang-orang muda kita disalahkan Kerajaan Pusat. Sama juga dua hari lepas sebagaimana Wakil Rantau Abang, jawapan yang diberi oleh kerajaan berhubung dengan kemudahan asas kepada soalan yang ditanya, salah ... seperti contoh bekalan telefon, air, api cukup di daratan cuma di pulau sahaja tak cukup. Tapi Yang Berhormat Rantau Abang kata 'tak betul', sedang ini menjadi tanggungjawab kerajaan yang ada hari ini mengapa salahkan kerajaan dulu. Tak payah sebut yang dulu, hari ini kita diberi kuasa untuk memerintah laksanakan tugas kita, laksanakan apa yang kurang

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): buat apa yang tak ada. Duduk sebelum saya beri laluan ... ini sepatutnya dibuat oleh kerajaan yang ada pada hari ini bukan menyalahkan kepada kerajaan yang lalu. Dan ini menunjukkan bahawa PAS tidak mempunyai kerangka pembangunan yang sepatutnya dirancang untuk membangunkan negeri ini.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Kita ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak ada, kalau ada tak menyalahkan kerajaan lama.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Kita ada ... duit dirompak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kita tahu PAS ditubuhkan 49 tahun yang lalu dan kita tahu sepatutnya strategi, matlamat sesebuah parti politik yang ditubuhkan ialah untuk memerintah negara melalui pilihan raya. Itu matlamat parti-parti politik yang ditubuhkan. PAS ditubuhkan tahun 1951, 49 tahun yang lalu sepatutnya PAS ada kerangka pembangunan sebab matlamat dia untuk menubuhkan, mentadbir negara ataupun negeri. Sepatut ada kerangka pembangunan yang dirancang. Tapi hari ini setelah menang kerajaan, dapat memerintah kerajaan baru terkapai-kapai, teraba-raba untuk cari apakah yang sepatut kita lakukan sebab tidak ada kerangka pembangunan.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Kita baru buat kerangka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kita takut kekayaan yang ada di Terengganu ni seperti balak dan sebagainya dimonopoli oleh satu

14 DISEMBER 2000

pihak sahaja. Kelmarin ... kelmarin dulu, Wakil Ajil menyebut kelulusan balak yang diberi kepada JSR.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, dekat berapa puluh tahun Barisan Nasional perintah, balak pun beri juga JKKK.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya bukan nak pertikaikan yang itu. Saya pertikai, adakah JSR itu bukan pemimpin?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Dipertua, 46.8 benda tu hak bangkit dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Wakil Tepuh yang mempunyai idea-idea yang baik yang ditujukan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil satu jalan pendekatan bagaimana untuk meningkatkan hasil pada masa-masa akan datang bukan menyalahkan kerajaan-kerajaan dulu. Ini tuduhan yang kita terima sebagai perompaklah, Kerajaan Pusat rompak hak Negeri. Betulkah istilah ni yang kita pakai?

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Memang rompak Tuan Yang Dipertua, izin.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak tanya Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, bolehkah dalam Dewan yang mulia ini kata gunakan perkataan 'perompak' kepada satu-satu pihak?

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, kita guna istilah saja, dia rompak sungguh.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, mengikut Kanun Keseksaan 'rompakan' ertinya mengambil sesuatu daripada seseorang tanpa izinnya, dengan cara kekerasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, mengambil sesuatu daripada seseorang. Kerajaan Pusat tak ambil, dulu Kerajaan Pusat beri sekarang tak beri, adakah itu 'merompak'.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Hak mana MoU, hak mana *agreement* ni? Bila kita perintah

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Kemasik, nak beri laluan ke tidak ni? Tak beri? Teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya rasa dukacita atas satu istilah yang diguna pakai oleh Wakil Air Putih, JPP -- Jabatan Perompak Profesional. Apakah Dewan kita hari ini menerima kata-kata sedemikian? Kalau Wakil Ajil cuma sebut pemimpin-pemimpin JSR yang menerima balak terpaksa keluar daripada Dewan

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! 46.8, jangan cuba bangkit perkara yang telah diputus melainkan Yang Berhormat nak cadang supaya dibatalkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Lepas tu tuduhan kepada JKKK merupakan pertubuhan haram. Saya nak tanya Dewan ni, JKKK ke pertubuhan haram atau JSR pertubuhan haram? JKKK ada dulu daripada JSR.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah siapa perintah le ni? Berat sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): JKKK dulu daripada JSR.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Eh ... sekarang kita cakap sekarang bukan dulu. Kita cakap hari ini Yang Dipertua, laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Semua negeri di Malaysia ada JKKK. Kerajaan PAS hari ini membubarkan JKKK tubuh JSR, lepas itu kata JKKK pertubuhan haram.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Laluan Yang Dipertua, ke ingat perintah lagi le ni?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Siapa mimpi ni Yang Dipertua? Laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan mimpi, PAS yang sebenarnya bermimpi.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bakpa kerajaan sekarang ni Yang Dipertua, kita tidak *recognize* JKKK.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bermimpi dengan meletakkan perbelanjaan yang tidak ada peruntukan, itu bermimpi.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Eh ... itu hak kita, Yang Dipertua laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Bandar minta laluan, kalau dia beri bercakap kalau dia tak beri jangan bercakap. Dan Yang Berhormat Wakil Kemasik, diminta supaya jangan layan kalau tak mahu beri laluan, ni jawab soalan dia semacam beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan jawab, dia yang tidak faham.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, Wakil Kemasik dah panik dah tu.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Tuan Yang Dipertua, dia dok faham.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jangan layan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Okey, terima kasih Tuan Yang Dipertua.

Begitu juga dengan pelantikan AJK Masjid. Dulu beriya-ya benar nak lantik baru Jawatankuasa Masjid, apabila timbul beberapa masalah sampai hari ini dibekukan buat sementara konon. Macam-macam perkara timbul dalam pelantikan Jawatankuasa Masjid, bukan boleh menyatupadukan rakyat bahkan memecahbelahkan rakyat sesuatu kampung. Contoh dua tiga hari lepas, satu pergaduhan di daerah Kemaman disebabkan halangan oleh JSR kepada seorang Imam sebuah surau menggunakan surau tersebut sebagai tempat memungut zakat fitrah, Imam tersebut mendapat tauliah daripada Pejabat Agama untuk mengutip fitrah dan menggunakan surau tersebut. Tapi dihalang oleh JSR tidak membenarkan Imam tersebut memungut zakat di atas surau tersebut hingga berlaku pergaduhan. Katanya jadi Polis kes. Saya tak nak cerita panjang, ini berlaku. Menunjukkan perpecahan berlaku apabila ada AJK Masjid baru dan JSR.

Hari ini JSR bermaharajalela di kampung macam di kawasan Kerteh. Dulu saya sebut, pasir yang diambil tidak ada kelulusan, saya tidak tahu setakat maka tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan hari ini kepada mereka yang boleh saya katakan 'curi pasir'. Ini patut kita mengambil tindakan bukan mendiamkan jika sekiranya perkara ini berlaku kepada JSR.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk dapat penjelasanlah sebab kita tak dok maklumat itu, kalau boleh dijelaskan apa yang disebut oleh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya dah jelas dalam mesyuarat yang lalu dengan gambar-gambar sekali.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Satu perkara tadi yang kata ada pergaduhan di surau, di mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Di surau ... perkara ini sudah jadi Polis kes, boleh siasat di sebuah surau di Paya Beranjut, Kemaman.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau dah jadi Polis kes bakpa duduk cakap lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Kalau dah Polis kes, biar Polis siasat dululah.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tu saya sebut sedikit saja, biar dia siasatlah. Saya tak nak ulas panjanglah.

Begitu juga pemimpin-pemimpin PAS hari ini sama ada dalam Dewan ini ataupun di ceramah-ceramah yang diadakan, selalu menyebut Kerajaan PAS hari ini terpaksa menanggung hutang, beban hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan dulu jumlah RM731 juta. Dua tiga hari lepaspun kita dengar perkataan ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok betul ke hutang tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Betul, betul kerajaan dahulu berhutang. Tapi kita yang mengheboh-hebohkan seluruh Negeri Terengganu mengatakan kita terpaksa menanggung beban hutang, kita tanggung hutang dan sebagainya. Kalau itu menjadi beban kepada kerajaan yang ada pada hari ini mengapa tidak bawa usul di Dewan ini supaya kerajaan hari ini tak payah bayar hutang tersebut, bawa usul. Kalau hal petroleum kita bawa usul, yang ni bawa usul "kita takkan bayar hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan dulu," dan lepas itu pada masa yang sama, kita juga jangan berhutang. Dalam belanjawan baru ini minta juga hutang dengan Kerajaan Pusat berjumlah RM132,547,000. Kalau kita tidak suka

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, penjelasan ... hutang tu nak buat bayar hak hutang dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pasal apa berhutang, buat keputusan bahawa kerajaan hari ini tak nak bayar hutang bukan tanggungan kita sebab dibelanjakan oleh kerajaan dulu, buat begitu. Ni duduk heboh di seluruh negeri lepas tu kita pula masuk hutang dalam belanjawan kita. Ini tak betul.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah. Lepas itu, banyak pemimpin PAS dalam ni pun ada, kita akan berbaik sangka dengan Kerajaan Pusat, kita akan kerjasama dengan Kerajaan Pusat, kita akan berbaik. Baik apa, tiap-tiap hari duduk maki Kerajaan Pusat? Ini suatu tindakan yang tidak sewajarnya dilakukan oleh kerajaan PAS hari ini. Kalau kita nak berbaik, jalinkan hubungan mesra ini di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Apa salahnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar buat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri sebagaimana dilakukan oleh Nik Aziz, berbincang dua hala. Ini tidak pernah.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Laluan? Sebab saya dengar

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah, dok usah dengar-dengar ... ia boleh, apa salahnya. Kalau kita nak berbaik sangka. Boleh dilakukan. Kalau kerajaan Kelantan boleh, Dato' Nik Aziz boleh berjumpa, berbincang

14 DISEMBER 2000

untuk kemajuan bersama dengan Perdana Menteri. Saya tak nampak lagi Menteri Besar Terengganu berjumpa.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Ialuan, nampak puji Nik Aziz macam nak masuk PAS.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dok payah ... dok payah, yang betul kita kata betul.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jumpa dah dengan Samy Vellu baru ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Balik jaga Paka, masjid tak siap lagi. Dan kita hari ini macam-macam kata ke Kerajaan Pusat, maki hamunlah dan sebagainya. Saya juga menerima aduan, saya minta maaf kepada Dewan ini sama ada betul tak betul tak berani kata, sebab saya sendiri tak dengar tapi ramai yang memperkatakan bahawa

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Satni kata dok dengar, macam mana nak ulasan pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak dengar sendiri apa yang dikata, saya dengar dariapda orang lain. Sebab itu saya nak cerita sama ada betul atau tidak betul terpulang siasat. Ada seorang pemimpin PAS berceramah di Paka, cuma saya petik saja apa yang disampaikan kepada saya, dia kata "bekas Menteri Besar dulu, Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad di hantar ke Arab Saudi bukan sebagai Duta, dihantar ke Arab Saudi ... Kerajaan Malaysia dihantar ke Arab Saudi untuk menjaga kambing dan unta." Ini pemimpin PAS, Wakil Rakyat ... "... dan Dato' Wan Mokhtar boleh bertaubat di sana sebab melakukan banyak dosa ketika memerintah Negeri Terengganu dulu." Ini tak patut seorang pemimpin yang beragama Islam mengeluarkan kata-kata ini di khalayak yang ramai, beratus orang dengar ucapan ini. Saya rasa dukacita. Saya nak tanya Wakil Rakyat Paka, sebab benda ni berlaku di Paka, betulkah ucapan ini dikeluarkan? Supaya mengaku di Dewan ni. Saya beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Adakah salah suruh bertaubat di Mekah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tanya hak Paka ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satni kata dok dengar lepas tu kata pergi pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Betul ke ucapan itu dilafazkan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pergi ke dengar sendiri?

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya beritahu

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baru saya beri jawapan. Pergi ke dengar sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya tak dengar sendiri, tapi inilah yang diperkatakan di seluruh kampung. Tidak sepatutnya kita seorang Wakil Rakyat mengeluarkan kata-kata tersebut kepada pemimpin dulu seolah-olah pemimpin dulu tidak ada buat kebaikanpun untuk rakyat. Ini satu penghinaan oleh orang yang mendakwa untuk melaksanakan Islam pada hari ini. Tak wajar perkataan seperti ini dikeluarkan seorang pemimpin yang bertaraf Wakil Rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat salah dengar tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya nak tahu betul tak perkataan tu dikeluarkan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Satu penafian, buat kajian, siasat.

Yang Berhormat Yang Dipertua, itulah saya katakan tadi beberapa sandiwara yang dilakonkan oleh pemimpin-pemimpin PAS, yang boleh saya katakan ini merupakan pelakon-pelakon profesional. Saya minta perbetulkan balik apa yang saya suarakan tadi demi untuk kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu keseluruhannya termasuk 'belanjawan khayalan' yang dibentangkan dua hari lepas.

Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kemasik. Saya buka peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk berucap. Kalau tidak ada maka saya beri peluang kepada ya? Wakil Ladang. Sila -

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang):
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Terengganu Darul Iman, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan seterusnya pemerhati-pemerhati, muslimin, muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Setelah kita bergelak ketawa dengan adigan-adigan dan hujah-hujah lucu daripada ADUN Kemasik tadi, marilah kita beralih kepada hal-hal yang lebih serius iaitu berkenaan dengan pengurusan dan pembangunan ekonomi negeri Terengganu.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru apabila mengumumkan di dalam ucapan beliau yang mana kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dalam menangani masalah defisit perolehan hasil negeri ini seperti memberi

14 DISEMBER 2000

penumpuan kepada pengurusan sumber negeri dengan lebih berkesan dan strategik supaya hasilnya dapat dimanfaatkan secara optimum. Usaha tersebut semestinya perlu disokong oleh semua pihak bahkan kita sebenarnya perlu bersama mengemblingkan tenaga dan fikiran kita dengan semaksimumnya untuk bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam usaha-usaha membangunkan ekonomi negeri ini. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah yang bijak, rasional dan tegas oleh Kerajaan Negeri perlu diambil demi untuk memastikan perjalanan pengurusan dan program-program pembangunan negeri akan terus berjalan seperti biasa.

Sehubungan dengan ini, dengan kesempatan yang telah diberikan ini saya dengan ini suka untuk memberi cadangan-cadangan yang mungkin akan membantu mengatasi defisit perolehan negeri dan seterusnya melengkapkan aspirasi agenda pembangunan negeri. Antaranya ialah yang pertama, mengkaji secara bersistematik dan penuh rasional terhadap fungsi agensi-agensi kerajaan yang ada kaitan dengan pembangunan ekonomi negeri. Seperti yang telah dimaklumkan, tonggak perkembangan aktiviti ekonomi negeri banyak bergantung kepada dua institusi utama, iaitu Unit Perancang Ekonomi (UPEN) sebagai agensi perancang pembangunan ekonomi negeri dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri (PERMINT) selaku agensi pelaksana kepada perancangan tersebut. Memandangkan peranan mereka adalah penting dan tidak boleh sekali-kali melakukan kesilapan sama ada dalam merancang atau melaksanakan pembangunan negeri ini. Maka dengan itu adalah disarankan supaya satu kajian yang bersistematik dan penuh rasional dilakukan ke atas kedua-dua agensi itu terutamanya tentang fungsi-fungsi mereka yang sebenar agar tidak timbul pertindihan tugas yang boleh menyebabkan berlakunya pembaziran dan juga konflik.

Seperti yang telah dimaklumi, UPEN sebagai agensi yang merancang pelan induk perkembangan aktiviti ekonomi negeri seharusnya memberi fokus yang padu di dalam aktiviti perancangan. Dan PERMINT pula seharusnya memberi penekanan yang optimum di dalam peranannya sebagai jentera pelaksana rancangan-rancangan yang telah dirumuskan oleh UPEN. Menyedari hakikat ini penyelasan kedua agensi ini amat penting. Malah demi menyedari peranan kedua agensi ini sebagai agensi terpenting dalam memangkinkan pertumbuhan ekonomi negeri maka sewajarnya pengurusan disetiap agensi mereka dapat dipastikan berjalan secara teratur, efisien, kompeten dan berproduktiviti tinggi.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, satu kajian yang bersifat rasional, tegas dan menyeluruh perlu dilakukan dengan segera untuk memastikan kewujudan mereka adalah wajar tidak pertindihan fungsi dan tidak akan menjadi tanggungan dan kerugian yang tiada berkesudahan ke atas pihak Kerajaan Negeri. Malah kewujudan Perbadanan Terengganu Berhad yang seakan sama fungsinya dengan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu kelihatan melakukan banyak kerja-kerja yang ada pertindihan dengan PERMINT seperti dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelaburan yang mereka terokai. Ini kadang kala bukan saja mengakibatkan berlakunya kerugian tenaga kerja dan sumber modal malah berlaku juga persaingan yang tidak sihat di antara keduanya sedangkan fungsi mereka adalah sama.

Justeru itu, saya merasakan sudah sampai masanya kita mengkaji secara objektif dan penuh rasional tentang kewujudan dua agensi pelaksana ekonomi ini. Mungkin kita perlu mencontohi tindakan yang telah dibuat Negeri Johor seperti mewujudkan hanya satu institusi yang melaksanakan misi pembangunan ekonomi negeri, iaitu Perbadanan Johor Berhad atau menggabungkan mereka untuk menjadi satu institusi. Itu saya serahkan kepada kerajaan untuk memikirkannya. Tapi apa yang penting pertindihan kerja dan membaziran perlu dielakkan di saat kita mengalami defisit perolehan hasil ini.

14 DISEMBER 2000

Bertepatan dengan tujuan tersebut juga saya ingin menyarankan agar pembentukan agensi atau badan-badan kerajaan yang baru tidak dilaksanakan. Tetapi sebaliknya pihak perbadanan perlu mengemaskinikan kedudukan dan fungsi-fungsi mereka yang telah sedia ada supaya mampu menghasilkan *output* yang maksimum bersesuaian dengan kehendak dan perancangan strategik ekonomi negeri. Langkah memantapkan lagi tahap keefesienan pengurusan di agensi-agensi tersebut adalah merupakan langkah yang patut disegerakan. Program-program pengurusan kualiti seperti menghidupkan budaya kerja cemerlang, seperti mewujudkan kumpulan penambahbaikkan proses kerja, semangat kerja berpasukan yang berkualiti dan lain-lain lagi merupakan antara elemen-elemen penting yang perlu dibudayakan dan dikembangkan. Ia akan mewujudkan mutu kerja yang cemerlang dan produktif. Oleh yang demikian adalah dirasakan sesuatu yang tidak merugikan sekiranya sedikit peruntukan disediakan untuk menyediakan latihan-latihan yang membina budaya kerja yang berkualiti seperti yang telah disebutkan.

Cadangan saya yang kedua ialah membentuk dasar dan strategi yang bersesuaian ke atas sektor-sektor yang mampu merangsang ekonomi negeri. Dasar dan strategi merupakan asas utama kepada kejayaan mencapai suatu objektif. Seperti yang difahami di dalam ucapan belanjawan 2001 yang dibentangkan beberapa hari yang lalu, matlamat perancangan ekonomi negeri adalah untuk memastikan tidak berlaku sesuatu yang boleh menjejaskan kemudahan pembiayaan aktiviti utama pengurusan pembangunan negeri. Sehubungan dengan itu, dasar dan strategi perlu diolah sebaik mungkin supaya wujudnya kegiatan yang positif di sektor-sektor yang telah dikenal pasti sebagai perangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Langkah awalan yang perlu dimulakan oleh pihak kerajaan ialah menyedarkan masyarakat tentang pentingnya mewujudkan ekonomi negeri yang mantap sehinggalah ke peringkat bersama-sama berganding bahu merangsang dan membangunkan ekonomi negeri.

Langkah kedua pula ialah pihak kerajaan perlu menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk menggalakkan masyarakat terlibat dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Oleh yang demikian, antara sektor-sektor yang dirasakan perlu diberi penekanan strategi yang berkesan adalah seperti yang pertamanya di sektor pertanian. Sektor pertanian adalah sektor penting dalam sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Sehubungan dengan itu, tumpuan jangka panjang seharusnya diberikan kepada sektor ini agar lebih produktif serta berdaya maju. Satu langkah yang drastik yang perlu diambil oleh kerajaan ialah bagaimana untuk menarik minat golongan muda melibatkan diri dalam sektor ini secara serius. Ini adalah kerana tenaga kerja muda amat diperlukan dalam sektor ini bagi memastikan produktiviti yang maksimum dicapai berbanding dengan golongan yang telah berusia. Selain daripada itu, mereka yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi juga diperlukan dalam sektor ini. Apatah lagi fenomena hari ini yang memerlukan kepada permodenan dalam amalan pertanian dengan menggunakan peralatan yang canggih serta berteknologi tinggi dan pengurusan yang cekap dan *contemporary*. Kesemuanya ini memerlukan tenaga kerja yang mahir, yang berpendidikan bagi menjamin penerimaan yang positif kepada amalan dan pengurusan pertanian yang moden dan bersistematik.

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan seharusnya menjadi pendorong kepada golongan muda dan golongan yang berpendidikan agar menceburi sektor ini dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang menggalakkan. Malah *method* terkini dalam pertanian seperti *integrated farming* perlu diperluaskan bagi menambah nilaikan sektor tersebut. Ini akan menjadi penggalak kepada golongan muda dan berpendidikan tinggi untuk menyertai industri pertanian kerana menyedari dan meyakini industri tersebut bukan saja menjamin pekerjaan yang baik malah pulangan yang tinggi. Kita juga seharusnya bertindak proaktif seperti berfikir secara *thinking big* dengan izin, dalam

14 DISEMBER 2000

pencapaian di sektor ini. Sebagai contohnya, kita wajar mempunyai misi dan objektif untuk menjadi pembekal makanan halal untuk pasaran antarabangsa. Untuk itu kita mestilah serius di dalam usaha ini untuk membangunkan sektor ini di samping bersikap positif dan berdaya maju untuk mencapai wawasan tersebut. Selain daripada itu, latihan-latihan yang berkaitan perlu dilakukan secara intensif kepada golongan muda yang berminat di samping memberi insentif yang menggalakkan kepada mereka sehingga mereka merasakan industri yang dicebur ini mampu untuk meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga mereka.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beberapa hari yang lalu mengatakan tumpuan khas perlu diberikan kepada tanaman yang mempunyai nilai *comparative advantage* supaya ia mampu berkembang dengan lebih pesat. Salah satu tanaman yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah tanaman limau madu. Tuan Yang Dipertua, saya sangat kenal dengan limau madu ini dari ke akar sampai ke pucuknya dan buahnya memang saya suka makan. Saya melihat industri limau madu ini mempunyai potensi yang amat baik untuk membantu pertumbuhan ekonomi memandangkan kita sudah mempunyai pengalaman dan kepakaran. Tanah yang baik bahkan kita sebenarnya adalah pengeluar utama limau madu di negara ini setakat ini. Oleh yang demikian, saya merasakan pihak kerajaan lebih-lebih lagi Exco Pertanian yang saya yakini kewibawaannya perlu memberi perhatian yang serius untuk mengembangkan industri limau madu ini. Saya amat berbangga dan merasa pihak kerajaan juga akan bangga jika sekiranya nama Negeri Terengganu Darul Iman ini terpahat sebagai negeri utama pengeluar limau madu di rantau ini.

Saya ingin mengingatkan pihak yang bertanggungjawab agar bertindak dengan segera kerana baru-baru ini sudah ada sebuah syarikat yang berada dalam Papan Pertama KLSE berminat dan sedang berunding untuk membeli 40,000 anak pokok limau madu untuk memulakan industri penanaman limau madu secara komersil di Utara negara. Ini juga menjadi bukti bahawa tanaman limau madu mempunyai potensi ekonomi yang besar dan memandangkan kita sudah mengepalai tanaman itu pada hari ini tidak wajar sekiranya melepaskan peluang untuk mengembangkan secara besar-besaran.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, sektor kedua ialah sektor perikanan. Kegiatan perikanan merupakan kegiatan ekonomi yang penting bukan saja bagi negara ini malah kepada negara-negara lain di dunia ini. Walau bagaimanapun jika dibanding dengan kegiatan penangkapan ikan di negara-negara lain di dunia ini, Malaysia hanya mempunyai .1% kepada jumlah keseluruhan penangkapan ikan di dunia atau hanya 2% daripada jumlah penangkapan di Asia. Oleh yang demikian, buat masa ini Malaysia masih lagi menjadi pengimport ikan demi memenuhi permintaan domestik. Sebagai contohnya, data pada tahun 1992 agak lama data ini tapi baru dikeluarkan oleh MIMA iaitu *Malaysia Institute of Maritime Affairs*, baru keluar tahun lepas jadi saya ambil ini sebagai *benchmark*. Jadi mengikut data ini tahun 1992 menunjukkan nilai import ikan negara mencecah angka RM633 juta. Di dalam konteks Negeri Terengganu, walaupun ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pembentangan belanjawan tahun 2001 baru-baru ini melaporkan bahawa hasil tangkapan ikan laut pada tahun 2000 telah melebihi keperluan dalam negeri di mana sehingga September 2000 sebanyak 94,000 metrik tan ikan telah didaratkan dengan nilai RM300 juta. Tetapi sebenarnya angka tersebut masih kecil berbanding dengan beberapa negeri lain di Pantai Barat. Malah kebanyakan hasil tangkapan tersebut diperolehi melalui kegiatan perikanan tradisional yang diklasifikasikan sebagai aktiviti perikanan pinggir pantai atau apa yang diistilahkan sebagai *inshore fishery* dengan izin, iaitu penangkapan ikan di jarak 12 batu nautika. Sedangkan sumber ikan yang lebih banyak sebenarnya terdapat di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif

14 DISEMBER 2000

(ZEE) ataupun ke atas. Malah apa yang menarik kajian yang dibuat oleh Jabatan Perikanan Malaysia tidak lama dulu mengatakan di sebelah Pantai Timur mengandungi stok ikan yang banyak dan bermutu tinggi. Tetapi apa yang berlaku ialah kebanyakan stok-stok ikan di kawasan ZEE telah dipungut dan dinikmati hasilnya oleh nelayan-nelayan asing terutamanya daripada Thailand. Ini adalah kerana nelayan-nelayan terutama di Pantai Timur atau di Negeri Terengganu khususnya masih lagi tidak ramai yang berkecimpung dalam aktiviti penangkapan di laut dalam ataupun *offshore fishing*. Kerana industri memerlukan kepada peralatan moden dan canggih dan ia melibatkan modal dan kos yang tinggi.

Yang Dipertua Dewan, ramai di kalangan kita menyatakan kesedihan terhadap nasib nelayan yang kebanyakannya miskin tanpa memberi peluang dan alternatif yang sesuai untuk menaikkan taraf hidup mereka. Dengan menyatakan kesedihan terhadap nasib mereka ia tidak akan mengurangkan kemiskinan mereka selagi mereka kekal dengan cara-cara menangkap ikan secara tradisional atau menghadkan aktiviti tangkapan mereka di pesisiran pantai sahaja. Justeru itu bersesuaian dengan cadangan kerajaan di dalam ucapan belanjawan baru-baru ini, yang menggalakkan penerokaan perikanan laut dalam maka adalah dicadangkan supaya pihak kerajaan mengambil tindakan agresif untuk menggalakkan nelayan melibatkan diri dalam industri tangkapan ikan di laut dalam dengan menyediakan kemudahan modal dan peralatan kepada nelayan yang berminat. Malah kita juga perlu menubuhkan satu pakatan yang bersungguh-sungguh untuk mengusahakan atau menghidupkan kembali organisasi seperti Angkatan Nelayan Laut Dalam yang telah diwujudkan tidak lama dahulu. Kita seharusnya proaktif di dalam hal ini kerana kita masih lagi mempunyai khazanah laut yang masih lagi tidak digunakan secara optimum dan ia sebenarnya adalah kurnia Allah yang perlu dimanfaatkan. Saya yakin sekiranya sektor perikanan laut dalam ini diberi perhatian yang wajar ia mampu untuk menyumbang sesuatu yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Malah kita juga mungkin akan memulakan satu industri yang mampu memperkenalkan nama Negeri Terengganu sebagai negeri yang ke depan di dalam industri penangkapan ikan laut dalam.

Berkenaan dengan sumber dan peluang yang ada di laut selain daripada gas dan petroleum, kerana ada pihak yang sensitif apabila kita sebut nak teroka bidang itu, saya menyarankan pihak kerajaan membuat kajian dengan lebih mendalam berkenaan dengan nilai ekonomi menternak ikan dalam sangkar di laut seperti berhampiran dengan pulau-pulau yang ada selain daripada pulau di Taman Laut, Pulau Redang. Saya merasakan ternakan ikan dalam sangkal di laut mempunyai nilai ekonomi yang tinggi kerana ia boleh membekalkan kepada permintaan ikan untuk dijual dan ia boleh menarik minat pelancong. Kedua-dua aspek ini jika dilihat akan memberi pulangan yang besar dan mampu memberi sumbangan untuk membangunkan ekonomi negeri.

Sektor yang ketiga ialah sektor pelancongan. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan belanjawan 2001 tentang kepentingan sektor pelancongan kepada Negeri Terengganu telah menarik minat saya untuk memperincikan kepentingan sektor ini. Sektor pelancongan dikatakan sebagai sebuah sektor yang paling menguntungkan negeri atau negara berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Ini adalah kerana pelancong-pelancong yang datang dari luar negara akan mencarum apa yang diistilahkan sebagai *foreign exchange earning* dengan izin. Malah industri ini juga dikatakan mempunyai kesan pengganda yang tinggi kerana ia akan mewujudkan bentuk-bentuk industri lain yang menjadi sumber pendapatan dan pekerjaan. Hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Terengganu sebagai model destinasi Islam yang unggul serta dapat diterima oleh semua pihak adalah satu cita-cita yang mampu dijayakan. Cuma mekanisma-mekanisma yang penting seperti bagaimana untuk mewujudkan destinasi pelancongan

14 DISEMBER 2000

yang memaparkan ciri-ciri keislamannya. Mempromosikan dan mengekalkan imej yang ada sangat penting untuk dikaji dan dipraktikkan secara terurus. Tema sebagai model destinasi pelancongan Islam mestilah bukan hanya di kawasan tertentu sahaja tetapi mestilah merangkumi di segenap pelosok negeri termasuk di pulau-pulau. Malah jika ditinjau pulau-pulau di Negeri Terengganu yang mampu menawarkan keindahan yang menakjubkan berbanding dengan pulau-pulau dan destinasi yang lain di negara ini. Sehubungan dengan itu, bentuk pengurusan yang terlatih, infrastruktur serta kemudahan yang menyenangkan pelancong perlu disiapkan kerana kita sebenarnya telah mencanang tema destinasi pelancongan Islam. Tetapi alangkah malunya sekiranya *service*, kemudahan pengurusan dan suasana di destinasi pelancongan kita jauh ketinggalan daripada destinasi pelancongan *conventional*. Mungkin ini adalah saatnya bagi kita untuk membuktikan bahawa keindahan alam ciptaan Allah ini wajar dinikmati mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh syarak dan bukannya seperti pusat-pusat pelancongan yang lain yang tidak mampu menghalang kegiatan maksiat di destinasi-destinasi pelancongan mereka.

Manakala sektor yang terakhir ialah sektor pendidikan latihan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, bersesuaian dengan *trend* hari ini yang cuba mempopularkan perkataan *keekonomi*, iaitu meletakkan industri pendidikan sebagai satu industri yang mampu memberi pulangan untung yang memuaskan. Saya suka untuk mencadangkan agar pihak kerajaan menceburi industri ini. Seperti yang dimaklumi, kita mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi yang mampu untuk menawarkan sesuatu kepada permintaan *keekonomi* ini. Sehaluan dengan niat kita untuk menjadikan Terengganu Darul Iman sebagai model sebuah daulah Islamiah yang secara tradisinya akan menyediakan institusi pendidikan dan penyelidikan sebagai institusi yang penting, kita seharusnya bersungguh-sungguh menyediakan pelan tindakan pembangunan pendidikan secara komersil. Kita juga mestilah aktif mempromosikan negeri kita sebagai destinasi pendidikan kepada orang-orang Islam di seluruh dunia kerana merekalah pasaran kita. Sehubungan dengan itu, kita perlulah bersedia untuk memenuhi keperluan dengan menarik minat sarjana-sarjana yang terkenal untuk datang ke negeri kita dan menyediakan prasarana dan kemudahan yang sewajarnya. Kita juga perlulah menjalinkan perjanjian persefahaman dengan pusat-pusat pendidikan di negara-negara lain yang tidak terbatas di Timur Tengah sahaja. Mungkin tema industri pendidikan kita selain melahirkan cerdas pandai tetapi juga yang berperibadi luhur, beriman, bertakwa mampu menarik pelajar-pelajar untuk datang ke sini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, sebagai rumusannya dalam usaha kita untuk menangani masalah bakal kita tempuhi selepas sumber-sumber ekonomi kita disekat, dirampas dan ditindas, kita seharusnya semakin bersungguh-sungguh untuk mengumpulkan kekuatan yang ada demi untuk memastikan hak rakyat tidak akan terabai. Saya yakin, wang adalah bukan segalanya dan wang sahaja tidak boleh menentukan kejayaan jika tiada komitmen dan pengurusan yang baik. Sebenarnya komitmen dan pengurusan yang cekap lebih penting daripada wang kerana walau banyak mana sekalipun wang yang dimiliki atau diberi ia selalunya masih tidak mencukupi. Justeru itu kita mestilah menanam komitmen yang tinggi untuk menggunakan segala sumber dan peluang yang ada di negeri ini demi untuk meningkatkan pertumbuhan positif ekonomi negeri ini. Di samping itu, pengurusan yang berkualiti perlu dibudayakan kerana dengan pengurusan cekap dan berkesan mampu untuk menjana produktiviti yang tinggi. Untuk itu kita sewajibnya bekerja keras dalam masa yang sama memberi galakan, peluang dan latihan kepada rakyat agar kita terus berjuang untuk mewujudkan pembangunan seimbang di dunia dan akhirat. Kita juga perlu menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada seperti kemudahan teknologi maklumat untuk menyalurkan dan mempromosikan negeri kita ini untuk menarik minat pelabur-pelabur tempatan

14 DISEMBER 2000

atau luar untuk melabur di sini. Bahkan ia juga boleh digunakan untuk memangkinkan industri-industri yang telah saya sebutkan sebelum ini terutama di sektor pelancongan dan pendidikan.

Akhir kata, marilah sama-sama kita berdoa agar kita mampu berusaha dan usaha kita dibantu oleh Allah Taala dalam misi meneguhkan pembangunan ekonomi negeri. Sekianlah sahaja Tuan Yang Dipertua Dewan, wallahualam.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk perbahasan masih dibuka. Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak bercakap menyertai perbahasan ini... kenapa lambat sangat ni? Yang Berhormat tak perlu memberi peluang kepada orang lain, saya yang memberi peluang. Silakan –

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan para pemerhati yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, saya juga turut bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya, dengan izin-Nya pada pagi ini saya diberi peluang untuk membentangkan dua tiga perkara dalam perbahasan mengenai ucapan belanjawan tahun 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari pertama sidang Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua yang memberi peluang kepada saya pada kali ini.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara-saudara yang saya hormati sekalian, kita telahpun mendengar dan juga melihat pembentangan belanjawan 2001 Negeri Terengganu Darul Iman yang telah disampaikan dan Alhamdulillah, sepanjang dua hari telahpun diperbahaskan oleh Ahli-ahli Dewan di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah di atas penyampaian ucapan belanjawan ini tapi sekaligus saya ingin membawa kepada beberapa perkara yang menimbulkan keraguan dan juga pertanyaan yang lebih panjang oleh kerana pembentangan belanjawan ini dari segi penyampaiannya sangat baik tetapi yang meragukan kepada kita adalah dari segi pelaksanaan dan juga apakah kesan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan juga rakyat jelata pada tahun 2001 akan datang..

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya sangat berterima kasih kepada ucapan dasar ataupun ucapan nasihat daripada Tuan Yang Dipertua pada pagi yang pertama di Dewan yang mulia, untuk kita Ahli-ahli Yang Berhormat membawa usul-usul ataupun ucapan-ucapan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai suatu perbahasan yang penuh berhikmah tidak merencanakan semata-mata untuk politik tetapi adalah merencanakan untuk kepentingan negeri yang kita kasihi. Atas dasar inilah Tuan Yang Dipertua, saya ingin melihat kepada asas belanjawan yang dibentangkan ini kepada dua perkara, iaitu isi belanjawan itu sendiri dan juga prestasi yakni setelah ataupun sepanjang setahun selepas belanjawan 2000 yang dibentangkan juga di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun yang lepas. Tuan Yang Dipertua, melihat kepada perkara ini perlu kita ingatkan bahawa pembentangan belanjawan tahun 2000 walaupun pada ketika itu baru saja tampok pemerintahan diambil oleh Kerajaan Barisan Alternatif di bawah pimpinan PAS hanya sebulan tetapi ianya agar berlainan dengan pembentangan pada tiga hari yang lepas di mana telahpun masa itu beranjak hampir setahun. Dan inilah yang kita ingin melihat kesan, kehebatan, apakah strategi dan sebagainya yang disampaikan oleh rakan-rakan kita yang selama ini dan sepanjang ucapan saya nampak Ahli-ahli Dewan dalam Dewan yang mulia ini juga banyak mengeluarkan perkataan-perkataan ataupun ucapan-ucapan yang tidak sanggup kita

14 DISEMBER 2000

dengar malah ada yang mengeluarkan sinis-sinis yang agak mengelirukan. Kecuali saya ucapkan tahniah kepada rakan kita yang baru saja menyampaikan ucapannya daripada Ladang sebentar tadi yang sungguh komprehensif dan juga agak detail cadangan-cadangan yang diberikan kepada kerajaan. Tetapi saya bimbang, agak bimbang juga kepada rakan saya daripada Ladang kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berminat, ramai yang tidur termasuk Wakil-wakil Kerajaan ataupun Exco-excopun tidur daripada mendengar ucapan yang baik itu. Juga saya ucapkan tahniah kepada rakan saya daripada Teluk Pasu yang memberitahu kepada kita semua bahawa cabaran yang dihadapi oleh kerajaan pada hari ini bukanlah dengan tidak menerima royalti ataupun wang daripada hasil petroleum tapi cabaran sebenarnya ialah apakah yang perlu kita buat pada masa akan datang khususnya pada tahun 2001 ini untuk mengatasi masalah dan berjejak di kenyataan yang benar ini.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya boleh sifatkan sebagaimana rakan saya daripada Kemasik yang telah menyampaikan ucapan yang baik sebentar tadi walaupun dianggap lucu. Sebenarnya oleh kerana orang yang ramai dianggap lucu benda yang baikpun jadi lucu tetapi sebenarnya itulah kebenaran. Tuan Yang Dipertua, belanjawan yang disampaikan dan telah diberi kepada kita dalam Dewan ini boleh saya anggapkan ataupun saya menimbulkan suatu keraguan ianya sebenarnya bukanlah belanjawan negeri pada 2001 tetapi ialah belanjawan politik Kerajaan PAS semata-mata. Ini adalah kebenarannya saya nyatakan begini kerana belanjawan 2001 telah didedahkan kepada kita akan hasil yang tidak tepat. Kemudian walaupun dinyatakan jumlah hasil sebanyak hampir RM720 juta berbanding dengan perbelanjaan yang hampir RM733 juta sekaligus kalau dilihat secara tidak detail kita boleh katakan perbelanjaan ini agak baik kerana dalam keadaan defisitnya hanyalah hampir RM13 juta. Tetapi Tuan Yang Dipertua, yang meragukan kita kalau kita lihat yang sebenarnya, hakikat yang sebenarnya walaupun diberitahu tadi oleh Wakil Kerajaan tetapi pada hakikat sebenarnya, berkali-kali penjelasan, pengumuman dan juga pelaksanaannya selepas belanjawan negara dibentang di Dewan Rakyat saya percaya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan kita ini hadir di dalam persidangan sebagai Wakil Rakyat di dalam Dewan berkenaan, telah jelas bahawa peruntukan petroleum telahpun bertukar cara dan kaedahnya. Tetapi ianya tidaklah ... tidak disampaikan kepada rakyat Terengganu tetapi hanyalah kaedah dan caranya. Saya perlu ulang sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kaedah dan caranya telahpun berbeza. Kerana perbezaan inilah maka keraguan timbul kepada saya kepada kaedah pembentangan belanjawan 2001 Kerajaan Negeri di mana hampir 75% yakni RM540,000,000 hasil petroleum dimasukkan sebagai ... dianggarkan sebagai hasil tahun 2001 Kerajaan Negeri Terengganu. Dan sekaligus perkara ini tidak timbul sama sekali dan ianya menjadi keraguan kepada rakyat jelata.

Kita boleh bermain dengan kata-kata politik tetapi kenyataan dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman pada hari ini sebenarnya bukanlah ... saya mengakui mereka telah memberi sokongan kepada Kerajaan PAS pada pilihan raya yang kesepuluh baru-baru ini tetapi sokongan itu adalah semata-mata barangkali atas kepercayaan mereka dan keyakinan, atas keinginan yang bersungguh-sungguh kemampuan yang ditunjukkan di dalam tempoh yang lama oleh Parti PAS ingin membentuk Kerajaan Islam dalam Darul Iman ini. Tetapi Tuan Yang Dipertua, jelas pada hari ini rakyat jelata malah ramai daripada kalangan bijak-bijak pandai daripada negeri kita ini amat sedar, amat meragui belanjawan ini dengan apa yang saya katakan tadi di mana kalau dilihat defisit yang sebenar yang akan berlaku kepada belanjawan ini pada tahun akan datang hampir RM533 juta. Jadi inilah yang menjadikan pertanyaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan saya daripada wakil-wakil yang telah berucap sepanjang selepas belanjawan dibentangkan. Inilah kenyataan sebenar yang perlu kita hadapi. Sebab itulah Tuan Yang Dipertua, saya merasa amat

14 DISEMBER 2000

bersetuju dengan Wakil Ladang dan Wakil Teluk Pasu yang telah berhujah dan juga memberi cadangan yang baik sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang Dipertua, apakah perkara ini kita ingin berterusan atau meneruskan, ianya terus menerus berlaku kerana saya bimbang di dalam isu Kerajaan PAS menghadapi isu ketiadaan hasil daripada petroleum ini beberapa perkara yang agak aneh telah berlaku. Di mana kalau kita lihat pada hari ini dijawab, sebenarnya telahpun dijawab dalam soalan yang dikemukakan di Dewan ini, mereka amat yakin bahawa hasil petroleum ini masih berada dengan Kerajaan Negeri. Dan juga telah dikatakan strategi untuk menghadapi perkara ini, pertamanya telah dibuat penerangan kepada rakyat dan yang kedua mereka akan mengangkat ataupun mengambil tindakan undang-undang. Tuan Yang Dipertua, juga dalam kenyataan-kenyataan dan syarahan-syarahan seluruh negeri dan negara dipaparkan kepada rakyat bahawa kenyataan ini sangat bercanggah, ada Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri bercakap mereka tidak akan menggunakan isu undang-undang ataupun akan membangkitkan perkara ini kepada mahkamah sebaliknya mereka akan menggunakan isu ini berterusan sehingga kepada pilihan raya yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, inilah yang membimbangkan saya oleh kerana pilihan raya mungkin kecuali kerajaan pimpinan PAS ingin membawa ke Dewan yang mulia ini, membubarkan Dewan yang mulia ini bagi menghadapi pilihan raya peringkat negeri dengan sokongan rakyat bila-bila masa daripada sekarang. Tapi kalau mengikut kepada kaedah ataupun tempoh pemerintahan pilihan raya dijangka hampir melampaui tempoh 2001. Jadi Tuan Yang Dipertua, inilah yang akan menjadi tanda tanya kepada saya rakan-rakan malah kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu yang berfikiran terbuka, berfikiran waras dan sayangkan negeri ini. Dan saya faham pegawai-pegawai kerajaan malah yang membuat ataupun yang merancang belanjawan ini sendiri akan bertanya-tanya melainkan kepada mereka ataupun ahli-ahli politik yang menggunakan isu ini, ingin membebaskan rakyat dan ingin membawa isu ini berterusan bagi kepentingan politik semata-mata.

Tuan Yang Dipertua, hampir semua malah banyak diperkatakan mengenai dan dibesar-besarkan bukan saja di dalam Dewan ini tetapi di luar Dewan, rata-rata di seluruh negara dikatakan dengan perkara-perkara yang tidak, saya percaya sebagai manusia biasa yang berucap ataupun yang mendengar ucapan, kita merasakan ucapan-ucapan itu menyakitkan telinga dan juga merasakan ucapan yang tidak patut dituturkan sebagai seorang pejuang Islam. Di mana isu-isu yang dibesar-besarkan sebagai 'perompak', sebagai 'penjahat', 'orang yang zalim' dan sebagainya. Malah yang menghariankan saya, Tuan Yang Dipertua, ada majlis penerangan yang kita atur malah pihak Kerajaan Pusat telahpun menghantar Menteri yang bertanggungjawab untuk menerangkan isu ini kepada rakyat Negeri Terengganu, kepada kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu ke Negeri Terengganu kita ini malah ianya terbuka kepada semua pihak. Tetapi malangnya

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Lualan Tuan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak memberi lualan Yang Dipertua, sebab tadi Yang Dipertua dah khabar boleh bercakap saya lambat bangun kerana nak beri kawan-kawan kita bercakap daripada terutamanya Kawasan Bandar.

Malangnya Tuan Yang Dipertua, arahan rasmi Kerajaan Negeri telah dikeluarkan supaya semua pegawai kerajaan diarah tidak menghadiri ataupun tidak boleh menghadiri ke majlis penerangan

14 DISEMBER 2000

ini. Malah tindakan akan diambil kepada mereka yang ingkar. Jadi, inikah Tuan Yang Dipertua, suatu keadilan kepada rakyat? Pertanyaan saya, inikah satu cara kita mentadbir untuk menjelaskan isu sebenarnya? Jadi, Tuan Yang Dipertua, tidak hairanlah kalaulah beginilah caranya walaupun isu ini dibawa sampai kepada 2004 ataupun kepada isu pilihan raya yang akan datang, saya percaya dan saya sangat yakin rakyat telahpun sedar hak dan rakyat insya Allah, pada tahun akan datang kerana belanjawan telahpun dibentangkan dan telahpun diperjelaskan bahawa peruntukan wang petroleum Negeri Terengganu ini akan dibelanjakan terus kepada rakyat melalui agensi-agensi yang telah ditetapkan. Dan insya Allah, saya ingin memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa rakyat Negeri Terengganu ini tak usah bimbang dan ragu, tak usahlah mereka melihat kepada sandiwara belanjawan 2001 Kerajaan PAS yang dibentangkan di Dewan ini. Sebenarnya insya Allah, wang ini akan terus dibelanjakan kepada rakyat, bukan kepada UMNO, bukan kepada mana-mana parti politik tetapi insya Allah,

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Dipertua? Minta laluan?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Insya Allah, rakyat akan mendapat faedah dan marilah sebagai rakyat, saya juga sebagai wakil kepada rakyat

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, Paka minta laluan?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak memberi laluan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu soalan Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta maaf.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Tidak dibenarkan laluan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, insya Allah kita ada tempoh hampir tiga atau empat tahun akan datang akan menjelaskan keadaan ini dan insya Allah, rakyat akan sedar di mana kebenaran, di mana keuntungan yang diperolehi oleh rakyat.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya program ataupun kaedah yang telahpun ditukar yang difahamkan kepada kita melalui penerangan yang jelas dan amat jelas bahawa pembiayaan wang ihsan ataupun pemberian wang petroleum kepada Negeri Terengganu atau kepada rakyat Terengganu ini telahpun diletakkan di bawah kaedah Program Pembiayaan Wang Ehsan ataupun PPWE ringkasnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua wang ihsan, tak mahu dengar wang ihsan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Boleh keluar Dewanlah Wakil Bandar.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Kita pakai royalti bukan wang ihsan. Kita tak minta ihsan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua. Saya tak mahu layan tetapi oleh kerana dia jawab begitu, saya katalah kena merintah Kerajaan Pusat dululah kalau tak mahu layan. Jadi Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Insyallah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih. Saya ingin melihat kepada apakah dalam isu yang saya bangkit tadi, apakah sebenarnya ataupun apakah perkara sebenarnya yang menyebabkan perkara ini berlaku. Program dan kaedah ini telah bertukar cara dan jalannya. Saya ingin jelaskan dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang Dipertua, sebenarnya bukanlah kezaliman, bukanlah membalas dendam dan sebagainya. Tetapi dijelaskan kepada kita sebenarnya di atas perjanjian, di atas kaedah-kaedah, dasar-dasar petroleum negara dan sebagainya, ia jelas bahawa penemuan minyak yang ditemui melebihi daripada had ataupun jarak daripada yang sepatutnya diperolehi oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, minta laluan sebab dia sebut perjanjian.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak memberi laluan Yang Dipertua, faham sedikit Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Bandar boleh bercakap selepas ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar sila duduk.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kena khabar sedikit Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila teruskan. Ya, dia tahu dah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Biar reti sedikit. Maka atas maksudlah, kalau dulu Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri susah dan senang malah berganding bahu dalam setiap usaha untuk membantu rakyat Terengganu daripada sebuah negeri yang mundur malah termundur maka dalam tempoh pada kadar yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada negara kita ini maka Negeri Terengganu telah berubah wajah. Walaupun saya mengakui tidak kesemua kepuasannya telah diperolehi rakyat negeri. Tetapi Yang Dipertua, oleh kerana kehebatan malah ditunjukkan oleh Kerajaan PAS, pimpinan PAS dan sebagainya merata-rata sebagaimana saya kata tadi, terutamanya dalam manifesto pilihan raya PAS pada pilihan raya yang kesepuluh baru-baru ini di mana mereka telah mendesak dalam manifesto ini, di mana dicatatkan bahawa hasil petroleum akan dipohon ataupun akan diperjuangkan supaya hasilnya yang adil ataupun yang lebih daripada 5% yakni paling kurang 20%

14 DISEMBER 2000

diperolehi daripada Kerajaan Pusat. Jadi, seronok Yang Dipertua, 5% dah dapat RM432 juta kalau 20%, cuba kita kali tiga lagi tambahan. Jadi Yang Dipertua, atas dasar inilah yang saya percaya dan penuh yakin dalam tempoh setahun lepas, selepas belanjawan 2000 dibentangkan di Dewan ini, maka prestasi dan keadaan pemerintahan PAS itu sendiri, kalau dikatakan oleh rakan saya daripada Kemasik sebentar tadi, kerangkanya tidak ada, strateginya tidak ada, ikut dan dan sebagainya, saya nampak telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan PAS. Bukit yang jelas saya dapat lihat daripada ucapan-ucapan rakan-rakan daripada Paka, daripada Air Putih malahan pemahaman sendiri kalau kita tengok rakan kita daripada Air Putih, pemahaman sendiri daripada ucapannya sendiripun tidak faham. Dan ini menjelaskan kepada kita akan kelemahan serta kewibawaan hasrat sebagaimana yang kita dicita-citakan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin jelaskan sedikit, ingin memberitahu kepada kerajaan di Dewan yang mulia ini di dalam Program Pembangunan Wang Ihsan bahawa telah dikatakan dengan jelas tidak sebagaimana kata Air Putih, JPP yang diselewengkan, diputar belitkan, JPP tu apa? Sebenarnya JPP ini adalah suatu jawatankuasa peringkat Pusat yang ditadbirkan, dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak dok orang Terengganu seorang, Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak jelas ni, kalau tak dok dia ikut lain dia dok faham pula. JPP ini bukanlah jawatankuasa ataupun jabatan yang melaksanakan perancangan wang ihsan. Tetapi JPP ini bersedia dengan dasarnya untuk menerima dan juga insya Allah, telah dibentangkan kepada rakyat bahawa mereka akan membantu terutamanya akan defisit Kerajaan Negeri di atas perkara yang benar, terutamanya gaji pegawai-pegawai kerajaan yang telah disahkan. Dalam bidang pendidikan seperti KUSZA, TATI dan juga sekolah-sekolah agama negeri. Malah telah dijelaskan bahawa Kerajaan Negeri bolehlah menghantar ataupun berbincang secara teratur supaya perkara-perkara boleh diangkat dan boleh dibincangkan di peringkat tertinggi untuk kelulusan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, laluan? Wang ihsan ni untuk UMNO, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Paka minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak beri langsung.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Seperti juga Yang Dipertua, kain-kain pemedang yang berada di merata-rata

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni saya sebut bab kain pemedang di Paka.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak beri laluan langsung?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya tak beri laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Paka, sila duduk.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih Yang Dipertua, biar reti sedikit ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok reti ni saya
nak minta penjelasan, sebab dok reti ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya nak jelaskan Yang Dipertua, malah pimpinan UMNO yang telah berjasa sekian lama kepada
Kerajaan Negeri Terengganu selama ini pun insya Allah, boleh merancang

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tuan Yang
Dipertua, minta laluan sedikit. Saya harap Wakil Telemong cakap akhlak biar comel sedikit.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya tak beri laluan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya mohon
Yang Dipertua, bagi nasihat sedikit kepada Wakil Rakyat Telemong supaya bercakap biar akhlak
baik sedikit. Yang 'tak reti' tu bahasa yang agak kurang sopan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Alhamdulillah,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, teruskan –

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Alhamdulillah, Wakil Permaisuri rakan saya beri nasihat saya kalau ikut rakan-rakan telinga

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil dari Telemong tak mahu beri laluan, jangan
layan hak dia cakap tu, teruskan ucapan. Kalau dilayan apa yang dicakap, ertinya beri laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih Yang Dipertua, saya masih mengikut nasihat Yang Dipertua pada hari ucapan nasihat
pada hari pertama tempoh hari. Kalau rakan-rakan rasa sakit telinga, minta maaf kerana kita pun
telah mendengar ucapan-ucapan daripada rakan-rakan yang lain.

Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, pimpinan UMNO sendiripun yang telah berjasa dalam
memerintah negeri, mentadbir negeri walaupun tidak seratus peratus *perfect* dan sebagaimana kita
telah berjaya pada hari inipun dikehendaki ataupun kita bekerja keras untuk memberi cadangan dan
merancang kepada JPP untuk kepentingan rakyat Terengganu. Jadi, Tuan Yang Dipertua, dalam
melihat dasar ini saya nampak Kerajaan Negeri perlulah

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN MAT DAN (Wakil Hulu Besut): Tuan Yang Dipertua, minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tidak beri laluan, Yang Dipertua. Sahabat saya boleh bercakap semula.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Hulu Besut, Telemong tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dalam kaedah inilah Yang Dipertua, kita menasihatkan Kerajaan Negeri terutamanya pegawai, saya percaya dalam Dewan ini Ketua-ketua Jabatan mintalah, kita menasihatkan di bawah parti pimpinan PAS ini supaya bekerja keras bukanlah hanya berceramah, bukanlah hanya menunjukkan ataupun kata-kata yang tidak baik kepada JPP khususnya sebab tidak ada wakil politik dalam JPP ini. Malah saya percaya di dalam JPP ni juga terdapat rakan-rakan pentadbiran di Terengganu Darul Iman ini untuk berbincang dan untuk menguruskan akan kepentingan rakyat supaya tidak terabai dan juga tidak meneruskan sebagaimana tohmahan dan juga maki seranah ahli politik yang tidak bertanggungjawab di dalam hal yang demikian.

Tuan Yang Dipertua, inilah yang saya katakan tadi menampakkan kepada kita bahawa bukanlah dendam tetapi inilah kenyataan. Saya ingin memberi perbandingan Tuan Yang Dipertua, dalam tempoh setahun yang lepas kalau dikatakan dendam politik kepada Kerajaan Pusat, saya juga sebagaimana rakan saya daripada Kemasik sebentar tadi kalau boleh kita nyatakan antara dendam-dendam politik Kerajaan PAS kepada UMNO ataupun pimpinan UMNO, saya melihat dan telah ternyata dan diketahui oleh semua rakyat tak usah berselindung di Dewan ini ataupun di mana-mana ucapan, sebenarnya Kerajaan PAS kalau kita lihat dendam mereka lebih dasyat daripada kerajaan ataupun pimpinan Pusat. Telah diberikan contoh-contoh oleh rakan saya daripada Kemasik, malah Ajil agak sensitif langsung ... Tuan Yang Dipertua, saya boleh memberi contoh juga dalam tempoh setahun prestasi yang lepas, tidak ada perkara yang agak ... kerangka besar yang dibuat melainkan yang pertama usaha yang kita lihat dalam tempoh singkat diusahakan untuk menamatkan ketika itu jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri; dengan ketika itu saya difahamkan Setiausaha Kerajaan Negeri telah diberi berbagai-bagai malah yang menjadi pengetahuan umum di dalam negeri ini, ratusan ribu telah dibelanja supaya Setiausaha Kerajaan Negeri ini meletakkan jawatan. Ini satu perbelanjaan yang tidak perlu semata-mata untuk tujuan itu.

Malah dalam tempoh yang singkat juga kita telah lihat berbagai-bagai arahan telah dikeluarkan kepada pegawai-pegawai kerajaan di seluruh negeri untuk bertukar ke sana, ke sini dalam tempoh yang singkat tidak boleh menjalankan tugas yang panjang dan tidak berkesan di satu-satu tempat tetapi telahpun ditukar oleh kerajaan pimpinan PAS, semata-mata tidak sehaluan, tidak secocok dengan peranan dan hasrat mereka dan ini juga melibatkan perbelanjaan. Tuan Yang Dipertua, tekanan-tekanan juga diberi kepada pegawai-pegawai di peringkat bawah supaya tidak menyertai JKKK, tidak menyertai ataupun tidak boleh melibatkan diri dalam politik dan sebagainya. Juga Tuan Yang Dipertua, pemecatan telah berlaku di mana telahpun disebut sebelum ini malah yang lebih kesal, yang lebih menyesalkan kita dalam Dewan yang mulia ini juga seorang Ahli Wakil Kerajaan telahpun dengan beberapa kali, walaupun kita sangat memerlukan satu kaedah peringkat bawah iaitu dengan pelaksanaan ataupun penubuhan JKKK tetapi difatwakan dengan begitu mudah bahawa JKKK itu haram sama dengan 4 nombor ekor ataupun Toto. Yang lebih sedih lagi Tuan Yang Dipertua, penamatan bantuan kebajikan am sejumlah hampir 1,400 lebih orang seluruh negeri

14 DISEMBER 2000

yang pada asasnya diberitahu wajar mereka ini ditamatkan oleh kerana sebab tertentu. Tetapi sebenarnya Tuan Yang Dipertua, penamatan sebenar-benarnya adalah sebahagian besarnya semata-mata kerana isu ataupun pegangan politik pemegang-pemegang ini. Kerana kita dapati ramai anak yatim, ibu-ibu tunggal, orang-orang tua malah orang-orang cacat yang terbabit dalam program ataupun penamatan ini. Dan yang paling kita rasa kesal Tuan Yang Dipertua, dalam bulan puasa atau bulan Ramadan yang lepas sebelum pada hari raya, pembahagian wang zakatpun telah menjadi isu di kalangan pegawai-pegawai dan juga kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri bahawa pembahagian wang zakat tidak mengikut cara-cara sebagaimana yang sepatutnya.

Jadi Tuan Yang Dipertua, inilah bukti-bukti ataupun cara-cara yang boleh kita lihat dalam tempoh yang singkat itu di mana tindakan yang drastik yang sangat tidak disenangi oleh rakyat telah dilakukan oleh kerajaan pada hari ini. Kalaulah mereka ataupun diberi peluang kepada mereka untuk memimpin ataupun untuk mentadbir Kerajaan Pusat, saya percaya Tuan Yang Dipertua, lebih dasyat lagi ataupun dendam mereka akan lebih kuat daripada yang telah saya bentangkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberitahu semua sekali kepada rakyat supaya dalam keadaan kita ingin menghadapi tahun yang lebih mencabar, zaman yang lebih mencabar ini supaya insya Allah kita tidak takut dan tidak boleh bergantung kepada belanjawan yang telah dibentangkan ini kerana belanjawan ini tidak tahu akan penentuannya sebagaimana saya katakan tadi. Marilah kita terus mendapat nikmat daripada insya Allah, daripada pimpinan Kerajaan Pusat yang akan terus membantu rakyat Negeri Terengganu untuk melihat kepada keadaan yang sebenarnya ataupun program yang sebenarnya yang telah diatur dan disusun. Tuan Yang Dipertua kalau dikatakan hak kepada Negeri Terengganu, insya Allah telah diberi jaminan oleh Kerajaan Pusat bahawa hak yang sepatutnya yang diterima oleh rakyat Negeri Terengganu ataupun bantuan ataupun geran mengikut kepala insya Allah tidak akan dibatalkan. Dan juga mengikut perbatuan jalan juga tidak akan dibatalkan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membawa kepada perkara yang kedua iaitu bagaimanakah kita terus boleh bergantung kepada masa-masa yang akan mendatang ini. Sebagai wakil di dalam Dewan negeri ini saya percaya, saya mengucapkan terima kasih kerana diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan di dalam muka surat 14 bahawa Kerajaan Negeri juga mencari jalan-jalan atau strategi ataupun alternatif yang lain. Kerana kita tahu barisan pimpinan Kerajaan Negeri telah dicanangkan daripada Barisan Alternatif ini memang pakar dalam mencari perkara ataupun alternatif untuk mengalih ataupun untuk membantu belanjawan yang tidak sepatutnya tidak boleh berjalan pada tahun akan datang. Saya percaya hasrat kerajaan untuk merangsang dan juga mempelbagaikan asas ekonomi negeri dengan pertumbuhan kepada sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan dengan memberi keutamaan kepada perkara yang dasar, keperluan yang sebenar tanpa berlakunya pembaziran dan mengurus kewangan dengan telus dan berhemat akan menjadi kenyataan. Saya merasakan ini sememangnya ataupun sepatutnya menjadi kenyataan kepada Kerajaan Negeri pada tahun ataupun tempoh 2001 akan datang. Maka Yang Dipertua, marilah sama-sama kita memikirkan insya Allah, kami di barisan pembangkang ini disiniskan dengan pelbagai perkara insya Allah, juga akan boleh memberi bantuan yang mampu untuk membantu Kerajaan Negeri bagi mencapai hasrat sebagaimana rakan yang saya katakan tadi, rakan Teluk Pasu dan juga Wakil Ladang yang saya lihat perkara yang sangat baik yang telah dicadangkan.

Cuma Yang Dipertua kita bimbang, saya menaruh kebimbangan kepada isu kepelbagaian ini kerana dalam tempoh satu tahun ataupun tempoh pemerintahan yang lepas, setahun yang lepas kita melihat

14 DISEMBER 2000

seolah-olah telah berlaku suatu pencabulan ataupun suatu perkara kalau boleh saya katakan satu perkara yang luar biasa terutamanya pengagihan hasil-hasil hutan yang telah dibuat ataupun yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Di mana perkara ini terlalu sensitif sehingga saya lihat dua hari yang lepas telah menjadi satu isu yang hangat di Dewan yang mulia ini. Jadi dalam hal ini Tuan Yang Dipertua, saya ingin cadangkan insya Allah, perkara yang lepas biarlah ianya berlalu tetapi jadikan ianya satu pedoman kerana sebenarnya rakyat Negeri Terengganu ini bukanlah jahil, bukanlah buta dan mereka mempunyai mata hati untuk melihat akan perlakuan ini. Jadi nasihat saya insya Allah, Tuan Yang Dipertua jalankan dengan baik apa yang patut kita tunaikan, tunaikan dengan baik. Dan insya Allah, saya percaya semua kita tahu janganlah sewenang-wenang kita mengurniakan kawasan-kawasan hutan ini kepada mereka-mereka yang tidak mampu. Yang kita tahu yang mampu adalah pekilang-pekilang dan mereka yang boleh menghasilkan daripada hasil hutan ini dan juga insya Allah akan menghasilkan semula hasil kepada Kerajaan Negeri. Bukanlah kepada mereka-mereka yang semata-mata kroni-kroni kita untuk dikurniakan kawasan-kawasan hutan, kawasan-kawasan balak dan sebagainya. Ini akan menjadi buah mulut orang ramai, tidak molek dipercakapkan di merata-rata tempat kerana orang kita juga silapnya. Tuan Yang Dipertua, yang menerima kawasan ini kerana merata-rata bukan lagi bercakap soal Islam, bukan soal nak makmurkan masjid, bukan soal nak menjadi suasana yang baik, contoh yang baik di kampung-kampung tetapi sekarang ini berlumba-lumba ke Jabatan Hutan Daerah dan Negeri untuk mendapatkan pelan-pelan. Malah saya diberitahu oleh rakan-rakan di jabatan-jabatan bahawa pelan-pelan tu bertindih bertindang, ada yang perempuan, ada yang kampung, ada yang bandar, ada yang itu dan ini inginkan pelan-pelan yang berkenaan kerana berlumba harta rampasan perang ini.

Tuan Yang Dipertua, inilah yang menjadi kebimbangan kita. Kalau kita lihat daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikurniakan itu, saya merasa ragu kerana tidak ada satu kilang yang dimiliki oleh penerima-penerima kawasan balak ini. Malah mereka telah menjaja ke hulu, ke hilir menjual kawasan begitu, begini untuk mendapatkan wang segera. Dan ini menjadi kenyataan kepada kita Tuan Yang Dipertua, amat jauh malah telah lari daripada dasar Islam ataupun pentadbiran yang baik Negeri Terengganu Darul Iman ini, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, kita juga melihat walaupun telah diberitahu oleh rakan yang agak pendek akalnya membuat tuduhan dan tohmahan kalau isu sosial banyaknya masalah-masalah, banyaknya perkara-perkara yang tidak baik dikatakan ini peninggalan penjajah atau peninggalan pentadbiran Barisan Nasional yang lepas. Tapi jangan lupa Tuan Yang Dipertua, inilah menjadi cabaran sebenarnya kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Marilah, jangan kita asyik menyalahkan orang lain, menyalak itu tidak kena dan sebagainya sekarang ni pisau di tangan kita, pen di tangan kita, gunakanlah akal yang baik, cita-cita yang baik dan pelaksanaan yang kemas dan rapi untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Saya memberi contoh Tuan Yang Dipertua, dalam isu meletakkan rakyat ataupun membimbing rakyat bagi menjadi orang yang baik, pimpinan di semua peringkat. Saya mengambil contoh satu perkara yang telah berlaku yang sangat sedih, di mana dalam musim hujung tahun ini kita ketahui dan malah berpuluh-puluh tahun kita ketahui, apabila sahaja tibanya musim hujan kita seluruh negeri di bawah pentadbiran kerajaan dan juga di bawah pentadbiran bersedia untuk menghadapi musim hujan ini yang mana jika hujannya berlarutan ia akan membawa kepada bencana banjir di seluruh negeri. Kita membuat jawatankuasa-jawatankuasa, menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk menjalankan atau melaksanakan tugas ini di semua peringkat yang melibatkan semua peringkat kampung, mukim, daerah dan negeri. Tuan Yang Dipertua, perkara ini telahpun berlaku dan saya tidak nampak malah ramai rakyat bercakap pada hari ini pada musim ataupun bencana banjir yang berlaku baru-baru ini. Telah berlaku suatu masalah yang besar kepada rakyat tetapi kita tidak melihat suatu peranan yang

14 DISEMBER 2000

besar dilakukan oleh kerajaan. Malah satu isu yang saya ingin bawa kepada Yang Dipertua, berlaku di satu kampung di pinggir sungai yang memang setiap tahun kerajaan kita tahu daripada dahulu hingga sekarang, kita mengetahui kampung ini memang rendah, tebingnya rendah dan memang dilanda banjir setiap tahun. Kita membina sebuah balai raya dua tingkat di kawasan yang paling tinggi di kampung ini dengan harapan supaya di tingkat atasnya akan menjadi pada musim atau pada musim cuti sekolah Tadika tidak dipakai ini, supaya balai raya ini boleh dijadikan pusat pemindahan banjir kepada orang-orang yang susah, rakyat yang susah di kampung berkenaan. Tetapi malangnya Tuan Yang Dipertua kita sedar, kita Barisan Nasional tidak memerintah lagi pada hari ini. Tetapi tuan Yang Dipertua atas dasar ihsan, atas dasar pemikiran yang waras sepatutnya gunakan pihak orang-orang kampung yang terjejas oleh kerana bencana banjir ini memohon simpati malah memohon dengan rayuan kepada pihak Pengerusi JSR sebuah ini untuk menggunakan tempat ataupun balai raya tingkat atas ini sebagai tempat pemindahan. Tetapi Tuan Yang Dipertua malangnya dengan sombong, dengan angkuh mereka mengakui memang patut diakui balai raya hak mereka tetapi lihatlah keadaan, gunalah tempat ini sebagaimana keperluan semasa yang sepatutnya. Tetapi Tuan Yang Dipertua jangankan nak buka kunci malah aduan atau rayuan ini tidak didengar.

Sebaliknya Tuan Yang Dipertua, selepas minggu yang berikutnya satu perkara telah berlaku di kampung ini. Di mana saudara kepada Pengerusi atau JSR ini telahpun berlaku kematian. Tuan Yang Dipertua, kita tidak mahu lagi berlaku dalam negeri kita Darul Iman ini di mana orang kampung yang ramai melihat kepada keadaan isu yang saya bangkitkan tadi, oleh kerana keangkuhan pimpinan kita di peringkat bawah tadi mereka tidak menghiraukan kematian ini malah mereka tidak memberi kerjasama untuk ... maklum situlah di kampung kita semua membuat keranda, pergi menziarah, memberikan simpati dan sebagainya malah menggali kubur dan membantu supaya jenazah ini dikebumikan dengan segera. Tuan Yang Dipertua, malangnya di atas ketidakendahan ataupun kebangkitan segera semangat yang tidak baik ini malangnya perkara ini tidak berlaku sebagaimana biasa. Dan jenazah ini hanya boleh dibantu ataupun dibantu oleh rakan-rakan daripada kampung-kampung yang jauh dan dikebumikan pada waktu malam dengan tempoh yang agak panjang. Tuan Yang Dipertua, cerita ini bukanlah satu cerita rekaan tetapi saya nak membentangkan di Dewan yang mulia ini suatu perkara yang telahpun berlaku. Dan kita tidak mahu perkara ini berlaku dalam negeri kita, di dalam pimpinan dan juga kerajaan yang mengagung-agungkan dan insya Allah, saya juga menyokong dalam kita nak menjalankan syariat Islam dan kerajaan Islam Negeri Terengganu kita ini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan yang Dipertua,

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): dalam isu yang kedua saya ingin bangkitkan di sini

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Telemong, Pengkalan Berangan minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri laluan Yang Dipertua.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): untuk *check*
.....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak beri langsung?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Ya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): bukan nak
lalu, nak *check* fakta yang dikatakan tu di mana berlaku?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Sila siasat ... kerajaan boleh siasat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tuan Yang Dipertua, ini suatu pembohongan. *I call to the Order*, Tuan Yang Dipertua. Saya nak
minta order Tuan Yang Dipertua, biar dia beri kebenaran, tempat, nama dan dimana. Pasal kita
mahu fakta.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Telemong, minta bukti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tuan Yang Dipertua, saya sebagai wakil rakyat, saya bangkitkan di sini bukanlah semata-mata saya
nak bangkitkan kemarahan. Saya bangkit di sini atas dasar yang baik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Betullah tu

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang
Berhormat Tuan Yang Dipertua. saya tanya dengan baik sebab perkara itu di luar daripada

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Sebagai kerajaan yang baik terimalah kenyataan ini dan siasatlah dengan baik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Betullah tu ... dah kenyataan ...

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Sebab itulah
saya memerlukan itu ... memerlukan fakta supaya mudah kita *check* sebab kita tidak ada
maklumat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Jumpa saya lepas ini, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bagi tahu di Dewan, dia minta di Dewan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya ingin meneruskan ucapan saya Tuan yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila buktikan kenyataan.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Guana tak berapa cerdik sangat ni, orang minta contoh beritahu sajalah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya Tuan Yang Dipertua, saya telah minta hari pertama dibentangkan oleh kerajaan ke atas halangan kepada pelaburan yang nak mari kepada Negeri Terengganu Darul Iman.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Tuan Yang Dipertua, ni bukan masalah minta laluan *point of order*, kita nak supaya diberikan penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Disebut orang tertentu, badan tertentu saya minta dan sebagainya. Saya minta, dia kata "itu dalam siasatan kita." Saya begitulah jugalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya? Macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHOMRAT YANG DIPERTUA: Sekarang Yang Berhormat Wakil Telemong menyebut bahawa benda tu berlaku, kenyataan. Silakan nyatakan bukti terhadap kenyataan yang didakwa oleh Yang Berhormat, itu saja. Sila nyatakan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya telah sebut berlaku perkara ini di kawasan banjir Tuan Yang Dipertua. Banjir

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya tuduh ... Yang Dipertua, Yang Berhormat sekarang bohong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila nyatakan bukti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak berbohong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau tidak berbohong, sila nyatakan bukti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Buktinya di Kampung Bukit Tadok

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah. Sila perhatian bahawa buktinya di Kampung Bukit Tadok.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): DUN Manir, sebelah kawasan Telemong. Sebelah tu Kampung Paluh Nyiur, kawasan Telemong, sempadan kawasan Telemong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Teruskan ucapan.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih Tuan Yang Dipertua, walaupun telah dijawab saya nampak ... walaupun telah dijawab oleh kerajaan mengenai isu pendidikan. Saya ingin bangkitkan di sini suatu peringatan, dalam usaha kita untuk menyemarakkan kecemerlangan pendidikan di negeri Terengganu Darul Iman ini, juga dalam usaha untuk meringankan beban rakyat untuk menerima pendidikan kerajaan yang lepas telahpun mendapat suatu daripada perjuangannya ... telahpun mendapat suatu sumber yang besar daripada Kerajaan Pusat untuk membina sekolah-sekolah baru di seluruh negeri di mana keperluannya sangat mendesak ataupun sangat terdesak oleh rakyat jelata. Saya membangkitkan di sini supaya perkara yang melambat-lambatkan pembinaan sekolah ini tidak berlaku kerana kita tahu kelambatan itu ataupun perlengahan pengurniaan tapak kepada pembinaan sekolah-sekolah ini akan menyebabkan peruntukan ataupun pembiayaan yang telahpun sepatutnya ada akan dipindahkan ke negeri-negeri yang lain. Saya ingin maklumkan di sini Tuan Yang Dipertua, contohnya di Hulu Terengganu, di mana suatu arahan telah ... ataupun kenyataan surat telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Hulu Terengganu kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, tidak membenarkan tapak-tapak sekolah yang telah dikenal pasti, tidak bertindih dengan keperluan rakyat yang lain, tidak dibenarkan masuk sehingga kelulusan sebenarnya diperolehi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada bulan Jun yang lepas kerajaan ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telahpun meluluskan secara umum seluruh tapak-tapak yang telah dikenal pasti di dalam Negeri Terengganu ini bagi pembinaan sekolah-sekolah sama ada rendah dan menengah supaya disegerakan kemasukan ataupun dipermudahkan demi kepentingan rakyat, pembinaan sekolah-sekolah ini. Jadi, saya ingin bangkit di sini supaya ia menjadi peringatan dan juga kesegeraan kerana rakyat melihat perkara ini, kerana telahpun diluluskan beberapa buah sekolah menengah, beberapa sekolah rendah di daerah ini untuk kepentingan rakyat, rakyat kampung, rakyat yang jauh sekolahnya, tambangnya payah, pendapatannya susah dan rata-rata orang miskin. Untuk memperolehi sekolah yang dekat dengan kampung masing-masing sangatlah besar hasratan mereka. Jadi, Tuan Yang Dipertua kita minta, saya merayu di Dewan yang mulia ini janganlah menangguhkan perkara yang baik ini berilah laluan kerana tidak Dr. Mahathir akan mari ke sekolah-sekolah yang berkenaan tetapi anak-anak kampung Negeri Terengganu Darul Imanlah yang akan bersekolah malah kemudahan ini akan dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin membangkitkan sedikit soal yang telah dibangkitkan dengan cara seolah-olah sinis kepada pembinaan loji air di Serdang, Dungun oleh salah seorang rakan kita. Jadi, Tuan Yang Dipertua secara ringkasnya, rakan-rakan, pegawai-pegawai kerajaan yang berada di Dewan yang mulia inipun sebenarnya bersama-sama dengan rakan-rakan pimpinan kerajaan yang lepas, di mana projek loji air Serdang ini adalah dibina, dirancang sebegitu rupa demi kepentingan Negeri Terengganu. Keuntungannya insya Allah, akan terserlah kepada Kerajaan Negeri terutamanya SATU atau Syaikat Air Negeri Terengganu yang mana pada ketika dan masa yang berkenaan. Untuk membina sebuah loji yang besar ini tidak berkemampuan oleh pihak SATU sendiri maka telah diusahakan dengan kerjasama pihak Petronas supaya pembinaan loji ini disegerakan demi untuk mengatasi masalah terutamanya masalah air masin yang memasuki muka sauk ataupun muka Kuala Sungai Paka berlarutan sehingga kepada pusat penyedutan air di kawasan Durian Mentangau. Jadi, Tuan Yang Dipertua atas kaedah itulah kita janganlah ... kita percaya walaupun kita memerlukan perjanjian dan sebagainya tetapi janganlah kita kaitan perjanjian itu seolah-olah 'kita nak marah nyamuk, kita nak bakar kelambu'. Harapan saya, jadikanlah teladan kepada projek-projek yang sedia ada ini, janganlah kita jadi seolah-olah apa yang kita bangkit di Dewan ini, KEMAS pun kita nak buat perjanjian, soal Tasik Kenyir, soal

14 DISEMBER 2000

semua sekali seolah-olah orang-orang baru, wakil-wakil kita ni ragu dengan kerjasama yang ada selama ini. Cuma yang kita perlukan adalah menyegerakan perjanjian ini. Saya berharap rakan saya dan juga pihak kerajaan, buatlah segera, buat kerja segera dalam tempoh yang setahun memerintah inipun tidak boleh lagi buat perjanjian ini. Saya percaya untuk tahun depan, 2001 jangan salahkan orang lain lagi, buat segera. Dan telah diberitahu oleh rakan kita daripada Rantau Abang tadi supaya segerakan perjanjian ini.

Jadi, Tuan Yang Dipertua sebagai akhirnya saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini insya Allah, saya dan rakan-rakan sama-sama daripada rakan pembangkang sangat bercita-cita dan sangat ingin melihatkan insya Allah, Negeri Terengganu ni maju selaras dengan apa yang kita cita-citakan. Tidak timbul kepada kita untuk membangkit atau menegakkan perkara yang tidak benar malah tidak timbul kepada kita untuk menjadikan Dewan ini sebagai suatu bahan ataupun suatu tempat, ataupun suatu gelanggang yang boleh memalukan imej ataupun taraf kita sebagai wakil rakyat ataupun wakil kepada kawasan masing-masing. Jadi marilah, sebagai pimpinan yang besar, yang kecil kita jadikan Dewan kita ini sebagai tempat untuk mengadu hal dan juga menerima nasihat dan insya Allah memberi nasihat, dan insya Allah merencanakan perkara yang terbaik kepada rakyat jelata bukanlah tohmahan-tomahan, maki cerca dan sebagainya. Saya sangat kesal di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang seolah-olah membangkitkan semangat kemarahan semata-mata dan tidak mengakui akan kebaikan yang telah dilakukan oleh terutamanya kerajaan yang lepas.

Sebagai penutup Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan di sini saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana dalam tempoh kesedaran mereka memerintah, Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun ini, mereka telahpun mengguna pakai keseluruhan agensi dan juga peranan-peranan kerajaan yang telah dibentuk oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Contohnya dalam ucapan belanjawan, dalam ucapan di mana-mana ... di Dewan ataupun di Istana, telah dinyatakan dengan megah begitu sekali bahawa YPK, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, TATI, KUSZA, TESDEC, Pusat Tahfiz dan sebagainya telahpun diubah, telahpun dipergunakan dan telah dimantapkan perjuangannya. Maka ini suatu pengiktirafan yang baik. Begitu juga walaupun ditukar namanya UBI, dulunya UPU sekarang kepada UBI, dulunya Pusat Pupuk Semangat sekarang kepada API juga diagung-agungkan oleh rakan-rakan kita daripada kerajaan, juga sebenarnya hasil daripada perencanaan kita yang lepas. Maka Tuan Yang Dipertua, marilah kita membawa satu perjalanan bahawa kita tidak rugi segala-galannya malah apa yang berlaku dan telahpun berlaku di Negeri Terengganu Darul Iman ini dengan kuasa diberi kepada rakan-rakan, 28 orang daripada rakan kita daripada parti PAS, tunjukkan keIslaman, tunjukkanlah sikap, tunjukkanlah perkara yang benar dan janganlah melemahkan ataupun menjatuhkan imej Islam itu sendiri di mata rakyat, di mata orang-orang yang bukan Islam hasil daripada perubahan kita yang tidak baik.

Jadi, Tuan Yang Dipertua itulah yang ingin saya sampaikan di dalam ucapan ini, ucapan belanjawan yang telah diberi peluang kepada saya. Saya minta maaf banyak dan saya sudahi dengan wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong. Masa ucapan perbahasan masih diteruskan, silakan – Kuala Berang.

14 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya turut sama dalam perbincangan belanjawan

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya panggil Kuala Berang tadi, tak apalah Kuala Berang dah mengalah, teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
..... saya patuh apa yang diarahkan oleh Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua. Cuma saya nak mengatakan rasa terkilan dan dukacita saya kerana Yang BERTHORMAT tidak memberi peluang kepada Yang BERTHORMAT Wakil Ajil meneruskan ucapan setelah ianya dengan patuhnya menurut perintah Tuan Yang Dipertua. Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidak membaca peraturan-peraturan ini sebaik-baiknya. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, suka saya mengingatkan Tuan Yang Dipertua bahawa Tuan Yang Dipertua mempunyai sebuah Dewan Undangan Negeri yang cukup kuat, 28 orang wakil kerajaan berbanding 4 orang wakil pembangkang. Yang BERTHORMAT boleh buat apa saja

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT Wakil Seberang Takir, kalau wakil pembangkang ada 30 orang saya beri 30, tapi ada 4 terpaksa kena beri empatiah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, saya mengatakan begitu dan saya sedar kami 4 orang ini adalah kumpulan minoriti yang lemah. Untuk mengeluarkan salah seorang daripada kami di sini, Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua boleh meminta siapa-siapa saja dan saya percaya dalam hal ini Wakil Batu Buruk sepatutnya kata dengan izin *ever ready* untuk membuat cadangan untuk mengeluarkan siapa-siapa dia.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tuan Yang Dipertua, *point of order*. Perkara ini telah selesai dan kalau Yang BERTHORMAT Wakil Seberang Takir, ianya menentang peraturan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Tepatlah apa yang saya sebut tadi Tuan Yang Dipertua, memang dengan izin Wakil Batu Buruk *ever ready* untuk mengambil tindakan atau mencadangkan satu-satu tindakan ke atas seseorang wakil yang berucap

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, saya memohon *order* dia panggil.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
..... dengan tujuan supaya tidaklah ada orang yang berucap ataupun menyatakan sesuatu

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT Wakil Seberang Takir, perkara berkaitan dengan perisytua 12 hari bulan telahpun selesai dan tidak boleh dibangkit, dan tidak boleh diungkit. Keputusan telah dibuat dan saya membuat keputusan dengan tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak, saya terus menggunakan 51(2), tidak menggunakan 51(3) dengan bantuan daripada pihak kerajaan. Jangan cuba mencabar saya kali yang kedua.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang nak mencabar Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua tapi saya meminta Yang Berhormat lebih berhati-hati dalam hal ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan ucapan tak perlu lagi ulasan yang lain.
Kalau nak berucap sila, kalau tidak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Terima kasih kerana Yang Berhormat Yang Dipertua sudi mendengar sesuatu ihsan yang diberikan kepada saya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, mengikuti penyampaian belanjawan, ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dua hari yang lalu, saya suka menyatakan mengucapkan tahniah ke atas Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana menyuarakan rasa optimisnya, optimis kerajaan tentunya saya percaya Yang Berhormat Yang Dipertua, akan baliki atau akan terdapat semula wang royalti. Atas kepercayaan inilah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, maka anggaran royalti petroleum sebanyak RM540 juta masih dimasukkan ke dalam anggaran hasil. Dan berdasarkan anggaran pendapatan inilah maka dibuat berbagai-bagai rancangan yang akhir sekali, setelah dikira segala-galanya didapati perbelanjaan tahun ini akan mengalami defisit sebanyak RM12. Kalau kerana tidak pandangan yang optimis ini saya rasa Tuan Yang Dipertua, tentulah Kerajaan Negeri Terengganu mengikut perbelanjaan akan mengalami satu defisit yang sangat besar, iaitu RM540 juta dicampur dengan RM12 juta. Mudah-mudahan dikurniakan Allah s.w.t.

Tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Yang Dipertua, setelah sama-sama menikmati ayat 155 Surahatul Al-Baqarah yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat terutama sekali bahagian akhirnya:

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ.

Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Mudah-mudahan kita berharap kita akan terjumlah ke dalam golongan ini, termasuk dalam golongan ini, golongan orang-orang yang sabar. Tetapi mendengar penggunaan perkataan-perkataan yang tertentu seperti perkataan 'perompak', 'pengkhianat', 'perampas' yang digunakan oleh hampir semua Ahli-ahli Kerajaan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sampai kepada yang lain-lain, jelaslah saya rasa kita belum lagi masuk ke dalam kumpulan orang-orang yang sabar dengan sifat-sifat yang seumpama ini. Ini melarat sampai ke kampung-kampung seperti yang disebut oleh beberapa orang yang telah berucap terlebih dahulu daripada saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dengan penggantungan kain sebanduk, kain rentang yang menuduh UMNO sebagai 'pengkhianat' yang menyamakan UMNO dengan Israel dan sebagainya. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapannya tidak tenggan-tenggan lagi mengatakan bahawa Kerajaan Pusat tidak segan dan malu, maka sayapun berani mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya itu adalah tidak segan dan malu juga. Tambahan pula kalau diletakkan mereka sebagai orang yang diberi gelar 'ulamak' atau 'Tuan Guru' atau orang yang mempunyai pendidikan tinggi agama yang membacakan ayat-ayat al-Quran di sana, sini dan meminta kita memahami. Kecualilah ayat-ayat al-Quran itu digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu apatah lagi digunakan untuk tujuan-tujuan politik yang keuntungannya boleh insya Allah, didapati di dalam jangka waktu yang pendek.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mudahnya wang ihsan sebagai ganti royalti ialah jumlah yang sama, iaitu satu bayaran tunai yang dulunya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Dipertua, minta laluan? Anakanda minta laluan ni ayahanda.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam ucapan perbahasan saya baru-baru ini, iaitu saya ingin minta penjelasan adakah wakil dari Seberang Takir tarik balik ucapan dia pada tahun '75 atau perlu saya baca ucapan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak perlu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDU RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dengan izin Yang Dipertua, kalau nak baca sayapun 25 tahun dulu ni tak berapa ingat dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya peringat takut Yang Berhormat Wakil Takir ni dok ingat, dok nyanyok dok ingat saja - *Sebagai rakyat dari sebuah negeri yang dapat disifatkan sebagai sebuah negeri yang tertinggal jauh kebelakang dalam hampir-hampir semua lapangan kehidupan maka penemuan ini dapatlah kiranya disifatkan sebagai satu rahmat. Kalaulah penemuan ini dapat kita digunakan sepenuh-penuhnya tetapi apa yang menghuirankan saya sungguhpun di dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan pihak Petronas kita telah dijamin dengan 5% hasil penemuan ini.* Adakah Yang Berhormat Seberang Takir nak tarik balik kenyataan ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat yang berkenaan, saya rasa tidak ada gunanya tarik balik pasal benda tu telahpun disebut. Saya terima kasih kepada anakanda yang berkenaan yang mengingatkan saya hal ini. Dan saya menyokong kuat hari itu

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Laluan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): saya menyokong masa itu Kerajaan Barisan Nasional. Dulu lain, sekarang lain Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, maknanya adakah bila bertukar kerajaan maka kita boleh melanggar perjanjian, pecah amanah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu terpulanglah kepada tafsiran Yang Berhormat sama ada melanggar ataupun tidak perjanjian itu. Terpulanglah kepada Yang Berhormat, jadi saya sekarang duduk di bahagian pembangkang, dulunya saya

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagai orang lama dia beri nasihat kepada saya yang muda ni, adakah munasabah kita langgar perjanjian itu? Saya minta penafsiran dia, beri penjelasan.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, mula-mula *start* Dewan tadi memberi amaran tiga soalan tambahan saja, saya telah memberi tiga laluan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, itu kepada soalan lisan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: tidak termasuk perbahasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, kita berharap penggunaan perkataan-perkataan yang saya sebutkan tadi tidaklah berlanjutan. Kerana saya yakin pemimpin-pemimpin kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya telah boleh berpuas hati dengan ucapan yang dibuat di sana sini terutama sekali dalam program siri jelajah daerah *road show* dengan izin, Yang Berhormat Yang Dipertua. Dan disebut, diperkuatkan lagi di mana-mana walaupun ada hasrat untuk tidak memberhentikan penggunaan perkataan ini mungkin barangkali sampai kepada ambang pilihan raya yang akan datang. Tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Yang Dipertua, rakyat sedar, rakyat boleh membuat penghakiman sama ada nak mengatakan 'UMNO khianat' ataupun PAS yang mengkhainati umat Islam Negeri Terengganu, ataupun siapa yang menjadi 'perompak' dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar muka surat 5 izin kalau saya sebut di sini, saya baca Yang Berhormat:

Tapi apa yang nyata mereka yang sebenarnya telah mengkhainati seluruh warga negeri ini dengan merampas hak rakyat dan cuba pula membelanjakan wang tersebut demi kepentingan politik Kerajaan Pusat. Bagaimana boleh wang royalti petroleum negeri ini dibelanjakan bagi pelaksanaan projek-projek Kerajaan Pusat sedangkan sepatutnya telah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyediakan peruntukan dari Kerajaan Pusat bagi semua negeri-negeri di Malaysia termasuklah Negeri Terengganu Darul Iman.

Kalau betul apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya menyokong Yang Amat Berhormat, saya memang tidak bersetuju wang ihsan, wang ihsan, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat sebagai obligasi dia, perbelanjaan dia. Tapi sehingga ini saya masih nak mengatakan bahawa ini merupakan satu tuduhan ataupun satu prasangka yang tidak

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat saya minta laluan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Buruk minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sila –

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Saya nak minta penjelasan, yang dikatakan 'wang ihsan' itu hak siapa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Hak rakyat Negeri Terengganu, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Kalau hak rakyat Negeri Terengganu, apa kena mengena dengan Pusat nak belanja, mesti rakyat belanja sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang membelanjakannya, yang dapatnya ialah rakyat seperti yang diterangkan berkali-kali Yang Berhormat Yang Dipertua, tapi Wakil Batu Buruk nampaknya tidak faham. Saya minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, macam saya kerajaan pula sebelah sana pembangkang dalam hal ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Saya dah beri penjelasan, saya rasa boleh terima penjelasan ini Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Seberang Takir, minta maaf banyak-banyak sama-sama tua ni. Kalaulah duit tu hak rakyat mesti rakyat belanja. Tetapi kalau duit tu hak rakyat tak boleh orang ketiga tolong belanja kepada rakyat. Itu saya tanya tadi, bukan saya tidak faham tentu cikgu dengan *lawyer* nipun lebih kurang juga fahamnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Terima kasih Yang Berhormat, taraf saya naik sedikit jadi peguam, jadi *lawyer* ni daripada cikgu naik sedikit taraf saya, jadi terima kasihlah Wakil Batu Buruk. Yang sebenarnya Kerajaan Persekutuan beri kepada rakyat untuk membelanjakannya. Insya Allah, kita tengoklah bagaimana Kerajaan Persekutuan memberikan duit wang ihsan ini untuk rakyat membelanjakan. Insya Allah, dalam masa seminggu dua ni permulaan, mudah-mudahan Yang Berhormat Yang Dipertua.

Sehingga ini Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang disebut ataupun apa yang dijangka oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu berlaku. Kalau betul-betul berlaku saya menyokong Yang Amat Berhormat untuk bercakap tapi Yang Amat Berhormat mempunyai satu Dewan lagi yang lebih tinggi untuk menyuarakan bahawa tidaklah kena pada tempatnya kalau Kerajaan Persekutuan menggantikan, barangkali itu perkataan yang munasabah Yang Berhormat Yang Dipertua, menggantikan wang ihsan untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang sepatutnya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Insya Allah, kita berharap kita akan sama-sama memantau perkara yang seumpama ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pembangunan Negeri Terengganu oleh Barisan Nasional selama lebih kurang 40 tahun telah sama-sama kita saksikan, kita alami dan kita nikmati, syukur kita. Dan saya yakin, yakin sangat saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan saya rasa yang lain-lainpun yakin bahawa memang terhadat, masih terdapat kekurangan dalam pembangunan, masih terdapat kemudahan-kemudahan asas yang kurang di sana sini. Negeri kita terus

14 DISEMBER 2000

membangun dengan pesatnya Yang Berhormat Yang Dipertua. Itu kita yakin. Kehendak-kehendak rakyat yang bertambah ramai bertambah banyak dan nasib kita tidak baik sebagai perancang, sebagai pelaksana termasuklah sahabat-sahabat kita pegawai-pegawai kerajaan, nasib kita tidak baik bahawa tidak pernah puas hati manusia dengan kehendak-kehendaknya, kehendak yang seribu satu itu tidak pernah habis-habis. Dibuat satu, dipenuhi satu permohonan timbul lagi satu permohonan, permohonan yang telah dipenuhi lazimnya dilupakan jangan mengharapkan sangat terima kasih mudah-mudahan dia bersyukur kehadiran Allah s.w.t.pun Alhamdulillah. Jadi apa yang saya nak sentuh sebagai wakil rakyat, Wakil Paka berhubung dengan bekalan air berih yang tidak sampai ke beberapa kawasannya, memang terjadi. Tapi usaha kita satu masa dulu untuk membekal air kepada penduduk-penduduk di Pulau Redang ada di antara pembangkang, masa PAS jadi pembangkang dulu riuh mengatakan bahawa kerajaan tidak sepatutnya belanja begitu banyak untuk tujuan-tujuan tertentu. Tapi Alhamdulillah, kita telah dapat memberikan kemudahan-kemudahan tersebut. Dan bila terdapat kekurangan-kekurangan ini maka ini merupakan satu cabaran kepada kerajaan yang ada sekarang, kepada wakil rakyat yang ada sekarang untuk mengisi kekosongan itu, untuk memenuhi keperluan-keperluan yang belum sempurna dan lengkap ini. Kalau tidak apa Yang Berhormat-Yang Berhormat nak buat? Alhamdulillah, selama lebih kurang 25 tahun menjadi wakil rakyat dengan tidak nak membanggakan diri rekod ini ada, saya ikut sama, saya tidak duduk di depan, saya ikut sama merancang pembinaan rumah awam kos rendah. Alhamdulillah, apa yang dibuat akhirnya Yang Berhormat Wakil PAS membahagi-bahagikan rumah yang kita buat, Alhamdulillah. Itupun satu kejayaan yang boleh dibanggakan juga. Tentulah lebih besar orang yang menyanyi daripada orang yang mengarang lagu. Sebab orang yang mengarang lagu ni kadang-kadang dilupakan orang, orang lebih ingat kepada Siti Nurhaliza daripada orang yang mengarang lagu untuk dinyanyikan oleh Siti Nurhaliza, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya ingat Yang Berhormat Yang Dipertuaupun salah seorang peminat Siti Nurhaliza.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya kurang minat Siti Nurhaliza. Saya minat orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sharifah Aini, barangkali Yang Berhormat Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Agaknya begitulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tengah hari Yang Berhormat Yang Dipertua. Jadi begitulah, jangan disusahkan. Saya cukup senang hati bila mendengar wakil rakyat-wakil rakyat terutama sekali sahabat saya yang muda-muda yang membangkitkan ada lagi masalah kekurangan-kekurangan dalam kawasan dia. Ini menunjukkan betapa caknanya wakil rakyat yang berkenaan kepada keperluan-keperluan rakyat dia. Timbulkan lagi, timbulkan lagi kalau tidak boleh ditimbulkan sebagai satu *grand design* apa yang cuba ditonjolkan sahabat kita Yang Berhormat Wakil Ladang. Kalau ada yang boleh menyebutkan di sini kurang paritnya, di sini kurang taliairnya yang digali tersumbat, Alhamdulillah ertinya kita sudah buat sesuatu untuk kebaikan dan kebajikan rakyat yang kita wakili, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Untuk perhatian Yang Berhormat, masa ada 5 minit lagi. Sila ambil perhatian.

14 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ragu sedikit bila Yang Berhormat Wakil Manir, Pengerusi Pendidikan dan Pelaksanaan Syariat dalam jawapan kepada soalan saya pada pagi tadi mengatakan diperlukan sebanyak RM34 juta untuk memenuhi pinjaman-pinjaman untuk pelajar-pelajar kita luar dan dalam negeri, iaitu pelajar-pelajar yang telah sedia menandatangani perjanjian. Sebab saya perhatikan, mungkin barangkali tersalah pemerhatian saya terutama sekali dalam ucapan belanjawan yang khusus disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat cuma mencadangkan RM30 juta sahaja peruntukan untuk Yayasan Terengganu. Kalau RM30 juta diperuntukan kepada Yayasan Terengganu ini untuk pinjaman biasiswa dan sebagainya boleh tahan juga, kalau tidak cukup RM4 juta pun bolehlah insya Allah, dicari di sana sini. Tapi kalau RM34 juta itu merupakan caruman di mana pengurusannya di situ, untuk biasiswa pun di situ, untuk diagihkan kepada pinjaman di situ, saya rasa timbullah masalah-masalah. Saya mengucapkan terima kasih dan senang hati bila Wakil Manir mengatakan tidak benar adanya dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa pinjaman dibatalkan, pinjaman tidak diberi sepenuhnya. Saya sebenarnya untuk makluman Dewan, ada pelajar-pelajar yang datang menemui saya mengatakan perkara yang seumpama ini dan saya tidak menerima terus menerus sebab saya rasa bukan amalannya, bukan amalannya Yayasan Terengganu memberikan RM2,000 atau sebahagian daripada satu jumlah pinjaman yang telah dipersetujui dan dengan janji 3 bulan lagi, 4 bulan lagi atau 6 bulan lagi datang semula ke Yayasan, insya Allah akan ditambah selebihnya. Saya kata tidak pernah menjadi amalan yang seumpama ini. Jadi, sebab itulah untuk mendapat kesahihan dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, maka saya kemukakan soalan. Terima kasih kepada Wakil Manir yang telah memberi penegasan dalam hal ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa Yang Berhormat Wakil Seberang Takir, boleh tamatkan kerana masa sudah sampai waktunya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya masih ada dalam 7 perkara yang belum saya sentuh. Kalau Yang Berhormat Yang Dipertua memberi izin kepada saya untuk menyambung, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Hari ini kita tangguh dulu Dewan, saya berhasrat untuk tangguhkan Dewan ini tepat pada jam 1.00 tengah hari dan Dewan ini akan disambung semula pada 17 haribulan tepat jam 9.30 pagi. Dan sehingga itulah marilah sama-sama kita tangguh dengan *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI AHAD, 17 DISEMBER 2000**

Hari Ahad
17 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 154]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 158]
3. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Perbekalan (2001) 2000* [Muka 180]
[**SAMBUNGAN PERBAHASAN**]

17 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

17 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shahrizukirmain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJK.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

17 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik - Dengan Maaf
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh - Dengan Maaf
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan - Dengan Maaf
WAKIL HULU BESUT

17 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

17 DISEMBER 2000

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula dengan sama-sama membaca ummul Quran – Al-Fatihah.

Bismillahi rahmani rahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Soalan-soalan Lisan sebagaimana yang telah diamalkan pada persidangan 14 haribulan kelmarin, hari ini juga semua soalan tambahan terhadap satu-satu soalan akan dihadkan kepada 3 soalan sahaja. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan semula Cukai Pintu yang sebelum ini telah dihapuskan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat tuan Yang Dipertua, kerajaan tidak bercadang mengenakan semula cukai pintu bagi seluruh Negeri Terengganu ke atas rumah kediaman sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Pada Persidangan Pertama, Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kesepuluh, yang telah diadakan pada 23 Disember 1999, pihak Kerajaan telah menggariskan 33 rancangan bagi memajukan sektor Pertanian dan Perikanan di Negeri Terengganu. Sejauh manakah rancangan ini berjaya dilaksanakan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik mengemukakan soalan, saya baca soalan dia - Pada Persidangan Pertama, Penggal Pertama Dewan Undangan negeri Kesepuluh yang telah diadakan pada 23 Disember 1999, pihak Kerajaan telah menggariskan 33 rancangan bagi memajukan sektor Pertanian dan Perikanan di Negeri Terengganu. Sejauh manakah rancangan ini berjaya dilaksanakan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini 33 rancangan yang telah digariskan untuk memajukan sektor pertanian dan perikanan di Negeri Terengganu telah dilaksanakan secara bersepadu mengikut kemampuan jabatan dan agensi di bawah portfolio Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Pemantauan kepada rancangan-rancangan ini dibuat melalui mesyuarat-mesyuarat khas seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertanian, Mesyuarat Projek Industri Hiliran, Mesyuarat Khas Pembangunan Pertanian Berkelompok, Ternakan dan Padang Ragut. Terima kasih.

17 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah bantuan-bantuan yang telah disalurkan kepada nelayan-nelayan Negeri Terengganu bagi meningkatkan pendapatan hasil nelayan-nelayan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tuan Yang Dipertua, bagi sektor nelayan beberapa program untuk membantu kaum nelayan sedang dan akan dirangka termasuklah penempatan semula nelayan dan beberapa bantuan khas nelayan kecil di kawasan pantai. Dan di samping itu juga kita mempergiatkan beberapa bantuan terhadap mewujudkan industri hiliran bagi meningkatkan hasil nelayan-nelayan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, itu yang akan dilaksanakan. Yang telah dilaksanakan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang telah dilaksanakan Yang Berhormat Yang Dipertua ialah berhubung dengan nelayan pantai khususnya bagi nelayan-nelayan kecil, kita banyak memberikan bantuan dalam bentuk untuk memajukan industri hiliran terhadap memproses hasil-hasil penangkapan nelayan-nelayan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan yang ketiga Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah bentuk bantuan-bantuan yang telah diberikan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, antara bantuan yang diberikan ialah di pihak jabatan sendiri menyediakan beberapa pusat, antara lainnya ialah Jabatan Perikanan menyediakan sebuah pusat inkubator untuk memproses ikan di Seberang Takir. Dan ini secara langsung bertujuan untuk mempertingkatkan lagi aktiviti hiliran dan antara aktiviti untuk membantu mereka meliputi pengeluaran *fillet* ikan, pengeluaran isi ikan dan juga pengeluaran hasilan jeli ikan. Dan operasi pusat ini diurus dan diusahakan oleh pengusaha-pengusaha yang dipilih oleh Jabatan Perikanan. Antaranya, terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan ketiga

Sejauh manakah Kerajaan Negeri menangani kes khutbah yang berbau politik dan adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa ianya banyak menjadi punca perpecahan dalam masyarakat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan ketiga daripada Wakil Kemasik berbunyi ... Sejauh manakah Kerajaan Negeri menangani kes khutbah yang berbau politik dan adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa ianya banyak menjadi punca perpecahan dalam masyarakat?

17 DISEMBER 2000

Untuk menjawabnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, khutbah Jumaat adalah salah satu daripada cara untuk kita menyampaikan dakwah Islamiah di kalangan orang-orang kampung dan juga khutbah Jumaat juga adalah salah satu daripada jalan untuk kita menyebarkan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Jadi oleh kerana itu pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyediakan khutbah-khutbah Jumaat dan hari raya. Jawatankuasa ini terdiri daripada:

Sahibus Samahah Mufti sebagai Pengerusi
Ketua Penolong Pesuruhjaya (Dakwah)
Ketua Penolong Pesuruhjaya (Penyelidikan)
Pengarah Yayasan Islam Terengganu
Timbalan Mufti
Penolong Pesuruhjaya (Imam Besar) - Setiausaha

Sememangnya khutbah itu dibuat mengikut keperluan semasa terutama sekali dalam memberikan pengetahuan Islam yang lengkap dan syumul kepada anak-anak mukim yang berkenaan atau ahli-ahli Jumaat secara khususnya. Jadi oleh kerana itu kemungkinan itu berlaku khutbah itu pada satu ketika dia bercakap soal politik, satu ketika yang lain bercakap soal ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya berdasarkan kepada syariat Islam.

Jadi oleh kerana itu setakat ini belum ada maklumat dan laporan rasmi kepada kita bahawa khutbah ini mendatangkan perpecahan di kalangan anak-anak mukim atau ahli qariah itu. Yang sampai kepada kita khutbah-khutbah Jumaat yang seperti itu memberi satu kesedaran baru dan kefahaman tentang agama Islam yang lengkap dan syumul di kalangan orang-orang kampung. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua, ada setengah-setengah khutbah yang dibacakan di dalam masjid merupakan khutbah yang mencaci, menghina serta membuat fitnah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat. Adakah ini termasuk dalam skop sebagaimana Yang Berhormat terangkan tadi?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebagaimana saya terangkan tadi, setakat ini tidak ada laporan yang mengatakan bahawa khutbah itu mencaci pihak-pihak yang tertentu setakat ini dan jika ada sila laporkan kepada kita. Dan sebagai menambahkan penjelasan kita melihat khutbah-khutbah yang diedarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu itu tidak ada unsur-unsur mencaci orang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Ada setengah-setengah khatib dia membaca khutbah tidak menggunakan teks, yang ini yang kita tidak ada bukti untuk membuat aduan kepada pihak Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita harap jika ada khutbah yang serupa itu mana-mana pihak yang mengetahuinya, kita minta kerjasama supaya dibuat laporan kepada kita.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

17 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kemasik. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama -

Apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kewujudan semula "institusi haram" Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah menjadi unsur utama perpecahan masyarakat di kampung-kampung kini?

Ekoran dari itu, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung gejala yang merosakkan perpaduan ini dan tindakan terhadap kakitangannya yang terlibat dengan institusi tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum Yang Berhormat Yang Dipertua, untuk pengetahuan Dewan soalnya berbunyi - Apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kewujudan semula "institusi haram" Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah menjadi unsur utama perpecahan masyarakat di kampung-kampung kini? Lanjutannya- Ekoran dari itu, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung gejala yang merosakkan perpaduan ini dan tindakan terhadap kakitangannya yang terlibat dengan institusi tersebut?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Dewan kerajaan sedar bahawa ada usaha-usaha daripada Kerajaan Pusat untuk merampas Kerajaan Negeri Terengganu melalui serangan ke atas pentadbiran dan antaranya ialah ura-ura untuk menubuh semula institusi JKKK yang tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Pusat. JKKK adalah dahulunya sebahagian daripada sokongan pentadbiran kepada Kerajaan Negeri yang telah dimansuhkan oleh Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS di Negeri Terengganu dan ditukar ganti ke atasnya dengan Jawatankuasa Syura Rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebaik sahaja selesai pilihan raya dan penubuhan kerajaan baru keredaan dan perpaduan di kampung-kampung telah mula kelihatan dengan dimasukkan sebahagian daripada ahli-ahli JSR daripada ahli-ahli UMNO yang dahulunya adalah ahli-ahli JKKK. Tetapi cemburu ayam yang gila mengeram ini menjadikan perpecahan kelihatan semula bila mana Kerajaan Pusat melalui UMNO di Negeri Terengganu berusaha untuk menghidupkan semula apa yang telah diharamkan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, rompak ke atas bayaran royalti petroleum menjadikan mereka ini bernafas semula dengan harapan dan menyebarkan fitnah di kampung-kampung bahawa merekalah yang menguruskan semua bayaran royalti yang dikatakan dibayar secara langsung kepada rakyat. Ini merenggangkan lagi masyarakat yang mula cuba hendak berpadu semula di bawah panji-panji Islam.

Bahagian yang kedua Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan tegas dengan arahan seperti mana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan sebagai melambangkan dasar kerajaan. Oleh

17 DISEMBER 2000

kerana dalam segi pentadbiran negeri JKKK tidak wujud lagi, apa-apa jua penglibatannya dengan pentadbiran negeri diharamkan. Oleh itu mana-mana pegawai yang melanggar perintah akan berdepan dengan Perintah Am tatatertib. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Apakah sikap Kerajaan Pusat itu mengikut Enakmen Undang-Undang Tubuh Negeri menyebabkan tidak ada semangat *federation* kepada Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kepimpinan negeri telah berkali-kali menegaskan bahawa di antara federalisma dengan negeri ada persempadanan yang dibahagikan oleh Perlembagaan Persekutuan dan juga yang ditentukan oleh Perlembagaan Negeri. Mana-mana canggahan atau pun serangan ke atas mana-mana peruntukan Perlembagaan, adalah suatu perkara yang tidak berperlembagaan tetapi pentafsiran kepada permasalahan perundangan adalah mahkamah yang di bawah bidang kuasa perundangan Pusat. Oleh itu, inilah dilema yang sentiasa akan berlaku di antara Pusat dan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, tambahan daripada jawapan Yang Berhormat Exco, suka saya menjelaskan bahawa dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang lalu pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memberi taklimat melalui Ketua Setiausaha Kementerian Luar Bandar apabila ada permohonan penjelasan daripada salah seorang Duli Yang Maha Mulia Tuanku berhubung dengan JKKK, Ketua Setiausaha Kementerian telah menjelaskan bahawa penubuhan JKKK adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tidak ada bidang kuasa Kerajaan Pusat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sedarkan Kerajaan Negeri bahawa di dalam kawasan KETENGAH terutamanya dalam DUN saya, Bukit Besi gerakan ini bukan dijalankan melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tetapi diwujudkan di atas nama lain iaitu namanya GDW, Gerakan Desa Wawasan. Dan ini digunakan sepenuhnya oleh Pengerusi KETENGAH bukan pegawai KETENGAH ataupun Pengarah KETENGAH untuk menyebarkan pengaruhnya. Inilah yang berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sedar bahawa pada ketika ini kerajaan Pusat cuba menggunakan saluran KETENGAH untuk menyerang pentadbiran Negeri Terengganu. Dan Kerajaan Negeri sedang dalam siasatan untuk mengkaji Undang-Undang berkait dengan KETENGAH.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bermulanya berlaku perpecahan di kalangan masyarakat, iaitu berlaku apabila JKKK dimansuhkan dan digantikan dengan JSR?

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak berlaku perpecahan mula-mula sehinggalah Kerajaan Pusat berhasrat dan UMNO berkempen di kampung untuk menghidupkan semula apa yang diharamkan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tambahan pada penjelasan. Peringkat kita menubuhkan JSR ini, kita menawarkan kepada bekas-bekas Ketua Kampung, bekas-bekas Pengerusi JKKK untuk menyertai JSR walaupun sebagai Pengerusi dan telah banyak juga, ramai juga bekas-bekas Ketua-ketua Kampung, Ketua JKKK dulunya yang kita lantik menjadi Pengerusi JSR di kampung-kampung dan mereka menerima peringkat awalnya. Tetapi mereka menarik diri setelah usaha menubuhkan semula apa yang dinamakan JKKK itu dibuat semula oleh orang yang tertentu, mungkin untuk mendapat clauding daripada wang yang dirampas dan sebagainya, wallahualam. Ini punca perpecahan sebenar.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya belum habis lagi tadi. Saya nak petik jawapan seorang Senator daripada UMNO di Dewan Negara "perpecahan di antara orang Melayu sekarang bukan berpunca daripada PAS tetapi daripada dalam UMNO sendiri yang didalangi anasir-anasir *revolutional* yang lebih mengutamakan kuasa dan wang, kata Ahli Dewan Negara Senator Dato' Zainuddin Maidin. Corak perjuangan orang *revolutional* tidak pernah berubah dan jika berjaya akhirnya rakyat akan menerima malapetaka." Inilah sumbernya Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tiga soalan tambahan telahpun tamat. Saya terus kepada Yang Berhormat Wakil Hulu Besut atau wakilnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mewakili Wakil Hulu Besut, soalan yang pertama:

Sejauh manakah perkembangan berkenaan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pusat Gadaian Islam (Ar-Rahnu) di setiap daerah?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan Wakil Hulu Besut ini berbunyi - Sejauh manakah perkembangan berkenaan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pusat Gadaian Islam (Ar-Rahnu) di setiap daerah?

Untuk makluman Dewan ini Yang Berhormat Yang Dipertua, kita sedang mengenal pasti untuk mendapatkan premis-premis untuk kita bukakan di semua daerah di Negeri Terengganu ini. Buat masa ini dua premis yang sudah kita kenal pasti iaitu satu di Dungun dan satu di Kemaman. Manakala di Besut kita sedang mencari premis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Soalan tambahan, sejauh manakah sambutan masyarakat tentang kewujudan pusat gadaian yang sedia ada?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Alhamdulillah, setakat ini sambutannya menggalakkan kerana ini bukan jenis perniagaan Yang Berhormat Yang Dipertua, ini

17 DISEMBER 2000

bantuan kepada orang-orang yang miskin. Kita tidak ambil apa-apa keuntungan di atas cagaran yang mereka buat kepada kita.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHAMAD BIN HITAM (Wakil Langkap): Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan nombor satu –

Sila nyatakan perbezaan pendapatan tahunan Kerajaan Negeri dari sumber air di antara sewaktu ianya dikendalikan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) dengan tempoh yang sama selepas ianya dikorporatkan kepada Syarikat Air Terengganu (SATU). Apakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula langkah pengkorporatan tersebut?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Paka berbunyi - Sila nyatakan perbezaan pendapatan tahunan Kerajaan Negeri dari sumber air di antara sewaktu ianya dikendalikan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) dengan tempoh yang sama selepas ianya dikorporatkan kepada Syarikat Air Terengganu (SATU). Apakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula langkah pengkorporatan tersebut?

Yang Berhormat Yang Dipertua, yang pertama sekali soalan ini agak umum bunyinya. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan pengurusan bekalan air dikorporatkan daripada Jabatan Bekalan Air kepada Syarikat Air Terengganu (SATU) yang merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri adalah mulai Julai 1999. Kemudian pendapatan kerajaan dari sumber air yang terakhir yang diaudit ialah pada tahun 1997, 1998 laporan kepada Audit telah dibuat tapi belum lagi menerima perakuan. Walau bagaimanapun saya boleh memberikan *figure* termasuk yang belum diaudit berhubung dengan perbezaan pendapatan termasuk selepas daripada pengkorporatan oleh kerana Syarikat Air ini dianggap syarikat milik penuh Kerajaan Negeri. Pada tahun 1995 ini masa bawah JBA pendapatan hasil air daripada bil air sebanyak RM34.5 juta, 1996 RM38.4 juta, 1997 RM51.7 juta, 1998 yang belum lagi menerima perakuan daripada Audit tetapi *figure*, yang diberikan RM56.4 juta kemudian pada tahun 1999 dipecahkan kepada dua, daripada Januari hingga Jun pada waktu itu masih di bawah JBA pendapatan sebanyak RM27 juta. Kemudian daripada Julai hingga Disember sebanyak RM30 juta. Dan pendapatan sehingga Oktober 2000 sebanyak lebih kurang RM63 juta.

Bahagian kedua soalan ini berhubung dengan adakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula langkahh pengkorporatan tersebut? Jawabnya Ya, kerajaan sedang membuat kajian berhubung dengan dasar pengkorporatan yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab kerajaan mengkorporatkan kepada SATU ini bekalan air?

17 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini Yang Dipertua kena tanya kawan kita sebab ia dikorporatkan pada zaman Kerajaan Barisan Nasional, iaitu sebagaimana saya sebutkan tadi mulai Julai 1999.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika sekiranya kerajaan bercadang mengkaji semula langkah pengkorporatan tersebut adakah ia melibatkan kos kewangan yang tinggi?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tuan Yang Dipertua, kita sedang membuat kajian dan kita akan mengambil kira semua kepentingan termasuk dari segi kos kewangan terlibat, dari segi kepentingan yang paling penting kepada kerajaan ialah keutamaan kepada rakyat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Jabi, persilakan --

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama --

Sila nyatakan jumlah pelajar tajaan Yayasan Terengganu di luar negara, berapakah kadar pinjaman yang telah diluluskan kepada mereka dan apakah kesan terhadap pembiayaan pinjaman tersebut akibat tindakan zalim Kerajaan Pusat menarik balik royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan berbunyi - Sila nyatakan jumlah pelajar tajaan Yayasan Terengganu di luar negara, berapakah kadar pinjaman yang telah diluluskan kepada mereka dan apakah kesan terhadap pembiayaan pinjaman tersebut akibat tindakan zalim Kerajaan Pusat menarik balik royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Yang Dipertua, yang ditaja oleh Yayasan kepada pelajar-pelajar di luar negara adalah seperti berikut:

1. Mesir seramai 343 orang dengan pinjaman yang diberi RM6,000 setahun seorang.
2. Jordan seramai 34 orang jumlah pinjaman seorang RM9,000.
3. Indonesia 17 orang setiap seorang diberi RM5,000.

Setakat ini Yayasan belum menghadapi masalah besar untuk membuat bayaran terhadap pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan.

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR (Wakil Jabi): Sekain, terima kasih.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Bukit Tinggi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu –

Sila nyatakan status penyewaan bangunan Taman Selera Tanjung Kuala Terengganu kepada pihak Pasaraya Astaka dari aspek jumlah RM sebulan dan berapa lama perjanjian sewaan tersebut dibuat oleh pihak berkenaan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Bukit Tinggi ingin tahu – Sila nyatakan status penyewaan bangunan Taman Selera Tanjung Kuala Terengganu kepada pihak Pasaraya Astaka dari aspek jumlah RM sebulan dan berapa lama perjanjian sewaan tersebut dibuat oleh pihak berkenaan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini satu penemuan yang kelihatan tidak ada *transparency* atau ketelusan di atas urusan ini. Insya Allah, perkara ini akan diedarkan kepada Hisbah untuk penyiasatan. Kerana penyewaannya dibuat untuk mengelak daripada peruntukan perundangan selama tiga tahun dilanjutkan secara automatik tiga tahun, tiga tahun, tiga tahun sehinggalah sampai 42 tahun. Sedangkan mengikut kaedah perundangan kalaulah *transparency* itu berlaku sepatutnya penyewaan tanpa *leasing* ataupun lis hanyanya tiga sahaja. Namun demikian, pihak MPKT sedang dalam mengulang kaji untuk mengadakan perjanjian baru kerana kegagalan penyewa mematuhi peruntukan-peruntukan penyewaan yang terdahulu. Sewa yang dipersetujui mengikut perjanjian tersebut ialah RM42,000 sebulan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita dapati selain daripada perjanjian-perjanjian ini banyak lagi ialah keganjilan telah berlaku dalam perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan agensi-agensi tertentu seperti antaranya di antara kerajaan dengan Petronas mengenai royalti minyak, dulu kata ada perjanjian tiba-tiba jadi MoU saja sekarang. Perjanjian dengan KETENGAH juga agak tidak jelas, perjanjian dengan loji air Petronas, Serdang juga tidak dibuat. Jadi kita harap pihak kerajaan yang baru ini dapat menyiasat mungkin banyak lagi perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh kerajaan dahulu yang tidak menepati undang-undang dan peraturan yang sedia ada sedangkan kerajaan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): sedang kerajaan UMNO selalu menggambarkan bahawa dia sajalah yang pandai memerintah dan sebagainya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang bukan masa berucap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalnya adakah semua ini gembur-gembur yang merupakan tipu muslihat UMNO untuk memperdayakan rakyat negeri ini sahaja?

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua itu soalan lain tinggal lagi ingin saya perjelaskan, kerajaan baru Barisan Alternatif pimpinan PAS ini dari awal lagi dalam manifestonya bertegas untuk menubuhkan satu badan yang dipanggil Hisbah yang telahpun ditubuhkan dan semua penyelewengan-penyelewengan, imbasan atau sebaliknya yang mempunyai laporan, yang mempunyai fakta yang khusus dan konkrit akan diawasi dan diselidiki oleh badan Hisbah, insya Allah. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan menemui perjanjian yang seperti yang menjangkau masa sehingga 42 tahun? Takut-takut ada perjanjian yang lain yang disebut selagi ada bulan dengan bintang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, antara perjanjian yang menyatakan selagi ada bulan dan bintang ialah perjanjian Kemajuan Petroleum 1974.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Soalan yang kedua, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua :

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan beberapa buah pulau di sekitar muara Sungai Terengganu? Jika ya, apakah yang menghalang hasrat tersebut dilaksanakan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal ingin mengetahui sama ada kerajaan berhasrat membangunkan beberapa pulau di sekitar muara Sungai Terengganu? Jika ya, apakah yang menghalang hasrat tersebut dilaksanakan?

Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat membangunkan beberapa buah pulau di sekitar muara Sungai Terengganu termasuklah tebingan sungai di sebelah bandar Kuala Terengganu. Halangannya ada sedikit iaitu sewaktu kegawatan ekonomi sepatutnya dah dimula pada tahun 1999 tetapi bila tawaran itu dibuat tak ada pemaju yang berminat oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi. Tahun 2000 kita menerima cadangan-cadangan baru dan kita sedang mempertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk memindahkan penduduk pulau tersebut ke tempat lain yakni yang di luar daripada kawasan pulau-pulau sedang sebahagian besar daripada mereka jenis pekerjaannya bergantung kepada laut dan sungai?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kajian masih lagi sedang dijalankan dan kita akan mengenal pasti masalah-masalah yang ada. Saya tak tahulah sama ada penduduk pulau nak lari, saya tak tahu tu, tapi berdasarkan kepada kajian kita akan memastikan bahawa mereka yang memang di situ tempat dia, kita akan insya Allah, akan tempat di situ juga.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Dipertua. Sekiranya kawasan ini dimajukan sebagai kawasan *maritime* seperti mana yang dicadangkan oleh pihak kerajaan, adakah kerajaan akan memberi keutamaan pekerjaan kepada pendudukan tempatan? Dan adakah ada dalam perancangan kerajaan untuk menghantar anak-anak mereka berkursus dalam bidang yang berkenaan sebagai persiapan awal apabila pelabur luar datang?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak berapa jelas?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tak berapa jelas, pasal *sound* tak berapa jelas.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Persoalannya, sekiranya kawasan pulau ini dimajukan khususnya dalam bidang *maritime*, adakah kerajaan ... dalam perancangan kerajaan menghantar anak-anak penduduk-penduduk pulau ini untuk berkursus lebih awal supaya persiapan untuk mereka menceburi dalam perusahaan ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai satu kelaziman pemerhatian yang diberikan oleh kerajaan memang anak-anak yang terlibat itu akan diberi keutamaan berdasarkan kepada syarat-syarat yang tertentu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang Dipertua soalan saya tadi, adakah perancangan kerajaan untuk menghantar anak-anak mereka ini untuk berkursus atau kursus-kursus yang telah disediakan bahagian *maritime* ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Itulah yang saya jelaskan, keutamaan akan diberi kepada anak tempatan tapi bergantung kepada syaratnya kelulusan dan perkara-perkara yang berkaitan. Hantar kursus ni dia ada *basis* dia punya *requirement*lah dan itu perlu diambil kira.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Berapakah jumlah perolehan sebenar Tabung Warisan Negeri Terengganu sehingga 1 Januari 2000 dan nyatakan sumber-sumber perolehan serta jumlah mengikut pecahan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kijal ingin mengetahui jumlah perolehan sebenar Tabung Warisan Negeri Terengganu sehingga 1 Januari 2000, ertinya tahun 1999lah sehingga akhir dan nyatakan sumber-sumber perolehan serta jumlah mengikut pecahan.

17 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perolehan yang terbesar untuk Tabung Warisan Negeri ialah daripada caruman kerajaan berdasarkan kepada perolehan royalti petroleum, iaitu 15% daripada perolehan royalti petroleum kepada negeri atau RM30 juta mana yang lebih tinggi. Berdasarkan angka-angka yang ada sehingga 1 Januari 2000, jumlah perolehan RM699,204,315.41 dan daripada caruman negeri berdasarkan petroleum sahaja ialah RM632.7 juta. Selain daripada itu, lebih kurang RM60 juta daripada keuntungan simpanan, keuntungan jualan saham, pelbagai sewa, keuntungan jualan aset. Itulah antara butiran-butiran yang mengikut pecahan-pecahan yang diperlukan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Soalan tambahan Yang Dipertua. Berapa kalikah wang tabung ini digunakan untuk tujuan pembangunan dan jumlahnya, jika ada?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang sebahagian yang besar daripada duit Tabung Warisan ini digunakan untuk pelaburan melalui beberapa agensi kerajaan termasuk PTB dan lain-lain. Dan pelaburan-pelaburan yang dibuat itu memang memakan belanja yang besar dan ada daripada sebahagian daripada pelaburan itu mengalami keadaan-keadaan yang sangat teruk walaupun ada juga yang boleh dikatakan boleh tahan tetapi yang teruk tu, teruklah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Soalan tambahan Yang Dipertua. Daripada segala pembayaran ataupun wang yang digunakan untuk pelaburan atau pembangunan ataupun pembelian aset, adakah peraturan atau sekatan yang sehingga tabung ini masih ada rizab yang terakhir?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua, ketika kita mengambil alih pentadbiran rizabnya yang ada terlalu sedikit yang tinggal kepada tabung. Saya tak ingat angka yang tepat tetapi barangkali tidak lebih daripada RM10 juta yang ada daripada jumlah itu. Kerana pelaburan-pelaburan yang mengalami tenat antaranya ialah Gunawan Steel yang telah PTB sendiri mempunyai saham dalam tu dan keadaan tenat ini menyebabkan sekarang ni berada dalam *reseableship*. Ada beberapa sebablah ... untuk maklumat Dewan ini yang menyebabkan demikian bahawa kajian yang terperinci tidak dibuat berhubung dengan pelaburan ini, nasihat-nasihat yang baik tidak didengari dan menjadikan bahawa pelaksanaannya itu memakan korban yang banyak dan dari segi pelaksanaan pengurusannya juga teruk. Yang Berhormat Yang Dipertua, kita baru sahaja lagi bertemu di kalangan Lembaga Pengarah Gunawan Steel *setting allowance* bagi sekali mesyuarat ialah RM3,000, tak ada syarikat lain buat macam tu. Dan tiap-tiap bulan kena mesyuarat, ada agenda yang penting atau tidak kena mesyuarat tiap-tiap bulan. Inilah di antara sebab-sebab yang menyebabkan keadaan yang demikian. Di samping yang lain-lain tu saya rasa tak payah saya sebut banyaklah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua –

Nyatakan jumlah aset tetap dan aset semasa Tabung Warisan berserta liabiliti, jika ada.

17 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalan kedua berbunyi – Nyatakan jumlah aset tetap dan aset semasa Tabung Warisan berserta liabiliti, jika ada.

Laporan Kewangan yang diaudit yang berakhir ialah tahun 1988 dan saya berdasarkan kepada Laporan Kewangan yang diaudit pada tahun itu, aset tetap ialah sebanyak RM475,083,219.94, aset semasa RM204,705,825.30, liabilitinya RM57,459,257.89. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan masih berpuas hati dengan tabung ini setakat ini? Dan kalau boleh contoh yang mutakhir yang boleh diberikan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tuan Yang Dipertua, saya rasa saya tak perlu bercerita panjang, memberikan jawapan panjang bahawa terlalu banyak perkara-perkara yang kita temui, benda yang menyedihkan kita, mendukacitakan kita. Dan Memang kita tidak berpuas hati di atas perjalanan-perjalanan yang telah dialami oleh tabung ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang Dipertua. Apakah langkah-langkah yang kerajaan akan laksanakan untuk membaiki prestasi ini dan adakah tabung ini akan dikaji semula dan barangkali akan menampakkan satu langkah baru dalam kerajaan baru ini?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, ada dua aspek daripada soalan ini. Yang pertamanya sumber daripada caruman Negeri sudah tidak ada sekarang kerana petroleum sudah dirampas. Itu tak ada. Yang kedua, macam mana kita nak melaksanakan apa yang sedia ada. Kita telah mengambil beberapa langkah dengan mengkaji semua pelaburan-pelaburan yang sedang dibuat oleh Tabung Amanah Warisan melalui PTB dengan anak-anak syarikatnya dan kita telah membuat satu *rationalization* di mana syarikat-syarikat yang kita rasa kurang berdaya maju tetapi barangkali boleh dimajukan melalui penggabungan, kita telah buat melalui cara-cara yang sedang kita kaji sekarang. Antara kekuatan ialah barangkali hartanah yang besar dan ini akan dimajukan oleh salah satu daripada syarikat PTB, PTB Land ini akan memajukan ini berdasarkan kepada terma-terma yang berlainan daripada yang dulu. Kalau saya boleh sebut sedikit Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, antara pembangunan tanah yang dibuat dulunya, kerana kita mempunyai tanah kita beri kepada pelabur untuk buat, yang kita terima bahagian kita, *profit sharing* itu 12% dalam perjanjian tetapi akhirnya dia menggelosor selepas berjalan minta turun 10 sehingga ada yang sampai 7%. Ini yang berlaku. Ertinya keuntungan ataupun pulangan kepada Tabung Warisan menjadi sedikit sedangkan kepada siapa yang menjadi pemaju rumah akan tahu, tak ada orang yang mempunyai tanah nak beri kepada pemaju dengan hanya mendapat 7% daripada *sharing* yang diperolehi daripada projek itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana nampaknya Tabung Warisan ni tak jadi warisan, adakah kerajaan bercadang nak tukar nama Tabung Warisan kepada nama yang lain?

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini belum lagi terbuka tapi kalau Yang Berhormat ada nama yang munasabah, hak sekun sedikit boleh cadang.

YANG BERHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Saya ada cadangan, Amanah Tabung Rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kijal dan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama -

Apakah rasional dan justifikasi kerajaan menjual PTB Securities kepada MPH. Berapakah harga yang diterima daripada jualan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil ingin mengetahui apakah rasional dan justifikasi kerajaan menjual PTB Securities kepada MPH. Berapakah harga yang diterima daripada jualan tersebut.

Untuk makluman Dewan ini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang kerajaan telah menjual PTB Securities Holding kepada MPH dengan harga RM94.6 juta. Rasional daripada langkah ini ialah oleh kerana arahan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat bahawa syarikat-syarikat sekuriti harus bergabung satu campur tiga (*one plus three*) sebagaimana gabungan-gabungan yang sekarang ini menjadi satu *exercise* yang dilakukan oleh Pusat terhadap insurans komani, bank-bank dan sebagainya dan tarikh yang berikah ialah 31 haribulan Disember. Oleh kerana itu menjadi tanggungjawab PTB Securities mengambil langkah-langkah yang perlu. Ada tiga *option* pilihan yang ada kepada PTB Securities, yang pertama menjadikan PTB Securities *anchor company*, syarikat *anchor* ertinya syarikat teras yang boleh bawa tiga lagi untuk bersama dengan dia. Yang kedua, kalau tak boleh jadi teras pun bergabung dengan tiga yang lain dengan orang lain menjadi teras. Yang ketiganya dengan menjual. Langkah pertama nak jadi teras, tak mungkin kerana keperluan modal sehingga sampai kepada RM250 juta yang kita tak mampu. Yang kedua, nak bergabung dengan orang lain kerana PTB Securities berdasarkan syariat dan kemudian syarikat-syarikat yang lain tu belum pasti, yang adanya BIMB Securities itu saja, itupun tak mampu kalau kita nak bergabung. Jadi langkah yang bijaksana berdasarkan kepada pengurusan ialah dengan menjual syarikat sekuriti ini. Inilah pilihan yang telah kita ambil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Mengapa tidak dijalankan usaha-usaha untuk meminta bantuan daripada negara-negara Islam yang lain untuk menjadikan PTB Securities ini sebagai *anchor*?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masa yang diberikan kepada kita 31 Disember dan langkah ... katakanlah kalau kita pun berhasrat untuk berbuat demikian, dari negara luar terpaksa menghadapi beberapa peraturan Pusat itu sendiri yang tak memungkinkan kita. Jadi kita kena *beat that line* yang telah diberikan itu. Jadi

17 DISEMBER 2000

sebab itulah langkah itu telah kita ambil untuk mempercepatkan langkah yang perlu diambil untuk date line yang diberikan 31 Disember.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Oleh kerana PTB Sekurities ini berasaskan syariat, apakah komitmen kerajaan kepada pelanggan-pelanggan PTB Sekurities sebelum ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita mempunyai beberapa pemegang saham. Pemegang saham kita walaupun pertanyaan itu berhubung dengan pelanggan-pelanggan, saya jawab dulu yang ini dari sudut pemegang saham kita telah bersetuju inilah juga langkah yang kita ambil. Adapun pelanggan dia boleh mencari *counter* lain termasuk BIMB Sekurities, dia ada pilihan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua –

Nyatakan tangga gaji Ketua Pengarang Warta Darul Iman dan apakah kemudahan-kemudahan yang diperolehi?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil daripada Ajil ingin tahu tangga gaji Ketua Pengarang Warta Darul Iman dan apakah kemudahan-kemudahan yang diperolehi. Setakat ini tidak ada jawatan Ketua Pengarang, oleh kerana itu kemudahan-kemudahan yang diperolehi tidak berbangkit.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, berapakah jumlah keluaran Warta Darul Iman setiap keluaran, *volume* keluarannya?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): 30,000 setiap keluaran.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Ke manakah Warta Darul Iman ini disebar?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Di seluruh pelusok Negeri Terengganu dan juga ada permintaan dari luar Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Yang Dipertua. Berapakah kos yang diperlukan untuk mencetak Warta Darul Iman ini setiap bulan?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya memerlukan notis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kektiga –

Benarkan mesyuarat TATI diadakan di Kanada?

17 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak benar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ada mendapat maklumat bahawa beberapa orang kakitangan TATI dan juga seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pergi ke Kanada. Jadi mungkin pergi dengan tujuan lain? Boleh tolong jelaskan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan Wakil daripada Ajil berbunyi, benarkah mesyuarat TATI diadakan di Kanada? Sebab tu saya kata tak benarlah, dia tak pergi mesyuarat. Tapi jika ia ingin mengetahui satu maklumat lain memang TATI ada satu anak syarikat dia nama TATI Production yang menjalinkan kerjasama erat dengan sebuah syarikat di Calgary, Kanada yang namanya *Flow Control*. Jadi kerjasama dalam bentuk mengeluarkan injap bebola. Sebahagian injap bebola itu dibuat di TATI dan sebahagiannya *Flow Control* menghantar injap bebola yang dibuat atau dikeluarkan di Kanada. Jadi untuk mengeratkan lagi atau mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala antara TATI Production dengan *Flow Control*. Dan sebuah lagi syarikat yang berminat untuk bekerjasama dengan TATI Production iaitu *Nutron Industry* maka dengan sebab itu satu lawatan telah dilakukan ke Kanada untuk membincangkan beberapa perkara yang boleh menambahkan kerjasama di antara dua pihak ini. Di antara keputusan-keputusan ataupun isu yang dibuat ialah bahawa satu syarikat baru iaitu *Nutron* berminat untuk kita mengeluarkan satu bahan keluaran, iaitu bakul plastik yang dikeluarkan oleh *Nutron*. Dia berminat kalau sekiranya TATI boleh mengusahakan itu, mengeluarkan di TATI mengikut keupayaan mesin yang ada pada kita. Jadi ini satu juga persetujuan telah diambil dan dengan *Flow Control*nya kita meminta supaya mereka menghantar injap bebola itu dalam semua saiz untuk memperluaskan lagi pasaran. Dan kalau dia tak boleh hantar semua kita harap kita dapat buat di sini. Itu yang kita lakukan.

Dan selain daripada itu, TATI sebagai satu pusat pengajian, institusi pengajian tinggi juga mengadakan hubungan dengan Institut Teknologi Alberta Selatan untuk membincangkan kerjasama-kerjasama yang boleh diadakan di antara dua pihak ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Berapa lamakah lawatan ke Kanada itu diadakan?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, lawatan ke Kanada ini mempunyai dua masa yang berbeza, satu masa dalam perjalanan, satu hari lebih dekat dua hari baru nak sampai nak balikpun dekat dua hari juga. Di situ habis tiga hari. Duduk di Kanada tiga hari, jadi enam hari.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapa ramai pegawai yang hadir atau mengikuti lawatan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Semua sekali empat orang termasuk saya seorang.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Ajil. Dan soalan seterusnya persilakan Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Permaisuri): Bismillahi rahmni rahim. Asslamualaikaum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan pertama –

Sejauh manakah penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap dasar "Membangun Menurut Islam" yang dilaksanakan kerajaan Barisan Alternatif?

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, soalan Yang Berhormat Wakil Permaisuri berbunyi, sejauh manakah penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap dasar "Membangun Menurut Islam" yang dilaksanakan kerajaan Barisan Alternatif?

Sebagai jawapannya, suka saya menjelaskan adalah menjadi kewajipan kepada Kerajaan Barisan Alternatif untuk memperkenalkan pentadbiran Islam yang merangkumi segala aspek termasuklah perkara yang berkaitan dengan orang-orang yang bukan Islam. Walaupun di sana ada berbagai-bagai dakyah yang menakut-nakutkan mereka sama ada oleh kalangan agama ataupun kalangan politik namun sehingga ini masyarakat bukan Islam boleh menerima dasar Membangun Menurut Islam yang dilaksanakan. Dialog-dialog antara pemimpin dengan masyarakat bukan Islam diadakan dari semasa ke semasa bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Masyarakat bukan Islam nampaknya menunjukkan respon yang baik daripada langkah-langkah yang diambil. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapa daerahkah telah diadakan perjumpaan tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Sehingga ini saya difahamkan bahawa tiga daerah yang menjadi perbincangan, yang telah diadakan dialog iaitulah Kemaman, Dungun dan Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan yang kedua –

Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan kualiti hidup kaum wanita, khususnya golongan janda dan ibu tunggal di negeri ini?

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua daripada Wakil Permaisuri, saya baca soalannya - Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan kualiti hidup kaum wanita, khususnya golongan janda dan ibu tunggal di negeri ini?

17 DISEMBER 2000

Pada menjawabnya, di antara usaha-usaha yang telah dilakukan bagi meningkatkan kualiti kehidupan kaum wanita termasuk golongan janda dan ibu tunggal di negeri ini dengan melaksanakan di antara lain:

- (a) Program berbentuk keilmuan dan kekeluargaan seperti mengadakan seminar-seminar wanita dan perundangan, kursus motivasi keluarga, program pendidikan keluarga, khidmat bimbingan keluarga yang dikaunseling keluarga ini adalah di bawah seliaan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
- (b) Program berbentuk latihan kemahiran seperti program berbentuk latihan kemahiran seperti bengkel atau kelas jahitan untuk wanita, program Jayadiri di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga, iaitu kemudahan pinjaman modal tanpa faedah, dan khidmat nasihat kepada wanita dan ibu tunggal menceburi dalam bidang perniagaan yang bersesuaian bagi menambahkan pendapatan keluarga.

Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah usaha dibuat untuk mencari jodoh untuk mereka ini?

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Alhamdulillah di antara yang paling berjaya sekali ialah yang tukang tanya tadi tapi mengambil masa lebih kurang setahun baru berjaya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terpaksa saya sambung lagi dengan soalan tadi. Perkara-perkara yang berhubung dengan jodoh terhadap ibu-ibu tunggal dan sebagainya satu perkara yang serius mengikut *waqe'i* realiti dan budaya masyarakat kita. Dan kedudukan wanita dan ibu tunggal ni dia banyak peringkat, ada peringkat umur 20 tahun ke bawah, ada peringkat umur 30 tahun ke atas dan sebagainya. Sepanjang yang saya berdekatan dengan ibu tunggal, dekat kira-kiralah maknanya bukan dekat apa, ibu tunggal tidak begitu sangat kata orang kampung gok '*berteme'c*' berhubung untuk mendapatkan suami. Kerana pengalaman yang ada pada ibu tunggal mengikut apa yang berlaku dalam *wakit* kerana negeri kita ini telah diistilahkan bahawa kalau kahwin dengan tok laki yang ada isteri dah dia panggil 'rampas isteri orang'. Satu istilah yang paling tak baik sekalilah. Terpaksa kita kena ubah budaya tu dulu. Dan kalau kita nak kiranya memang ... dan Tuan Yang Dipertua, ibu-ibu tunggal kebanyakan di semua peringkat mereka lebih senang hati mendatangi kelas-kelas, program-program yang kita adakan, mereka lebih bersetuju untuk mendapat ilmu-ilmu bagaimana yang kita sebutkan tadi. Lebih kurang sepanjang setahunlah yang betul-betul bercakap dengan saya untuk mendapatkan suami dua orang dalam ramai tu semua. Yang lain-lain tak bercakap. Yang sebenar sekali benda ini benda besar dan tuntutan syarak:

فَانكحوا ما طاب لكم من نساء مثنى وثلاث ورباع.

Tapi perkara yang semacam ini perlu mendapat perhatian di semua peringkat. Umpamanya kita katakan, bulan Ramadan yang kita bercakap ni, mengapa ia dikenakan puasa, meninggalkan makan minum dan bersekali dengan isteri. Janya merupakan satu latihan praktikal daripada Allah Taala untuk mengenal pasti bagaimana seksanya lapar dan dahaga untuk datangkan keinsafan untuk memberi sumbangan kepada orang-orang miskin. Sebab itulah Rukun Islam yang keempat datang

17 DISEMBER 2000

berhubung dengan Zakat. Yang sebenar sekali ada satu lagi, dalam masa sehari, siang-siang tak puasa dalam masa sebulan tu juga untuk memberi kesedaran betapa seksanya tak bersama dengan isteri, bagi orang kuatlah. Dan sepatutnya mereka sedar bahawa berapa ramainya dalam masyarakat kita ini, ibu-ibu tunggal, muslimat, muslimin yang tak berpeluang berumah tangga. Sepatutnya mestilah ada kesedaran bersama, kesedaran ini mestilah datang daripada kaum isteri. Yang menjadi hakikat, insya Allah kalau datang daripada isteri bekerjasama dengan pihak suami insya Allah, program itu dapat berjalan dengan baik. Wallahualam.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita dapati di Iraq selepas berlakunya perang ramai dari kalangan janda-janda dan ibu tunggal. Pihak kerajaan Iraq telah memberi satu insentif kepada mereka yang mengahwini janda-janda dan ibu tunggal ini. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanannya?

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Tuan Yang Dipertua, insya Allah saya akan berkira dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Adakah Exco berkenaan telahpun memilih salah seorang ibu tunggal yang ada untuk dijadikan teman hidup?

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Semula.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Adakah Exco berkenaan telah memilih ibu tunggal untuk menjadi jodoh ... sebagai isteri tambahan?

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya bukan tak boleh cakap cepat ni tapi benda sensitif, sengaja buat *slow*. Pada masa sekarang, macam saya katakan tadilah sebahagian daripada ibu tunggal ni dah berumur, dia mesti 30 ke atas, 40 ke atas dan orang muda pula yang tak ada isteri lagi orang umur 25. Orang ni dok temu punca ni, dia mesti cari *sweet seventeen* orang muda 17 jugalah. Jadi bila kepada orang yang berumur macam dia juga, mereka-mereka ni adalah kalangan yang ada isteri. Itulah saya ... nak sebut dalam perjumpaan dengan muslimat pun dok berapa boleh bak begini, dia *cerlong*. Jadi kadang-kadang muslimat telefon dekat saya ada Yang Berhormat Yang Dipertua, dia kata "Pengerusi Hal Ehwal Wanita cakap molek sedikit bab ibu tunggal, kita ni bukan buah kuini boleh jual mudah-mudah, kita pula bukan boleh digukan dengan mudah-mudah. Tak pasal tak dok beban batu digalas," kata dia.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat telah pilih untuk Yang Berhormat sendiri? Itu saja.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Wakil Kerteh ni dia adik beradik saya, dia cukup nakal.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau 'ya' jawab 'ya', kalau belum jawab 'belum' sudahlah.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Dok, tapi orang kata seluruh Negeri Terengganu doh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dok lagilah setakat ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf, saya rasa sudah cukup kuota yang diberi. Sekalipun saya telah membuat catuan ke atas soalan-soalan tapi nampaknya juga tak sempat dihabisi pada hari ini. Walaupun begitu masa tambahan diberi kepada soalan pada pagi ini. Saya benarkan lagi meneruskan soalan, dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama --

Apakah yang sebenarnya berlaku yang menyebabkan Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pekeliling melarang kakitangan Kerajaan Negeri daripada mendengar taklimat Y.B. Dato' Rais Yatim tentang Wang Ehsan baru-baru ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Seberang Takir ingin mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku yang menyebabkan Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pekeliling melarang kakitangan Kerajaan Negeri daripada mendengar taklimat Y.B. Dato' Rais Yatim tentang Wang Ehsan baru-baru ini?

Untuk maklumat Dewan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, program yang dianjurkan itu ialah program yang bersifat politik. Dan larangan ini terpaksa dibuat berdasarkan kepada Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 yang melarang kakitangan kerajaan mengambil bahagian dalam politik. Bukti daripada aktiviti politik kerana surat jemputan itu dibuat oleh Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, Yang Berhormat Yang Dipertua, yang ditandatangani oleh Dato' Ismail Said, Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Terengganu yang ditujukan kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Terengganu. UMNO mengarahkan Setiausaha Kerajaan supaya pegawai-pegawai dia hadir dan ini bercanggah dengan peraturan. Dan oleh kerana hal ini menjadi begitu besar dalam akhbar, PM sendiripun nak tahu perkara ini. Apabila dimaklumkan kepada PM, tunjuk surat ini dia kata 'dia deserve to loss because they are very stupid'. Maknanya 'UMNO Terengganu ni layak kalah kerana bodoh berdohoh,' kata Perdana Menteri. Jadi, itu jawapan saya, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sekejap tadi pada perhatian saja merujuk kepada perkara teknik, iaitu siapa yang menjemput. Jadi larangan dibuat ialah kerana salah yang dijemput. Jadi saya bertanya, soalnya Yang Berhormat Yang Dipertua, yang salahnya ataupun yang tidak dibenarkan kerana orang yang menjemputnya ialah Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu ataupun kerana perkara yang hendak diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Rais itu mengandungi hal-hal politik? Terima kasih.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak berbangkit sebenarnya dan pihak pegawai-pegawai Kerajaan Negeri pernah hadir jemputan yang dibuat secara rasmi Kerajaan Pusat melalui pentadbiran berdasarkan kaedah-kaedah pentadbiran. Saya sendiripun boleh hadir bukan sahaja pegawai, saya hadir dalam majlis yang dianjurkan oleh kerajaan, TPM hadir, Yang Berhormat Seberang Takirpun hadir dan saya hadir. Tetapi apabila dia sifatnya politik dia sudah bercanggah dan ini ditegaskan oleh Perdana Menteri sendiri, bercanggah sungguh. Tak timbul perkara-perkara lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan nombor dua –

Apakah yang sebenarnya berlaku yang membawa kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan kenyataan akhbar tentang tingkah laku kakitangan Kerajaan Negeri tentang politik kepertian baru-baru ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua ialah ada hubungan kait juga dengan soalan yang pertama, apakah yang sebenarnya berlaku yang membawa kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan kenyataan akhbar tentang tingkah laku kakitangan Kerajaan Negeri tentang politik kepertian baru-baru ini.

Ini sebagai suatu peringatan daripada Ketua Pentadbir kepada kakitangan kerajaan supaya larangan mengambil bahagian dalam politik itu dipatuhi dan ini untuk semua sama ada UMNO ataupun PAS ataupun siapa saja. Dan PAS tidak pernah menjemput, mengarah Setiausaha Kerajaan ataupun siapa untuk menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan atas nama politik yang dianjurkan oleh PAS walaupun PAS memimpin negeri ini. Jadi larangan ini sebagai satu peringatan untuk mempertahankan *the neutrality of the Civil Service*. Inilah kaedah yang dilaksanakan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Yang Berhormat yang berkenaan dapat menjamin bahawa Setiausaha Kerajaan akan berlaku adil dalam masalah ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita menaruh penuh keyakinan bahawa Dato' Setiausaha Kerajaan akan berlaku adil. Yang ke depan saya tak dapat pastikan itu dalam ilmu Allah, yang kita sama-sama tengoklah, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan nombor tiga –

Di dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini Setiausaha Kerajaan Terengganu menyatakan bahawa terdapat kakitangan Kerajaan Negeri yang membocorkan Rahsia Kerajaan. Dapatkah pihak kerajaan membuktikan bahawa perkara ini sebenarnya telah berlaku?

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Seberang Takir ingin mengetahui mengikut soalnya iaitu di dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini Setiausaha Kerajaan Terengganu menyatakan bahawa terdapat kakitangan Kerajaan Negeri yang membocorkan rahsia kerajaan. Dapatkah pihak kerajaan membuktikan bahawa perkara ini sebenarnya telah berlaku.

Tuan Yang Dipertua, soalan yang sama telah ditanya dan dijawab pada 11 Disember oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik, soalnya berbunyi demikian - Adakah betul pihak Kerajaan Negeri Terengganu akan mengambil tindakan terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri yang membocorkan rahsia kerajaan, iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Setiausaha Kerajaan. Jadi saya minta *ruling* daripada yang Berhormat Yang Dipertua, sama ada mesti menjawab soalan ini di atas muaduk yang sama.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan telah dijawab pada hari persidangan yang lalu. Oleh kerana itu, kalau sekiranya Yang Berhormat Wakil Seberang Takir memerlukan tambahan kepada soalan ini, saya benarkan. Sila

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jika sekiranya pihak kerajaan khususnya pihak pentadbiran tidak dapat membuktikan berlakunya perkara yang seumpama ini, tidakkah kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Kerajaan itu disifatkan sebagai tuduhan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, sekiranya ada bukti yang nyata bahawa mana-mana pegawai kerajaan atau kakitangan kerajaan telah membocorkan rahsia kerajaan sudah tentu perjalanan undang-undang akan diambil. Tetapi setakat ini sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada saya, tidak ada apa-apa bukti lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika sekiranya begitulah jawapannya, ertinya tidak ada bukti sehingga sekarang maka kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Kerajaan itu berupa tuduhan semata-mata, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan bukannya sebagai tohmahan bahkan ianya sebagai peringatan kepada mana-mana pegawai supaya berjaga-jaga dalam hal ini, supaya mesti mematuhi undang-undang bukannya sebagai tohmahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam hal ini saya rasa, saya berpendapat bahawa bukan peringatan tapi ini sebagai tuduhan sehingga inilah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Itu tak perlu saya jawab, itu komen sahaja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat perbincangan mengenai belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih diteruskan dan

17 DISEMBER 2000

saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Seberang Takir untuk menyambung ucapan beliau kalau sekiranya beliau masih lagi berhasrat dan berminat untuk membuat ucapan. Kalau tidak kita akan teruskan kepada penggulungan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yuan Yang Dipertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk seterusnya menyambung ucapan yang saya buat tiga hari yang lalu.

Warta Darul Iman Tahun 1 Bilangan 12 bertarikh 25 Syaaban bersamaan 22 November 2000 ada menyebut kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa Kerajaan Terengganu, kerajaan kita, kata Warta itu adalah sebuah kerajaan yang terbuka. Ertinya pemimpin-pemimpin kerajaan sedia untuk menerima kritikan-kritikan, pandangan-pandangan, teguran-teguran yang dibuat terutamanya yang bersifat membina. Suka saya menyatakan kepada Dewan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa saya rasa kenyataan ini tidak selamanya betul atau menepati apa yang dimaksudkan itu. Kerana saya mendapat maklumat daripada beberapa orang kakitangan kerajaan yang menceritakan bahawa terdapat beberapa perjumpaan yang diadakan di Wisma Darul Iman, juga di tempat-tempat lain yang kehadiran kakitangan atau pegawai kerajaan satu perkara yang mesti. Bila sampai waktunya pegawai-pegawai yang berkenaan, kakitangan yang berkenaan masuk ke tempat diadakan perjumpaan, ke dewan atau tempat perjumpaan itu ditutup.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila perbetulkan sedikit *volume* tu, tak berapa jelas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya, ditutup dan ada pegawai yang memerhatikan orang yang keluar masuk, jika sekiranya yang keluar itu tidak balik-balik lagi ke dewan itu, pegawai yang berkenaan insya Allah, akan susuli dengan surat bertanya sebab, surat tunjuk sebab 'mengapa dia meninggalkan perjumpaan itu,' Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Ini sebagai suatu contoh. Saya tidak dapat membuktikan secara jelas kerana saya tidak dapat menyebut pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya percaya pegawai yang berkenaan tidak berdusta, Tuan Yang Dipertua. Tapi sebagai satu ingatan kepada kerajaan saya rasa sifat yang seumpama ini tidaklah membayangkan atau tidaklah menunjukkan apa yang disebut 'sebuah kerajaan yang terbuka'. Begitulah juga dengan amalan beberapa orang

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan. Izin laluan ... saya minta Yang Berhormat Seberang Takir memberi fakta-fakta yang tepat dan bukan melemparkannya sebagai tuduhan dan tohmahan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak melemparkan tuduhan tinggal lagi saya tidak dapat memberitahu bilakah perjumpaan itu diadakan. Dan seperti yang saya sebut tadi saya minta maaf pada Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak dapat memberitahu siapakah yang menceritakan. Ceritanya begitu

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Seberang Takir, tak perlu meminta maaf daripada Yang Dipertua, meminta maaf daripada Dewan. Dewan ini akan menerima kenyataan dia tidak mahu menerima suatu andaian semata-mata yang tidak ada kenyataan. Semua apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat hendaklah berasaskan kepada fakta.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang saya buat berasaskan kepada fakta. Tapi seperti yang saya katakan, tidak dapat saya beri maklumat secara terperinci. Jadi apa yang digambarkan tadi, Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang Dipertua, *order, order ...* ini suatu lemparan dan tohmahan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat. Sekiranya Ahli Yang Berhormat Seberang Takir tidak dapat memberi fakta, tak ingat adalah sebaik-baiknya Yang Berhormat tidak menyebut perkara itu kerana ianya tidak boleh dibuktikan. Oleh kerana Yang Berhormat telahpun sebut, saya rasa lebih baik Yang Berhormat tarik balik daripada Dewan ini. bukan minta maaf daripada saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tidak bercadang nak tarik balik sebab apa yang saya sebut itu sebagai satu keperihalan saja Yang Berhormat Yang Dipertua, tidak sebagai tuduhan untuk menggambarkan bahawa maksud 'kerajaan terbuka' itu tidaklah diamalkan sebaik-baiknya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, ini suatu tohmahan dan tuduhan liar. Saya pohon perhatian Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang nak melanjutkan hal ini Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Selesaikan dulu perkara yang menyatakan, menuduh pegawai

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tidak menuduh pegawai, saya menyatakan ada beberapa orang pegawai yang menceritakan kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Seberang Takir): Ini bukan menuduh pegawai Yang Dipertua, ini menuduh kerajaan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Menuduh kerajaan dan membuat tohmahan kepada kerajaan dan juga beberapa pegawai. Mengikut 26.2 dan (c), sesuatu soalan ataupun baik apa-apa perbincangan, anggapan, pendapat, tohmah, gelaran atau kalimah yang mengelirukan, menyindir atau mencela adalah tidak dibenarkan di dalam Dewan ini. Jadi, oleh kerana itu saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Seberang Takir, kalau sekiranya perkara ini Yang Berhormat tidak mahu menarik balik maka saya rasa saya memberi pandangan, memberi nasihat kali terakhir bahawa Yang Berhormat sila tarik balik kenyataan itu ataupun buktikan segala tuduhan itu. Sila beritahu pegawai dan bila tarikh, dan program apakah yang berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan tadi saya tidak mahu menyebut pegawai yang berkenaan, sebab itu saya kata ada dua tiga orang pegawai. Jadi kalau ini boleh

17 DISEMBER 2000

diterima oleh Yang Berhormat Yang Dipertua, terimalah, kalau ini tidak boleh diterima tidak boleh diterima dalam hal ini.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tak boleh terima. Dewan tidak boleh terima dengan hanya membuat andaian, itu sebagai andaian semata-mata. Oleh itu diminta kali terakhir Yang Berhormat sila tarik kenyataan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang saya sebut itu bukan andaian tapi saya ceritakan kedudukan yang saya percaya sebenarnya berlaku. Tinggal lagi saya tidak mahu menyebutkan kerana mahu melindungi orang yang berkenaan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat yang telah mengambil sikap tidak mahu mematuhi arahan yang dibuat oleh Yang Dipertua Dewan, dan saya serahkan balik kepada Dewan ini.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menarik perhatian Dewan kepada aturan 46(13) dengan izin saya baca - Seseorang ahli dilarang menyindir tujuan-tujuan yang menyerong terhadap ahli-ahli yang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BINGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah ucapan saya tadi terjumlah dalam pengertian 'menyindir' seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Batu Buruk? Minta *ruling*.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, tidak maksud peribadi ... menyindir terhadap ahli-ahli yang lain, secara peribadi tidak tetapi keseluruhan kerajaan telahpun terjejas kerana membuat tuduhan terhadap dasar kerajaan yang tidak berasas. Sila menentukan asas itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang nak menambah lagi, saya sebut apa yang telah saya sebut tadi dan saya tidak bersedia untuk mengubahnya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita memahami bahawa adalah tidak wajar menyebut nama-nama pegawai, kita faham. Tetapi paling kurang kerana peristiwa itu disebut, sekurang-kurangnya bilakah peristiwa itu berlaku dan siapakah orang yang dikatakan mengikuti pegawai-pegawai itu berlaku. Dan kalau tak boleh ini dilakukan, saya nasihatkan Seberang Takir supaya beranjak kepada perkara lain oleh kerana beliau tak boleh nak buktikan apa yang telah disebutkan itu, untuk memberi keadilan kepada beliau. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila buktikan dulu.

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan tadi, saya tidak bercadang untuk membuktikannya. Tapi kalau Yang Berhormat boleh terima nasihat ataupun pandangan Yang Berhormat Pengkalan Berangan insya Allah, saya akan bergerak kepada tajuk yang lain, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya sebagai Yang Dipertua, ingin menyatakan kesal kepada Yang Berhormat sebagai seorang yang telah begitu lama pengalaman dengan Dewan ini, yang masih lagi mengambil sikap tidak menghormati kepada Peraturan-peraturan Dewan ini. Oleh kerana itu, kalau saya menggunakan lagi peruntukan kuasa yang ada pada Yang Dipertua akan dianggap sebagai tidak adil ataupun senang menggunakan kuasa yang ada. Saya cuba untuk bersikap tegas dalam perkara ini dan insya Allah, ketegasan ini saya akan jaga. Walau bagaimanapun, di atas sifat menghormati pandangan daripada pihak kerajaan, saya menghalang Ahli yang Berhormat daripada Seberang Takir bercakap dalam tajuk yang telah diucapkan tadi. Dan sila terus dan tidak benar sama sekali menyentuh sekalipun dengan satu patah perkataan kepada perkara yang telah lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih atas ihsan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Penubuhan Jawatankuasa Masjid. Berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang telah diberi oleh kerajaan dalam sidang kita baru-baru ini, jelaslah bahawa ada masalah yang dihadapi oleh kerajaan untuk menerus dan menyempurnakan penubuhan Jawatankuasa Masjid. Jadi yang jelas dan nyata sekarang Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terhadap masih banyak masjid-masjid yang tidak mempunyai Jawatankuasanya. Urusan masjid, hal-hal yang perlu diselesaikan terpulang kepada Imam-imam dan Bilal-bilal dan kalau masjid kerajaan mungkin barangkali ditolong Jabatan Hal Ehwal Agama. Ini menimbulkan masalah kalau keadaan berterusan. Saya menggesa kerajaan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua supaya menyelesaikan masalah penubuhan Jawatankuasa Masjid ini seberapa cepat yang boleh.

Dalam soalan saya diberi jawapan bahawa kerajaan akan menggunakan peraturan yang telah lama dipakai dalam menubuhkan Jawatankuasa Masjid dengan sedikit pindaan. Masalahnya bukan tidak ada peraturan, peraturan ada Yang Berhormat Yang Dipertua tapi oleh kerana campur tangan politik maka timbullah masalah tidak sempurna penubuhan atau tidak jadi penubuhan Jawaankuasa Masjid. Jawatankuasa Masjid yang sepatutnya ditubuhkan sebaik-baiknya untuk menyatupadukan para jemaah masjid itu menjadi sebaliknya. Kerana kegagalan menubuhkan Jawatankuasa Masjid, bila mesyuarat diadakan ternyatalah bahawa timbul perpecahan yang jelas. Dan kerana itu menjadi masalah, jadi tinggallah masalah yang mencerminkan dengan jelas perpecahan masyarakat kerana penubuhan Jawatankuasa Masjid itu. Jadi, saya rasa tidaklah molek kalau pegawai-pegawai kerajaan khususnya Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama diletakkan dalam keadaan yang serba salah dalam menguruskan masalah penubuhan Jawatankuasa Masjid ini. Hal ini pernah, seperti Yang Tuan Dipertua, sedia ingat saya timbulkan dalam sidang-sidang yang lalu. Dan saya tidak teragak-agak sebenarnya untuk menyebut bahawa oleh kerana campur tangan politik yang terlalu banyak menyebabkan kedudukan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama melaksanakan peraturan ataupun kaedah-kaedah penubuhan Jawatankuasa Masjid dalam keadaan yang serba salah. Berilah peluang, berilah kebebasan kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dan pegawai-pegawainya untuk menggunakan peraturan ini sebaik-baiknya supaya masalah penubuhan Jawatankuasa Masjid dapat diselesaikan

17 DISEMBER 2000

sebaik-baiknya. Kurangkanlah permainan politik di atas masjid, cukuplah permainan politik disalurkan melalui khutbah-khutbah yang sama sekali memecahbelahkan masyarakat, bukan seperti yang disebut oleh Wakil Manir yang bertujuan untuk memberikan peringatan ataupun dakwah Islamiah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebutkan satu perkara di sini iaitu berhubung dengan pertukaran pegawai-pegawai terutamanya Pegawai Tadbir yang terlalu kerap berlaku di dalam masa setahun ini. Ada pegawai yang dalam masa dua bulan saja telah ditukarkan ke beberapa tempat. Saya tidak tahu adakah pertukaran ini mencerminkan keadaan yang masih dengan izin, keadaan yang masih belum *settle* terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri ataupun masih terdapat orang-orang yang diharapkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan baru dapat menyesuaikan diri tapi malangnya belum dapat menyesuaikan diri. Tapi apa yang berlaku Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jelaskan menunjukkan bahawa pegawai-pegawai yang ditukarkan dari satu tempat ke satu tempat tidak banyak membawa perubahan dalam erti kata, bukan status kepolitikan pegawai ini yang diutamakan tetapi lebih banyak kepada masalah hubungan peribadi antara seorang pemimpin dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya tidak tahu sejauh mana perkara yang seumpama ini dapat kita izinkan berlaku dan menyebabkan ada semacam keadaan tidak tentu yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Tadbir kita, mereka sentiasa saja berasa terancam, mereka merasa boleh ditukarkan bila-bila saja walaupun sebagai seorang pegawai memang menjadi perkara yang patut diingat sepanjang masa bahawa tertakluk kepada pertukaran. Tetapi kalau hal ini menimbulkan satu kebimbangan maka saya rasa pekerjaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai ini tidak akan memberikan hasil yang banyak. Saya berharap bila masuk tahun yang kedua, perkara-perkara yang seumpama ini sudah dapat diselesaikan dengan baik dan pemimpin-pemimpin kerajaan baru sudah dapat mengenal pasti siapakah sebenarnya pegawai-pegawai yang boleh diharap untuk menolong mentadbirkan negeri ini dan siapa pula pegawai-pegawai yang sebenarnya tidak boleh diharap. Tapi kepada saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setelah sekian ramai Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Terengganu dipilih, diberi latihan sebaik-baiknya, berani saya mengatakan bahawa semua Pegawai-pegawai Tadbir boleh diharap untuk mentadbirkan negeri ini, mereka faham apa yang dimaksudkan dengan politik kepartian. Cukuplah barangkali Ketua Pentadbiran, Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memanggil mereka memberi ingatan demi ingatan tetapi tidak selalunya mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang dengan jelas menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena, ada sesuatu yang belum selesai di kalangan Pegawai-pegawai Tadbir Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada disebut bahawa beberapa projek perumahan telah dibatalkan atau mungkin saya rasa kalau boleh saya gunakan perkataan yang lebih lembut 'ditawakufkan oleh Kerajaan Persekutuan'. Sama ada ditawakufkan atau dibatalkan, saya menyokong langkah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, bukan tidak mahu rakyat Negeri Terengganu mendapat kemudahan rumah tempat yang lebih selesa, yang lebih baik dengan harga yang berpatutan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Tetapi mengingatkan perkara yang telah dilakukan oleh kerajaan berhubung dengan projek perumahan Taman Perdana Kampung Batın, Seberang Takir jelaslah kepada saya bahawa sesuatu yang tidak sihat telah dilakukan oleh kerajaan, terlalu banyak bermain politik dan pembahagian rumah di dalam projek itu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Biar saya sebut sedikit maklumat yang dapat saya kumpulkan. Dalam jawapan kerajaan kepada salah satu soalan saya dalam sidang Dewan ini 12 dan 13 September tahun ini, berhubung dengan pembahagian rumah awam kos rendah Taman Perdana Kampung Batın. Saya bertanya, kampung-kampung yang berdekatan banyak mana rumah yang telah diberikan kepada pemohon-pemohon di situ. Jadi

17 DISEMBER 2000

maklumat yang diberikan kepada saya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua tahu tempat ini, tahu kampung ini, Kampung Batin iaitu tempat terletak projek; berdasarkan jawapan itu hanya 3 orang saja diberi. Kampung Hulu Takir, tempat itu juga sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, 2 orang, Banggul Pauh tak sampai 500 meterpun dari tapak projek itu 2 buah. Kampung Seberang Takir bersebelahan sungai 10 buah, Kampung Baru Seberang Takir 20 buah, Kampung Bukit Tok Beng satu buah daripada 289 buah rumah yang telah dibahagi-bahagikan. Kampung-kampung lain 251 buah. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak diberi keutamaan kepada penduduk-penduduk setempat sedangkan projek itu daripada asalnya lagi bertujuan tidak lain tidak bukan seberapa boleh, seberapa banyak akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon dari kawasan yang berkenaan. Tapi dalam sidang kali ini saya mengajukan soalan ... soalan saya itu tidak dijawab, ditolak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Jadi dalam hal ini saya rasa ada justifikasinya Kerajaan Persekutuan menanggung, tawakuf atau membatalkan projek itu kerana inilah sifat kerja atau tingkah laku yang dilakukan oleh kerajaan sekarang yang tidak memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk setempat dalam penerimaan ataupun dalam pembahagian rumah murah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Dipertua, dengan izin diminta Wakil Seberang Takir bercakap semangat sedikit ... tak berapa dengar, mengantuk mata.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berharap tidak sangat pembahagian rumah ini dipolitikkan begitu rupa dan meninggalkan pemohon-pemohon, saya tidak kira pemohon daripada UMNO ataupun PAS, tapi yang saya penting ialah pemohon-pemohon daripada kawasan yang berdekatan. Itu maksud saya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyebut lagi JKJK, penubuhan JKJK. Jadi dalam jawapan berhubung dengan JKJK, penubuhannya pada pagi ini tentang halal haramnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mencelah dengan satu maklumat yang diterimanya dari Ketua Setiausaha Kementerian Luar Bandar berhubung dengan status JKJK yang diterangkan kepada kita pada pagi ini. Jadi kalau begitu kedudukannya jelas dan dapat diterima oleh Yang Amat Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menubuhkan JKJK dan penubuhan JKJK ini adalah haram, maka saya rasa bertanggungjawablah kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil satu langkah yang tertentu supaya perkara yang seumpama ini dapat diselesaikan sebaik-baiknya. Saya tidak mahu perkara yang seumpama ini kita terus menerus kita menyebut sebagai haram, haram tapi tidak ada satu tindakan yang telah kita buat untuk menghapuskannya ataupun menghalalkannya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Dewan diteruskan dengan bahasan ucapan belanjawan iaitulah masa untuk penggulungan. Silakan

17 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, barangkali ada Ahli-ahli yang ingin masih terus bercakap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada lagi nak berucap ni?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar) : Boleh berucap?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Bandar. Okey, silakan –

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahi rahmani rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan dan puan-puan, Ketua-ketua Jabatan, muslimin, muslimat, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberi ucapan belanjawan tahun 2001 yang amat berhemah sekali dan saya fikir praktikal sekali untuk dilaksanakan. Cuma yang menyedihkan ialah rakan-rakan saya di balik pembangkang mengatakan belanjawan ini adalah satu 'belanjawan mimpi'. Saya tak tahu siapa mimpi, siapa yang mengigau. Kerana saya amat hairan dengan kenyataan-kenyataan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di peringkat negeri dan Pusat mengenai isu wang royalti ini sehingga pada satu ketika bekas Menteri Besar Negeri Terengganu sendiri menafikan pemberian hak wang royalti ini. Dan saya fikir dalam masa wang royalti ini diterima oleh Kerajaan Negeri apabila diperintah oleh Barisan Nasional selama 22 tahun di dalam setiap belanjawan semenjak 1978, hasil Kerajaan Negeri sebanyak 75% hingga 80% ditafsirkan sebagaikan wang royalti. Tapi malangnya pada tahun ini tiba-tiba perkataan 'royalti' ini telah ditukar menjadi 'ihsan'. Tan Sri Wan Mokhtar bekas Menteri Besar Terengganu banyak memberi ucapan-ucapan mengenai wang ihsan ini sehingga saya fikir kalau dia beri ucapan yang banyak lagi boleh jadi merosakkan lagi parti UMNO pimpinan Dr. Mahathir. Sebab itulah beliau, saya fikir Dr. Mahathir menghantar beliau ke Saudi Arabia supaya senyap sedikit supaya tidak memberi kesan yang lebih lagi atau parah kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir.

Pada satu ketika selepas belanjawan negara dibentangkan, saya hairan dengan kenyataan Dr. Rais di mana sebelum itu beliau yang pakar di dalam undang-undang mengatakan tiada perjanjian di antara kerajaan mengenai wang royalti ini, wang royalti itu hanyalah *Memorandum of Understanding*. Tetapi selepas belanjawannya pada tempoh hari beliau membuat kenyataan apabila wang ihsan diberi perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Terengganu dibatalkan. Jadi saya pelik dan hairan akan perkara ini dapat Dr. Rais dan Dr. Mahathir memperbodoh-bodohkan kita. Dr. Mahathir telah memerintah negara ini

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, lebih baik sebut pangkat jangan sebut nama.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Minta maaf Yang Dipertua. Perdana Menteri telah memerintah negara dengan cara ISAny, ISAny ialah 'ikut suka aku'. Kalau memerintah 'ikut suka aku' ni saya fikir mala petaka akan datang kepada negara kita. Kerana kalau hari ini dia tidur cukup, baiklah dia, kalau malam karan tidur tidak cukup maka peliklah dia pada hari itu. Ini adalah satu benda yang sangat zalim yang dibuat oleh Perdana Menteri ke atas rakyat Negeri Terengganu, sudahlah menzalimi kita dengan disokong oleh

17 DISEMBER 2000

pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat negeri supaya tidak lagi memberi wang royalti ini kepada Negeri Terengganu, kita tak sampai satu tahun, selepas 6 bulan memerintah telah dipotong akan wang royalti ini. Dengan mengatakan kita Kerajaan Alternatif pimpinan PAS tidak pandai mengurus akan wang ini. 40 tahun pemerintah, 23 tahun menerima wang royalti, RM7 bilion telah diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu ini, apakah mereka pandai menguruskan RM7 bilion ini? Yang Berhormat Yang Dipertua, RM7 bilion ini amat banyak duitnya. Kalau kita dapat mengurusnya dengan betul, kita bukan saja dapat membina satu stadium yang besar, rumah murah yang cukup kepada rakyat Negeri Terengganu bahkan *railway* keretapi pun boleh sambung dari Terengganu ke Kuala Lumpur. Tetapi apa yang kita dapat? Apa yang kita terima? Kita hanya menerima rumah-rumah yang buruk, yang bocor, yang lantainya beranai-anai. Sampai, kalau di Amerika kata kita tidak pandai menguruskan duit ini, mereka yang pandai mengurus duit ini sehingga ada syarikat-syarikat yang dibeli oleh PERMINT, syarikat awam yang dibeli oleh PERMINT pada ketika itu dengan harga RM6 sesaham, saya fikir terlalu tinggi untuk membeli syarikat itu dengan harga RM6, tetapi dibebani oleh berpuluh-puluh juta ringgit hutang. Saya tak mahu menyebut kerana banyak syarikat-syarikat yang kita terima mempunyai liabiliti yang berpuluh-puluh juta sehingga sekarang kita menerima banyak surat-surat guaman daripada orang-orang tertentu untuk menuntut hutang mereka.

Kezaliman Kerajaan Pusat yang menggunakan agens-agensi Pusat di Negeri Terengganu ini terutamanya KETENGAH amat dikesali. Pada lazimnya KETENGAH ini, pada masa dahulu dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu tetapi pada hari ini saya tengok seorang wakil dari Negeri Terengganu tidak menjadi Lembaga Pengarah KETENGAH. Pada hal KETENGAH ini duduk di dalam Negeri Terengganu. Saya mendesak Kerajaan Negeri supaya meminta kepentingan di dalam KETENGAH, supaya dapat kita meneliti apakah kegiatan-kegiatan mereka lakukan dan akan lakukan di dalam Lembaga KETENGAH ini.

Belanjawan tahun ini juga telah dikatakan belanjawan politik oleh parti pembangkang. Saya nak tanya di sini, siapa yang mempolitikkan isu ini? Saya fikir tindakan Dr. Mahathir adalah tindakan politik kerana menyekat wang royalti ini kepada Negeri Terengganu. Jikalau rakan saya di pihak mengatakan mereka ragu akan belanjawan ini, saya meminta bantuan daripada rakan saya dari pihak pembangkang supaya tolonglah, tolonglah menyampaikan kepimpinan Pusat supaya memberi balik hak orang Negeri Terengganu ini. Fikirlah panjang-panjang kerana ini adalah hak anak-anak, cucu-cucu kita bukan untuk kegunaan kita pada hari ini. Fikirlah panjang-panjang kerana kita duduk atas dunia ini tidak lama, generasi kita akan datang akan menghayati apa-apa yang ada di negeri kita. Kalau Dr. Mahathir ... kalau Perdana Menteri berjaya di dalam kes menukarkan wang royalti ini kepada wang ihsan, saya sebagai seorang rakyat Negeri Terengganu jikalau royalti pada tahun ini diterima lebih kurang RM700, saya seorang hak saya RM400, saya tak halal duit saya RM400 itu dibelanjakan oleh orang-orang yang tidak sepatut membelanjakan. Kalau perkataan 'halal' ini amat kasar, saya tak redha.

Saya tertarik dengan rakan saya dari pembangkang tadi mengatakan kenapa Setiausaha Kerajaan mengarahkan supaya kakitangan kerajaan perlu hadir mendengar taklimat daripada Menteri Undang-Undang. Siapa yang nak dengar, kalau Menteri Undang-Undang itu bercakap bohong. Sudah wajarnya kita tidak perlu mendengar kerana apa yang dicakapnya ialah percakapan yang tidak betul.

17 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Yang Dipertua, cukuplah dengan mengatakan belanjawan tahun ini belanjawan mimpi. Tetapi jikalau wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri diterima saya berharap Kerajaan Negeri bersabar dan saya berharap rakyat Negeri Terengganu akan memahami akan keadaan ini. Dan saya ingin menyatakan di sini kepada Kerajaan Negeri hari ini supaya mengambil perhatian beberapa perkara yang perlu kita mengambil kira.

Dari segi pelajaran, saya berharap dengan peruntukan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebanyak RM30 juta untuk membiayai biasiswa, ini sungguhpun wang RM30 juta itu tidak cukup kerana saya fikir perbelanjaan biasiswa untuk seluruh rakyat Negeri Terengganu pada satu tahun adalah lebih kurang RM40 hingga RM45 juta. Tapi dengan wang yang diperuntukkan ini saya berharap Kerajaan Negeri memberi ilmu kepada anak-anak Negeri Terengganu dan ilmu ini adalah satu-satunya harta peninggalan tetap bagi seseorang penduduk di Negeri Terengganu ini. Dengan itu saya berharap Kerajaan Negeri seperti rakan saya dari Ladang menyatakan kita perlu meningkatkan lagi institusi-institusi pelajaran tinggi dan membuka pintu kepada universiti-universiti luar negara untuk membuka pusat-pusat pengajian tinggi di Negeri Terengganu ini.

Perkara yang kedua, yang perlu diberi perhatian tidak lain tidak bukan ialah rumah murah. Saya berharap pembinaan rumah-rumah murah ini dapat dipercepatkan dan jikalau kita tidak mempunyai wang yang cukup, saya harap dapat diswastakan seberapa banyak rumah-rumah murah kepada swasta supaya dapat kita mengadakan rumah-rumah ini untuk rakyat. Selain menswastakan rumah-rumah murah ini saya berharap kerana wang kita boleh jadi tidak begitu banyak, penswastakan infrastruktur juga perlu diambil perhatian kerana infrastruktur ini telah dengan izin *is the begining of the development*. Kita perlu menswastakan pembinaan jalan raya, lebuh raya yang dicadangkan itu, menswastakan beberapa perkara lagi seperti Syarikat Air Negeri Terengganu, stadium dan lain-lain lagi untuk pembangunan rakyat Negeri Terengganu.

Perkara yang satu lagi saya ingin menegaskan supaya Kerajaan Negeri mengambil perhatian ialah tentang kebajikan orang-orang miskin dan orang-orang cacat. Ini kita perlu memberi perhatian kepada golongan-golongan ini kerana golongan-golongan ini amat memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Jangan lupa kita sudah berada di dalam tahun *millennium, information technology* amatlah mustahak juga di Negeri Terengganu ini. Kalau Kerajaan Pusat membuat cyberjayanya, saya berharap Kerajaan Negeri di masa-masa akan datang dapat mengadakan satu tempat seperti cyberjaya supaya kita tidak ketinggalan di dalam industri *information technology*.

Selain pada itu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, oleh kerana hasil kita ini amat kurang sekali, kalau tidak kerana penyembelihan Kerajaan Pusat kepada kita, saya berharap Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Tempatan mengkaji akan pemasangan *antenna-antenna* oleh syarikat-syarikat selular telefon di negara ini dapat diberikan satu ruang tidak di atas bumbung-bumbung bangunan, harap dapat satu kajian oleh Kerajaan Tempatan supaya di setiap 5 kilometer diadakan satu tempat khas untuk pemasangan *antenna-antenna* selular telefon ini. Kerana mengikut kajian, syarikat-syarikat telefon perlu membuat dan memasang *antenna-antenna* mereka di setiap 5 kilometer di dalam negara kita, barulah *reception* telefon-telefon kita yang kita mempunyai pada hari ini dapat menggunakan dengan jelas. Ini adalah satu hasil yang saya fikir akan memberi kesan kewangan ke atas Negeri Terengganu.

Saya juga ingin menegaskan di sini juga supaya Kerajaan Negeri mengkaji balik hutang-hutang yang Kerajaan Negeri patut terima yang telah dibelanjakan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk

17 DISEMBER 2000

swasta seperti saluran air ke Pulau Redang. Saya dengar dahulu projek ini lebih kurang RM30 juta sepatutnya dibiayai oleh Berjaya Group. Air sudah sampai di Pulau Redang tapi wang untuk membiayai paip itu tidak sampai ke negeri. Saya berharap kita tegas akan perkara-perkara ini dan banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan kita untuk swasta dapat dipertingkatkan kutipan hutang-hutang ini.

Juga Kerajaan Negeri saya harap dapat mengkaji balik pemberian tanah-tanah terutamanya kepada swasta di pulau-pulau yang ada di Negeri Terengganu ini, jikalau pada masa itu dibeli hanya dengan harga di antara 50 sen hingga RM1 satu persegi. Ini perlu dikaji. Kerana pemberian yang semurah itu kepada swasta ini, swasta inilah yang membuat keuntungan yang besar. Kerajaan negeri yang rugi akan perkara ini. Boleh jadi pada ketika itu Kerajaan Negeri telah menerima tekanan-tekanan politik maka terpaksa kerajaan ketika itu memberi tanah-tanah di pulau-pulau dan di darat kepada orang-orang tertentu ini patut dikaji balik. Juga saya berharap kita dapat mengadakan perjanjian ke atas kegunaan-kegunaan air di Negeri Terengganu ini oleh swasta-swasta seperti Petronas. Kegunaan tanah-tanah oleh Tenaga Nasional, oleh Telekom. Kaji balik supaya kita dapat mengutip hasil yang maksimum daripada syarikat-syarikat ini.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya membuat satu kajian di masa hadapan mengenai insurans *health care*. Insurans *health care* ini amat mustahak kepada penduduk-penduduk Negeri Terengganu kerana perbelanjaan perubatan amat tinggi sekali pada ketika ini. Saya fikir Kerajaan Negeri perlu membuat penyelidikan tentang insurans *health care* ini. Bolehlah kita bermula daripada ... boleh jadi dengan kakitangan-kakitangan kerajaan, lepas itu satu program skim kepada orang-orang ramai.

Yang Dipertua, saya ingat sekadar itulah saja ucapan saya pada hari ini dan saya berharaplah perbelanjaan tahun ini dapat ditunaikan kerana perbelanjaan pada tahun ini saya fikir amat hemah sekali kepada orang-orang rakyat Negeri Terengganu. Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masih ada yang nak berucap? Sila –

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang untuk bercakap bersama tentang ucapan belanjawan tahun 2001 ini dan ingin mengaitkan tentang beberapa perkara yang saya nampak begitu menyerlah di dalam ucapan belanjawan bagi tahun 2001 ini.

Pertamanya saya melihat ucapan belanjawan ini dan belanjawan yang memang telah dibentangkan ini, dan sedang dibentang dan dibahaskan sekarang ini telah memberi kekuatan baru kepada rakyat Negeri Terengganu umumnya yang telah memilih parti PAS di bawah ... yang telah memilih Barisan Alternatif untuk memerintah Negeri Terengganu ini. Pertamanya apabila sahaja pihak Kerajaan Pusat membangkitkan soal royalti minyak, yang kelmarin ada beberapa orang yang datang berjumpa dengan saya dan meluahkan perasaan mereka yang kurang senang bahawa Kerajaan Terengganu masih memasukkan angka RM530 juta itu sebagai angka untuk dibentangkan di dalam belanjawan sedangkan duit agak tidak dapat lagi kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Pun begitu ada setengahnya memandang serong perkara ini dan memandang Kerajaan Terengganu sebagai kerajaan yang pelik. Bagaimanapun saya melihat kita tidak pelik dalam soal ini kerana kita sedar bahawa ini adalah hak kita dan ini adalah tanggungjawab kita untuk memantau,

mengurus dan membelanjakan duit ini. Sememangnya ini menjadi hak rakyat Kerajaan Negeri Terengganu dan memang menjadi rakyat Terengganu. Dan sebenarnya tuan-tuan sekalian, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya melihat dan saya merasa hairan kenapa UMNO begitu beriya-ya untuk mengambil balik wang ini. Sedangkan Kerajaan Negeri Terengganu yang terdahulu menggunakan duit ini sekian banyak, sekian lama dan kalau dikaji semula kenapa kekalahan UMNO di Terengganu baru-baru ini. Adakah puncanya kerana wang? Atau apakah puncanya kerana krisis dalaman UMNO sendiri? Atau pun puncanya kerana kezaliman yang dilakukan oleh pimpinan UMNO?

Tuan Yang Dipertua, saya melihat apabila saja Kerajaan Pusat membangkitkan isu royalti dan merampas kembali duit yang sebanyak itu daripada Kerajaan Negeri Terengganu, ini telah memberi ruang yang besar kepada Kerajaan Negeri khususnya Barisan Alternatif untuk berdiri teguh memimpin kerajaan ini selama-lamanya di Negeri Terengganu. Kerana kita tidak melihat bahawa punca yang menyebabkan kekalahan UMNO baru-baru ini kerana kekurangan wang dan juga kita tidak melihat bahawa punca yang membawa kemenangan PAS dan Barisan Alternatif di Negeri Terengganu ini kerana kita mempunyai banyak wang. Dan saya melihat dengan uapan belanjawan ini kita telah dapat melihat, menilai betapalah kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar begitu menaruh harapan bahawa kerajaan kita bukan bersandar hanya kepada wang tetapi kerajaan kita bersandar banyak kepada Allah Azawajal. Yang mana kita menganggap apa sahaja ujian, apa sahaja cubaan yang datang adalah cubaan-cubaan yang sebenarnya daripada Allah Azawajal untuk menguji kita sejauh mana kemampuan kita memikir dan menguruskan negeri ini sebagaimana yang telah diberi mandat oleh rakyat. Dan insya Allah, dan saya percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru kita akan mampu. Perkara ini telah kita tunjukkan pertama-pertamanya sekali di dalam pembentangan belanjawan kita pada tahun ini bahawa sekalipun kita tidak mempunyai duit kita masih mampu dan kita tetap akan mampu. Dan inilah yang kita katakan:

إذا ضاق الأمر اتسع

Apabila kita kesempitan pastilah kita akan memikirkan cara-cara untuk mencari dan melepaskan diri daripada kesempitan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya melihat UMNO apabila sahaja Kerajaan Pusat mengambil tindakan ini akan terus menjadi malap sama ada kini, akan datang dan selama-lamanya di Negeri Terengganu ini. Kerana dengan sendirinya apabila sahaja saya melihat di dalam DUN saya, DUN Bukit Besi bila sahaja pertama kali saya melangkah kaki di dalam DUN Bukit Besi, saya melihat pembangunan jalan raya yang ada di situ hampir-hampir mustahil kita boleh menawan. Tetapi apakah punca yang menjadi DUN Bukit Besi yang begitu diagung-agungkan oleh pemerintahan lama bahawa itu adalah kubu yang paling kuat tiba-tiba jatuh ke tangan kita. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini adalah kerana puncanya juga daripada wang, apabila sahaja wang digunakan di dalam politik, apabila sahaja wang digunakan untuk memancing undi. Maka kalaulah hari ini pihak UMNO boleh membahagikan kepada rakyat di kampung yang memang telah menjadi penyokong kuat mereka sebanyak RM200, cuba bayangkan nanti bila hampir kepada saat pilihan raya sudah tentulah mereka akan meminta lebih daripada itu. Dan saya jangkakan mungkin mereka akan meminta jauh lebih besar daripada itu. Dan pada hari ini, saya sebagai Wakil bagi DUN Bukit Besi merasakan agak lega apabila sahaja rakyat tidak lagi datang kepada kita untuk meminta wang. Tetapi mereka telah datang kepada bekas-bekas Wakil Rakyat UMNO, meminta wang daripada mereka. Kerana mereka sedar bahawa duit yang begitu banyak ada di

17 DISEMBER 2000

dalam poket orang-orang UMNO. Dan hari ini, inilah yang telah berlaku dan itulah nasib orang yang bermain dengan wang.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya melihat belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun ini juga amat berjiwa rakyat. Kerana belanjawan ini membayangkan bahawa kita seluruh rakyat Negeri Terengganu melihat bahawa Allah adalah sandaran utama kita dan rakyat telah menunjukkan kekecewaan mereka dengan UMNO di dalam pilihan raya yang lalu. Dan saya pasti UMNO tidak akan naik lagi sama ada di DUN Bukit Besi ataupun di seluruh Negeri Terengganu ini. Saya harap pihak pembangkang boleh menjaga 4 lagi DUN yang masih belum ditawan lagi itu dan semoga mereka juga akan memberi saham yang besar dengan ... kalau boleh memohon dan meminta kembali duit itu untuk dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu agar mereka tidak terbelit dengan politik wang dan budaya mengugut rakyat dengan cara mengugut untuk memberi dan menarik balik jawatan, wang dan sebagainya.

Dengan ini saya mohon izin, sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya buka untuk seorang lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijai): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kerajaan dan sekalian yang hadir. Alhamdulillah, saya masih diberi kesempatan untuk turut serta memberi pandangan dalam membahaskan ucapan belanjawan bagi tahun 2001 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sungguh merasa kesal dan sedih kerana apa yang telah dimaklumkan di dalam ucapan belanjawan kali ini kerana tindakan melampaui batas oleh Kerajaan Pusat, yang mana suatu tindakan bukan saja mengkhianati tapi melampaui batas-batas kemanusiaan dan tidak bertamadun serta tanpa sedikitpun merasa kasihan belas kepada rakyat negeri ini. Tujuan ini pada saya tidak ada yang lain, adalah kerana ingin menghukum rakyat negeri ini kerana tidak memilih sebuah kerajaan yang sejiwa dengan mereka. Dan saya sekali gus ingin menyatakan di sini bahawa mereka hanya semata-mata ingin melemahkan Kerajaan Negeri ini mengheret rakyat benci kerajaan Barisan Alternatif kerana tiada pembangunan. Sebenarnya mereka tersilap dan rakyat tidak mudah diperbodohkan seperti itu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya mereka bukan tidak tahu bahawa projek perumahan awam kos rendah misalnya penting kepada rakyat, bekalan air bersih juga penting kepada rakyat, pembinaan longkang dan juga parit serta pembesaran lapangan terbang Gong Badak serta lebuhraya sangat penting kepada rakyat, semuanya mereka tahu. Tetapi oleh kerana untuk mengkhianati dan langkah yang diambil ini adalah kerana mungkin barangkali, maaf saya sebutkan 'hatinya telah busuk' mereka tergamak untuk membatalkannya. Sebagai kemuncaknya mereka juga merasa bahawa merampas hak orang lain adalah sebagai satu yang halal dan merompak khazanah rakyat negeri ini juga sebagai satu langkah yang baik kepada mereka. Ini saya rasa satu *degree* kezaliman yang paling tinggi yang dilakukan oleh sebuah kerajaan kepada kerajaan yang lain.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walaupun saya juga ... apa jua perbuatan yang dilakukan oleh mereka saya masih lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan barisan Exco kerana dalam belanjawan kali ini masih lagi mengutarakan belanjawan yang cukup prihatin kepada rakyat termiskin dan akan terus melaksanakan tanggungjawab demi kesejahteraan rakyat. Ini jelas dengan peruntukan yang begitu besar untuk rakyat miskin bagi penerima-penerima bantuan am khususnya di samping berazam terus untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di semua peringkat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa kerajaan masih lagi mempunyai satu khazanah yang tidak boleh diketepikan oleh sesiapa pun iaitu kita masih lagi ada satu sumber yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. yang tidak boleh diganggu gugat oleh sesiapa ataupun dihalang oleh sesiapa, insya Allah. Iaitu kita masih lagi boleh menerima manfaat jika kita mengatur strategi dengan betul dan barangkali boleh menambahkan pendapatan hasil kepada Kerajaan Negeri, iaitu tanah. Saya rasa tanah adalah satu sumber yang kita boleh bangunkan dan terus membuat pembangunan kerana tanah dalam Negeri Terengganu kita ini, walaupun sudah diberi milik seluas 387,000 hektar iaitu 30% daripada jumlah tanah dalam negeri ini tapi masih lagi berbaki sebanyak 170,000 hektar dan tidak termasuk tanah-tanah LMS (Lesen Menumpang Sementara) sebanyak 100,000 hektar, tanah milik tanpa hak iaitu tanah haram sebanyak 1,300 hektar. Ini tidak termasuk tanah haram yang di dua tempat yang di kawasan saya di Beris Meraga dan juga di Pondok Limau yang mana dua orang Menteri telah melawat di situ. Jadi, selain daripada itu Rancangan Tanah Berkelompok yang belum selesai lagi ialah 7,000 hektar, perhutanan 33,000 hektar, tanah hutan simpan penggunaan kerajaan, rizab kegunaan awam tidak termasuk dalam hitungan. Saya rasa ini tumpuan yang akan kita jadikan asas dan modal kepada Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS. Tanah adalah satu sumber bagi sesebuah kerajaan dan saya mencadangkan supaya sumber alam dijadikan salah satu asas pembangunan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjana ekonomi negeri ini ke arah kemantapan kewangan kerajaan sekali gus menangani gejala kemiskinan rakyat dan bagi membawa kemakmuran kepada rakyat, saya ingin mencadangkan beberapa langkah berikut:

- (i) iaitu keperluan tanah untuk membangun pembangunan masa hadapan bagi pelbagai kegunaan hendaklah berdasarkan kepada unjuran yang dibuat di dalam kajian-kajian sektorial dan pelan struktur Majlis-majlis Daerah dan Perbandaran serta menepati kehendak keperluan penduduk.
- (ii) Perkara kedua, -tanah-tanah LMS, tanah haram dan juga RTB yang belum selesai hendaklah disegerakan pemberian milik dan mengambil peserta-peserta terutamanya golongan miskin tanpa diskriminasi.
- (iii) Yang ketiga, tanah-tanah yang dimajukan oleh Felcra dan Felda yang masing-masing menggunakan secara perladangan seluas lebih kurang 15,000 ekar hingga 30,000 ekar yang masih milik kerajaan dikaji semula dan ditentukan kedudukannya mengikut undang-undang.
- (iv) Perkara keempat, tanah-tanah kerajaan yang berpotensi hendaklah dimajukan dengan tanaman *cash crop* seperti kelapa sawit dan lain-lain oleh agensi-agensi ataupun anak-anak syarikat perladangan negeri diberi keutamaan untuk memajukannya.

17 DISEMBER 2000

Keluasan tanah yang seperti ini masih wujud di hampir seluruh daerah dalam lingkungan lebih kurang 100,000 ekar.

Tuan Yang Dipertua, bagi memastikan penggunaan tanah yang optimum dan padat, saya mencadangkan juga supaya mengenal pasti dan merancang kawasan-kawasan perumahan awam dan swasta dengan menetapkan *density* perumahan mengikut kawasan. Kedua, mengeluarkan kampung-kampung tradisi yang unik dan indah bagi tujuan pelancongan. Dan yang ketiga menghadkan pembangunan perindustrian di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan serta merancang dan melaksanakan rangkaian sistem pengangkutan, prasarana dan utiliti secara menyeluruh. Seterusnya menyusun rapi perancangan penggunaan tanah pertanian lebih efisien melalui sistem ladang rakyat, estat sawah, agro-tourism dan sebagainya, kawasan-kawasan padi dan dusun hendaklah dikekalkan. Seterusnya saya mencadangkan merangka satu kaedah dan tatacara pelaksanaan pembangunan tanah secara sistematik. Bagi memastikan semua ini kita hendaklah mengadakan satu sistem pengurusan data tanah di semua peringkat berjalan dengan efisien dan berinovasi.

Bagi menjamin segala langkah-langkah di atas berjalan mengikut hasrat murni kerajaan memberi milik tanah kepada rakyat berjalan lancar, saya mencadangkan supaya kakitangan Pejabat Tanah di tingkatkan keupayaan dan Juru Ukur Berlesen ataupun swasta dipertimbangkan untuk mengambil bahagian dalam proses mempercepatkan pengukuran tanah dan lain-lain. Jadi, saya rasa inilah beberapa cara yang mungkin dapat kita mengatasi wang rompak yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan supaya kita tidak terpujus dengan kewangan untuk mentadbir negeri ini.

Dan sekianlah saya rasa apa yang dapat saya sumbangkan pada hari ini, dan segala apa yang kurang itu adalah kelemahan saya dan yang lebih itu semuanya datang daripada Allah s.w.t. Sekain, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat perbincangan kepada ucapan belarjawan saya kita sudah berakhir dan masa sekarang ialah untuk penggulungan. Persilakan --

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati yang dimulihkan sekalian.

Belanjawan yang dibentangkan pada Mesyuarat Yang Ketiga Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kesepuluh kali ini dimulakan dengan peringatan Allah s.w.t.:

وتبلونكم شيء من الخوف والجوع ونقص من الأموال والآلئف
والثمرات وبشر الصبرين (١٥٥)
(البقرة)

Yang menjadi suatu peringatan bahawa dalam usaha kerajaan untuk menjalankan tatacara pemerintahan yang berasaskan kepada kaedah yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah dan para Khulafa al-Rasyidin akan menghadapi berbagai-bagai rintangan dan juga cabaran. Sebab itulah perkara yang penting dalam soal menjalankan pemerintahan ini ianya mestilah berasaskan kepada agama. Sebab itu tema yang diletakkan dengan dasar "Membangun Menurut Islam" yang menjadi teras dasar pembangunan Kerajaan Negeri Terengganu meletakkan agama sebagai suatu asas untuk menggerakkan sama ada pembangunan ekonomi ataupun pembangunan kemanusiaan. Dalam konteks dan hubungan yang berkaitan dengan belia, sukan, kebudayaan dan pelancongan, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa kerajaan telah melihat apakah punca yang sebenarnya permasalahan yang berlaku di kalangan remaja dan belia kita berkaitan dengan masalah sosial. Kajian dan analisa yang dibuat didapati bahawa dengan banyaknya anasir-anasir penggodaan merosak yang sewajarnya dibanteras ialah ada 8 punca yang sepatutnya menjadi suatu peringatan yang penting dalam kita membanteras gejala-gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja dan belia kita. 8 perkara tersebut ialah:

1. Kebanjiran akhbar tabloid dan majalah hiburan yang semata-mata mendedahkan kisah sensasi artis, bintang filem serta muzik rock di mana pengaruhnya menggalakkan remaja hari ini terjerumus ke arah kehidupan berhibur-hibur dan berfoya-foya.
2. Terlalu kerap serta sering sangat pesta pop dan persembahan konsert diadakan di negara ini.

Apa yang saya baca ini adalah analisa dibuat melalui satu Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan yang menyebut antara sebab punca berlakunya budaya lepak di kalangan remaja dan belia kita ialah kerana punca kurang atau tipisnya pendidikan agama. Sebab itu kerajaan negeri telah mengambil keputusan dasar tidak membenarkan sebarang bentuk acara konsert di adakan di Negeri Terengganu, iaitu dengan sebab ia menjadi penyebab kepada berlakunya gejala-gejala sosial di kalangan remaja dan belia.

3. Video lucah yang tersebar luas, kurang terbandung sehingga dapat ditonton oleh golongan remaja dan pelajar sekolah.
4. Penayangan filem yang tidak ditapis secara bersungguh-sungguh yang memaparkan adegan pendedahan aurat, pergaulan bebas, jenayah, pembunuhan dan kelucahan.
5. Adanya kaedah dan cara-cara terbaru untuk berhubungan dengan artis dan penyanyi rock serta kekerapan ala pop kuiz, yang boleh dibuat oleh remaja melalui panggilan telefon.
6. Kebiasaan menganjurkan persembahan artis pop sempena majlis ucapan tahunan dan upacara penyampaian hadiah di sekolah rendah, menengah serta pesta konvensyen di universiti.

17 DISEMBER 2000

7. Tayangan filem menerusi televisyen yang memaparkan adengan ganas yang tidak sesuai untuk tontonan remaja di samping terlalu banyak adanya rancangan hiburan artis berbanding rancangan bercorak agama.
8. Banyak iklan dan kempen perniagaan yang mempropagandakan aurat wanita serta kebebasan pergaulan remaja dalam media massa.

Inilah yang disebutkan sebagai suatu analisa anasir penggoda. Bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad, kita mengambil keputusan dasar iaitulah mestilah meletakkan bahawa pendidikan agama menjadi teras kepada pembangunan manusia dan di antaranya menghapuskan anasir-anasir penggodaan ini.

Sebab itu apa yang dibangkitkan oleh Wakil Paka berkaitan dengan masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja pada hari ini lepak, bohsia, bohan, AIDS dan lain-lain. Kita mestilah pertamanya melihat bahawa apakah yang perlukan oleh Kerajaan Negeri. Langkah-langkah Kerajaan Negeri ada tiga:

1. Langkah kewaspadaan, mengenal pasti kedudukan remaja dan belia.
2. Langkah pencegahan yang akan dibuat secara bersepadu melalui agensi-agensi kerajaan.
4. Langkah pemulihan.

Dan kita melihat bahawa dalam mengenal pasti penyakit-penyakit sosial ini, kita dapati bahawa punca kepada sebab yang utama ialah kurangnya pendidikan agama di kalangan remaja-remaja kita.

Dan seterusnya apa yang dibangkitkan berkaitan dengan pelancongan oleh Wakil Teluk Pasu, berkaitan dengan Tasik Kenyir sebagai produk pelancongan. Saya mengucapkan terima kasih terhadap syor yang telah disebutkan oleh Wakil Teluk Pasu dan sesungguhnya Kerajaan Negeri telah mengambil perjalanan, iaitu mempromosikan Tasik Kenyir ini sebagai produk pelancongan melalui acara aktiviti pelancongan yang dibuat setiap tahun iaitulah melalui *Rain Forest Challenge*, yang diadakan pada setiap tahun. Pada tahun ini sebanyak 29 peserta dari 29 buah negara telah menyertai acara ini dan juga beberapa pemberita-pemberita luar negara yang membuat laporan melalui program ataupun aktiviti *Rain Forest Challenge 2000* ini dengan menayangkan pula selepas daripada program itu di negara-negara masing-masing. Dan Tasik Kenyir dikenali sebagai produk pelancongan.

Dan Wakil Ladang juga telah menyebutkan tentang sektor pelancongan ini menjadi model destinasi pelancongan Islam. Sesungguhnya di antara perkara yang penting apabila kita ingin untuk menjalankan model destinasi pelancongan Islam ini ialah persiapan dasar yang berasaskan kepada dasar pelancongan Islam. Draf dasarnya telah disiapkan dan diluluskan di peringkat jawatankuasa. Seperti yang dijanjikan dalam Dewan ini bahawa kita akan menyiapkan draf dasar tersebut dan selepas daripada itu kita akan melihat kepada komponen-komponen dalam pelaksanaan yang perlu untuk kita memperkenalkan model destinasi pelancongan Islam ini. Setakat ini hanya ada satu sahaja daripada pengusaha swasta yang ingin untuk memajukan destinasi pelancongan di atas tanah milik sendiri yang masih dalam proses kelulusan dan kajian, iaitulah yang pertamanya yang dibuat

berkaitan dengan projek pelancongan di Marang, di mana kita sedang dalam peringkat kajian untuk melihat pelan pembangunan pelancongan yang akan dikemukakan oleh syarikat swasta tersebut.

Dan yang penting juga ialah apabila kita melihat kepada dasar yang akan diluluskan itu bahawa di antara sebab-sebab mengapa berlakunya gejala sosial yang berkaitan dengan bidang pelancongan ini ialah apabila pelancong-pelancong yang datang ini juga tidak mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan, iaitulah kadang-kadang kehadiran mereka dengan tidak ada dasar kerajaan yang jelas didapati membawa penyakit-penyakit sosial di kalangan remaja yang terlibat dalam bidang pelancongan di pulau-pulau di Negeri Terengganu. Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menangani gejala sosial di Pulau Perhentian yang akan diikuti di pulau-pulau lain selepas daripada itu. Ini dilakukan secara bersepadu dan jawatankuasa ini bermesyuarat untuk menangani masalah yang dihadapi oleh para remaja yang terlibat dengan bidang pelancongan ini.

Dan begitu juga apa yang dibangkitkan berkaitan dengan menjadikan Terengganu ini menawarkan destinasi pelancongan iaitulah pulau-pulau yang ada. Kita juga akan memerhati dan memantau tentang pelaksanaan yang diasaskan daripada suatu tema iaitulah "Negeri Cantik Budaya Menarik", slogan ini kita akan ubah dengan "Negeri Makmur Islam Pamur", iaitulah negeri yang membangun, walaupun dalam konteks yang ada ini mungkin dalam pembangunan yang terbatas tetapi agama mesti menjadi tiang seri kepada pembangunan itu.

Dan saya mengharapkan bahawa kita semua mestilah melihat secara realiti dalam kita membangunkan Negeri Terengganu ini yang menjadi asas kepada produk yang besar yang diakui di peringkat Kerajaan Pusat sendiri menyatakan bahawa pertambahan kehadiran pelancong ke Terengganu telah berlaku begitu mendadak bagi tahun 2000. Sebab itulah kita mengharapkan bahawa Kerajaan Pusat juga khususnya dalam bidang pelancongan ini tidak akan bermain politik. Dan ini kita suarakan, Kerajaan Negeri melalui wakil yang menghadiri mesyuarat menyuarakan pandangan kita. Sehingga akhirnya Negeri Terengganu telah diberikan tawaran untuk menjadi laluan jalan bagi LTDL, LeTour de Langkawi 2001 yang diadakan pada Februari tahun 2001 yang akan datang. Cuma dalam konteks kita menerima program-program atau aktiviti-aktiviti pelancongan yang dikurniakan oleh Kementerian di peringkat Pusat di Negeri Terengganu, kita akan ubah seboleh mungkin mengikut kaedah pelaksanaan dasar pelancongan Negeri Terengganu.

Di mana sebagai suatu contoh, *Rain Forest Challenge* yang telah tamat pada 5 haribulan lepas diadakan satu majlis penyampaian hadiah yang pada malamnya sepatutnya diadakan jamuan makan malam. Tetapi saya mencadangkan supaya diadakan waktu berbuka puasa bersama-sama dengan peserta-peserta supaya tidaklah mereka menyertai program tanpa mengenali apakah budaya rakyat Negeri Terengganu ini. Mereka berbuka puasa bersama-sama, mereka mendengar bang yang dilaungkan di dalam majlis tersebut dan akhirnya penyampaian hadiah dilakukan. LeTour de Langkawi juga telah dicadangkan supaya tidak ada lagi pengapit wanita yang akan mengiringi dengan bunga mangga dalam majlis penyampaian hadiah yang akan diadakan di Kuala Terengganu. Dicapadkan supaya hanya pengapit-pengapit lelaki sahaja yang berpakaian Melayu lengkap dan bertanjak untuk menunjukkan inilah budaya yang ada bagi rakyat Negeri Terengganu. Seboleh mungkin kita akan usahakan mengikut kaedah kita walaupun program itu adalah program dari Kementerian Pelancongan di peringkat Pusat. Dan insya Allah, kita akan usahakan supaya berjaya walaupun tidak 100% kerana industri pelancongan ini adalah suatu industri yang mudah pecah. Sebab itulah sebarang isu yang dibangkitkan, yang berkaitan dengan pelancongan akan terus menyebabkan menurunnya kehadiran, kedatangan pelancong-pelancong. *This is a very fergih industry*, industri pelancongan ini adalah industri yang mudah pecah. Sebab itulah Kerajaan Negeri

17 DISEMBER 2000

akan berhemat dan berhati-hati walaupun dalam kita melaksanakan dasar-dasar pelancongan Islam yang akan kita lancarkan setelah daripada mendapat kelulusan Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri.

Sekadar itulah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua apa yang sempat dibangkitkan daripada apa sebahagian yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarolatu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Asslamualaikum warahmatullahi wabarokatu.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهُ كَثِيرًا.

Firman Allah Taala yang bermaksud: *Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah s.a.w. itu sebagai suatu suri teladan yang baik bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah, yang beriman pada hari qiamat dan yang menyebut nama-Nya sebanyak-banyak.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-Dato', saudara, saudari yang dihormati sekalian. Saya bangun di sini untuk mengambil sedikit bahagian bersama-sama sahabat lain untuk membuat ucapan penggulung bagi pihak kerajaan dalam bidang yang telah diamanahkan kepada saya iaitulah perkara yang berkait dengan Hal Ehwal Wanita dan Perhubungan Antara Kaum.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Islam menerima hakikat kewujudan masyarakat majmuk malah diakui bahawa bukan semua negara umat Islam di dunia terdiri daripada 100% terdiri daripada rakyat yang beragama Islam semenjak daripada zaman Rasulullah s.a.w. Ini disebabkan orang yang bukan Islam sememangnya diberi hak untuk hidup bebas di negara Islam. Kenyataan syariat Islam yang berhubung dengan orang yang bukan Islam sememangnya telah dilaksanakan semenjak zaman Rasulullah dan para sahabat *radiallahumu*. Oleh kerana itu orang Islam perlu memahami hakikat ini supaya mereka tidak menyalah tafsiran berhubung dengan kedudukan cadangan dan program yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi portfolio Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum. Kita telah memulakan dengan sepotong ayat Quran yang pendek, walaupun pendek ianya merupakan suatu arahan kepada seluruh umat Islam sejagat supaya semuanya kembalikan ... bermodelkan kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat *radiallahunhu*. Ketika Rasulullah berkuasa di Madinah, ketika Rasulullah telah menerima janji Allah:

Allah Taala telah menyempurnakan janji kepada Rasulullah dan umat Islam yang beriman dan beramal saleh sebagaimana Rasulullah telah diberi kuasa memerintah. Saya cuba ringkas seberapa boleh; 13 tahun pertama Nabi Muhammad s.a.w. menjadi Nabi dan Rasul di Mekah, di peringkat ni peringkat Nabi Muhammad tidak mendapat kedudukan sebagai Khalifah, sebagai Perdana Menteri dalam Kerajaan Mekah hanyalah sekadar Nabi dan Rasul. Kerana kuasa memerintah, kuasa politik tidak diberi sama sekali tolak ansur oleh kerajaan musyrikin walaupun dari kalangan satu umat. 13 tahun ... tapi bila sampai masa waktu dan ketikanya Rasulullah dapat menegakkan negara Islam, membangunkan masyarakat Islam, masyarakat madani bersama-sama dengan para sahabat dalam kedudukan masyarakat majmuk. Rasulullah menghadapi masyarakat di Madinah yang terdiri daripada orang-orang Muhajirin dan Ansar yang beriman, yang bertakwa bersama Rasulullah. Rasulullah juga berhadapan dengan masyarakat musyrikin yang tinggal di Madinah yang dikenali dengan nama Aus dan Khajrat. Dan Rasulullah juga berhadapan dengan ahli kitab Yahudi dan nasara. Sahabat yang terdiri daripada Muhajirin dan Ansar adalah pendokong Kerajaan Islam bersama-sama dengan Rasulullah. Manakala orang-orang Musyrikin, mereka ini terbahagi beberapa kalangan ada mereka yang telah lemah imannya kepada kafir dia, mereka ini bersedia untuk duduk di bawah Kerajaan Islam apabila berbentuknya sebuah masyarakat madani, masyarakat Islam dengan Misaful Madinah, dan orang-orang yang semacam ni mereka bersedia duduk dalam masyarakat Islam Madinah yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Mereka bersedia untuk membayar sebarang cukai, bayaran yang dikenakan sebagai bayaran perlindungan untuk mendapat perlindungan dari sebarang masalah yang berlaku pada mereka ... juga dikenali dengan orang kafir zimmi, yang menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan. Mereka adalah ... Rasulullah memberi hak tidak bermusuhan dengan mereka, Rasulullah memberi hak bagaimana yang kita faham dalam sejarah mereka diberi perlindungan, mereka diberi kebebasan beragama, kebebasan makan minum, meneruskan budaya mereka selama mana tidak mencacatkan kedudukan masyarakat Madinah. Itu hakikat dan *waket* yang sampai kepada kita.

Di sana terdapat juga orang-orang Arab yang tebal dengan kafir dia tapi dia cuba menyembunyikan kekafiran dia, dia melahirkan bahawa dia semacam orang yang beriman. Orang ni dikira sebagai orang munafik dan Presiden dia yang bernama Abdullah bin Ubai. Walaupun dianya molek tapi ia ketua munafik. Di sana Rasulullah juga berhadapan dengan masyarakat bernama Ahli Kitab, bukan sebarang-barang kalangan yang memahami tentang kitab Taurat, Injil, Jabul dan sebagainya tapi sebilangan besar daripada mereka terdiri daripada orang-orang, kaum yang telah menyelewengkan agama Islam itu sendiri walaupun mereka kenal:

الذين آتينهم الكتب يعرفونهم كما يعرفون أبناءهم.

Orang yang Kami berikan mereka kitab, dia kenal mu Wahai Muhammad sebagaimana dia kenal anak-anak mereka sendiri tapi dia telah dianalisa, telah didedahkan oleh Allah Taala bahawa sebilangan besar daripada ahli kitab ini telah menyeleweng. Jadi ini masyarakat yang dihadapi oleh Rasulullah. Kita bercakap di sini masyarakat majmuk, macam mana nak mengatasi masyarakat majmuk yang Rasulullah menerima masyarakat majmuk, yang menjadi contoh dan model kepada kita:

وعدالله الذين آمنوا منكم وعملوا الصالحات ليستخلفنهم
في الارض كما استخف الذين من قبلهم.

Contoh ... Rasulullah berhadapan dengannya, menangani dengan sebaik mungkin, dengan undang-undang dan peraturan yang dibantu oleh wahyu dari semasa ke semasa. Rasulullah tak dapat menegakkan ini semua ketika ducuk di Mekah walaupun dalam masyarakat keluarga kerana kuasa politik pada waktu itu duduk di tangan orang yang bukan Islam, walaupun pak saudara buaya dia sendiri. Tetapi berbeza apabila berada di Madinah, Allah Taala telah memberi petunjuk dan masyarakat Madinah bersetuju menjadikan Nabi Muhammad sebagai Ketua Negara.

Jadi contoh dan model yang ada pada kita menunjukkan bahawa kerajaan kita pada hari ini awal-awal lagi sebelum kita memerintah, dan kita tulis dah dalam manifesto kalau perintah, dah le ni kita perintah. Menyedari hakikat ni dalam manifesto kita telah tulis perkara yang berkait dengan masalah wanita, memartabat dan memelihara wanita dari sebarang bentuk eksploitasi, melindungi hak dan fungsi wanita dalam pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan, pekerjaan dan kekeluargaan, memperluaskan peranan wanita dalam perkhidmatan dalam masyarakat. Kita tengok bahawa sesungguhnya Rasulullah yang dibantu oleh wahyu dapat membentuk wanita, masyarakat dengan baik dan oleh kerana itu kita merasakan bahawa kerajaan perlu diadakan portfolio dalam bidang ini.

Demikian juga dalam perkara yang berkait dengan orang yang bukan Islam. Tujuan kita adalah menjamin kebebasan orang yang bukan Islam dengan mengamalkan agama dan budaya masing-masing, menggalakkan interaksi, persefahaman dan perpaduan antara orang Islam dan orang bukan Islam, menjamin orang bukan Islam menikmati hak dan keadilan yang sama. Bagi realisasikan tujuan ini, setelah memahami kedudukannya hakikat begitu maka kerajaan telah mengadakan Jawatankuasa khusus dalam menangani perkara yang berkait dengan hal chwal wanita dan hubungan di antara kaum. Program-program telah kita lakukan dalam masa beberapa bulan yang lama sebagaimana sedikit sebanyak disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan dan saya juga telah membuat jawapan dalam beberapa soalan. Dan insya Allah, kita mengharapkan bahawa dapat sokongan, jangan pula ada di kalangan kita ni membuat jawapan menyatakan sesuatu yang negatif yang boleh menyebabkan orang-orang yang bukan Islam keliru tentang kelebihan keupayaan yang ada dalam kerajaan Islam.

Saya rasa cukuplah sekadar itu, kita bercakap dari segi peringkat dasar saja, insya Allah. Wabillahi taufik waidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Cukai. Jawapan diteruskan, silakan ..

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillah rabbilalami wabihi nastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan pemerhati yang dihormati sekalian. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar atas ucapan belanjawan yang telah disampaikan dalam Dewan yang mulia ini yang pada hemat saya merupakan belanjawan yang berhemat bagi memastikan pembangunan insan dan sosio ekonomi dapat dilaksanakan sebaik-baiknya demi kesejahteraan rakyat di Terengganu ini baik di dunia mahpun di akhirat.

Ucapan terima kasih juga saya panjatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berbagai persoalan yang berkaitan dengan kebajikan sosial khususnya bagi menangani insiden

kemiskinan yang masih ketara di negeri ini. Begitu juga dengan masalah gejala sosial yang perlu ditangani segera secara lebih berkesan serta masalah kesihatan rakyat negeri yang perlu ditingkatkan. Berdasarkan kriteria kemiskinan yang diguna pakai oleh Malaysia atas pendapatan bagi Negeri Terengganu adalah merupakan negeri yang ketiga termiskin di Malaysia selepas Kelantan dan Sabah. Kadar insiden kemiskinan pada tahun 1997 berada pada tahap 17.3% berbanding dengan Kelantan 19.2% dan Sabah 22.1%. Manakala pendapatan isi rumah berjumlah RM1,497 pada tahun yang sama dan pendapatan ini lebih rendah daripada pendapatan purata isi rumah seluruh Malaysia yang berjumlah RM2,606. Hasil pendapatan negeri terutamanya petroleum telah menempatkan Negeri Terengganu mencapai keluaran KDNK per kapita yang kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu berjumlah RM19,880. Sedangkan Wilayah Persekutuan cuma kadar kemiskinannya ialah 0.1% saja. Dengan sendirinya menafikan apa yang dinyatakan oleh media massa yang menggembar-gemburkan rakyat Negeri Terengganu ini sudahpun terlepas daripada insiden kemiskinan. Walau bagaimanapun saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar yang menunjukkan bahawa insiden kemiskinan di Terengganu masih berada di tahap yang tinggi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipetua, Kerajaan Negeri menyedari hakikat kemiskinan rakyat Negeri Terengganu ini sebagai warisan dan pusaka yang ditinggal oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu yang telah gagal menangani masalah kemiskinan walaupun pada masa pemerintahan mereka pendapatan hasil negeri begitu banyak yang kita yakin kalaulah dilaksanakan benar-benar program bagi mengurangi masalah kemiskinan ini sudah tentulah ia dapat dikurangkan peratus kemiskinan di Negeri Terengganu ini. Dan insya Allah, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar telah sedang dan akan mengambil langkah dan strategi bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini dengan menyediakan peruntukan yang besar sebagaimana yang dibentangkan dalam belanjawan tahun 2001 ini, iaitu untuk bantuan am dan lain-lain bantuan sebanyak RM28.038 juta yang akan dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan penyediaan ini telah meningkat sebanyak 64.92% berbanding tahun semasa.

Kerajaan Negeri juga mengambil langkah dan strategi yang berkesan bagi mengurangkan kadar kemiskinan menerusi agensi-agensi kerajaan seperti UPEN, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam atau MAIDAM, YPK, Yayasan Terengganu dan lain-lain agensi termasuk juga pertubuhan bukan kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia. Jadi sebenarnya agensi-agensi kerajaan ini sudah lama memainkan peranan masing-masing bagi melaksanakan program-program yang disebutkan tadi. Umpamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan berbagai bentuk bantuan kepada golongan miskin seperti bantuan am bulanan kepada 13,412 penerima bantuan setelah kita melakukan kaji semula penerima bantuan yang berjumlah 16,685 iaitu pada tahun 2000 ini. Dan sesungguhnya bukan setakat bantuan am yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri tetapi juga bantuan bagi mereka yang ditimpa oleh bencana alam, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan juga telah memperuntukkan lebih daripada RM500,000 bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Hulu Besut bagi memulihkan kerosakan rumah, peralatan dan pakaian mereka. Dan seramai 148 keluarga yang terlibat telahpun diberi dan akan diberi bantuan yang berjumlah RM414,000.

Apa yang menjadi persoalannya apabila kerajaan berusaha untuk memastikan bahawa mereka yang benar-benar saja layak menerima bantuan ini maka ada golongan yang mengambil peluang ibaratnya *menangguk ikan di air jernih*, mereka mengatakan bahawa kita tidak memberi bantuan

17 DISEMBER 2000

kepada mereka yang ditimpa bencana ini akibat daripada kepentingan politik. Jadi ini suatu tuduhan yang tidak berasas.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: *Menanggung ikan di air jernih?* Perkataan yang baru ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Tepuh): *Menanggung ikan di air jernih*, tahu dah benda tu dok boleh nak tangguk, tangguk juga. Kalau air keruh boleh tanah, itu maksud saya. Tak kenal air jernih dengan air keruh. Biarlah saya bagi satu peribahasa yang baru.

Dan selain daripada itu juga pihak kerajaan sendiri berusaha untuk memastikan bahawa golongan yang miskin dan termiskin atau fakir ini juga memiliki rumah kediaman bagi mereka. Jadi oleh kerana itulah melalui UPEN, kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM1.7 juta bagi membina rumah baru dan membaikpulih rumah golongan termiskin ini. Dan sebanyak 15 buah rumah telah dibaikpulih dan 12 buah rumah dibina baru. Sementara melalui Majlis Agama Islam sebanyak 260 buah rumah dibaikpulih dan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri sebanyak 100 buah rumah dibaikpulih. Dan sementara melalui peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dan juga MAIDAM, kita telahpun membina rumah baru sebanyak 194 buah dan membaikpulih sebanyak 198 buah. Ini adalah jumlah yang telah kita laksanakan pada tahun 2000 ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, agensi-agensi lain juga telah turut sama memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah kemiskinan bukan saja JKM, UPEN tetapi juga MAIDAM yang telah memperuntukkan bagi menolong dan memberi bantuan kepada fakir miskin seperti mana yang ditetapkan dalam *asnaf* zakat yang ditetapkan oleh al-Quran iaitu sebanyak RM6.332. Ini merupakan suatu angka yang besar juga bagi memastikan bahawa rakyat yang miskin di Terengganu dapat menyambut raya dengan selesa. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan juga badan-badan sukarela memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan di Negeri Terengganu ini. Dan juga insya Allah, kerajaan akan berusaha menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan yang miskin ini terutamanya melalui Yayasan Pembangunan Keluarga, kita telah menjalankan program Jayadiri bagi kita dapat menarik penyertaan daripada golongan miskin ini supaya mereka terus berdikari. Dan dengan itu kita telahpun memperuntukkan lebih daripada RM6 juta kepada YPK dan penyertaan daripada golongan miskin yang menyertai program Jayadiri ini melebihi 3,000 orang.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil daripada Telemong ada mendakwa bahawa pembahagian bantuan am tidak dijalankan secara adil kerana dikatakan berlaku penamatan ke atas mereka yang dianggap layak menerima bantuan tersebut dan mengekalkan pemberian bantuan kepada yang tidak layak menerimanya. Dakwaan ini sebenar sekali pernah dikemukakan dalam sidang Dewan yang lalu, saya sendiri telah meminta Yang Berhormat Wakil Telemong supaya mengemukakan nama-nama mereka ini supaya kita mengambil tindakan segera. Tetapi sehingga hari inipun nama belum kelihatan kepada saya. Sesungguhnya kita telahpun menetapkan 12 kriteria yang telah saya sebutkan dalam sidang Dewan yang lalu, siapakah di kalangan mereka yang layak menerima bantuan dan siapakah yang tidak layak menerima bantuan ini. Dan untuk ketelusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan bahawa mereka yang layak sahaja akan menerima bantuan ini, bukan saja kita memberi pertimbangan melalui laporan siasatan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang telah menjalankan tugas secara

profesional tetapi juga bantuan yang kita perolehi daripada Jawatankuasa Syura Rakyat bagi memastikan bahawa benar-benar pemberian bantuan ini kepada mereka yang layak. Begitu juga mereka yang sudah tidak layak, maka laporan siasatan ini juga kita ambil untuk memastikan bahawa kita bertindak dengan adil. Jadi, oleh kerana itulah tidak ada alasan yang munasabah bagi mempersoalkan lagi tindakan yang dilakukan ini. Kalau ada umpamanya mereka yang merasakan bahawa diri mereka layak tetapi ditamatkan kemungkinan pada masa dibuat siasatan itu mereka tidak layak tetapi masa dibuat keputusan mereka layak pula. Kerana layak dan tak layak ini ia sentiasa selih berganti seperti mana juga miskin dan kaya.

Jadi, oleh kerana itulah kerajaan kita berasaskan kepada ketelusan dan bertanggungjawab dengan penuh keadilan mengikut al-Quran dan sunnah maka kita telah menawarkan kepada mereka yang merasakan terkilan kerana penamatan ini membuat rayuan balik. Dan jika sekiranya didapati mereka ini layak kita akan memberi bantuannya semula. Dan kalau didapati tidak layak, maka dikekalkan penamatan itu. Ini untuk saya menjelaskan kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini dalam sidang Dewan ini.

Dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini, lebih daripada 5,000 permohonan baru telahpun diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan am bulanan ini. Kebanyakan mereka adalah yang tersisih, golongan yang tersisih dan terpendat semasa pemerintahan Barisan Nasional yang lalu. Dan di antara mereka ada yang telah membuat permohonan sejak tahun 1997, ini semasa saya menjadi Wakil Rakyat dulu ... semasa jadi pembangkang dulu, membuat permohonan 1997 masa ini baru naik. Baru naik maksudnya apabila kita mengarahkan supaya segala permohonan-permohonan yang terpendam dulu diangkat balik. Jadi, Alhamdulillah orang yang membuat permohonan ini telah kita luluskan, lama sudah dianaiya, dizalimi. Jadi inilah keadaan yang berlaku.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menyentuh soal gejala sosial yang ditimbulkan dan dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Dewan, saya hanya akan menyentuh sedikit saja kerana sudah banyak disentuh oleh Wakil daripada Sura tadi. Gejala sosial merangkumi daripada perkara yang paling serius sehinggalah perkara yang dipandang remeh dan dianggap kecil. Terkandung di dalamnya masalah seperti pembunuhan, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak, penderaan isteri, pergaulan bebas, pelacuran, penyalahgunaan dadah, penagihan arak, ubat batuk, perjudi, melepak, perlumbaan haram, lari dari rumah dan sebagainya. Jadi oleh kerana itulah bagi menangani masalah ini kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah menerusi agensi-agensi kerajaan dan juga kerjasama daripada NGO. Dan di antara langkah-langkah yang telah kita ambil ialah umpamanya menerusi Yayasan Pembangunan Keluarga, kita telah mengadakan kursus, seminar dan beberapa program-program yang diyakini berkesan. Dan sepanjang bulan Mac hingga Ogos tahun ini seramai 23,720 peserta dari kalangan remaja telahpun mengambil bahagian dalam program-program yang dianjurkan oleh YPK. Dan begitu juga melalui UPI, Unit Pembangunan Insan, kita telah mengadakan ceramah-ceramah kesedaran, tanren dan juga ekspedisi bermotosikal yang melibatkan golongan remaja bagi menjana jiwa mereka ini supaya mereka berubah menjadi manusia yang baik, iaitu melibatkan sepanjang tahun ini seramai 3,690 orang. Dan beberapa langkah lagi kita laksanakan umpamanya melalui Jawatankuasa Kebajikan Sosial dan Kesihatan Negeri, kita telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Peningkatan Kualiti Sosial dengan tujuan untuk kita menangani masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menyentuh soal yang berkaitan dengan taraf kesihatan rakyat di Negeri Terengganu yang telah dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal. Indikator-

indikator kesihatan untuk Negeri Terengganu menunjukkan taraf kesihatan rakyat telah meningkat semenjak 10 tahun yang lalu. Umpamanya apa yang ditimbulkan berhubung dengan kadar kematian bayi, kematian di antara umur kosong hingga satu tahun setiap satu ribu orang kelahiran, kalau kita lihat di sini peratusnya telah menurun daripada 12% pada tahun 1991 kepada 7.8% pada tahun yang berikutnya, dan kalau kita lihat angka-angka ini semakin turun. Dan persoalan yang ditimbulkan berhubung dengan kematian ibu bersalin, saya nyatakan di sini bahawa purata kematian ialah antara 30 hingga 50 orang setiap 100,000 orang kelahiran. Dan kematian ini adalah berpunca sebahagian besarnya bukan disebabkan bersalin tetapi disebabkan penyakit-penyakit lain. Ini sebagaimana dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri, umpamanya penyakit darah tinggi, penyakit kencing manis. Jadi penyakit-penyakit inilah yang telah menyebabkan kematian itu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, begitu juga dengan kedudukan jangkitan HIV, AIDS, memanglah kita dapati bahawa peningkatan dari tahun ke tahun semakin bertambah. Walau bagaimanapun ini adalah kesan daripada jangkitan daripada penagihan dadah dan juga hubungan seks secara haram dilakukan oleh mereka yang terlibat ini. Hanya kesan biasanya daripada 10 tahun dulu barulah perkara ini dapat dikesan iaitu apabila mereka dijangkiti oleh HIV dan AIDS. Jadi oleh kerana itu kita terima kesan yang dahulunya untuk kita atasi dengan rawatan dan juga dengan pemulihan.

Dan berhubung dengan kebersihan di sekitar kawasan MPKT, kita lihat sekarang ni walaupun dipersoalkan tentang kebersihannya tetapi atas usaha kita bagi menyedarkan masyarakat betapa kebersihan ini perlu dititikberatkan insya Allah, kita yakin dan percaya bahawa tahap kebersihan di kawasan berkenaan dapat ditingkatkan.

Yang akhir sekali saya ingin menyentuh soal yang berkaitan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Wakil Telemong berhubung dengan persiapan urusan mengenai banjir. Sesungguhnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu ia telahpun memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk memberi bantuan kepada mereka yang terlibat dengan banjir ini. Di samping kita telahpun menyediakan sebanyak 324 pusat pemindahan yang boleh memuatkan seramai 46,125 orang di seluruh Negeri Terengganu ini. Jadi bukanlah maknanya kita tidak menyediakan tempat pemindahan ini cuma barangkali oleh kerana baru ni banjir yang melanda negeri kita ni memang kalau mengikut laporan yang saya terima, iaitu oleh kerana hujan terlampau lebat dan banjir segera. Dalam tempoh 24 jam saja hujan telah turun sebanyak 500 millimeter iaitu 300 kali ganda daripada hujan biasa. Jadi oleh kerana inilah faktor yang menyebabkan banjir kilat berlaku dan memanglah dari segi persiapan ada sedikit masalah. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah kita dapat mengatasinya dengan sebaik mungkin. Dan untuk maklumatnya, bagi banjir di Besut sendiri nilai kerosakan yang telah dilaporkan keseluruhannya berjumlah RM2 juta. Jadi itulah untuk maklumat kepada sidang Dewan.

Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua. Sebelum saya mengundurkan diri, saya nak nasihat sedikitlah kepada ahli daripada pembangkang ini, saya nasihatkan supaya mereka ini gunakan segala kecerdikan, kepintaran, kepethahan bercakap untuk perkara yang baik jangan bersekongkol dengan mereka yang menzalimi kerajaan, rakyat dan Negeri Terengganu ini. Wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk persidangan pada hari ini akan ditamatkan kira-kira dalam dua minit sahaja lagi. Oleh kerana itu, masa yang singkat ini tidak munasabah untuk diberi peluang kepada barisan Exco untuk membuat ucapan penggulungan kerana barangkali selepas daripada 'assalamualaikum' masapun tamat. Jadi oleh

17 DISEMBER 2000

kerana itu saya berhasrat untuk terus menangguhkan Dewan ini kepada esok, iaitu 18 haribulan
Disember tahun 2000 menetapi jam 9.30 pagi.

Dengan ini marilah sama-sama kita menangguh Dewan ini *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 18 DISEMBER 2000**

Hari Isnin
18 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 205]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 209]
3. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Perbekalan (2001) 2000*
[**SAMBUNGAN PERBAHASAN**] [Muka 230]

18 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURABAYA

18 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirmain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhomrat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

18 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik WAKIL BATU RAKIT	-	Dengan Maaf
Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh WAKIL KUALA BESUT	-	Dengan Maaf
Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan WAKIL HULU BESUT	-	Dengan Maaf
Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang WAKIL TELEMONG	-	Dengan Maaf

18 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula dengan sama-sama kita membaca ummul Quran - Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai yang dihormati dan dikasihi sekalian. Sidang dimulakan dengan soalan-soalan lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Berapakah jumlah industri Hiliran yang berasaskan perikanan telah dibina di Negeri Terengganu, iaitu sebagai sumber ekonomi sokongan kepada nelayan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik mengemukakan soalan yang berbunyi - Berapakah jumlah industri hiliran yang berasaskan perikanan telah dibina di Negeri Terengganu, iaitu sebagai sumber ekonomi sokongan kepada nelayan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di Negeri Terengganu terdapat kira-kira 300 premis pemprosesan berasaskan perikanan yang mengeluarkan produk-produk keropok, ikan kering, bilis kering, belacan, sotong kering, hasil jeli ikan, ikan salai dan budu. Kira-kira 77% daripadanya terdiri daripada premis keropok. Jumlah pengeluaran keseluruhan adalah 13,266.06 tan metrik setahun atau lebih 1,000 metrik tan sebulan. Penghasilan utama adalah keropok iaitu sebanyak 10,929.90 tan metrik.

Satu lagi industri hiliran berasaskan ikan telah ditubuhkan di bawah penyeliaan LKIM iaitu Kilang Proses Ikan Majuikan Sdn. Bhd. di Cendering, Kapasiti pengeluaran ialah 60 metrik tan sebulan terdiri daripada pelbagai produk antaranya isi ikan, bebola ikan, bebola sotong, keropok, surimi, ikan kering dan juga sotong proses. Dan semalam saya juga telah memberi jawapan kepada soalan tambahan Yang Berhormat daripada Kemasik, antara industri hiliran yang lain yang di bawah Jabatan Perikanan ialah membina sebuah Pusat Inkubator memproses ikan di Seberang Takir yang bertujuan untuk meningkatkan lagi industri hiliran yang berasaskan ikan di negeri ini.

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa industri keropok ini dibuat secara kecil-kecilan oleh individu-individu di kampung-kampung yang berada di pesisiran pantai. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan kilang keropok ini secara bersepadu?

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang hasrat kerajaan untuk melihat *cottage industry* ataupun industri keropok yang memang begitu terkenal di Negeri Terengganu ini dimajukan. Dan oleh kerana hampir keseluruhan premis memproses keropok yang ada sekarang ini milik *private*, individu yang dibuat sendiri oleh pengusaha-pengusaha secara kecil-kecilan. Kita berusaha insya Allah untuk nak menfranciaskan ataupun untuk nak mengup-gradekan cara dan mutu memproses keropok ini supaya ianya lebih bersih ataupun dari segi kebersihannya lebih terjamin kerana ia melibatkan memproses bahan makanan. Dan ini dalam perkiraan pihak kerajaan, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi melaksanakan program tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Antara langkah, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua yang pertama, kita juga mengenal pasti beberapa tapak-tapak yang sesuai untuk ditempatkan di satu kawasan yang lebih selesa. Dan juga dalam proses kita nak memastikan kebersihan dalam menghasilkan hasil-hasil keropok ini, pihak Jabatan Perikanan telah mengadakan kempen-kempen dan kursus-kursus bersama dengan Jabatan Kesihatan dan juga pihak Majlis Kerajaan Tempatan untuk nak mengenal pasti keseluruhan pengusaha-pengusaha ini supaya mereka juga diberi kursus. Dan insya Allah, ia akan dapat dipertingkatkan hasil dan mutu produk-produk mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan yang kedua –

Berapa banyakkah kawasan tanah kerajaan yang diterokai tanpa kebenaran oleh rakyat Negeri Terengganu dalam tahun 2000?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik ini mendapat tahu berapa banyakkah kawasan tanah kerajaan yang diterokai tanpa kebenaran oleh rakyat Negeri Terengganu dalam tahun 2000.

Suka saya menjelaskan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa dasar dan polisi kerajaan baru berhubung dengan penerokaan tanah ini, kita telah memaklumkan kepada semua bahawa kita tidak akan mengizinkan berlakunya penerokaan haram di mana-mana sekalipun. Kerana kita sedang menyelesaikan masalah tanah-tanah haram yang begitu banyak yang belum diselesaikan oleh kerajaan yang terdahulu. Walau macampun kita dapat maklumat bahawa ada usaha dan percubaan sebenarnya, untuk meneroka tanah-tanah ini dalam beberapa daerah. Semua daerah ada kecuali Hulu Terengganu. Walau bagaimanapun keadaannya terkawal dan kita tidak akan mengizinkan, membenarkan sama sekali penerokaan ini berlaku di mana-manapun dalam Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Sebagaimana yang kita lihat semenjak ataupun sebaik sahaja PAS berjaya memerintah Negeri Terengganu, kita dapati bahawa ramai rakyat-rakyat yang membuka tanah-tanah di tiap-tiap daerah secara haram begitu banyak sekali. Adakah tindakan kerajaan pada mereka-mereka yang berbuat demikian?

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tindakan penguatkuasaan sudahpun dilakukan dan kalau ada lagi yang berdegil akan terus dilakukan. Kita tidak akan membiarkan perkara ini berlaku. Kita akan ada tanah yang diteroka secara itu akan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga –

Adakah benar Kerajaan Negeri telah melarang sukan tinju dan tomoi di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik bertanya adakah benar kerajaan negeri telah melarang sukan tinju dan tomoi di Negeri Terengganu.

Tidak benar bahawa kerajaan negeri telah melarang sukan tinju. Adapun tomoi di larang di Negeri Terengganu ini. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sejauh manakah perkembangan yang telah dicapai oleh syarikat berkenaan dengan projek pelancongan Safari Resort di Hulu Dungun?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan ialah sejauh manakah perkembangan yang dicapai oleh syarikat berkenaan dalam projek pelancongan Safari Resort di Hulu Dungun.

Syarikat Terangvest Sdn. Bhd. yang membangunkan projek pelancongan Taman Safari di Hulu Dungun telah menyiapkan projek.hanya setakat 30% sahaja dan setakat ini kerja-kerja tersebut tidak diteruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan bercadang mengkaji balik terhadap syarikat ini dan bercadang untuk menamatkan operasi mereka?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tanah yang telah diluluskan untuk projek Taman Safari ini adalah tanah yang telah diberi tempoh Pajakan Negeri selama 60 tahun kepada syarikat berkenaan yang akan tamat pada tahun 2049, iaitulah 27 September 2049 akan tamat tempoh Pajakan Negeri selama 60 tahun ini. Ada 4 lot yang

dikurniakan sejak daripada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 28 Ogos 1988, iaitu Lot PT749, 750, 751 dan 752 yang jumlah kesemuanya 832.3 hektar ataupun 2,056.6 ekar. Dan hasil daripada lawatan yang telah dilakukan dengan projek yang disiapkan hanya setakat 30% ... pembangunan projek setakat ini, Jawatankuasa telah memutuskan bahawa kelulusan bagi tanah ini yang telah dianugerahkan kepada syarikat tersebut, jika syarikat ingin untuk memajukan projek ini hendaklah melalui fasa-fasa yang akan dibuat dan dengan pengawalan yang ketat di bawah Pegawai Daerah Dungun. Dan Jawatankuasa menilai projek-projek pelancongan akan memberikan perhatian yang khusus dan juga ketat kepada projek-projek yang ingin dilaksanakan.

Walau bagaimanapun kita dapati bahawa setakat ini hasil daripada lawatan pertama pada tahun 2000, didapati bahawa sehingga hari ini akhir Disember ini masih belum diteruskan apa-apa pembinaan setelah daripada lawatan yang pertama awal tahun 2000. Dan Jawatankuasa akan memastikan bahawa peraturan-peraturan yang ketat yakni pandangan-pandangan jabatan, melalui pandangan teknikal masing-masing akan diberikan perhatian yang ketat dan oleh Jawatankuasa menilai projek-projek pelancongan Negeri Terengganu. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan
- Jika sekiranya syarikat tersebut tidak mematuhi peraturan adakah boleh kerajaan menarik balik pajakan 60 tahun itu?

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat ini jika melanggar mana-mana aturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan
- Benarkah syarikat ini ada menyalahgunakan keizinan diberikan seperti pembalakan?

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Hasil daripada siasatan yang dibuat didapati bahawa antara pelanggaran yang dibuat oleh syarikat ini terhadap perjanjian asal untuk pembangunan projek pelancongan ialah berkaitan dengan hasil cukai tanah yang tidak dijelaskan secara sepenuhnya, iaitulah tarikh akhir bayaran 30 haribulan sepuluh 1999, RM145,328 yang sebelumnya dibuat bayaran iaitu melalui resit-resit yang telah dikemukakan, iaitu 30 haribulan sepuluh 1999, 4 kali bayaran dibuat dengan jumlah RM1.6 juta cukai tanah. Tetapi yang sepatutnya dibayar ialah RM6.5 juta. Ini adalah satu pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan. Dan mengikut siasatan yang dibuat juga iaitulah ada dua hasil daripada kelulusan yang telah diberikan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 1988 maka pada tahun 89, syarikat ini mengeluarkan balak daripada tanah kerajaan iaitu jumlah hasil yang dikeluarkan 34,439 meter padu dengan jumlah besar kutipan yang telah diperolehi melalui Pejabat Hutan iaitu kutipan royalti kayu RM327,000, kutipan cess pembangunan hutan RM68,734, bayaran premium hutan RM488,000 dan juga *fee* lesen dan premium tambahan lanjut tempoh yakni sambung lesen yang telah mati RM280,000. Yang jumlah besar premium yang dibayar ialah RM768,000 ini adalah setelah daripada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Lesen L3005/89 Terangvest Sdn. Bhd.

Kemudian di bawah lesen LP (Lesen Pemindah) 3014/99 Terangvest Sdn. Bhd. yakni 10 tahun Terangvest menjalankan kerja-kerja pembalakan lesen di bawah tanah kerajaan, kemudian barulah dipindahkan di bawah Lesen Pemindah kepada Terangvest tahun 1999, jumlah hasil yang dikeluarkan 524 meter padu dan jumlah royalti kayu RM1,468, jumlah cess pembangunan hutan

RM7,391. Hasil dari lawatan awal pada tahun 2000 setelah peralihan kerajaan didapati balak yang dikeluarkan itu adalah di luar dari kawasan yang dibenarkan untuk projek pelancongan Taman Safari ini. Saya telah mengarahkan supaya diberhentikan pengeluaran kayu balak itu dan hanya diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membenarkan balak yang telah dikeluarkan. Dan setakat ini tidak ada pembalakan yang dibuat di luar dari kawasan yang dibenarkan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Adakah kerajaan negeri bercadang membuat tuntutan kerugian terhadap Petroleum Nasional Berhad (Petronas) akibat pembinaan loji-loji petroleum di kawasan Kerteh dan Paka, melibatkan:

- a. Kawasan “buffer zone”
- b. Kawasan larangan tangkapan ikan, dan
- c. Kawasan pertanian?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Paka ingin mengetahui sama ada kerajaan negeri bercadang membuat tuntutan kerugian terhadap Petroleum Nasional Berhad (Petronas) akibat pembinaan loji-loji petroleum di kawasan Kerteh dan Paka, melibat:

- a. Kawasan “buffer zone” ataupun kawasan penampang
- b. Kawasan larangan tangkapan ikan, dan
- c. Kawasan pertanian

Memang dari sudut pertanyaan ini merupakan suatu yang sangat *logical* oleh kerana kawasan-kawasan ini melibatkan *economic lost* ataupun kehilangan sumber ekonomi kepada kerajaan negeri. Walau macam manapun kerajaan sedang mengkaji perkara ini dan belum lagi dibuat tuntutan sehingga ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah pihak kerajaan pernah membuat kajian tentang kawasan melibatkan *buffer zone* ini, sejauh mana keselamatan yang boleh menjejaskan penduduk sekitar?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya jelaskan bahawa semua perkara ini sedang dikaji, *buffer zone*, kawasan tangkapan ikan yang terakhir termasuk kawasan pertanian ini ada maklumat baru yang mengatakan bahawa kawasan buah-buahan di Kijal tak jadi. Durian Kijal pun yang suatu ketika terkenal tak berapa jadi mungkin ada kesan kimia. Ini sedang dikaji sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tamahan - Adakah pihak kerajaan mengetahui sebelum pada ini pihak Petronas telah melantik Jururunding Alam Sekitar DNV, untuk membuat laporan tentang kawasan kilang yang berisiko tinggi dan kajian ini telah dibuat sebelum kilang-kilang itu diwujudkan.

18 DISEMBER 2000

Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mendesak Petronas supaya membuat kajian semula kerana pada tahun 1998 adanya bantahan sekumpulan pekerja Stesen Janaelektrik Sultan Ismail. Paka tentang permasalahan kesihatan yang melibatkan batuk berpanjangan dan masalah penafasan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai suatu kelaziman memang Petronas ada membuat kajian ini. Bagi pihak kerajaan negeri kita akan melihat, mengkaji perkara ini sama ada ini memerlukan kita minta kepada Petronas buat satu kajian semula. Ini akan ditimbang berdasar kepada kajian-kajian yang sedang dijalankan sekarang.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Tinggi.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu –

Berapa buahkah institusi-institusi pengajian tinggi di negeri Terengganu yang melaksanakan “Program Berkembar” dengan institusi pengajian tinggi asing?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Bukit Tinggi ingin tahu berapa buahkah institusi-institusi pengajian tinggi di Negeri Terengganu yang melaksanakan “Program Berkembar” dengan institusi pengajian tinggi asing?

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, buat masa ini belum ada program berkembar yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kerjasama telahpun dijalankan di antara KUSZA dan beberapa institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara. Negeri Arab umpamanya Jamiah Al-Khatum, Sudan, Cairo University, Kuliah Dakwah di Tarablus, Libya, Universiti Kuwait. Kemudian di United Kingdom pula iaitu Pengajian Arab di Universiti Exter dan University London terkenal dengan nama SOAS dengan izin *School of Oriental and African Studies*. Yang telah dipersetujui untuk dijalankan pada Februari 2001 insya Allah, kerjasama dengan ELU *East London University* dalam bidang-bidang berikut, iaitu:

1. Bachelor of Computer
2. Bachelor of Multimedia
3. Bachelor of Information Technology
4. Bachelor of Management

Insya Allah, kerjasama di antara ELU dengan KUSZA yang memakan masa 3 semester di KUSZA dan dia akan mengeluarkan ijazah Sarjana Muda, insya Allah.

Adapun TATI kita telah menjalankan kerjasama dengan EDEXCEL bagi menjalankan program BTEC (Business and Technology Education Council). Jadi sudah selama 3 tahun kerjasama dijalankan dalam bidang-bidang berikut:

18 DISEMBER 2000

1. HND in Manufacturing Engineering
2. HND in Electrical and Electronic Engineering
3. HND in Information Technology

Jadi, HND tu *Higher National Diploma*. Sekian.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua - Banyak kursus-kursus yang disebut itu merupakan kursus yang mengikut perkembangan terkini. Cuma adakah pihak kerajaan bercadang juga untuk mengadakan kursus-kursus dalam bidang perubatan? Kerana kita melihat sekarang banyak sungutan mengatakan bahawa tidak ada pakar-pakar perbidanan dan sakit puan daripada kalangan wanita sendiri menyebabkan susah kita nak melaksanakan pengasingan wad khususnya wad bersalin.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita sudah mendapat persetujuan kerjasama di antara Al-Azhar Universiti untuk membuka Pengajian Perubatan di KUSZA. Insya Allah, dalam perundingan untuk mengadakan kurikulum dia. Yang kedua, kita juga sedang berunding dengan Hassanudin Universiti untuk membuka jurusan atau Fakulti Perubatan di KUSZA, insya Allah. Ini dalam peringkat perkiraan. Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih Yang Dipertua. Soalan yang kedua –

Dalam keadaan kadar kemiskinan rakyat negeri ini yang masih tinggi, adakah kerajaan bercadang memberi potongan istimewa yuran pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri seperti di TATI, sebagaimana yang telah dilaksanakan di KUSZA?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalnya berbunyi - Dalam keadaan kadar kemiskinan rakyat negeri ini yang masih tinggi, adakah kerajaan bercadang memberi potongan istimewa yuran pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri seperti di TATI, sebagaimana yang telah dilaksanakan di KUSZA.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perbelanjaan atau kos pengajian bagi seorang pelajar di TATI bagi satu tahun lebih kurang RM25,000 kerana kursus yang kita ada itu memakan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun, pelajar dikehendaki membayar sebanyak RM6,000 sahaja jadi RM19,000 subsidi daripada pihak kerajaan bagi seorang pelajar yang belajar di TATI. Jadi, buat masa ini kita belum lagi bercadang untuk menurunkan yang RM6,000 tu kecuali duit royalti yang dirompak orang tu balik semula dan kita dapat sumber-sumber lain, kita akan kuranglah insya Allah.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Malah kita melihatkan dari segi kadar yang dikenakan oleh TATI memang berpatutan. Cumanya memandangkan hasil petroleum yang dijangka tahun ini melebihi RM700 juta, apakah tidak boleh diberi sedikit keistimewaan untuk anak Negeri Terengganu saja bukan untuk keseluruhan yuran tapi untuk anak Negeri Terengganu sebagaimana di KUSZA.

18 DISEMBER 2000

Kalau KUSZA yuran hanya RM440.00 semester boleh dipotong 50%, yang TATI yurannya lingkungan RM3.000 semester apakah tidak boleh dibuat kaedah yang sama ataupun keputusan ini dibuat berandaikan bahawa duit RM700 juta ini tidak akan diperolehi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, duit rompak ni kalau cekap boleh bergerak insya Allah, kita dapatlah. Kalau kecekapan tidak wujud, perompak lebih cekap lagi itu mungkin payah sedikit kita nak dapat.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita akan pertimbangan khas bagi pelajar-pelajar yang miskin. Buat masa ini pihak MAIDAM telah menaja seramai 10 orang untuk berkursus di Ruin TATI. Ruin TATI ni salah satu daripada anak syarikat TATI namanya Ruin TATI yang memberi satu kursus khas. Dan pada tahun ini kita memilih, buat pertama kali 10 orang daripada pelajar-pelajar miskin yang ditaja sepenuhnya oleh MAIDAM. Walau bagaimanapun, untuk yang kedua ni tak mari orang, kita minta yang miskin mari yang tak miskin 10 orang. Jadi, saya harap tiap-tiap Wakil Rakyat mencari 10 orang di kawasan dia orang miskin yang akan kita beri kursus secara bergilir-gilir mengikut giliran dan semuanya akan dibelanja oleh MAIDAM, insya Allah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Pertamanya saya ucap terima kasihlah kepada Wakil Manir kerana membuka ruang kepada kita untuk mencari orang miskin untuk hantar ke TATIlah. Kalau begitu, bersetujukah Yang Berhormat jika saya katakan bahawa tindakan Kerajaan Pusat khususnya UMNO Negeri Terengganu yang membatalkan pemberian wang royalti ini merupakan satu tindakan zalim dan penganiayaan kepada pelajar-pelajar anak Negeri Terengganu khususnya seperti nelayan, petani dan buruh?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mungkin pandangan berbeza... belah perompak kata dia tidak buat zalim dia kata nak bagi ke TATI, nak bagi ke KUSZA, tapi dia nak bagi sendiri dia ingat Negeri Terengganu ni tidak ada tuan. Kalau bahasa lain gok, ada sebelah pihak tu dia jadi macam ayam mengeram, dia dok gila nak mengeram lagi. Dia ingat telur dia, telur tak dok doh, busuk dah tembelangnya... pecah habis dah dia dok kata ada... dok naik semacam. Kalau nak selesai masalah ni kita kena cari... kalau orang tua dulu dia cara pelepah pisang kering, diikat di ekor baru jadi.

YANG BERHORMAT HAJI DR. ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu.

Sila nyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi semenjak Amanah Saham Darul Iman (ASDI) ditubuhkan, mengikut tahun serta nyatakan kaedah agihan keuntungan yang dilakukan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Kijal ingin mengetahui berhubung dengan ASDI, berhubung dengan keuntungan dan pendapatan yang diperolehi sepanjang ianya ditubuhkan.

Untuk memberikan penjelasan ini, semenjak ASDI dilancarkan pada 31 Oktober 1994, Tabung Amanah ini telah berjaya mengumpulkan pendapatan sejumlah RM251 juta. Dan setelah ditolak pengurusan dan sebagainya maka yang boleh diagihkan berjumlah RM217.68 juta. Dan ada 6 kali dividen yang telahpun beri semenjak tahun 1995 dan ada saya sebut tiap-tiap satu:

Tahun 1995	-	Dividennya 10%
Tahun 1996	-	Dividennya 11%
Tahun 1997	-	Dividennya 8.5%
Tahun 1998	-	Dividennya 7%
Tahun 1999	-	Dividennya 5%
Tahun 2000	-	Dividennya 3.5%

Dari sudut angka-angka rasmi yang kita diisytiharkan ini maka tahun 2000 yang paling rendah iaitu 3.5%.

Tapi saya suka menjelaskan, sebenarnya dalam Dewan yang mulia ini mungkin dari satu sudut *businessnya* tidak berapa baik tetapi hakikatnya sebenar terpaksa saya jelaskan di sini. Adapun tahun 1998, dividen sebenar yang boleh dibayar berdasarkan keuntungan sebenar hanya 2.26% dan pada tahun 1999 berdasarkan keuntungan sebenar berjumlah sebanyak 3.6% saja. Tetapi macam mana boleh 7% dan 5% oleh kerana pihak kerajaan pada masa itu nak tunjuk bahawa dalam waktu kegawatan pun dia lebih baik pada orang lain, maka diberi 7% '98 dan 5% '99 dengan diberi duit lain. Tahun '98 RM23.6 juta, tak kena mengena dengan keuntungan tapi tambah duit supaya boleh diberi dividen. Tahun '99 tambah RM10 juta kerana nak bagi dividen ini. Tahun ini, tahun 2000 kerajaan baru mengatakan kita tidak akan memberikan ini sebab orang yang melabur ini orang yang lebih duit, sebab kalau orang yang duit tak cukup dia tak akan melabur. Jadi tak ada pasal kita memberikan duit rakyat untuk kepada pelabur. Jadi sebab itu dividen kita yang sebenar 3.5 pada tahun 2000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Soalan saya sebenarnya telah dijawab tapi saya nak tambah lagi. Jadi soalan tambahan iaitu di sini bermakna ASDI telah mengeluarkan keuntungan tidak mengikut justifikasi keuntungan yang sebenar. Jadi di manakah wang yang diambil yang ditampung kepada keuntungan tahun '98 dan '99?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Duit ini dipinjam daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan dan daripada PTB.

YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Soalan tambahan Yang Dipertua - Apakah ada kemungkinan sebagai sebuah syarikat ataupun badan perniagaan ASDI akan mengeluarkan zakat kepada pihak berwajib?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tak berapa jelas soalan tu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Apakah ada kemungkinan ataupun sebarang kemungkinan bahawa ASDI sebagai sebuah badan perniagaan membolehkannya mengeluarkan zakat kepada pihak berwajib?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, setakat ini ASDI ada memberi cukai zakat ni belum lagi. Tapi insya Allah, pandangan Yang BERTHORMAT tu kita akan bawa kepada pengurusan dia walaupun pada dasarnya ... dasar kerajaan negeri ini memang zakat perniagaan tu perlu keluar tetapi tengoklah macam mana pengurusan memikirkan berdasarkan kaedah-kaedah yang ada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Saya ingin tahu, sejauh manakah pihak kerajaan boleh memberi jaminan ASDI ni halal untuk pelabur?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Setakat ini Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, ASDI ni dianggap salah satu daripada *unit trust* yang berdasarkan kepada syariat. Walau macampun pihak kerajaan negeri sedang meneliti juga berhubung dengan perkara ini sejauh kesyariatannya itu, 100% ataupun bagaimana? Ini sedang dikaji oleh pihak panel yang tertentu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang BERTHORMAT Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, soalan pertama --

Kerajaan Negeri telah berjanji untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat. Kenapakah imam-imam dihalang dari menyertai lawatan ke Putra Jaya, Kuala Lumpur.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil ingin mengetahui - Kerajaan Negeri telah berjanji untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat. Soalannya, kenapakah imam-imam dihalang dari menyertai lawatan ke Putra Jaya, Kuala Lumpur? Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua, untuk menjawabnya kerajaan negeri tidak tahu siapa penganjurnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua. Soalan kedua --

Nyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk membela Rakyat Termiskin di Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Dia sudah kemuka soalan nombor dua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, membela rakyat termiskin adalah merupakan agenda utama kerajaan negeri dan di antara langkah-langkah dan tindakan yang diambil, antaranya ialah kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM20,105,790 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menguruskan pelbagai bantuan kepada fakir miskin pada tahun 2000. Kerajaan negeri juga telah mengambil usaha memajukan projek-projek PPRT yang sedia ada dan dalam masa yang sama membuat kajian semula sejauh mana keberkesanan projek-projek yang sudah dan sedang dijalankan. Di samping itu juga kerajaan negeri menyediakan kemudahan asas kepada golongan termiskin bagi menyediakan rumah kediaman mereka dan juga membaikpulih rumah kediaman bagi keselesaan mereka. Bagi tahun 2000 kerajaan negeri telah membina rumah baru dan membaikpulih seperti berikut:

- Di bawah skim PPRT yang dikendalikan oleh UPEN, membina rumah baru sebanyak 12 buah dan membaikpulih 15 buah.
- Di bawah skim PPRT bantuan Kerajaan Pusat, Negeri dan MAIDAM membina rumah baru sebanyak 164 buah, membaikpulih 198 buah.
- Di bawah skim membaiki rumah JKM, iaitu 100 buah rumah pada tahun 2000 dan di bawah skim membaiki rumah MAIDAM sebanyak 260 buah rumah.

Selain daripada itu juga kerajaan negeri mengambil inisiatif menubuhkan Tabung Darul Iman yang telahpun disempunrakan pelancarannya oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Selain daripada itu juga, kerajaan negeri telah menaikkan kadar bantuan am dan juga kadar bantuan baiki rumah kepada golongan miskin. Dan seterusnya kerajaan negeri juga telahpun melalui MAIDAM mengeluarkan peruntukan sebanyak RM6.32 juta untuk fakir miskin di negeri ini bagi menghadapi perayaan.

Seterusnya melalui Yayasan Pembangunan Keluarga telah diberi pinjaman kepada golongan ini iaitu dalam konteks Program Jayadiri yang telah diperuntukkan sebanyak RM6.9 juta dan penyertaannya sebanyak 3,441 orang. Selain dari itu juga kerajaan negeri memberi bantuan sekali gus melalui JKM, ini adalah untuk anak-anak miskin atau termiskin bagi melanjutkan pelajaran dan juga bantuan bagi geran pelancaran, iaitu seramai 6,925 orang yang telah diberi bantuan daripada jumlah RM943,000.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Dari jawapan yang panjang lebar tadi ada dikatakan bahawa pihak kerajaan telahpun mengadakan kajian-kajian terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan oleh rakyat termiskin di Negeri Terengganu. Persoalannya, daripada kajian tersebut boleh dinyatakan atau tidak dapatan daripada kajian tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tadi saya menyatakan bahawa kerajaan sedang membuat kajian. Jadi kajian ini kita belum dapat resolusinya terutamanya mengenai projek-projek yang sedang berjalan seperti projek tembakau PPRT, projek ayam daging, projek limau madu dan lain projek yang dijalankan secara berkelompok yang telahpun sedia ada. Jadi masih kita tunggu resolusi daripada kajian yang sedang dibuat. Terima kasih.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Difahamkan juga MAIDAM ada mengeluarkan peruntukan membina rumah rakyat termiskin. Boleh tak dimaklumkan berapakah jumlah yang diberikan untuk seorang atau satu keluarga termiskin di bawah MAIDAM?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dari segi jumlahnya rumah yang sudah diberi bantuan sebanyak 260 rumah dan dari segi jumlah bantuan ini bergantung kepada keperluan yang munasabah bagi pembaikan rumah tersebut dan kadarnya memang tidak ditetapkan oleh pihak MAIDAM. Berapa jumlahnya tidak terhad.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga --

Apakah tindakan Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri untuk membendung masalah keruntuhan moral belia dan remaja di Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ajil berbunyi - Apakah tindakan Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri untuk membendung masalah keruntuhan moral belia dan remaja di Terengganu?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang perlu dalam soal membendung masalah keruntuhan belia dan remaja di Terengganu. Seperti yang telah saya sebutkan iaitulah 3 langkah yang perlu dalam menangani persoalan belia dan remaja ini, langkah kewaspadaan, langkah pencegahan dan langkah pemulihan. Kewaspadaan bermakna mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil dan untuk mengenal pasti langkah-langkah itu kita mestilah mengetahui akar masalah itu.

Belia di Negeri Terengganu ini terbagi kepada dua bahagian. Secara umumnya belia-belia yang berpersatuan dan yang kedua belia-belia yang tidak berpersatuan. Belia-belia yang berpersatuan ini terbagi kepada tiga, belia dalam persatuan belia, belia dalam persatuan sukan, belia dalam persatuan beruniform. Akhir-akhir ini timbul satu kecenderungan di kalangan belia untuk menyertai kelab-kelab motosikal, berkereta yang sebahagiannya tidak didaftarkan tetapi telah timbul suatu kecenderungan untuk berada di dalam persatuan-persatuan walaupun tidak dari tiga yang saya sebutkan. Sebahagian besar dari belia kita di Negeri Terengganu ini tidak menyertai persatuan-persatuan inilah yang ramai di kalangan belia-belia ini yang ada di peringkat kampung ataupun mukim. Dan belia yang tidak berpersatuan ini Alhamdulillah, kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Syura Rakyat yang mana wakil belia di peringkat kampung ... 674 kampung seluruh Negeri Terengganu ini ada wakil belia melalui JSR masing-masing. Dan kursus yang dianjurkan oleh UPI umpamanya, maka yang melibatkan belia akan digerakkan melalui wakil-wakil belia di peringkat JSR ini untuk menggerakkan dan menghantar peserta-peserta di kalangan belia-belia mengikut kursus-kursus yang dianjurkan.

Sebab itulah dalam soal tumpuan yang akan diberi oleh pihak berkuasa negeri kerana membendung ini bermakna usaha pencegahan. Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri pada asalnya ialah satu Jawatankuasa yang memberikan sokongan kepada usaha Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Terengganu. Jawatankuasa ini lebih berbentuk sebagai Jawatankuasa Pemantau. Walau bagaimanapun, apabila perubahan dan peralihan kerajaan berlaku tentulah dasar-dasar belia Negeri Terengganu dengan dasar Belia Negara tidak akan bersamaan semuanya, maka kita merancang untuk mewujudkan satu projek Belia Takwa di Negeri Terengganu di bawah Jawatankuasa Belia dan Sukan ini. Oleh kerana Jawatankuasa ini adalah satu jawatankuasa yang digabungkan hasil dari dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Belia dan Sukan dan juga Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan yang digabungkan menjadi satu maka kerja-kerja yang diperlukan pada peringkat asas ialah menyiapkan dasar-dasar. Ini adalah kerja asas.

Setelah daripada kelulusan Jawatankuasa Belia dan Sukan terhadap Dasar Belia Negeri Terengganu, telah diluluskan dalam mesyuarat baru-baru ini, kita kemukakan dalam mesyuarat satu projek Belia Takwa. Dan fokus utama ialah akan diberi terhadap remaja dalam usaha-usaha pencegahan di mana kerana kita mendapati bahawa golongan remaja ini adalah golongan yang senang dipengaruhi. Di antara program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan melibatkan pelbagai jabatan dengan menggunakan modul dan kaedah sebagaimana berikut:

- iaitu kita akan memberikan sokongan kepada program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Jawatankuasa ini akan memberi sokongan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri.
- Pihak Berkuasa Negeri juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Hisbah dan Tugas-Tugas Khas Negeri dan dianggotai oleh beberapa jabatan dan agensi-agensi kerajaan sebagai langkah membendung masalah keruntuhan moral belia dan remaja di Pulau Perhentian, Besut. Di antara langkah-langkah atau tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa ini ialah:
 1. Menubuhkan Pusat Pentadbiran Kecil di Pulau Perhentian, Besut untuk menjalankan penguatkuasaan.
 2. Jabatan atau agensi kerajaan bersedia menempatkan kakitangan penguatkuasaan di Pulau Perhentian, Besut untuk menjalankan pemantauan.

Langkah penguatkuasaan juga telah dipergiatkan oleh Kerajaan Tempatan dan Jawatankuasa Keselamatan Negeri dengan menjalankan penyeliaan dan rondaan di tempat-tempat yang menjadi tumpuan golongan remaja, iaitulah melalui Unit Kawalan Kampung yang ditubuhkan secara inisiatif tersendiri oleh JSR di peringkat kampung masing-masing. Walaupun ini pada peringkat awal tetapi sebahagiannya telah menjalankan tugas dengan baik.

Dan juga untuk membendung masalah keruntuhan moral belia dan remaja Negeri Terengganu ini, pihak berkuasa negeri juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang melibatkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang diketuai oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, ditubuh khas untuk mencari formula atau jalan usaha, sebagai usaha keluar bagi menangani masalah gejala sosial di Negeri Terengganu.

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Tadi diterangkan berkenaan dengan langkah-langkah untuk mengawal masalah keruntuhan moral belia dan remaja, iaitu langkah waspada, langkah pencegahan dan langkah pemulihan. Bolehkah diperjelaskan contoh-contoh, langkah-langkah yang telah diambil mengikut langkah-langkah tadi itu langkah kewaspadaan, langkah pencegahan dan langkah pemulihan serta nyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil tersebut.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Pertamanya, kita mengenal pasti belia-belia yang di bawah kategori belia yang tidak berpersatuan. Dan dalam kita menjalankan tugas untuk mengenal pasti ini kita memerlukan kepada pemantauan di peringkat JSR. Dan dalam usaha untuk mengenal pasti belia-belia yang ada di peringkat JSR ini, kita memerlukan satu Pegawai Kumpulan Belia yang telah ditamatkan baru-baru ini dan masih menunggu untuk diisi jawatan tersebut, kerana dalam soal hubungan Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri ini kita memerlukan satu kerangka mekanisma kerana melibatkan wakil-wakil belia di peringkat JSR yang cukup ramai memerlukan pemantauan di peringkat daerah. Dan setakat ini kita masih belum lagi mengisi jawatan Pegawai Kumpulan Belia dan juga telah diangkatkan tarafnya dengan dimasukkan lagi satu iaitulah Pegawai Kumpulan Belia dan Sukan yang juga akan memantau sukan di peringkat daerah.

Yang keduanya, kita juga menyebut bahawa dalam soal pencegahan ini kita akan menjalankan projek Belia Takwa yang melibatkan satu jumlah belia yang agak besar di peringkat kampung. Di mana oleh kerana Jawatankuasa Belia dan Sukan yang baru bermesyuarat meluluskan sebahagian daripada Dasar Belia Negeri Terengganu yang kemudian terpaksa dibengkelkan sebelum dibawa ke Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan, maka dalam mesyuarat tersebut juga kita kemukakan kertas projek Belia Takwa. Tentulah setelah daripada mendapat kelulusan barulah kita akan menjalankan kerja-kerja kita. Saya sudah sebutkan tadi bahawa Jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa yang besar, kita juga terpaksa berfikir tentang Dasar Kebudayaan Negeri Terengganu, kita juga terpaksa menyiapkan Dasar Pelancongan Negeri. Maka ini memerlukan suatu tempoh masa bagi kita menjalankan tugas-tugas kita.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha membendung masalah remaja dijalankan oleh pihak kerajaan negeri secara bersepadu, ada agensi-agensi lain yang mengambil tugas, menjalankan tugas pencegahan. PEMADAM umpamanya, menganjurkan kursus-kursus memberikan kefahaman tentang masalah dadah dan lain-lain. Ini dilakukan secara bersepadu melalui NGO dan juga jabatan-jabatan kerajaan dan berbagai agensi lain. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan ...

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, nampaknya pihak kerajaan tidak menjawab soalan yang ditanya, iaitu sejauh mana keberkesanan. Walau bagaimanapun, soalan tambahan yang seterusnya -- Dinyatakan juga bahawa golongan belia yang diberi cakna sekarang ini ialah golongan belia yang tidak berpersatuan. Adakah golongan belia yang tidak berpersatuan saja yang terlibat dengan masalah keruntuhan moral di negeri ini?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang Dipertua, belia-belia yang berpersatuan adalah belia-belia yang telah mempunyai peraturan-peraturan melalui persatuan masing-masing. Bantuan dikeluarkan oleh kerajaan negeri kepada belia-belia yang sebahagiannya membuat permohonan kepada kerajaan negeri. Oleh kerana belia yang tidak berpersatuan ini lebih ramai dan lebih payah untuk dikawal kerana mereka tidak mempunyai persatuan sendiri, maka kita memberikan lebih tumpuan kepada belia-belia ini. Sebabnya ialah kerana apabila belia-belia yang tidak berpersatuan ini untuk mengawal mereka memerlukan satu keadaan dan jumlah yang begitu ramai itu, memerlukan satu pengawalan yang lebih daripada belia-belia yang berpersatuan. Kerana untuk mengumpulkan belia-belia yang berpersatuan rasanya lebih mudah daripada belia-belia yang tidak berpersatuan ini. Sebab itulah tumpuan akan diberikan kepada belia-belia yang tidak berpersatuan ini. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya beri keutamaan kepada Ajil lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua - Apakah mekanisma yang digunakan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah golongan belia yang tidak berpersatuan ini?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Seperti yang telah saya sebut Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita menyediakan modul-modul, ada 7 modul yang saya lupa sebutkan tajuk modul-modul itu tetapi ada modul-modul yang insya Allah, akan kita kemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa dan kita akan seterusnya mengambil langkah tersebut menjalankan mengikut modul-modul yang telah diluluskan itu, insya Allah pada tahun akan datang. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIIPERTUA: Soalan tambahan sudah cukuplah tu. Soalan seterusnya daripada Wakil Bukti Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sila sebutkan kadar kemiskinan di negeri Terengganu sebagai bandingan dengan negeri-negeri lain di seluruh negara.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah ketua isi rumah bagi golongan termiskin di Terengganu sebanyak 3,672 orang. Dan secara perbandingan di antara kadar kemiskinan Negeri Terengganu dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini mengikut statistik yang diterbitkan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1997 adalah seperti berikut:

Negeri Terengganu	- 17.3 peratus
Negeri Johor	- 1.6 peratus
Negeri Kedah	- 11.5 peratus
Negeri Kelantan	- 19.2 peratus
Negeri Melaka	- 3.6 peratus
Negeri Sembilan	- 4.5 peratus
Negeri Pahang	- 4.1 peratus
Negeri Perak	- 4.5 peratus
Negeri Perlis	- 10.6 peratus
Negeri Pulau Pinang	- 1.6 peratus
Sabah	- 22.1 peratus
Sarawak	- 7.5 peratus
Negeri Selangor	- 1.3 peratus
Wilayah Persekutuan	- 0.1 peratus

dan secara keseluruhan kadar kemiskinan rasmi di Malaysia ini ialah 6.8 peratus. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Pada pandangan kerajaan apakah sebab sebenar yang menyebabkan Terengganu begitu ramai ... begitu tinggi kadar kemiskinan?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan peratus kemiskinan tinggi di Terengganu. Ini boleh kita lihat dari beberapa aspek. Yang pertamanya, seperti mana yang telah saya sebutkan dalam ucapan kelmarin, walaupun Negeri Terengganu ini mendapat punca hasil yang banyak tetapi kalau kita lihat hasil yang diperolehi, walaupun begitu banyak tetapi program-program untuk pembelaan kepada rakyat termiskin yang dilaksanakan oleh kerajaan dahulunya gagal. Kerana saya yakin dan percaya tumpuan yang diberikan tidak bersungguh. Serta juga peluang-peluang pekerjaan kepada mereka ini tidak diberi secara yang sepatutnya. Dan selain daripada itu juga program perubahan sikap yang perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan berterusan daripada bergantung kepada bantuan kerajaan negeri dan daripada mana-mana agensi ataupun institusi yang memberi bantuan tidak dijalankan secara yang bersungguh-sungguh sehinggalah mereka ini sentiasa memerlukan dan mengharapkan bantuan daripada pihak-pihak tersebut. Dan juga faktor-faktor lain banyak lagilah yang kalau kita kaji secara terperinci berhubung dengan kenapa taraf kemiskinan rakyat Negeri Terengganu ini masih berada di tahap yang tinggi. Dan insya Allah, pihak kerajaan negeri akan berusaha untuk memastikan bahawa kadar ini, kadar kemiskinan di Terengganu ini akan berkurangan tahun demi tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua -

18 DISEMBER 2000

Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat membina sendiri Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dari sempadan Pahang ke sempadan Kelantan. Sejauh manakah perkembangan usaha-usaha ke arah merealisasikan hasrat tersebut?

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil daripada Bukit Besi ingin tahu berhubung dengan hasrat kerajaan negeri membina sendiri Lebuhraya Pantai Timur dari sempadan Pahang ke sempadan Kelantan. Sejauh manakah perkembangan usaha-usaha ke arah merealisasikan hasrat tersebut?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, buat masa ini kerajaan sedang menunggu hasil kajian lanjut yang dibuat oleh syarikat yang berminat untuk membina lebuhraya ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama –

Sejauh manakah terjejasnya industri pelancongan akibat pertukaran pemerintahan negeri ke tangan kerajaan Barisan Alternatif dan sejauh manakah dasar dan konsep Islam telah diterapkan oleh kerajaan di dalam sektor pelancongan?

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Permaisuri soalan: Sejauh manakah terjejasnya industri pelancongan akibat pertukaran pemerintahan negeri ke tangan kerajaan Barisan Alternatif dan sejauh manakah dasar dan konsep Islam telah diterapkan oleh kerajaan di dalam sektor pelancongan?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini saya ingin untuk menyatakan bahawa data ketibaan pelancong ke Malaysia adalah dikumpul di pintu-pintu masuk Imigresen Negara. Manakala di Terengganu data kedatangan pelancong diambil melalui pengiraan bilangan penginap-penginap hotel yang dikumpul melalui kajian purata penginapan oleh *Tourisme* Malaysia dan kerajaan negeri kerana ketiadaan pintu masuk Imigresen. Dengan menggunakan ukuran ini didapati industri pelancongan di Negeri Terengganu tidak terjejas akibat pertukaran pemerintahan negeri ke tangan kerajaan Barisan Alternatif. Bagi 6 bulan pertama, iaitu Januari hingga Jun 2000 Negeri Terengganu mencatatkan seramai 205,362 orang penginap hotel iaitu meningkat 12.6% berbanding seramai 182,434 orang penginap bagi tempoh yang sama pada tahun 1999. Jumlah penginap hotel di Terengganu ini sebagai perbandingan di antara Januari hingga Jun 2000 dengan Januari hingga Jun 1999, pelancong domestik yakni pelancong dalam negara, pelancong tempatan 152,779 Januari hingga Jun 2000 berbanding Januari hingga Jun 1999, 135,845 orang peningkatan 1.1%. Tidak terjejas industri pelancongan ini dengan perubahan kerajaan. Pelancong asing 52,583 orang Januari hingga Jun 2000 berbanding Januari hingga Jun 1999, 31,269 orang peningkatan 68%.

Dasar dan konsep Islam yang telah diterapkan oleh kerajaan negeri dalam sektor pelancongan, seperti yang telah saya sebutkan adalah secara berhemah dan bercermat dan tidak dijalankan secara tergesa-gesa. Ini adalah memandangkan industri pelancongan adalah satu industri yang amat sensitif kepada sebarang kejadian atau perubahan yang berlaku. Di antara konsep Islam yang telah diterapkan oleh kerajaan negeri dalam sektor pelancongan adalah aktiviti-aktiviti, program-program pelancongan di bawah kebudayaan yang kita telah ubah yang pertama Pekan Budaya di daerah-daerah dan Festival Terengganu ditiadakan persembahan artis-artis atau persembahan hiburan yang melalaikan. Dan digantikan dengan ceramah perdana yang bertujuan secara khusus untuk menyuntik jiwa masyarakat untuk lebih bertakwa kepada Allah s.w.t. Tidak ada penglibatan kaum wanita dalam setiap persembahan kebudayaan dan ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Hubungan Antara Kaum dan peranan ini dimainkan hanya peserta lelaki saja seperti tarian rodan dan tarian rakyat. Ini juga dapat dilihat dalam penyertaan kerajaan negeri dalam perarakan Citra Warna 2000 yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, di mana negeri negeri menyertai perarakan Citra Warna 2000 anjuran Kementerian ini dengan mempersembahkan satu tajuk iaitu Hijrah yang memaparkan detik sejarah kedatangan Islam di Negeri Terengganu dengan menggambarkan elemen penemuan Batu Bersurat di iringi muzik lama yang diolah kembali seperti nazan, rodan dan sebagainya dan ianya hanya ditarikan oleh penari lelaki sahaja.

Yang ketiga, pentadbiran negeri telah meminta semua pengusaha-pengusaha perhotelan atau chalet supaya mengasingkan asrama atau bilik pekerja lelaki dan wanita dengan harapan dapat menghindarkan mereka daripada berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMAD (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan - Setelah perubahan kerajaan beberapa dasar telah diubah, di antaranya tidak dibenarkan lagi hotel menjual minuman keras. Setakat ini apakah arahan tersebut telah dipatuhi oleh pengusaha hotel di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini masih lagi dipatuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri berkaitan dengan penjualan arak ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN ABAS (Wakil Kampung Raja) Soalan tambahan - Untuk mengimplikasi konsep Islam dalam pelancongan soal pendidikan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan pekerja-pekerja pelancongan sepatutnya diutamakan. Sejauh manakah program pendidikan kefahaman tentang konsep pelancongan Islam ini telahpun dikemukakan kepada sasaran-sasaran tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tuan Yang Dipertua, yang pertamanya kita akan mengambil tindakan iaitulah satu kursus yang dianjurkan dengan kerjasama IKIM yang akan diadakan pada bulan Februari tahun 2001. Setelah daripada itu kalau diluluskan dengan *budget* yang agak kecil bagi tahun ini iaitulah lebih kurang RM200,000 saja, maka kita juga mempunyai masalah dalam kita nak memberikan kursus-kursus kerana melibatkan kewangan. Jadi kita akan melihat insya Allah, di antara perkara yang penting dalam kita nak memberikan program yang hendak dilancarkan melalui usaha-usaha kerajaan berkaitan dengan pelancongan Islam ini perlu difahami oleh pengusaha-pengusaha melalui kursus-kursus.

18 DISEMBER 2000

Dan insya Allah, akan kita jalankan berdasarkan kepada kemampuan yang ada. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Mengapa Kerajaan Negeri Terengganu tidak mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan keadilan di dalam kes royalti minyak?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan Yang Berhormat Seberang Takir berbunyi: Mengapa Kerajaan Negeri Terengganu tidak mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan keadilan di dalam kes royalti minyak?

Yang pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir kerana soalan yang begitu positif kerana beliau sendiri yakin bahawa apa yang dialami oleh negeri sekarang ini akibat Kerajaan Pusat suatu yang tidak adil. Oleh sebab itulah beliau minta supaya keadilan itu dipulihkan melalui tindakan mahkamah, undang-undang.

Untuk menjawab yang keduanya, pihak kerajaan negeri telahpun mengambil keputusan akan mengambil tindakan undang-undang dan insya Allah, kita akan sama-sama lihat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Mengapa Kerajaan Negeri Terengganu tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas JKKK yang didakwa sebagai suatu lembaga yang haram?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, nampaknya Yang Berhormat Seberang Takir tak tahu bahawa JKKK ni dah diharamkan. Dia tanya, mengapa kerajaan Negeri Terengganu tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas JKKK yang didakwa sebagai suatu lembaga yang haram? Sayapun ucap terima kasih kepada Wakil Seberang Takir, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana sedar bahawa JKKK tu haram.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk nak menyelesaikan perkara ini saya menjemput Dewan kepada Artikel 73 Perlembagaan Malaysia, iaitulah hak undang-undang Persekutuan dan negeri. Dengan izin 73A berbunyi - *Parlimen boleh membuat undang-undang bagi seluruh dan mana-mana bahagian Persekutuan*. Manakala negeri pula B – *Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri*. Inilah pemisahan kuasa yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan berkait dengan pentadbiran dan pemerintahan. Manakala Artikel 80(2) dengan izin Yang Berormat Tuan Yang Dipertua - Kuasa pemerintahan

bagi Persekutuan tidak meliputi apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri. Dan Nendarai Negeri, sekali lagi dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya baca -- Jadual ke-9 Senarai 2 (4) - *Kerajaan Tempatan di luar wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan termasuklah bidang kuasanya Pentadbiran Tempatan, Perbadanan Perbandaran, Lembaga tempatan, Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar dan lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan Negeri Terengganu Fasal 8 -- *Kuasa memerintah negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi kerja-kerja menjalankan kuasa itu boleh dikurniakan menurut undang-undang kepada orang-orang lain atau pihak-pihak yang berkuasa lain,* ertinya kerajaan ataupun Exco yang mentadbir Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Mengikut kaedah undang-undang Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa-apa kesalahan yang dilakukan sama ada secara individu ataupun kumpulan ataupun pertubuhan undang-undang mempunyai peruntukannya yang tersendiri dari sudut prosedur, keterangan dan kesabitan. Oleh itu, sekiranya berlaku apa-apa kesalahan ataupun pencerobohan ke atas undang-undang dan pentadbiran oleh orang-orang yang kita anggap "haram" ini akan kita ambil mengikut kes demi kes. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin membetulkan sedikit kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengatakan JKKK haram sebab soalan saya berbunyi - *Mengapa kerajaan negeri Terengganu tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas JKKK yang didakwanya,* ertinya kerajaan yang mendakwa, *sebagai suatu lembaga yang haram?.* Jadi bila membaca soalan saya tadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Batu Buruk sebenarnya tidak menyebut perkataan "yang didakwanya". Ini berlaku satu pengelatan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan jawapan yang diberikan kepada saya dan kepada Dewan ini Yang Berhormat sedia maklum Tuan Yang Dipertua, tidak menjawab "mengapa tidak mengambil tindakan undang-undang?" Itu saja yang saya nak tahu. Masalah didakwa oleh kerajaan negeri haram, betul-tapi apakah tindakan undang-undang yang diambil oleh kerajaan? Itu yang saya nak tahu dan itu yang dia tidak jawab Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ia, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah kata tadi melain Yang Berhormat Wakil Seberang Takir tak faham. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perseorangan, perbadanan ataupun mana-mana orang yang melakukan kesalahan itu akan diambil tindakan mengikut kes demi kes kerana ianya ada mempunyai prosedur, keterangan dan cara-cara pensabitan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama yang telah dijawab oleh Yang Berhormat yang sebelum ini, positif mengatakan tindakan undang-undang akan dibawa ke mahkamah, akan diambil. Tapi saya tak tahu, soalan saya yang kedua ini nampak masih berpusing-pusing. Yang saya nak senang saja, adakah kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang ataupun tidak? Itu saja, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia kaedah undang-undang ni bila bertemu dengan orang langgar undang-undang macam hak rompak ni, kita ambil tindakanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya minta penegasan ertinya kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Kita akan ambil tindakan. Kalaulah Dato' sendiri ambil ... kita akan ambil tindakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana soalan nombor 3 sebenarnya hampir sama dengan satu soalan yang telah ditanya dan jawapannya, itulah yang saya kehendaki. Jadi saya tidak bercadang untuk mengemukakan soalan nombor 3. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbincangan ke atas Enakmen Perbekalan atau Ucapan Belanjawan 2001 masih lagi di peringkat penggulangan. Kelmarin telah tiga orang Exco telah memberi ucapan penggulangan, sekarang saya teruskan ucapan penggulangan ini. Dipersilakan

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Pertama kalinya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melibatkan diri dalam perbincangan Belanjawan Tahun 2001, sama ada daripada anggota-anggota kerajaan dan juga daripada anggota pembangkang. Yang kita harap ... terpujanglah kepada niat masing-masing di bulan baik lagi diberkati ini.

Saya ingin, yang pertamanya ingin menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bandar, saya minat Wakil Rakyat Bandar ni, yang telah meminta kerajaan supaya memberikan suatu perhatian yang lebih serius berhubung dengan soal pembangunan ICT, *Information and Communication Technology* – teknologi maklumat dan juga komunikasi. Maka oleh kerana itulah, sebagai menggambarkan sikap serius kerajaan berhubung dengan soal ICT ini sama ada disedari ataupun tidak sewaktu Ucapan Belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, kerajaan telah membuat satu siaran langsung bukan saja ke seluruh Negeri Terengganu tetapi ke seluruh dunia. Apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar sewaktu membentangkan Ucapan Belanjawan melalui teknologi internet dan juga melalui intranet suatu kemudahan komunikasi yang telah disediakan oleh pihak kerajaan sama ada melalui bunyi saja audio dan juga melalui video. Jadi ini menggambarkan keseriusan kerajaan berhubung dengan soal ICT ini terutamanya untuk menggambarkan suatu kerajaan yang lebih bertanggungjawab, yang lebih *transparent* dan kita tidak merasa takut atau bimbang untuk menyiarkan perkara seumpama ini. Insya Allah, kalau keadaan mengizinkan kita akan pergi ke setapak lagi ... satu tahap lagi untuk menyiarkan secara langsung perbincangan-perbincangan dalam Dewan ini sekiranya itu merupakan suatu perkara yang diperlukan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita banyak mendengar ucapan-ucapan terutamanya daripada pihak pembangkang yang menggambarkan apabila berlakunya sekatan atau rompakkan berhubung dengan wang royalti ini, kerajaan yang baru berumur setahun ini, tidak mungkin boleh berbuat apa-apa selepas pada ini. Insya Allah, kerajaan yang ada ini tidak akan mengambil sikap *apologetic* kita tidak akan memberikan alasan itu dan ini untuk tidak berbuat apa-apa dalam meneruskan apa yang telah diberi tanggungjawab dan juga harapan daripada rakyat untuk membuktikan bahawa suatu fahaman yang karut, suatu fahaman *khurafat* yang selama ini dijaja di seluruh pelosok tanah air bahawa hanya UMNO dan Barisan Nasional sajalah yang merupakan pihak yang boleh memberikan pembangunan kepada rakyat. Oleh kerana itu, dalam tempoh setahun ini sebenarnya rakyat telah boleh menilai bukan lagi secara ucapan-ucapan, ceramah-ceramah tetapi rakyat boleh menilai bahawa apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam tempoh setahun ini sebenarnya telah berlaku perubahan, demi perubahan soal-soal kebajikan dan juga soal-soal pembangunan yang diteruskan daripada masa ke semasa.

Kerajaan mengharapkan dalam suasana kerajaan baru yang sedang diuji ini kita mengharapkan pegawai-pegawai insya Allah, bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk menjadi lebih proaktif dan juga lebih kreatif supaya insya Allah pada suatu masa nanti dengan perancangan-perancangan yang dibuat, dengan kesungguhan, ketekunan dan juga dengan kesabaran sebagaimana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ayat pertama ataupun dalam mukadimah Ucapan Belanjawan, insya Allah dengan kesabaran seumpama ini pada suatu masa nanti kerajaan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada hasil petroleum dan gas untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan kepada negeri kita ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sistem federalisma yang wujud dalam negeri kita ini menuntut supaya sama ada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri mestilah saling hormat menghormati antara satu sama lain. Walaupun ada perbezaan dari sudut fahaman, ideologi parti yang diberikan kekuasaan tetapi tidak harus sampai kepada peringkat menimbulkan suatu permusuhan ataupun satu sikap yang menggambarkan masing-masing untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Maka oleh kerana itulah, sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat daripada pihak pembangkang sebenarnya kita ada membuat kunjungan-kunjungan hormat terutamanya yang melibatkan portfolio saya ... melibatkan *infra*, kita pernah ada dua kunjungan hormat dan juga perbincangan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar sendiri. Umpamanya berhubung dengan projek Lebuh raya Pantai Timur kita pernah bertemu dengan Menteri Kerja Raya. Begitu juga berhubung dengan pembesaran *airport*, kita pernah bertemu dengan Menteri Pengangkutan, iaitu pada 16 Mei dan dengan Menteri Pengangkutan pada 10 April. Tapi persoalannya sikap yang dituntut dalam sistem yang ada di dalam negara kita ini nampaknya sudah jauh ditinggal apabila terbentuknya kerajaan baru ini. Oleh kerana itu, kerajaan melahirkan sikap kesal dengan tindakan-tindakan yang telah dibuat terutamanya membatalkan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani sebagaimana yang telah disebutkan dalam Ucapan Belanjawan, perumahan kos rendah, sistem perparitan. Dan juga yang melibatkan infrastruktur, sejumlah perbelanjaan yang sepatutnya berdasarkan kepada semangat yang ada ini sebanyak RM79 juta yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan negeri untuk menampung projek perbekalan air terutamanya Bekalan Air Luar Bandar, sehingga sekarang tidak diberi perhatian dan apa yang telah *diadvance* oleh Kerajaan Negeri ini tidak *direimburse*, dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Jadi dengan kerana itu, pengajarannya orang yang tidak mempunyai sikap ihsan sebenarnya tidak layak untuk bercakap soal wang ihsan. Apatah lagi untuk menguruskan apa yang didakwa wang ihsan yang dirampas daripada pihak lain. Kalau kita tidak ada sikap ihsan seumpama ini, perjanjian pun dimansuhkan begitu saja, amalan-amalan dan kebiasaan yang telah kita buat kita lupakan begitu saja, bagaimana kita nak bercakap soal ihsan dan bagaimana kita boleh gambarkan sikap dan perangai seumpama ini apabila diberi sejumlah wang yang begitu banyak untuk dibelanjakan dengan penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terlalu banyak perkara yang perlu diperbetulkan hasil peninggalan Kerajaan Barisan Nasional dalam tempoh satu tahun. Dan sudah tentulah dari sudut istilah yang dikatakan 'kerajaan tidak mempunyai lampu Alladin' untuk melaksanakan semua perkara dalam satu masa tetapi dengan apa yang telah dibentangkan setakat ini sudah tentulah semua pihak dapat suatu gambaran jelas bahawa tidak berbangkit apa yang ditimbulkan berhubung dengan ke mana perginya sebanyak RM432 juta oleh kerana sudah tentulah kita ada penyata kewangannya selepas berakhir tahun kewangan dan juga ada Laporan Audit selepas pada ini. Yang mana ini semua merupakan perkara yang menjadi suatu amalan dalam mana-mana pentadbiran.

Tinggal lagi orang-orang yang jahil dan juga orang-orang yang mempunyai penyakit dalam hatinya saja yang sanggup menjaja di kampung-kampung berhubung dengan apa yang dikatakan 'tak tahu ke mana pergi duit yang telah didapati daripada royalti sebanyak RM432 juta ini.'

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai apa yang dibangkitkan ataupun cuba diperbetulkan oleh Wakil Telemong tentang Projek Bekalan Air Petronas di Serdang, Dungun yang bernilai lebih kurang RM540 juta untuk projek KIPC *Kerteh Integrated Petroleum Complex*, yang memang sebenarnya saya ingin tegaskan sekali lagi memang tidak ada sebarang perjanjian bahkan tidak ada dalam bentuk MoU pun. Dan oleh kerana itulah dengan tanggungjawab yang telah diberikan ini kerajaan sedang meneliti draf perjanjian, yang sedang kita bincangkan sekarang ini daripada pihak UPEN dan pihak Petronas, tiga hari lepas pun kita ada bincang. Dan oleh kerana itu tidak berbangkit apa yang disebutkan bahawa ini ada hubungan dengan soal kelemahan pegawai. Kerana sebenarnya dalam soal pembangunan kita mestilah mempunyai perancangan jangka panjang yang jelas dan juga polisi yang jelas dalam satu-satu isu yang dibangkitkan. Berhubung dengan mengapa kerajaan baru mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan perkara ini, sebenarnya nak baiki benda yang rosak ni adalah lebih payah daripada kita *start* daripada permulaan. Walau macampun, insya Allah kerajaan memberi jaminan bahawa perkara-perkara yang sepatutnya diberi perhatian berhubung dengan perkara ini akan kita memberikan tumpuan termasuklah umpamanya berhubung dengan soal yang dibangkitkan pada peringkat awal projek ini, berhubung dengan perlunya pembinaan empangan rendah yang setakat ini dibina *coffer dam* iaitu empangan sementara untuk mencegah kemasukan air masin. Insya Allah, kita akan memberi perhatian berhubung dengan kawasan-kawasan yang ditenggelami air akibat pembinaan *coffer dam* ini yang mana dituntut pampasannya oleh orang kampung dan juga pihak-pihak yang terlibat. Begitu juga kita akan tentukan, selesaikan berhubung dengan tarif air dan juga tempoh konsesi dan seumpamanya. Pokoknya perkara-perkara ini sepatutnya dibincangkan lebih awal yang menyusahkan orang kemudian untuk menyelesaikan perkara-perkara seumpama ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, begitulah gambaran apa yang dilakukan pentadbiran dahulu yang menunjukkan suatu kerja yang tidak sempurna. Termasuklah kalau boleh saya sebut satu perkara lagi bahawa di bawah pentadbiran barulah kita telah dapat menyelesaikan suatu projek dan yang juga merupakan projek Petronas iaitu projek pembinaan jalan keretapi yang menghubungkan Pusat Industri di Kerteh dengan Pelabuhan Kuantan. Apa yang digambarkan di bawah pentadbiran kerajaan dulu, macam kerajaan negeri ni payah kira. Hanya di bawah pentadbiran kerajaan barulah kita boleh selesaikan perkara ini dan bukan saja selesaikan mengikut format yang dibuat oleh pentadbiran dahulu tetapi kita meletakkan sebagai satu syarat bahawa jalan keretapi ini bukan sekadar menghubungkan Kerteh dengan Gebang, Kuantan tetapi mestilah menghubungkan juga dengan Pelabuhan Kemaman. Oleh kerana Pelabuhan Kemaman ini merupakan pelabuhan di negeri kita sendiri. Tidak ada makna hanya kita menghantar hasil-hasil daripada Pusat Industri di Kerteh ini kemudian Pelabuhan Kemaman dibiarkan begitu saja.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya masa setahun ini banyak dihabiskan untuk perkara-perkara yang sepatutnya tidak dilaksanakan di bawah pentadbiran kerajaan baru ini, kecuali soal-soal yang melibatkan perkara-perkara polisi yang mahu diperbetulkan. Umpamanya berhubung dengan kertas-kertas dasar setiap portfolio yang sebenarnya apa yang kita dapati banyak portfolio-portfolio yang tidak mempunyai suatu kertas dasar, tidak tahu dari sudut visinya, misinya, objektifnya, pelan tindakannya. Maka oleh kerana itulah, saya sangat bersetuju dengan apa yang dibangkitkan Wakil daripada Kemasik bahawa kerajaan mesti ada rangka pembangunan yang jelas

dalam membangunkan negeri yang kita cintai ini. Tapi persoalannya bagaimana kita dalam tempoh yang begitu lama, lebih daripada 40 tahun perkara-perkara seumpama inipun kita tidak boleh selesaikan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan apa yang ditimbulkan oleh Wakil daripada Rantau Abang, kerajaan sepatutnya menghentikan pembinaan Projek Loji Air di Serdang oleh kerana masalah-masalah yang ditimbulkan. Kerajaan merasakan langkah ini adalah tidak bijak oleh kerana sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa kerajaan sekarang ini berada di medan perjanjian dengan pihak Petronas. Jadi adalah tidak munasabah dalam keadaan kita sedang berunding kemudian kita nak arahkan projek ini dihentikan. Dan insya Allah, kita yakin bahawa perkara ini boleh diselesaikan dalam satu tempoh yang tidak lama lagi.

Mengenai dengan apa yang ditimbulkan oleh Wakil Rantau Abang juga dan juga Wakil daripada Kemasik, ada lagi rakyat yang masih belum mendapat kemudahan infrastruktur yang sempurna dari segi bekalan air, elektrik, telefon dan seumpamanya. Kerajaan tidak merasa malu untuk mengakuinya dalam tempoh satu tahun ini bahawa ada lagi kawasan-kawasan yang belum disempurnakan berhubung dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Jadi oleh kerana itu jawapan yang diberikan dalam Soalan Bertulis itu agak umum sifatnya oleh kerana boleh dikatakan kawasan-kawasan yang penempatan secara berkelompok sebenarnya tidak banyak menghadapi masalah-masalah seumpama ini melainkan penempatan-penempatan yang berselerak yang ada rumah sebuah, dua buah yang mana ini merupakan perkara-perkara yang melibatkan soal masa saja untuk disempurnakan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan projek bekalan air insya Allah, kerajaan memberi jaminan akan meneruskan projek-projek ini terutamanya projek-projek sambungan. Oleh kerana itu dalam buku *budget* ada disebutkan bahawa ada caruman daripada Kumpulan Wang Perbekalan Negeri RM9.4 juta dan juga pinjaman daripada Pusat sebanyak RM92.4 juta. Jadi, projek ini insya Allah akan diteruskan di samping kalau keadaan kewangan mengizinkan perkara-perkara yang merupakan rungutan-rungutan daripada rakyat itu akan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan daripada masa ke semasa.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Wakil Seberang Takir bahawa pihak pembangkang suatu ketika dahulu ... kerajaan sekaranglah, selalu mempertikaikan projek pembangunan untuk rakyat termasuk bekalan air di Pulau Redang adalah tidak benar. Saya ingin membuktikan bahawa sebagaimana Laporan Audit yang telah dikeluarkan pada tahun 1999, terbukti bahawa wakil-wakil pembangkang yang bercakap berhubung dengan isu air di Pulau Redang pada waktu itu membuat satu *homework* yang baik. Oleh kerana apa yang dipersoalkan pada waktu itu ialah komitmen projek ini terlalu diberi keutamaan kepada pihak yang berkenaan khususnya *Berjaya Group* ataupun *Redang Island Resort*. Yang sebenarnya sebagaimana disebutkan oleh Wakil Bandar, sampai sekarangpun dari segi peratus yang sepatutnya diselesaikan oleh syarikat ini masih lagi belum disempurnakan. Jadi, oleh kerana itu kalau kita melihat kepada Laporan Audit 1999, terlalu banyak komen-komen yang disebutkan oleh Ketua Audit Negara yang sangat tepat, komen daripada pihak pembangkang pada waktu itu. Terutama dari segi pengurusan projek yang sepatutnya bernilai RM18.5 juta meningkat kepada RM46 juta, pemilihan kontraktor yang kerajaan telah melantik Syarikat Breknitt Consultant yang telah menggariskan kriteria-kriteria sepatutnya diberi perhatian dalam pemilihan kontraktor. Akhirnya kerajaan telah membuat keputusan memilih kontraktor yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Dan oleh kerana itulah salah satu faktor mengapa projek ini melibatkan kos yang tinggi kerana syarikat berkenaan tidak mempunyai

pengalaman dalam bidang yang berkenaan. Saya tak nak sebut satu persatu oleh kerana Laporan Audit ini sudah begitu jelas menerangkan kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh pentadbiran pada waktu itu. Begitu juga yang disebutkan oleh parti pembangkang pada waktu itu yang kita kata bahawa masalahnya mengapa apabila ada pihak korporat nakkan air baru kita ambil satu sikap ... baru kita beri komitmen berhubung dengan projek ini. Sedangkan rakyat di pulau telah berpuluh-puluh dalam keadaan air yang tidak cukup, yang memerlukan air sudah begitu lama.

Mengenai sungutan Wakil Air Putih tentang ketidakcukupan air di kawasan Cerol, Ceneh, Neram, Jabor insya Allah, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu dan telah dimasukkan dalam *budget* terutamanya untuk menaik taraf Loji Air di Cerol. Insya Allah, apabila pembinaan projek ini dapat diselesaikan termasuk juga dari segi meningkatkan keupayaan *pump buster* di Neram, insya Allah kita akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung yang sudah begitu lama termasuklah masalah yang disebutkan. Walaupun lebih kurang 10 tahun paip-paip air yang telah ditanam tetapi dalam tempoh 10 tahun itu air malu nak keluar, air tak nak keluar lagi dalam tempoh 10 tahun itu.

Berhubung dengan bekalan elektrik dan kemudahan telefon insya Allah, kerajaan sebenarnya sentiasa berbincang daripada masa ke semasa dengan pihak yang bertanggungjawab, pihak TNB dan juga pihak Telekom sebagai sebuah syarikat korporat yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Pusat, supaya dapat disegerakan kawasan-kawasan yang belum menikmati secara selesa kemudahan ini. Cuma dalam beberapa kali pertemuan saya dengan pihak yang berkenaan, saya selalu menyebutkan bahawa memanglah kita sebagai suatu badan korporat kita mementingkan keuntungan *profit motivated*. Tetapi jangan kita lupa berhubung dengan tanggungjawab sosial kerana ini merupakan satu perkara yang sangat penting lebih-lebih lagi dalam ajaran agama kita sendiri pun menekankan perkara ini. Dan kita mestilah ada suatu keyakinan bahawa kalau kita memberikan perhatian berhubung dengan tanggungjawab sosial ini sebenarnya harta kita akan lebih diberkati oleh Allah Taala:

وما انفقتم من شيء

Allah s.w.t. mengatakan: *Setiap apa yang kamu belanjakan itu nescaya akan digantikan.*

Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Al-Imam Ghazali dalam perbincangan berhubung dengan kemasyarakatan ini, kalau kita nak melahirkan sebuah masyarakat yang baik, masyarakat yang harmoni, masyarakat yang ada hubungan kasih sayang mestilah ada beberapa faktor yang asas, yang pertama sekalinya ialah pemerintah yang adil. Orang yang diberi kekuasaan mestilah melaksanakan, meratakan keadilan kepada masyarakat. Yang kedua, mestilah ada ulama-ulama yang jujur, orang-orang yang reti agama, bukan orang yang menjadi 'pak turut' kepada orang-orang yang berkuasa walaupun dalam perkara-perkara yang tidak betul ataupun mereka hanya memikirkan soal periuk nasi mereka saja tidak berani menegur kerajaan kalau ada perkara-perkara yang tersilap, menyeleweng dan seumpamanya. Dan yang ketiganya, saya nak sebutkan apa yang saya sebutkan tadi, mestilah ada kalangan usahawan, golongan berniaga yang pemurahi. Yang mana mereka tidak mementingkan kekayaan mereka sahaja tapi mereka memberikan perhatian berhubung dengan soal-soal tanggungjawab sosial, orang-orang miskin dan seumpamanya. Dan yang keempat Al-Imam Ghazali mengatakan, mestilah dalam masyarakat yang baik itu ada yang dikatakan golongan yang lemah, yang sentiasa mendoakan kepada kesejahteraan masyarakat. Insya Allah, apabila golongan yang lemah, yang tertindas, yang memerlukan pembelaan dia dapat hidup di bawah suatu pemerintah dan kekuasaan yang adil, dibimbing dan *diturbiah* oleh ulama-ulama yang jujur dan golongan usahawan yang selalu memberikan perhatian, ambil cakna berhubung

dengan kesempitan hidup mereka, barulah masyarakat yang dikatakan masyarakat yang kukuh ataupun apa yang disebutkan oleh Al-Quran, *baidatun thaibatun wakabun raful* negeri yang aman dan makmur mendapat keampunan daripada Allah s.w.t.

Yang akhir sekali, saya juga ingin menasihati kepada diri saya sendiri, kerajaan dan juga kawan-kawan kita daripada pembangkang untuk menjadi orang-orang yang lebih bertanggungjawab. Jangan kita sekadar bercakap bertanggungjawab tapi kadang-kadang 'kita lempar batu sembunyi tangan.' Umpama kita kata kita main bolalah, kalau kita kata nak main bola, kita main bola betul masa kita nak sumbat gol, kita kena sumbat gollah dengan tidak ada apa-apa halangan. Tapi saya nampak *trend* yang ada sehari dua dalam Dewan ni, kita pun rasa bimbang sebab buat *fault* sokmo, benda-benda yang patut dijaga, ucapan-ucapan yang sepatutnya lebih bertanggungjawab, ada bukti yang kukuh, ada fakta tidak diberikan perhatian. Yang saya lebih bimbang lagi ialah *referee*, Yang Dipertua takut dia tidak menggunakan kuasanya untuk buang padang pula. Ini merupakan satu perkara yang pada kerajaan, kita harap semua pihak bertanggungjawab dengan apa yang diperkatakan supaya kita menjadi Dewan yang mulia ini sebagai tempat yang benar-benar kita berbincang bukan sekadar tempat untuk membuat tohmahan, fitnah kemudian tidak memberikan bukti-bukti yang kukuh, yang dapat diambil tanggungjawab oleh pihak yang berkenaan.

Jadi, saya rasa sekadar itulah Tuan Yang Dipertua bagi bahagian saya. Saya ucap terima kasih di atas laluan yang diberikan. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Alur Limbat. Persilakan seterusnya –

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Insya Allah, saya pada pagi ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, akan mengambil masa yang singkat untuk nak respon kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam membincang dan membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 haribulan Disember yang lalu, khususnya dalam portfolio Pembangunan Usahawan dan juga Pembangunan Sektor Pertanian.

Saya ingin menggulung beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Air Putih dan juga Wakil daripada Ladang dan beberapa orang wakil lain dalam soal pembangunan sektor pertanian untuk menjawab bagi pihak rakan saya. Saya ingin menyatakan bahawa menjadi tumpuan utama kepada kerajaan untuk terus memberikan komitmen dan sokongan yang kuat khususnya kepada sektor pertanian terutama kepada tanaman-tanaman strategi seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan juga tanaman ekonomi tertentu seperti tembikai, pisang, betik dan juga jagung. Selain daripada itu, yang Negeri Terengganu mempunyai *comparative advantage* dengan izin Tuan Yang Dipertua, seperti limau madu dan roselle akan terus diberikan tumpuan khas supaya berkembang dengan lebih pesat. Ini juga termasuk industri hiliran iaitu pemprosesan makanan akan terus diberikan sokongan dan dipergiatkan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Air Putih juga menyarankan agar diperbanyakkan lagi kawasan-kawasan tanaman padi yang sememangnya tanaman padi merupakan satu tanaman

yang diberi tumpuan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu dengan sokongan dan bantuan daripada Jabatan Pertanian Persekutuan. Bagi menggiat dan meningkatkan pengeluaran padi di negeri ini, Jabatan Pertanian antara lain telah menjalankan beberapa aktiviti, iaitu yang pertamanya menjalankan aktiviti perataan sawah di seluruh negeri dengan tumpuan khas diberikan di kawasan 'lubuk padi' di Negeri Terengganu ini iaitu di kawasan Besut, iaitu di Kampung Padang Luas, Besut berjumlah 38 hektar, di Dengir juga di Besut 41 hektar, di Gong Kulin, Besut 54 hektar dan juga di Apal atau di kawasan Pohon Tar, Besut 12 hektar. Di samping itu, antara kegiatan lain Jabatan Pertanian ialah menambah kadar keperluan input pertanian iaitu baja dengan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM195,000. Seterusnya yang ketiga, menyediakan benih yang bermutu bebas daripada penyakit di bawah skim pembiayaan biji benih padi. Dan seterusnya yang keempat mengadakan kawalan yang sewajarnya bagi mengelakkan musuh padi.

Untuk meningkatkan keluasan tanaman padi, antara kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian ialah membaikpulih kawasan-kawasan yang terbiar, baikpulih sistem pengairan yang sedia ada serta mengenal pasti dan membangunkan kawasan-kawasan baru untuk ditanam dengan padi. Berhubung dengan perkara jentera untuk menanam padi, pihak Jabatan Pertanian memang sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha untuk menambah bilangan jentera dan menggantikan jentera-jentera yang sedia ada yang telah uzur. Antara usaha yang dijalankan untuk mengatasi kekurangan jentera pembajak khususnya untuk penanaman padi untuk tahun ini, tahun 2000 telahpun dibeli traktor baru sebanyak 5 buah dengan nilai RM420,000. Seterusnya sebanyak 20 buah *power tiller* dan 10 *cultivator* dengan izin Tuan Yang Dipertua, telah disampaikan kepada golongan sasaran melalui program Skim Pemilikan 50% Jentera Pertanian. Seterusnya yang ketiga, menyelaraskan penggunaan traktor secara bersepadu mengikut kawasan yang lebih memerlukan. Dan akhirnya, mendapat khidmat jentera dari Pusat Mekanisasi Perladangan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Paka meminta supaya Tabung Usahawan Kecil sebanyak RM10 juta, iaitu Skim Pinjaman yang berteraskan Al-Qadhrul Hassan diperluaskan dan dikembangkan ke seluruh daerah-daerah negeri ini. Saya ingin menegaskan bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk terus membantu usahawan-usahawan kecil dan skim yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri memang akan diperluaskan ke seluruh daerah-daerah sebaik saja kita mendapat peruntukan ataupun duit yang telah diperuntukkan. Selain peruntukan pinjaman tersebut, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan akan terus mengadakan program-program seperti menganjurkan kursus, seminar dan latihan keusahawanan serta khidmat nasihat dan bimbingan secara berterusan. Di samping mengadakan jualan dan pameran produk usahawan IKS, penerokaan peluang, program perjodohan (*match making*) dengan izin Tuan Yang Dipertua, dan juga penyediaan kilang serta kedai kepada usahawan.

Tuan Yang Dipertua, dalam kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya dan bagi pihak Kerajaan Negeri kepada Yang Berhormat Menteri dan Pegawai Kanan, Kementerian Pembangunan Usahawan yang terus memberi sokongan kepada usaha Kerajaan Negeri khususnya melalui Yayasan Pembangunan Usahawan untuk terus membantu para usahawan di negeri ini. Malahan Yang Berhormat Menteri telah bersetuju untuk melantik seorang Pegawai Kanan, Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menduduki dalam Lembaga Pengarah, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dan pegawai tersebut telahpun hadir ke mesyuarat Lembaga.

Dan Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu juga telah diminta untuk bekerjasama dengan Yayasan Tekun Nasional iaitu TEKUN di bawah Kementerian untuk terus sama-sama membantu usahawan negeri ini. Apa yang saya harap Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, supaya jangan ada apa-apa usaha dari mana-mana pihak untuk mensabotaj atau menghalang apa juga usaha yang dilakukan untuk mencari kebaikan bersama demi faedah rakyat seluruhnya ,khususnya para usahawan di negeri ini. Saya sebut perkara ini secara khusus Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memang ada usaha dibuat oleh golongan-golongan tertentu untuk menghalang para pegawai kerajaan Jabatan Persekutuan untuk tidak hadir atau menghantar wakil di peringkat mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Negeri.

Sejak kita diberi kemenangan oleh Allah s.w.t., Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar mengambil sikap untuk tidak berkonfrantasi dengan mana-mana pihak. Saya sendiri seperti juga rakan-rakan dalam saf kepimpinan Kerajaan Negeri, saya telah dengan beberapa orang pegawai telah membuat kunjungan hormat kepada dua orang Menteri di Pusat yang ada hubung kait dengan portfolio yang saya diamanahkan, iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna dan juga Menteri Pembangunan Usahawan. Kerana kita merasakan tidak ada salah dan silapnya adik untuk berkunjung, bertemu dengan abang ataupun anak untuk menziarahi ayah. Tetapi apa yang berlaku sebagai contoh, dalam menangani masalah hal ehwal pengguna Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri yang ditubuhkan telah melantik Yang Berhormat daripada Wakil Seberang Takir menjadi Pengerusi di peringkat negeri. Saya ucap tahniah dan syabas. Tetapi yang saya rasa cukup terkilan bukan kerana saya tidak dijemput untuk sama-sama hadir duduk dalam Majlis itu tetapi tidak seorangpun wakil Kerajaan Negeri yang dijemput untuk menganggotai Majlis itu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat daripada Seberang Takir dan juga Timbalan Pengerusinya bekas Wakil Rakyat Bandar. Yang menjadi hariannya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, antara ahli-ahli dalam Majlis ini ialah Timbalan-timbalan Pengerusi UMNO-UMNO Bahagian dalam Negeri Terengganu.

Ini antara contoh yang saya nak sebutnya secara khusus gangguan pimpinan parti politik UMNO dan Barisan Nasional secara berterusan untuk mengganggu pentadbiran Kerajaan Negeri. Seperti mana yang kita dengar sebelum pada ini, dengan ura-ura nak lantik JKKK di peringkat kampung, dengan tidak

YANG BERTUAN DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta laluan. Adakah bukti bahawa Majlis Pengguna menganggu pentadbiran negeri?

YANG BERTUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia memang ada Tuan Yang Dipertua, oleh kerana ia melibatkan hal ehwal kepenggunaan Kerajaan Negeri sepatutnya bersama-sama dalam menangani apa juga masalah yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna khususnya di musim sekarang ni di waktu nak menghadapi musim-musim perayaan. Jadi inilah yang berlaku yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERTUAN DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta laluan lagi. Saya dimaklumkan bahawa Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna di daerah-daerah yang selama ini dipengerusikan Pegawai Daerah telah diberhentikan atas arahan pihak Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan tidak ada kerjasama seperti yang pernah diberikan pada waktu yang lalu.

18 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, saya ingi memberi penjelasan dalam perjumpaan dengan Yang Bert hormat Menteri, kita minta diadakan kerjasama dan kita minta ada Wakil Kerajaan Negeri dan ada wakil daripada mana-mana orang yang difikirkan layak untuk dilantik oleh pihak Menteri, supaya ada kerjasama. Tetapi bila melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dengan tidak melibatkan Wakil Kerajaan Negeri, inilah bentuk, corak yang dilakukan. Jadi oleh demikian, pihak kerajaan memutuskan supaya kita tidak membenarkan wakil ataupun mana-mana pegawai, dan kita melarang pegawai-pegawai Kerajaan Negeri untuk duduk dalam Majlis ini. Dan inilah Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua penjelasan - Adakah pegawai-pegawai Kerajaan Negeri itu bukan Wakil Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak, pegawai ialah pegawai, Kerajaan Negeri yang melaksanakan dasar. Pegawai yang melaksanakan dasar yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Oleh itu, siapakah Yang Bert hormat maksudkan dengan Wakil daripada Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil Exco lah, wakil pimpinan daripada Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Bagi saya kalau Pegawai Daerah sudah cukup untuk mewakili Kerajaan Negeri, paling tidak di peringkat daerahnya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Inilah bentuk gangguan Yang Bert hormat Yang Dipertua, dia duduk kira bagi dia saja, cara dia saja. Dia fikir cara dia saja.

YANG BERTHORMAT HAJI HARU BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Wakil Kerajaan Negeri tu wakil yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bukan dilantik oleh Kerajaan Pusat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi, Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua yang saya katakan tadi saya cukup kesal sehinggakan Majlis Hal Ehwal Pengguna yang ditubuh untuk nak menjaga kepentingan semua pengguna yang jadi rakyat negeri ini, itupun nak diseretkan dalam kancak politik kepartian.

Jadi Yang Bert hormat Tuan Yang Dipertua, itulah secara ringkas beberapa perkara yang saya nak sebut dalam menggulung perbahasan pada pagi ini. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabaroktuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang nak buat apa-apa ucapan kerana tidak ada perkara-perkara yang ditimbulkan, yang berkehendakkan kepada respon daripada saya. Oleh itu, sekianlah terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan. Saya ingin memberi beberapa jawapan kepada beberapa pertanyaan yang antara lain telah melibatkan amanah yang diberi kepada portfolio saya.

Yang pertama sekali, Yang Berhormat Paka telah membuat pertanyaan mengenai dengan GPP 5 dan 6, *Processing Plant* dengan izin, iaitulah berkait dengan pelan CFO ataupun *Certificate of Fitness for Occupation* dengan izin, Sijil Kelayakan Menduduki Kilang itu. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pelan bagi pembinaan kompleks GPP 5 dan 6 diluluskan oleh Majlis Daerah Dungun pada 16 Mei 1996. Manakala Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan pada 17 Ogos tahun 2000. Taksiran ataupun cukai pintu masih lagi dalam kajian Perunding dan dijangka penguatkuasaannya boleh dilakukan pada tahun hadapan ataupun bulan depan.

Yang Berhormat Bukit Tunggul bertanya mengenai dengan ketiadaan perparitan Pulau Duyung dan Pulau Ketam. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mungkin kerajaan yang kita warisi ini memikirkan pulau-pulau ini tak perlu parit lagi kerana dia di kelilingi oleh air. Dan begitu juga tidak ada penyusunan yang dibuat untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, perparitan dan sebgainya, Duyung dan pulau-pulau yang lainnya telah ditinggal sekian lama. Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS ini sedang dalam rancangan untuk menyusun semula kependudukan di Pulau Duyung bagi membolehkan pemberian infrastruktur yang secukupnya bagi keselesaan hidup di Pulau Duyung. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerisauan Yang Berhormat Bukit Tunggul ialah mengenai kebakaran yang mungkin berlaku ke atas kependudukan di Pulau Duyung ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini suatu masalah yang masih lagi tak dapat kita pisahkan kerana kita terima pusaka yang tidak molek. Rumah-rumah yang tidak tersusun diluluskan pembinaan dengan tidak mengambil kira bahaya-bahaya yang akan dihadapi oleh penduduk. Dan insya Allah, di dalam penyusunan semula ini aspek keselamatan akan diambil kira dan disyaratkan untuk dipatuhi.

Yang Berhormat Air Putih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua menonjolkan suatu masalah yang besar mengenai dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang sehingga kini walaupun setelah 22 tahun kerajaan yang diwarisi memperolehi nikmat kelebihan kewangan daripada royalti petroleum tapi Pihak Berkuasa Tempatan terus menerus miskin dan ketiadaupayaan untuk membiayai diri. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, rancangan komprehensif ataupun secara keseluruhan dan telahpun dirancang supaya setiap Pihak Berkuasa Tempatan dapat menyara diri. Dan untuk itu, ianya akan melibatkan pembangunan yang komprehensif kepada keseluruhan kawasan-kawasan Majlis-majlis Tempatan dan juga semakan serta penguatkuasaan ke atas sumber-sumber percukaian yang boleh difikirkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan ini dapat menyara diri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat daripada Kemasik mengemukakan soalan berkait dengan JKKK dan inilah juga yang telah ditimbulkan berkali-kali oleh Yang Berhormat daripada Seberang Takir. Saya rasa jawapan yang telah saya beri tadi di dalam Soalan Lisan, mencukup dan meliputi peruntukan-peruntukan perundangan dan Perlembagaan.

Bangkitan juga dibuat oleh Yang Berhormat daripada Kemasik mengenai dengan hubungan Persekutuan dan Negeri, dan apakah implikasi federilisma berkenaan dengan pencabulan ke atas Perlembagaan Undang-undang dan rompakkan yang berlaku ke atas royalti petroleum. Insy Allah, saya akan beri sedikit penjelasan untuk menyokong Ucapan Belanjawan seterusnya.

Yang Berhormat Telemong, Yang Berhormat Yang Dipertua, tak salah saya meminta supaya pilihan raya baru diadakan, *fresh mandate* untuk mendapat mandat baru. Ini mengigau di waktu pagi hari Yang Berhormat Yang Dipertua. Kita minta satu mandat ni bila sekiranya kita rasa mandat kita tergugat, 28 daripada 32 Ahli Dewan lebih daripada mencukupi. Tetapi apa yang berlaku ialah serangan demi serangan oleh gergasi yang tidak mempunyai peruntukan mengikut Perlembagaan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ditimbul dan diungkit juga bahawa tidak adanya kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat bila mana Menteri datang ke Negeri Terengganu untuk memberi penjelasan berkait dengan wang ihsan tetapi Kerajaan Negeri tidak mengizinkan pegawai-pegawainya menghadiri. Dan ini dikatakan tidak ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara ini telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Berangan kelmarin tapi ingin saya jelaskan sedikit lagi bahawa perbuatan tidak menghormati tuan rumah dan membelakangkan kewujudan Pentadbiran Negeri adalah suatu kesalahan Perlembagaan. Oleh yang demikian, jika sekiranya Kerajaan Pusat mahu berurusan dengan Kerajaan Negeri, Perlembagaan mempunyai peruntukan-peruntukan yang khusus cara-cara, prosedur dan peraturan-peraturannya. Oleh itu, menghormati Perlembagaan dan undang-undang adalah salah satu Rukun Negara yang sepatutnya diamalkan oleh Kerajaan Pusat.

Saya lihat dan saya perhatikan, Yang Berhormat Seberang Takir sungguh-sungguh tak puas hati mengenai pelantikan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Cara dan persoalan yang dikemukakan melihatan sesuatu yang kekurangan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu suatu tuduhan. Kalau Yang Berhormat Wakil Batu Buruk dapat membuktikan bahawa saya tidak berpuas hati, saya boleh setuju. Kalau tidak saya minta Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta ditarik balik. Itu suatu tuduhan. Ucapan saya, saya tidak pernah menyatakan bahawa saya tidak bersetuju, saya tidak puas hati dengan lantikan itu. Ini suatu tuduhan yang tidak berasas, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya belum habis cakap lagi, og sikitlah. Og ... og ... orang panggil dok, ke dok reti bahasa og.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Tuan Yang Dipertua, saya cepat-cepat kerana saya rasakan ini tidak adil, dan tidak munasabah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tuan Yang Dipertua, saya sedang nak bag ini. Kalau saya betul-betul dengar apa yang dicakapkan kelmarin, bila saya bangun minta penjelasan bahawa beliau mengemukakan suatu persoalan bahawa pentadbiran dalam suatu majlis telahpun menyebabkan peserta majlis memberi laporan ataupun sebab mengapa dia tinggal majlis dan sebagainya. Ini yang saya katakan mencabar dan

tidak puas hati dengan pelantikan serta kewibawaan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Dan pada hari ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk penjelasan di Dewan saya pohon supaya Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan memberi *account* memberi penjelasan apakah yang sebenarnya berlaku untuk memuaskan hati Yang Berhormat dari Seberang Takir. Saya pohon.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebelum Yang Berhormat mengizinkan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan memberi penjelasan, saya ingin meminta *ruling* daripada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Yang Dipertua bersetuju dengan apa yang saya sebut itu sebagai suatu perkara benar dapat dibuktikan. Maka dengan itu dipanggil Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan untuk menerangkan kedudukannya. Sebab setahu saya, seingat saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua tidak boleh terima apa yang saya katakan itu sebagai betul.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara ini telahpun berlalu dan tanggapan ataupun anggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Seberang Takir telahpun dilafazkan. Dewan ini pernah meminta supaya tarik balik tapi Yang Berhormat tidak mahu tarik balik maka seolah-olah Yang Berhormat telah yakin dengan apa Yang Berhormat katakan. Maka Dewan ini menganggap bahawa itu adalah suatu kenyataan yang bertanggungjawab. Saya tidak menggunakan kuasa di atas dasar budi bicara saya untuk mententeramkan suasana, maka oleh kerana itu adalah adil kalau saya benarkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan untuk memberi penjelasan terhadap tanggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Dipersilakan –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak membantah kalau itulah keputusan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Tapi saya sama sekali menyangkal bahawa saya menyatakan sama ada secara tersurat atau tersirat, saya tidak berpuas hati dengan lantikan ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan –

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Boleh saya jawab, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan untuk memberi penjelasan terhadap persoalan ini.

YANG BERHORMAT DATO' SETIAUHAH KERAJAAN: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya berdiri di sini menurut Peraturan dan Perintah Tetap Dewan di bawah fasal 124, Hak-hak Pegawai Mengambil Bahagian Dalam Persidangan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Oleh kerana banyak persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang arahan-arahan, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan maka pada ketika ini saya mengambil kesempatan untuk memberi beberapa penjelasan mengenai isu-isu tersebut.

18 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, atas kenyataan-kenyataan yang saya buat adalah bersandarkan kepada Perintah Am Bab 'D' Peraturan 4 subseksyen 1 yang berbunyi: *Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan setiap ketika memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di Pertuan Agung, negara dan kerajaan.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ucapan-ucapan yang saya beri berkaitan dengan OSA dan mendokong dasar-dasar kerajaan adalah satu peringatan kepada kakitangan kerajaan daripada Ketua Pentadbiran sendiri supaya kakitangan awam sentiasa menjalankan kerja-kerjanya dengan betul dan tidak menyalahi mana-mana Perintah Am dan lain-lain peraturan. Mungkin pada masa menyampaikan ucapan-ucapan ini, nada saya adalah agak keras dan saya memang terkenal dengan memberi ucapan dengan nada yang keras dan saya akan terus dengan nada yang keras ini, dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, *to drive my point home* untuk menyampaikan maksud sebenar.

Perkara yang ketiga Yang Berhormat Yang Dipertua, surat-surat pekeliling yang saya keluarkan kepada pegawai-pegawai awam yang melarang mereka menjadi ahli-ahli Jawatankuasa JKKK, ini adalah mematuhi perintah kerajaan yang tidak mengiktirafkan JKKK. Apakah Yang Berhormat sekalian ingin melihat SUK lakukan terhadap perkara ini, berdiam diri di atas keputusan kerajaan? Tindakan saya ini adalah untuk memaklumkan kepada kakitangan awam bahawa mereka dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti JKKK. Sekiranya saya berdiam diri tentu sekali saya akan dianggap atau ditohmah bahawa keputusan kerajaan ini tidak diberitahu kepada kakitangan awam.

Perkara yang keempat, yang ingin saya jelaskan tentang kerajaan seharusnya bersikap telus dan tidak mengutip pergerakan kakitangan kerajaan. Peristiwa yang sebenarnya berlaku mengenai perkara ini adalah pada 18 haribulan Oktober tahun 2000, di mana satu acara penerangan mengenai royalti petroleum di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan kakitangan kerajaan sendiri. Peristiwa ini berlaku di Dewan Besar, Wisma Darul Iman di mana pada ketika seramai 1,869 orang kakitangan kerajaan telah menghadiri acara ini yang bermula pada pukul 11.45 pagi. Bagi mereka yang menghadiri acara ini pendaftaran kehadiran telah diadakan dan bagi mereka yang datang daripada luar Wisma Darul Iman, kad-kad pengenalan mereka telah diambil di pintu dan dikeluarkan dengan kad keselamatan. Bagi mereka yang meninggalkan acara ini lebih awal, sebelum tamatnya majlis ini terutamanya bagi mereka yang datang dari luar Wisma Darul Iman, apabila mereka ambil balik kad pengenalan mereka, maka telah dicatat mereka yang keluar lebih awal daripada majlis tersebut. Apabila saya mendapati bahawa ada kakitangan yang keluar yang mana saya dapati seramai 67 orang, yang keluar lebih awal. Sayapun telah mengarah supaya dikeluarkan surat memberi sebab kenapa mereka meninggalkan majlis lebih awal.

Jadi ini bukan satu proses pengintipan, sebenarnya Yang Berhormat ini adalah satu proses untuk menegakkan disiplin di kalangan kakitangan kerajaan. Adakah sopan bagi seseorang itu meninggalkan majlis yang mana terutamanya dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sebelum majlis itu tamat. Sekiranya saya membiarkan perkara ini terus berlaku, berdiam diri tanpa sebarang mengambil tindakan untuk menegakkan disiplin di antara kakitangan kerajaan, saya kira saya telah tewas dalam menjalankan tugas saya. Jadi oleh hal yang demikian, saya telah mengeluarkan surat meminta mereka yang berkenaan supaya menunjuk sebab kenapa mereka meninggalkan majlis tersebut lebih awal daripada majlis ditutup.

Jadi kalau perkara sedemikian dipolitikkan, dijadikan isu politik oleh kerana mereka yang terlibat mengadu kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat mengambilnya sebagai isu politik, saya

percaya taraf disiplin di kalangan kakitangan kerajaan makin merosot. Saya harap perkara ini diberi perhatian yang begitu tinggi.

Ada juga isu yang dibangkit tentang kekerapan pertukaran Pegawai-pegawai Tadbir. Saya ingin menjelaskan bahawa pertukaran ini perlu dibuat di sebab-sebab berikut:

1. Untuk membetulkan kepincangan penempatan pegawai yang telah dilakukan di masa lepas.
2. Di atas sebab-sebab kenaikan pangkat dan kenaikan gred jawatan-jawatan yang tertentu. Dan apabila seorang atau dua orang pegawai ditukar maka pertaliannya adalah begitu banyak, bila diubahkan A maka B, C, D dan seterusnya akan terlibat.
3. Di atas persaraan pegawai-pegawai maka pertukaran juga perlu dibuat.
4. Di atas sebab-sebab kelayakan pegawai. Contohnya, saya terpaksa beri bahawa untuk menjadi Ahli Majlis seseorang pegawai yang mufliis tidak dapat sebagai Ahli Majlis. Apabila berlaku peristiwa ini maka saya terpaksa mengeluarkan pegawai yang berkenaan dan diganti dengan pegawai lain maka pertukaranpun berlakulah.

Seterusnya mengenai surat pekeliling saya menghindar atau melarang pegawai-pegawai kerajaan menghadiri satu acara majlis penjelasan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Rais Yatim. Perkara ini dijawab dan dijelaskan oleh kedua-dua Yang Berhormat kita daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tapi saya ingin menambah bahawa surat jemputan ini dikeluarkan oleh Setiausaha UMNO Terengganu, iaitu Yang Berbahagia Dato' Ismail Said dengan menggunakan kepala surat UMNO. Jadi reaksi saya bahawa ini adalah satu majlis politik yang mana kakitangan kerajaan adalah dilarang untuk menghadiri majlis politik. Saya tidak habiskan setakat itu saya *refer*, saya rujukkan perkara ini kepada Yang Bahagia. Tan Sri Abdul Halim Ali, iaitu Ketua Setiausaha Negara dengan menyampaikan salinan surat daripada UMNO menjemput kita hadir. Saya telah berjumpa dengan Yang Berbahagia Tan Sri Halim Ali mengenai perkara ini, setelah menulis kepada beliau dan beliau memberitahu kepada saya dalam perjumpaan itu bahawa dengan izin Yang Berhormat ... Tan Sri Halim ni bercakap dengan saya dalam bahasa Inggeris, saya nak beritahu apa yang dicakap kepada saya "*Dato' you have done the right thing.*" Kalau tak percaya pergi tanya Tan Sri Halim Ali, dia masih hidup lagi.

Dan seterusnya dia bukan habis di situ, Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Setiausaha Negara telah merujuk perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan apa lagi kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Tan Sri Halim dan Tan Sri Halim sampaikan kepada saya, dan Yang Amat Berhormatpun bercakap dengannya dalam bahasa Inggeris, Tan Sri Halim sampai kepada saya dalam bahasa Inggeris. Dan saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kata Perdana Menteri kepada Halim dan Halim sampai kepada saya bahawa PM berkata sedemikian, iaitu *how could UMNO Terengganu be so stupid.* Inilah perkataan-perkataan yang benar dikeluarkan oleh Halim kalau tak percaya Halim masih hidup boleh bertanya sama dia.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Pertua, minta lalu tolong terjemah saya dok berapa faham Melayu.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN: Dalam bahasa Melayunya sebegini mungkin ... kenapa UMNO Terengganu ni bodoh sangat. Dan dia kata lagi *they deserve to lose the last election*, makna layaklah mereka kalah dalam pilihan raya yang lepas. Kalau tidak percaya pergi tanya Halim.

Akhir sekali, perkara yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin memperjelaskan bahawa saya juga telah mengeluarkan satu pekeliling terbaru menghalang pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan berkanun termasuk Kerajaan Tempatan untuk mengambil bahagian dalam apa jua perbincangan dan urusan berkaitan dengan wang ihsan. Ini adalah satu arahan yang terbaru daripada Kerajaan Negeri. Alasannya Yang Dipertua, kita akan mengambil tindakan undang-undang mengenai perkara ini dan sekiranya kita membenarkan agen-agen kita melibatkan diri dalam hal ini dia akan merupakan satu *implic action*, tindakan *implic* bahawa kita telahpun bersetuju dengan wang ihsan ini.

Sekian Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah memberi penerangan yang begitu jelas dan ini tentulah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya faham meringankan beban Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seperti yang kita ikuti bersama Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa keperihalan berhubung dengan perjumpaan di Dewan Besar pada 18 haribulan sepuluh itu dengan sendirinya membuktikan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa apa yang saya sebut itu bukan satu tuduhan yang melulu. Jadi, terpulanglah kepada Yang Berhormat Yang Dipertualah, sama ada hendak mengubah ataupun tidak kenyataan Yang Berhormat Yang Dipertua buat itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak jelas, semula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terpulang kepada saya ... kepada Yang Dipertua tadi macam mana? Tak jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terpulanglah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sama ada nak mengubah kenyataan Yang Berhormat Yang Dipertua terhadap kenyataan saya itu, bila telah mendengar cerita Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri tadi berhubung dengan perjumpaan pada 18 haribulan sepuluh.

Cuma saya tidak puas hati, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam penjelasan tadi menyebut 'pengintipan'. Kalau saya tidak salah, saya tidak pernah menyebut adanya perkataan 'pengintipan' di dalam ini, Yang Dipertua. Jadi jangan disalahkan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan bahawa apa yang saya ucap itu bermakna sebagai suatu 'pengintipan'. Cuma yang saya nak sebutkan bahawa tidak terbukanya Kerajaan Negeri Terengganu seperti yang didakwa oleh Menteri Besar. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, berkait dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan sebagai satu bahan bukti yang telah jelas terhadap kenyataan Yang Berhormat Seberang Takir. Saya masih terus kepada keputusan yang lalu bahawa Dewan meminta supaya Yang Berhormat buktikan tetapi Yang Berhormat enggan menyatakan bukti. Bukti ketika itu keputusan dibuat di atas dasar keengganan Yang Berhormat bukan di atas dasar ketiadaan bukti. Dipersilakan Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kekeliruan. Oleh kerana kelmarinnya saya minta Yang Berhormat sahabat saya daripada Seberang Takir ni beri siapa dia yang buat keluar itu, bukan rahsia. Kalaulah betul itu arahan dan betul itu surat daripada Yang Berhormat Setiausaha, kita ambil tanggungjawab. Tapi dia takut-takut nak bagi, itulah timbul kekeliruan kelmarin. Saya pun pohon maaflah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dia memohon maaf, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, suatu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kijal mengenai sumber hasil negeri iaitu berkait dengan pembangunan tanah sebagai sumber. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sejak Kerajaan Barisan Alternatif mengambil alih kerajaan Negeri Terengganu 2 Disember 1999, suatu dasar baru mengenai dengan pemilikan dan pengusahaan tanah telahpun dibuat mengikut janji yang diberi kepada rakyat. Yang pertama, permohonan tanah dibuka semula secara rasmi. Yang kedua, pemberian lot-lot perumahan bagi mereka-mereka yang tidak mempunyai tapak rumah dijadikan keutamaan di dalam urusan pemberian lot tanah kepada rakyat.

Menyusuli perkara ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dasar untuk menjana ekonomi melalui hartanah yang sedia ada milik negeri digalakkan. Pemberian tanah untuk pertanian, tanah yang kurang daripada satu hektar paling kurang ataupun dua ekar setengah, tidak lagi diberi kepada rakyat untuk pertanian melainkan saiznya paling kurang satu hektar ataupun dua ekar setengah. Kerana ini dalam perkiraan dan nasihat teknikalnya paling minimum untuk perusahaan pertanian yang boleh menjana ekonomi. Untuk itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Alternatif sedang menyusun semula sistem pentadbiran tanah, menyemak dan memperkenalkan Undang-undang Tanah yang akan menjamin nikmat pemilikan dan penjana ekonomi kepada negeri dan rakyat; menjadi program utama kepada rakyat dan kita tidak perlu kerangka kerana kita telah meletakkan rancangan untuk membangun dan menjana ekonomi rakyat. Membuka semula tanah, seperti mana saya katakan tadi untuk rakyat memohon di atas keupayaan-keupayaan yang terbukti. Dan menjadikan pemilikan tanah ini, pemilikan awal sebagai ujian sama ada mereka-mereka yang ingin memilik tanah ini semata-mata mahu milik harta ataupun mahu memilik harta bagi pembangunan dan menjana ekonomi dibezakan.

Tuan Yang Dipertua, ramai ahli-ahli daripada kerajaan, *back bancher* dengan izin dan juga pembangkang yang menimbulkan perkara-perkara berkait dengan rumah dan penghunian. Walaupun sebaik sahaja pengambilan alih kerajaan, kerajaan Barisan Alternatif dinafikan sebanyak 13 pelaksanaan projek perumahan kos rendah. Kita tidak tawar hati bahkan kita meneruskan untuk memenuhi keperluan rakyat dengan program-program perumahan bukan sahaja program

18 DISEMBER 2000

perumahan untuk kos rendah, sederhana kita juga mengambil kira mereka-mereka yang lebih berkeupayaan untuk memiliki rumah yang lebih mahal. Dengan izin Yang Dipertua, daripada siasatan dan kajian yang dibuat oleh jentera Kerajaan Negeri permintaan rumah mengikut jenis dan daerah bagi seluruh Negeri Terengganu sehingga Disember 2000 berjumlah 9,482 rumah, yang terdiri daripada rumah kos rendah 7,615 unit dipecahkan kepada:

Besut	-	473
Dungun	-	1,545

dan projek di Dungun, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua untuk pengetahuan, sedang di dalam pelaksanaan pembinaan rumah jenis bercampur sebanyak 600 unit, sedang dalam pelaksanaan. Jadi hampir separuh daripada keperluan untuk tahun 2001 akan dipenuhi dengan segera.

Hulu Terengganu -	663 unit
Kemaman -	2,328 unit diperlukan
Kuala Terengganu-	1,907 unit dan
Marang -	468
Setiu -	231

Yang lain-lain kategori Tuan Yang Dipertua, saya tidak berhasrat untuk mendetailkan melainkan timbul persoalan lain. Tetapi keseluruhannya kos sederhana permintaan sebanyak 825, kos tinggi 1,042. Jumlah keseluruhan 9,482.

Bilangan projek-projek dalam pelaksanaan. Rumah Awam Kos Rendah bilangan projeknya dalam pelaksanaan 3, unit dalam pelaksanaan 616, manakala yang diamanahkan kepada swasta sebanyak 11 projek ini untuk mengatasi kehilangan sumber pembatalan RM100 juta kurang lebih yang diberhentikan oleh Jabatan Perumahan Persekutuan. Unit yang akan dilaksanakan oleh swasta Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua ialah 855. Manakala projek penswastaaan yang kita lakukan secara penswastaaan tanah kerajaan sebanyak 6 projek, unitnya ialah 5,245 menjadikan jumlah unit di dalam pelaksanaan 6,716 unit kesemuanya.

Bilangan projek perumahan yang dirancang mengikut daerah, keseluruhannya Yang Berhormat Yang Dipertua:

Besut	-	3,191 unit
Dungun	-	3,419 unit
Hulu Terengganu-		1,191 unit
Kemaman	-	9,128 unit
K. Terengganu	-	7,842 unit
Marang	-	3,199 unit
Setiu	-	238 unit

menjadikan jumlah yang dirancang untuk memenuhi keperluan rakyat ialah sebanyak 28,908 unit. Dan projek-projek yang dilaksana ini dijangka siap mengikut aturcara ataupun program kemajuan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tahun 2001 adalah dijangka mengikut rancangannya bagi 8 projek unit yang akan disiapkan sebanyak 3,893 unit. Manakala tahun 2002, 16 projek akan mengeluarkan rumah siap sebanyak 3,432 unit dan kita menaikkan bilangan projek bagi tahun 2003 kepada 53 projek yang akan mengeluarkan rumah siap sebanyak 13,855. Dan tahun pilihan raya

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, 22 projek kita akan siapkan sebanyak 11,444 unit. Jumlah kesemuanya ialah 35,624 unit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itulah ringkasan yang telahpun dirancang untuk memenuhi permintaan dan keperluan rakyat berkait dengan rumah siap yang akan dijual kepada rakyat. Selain daripada itu, saya belum menerima angka yang terakhir tetapi sambutannya amat baik sekali bagi lot-lot tanah kediaman yang dipohon oleh rakyat seluruh Negeri Terengganu yang telahpun berjalan pembukaannya.

Buat akhirnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan sedikit mengenai apa yang dikatakan dan dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pertama kebimbangan Terengganu tidak mempunyai wang untuk membiayai perkhidmatan dan pembangunan. Ini menjadi tepuk tangan kepada pembangkang dan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian kerana ada Yang Berhormat daripada pembangkang membantah Yang Amat Berhormat Menteri Besar menggunakan perkataan 'rompak' di hari pembentangan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, rompak ini adalah suatu jenayah yang diiktiraf oleh Kanun Keseksaan, ianya bukan suatu perkara *unparliamentary* dengan izin, yang tidak berparlimen untuk disebutkan perkataan 'rompak'. Dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ambil pengertian Kanun Keseksaan Seksyen 390 - Rompak: Di dalam semua kaedah perbuatan rompak ianya mestilah melibatkan sama ada curi ataupun peras ugut. Jadi rompak ni lebih teruk daripada curi, lebih teruk lagi daripada peras ugut, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dan difinasi 'rompak' ialah mengambil sesuatu daripada hak orang yang lain dengan tiada persetujuan orang itu di dalam kehadirannya. Samalah perkara yang berlaku Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, hasil royalti minyak yang diadakan perjanjian secara sah termeterai di antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Petronas sebuah Perbadanan yang mempunyai entiti ataupun hak *legalnya* yang tersendiri dirompak, dirampas oleh Kerajaan Pusat tanpa persetujuan Kerajaan Negeri.

Dengan izin Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan bahawa royalti petroleum yang dibayar sejak tahun 1978 kepada Kerajaan Negeri Terengganu bukanlah perkara 'ihsan' dan bukannya perkara 'pemberian' ataupun turun seperti hujan tetapi ianya mempunyai balasan perundangan dan hak. Dengan izin Tuan Yang Dipertua, mengikut *preamble* ataupun pembukaan kepada perjanjian ini oleh kerana teksnya dalam Bahasa Inggeris dengan izin sekali lagi Yang Dipertua, yang berkata: *And whereas the government and the Petronas are desirous of entering into an agreement pursuant to section 4 of the aforesaid Act regarding the case payment to made by Petronas to the government in return for the ownership and rights, powers, liberties and privileges vested as aforesaid in respect of petroleum.* Saya terjemahkan untuk mereka yang kurang faham, Yang Berhormat dengan izin: *Dan bahawasanya kerajaan, ertinya Kerajaan Negeri Terengganu, dan Petronas berhasrat untuk membuat suatu perjanjian lanjutan daripada seksyen 4 Akta Pembangunan Petroleum 1974, berkait dengan bayaran tunai yang akan dibuat oleh Petronas kepada Kerajaan Terengganu sebagai balasan bukan ihsan, sebagai balasan untuk Petronas memperoleh hak, kepentingan dan kuasa, kebebasan dan lain-lain kemudahan yang diberi kepadanya mengikut Akta tersebut.* Dan oleh yang demikian, kata perjanjian ini, *Now therefore in return of the ownership and the right, powers, liberties and privileges in respect of petroleum vested by the government in Petronas, it is hereby agreed as follows:* Oleh itu sebagai balasan bagi memperoleh hak dan kepentingan, kuasa dan kebebasan berkait dengan petroleum yang dahulunya menjadi hak Kerajaan Negeri Terengganu kepada Petronas dengan ini dipersetujui:

1. *Petronas shall make to the government cash payment in the form of yearly sum amounting to equivalence of 5% of the value of the petroleum won or saved in Terengganu and sold by Petronas or its agents, contractors during the period provided in clause 2.*

Petronas hendaklah, wajiblah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam rupa bayaran tahunan berjumlah bersamaan 5% daripada nilai petroleum yang diperolehi dan dikeluarkan di Terengganu dan dijual oleh Petronas, wakilnya, kontraktornya dalam masa yang ditentukan.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk pembangkang bersorak mengiyakan perbuatan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat adalah suatu tindakan yang paling tidak bermaruah dan bermoral. Tuan Yang Dipertua, patutnya walaupun kita sudah hilang kekuasaan tetapi undang-undangnya ada, perlembagaannya ada, perjanjiannya ada kitalah manusia yang sepatutnya menghormati undang-undang ini dan paling kurang tidak bercakap tetapi bukanlah menjadi semboyan untuk membesar-besarkan kutukan ke atas perolehan bayaran ini menyetujui apa yang dibuat oleh perompak-perompak ke atas hak Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Dewan untuk menjelaskan bagi mereka yang belum pernah melihat dan memahami perjanjian ini. Oleh kerana mengikut Perlembagaan Persekutuan, tanah dan perkara-perkara berkait dengan tanah dan urusan tanah ini masih kekal menjadi negeri, sama ada ianya merupakan tanah di darat, di pantai ataupun di luar pantai. Kerana tanpa kerajaan, tanpa Negeri Terengganu tidak akan *off-shore* ataupun luaran pantai bagi pengarian Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, orang yang mengatakan 'ihlan' yang dahulunya 'royalti' dan bertanggungjawab dengan dosa yang dipikul ialah tidak lain, saya baca *Schedule* di bawah seksyen 2.2: *Grant of rights, powers, liberties and privileges in respect of petroleum*, pemberian hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan berkait dengan petroleum. *I, Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar of Terengganu on behalf of the government of Terengganu on this 22nd day of Mac 1975, hereby grant in perpetuity and convey to and vest in Petronas the ownership in and the exclusive rights, powers, liberties, privileges of exploring, exploiting, winning and obtaining petroleum whether lying onshore or offshore of Malaysia. The grant, conveyance and vesting made hereunder shall be irrevocable and shall enure for the benefit of Petronas and its successor. In witness whereof I on behalf of the government of Terengganu hereunto set my hand the day and the year first herein above written.*

Saya terjemahkan Tuan Yang Dipertua. Pemberian hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan berkait dengan petroleum. Saya, Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar Negeri Terengganu bagi pihak Kerajaan Terengganu pada 22 haribulan Mac 1975, dengan ini ... ini kita dengar, menyerahkan untuk selama-lamanya *inperpetuity* selagi ada bulan dan bintang, daging dia habis awal, dan menyerahkan, memberi kepada dan meletakkan hak kepada Petronas, kepunyaan dan pemilikan. Kalaupun kita tidak mempunyai hak, bagaimana kita boleh letakkan kepada orang lain mestilah kita punya hak dulu sebelum kita boleh letakkan kepada orang lain. Oleh itu, ini perkara yang tidak boleh dipertikaikan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Meletakkan hak dan juga hak-hak di luar kekuasaan orang lain *exclusive rights*, kuasa dan kebebasan serta keistimewaan-keistimewaan mencari gali, mengorek ataupun mendapat mana-mana hasil petroleum sama ada berada di daratan ataupun di luar daratan Malaysia, bukan di luar daratan Terengganu di luar daratan Malaysiaapun kita letak juga pada dirinya. *The grant*, pemberian ini, penyerahan ini *vesting* ini meletak hak ini

tidak akan boleh diubah, dipinda dan akan memberi kepentingan kepada Petronas ataupun penyambungannya, *successor*.

Tuan Yang Dipertua untuk memperjelaskan, bagi memperjelaskan apakah bayaran itu hak Terengganu ataupun ihsan Petronas ataupun ihsan Persekutuan, Petronas pada 16 September 1987, 10 kemudian. Petronas sendiri atas inisiatifnya merasakan bahawa suatu penjelasan mesti diberi kepada Kerajaan Terengganu dan Petronas telah tulis kepada Kerajaan Terengganu, *This is to confirm* dengan izin *this is to confirm that parties had agreed that the details for the computation and determining the amount of royalty payable to the government of the state of Terengganu under the agreement*. Ini adalah untuk mengesahkan bahawa pihak-pihak kepada perjanjian, yang saya baca tadi, cara detail, kaedah-kaedah untuk menentukan jumlah bayaran yang sepatutnya dibuat kepada Kerajaan Terengganu di bawah perjanjian tersebut. Dan itulah yang lahirnya 5% secara tunai yang dibayar dua kali. Satu, bayaran yang pertama tak lewat daripada 1 haribulan Mac dan bayaran yang kedua tak lewat daripada 1 haribulan September. Dan Petronas minta pengesahan dengan kita, dia tak minta pengesahan dengan Kerajaan Pusat, dia minta di sininya para 8 berkata, dengan izin sekali lagi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, *if you are satisfy that this letter is a true record or the understanding reached, please confirm by signing and returning the first copy to me. Thereupon this letter shall bind both parties to the agreement effective from 1st day of January 1987 unless otherwise revoked by mutual agreement*.

Yang bererti: *Bahawa surat ini adalah rekod yang sah ataupun persetujuan yang sah, sila sahkan dengan menandatangani dan menyerahkan balik salinan pertama kepada saya. Dan selepas itu, katanya, surat ini mengesahkan bahawa antara Petronas dan negeri terikat kepada semua terma-terma di dalam perjanjian ini mulai berkuatkuasa 1 Januari 1987 melainkan dibatalkan ataupun dipinda dengan persetujuan bersama. Hari ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Petronas di belakang, perompak di depan yang tidak kena mengena dengan perjanjian ini. Inilah sejarah yang kita katakan bahawa perompak itu memang ada dan wang yang dirampas itu bukannya dicuri tetapi dirompak tengah hari, Tuan Yang Dipertua.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah kerajaan telah membuat laporan Polis tentang rompakan atau rampasan ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Tuan Yang Dipertua tadi kita telah jawab, kerajaan sedang mengambil tindakan undang-undang. Dan setelah kita mempastikan ... dia nak buat laporan Polis ni kena ada fakta yang lebih. Sehingga hari ini kita tulis kepada Petronas, Petronas tak jawab, kita tanya Persekutuan, Persekutuan tak jawab. Cuma dengan cara yang tidak berperlembagaan dan yang paling biadab sekalinya Kementerian Pendidikan dalam suratnya KPS.1574/8/L dalam (7) bertarikh Disember 4 haribulan tahun 2000.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah perkataan 'paling biadab' itu dipersetujui oleh Tuan Yang Dipertua, sesuai dan relevan dengan keadaannya? Kalau tidak saya minta tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Cikgu beri perkataan lain 'yang paling biadab'.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat, saya tanya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua saya tak tanya Yang Berhormat Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, saya setuju dengan Wakil Seberang Takir. Sila tarik balik dan guna perkataan lain. Kurang sopan, tidak sopan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Saya tarik balik perkataan 'paling biadab' Tuan Yang Dipertua.

Dengan perbuatan yang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
.... paling tidak berperlembagaan dan tidak bermoral. Salah juga? (KETAWA)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lebih kurang juga.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Cikgu cadang. Dengan surat ini Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Pusat melalui satu jabatan yang kita tak tahu sama ada jabatan ini, Kementerian ini mempunyai arahan daripada KSN ataupun tidak. Tetapi dia panggil pegawai-pegawai kita dengan nama, hubungan kerajaan ke kerajaan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengikut saluran pentadbiran mestilah KSN kepada SUK ataupun dalam pengetahuan urusan kerajaan. Tetapi mengenai rampasan, rompakan wang ini di luar pengetahuan kita, kita tidak tahu tiba-tiba perompak ajak kita berunding, bukan ajak kita berunding ajak anak kita berunding macam mana nak belanja duit hak dia rompak hak kita. Dengan izin, maaf saya sebut nama-nama saya terpaksa saya sebut, yang pertama dia tulis kepada Tuan Haji Ahmad Omar bin Mohd Noor, Pengarah Pendidikan Negeri. Ini pegawai dia tak apa, anak kita ni Yang Mulia Dato' Tengku Hassan bin Tengku Omar, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, pegawai kita. Tuan Haji Muhatar Abdullah, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Pendidikan), Tuan Haji Mazlan, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri pun dia lintas. Ustaz Ismail bin Abdul Halim, Pengarah Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perompak mana ajak orang berunding ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tukang tanya tulah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Hak nilah, kalau Wakil Air Putih kata JPP pun munasabahlah, terlalu profesional dilakukan seolah-olah ianya betul dan dilakukan jentera kerajaan memalukan sistem pentadbiran di peringkat Pusat, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

18 DISEMBER 2000

Jadi, saya nak pergi lanjut pun saya rasa tak perlulah kerana perkara ... ah tajuk sayapun terlupa, minta maaf, Yang Berhormat Manir minta tajuk saya baca juga apa benda yang kata tadi, kan kata bohong pula. Dia panggil anak-anak kita ni, Ketua-ketua Jabatan kita ini untuk apa – Mesyuarat Mengenai Peruntukan Bagi Membiayai Program dan Projek Di Bawah Program Wang Ihsan Negeri Terengganu. Hak saya kata ni, dia panggil anak-anak kita ni merompak nak bagi macam mana hak duit dia rompak satni. Jadi kalaulah perompak ni Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita kerangka belanjawan kerana apa yang dirisaukan oleh Kerajaan Pusat di dalam *press release* yang dibuat oleh Kementerian Kewangan terdahulunya, berita yang pertama didengar oleh rakyat Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang pertamam, a *Kerajaan Pusat kurang yakin bahawa kerajaan PAS boleh bekerjasama bagi membela rakyat dengan wang ini*, maksudnya begitu. Yang kedua, *Kerajaan Pusat tiada maklumat mengenai dengan bayaran pertama yang dibuat RM432 juta dibelanjakan*. Yang ketiga, *Pusat perlu meneliti Laporan Audit*. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita ada perlembagaan kita, Negeri Terengganu mempunyai Perlembagaan dan Persekutuan juga mempunyai perlembagaan. Dan mengikut Artikel 69 Perlembagaan Persekutuan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan boleh didakwa dan boleh mendakwa. Dan mengikut Fasal 58(2) Perlembagaan Negeri Terengganu juga kerajaan boleh mendakwa dan boleh didakwa. Ini *legal* identiti yang ada. Dan begitulah juga Petronas diperbadankan dalam Artikel Perbadananya mengatakan Petronas boleh mendakwa dan didakwa. Ketiga-tiga entiti ini mempunyai hak dan *liability* ataupun tanggungan yang sama.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengikut Artikel 71 jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri. Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu Negeri, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan mengikut Perlembagaan Negeri. Dan mengikut Perlembagaan Negeri Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Fasal 8, kuasa memerintah negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi kerja-kerja menjalankan kuasa itu bolehlah dikurniakan menurut undang-undang kepada orang-orang yang lain atau pihak-pihak yang berkuasa lain.

Dan berkait dengan kewangan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dengan izin, Fasal 55 peruntukan Perlembagaan Negeri berkata, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam fasal ini, tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan melainkan jika wang-wang itu adalah dan seterusnya. Yang kedua Yang Berhormat Yang Dipertua, tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan. Bagi Kerajaan Pusat, untuk mengatakan bahawa Kerajaan Pusat kurang yakin kerajaan PAS Terengganu boleh bekerjasama dalam menjamin kesejahteraan dan membela nasib rakyat Negeri Terengganu. Sungguhpun Kerajaan Negeri Terengganu pada bulan Februari 2000 telah menerima bayaran ihsan RM432 juta, rakyat Terengganu dan Kerajaan Pusat tiada maklumat atau keterangan mengenai program dan kegunaan bayaran ihsan tersebut. *This is an over statement* dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Ini adalah suatu kenyataan yang melampau kerana Kerajaan Terengganu adalah sah mengikut undang-undang dan Perlembagaan, pilihan rakyat dan diberi kuasa mengikut Perlembagaan. Bukan hak Kerajaan Pusat untuk mengatakan yakin tidak yakin kerana rakyat yang menjadi hakim dan rakyat yang memberi kuasa, dan rakyat yang memberi keyakinan bagaimana wang dan Perbendaharaan Khazanah Negeri hendak dibelanjakan.

Dan perbelanjaan ini diawasi melalui Audit yang dalam perkara ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi tahun ini setelah kita ambil alih pemerintahan Penyata Audit dapat dikemukakan dalam masa yang ditentukan. Saya baca penyata Audit ini, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri telah

mengemukakan Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 kepada Jabatan Audit Negara pada 28 haribulan Mei tahun 2000. 28 Mei tahun 2000 kita telah siap sedia Penyata Akaun tahun 1999. Dan saya telah hadir dalam Dewan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sejak tahun 1982 tak pernah berlaku terdahulunya penyata di bawah kerajaan dahulu secepat dalam masa yang diperuntukkan.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Dipersilakan ... untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa Dewan ini akan menyelesaikan perkara perbahasan mengenai dengan Rang Enakmen ini pada hari ini.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam memberi gulungan kepada perbahasan belanjawan. Saya sebenarnya sudah terpesona dengan ucapan yang disampaikan oleh sahabat saya Wakil Batu Buruk tadi, hampir nak kehilangan modal saya. Walau bagaimanapun, saya cuba untuk memberi penjelasan beberapa perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Dewan ini khususnya yang berkaitan dengan portfolio sayalah.

Wakil Kemasik bercakap soal prinsip dan dasar kerana kita masih lagi berpegang, yang memerintah negeri ini mengikut perlembagaan yang ada. Jadi, bagi kitanya kita telah menjelaskan beberapa kali matlamat kita jelas walaupun pihak pembangkang yang cuba menyatakan bahawa kita tidak ada perancangan. Tetapi mereka harus tahu dan mereka harus yakin bahawa perjuangan kita ini ialah satu perjuangan yang tidak putus-putus dan tali-menali daripada perjuangan para *ambiak* dan *musalin*. Bukan kita datang ke sini sebagai seorang ahli politik biasa tetapi kita datang ke sini sama ada kita datang dahulu dalam bentuk pembangkang yang sekarang dalam bentuk kerajaan, tetapi kedatangan kita membawa risalah yang telah dibawa oleh Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. Itu keutamaan yang kita beri, matlamat pokok dalam perjuangan kita, kita bertolak daripada firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Wahai orang-orang yang beriman, selamatkan diri kamu dan kaum keluarga kamu daripada terjerumus ke dalam api neraka jahanam.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah matlamat perjuangan kita. Kita sebagai pemimpin keluarga yang kecil, kita bertanggungjawab untuk menyelamatkan keluarga kita daripada terjerumus ke dalam api neraka jahanam. Kita sebagai pemimpin kepada keluarga yang lebih besar, sekarang kita menjadi pemimpin kepada keluarga yang lebih besar daripada keluarga kita. Kita menjadi kerajaan yang dipilih secara sah mengikut peraturan yang ada oleh rakyat Negeri Terengganu. Jadi, oleh kerana itu kita bertanggungjawab bukan sahaja kepada penyokong-penyokong kita tetapi juga kepada orang-orang yang tidak menyokong kita, yang menjadi rakyat kita. Kita bertanggungjawab untuk menyelamatkan mereka daripada azab neraka. Sebab itu langkah-langkah awal apabila kita mengambil alih kerajaan, langkah-langkah awal ialah kita

membebaskan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, pelajar-pelajar, syarikat-syarikat dan sebagainya daripada satu unsur yang paling dimurkai oleh Allah s.w.t. iaitu faktor riba yang menjadi amalan biasa oleh kerajaan yang terdahulu daripada kita yang memerintah Negeri Terengganu ini. Kita sedar bahawa Allah Taala berfirman dalam Quran yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggallah apa jenis bentuk riba jika sekiranya kamu beriman. Dan jika ini tidak dapat kamu lakukan, tunggulah saat dan waktu kamu akan diisytihar perang oleh Allah dan Rasul-Nya.*

Oleh kerana itu kita mengambil tindakan, kerajaan hendaklah membebaskan diri daripada riba. Anak-anak syarikat kerajaan hendaklah membebaskan diri daripada riba. Badan-badan berkanun kerajaan hendaklah membebaskan diri, pegawai-pegawai kerajaan juga kita bebaskan dengan mengadakan skim pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dengan tidak ada apa bayaran hatta yang dinamakan oleh orang *service charge* bayaran perkhidmatan pun, sebarang nama daripada riba pun kita tidak ambil. Pelajar-pelajar universiti yang belanja di Pusat Pengajian Tinggi, sebelum daripada kita ... tahun 1999 mereka mengambil pinjaman daripada Tabung Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan kerana Yayasan Terengganu melepaskan tanggungjawab ini kepada Tabung Pendidikan Tinggi, mereka kena bayar 4%. Tapi bila kita menang, kita bebaskan. Tidak ada sebab anak-anak kita yang baru nak menerokai ilmu pengetahuan, nak melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dibebankan dengan riba yang dimurkai oleh Allah s.w.t. Kita bebaskan. Pegawai-pegawai kerajaan yang meminjam perumahan di semua agensi-agensi kerajaan kita selaraskan walaupun mereka pinjam dulu skim lama berdasarkan kepada bayaran 4%, kita bebaskan itu semua.

Dan banyak lagi perkara-perkara lain yang kita lakukan, benda-benda yang mendatangkan kebajikan kepada rakyat, kepada orang ramai, cukai rumah kediaman yang tidak kita pungut, tol yang kita bebaskan dan banyak lagi. Peningkatan bayaran kepada bantuan bayaran kepada fakir miskin, orang-orang miskin daripada RM60 kepada RM100 satu orang; daripada RM150 satu keluarga kepada RM250. Ini kerja-kerja yang kita jalankan, kita bebaskan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di antara agensi kerajaan, badan-badan berkanun terpaksa bayar bunga saja ada yang RM6 juta setahun, ada yang RM5 juta setahun, kalau campur dua ni satu pusat pengajian tinggi dapat dibiayai satu tahun. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini hasil daripada tindakan menyalahi syariat Islam yang dilakukan oleh kerajaan yang lalu. Kita terpaksa bebaskan perkara ini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kita nak bebaskan perkara ini kita tidak perlu lagi kepada pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu yang ada, ini boleh kita buat dengan tidak begitu payah dan tidak begitu kesulitan.

Bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tindakan ini tidak disenangi oleh sahabat-sahabat kita yang tidak sehaluan dengan kita. Kita bebas cukai pintu rumah kediaman pun mereka tak suka, kita bebaskan riba kepada pelajar-pelajar pun mereka tak suka, kita bebas itu mereka tak suka tapi mereka tak teranglah mereka tak suka. Oleh sebab itu, mereka merancang satu tindakan supaya kita menjadi lumpuh melalui desakan yang dibuat supaya Kerajaan Persekutuan atau pihak-pihak Persekutuan merampas hak kita daripada petroleum. Saya tak mahu ulasan dalam hal ini. Tetapi saya imbas kembali kami berada, saya berada di dalam Dewan ini sejak tahun 1982. Apa yang kami ucapkan, mula-mula kami masuk Dewan ni, kami mengatakan sepatutnya Kerajaan Negeri Terengganu menuntut lebih daripada 5%, kita dapat 20% lebih menyenangkan rakyat negeri kita. Lebih cepat kita membebaskan rakyat kita daripada paras kemiskinan yang sebegitu rupa, walaupun kita jadi pembangkang. Walaupun kita sedar, kalau dia wang banyak dia dapat menekan kita lagi, menindas kita lagi. Tetapi perjuangan kita bukan untuk kepentingan parti kita, bukan untuk kepentingan diri kita tetapi untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu ini. Dan kita sedar juga bahawa kita yakin dan percaya walaupun banyak duit mereka tidak dapat menewaskan kita dengan wang. Sebab perjuangan kita bukan perjuangan wang, perjuangan kita perjuangan akidah, perjuangan kita perjuangan Islam. Sepatutnya tidak ada orang yang membangkang, ada orang yang tidak bersetuju dengan kita sebab kerja yang kita buat tu berkaitan dengan Islam.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya masih ingat satu ayat daripada Quranulkarim daripada Surah Al-Munafikun. Surah Al-Munafikun antara lain Allah Taala berfirman dalam surah itu yang bermaksud: Orang munafik tidak senang dengan perkembangan Islam. Mereka berpura-pura masuk Islam kerana mereka sudah tidak berjaya menentang Islam secara berdepan. Mereka masuk secara pura-pura, mereka menjadi munafik, mereka berpura-pura atau bersendiwara kalau istilah bersendiwara, mereka berpura-pura masuk Islam dalam masa mereka masuk Islam mereka menjalankan kempen di kalangan orang Ansar yang memberikan bantuan di golongan Muhajirin, mereka berkata:

Mereka itu, puak munafik belaka.

لا تَنْفِقُوا عَلَيَّ مِنْ عِنْدِ رَسُولِ اللَّهِ

Jangan kamu belanja kepada orang-orang yang berada di samping Rasulullah.

حَتَّى يَنْفُضُوا

Sehingga mereka itu bertempiaran lari.

Mereka ini dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh orang-orang yang menghadirinya, bila bercakap soal royalti, dia kata "padan muka dia sekarang, dulu dia cakap dalam manifesto dia

minta 20% le ni dok boleh sesen habuk." Pada halnya dia rakyat Negeri Terengganu. Saya teringat kepada cerita perlawanan bola di antara Malaysia dengan India. Malaysia lawan India, dengan maaf. Bila India lawan Malaysia, dok ingat orang Malaysia yang pergi tengok bola ni semua sokongan pasukan kita. Tapi yang India ni dia sokong alik India, tepuk tangan balik India. Pelik sungguh Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Sepatutnya orang Terengganu ni sokongan alik kita belakalah biar royatli kekal boleh kita. Tapi orang Terengganu pergi tepuk tangan belah alik nun, suka sangat tak boleh, "mujur-mujur tak boleh," kata dia. Orang lagu apa ni, Tuan Yang Dipertua, ke gambar bukan orang. Takut hak Polis letak birai jalan tu hak gerak sokmo, nampak macam orang tapi gambar. Hak Telemong tak dok pergi ke mana tak tahulah, nak royatnya ke dia ... sebut juga kelmarin dalam ucapan dia tu, kita nak 20 tak boleh sen habuk. Sabah pasukan Malaysia lawan India, dia sokong alik India lagi. Pelik sungguh tapi benar, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Jadi, oleh sebab itu,

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu di atas dasar kebebasan untuk memberi sokongan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu tak tahulah Yang Berhormat Yang Dipertua. Pasal kes kita kelahi dengan ayah kita, lepas tu kita tengok perompak pergi curi pitis ayah kita, kita tepuk tangan ... biar dia rasa ayah aku sombong sangat, biar dia rompak lagi. Munasabah ke lagu tu ... ada hati perut ke orang lagu ni. Tapi saya kata gambar tadi, kalau gambar tidak ada hati perut sungguh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi oleh sebab itu ... ialah dia tanya kita, Wakil Telemong macam kita perintah dengan perlembagaan dari dulu kita kata tidak betul dan sebagainya. Dulu mereka dengan perlembagaan yang ada pun mereka tidak mahu melaksanakan Islam dengan berdolak-dalih, bermacam-macam dolak-dalih, tak dok kuasalah. Pernah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dulu bila kita cakap bab ni nangis. Dia kata "apa ada kuasa pada saya," menilih air mata (KETAWA) "saya tak dok kuasa," tak dok kuasa guana Kerajaan Negeri Barisan Nasional, dulu Pusat Barisan Nasional, mintalah izin. Tapi buat pada berani ke Islam ... Allah, kalau saya baca surah munafik, berat Yang Berhormat Yang Dipertua.

Dia kata kalau mu tengok ke dia:

وإذا رأيتهم تعجبك أجسامهم

Tengok tubuh tertarik, hak bagus pakai songkok, pakai kupiah, pakai jubah.

Dia bercakap berasa nak dengar, menarik. Nak buat itu, nak buat ini saya tak dok kuasa. Menarik.

وان يقولوا تسمع لقولهم كأنهم حشب مسندة

Macam kayu-kayu dipacak, disandar di dinding. Banyak lagi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kalau tu panjanglah, kalau saya bercakap.

Sebab itu dia tanya, tanya hudud tidak jawab. Kita sudah jawab, kita akan jalankan mengikut jadual. Kita ada jadual, yang mana kita nak dahulu, yang mana kita nak kemudian. Kita ada jadual, jadi apa ada masalah. *Tidak lari gunung dikejar, hilang kabus nampaklah ia*, apa yang kita susah dalam perkara ini. Sebab itulah, setelah saya beri sedikit muqadimmah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi saya nak sentuh beberapa yang disentuh tadi, hudud saya sebut doh kita draf sudah doh Alhamdulillah, peringkat biasa. Hak mana-mana tak dok lagi kita ada siap cuma tunggu kita akan bentang dalam Dewan. Insha Allah, kita bahas. Kita ada keupayaan, jangan kata orang PAS ni nampak macam saya ni tak pandai pakai kot, pakai *tie* jangan kata barang juga Yang Berhormat Yang Dipertua.

Saya nak sentuh Wakil Kemasik satu laporan daripada beliau yang menyatakan ada JSR halang Imam menjadi amir pemungutan zakat fitrah sebab itu berlaku perpecahan. Jadi, mengikut katanya tempat ini Kampung Paya Berenjut. Ini saya ada satu kronologi peristiwa pergaduhan di Surau Kampung Paya Berenjut. Saya akan terang sedikit, sebenarnya pergaduhan itu bukan berpunca daripada halangan untuk amir memungut zakat. Pada masa dulu memang amir di situ ada satu orang, kita lantik baru seorang lagi, dua. Jadi Pengerusi Surau itu mengisytiharkan bahawa pada tahun ini pemungut zakat di surau ini dua orang, yang lama boleh pungut, yang barupun pungut. Kebetulan yang lama tu katanya dia sudah dilantik menjadi Pengerusi JKKK. Jadi selepas berunding maka dibenarkan, memang kita tidak pecat. Kalau saya nak bercakap keadilan, orang duduk kata kita tekan, kita tindas, kita pukul, kita buat aniaya ini, tak dok seorang Imam lagi, seorang amir lagi yang kita pecat. Saya nak beritahu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kerajaan yang lalu sudah menyenaraikan senarai Imam-imam, Bilal-bilal yang patut ditamatkan perkhidmatannya kerana menjangkau umur 80 tahun. Tapi tak sempat nak beritahu kepada mereka berkenaan kerajaan bertukar, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu pada masa Yang Berbahagia Dato' Nara Setia mari tunjuk kepada saya ini senarai-senarai yang akan kita tamatkan kerana cukup umur 80 tahun. Saya minta Pesuruhjaya Agama pada masa itu, saya kata jangan pecat lagi, jangan tamat lagi Yang Berbahagia Dato'. Dia tanya sebab apa, saya bimbang orang kata PAS menang sebulan dua dah pecat Imam-imam. Sampai sekarang tak pecat lagi, Imam tidak pecat, Bilal tidak pecat, amir ... walaupun dia buat apa-apa pada kita. Kita biasa sajalah dalam perjuangan ni orang nak kata, orang nak apa saya ingat ayat Quran kata:

تنبهون في اموالكم وانفسكم ولتسمعن من الذين اوتوا الكتب
من قبلكم ومن الذين اشر كوا اذى كثيرا وان تصبروا وتتقوا
فان ذلك من عزم الامور.

Kamu akan diuji pada harta benda kamu, kenalah kita uji. Insya Allah dapat balik, insya Allah. Dan diri kamu juga, kamu akan dengar daripada orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan orang-orang musyrikin banyak tuduhan-tuduhan liar, kata-kata yang menyakit hati tapi walau bagaimanapun kita sabar. Kata kita tak pandai tadbirlah, tak pandai memerintahlah, pecat orang ... tapi kita tak pecat. Bukan pecat Imam/Bilal kita tambah elaun Imam/Bilal. Barisan dulu ada Yang Berhormat Yang Dipertua, Imam jadi Tok Imam sampai 15 tahun beri RM180, kita bagi RM350. Sebab itu dia ditanya sangat dekat mana nak bagi, kita tak dok nak cerita untuk ini kerana ini tanggungjawab kita. Kawan tu jadi Imam bagi RM180, perlekehnya mereka itu; mereka memperlekehkan orang-orang-orang agama. Tapi nak buat guana setengah-setengah Tok Imam tidak sedar lagi dia kena perlekeh, bila kita buat kursus sedikit ... baru sedar, baru sedar, itu yang takut sangat tu. Kalau banyak lagi bagi pitis dekat dia sesallah. Tapi kita tidak hidup atas pitis, walaupun kita ... Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Jadi itu tindakan kita. Jadi dalam perkara ini kita benarkan ambil 2 orang, ada satu kita tambah satu lagi. Itu cara kita.

Kemudian berlaku pergaduan ni kerana apa, pada satu hari 6 haribulan Disember 2000 ada satu perbincangan mengenai dengan zakat ni kemudian sudah buat keputusan semua orang bersetuju. Dua-dua orang pungut, Alhamdulillah masing-masing terima dengan baik. Pada 10 Disember 2000 selepas solat Tawarikh, Ahli Jawatankuasa Surau seramai kira-kira 15 orang bermesyuarat untuk mengadakan majlis berbuka puasa. Tengah-tengah mesyuarat kira-kira jam 9.50 malam seorang lelaki iaitu Ketua UMNO Cawangan Kampung Paya Berenjut, kontraktor yang bernama Encik Mazlan bin Awang Ngah masuk ke dalam surau secara tergesa-gesa tanpa memberi salam dan dalam keadaan marah menarik tangan Ketua JSR, Ketua Kampung Paya Berenjut, Encik Ramli bin Salleh yang sedang mempengerusikan mesyuarat. Dia tarik tangan kawan ni ajak keluar. Jadi Encik Ramli menuruti kehendak Pemuda UMNO tersebut untuk keluar daripada surau itu. Pertengkar kecil berlaku di luar surau yang disaksikan oleh anggota jemaah yang masih berada di sekitar surau bersama amir zakat fitrah Encik Mohd Ibrahim bin Ismail yang menjadi punca pergaduhan. Selanjutan daripada itu Pemuda UMNO berkenaan mengamok, dah kawan ni dah selesai dia mengamok. Katanya, orang ni jenis mengamok, jenis suka mengamok. Pemuda UMNO mengamok gok, baru ni mengamok lawan Ketua dia (KETAWA)... jenis amok ni jenis dia, ada Ketua dia, dia baham Ketua dia tak dok Ketua dia, dia cari orang lain. Itu selingan saja Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Kemudian semasa beberapa orang ahli Jawatankuasa Surau tersebut nak menuju ... jadi berlakulah sedikit pertengkar dan ahli Jawatankuasa Surau ni nak keluar tiba-tiba seorang yang bernama Encik Harun bin Jusoh, Ahli Jawatankuasa Surau ni ... kad pengenalan 6875357 ni, mari-mari orang katak dia, pukul dengan kayu daripada belakang. Tengok-tengok kena adik Ketua UMNO tadi, pukul dia tidak tahu sebab. Pada hal kalau dia nak balas boleh sangat tu, tapi orang PAS nyabar saja, dia tidak balaslah. Kemudian bawa pergi ke Polis. Itulah kes Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidak kena mengena dengan masalah pelantikan amir. Sekarang dijadikan Polis kes.

Kemudian Wakil daripada ... yang Kemasik saya nak komen satu itu, saya ucap terima kasih kerana buat laporan itu dan saya dapat mengenal pasti apa punca yang sebenar berlaku pergaduhan. Kemudian Telemong, saya dah jawab tadi, dendam politik kepada kerajaan yang lalu. Dan orang

kata dalam pemutihan, kita buat pemutihan walaupun telah diterangkan kelmarin, saya tambah lagi bahagian sosial; kita buat pemutihan ni jadi kelmarin dia kata kita pecat, kita batalkan bantuan yang kita beri kepada orang-orang miskin. Bila kita buat pemutihan kita buat asas, ada dasar dia iaitu yang diiktiraf sebagai keluarga miskin yang layak menerima bantuan Kebajikan Masyarakat ialah pendapatannya RM400 ke bawah. Kita buat skim tu, RM400 ke bawah baru layak. Kalau dia RM500, RM450 lepas. Jadi, oleh sebab itu pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan kita berjalan, menyelidiki seorang demi seorang yang ada dalam senarai kita. Bila sudah didapati pendapatannya sudah lebih daripada RM450 ke atas maka dia terlepas daripada kelayakan untuk menerima bantuan. Jadi, kita tidak termasuk dia. Kemudian kalau dia tak puas hati, dia rayu semula. Boleh buat rayuan. Saya berani bercakap saya salah seorang Pengerusi ... di Hulu Terengganu saya jadi Pengerusi Penimbang, dan kita timbang. Ada setengah yang dulu boleh, kebun getah ada 6 ekar, kelapa sawit 4 ekar boleh lagi RM60 sebulan. Kita kata apa cerita orang macam ni. Sebab orang dulu dia bukan atas miskin tapi atas sebab-sebab lain. Dan yang pernah dijawab Wakil Seberang Takir pun dulu kita kata perberhentian ini atas sebab-sebab lain ... orang perempuan dulu dapat, dia kata ibu tunggal yang bawah jagaan Ustaz Wakil Cukai. Ibu tunggal ni dulu kita bagi RM60 sebulan zaman kita, kita bagi RM100 kalau bantuan orang perseorangan. Tapi bila dia sudah kahwin, tak kan nak bagi lagi RM100, dimarah ke suami dia pasal duduk beri pitis ke isteri dia sebab dia kewajipan. Ada orang perempuan yang minta bantuan, dia ada suami ataupun dia dapat bantuan kerana lepas itu dia bersumai lepas itu dia masih nak lagi. Kita kata, kita tengok suami dia minta kalau suami dia tak larat sungguh kita bagi. Sebab itu kita buat bukan orang UMNO saja kena, orang tak dok parti pun kena. Orang PAS pergi mengadu hal kepada kita, sebab tanggungjawab kita, tidak kira PAS tak kira UMNO, sebab tanggungjawab kita kepada rakyat. Sebab itu kalau ada orang kata berlaku kezaliman dalam perkara ini, kita minta dia kemukakan kepada kita *case by case*. Ini kita bertanggungjawab sebab kita nak membebaskan diri kita dan keluarga kita daripada api neraka.

Kemudian Wakil Telemong juga, dia tak dok. Pembahagian wang zakat dia kata tidak mengikut cara. Memang sekarang kita sudah pinda, dulu wang zaka itu dibahagi pengagihan pungutannya oleh amir-amir. Kemudian amir bagi pula dua bahagian fakir miskin dibagi oleh amir. Kemudian tiap tahun atau akhir tahun kita bagi pula, Pejabat Agama bagi pula. Jadi orang miskin boleh dua kali. Jadi oleh sebab itu kita batalkan pembahagian cara yang lain iaitu bahagian fakir miskin dibagi oleh Jabatan Hal Ehwal Agama ... oleh MAIDAM. Jadi sebab itu setiap orang boleh satu kali. Yang kita tidak kira dia PAS, dia UMNO tak dok diskriminasi. Cuma bila orang tu tak termasuk dalam golongan fakir dan miskin, bila tak masuk dalam fakir dan miskin maka orang tu kita keluar daripada senarai, tak kira dia orang PAS. Saya, penyokong saya pun ada kena keluar. Tak apa-apa, bila dia tidak diberi dia tak puas hati, dia kata: masa Barisan memerintah boleh, PAS memerintah tak boleh dia orang PAS. Dia jumpa saya jawa sedikit, biarlah dia jawa nak buat guana khabar betullah. Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, benda-benda yang seperti ini saya ingat tidak menjadi isu. Jadi walau bagaimanapun dah jadi pembangkang, dia belajar daripada kita dulu pembangkang. Soal dasar tak boleh nak kritik dah kita sebab dasar Islam, orang tolak dasar Islam maka dia tahulah kedudukan dia. Cuma yang sedikit-sedikit, yang titik bengkit ni.

Cuma satu perkara lagi disebut di sini ialah orang PAS ni atau kerajaan sekarang, Jawatankuasa Banjir tak beri orang nak berpindah ke balai raya tu, balai raya Bukit Tadok. Bukit Tadok ni dalam kawasan saya. Jadi kalau ada dia buat sungguh maka saya akan berdepan dengan dialah oleh sebab ahli Jawatankuasa Banjir tu di antaranya Penghulu Mukim berkenaan, kita minta laporan daripada Penghulu. Saya dapat surat daripada Penghulu, Penghulu tuju surat ini kepada Tuan Pegawai Daerah Hulu Terengganu, 17 Disember 2000.

18 DISEMBER 2000

Tuan,

Penggunaan Balai Raya Bukit Tadok Semasa Banjir Pada 23 dan 24 November 2000

Sukacita dimaklumkan berhubung dengan perkara di atas, semasa banjir pada tarikh tersebut balai raya tidak digunakan kerana paras banjir belum sampai ke tahap bahaya.

Tidak payah berpindah lagi.

Penduduk belum mahu berpindah. Cuaca menampakkan air banjir akan surut dengan cepat.

Kemudian pasal apa balai raya dikunci?

Balai raya dikunci untuk menjamin keselamatan barang-barang keperluan perpindahan banjir yang diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat ada sediakan beras, gula dan sebagainya diberi kepada Jawatankuasa berkenaan dan disimpan di balai raya. Kalau dok kunci takut hilang.

Jadi, tak timbul. Kalau saya nak tambah lagi, saya bawa tadi Ketua Kampung Bukit Tadok tapi nak bersyarah takut dok sempit. Jadi saya kata padan saya dahlah. Tok dok dia cari ke rumah-rumah, kalau nak pindah boleh tapi orang tak nak. Macam mana Wakil Telemong pergi ganggu dalam kawasan kita pula. Rajin dia tu pasal dekat dengan Paloh Nyiur. Dia tak mari doh ni, dia ingat dia kata tak betul barangkali, mungkin dia ada kerjalah.

Kemudian isu pendidikan, kata kita ni tak mahu beri kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, kononnya Kementerian Pendidikan sangat prihatin kepada keperluan rakyat Negeri Terengganu di dalam bidang pendidikan, sekolah tak cukup dan sebagainya. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya juga jadi Ahli Jawatankuasa Tanah di kawasan Hulu Terengganu kerana sebahagian daripada kawasan Manir berada dalam kawasan Hulu Terengganu. Setakat ini sekiranya permohonan itu cukup syarat kita tak pernah tolak, tak pernah lagi tolak. Tapi sebenarnya kalau agensi Persekutuan nak pakai tanah kita dia ada peraturan, iaitu dia mestilah membuat permohonan. Di sana ada satu Kementerian di mana Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang diberi tanggungjawab untuk memohon tanah bagi pihak semua Kementerian di peringkat Persekutuan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri Terengganu, iaitu PTG. Setakat ini belum ada satu permohonan lagi, macam mana kita nak timbang. Yang dia nak buatnya, dia kata sini nak buat sekolah lepas itu nak beri laluan maknanya tak tahu lagi tanah kerajaan ke dok tanah kerajaan. Dia buat permohonan kawasan tu baru kita tahu, di mana tanah kerajaan atau tanah milik perseorangan. Ataupun sekurang-kurangnya kalau dia nak kerjasama dengan kita, dia kata kita nak buat sekolah di Hulu Terengganu ni ada lima tahun ini. Kita ada Pegawai Daerah, kita ada Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah boleh menentukan sepatutnya tanya dulu di mana patut buat sekolah. Di mana tapak sekolah mengikut taburan penduduk. Tapi mari-mari nak letak di situ, beri laluan. Yang ni

kenalah ikut sedikit peraturan. Kalau dulu tak ikut peraturan sekarang kita minta ikut peraturan sedikit. Tak rugi, sekarang rakyat Negeri Terengganu boleh belajar lagi. Yang ruginya kontraktorlah, orang-orang yang hendak dipelihara ... bunyi kata kontraktor tu dapat dah tapi dalam masa sebulan ini mesti tunjuk tapak. Deras tu, tak tahu mana lagi dapat doh. Kita anggap dia tak bina sekolah itu daripada wang yang dirampas daripada kitalah, kita harap. Kalau dia bina sekolah tu daripada duit kita, dia buat *act* duit oranglah. Sepatautnya dia tidak buat *act* duit kitalah, dia kena cari duit dia.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu sedikit penjelasan berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Telemong.

Wakil daripada Sebarang Takir juga ada menyebut berkaitan dengan perkara pemilihan Jawatankuasa Masjid yang boleh mendatangkan perpecahan. Saya nak beritahu setakat ini belum ada perpecahan. Kecuali perpecahan yang diada-adakan. Jadi selalulah Wakil Sebarang Takir dan lain-lain masa dia ada sebelah kerajaan pun ... perpecahan, tiap kali Dewan bersidang perpecahan. Tuju hala kita sokmo. Dia hidup dengan budaya pecah, budaya dia sebab sama kita pecah ... le ni kalau baca surat khabar dengan UMNO pecah, UMNO pecah, surat khabar kata, kita dok kata. Jadi kita malas cara dalam rumah tangga orang. Tapi hak luar rumah dia kata, dia pecah juga ada setengah Jawatankuasa Masjid, Pengerusi orang UMNO kita tidak peduli. Cuma kita buat cara pemilihan memberi sedikit kebebasan. Biar orang ramai, anak mukim ... kita kata pemilihan baru, kalau dulu Ketua dilantik orang ini, oleh ini, oleh ini ... 3 orang dipilih oleh Pejabat Agama. Kita kata pelantikan Jawatankuasa Masjid, Pengerusinya, Setiausahanya, Bendaharinya dan beberapa orang lagi oleh Pesuruhjaya atas pengesyoran dan pandangan orang-orang kampung. Orang-orang kampung ni banyak, daripada JSR, daripada anak mukim biasa dan sebagainya, ada pandangan kita ambil. Kita mahu dalam satu masjid itu dianggotai oleh semua pihak biar dia bersatu. Kita bukan nak kawal kita seorang, zaman dulu tak dok beri peluang langsung. Le ni kita nak beri peluang sebab ini rakyat kita, walaupun dia mempunyai pandangan yang lain, mengundi parti yang lain tapi dia rakyat kita, kita tengok dia bersatu. Dan sekarang Alhamdulillah, kalau dia sebut perpecahan tu tak ada. Kalau dia kata ada juga barangkali perpecahan cara dia, saya tak faham. Kita ni tak berpecah, bercakap-cakap, berbincang-berbincang, bertukar-tukar pendapat dan fikiran biasa sajalah. Jadi, kalau kita lalu dekat rumah orang, kita tengok dia bunyi orang ni cakap ni, orang cakap ni angkat suara, dia kata orang rumah tu balah. Pada hal orang rumah tu bukan balah lagi dia fikir sama-sama dia nak atur rumah, kerusi nak letak mana, pinggan nak letak mana. Kita kata dia balah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita sangat prihatin di atas perkara ini kerana tugas kita orang Islam ialah menyatu padukan tetapi atas asas Islam. Yang Berhormat Yang Dipertua, bukan satu tidak ada asas. Dulu orang Malaysia ni bangga, kita panggil orang Afrika, kita panggil Australia, kita panggil apa ... biar dia datang Malaysia, biar dia tengok macam mana kita berjaya menangani masalah-masalah masyarakat majmuk berbilang bangsa, berbilang agama boleh bersatu padu. Sekarang ni naik atas kepala dia, hak ni minta benda ni, hak ni minta benda ni, pening kepala dah. Takut sendiwara tak tahulah. Sendiwara hak jadi UMNO pecah tu ... suruh orang Cina tuntutan-tuntutan biar orang Melayu bersatu semula, tak tahulah. Tetapi perpecahan berlaku. Sebab perjuangan yang berasas kepada lain daripada Islam tidak boleh bersatu. Sejarah telah menunjukkan ini. Jadi sebab itu kita ajak bersatu di atas dasar Islam.

Begitu juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perpecahan berlaku akibat daripada khutbah-khutbah. Setakat khutbah ni, disusun semula mengikut format yang benar-benar berlandaskan kepada Islam maka sekarang ni orang jadi bersatu, orang semua kohor reti Islam, kohor lama kohor celik Islam. Bila celik Islam dia bersatu dulu tak berpeluang. Sekarang ni adalah saya dengar khutbah di satu masjid, saya pergi dia kata: Islam ini lengkap, syumul ada politik, ada ekonomi, ada pentadbiran. Kalau dulu tak dok, selepas pada *iktakullah* ... remaja yang salah, remaja-remaja salah hisap dadah, kerana ni ... kerana apa ... dan sebagainya. Yang dok remaja ni, minum arak, yang berjudi, yang buka kelab ... dok salah pula, jadi menyebabkan pemuda berontak. Dia kata yang minum arak tu dia dok hentam pula, kita yang sikit-sikit hidu marah sangat doh. Saya bukan masuk alik pemuda tapi cara dulu. Jadi cara dulu ini menyebabkan banyak orang menjadi buta Islam, tidak mengerti Islam itu, jadi kita cuba alih.

Alhamdulillah, kebetulan pula Wakil-wakil Rakyat daripada PAS ni boleh berkhutbah. Boleh belaka kalau suruh, tak dok hak dok boleh, Tun kohor boleh lagi. Jadi orang tertarik pula, kita buat kajian setakat Wakil-wakil Rakyat ni pergi masjid, orang suka. Inilah dia baru Wakil Rakyat sungguh, jadi pemimpin sungguh, boleh belaka – makan nasi boleh, khutbah boleh (KETAWA). Majlis minum tea boleh, majlis agamapun boleh, ni boleh satu saja, makan nasi saja hak lain tak boleh. Alhamdulillah, suatu peningkatan yang telah berlaku.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak adil pula kalau saya bercakap panjang, mungkin kalau ada lagi apa-apa yang saya tidak jawab ... tapi ada sedikit minta maaf. Iaitu Wakil Ladang ada, kan kata saya anak tiri pula kepada penyokong-penyokong kerajaan ni. Wakil Ladang ada sebut tentang pendidikan, macam mana kita jadikan di Terengganu ni Pusat Pendidikan yang akan dikunjungi oleh semua orang-orang Islam atau orang Islam di seluruh dunia bukan saja Terengganu. Ini dalam perancangan. Kita sedang buat satu perundingan dengan pihak-pihak lain supaya mereka boleh membantu kita, dalam bidang Islam pun kita keluar ijazah pertama, ijazah kedua, ijazah sarjana muda, sarjana dan peringkat PhD, kedoktoran. Ini sedang kita atur. Tapi dalam masa setahun ini memanglah tak sempat kita nak selesaikan itu semua. Kerana kalau kita pergi keluar negeri acap sedikit, orang kata guana: Pemimpin PAS ni buat habis pitis keluar negeri saja, kata dia. Boleh RM400 juta buat pergi keluar negeri. Dia cakap begitu ... baru ni kita pergi ke Kanadapun dia kata pergi mesyuarat. Pada hal kita pergi kerja lain, dia kata pergi mesyuarat. Jadi insya Allah, kita akan pertingkatkan lagi usaha kita menjadikan Negeri Terengganu satu Pusat Pendidikan yang akan dikunjungi oleh orang-orang sekurang-kurangnya di rantau ini ataupun lain-lain tempat.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerja-kerja ini menghadapi halangan. Sebab Terengganu masih dalam Malaysia. Kalau Malaysia dalam Terengganu selesai masalah. Tapi sekarang Terengganu dalam Malaysia, kita nak ubah macam mana Malaysia jadi dalam Terengganu. Itu kita sedang usaha dan perjuangan kita belum selesai, insya Allah kita akan teruskan.

Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Hari ini dalam sejarah Dewan akan bersidang tanpa rehat sehingga pukul 2.30, insya Allah. Oleh itu, saya minta kepada Yang Berhormat menyambung ucapan penangguhan ini, sila raikan sedikit bahawa jam untuk ditangguhkan Dewan ini hingga 2.30 petang. Sila –

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka menyambung sedikit tentang beberapa perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini sama ada oleh pihak penyokong-penyokong kerajaan ataupun yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Dan saya tidak akan menyebut satu persatu nama-nama yang membangkitkan isu-isu itu dalam perbahasan yang sudah berlalu. Cuma beberapa isu yang dibangkitkan termasuk di antaranya yang menyentuh berhubung dengan belanjawan itu sendiri, yang berkait dengan soal balak, soal PMINT, sedikit soal petroleum dan hal-hal ini perlu saya memberikan penjelasan berkait dengan apa yang dibangkitkan itu.

Yang pertama, Yang Berhormat daripada Kemasik membangkitkan belanjawan yang dikemukakan ini merupakan 'belanjawan khayalan', 'khayalan' ertinya tak berjejak di bumi, pasa tahu dah duit tak dok masuk juga. Saya suka menjelskan Yang Berhoramt Tuan Yang Dipertua, selama ini royalti petroleum yang dibayar oleh Petronas sejak daripada tahun '78 sampailah kepada bulan Februari tahun 2000 telah dibuat *direct* secara langsung oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri. Bukan Kerajaan Pusat membayar royalti ini, Petronas langsung kepada kerajaan Negeri. Dan apabila terhentinya bayaran ini yang sepatutnya kita menerima pada akhir bulan Ogos yang lalu, pihak kerajaan telah menulis surat kepada Petronas, obligasi Petronas mestilah membayar sebagaimana jadual yang telah ditetapkan di antara Petronas dengan Kerajaan Negeri. Sehingga ini, Petronas tak ada jawapan mengatakan bahawa bayaran itu dihentikan, tak ada jawapan daripada Petronas. Petronas sebagai satu badan yang profesional tentulah dia tahu peraturan dan kaedahnya. Dia tak jawab bahawa royalti sudah dihentikan, dia tak jawab. Ertinya royalti itu masih dianggap oleh Petronas sebagai hak Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Terengganu menganggap itu hak dia cuma barangkali terhalang oleh beberapa keadaan yang mungkin pada suatu ketika akan diberi balik hak Kerajaan Negeri Terengganu ini. Oleh kerana itu penyediaan belanjawan ini berdasarkan kepada kemungkinan-kemungkinan sumber hasil bagi tahun 2001.

Kerajaan Pusat sendiri sewaktu membentangkan belanjawan, dia tidak tahu lagi secara muktamad, secara pasti duit mana nak datang tahun 2001 sebab benda itu belum berlaku. Tetapi dia menganggarkan bahawa duit itu akan datang dan saya menyebut ini, saya menegur sebenarnya Ahli Parlimen daripada BN juga yang menyatakan bahawa bagaimana belanjawan Terengganu mengatakan bahawa buat program-program tanpa tahu dah duit tak dok. Saya kata, satu belanjawan itu disediakan kerana kita menjangka bahawa duit itu akan masuk, *anticipation* bahawa kita sebab Petronas tak kata dia tak akan bayar. Jadi sebab itulah berhubung dengan perkara ini dia bukan 'khayalan', suatu yang berdasarkan kepada kaedah-kaedah penyediaan belanjawan yang kita rancangkan.

Yang saya bimbang, khayal tu boleh tahan juga mengigau teruk pada khayal lagi ni. Ini saya bimbang sedikitlah. Yang menganggap bahawa apabila duit ni tak dok, tak dok itu dah jadi orang dah. Ini mengigau ni dan mengigau ni bahaya bagi seseorang itu. Sebab kadang-kadang mengigau ni dia boleh jalan tengah tidur, boleh berjalan dia panggil 'sleep walking' ni. Ini saya bimbang, inilah yang akan berlaku dan mungkin sedang berlaku kepada setengah pemimpin-pemimpin pembangkang.

Suatu saranan supaya kita merapatkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, ini memang selalu suatu pendekatan yang telah kita ambil sepanjang masa, yang tidak perlu saya jelaskan. Tinggal lagi apa yang berlaku sekarang ini, kalau hendak dianggap Kerajaan Pusat adalah sebahagian daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri adalah sebahagian daripada Kerajaan

Pusat, pembangkang juga sebahagian daripada rakyat Negeri Terengganu ini seharusnya. Ini suatu kekeluargaan yang sepatutnya kita lihat bahawa apa yang hak itu dikembalikan kepada yang hak. Saya tidaklah nak menyentuh banyak sangat kerana saya rasa sudah cukup apa yang telah ditegur oleh rakan-rakan saya daripada kalangan Exco ini terhadap beberapa kenyataan dan pelakuan pihak pembangkang yang menyebut macam-macam perkara-perkara yang tidak wajar. Kalau kita menganggap sekarang ini bahawa suatu perjanjian telah dibuat antara Petronas dengan Kerajaan Negeri, yang Pertonas kena bayar. Kita anggaplah bahawa ini satu kontrak antara seorang suami dengan seorang isteri. Tak adalah kita menganggap Negeri Terengganu ni isteri sebab dia terima duit daripada Petronas. Petronas ada obligasi kena bayar dan sudahpun membayar. Tetapi pasal apa berhenti? Pasal ada Toktua hak sebelah sana, ayah kepada suami ni ada. Dia tengok, dia kata "guana menantu pelik nampak ni, Terengganu ni pelik." Kesnya tak dok apa, tak dok silap apa kes tukar baju, dulu pakai biru sokmo ... pakai hijau tahun ni. Itu saja kesnya. Tak dok salah apa, rakyat tak dok buat apa, kes tukar baju. Berpuluh-puluh tahun duduk pakai baju biru, tukar sekali baju hijau, marah Toktua kata "mu jangan beri duit belanja ke dia." Inilah kesnya.

Jadi, duit yang sepatutnya menjadi hak isteri sebenarnya yang telah ada dalam kontrak yang mesti dibagi tetapi kerana barangkali suami takut kepada ayah dia, yang ayah tidak hak duduk ganggu begini maka kita terima keadaan yang seperti ini. Kalau kita menganggap ini sebagai suatu kekeluargaan, Wakil Pembangkang memainkan peranan bagi tahulah kepada Toktua tu, tindakan seperti ini tidak wajar dilakukan terhadap rakyat Negeri Terengganu. Yang pembangkang pun sebahagian daripada adik beradik kita juga dalam Negeri Terengganu ini kalau mereka masih menganggap mereka sebahagian daripada rakyat Negeri Terengganu. Tidak wajar untuk bersama-sama bersekongkol dengan Pusat untuk mendera rakyat Negeri Terengganu sedangkan kita rakyat Negeri Terengganu dan kita bertanggungjawab. Jadi sebab itu, saya mengharapkan supaya perkara ini kita dapat selesaikan dengan cara yang mudah. Tapi walau macam manapun, tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan tindakan undang-undang akan tetap merupakan satu proses yang akan kita lakukan, insya Allah.

Yang kedua, saya nak sebut soal balak. Wakil Ajil barangkali duduk sebut pasal balak ni, pemimpin-pemimpinnya barangkali mewah, kaya boleh dapat balak, macam-macamlah yang disebut. Saya suka menyebut, beginilah ... mungkin Wakil Ajil ni kalau dia nak bercakap bab balak, dia kena rujuk dulu kepada Wakil Telemong, tak dok di sini. Sebab Wakil Telemong ni dia bergelumang dengan balak lama dalam kerajaan dulu, balak dalam air, atas darat, ada belaka. Jadi dia tahu hal ini, kena rujuk saya rasa tak rujuk tu. Sebab itu bagi kitanya, setelah kita mengambil alih pentadbiran ini, kita ada polisi-polisi kita yang kita ubahsuai daripada polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan dulu. Yang pertamanya bahawa industri perkayuan mestilah diberi perhatian, diberi perhatian bukan balak saja *down-stream*, *sawmill*nya, barangkali perabotnya dan seterusnya. Itu kita kena ambil kira bahawa bekalan balak adalah mencukupi tanpa menjejaskan industri perkayuan yang ada di Negeri Terengganu ini.

Oleh itu, antara perkara yang kita ubah untuk kepentingan negeri bahawa kita telah menaikkan premium kawasan balak ini 5 kali ganda. Sebab kerajaan dulu mengenakan premium yang terlalu rendah sebab itu duit tak dapat banyak kepada negeri ini. Ada yang premiumnya RM300 satu hektar, ada yang premium RM750 satu hektar. Kita telah menaikkan premium ini 5 kali ganda. Kita buat perjumpaan dengan pihak industri perkayuan, kita terangkan dasar ini untuk kepentingan rakyat, untuk kepentingan negeri, ini belum lagi royalti ditarik. Kita melihat ini sebagai satu sumber ekonomi bagi negeri ini. Dia orang boleh terima, tidak masalah 5 kali gandapun premium. Sebab dia kata dulu, kami kena sekali tapi duit habis banyak juga dia kata, macam 5 kali juga.

Jadi, dia kata tak dok masalah. Kerajaan ambil 5 kali, kalau duit kita habis 5 kali pun habis macam hak dulu juga walaupun sekali sebab ada dia keluar ikut lain, bocor. Sebab itu, ini tidak menjadi masalah. Malah kita menaikkan royalti

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Jadi berkenaan dengan balak ni, kenapakah bila disebut isu balak ni, ini bukan satu isu yang sensitif sehingga saya dikeluarkan daripada Dewan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Bukan masalah sebut bab balak tapi sebab sebut tak betul, engkar arahan Speaker. Bukan sebut bab balak. Saya tak bangun apa, nak sebut ... sebutlah tak dok masalah. Tapi menyebut perkara-perkara yang tidak betul mengangap bahawa pemimpin-pemimpin ini gomol balak. Hak itu hak dok betul dan saya kaan menjelaskan perkara ini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Oleh kerana kita telah menaikkan polisi ini, kelulusan ini kita mempunyai satu Jawatankuasa Tender yang diputuskan oleh Exco. Dan Jawatankuasa Tender ini, tak apa saya bagi tahu nama yang terdiri daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pegawai Kewangan dan saya sendiri. Empat orang dengan Hutan menjadi *secretariatnya*. Kalau adapun hak gomol balak, daripada empat orang inilah orang lain tak terlibat. Tak ada seorang Exco lain, Wakil Rakyat lain yang terlibat dengan balak kalau ada di kalangan empat orang inilah, kalau nak gomol balakpun. Tetapi suka saya menyebut bahawa apa yang disebut pemimpin ni ada kepentingan, saya boleh memastikan, mengesahkan bahawa yang banyak barangkali berurusan dengan Pejabat Hutan dalam kira bicaranya dan akhirnya diputuskan dalam Jawatankuasa Tender ini, barangkali saya banyak sedikit pada yang lain. Saya ditugaskan banyak sedikit berurusan dengan Pejabat Hutan. Dan sekali gus, kalau nak dikatakan dalam empat-empat ini hak gomol balak, sayalah hak gomol balak hak tiga ni dok. Saya boleh pastikan dia tak banyak berurusan, saya hak berurusan dengan Pejabat Hutan hal balak. Tapi saya berani cabar siapapun di kalangan pembangkang, kalau adalah dia boleh bagi bukti, satu bukti ke saya gomol sebatang balak ataupun satu senpun duit rasuah, saya cabar dia suruh bawa siapa tauke, siapa dia.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada gangguan sedikit ni. Sebab bila sebut balak ni ramai yang berminat (KETAWA). Dan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Kita mahu tahu herapakah kawasan balak yang telah diluluskan sepanjang tahun 2000?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dia tak sampai lagi Yang Berhormat, dok sabar orang muda ni. Sabar dulu sedikit ... ni ada ni, Forest dah bagi tahu dah saya ni, ni ada maklumat yang telah dibagi. Jadi, saya nak bagi tahu ... tapi Wakil Telemong tak dok, daripada 4 orang nama yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Ajil kelmarin, saya tanya Pegawai Hutan boleh *pick-up* dok nama-nama tu. Dia kata dan. Dah dia kata empat-empat ini semua orang PAS be'aka, macam mana ni? Pegawai Hutan mengesahkan pada saya daripada empat tu tiga UMNO. Tiga UMNO, seorang yang tidak boleh nak disahkan tak tahulah macam mana. Tapi dok tahulah dia kata, takut yang saya kenal dulu UMNO takut dia berubah jadi PAS dok tahu. Sebab orang berniaga ni duduk bertukar kain, dia kata. Tapi sah dia kenal ni ... tiga orang ni. Tu saya kata jangan tuduh sebaranglah. Jadi sebab itu daripada empat orang ni, itu keadaannya. Dan oleh kerana itu bagi kita tak kira orang PAS, orang UMNO, orang apa kita tak

kira. Tapi dalam pemerintahan dulu, kalau sebut pemerintahan dulu orang PAS usah kata nak ambil balak, pergi bawah pohon pun tak boleh. Ambil balak dok boleh, kuat berdohoh dia punya akar, dok boleh. Itu saya nak bagi tahunya berhubung dengan perkara ini.

Jadi, sebab itu benda inilah ... sehingga sampai surat-surat khabar Al-Haq ada orang tunjuk pada saya, pemimpin PAS gomol balak ni. Kata biar ke dialah, ikut pandai dia nak kata lagu manapun tapi ini memberi kesempatan kepada saya untuk menjelaskan apa yang sedang berlaku sekarang ni. Jadi saya nak sebutnya hak 4 tu tiga UMNO, salah seorang daripadanya barangkali dia dengar ada sebut nama dia, mari berjumpa dengan saya. Dia kata, saya sanggup Yang Berhormat kalau makna ada Wakil Rakyat hak jaga balak dulu nak tu ... saya nak mengesah bahawa sayalah yang menjadi pengantaraan di antara tauke dengan Exco tu, dia kata. Tapi tak dok, Exco tu tak dok. Dan saya boleh bawa, kalau nak saya boleh bawa sebenarnya. Sebab dia orang UMNO sungguh, tapi dia tengok keadilan kerajaan yang ada ni dia menjadi berasakan hak dulu tak betul, hak sekarang ni hak betul. Jadi sebab itu ... saya tak mahu sebut namalah, saya suka menjelaskan ini ... jadi sebab itu janganlah nak berlagak jadi baik misalnya, nak berlagak jadi comel, nak berlagak jadi tu ... pada hakikatnya apa yang kita buat tidak ada seorang pemimpin hatta Menteri Besar yang boleh meluluskan kawasan balak dengan sendiri, dia tak dok semua melalui *board*. Dan *board*, empat orang yang saya sebutkan tadi. Jadi sebab itu, saya harap perkara ini tidaklah lagi jadi bahan fitnah yang boleh disebar di merata-rata tempat.

Baik, saya nak beri kawasan balak dia minta sangat tadi. Kawasan balak ini terdiri daripada 3 jenis, satu Hutan Simpan Kekal, hutan daralah. Yang kedua, Hutan Tanah Kerajaan. Tanah kerajaan yang sudah ... makanya KSKlah disebut ni tanah kerajaan. Yang ketiganya Hutan Tanah Milik, ertinya tanah yang telah kita beri kepada orang masih ada balak dalamnya. Tanah Felcra, tanah Felda, tanah Risda ataupun orang perseorangan yang kita berikan milik, balak ada dan kita boleh keluarkan. Tanah kerajaan, boleh dikeluarkan. Hutan Simpan, boleh dikeluarkan. Tahun 1999, kawasan Hutan Simpan Kekal yang diluluskan pada tahun 1999 ada 41 lesen. Tahun 2000 ada 30 lesen yang dikeluarkan tetapi 29 daripada 30 itu ialah kawasan yang telah diluluskan tahun 1999, cuma lesen dikeluarkan oleh kerajaan kita, kerajaan baru. Ertinya yang diluluskan oleh kerajaan dulu, BN 70 semua sekali Hutan Simpan Kekal, yang diluluskan oleh Kerajaan Alternatif cuma satu saja melalui tender terbuka, Hutan Simpan Kekal cuma satu saja hak yang kita keluarkan. Hak dia lulus 70.

Kemudian Hutan Tanah Kerajaan, yang ini bergantung kepada polisi-polisi kita, ada tender, ada yang diperlukan untuk pertanian, yang mesti cepat ... mesti dikeluarkan. Sebab apabila ditender memerlukan suatu persiapan yang lebih lama. Tetapi pertanian memerlukan cepat. Nak lalu keretapi misalnya, perlu cepat. TNB barangkali nak buat dia punya stesen, kena keluar cepat. Yang ni keluar cepat. Maka keadaan yang seperti itu tak sempat nak keluar secara tender terbuka, terpaksa Jawatankuasa Tender buat berdasarkan permohonan yang dibuat bagi *clear* kawasan hutan untuk tujuan pertanian dan lain-lain.

Dan untuk ini, secara tender kita telah keluar ada 15 kawasan, secara tender terbuka pada tahun 2000. Tahun 1999, ada 12 lesen tender dan kemudian yang selainnya ada 14 lagi, yang selain daripada tender terbuka kerana permohonan memajukan kawasan pertanian dan sebagainya. Kemudian Hutan Tanah Milik, tanah milik seperti saya kata Felcra, Felda dan sebagainya, yang ini banyak sedikit yang orang nak keluar tahun 2000 dan itu tanah dia nak keluar balak, itu hak dia, kita bagikan - tahun '99 ada 45, tahun 2000 ada 55 lesen yang kita berikan. Jadi di mana yang dikatakan bahawa kita telah mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi ke, parti ke atau

18 DISEMBER 2000

sebagainya. Tapi apa yang kita lihat bahawa hasil kepada negeri seharusnya masuk dan kita buat dengan penuh ketelusan, insya Allah, Tuan Yang Dipertua.

Yang kedua, saya nak sebut berhubung dengan PMINT dan beberapa syarikat-syarikat yang disebut oleh Wakil Ladang, perlu ada suatu pendekatan bagaimana kita nak menyusun semula PMINT ini. Memang kita telah mengambil beberapa langkah, mengambil perjalanan *renationalization* yang kita buat, saya terasa saya pernah terangkan pada masa-masa yang lalu, mana-mana anak syarikat yang kita rasa tak perlu kita simpan lebih baik dibuat oleh orang lain jadi kita boleh *privateskan* benda ni. Kerajaan dulu *privates* hak untung, yang untung banyak tu dia *privates* kepada kroni-kroni dia. Kita *privates* ni benda yang kita rasa barangkali lebih baik dilakukan oleh *private*, benda yang tidak untung. Misalnya yang telah kita lakukan, UPEN dah buat kajian Primula Besut, kita dah bagi. Sebab kita duduk tanggung *overhead* dan sebagainya tak untung, kita sewakan ni. Hak kita, kita sewakan kepada orang. Itu sudah berlaku. Dan ada beberapa lagi yang telah kita mengambil perjalanan.

Yang saya rasa tak ambil masa yang panjanglah untuk menjelaskan perkara ini. Cumanya sebagai suatu *observation* tentang apa yang dilakukan oleh pimpinan kerajaan dulu memang banyak jugalah pemimpin-pemimpin politik yang menjadi Pengerusi-Pengerusi anak syarikat ni yang sepatutnya, tujuannya untuk membetulkan anak-anak syarikat. Dan kami mengakui bahawa di kalangan Exco pun ada pegang anak syarikat untuk membetulkan ini. Di kalangan Wakil Rakyat ada yang pegang anak syarikat untuk nak membetulkan keadaan ini supaya kita dapat betulkan. Mungkin kena bagi masa sedikit, ni dalam masa setahun nampak dah ada beberapa setengah-setengah anak-anak syarikat tu yang dulunya daripada rugi, bukan rugi sekadar makna hutang, *operating level* pun rugi, setengah anak syarikat ini pada peringkat *operating* sudah dapat untung cuma hutangnya masih banyak. Ertinya sudah ada perubahan-perubahan yang telah dilakukan. Dan kalau saya nak sebut sebagai suatu contoh, antara Wakil Rakyat dahulu yang pernah pegang Pengerusi Jawatankuasa syarikat-syarikat ini termasuk Wakil Rakyat Kemasik sendiri. 10 tahun pegang Babena daripada tahun '90 sehingga awal tahun 2000, Babena bukan daripada kurus jadi gemok, daripada gemok kohor kurus sehingga menghadapi penyakit yang mungkin akan dikebumikan.

Dan saya nak sebut ni suatu contoh bagaimana *irregularities* yang berlaku. Yang Berhormat kena dengar moleklah ni nanti kan salah pula saya kata ni. Begini, ada dengan saya satu *voucher* tuntutan daripada satu syarikat, saya tak mahu sebut syarikat tu tapi kalau minta saya boleh sebut: syarikat kepada Babena berjumlah RM300,000 dibuat bayaran RM300,000. Yang menerima bayaran bagi pihak syarikat yang menuntut itu ialah Pengerusi Babena, iaitu Wakil Kemasik. Dalam keadaan orang boleh kata bahawa Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Tuan Pengerusi, ini satu tuduhan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak jawab ni. Yang Berhormat saya ada *voucher* yang menunjukkan tandatangan Yang Berhormat menerima bagi pihak syarikat itu, ini ada bertarikh 15 haribulan sebelas tahun '98. Ini ada dengan saya ni, saya dok bercakap benda hak saya dok tahu dan benda yang tidak tepat Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Banyak mana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Ya? RM300,000. Tapi saya dok kata dia ambil duit tu. Saya dok kata lagi. Saya mengatakan bahawa sebagai Pengerusi Babena menerima bayaran bagi pihak syarikat, sains *voucher*, orang ada dua tuduhan yang boleh dibuat. Yang pertamanya, Yang Berhormat ada kepentingan dalam syarikat ni. Yang keduanya, Yang Berhormat tidak reti dari segi pentadbiran. Ah ... ni boleh dikatakan ni, paling kurang dok reti dari segi pentadbiran. Macam mana seorang Pengerusi, yang dia sendiri salah seorang *signatory* kepada cek itu ... dia tukang bayar, dia tukang terima. Mana boleh jadi begitu. Dan ini sebenarnya, saya selalu sebut waktu saya jadi pembangkang dulu pun; saya duduk kata banyak pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri pada waktu itu, sebenarnya tidak reti masalah pentadbiran ini, tak reti. Bila kita tegur, dia kata ... pernah, nasib baik sebenarnya kerajaan dulu ni dilindungi oleh kerana pegawai-pegawainya cekap. Jadi, tidak nampak Wakil Rakyat, Exco ke bodoh pada masa tu, dilindungi oleh pegawai-pegawai yang cekap. Ini sebagai suatu contoh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Dan yang ketiga ... Wakil Seberang Takir tak dok. Beliau pegang, jadi anggota Lembaga Pengarah, Yayasan Terengganu. Satu ada satu transaksi yang dibuat berhubung dengan satu syarikat bernama Sterling Hectors tanah di Semeyih 400 ekar lebih, dekat 500 ekar, tanah dekat kubur Cina. Satu transaksi bahawa Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu beli tanah tu. Tidak ada satu penilaian yang tepat, kerana tidak ada *approach road* pun nak masuk ke tanah tu, nak pergi tengok nak nilai tanah tu lagu mana ... lagu mana. Boleh pergi dengan helikopter. Tak dok, tapi dibeli dengan cara-cara yang tidak ada satu dokumen yang jelas. Dibeli dalam tahun '96, Wakil Rakyat Seberang Takir menjadi anggota *board* kepada Sterling Hectors ini. Waktu kita mengambil alih ... dan saya ditugaskan untuk tengok benda ni, sejak daripada '96 sampai tahun 2000 tak pernah ada EGM, tak pernah ada mesyuarat yang hendak menentukan perjalanan syarikat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat minta laluan. Nak tanya berapa harga yang dia beli tanah tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Harga dia RM46 juta. Bukan sedikit ni, RM46 juta lepas pada beli ... pinjam bank, bukan duit royalti, pinjam bank. Hari ini kita terpaksa tanggung bunga bank tiap-tiap bulan duduk bayar. Pasal nak jual tak dok ... sehingga sekarang ni baru, barangkali orang percaya sedikit kepada kerajaan yang ada ni, ada orang yang berminat nak beli dan dalam proses. Jadi, tak mahu *jeopardize*, saya tak mahu jadi rosak orang nak beli ni. Cuma saya sebut begini, lepas beli sekejap nak jual ... nak jual dengan sampai pada harga yang rendah daripada ... tak dok orang nak beli. Siapa nak beli tanah dekat kubur Cina, nak pergi tak boleh. Ini hakikatnya. Ini *shady transaction* yang dijalankan dan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir adalah salah seorang daripada yang bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Laluan, keluasan tu berapa ekar?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): 498 ekar *to be exact*lah. Sebab itu, sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak nak sebut benda-benda begini sangat tapi oleh kerana provokasi tu terlalu tinggi, saya terpaksa menjelaskanlah. Saya boleh *pick-up* tiap-tiap orang apa dia punya penyakit, butir gatal dia duduk dekat mana, saya boleh kutip seorang-seorang. Saya boleh temu bisul dia duduk dekat mana. Tapi saya menyebut ini sebagai contoh. Banyak lagi masing-masing pegang bukan satu syarikat, berbagai-bagai

18 DISEMBER 2000

syarikat. Sebab itu Tuan Yang Dipertua, supaya ini menjadi pengajaran kepada Yang Berhormat daripada pembangkang, bila bercakap tu jangan celupar sangatlah. Barangkali wakil muda daripada Ajil ini, dia baru tak dok penyakit lagi. Hak lain tu memang ada penyakit belaka (KETAWA). Jadi, saya haraplah maknanya kalau tu sangat ... saya boleh buat keluar banyak lagi benda-benda lain. Cuma saya ... dengan Tun Salleh ni, Tun tak nak buat keluar saja barangkali nak tunggu buah ghrif barangkali. Kalau desak-desak sangat, kita boleh buat keluar, insya Allah. Sehingga inipun dok habis lagi kita *check* fail yang mengandungi perkara-perkara ni, tidak habis lagi. Inilah sebut 'empat lori' marah, tapi sehingga ni dok habis lagi benda ni yang kita *check*.

Hak saya sebut semalam, hak Gunawan Steel tu ... tu belum saya sebut GM dia punya elaun, campur dia punya sampai RM30,000 sebulan. Dah elaun mesyuarat *setting allowance* tiap-tiap kali RM3,000 bagi setiap orang. Syarikat nak hidup lagu mana begitu? Jadi inilah masalah-masalah yang dihadapi. Saya bukan sekadar nak mengunduhkan kepada kerajaan lama, kita mengakui benda-benda yang baik yang pernah dibuat, kita akui. Dia sebut Dewan ni, memang Dewan ni kita akui. Tapi jangan mengaku hak dia, ni pitis rakyat ... tukang buat saja. Kalau kita memerintah, kita buat juga. Kita tahu belanja banyak mana, berapa sebenarnya dan saya diberitahu oleh Pegawai Kewangan satu-satu projek yang besar tu, dipunya VO berapa kali tambah dok tahu. Daripada hak RM20 juta jadi tiga puluh lebih, daripada belas jadi duapuluh lebih VO - Variation Order ni. Yang menuntungkan kontraktor-kontraktor.

Jadi sebab itu, saya berharaplah supaya kita mengambil perjalanan untuk supaya berilah pandangan-pandangan yang membina kepada Dewan ini kepada kerajaan. Saya sebenarnya sedikit kecewa dengan pembangkang ni sebab saya harap mereka sesudah jadi pembangkang ni banyak melihat kelemahan-kelemahan yang ada pada kerajaan, tunjuk kelemahan itu jadi kita boleh baiki. Tapi Ketua Pembangkang sendiri, Wakil Seberang Takir saya kecewa dengan ucapan dia, pendek berdohoh lalu dan tak dok benda hak dia semalam. Banyak Wakil Kemasik sedikit, banyak pun banyak hak dok berjurus ... (KETAWA).

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa saya tak nak panjanglah kerana saya duduk tengok dah dekat pukul dua, Yang Amat Berhormat kena jawab ni. Saya rasa setakat tu cukup yang dapat saya sampaikan. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para pemerhati. Pertama-tama saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan diri dalam perbincangan belanjawan yang dibentangkan, sama ada daripada pihak kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang. Saya ingin mengambil masa yang sesingkat-singkatnya dengan menyentuh perkara-perkara yang tidak disebut oleh kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan membuat sedikit tambahan kepada perkara yang perlu ditambah.

Ada Ahli Yang Berhormat menimbulkan hubungan dengan Kerajaan Pusat. Kita telah berusaha sedaya upaya untuk mengadakan hubungan yang sebaik-baik dengan kerajaan Pusat dalam konteks negara berdasarkan kepada federalisma, yang berlandaskan kepada demokrasi berparlimen. Dalam hubungan dengan Perdana Menteri pihak Kerajaan Negeri telah menulis dua pucuk surat kepada Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan untuk meminta tarikh bagi mengadakan pertemuan secara rasmi. Tetapi sehingga kini kita tidak menerima apa-apa jawapan. Walau bagaimanapun, saya berkesempatan mengadakan hubungan secara kebetulan dan tidak rasmi dengan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri. Mengambil kesempatan daripada perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat. Di antaranya saya pernah sebut dalam Dewan yang lalu, tapi sayangnya Yang Berhormat daripada pembangkang tidak ada pada masa itu kerana terlibat kehadiran dengan perhimpunan agung di Kuala Lumpur.

Pertemuan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada bulan Ogos, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan masalah kelambatan bayaran *capitation grant* kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Perdana Menteri mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Terengganu memberi pinjaman tanpa faedah kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya memberi jawapan bahawa kami di Terengganu menerima kerajaan yang dibebankan dengan hutang yang banyak. Perdana Menteri menegaskan bahawa itu adalah hak yang mesti dibayar oleh Kerajaan Negeri. Beliau menegaskan bahawa Terengganu dapat duit yang banyak daripada royalti petroleum, tahun 2000 sahaja dijangka RM800 juta lebih. Dan beliau menegaskan itu adalah hak Kerajaan Negeri Terengganu, kita tak boleh nak buat apa, itu hak Negeri Terengganu, beliau mengatakan kepada rakan-rakan daripada Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar daripada negeri-negeri lain. Itulah hak Negeri Terengganu oleh kerana kawasan telaga petroleum berada dalam kawasan Negeri Terengganu termasuk yang di laut. Itu adalah hak Negeri Terengganu. Berdasarkan kepada kenyataan itu, insya Allah saya merasakan itulah sikap Perdana Menteri.

Adapun yang berlaku daripada perampasan royalti ini mungkin kerana kerenah Kementerian Kewangan. Dalam pertemuan yang diadakan oleh Wakil Kerajaan Negeri di peringkat yang tertinggi dengan pihak Petronas, yang juga pihak tertinggi pihak Petronas termasuk Pengerusi Petronas. Dalam pertemuan itu pihak Petronas telah memberi penjelasan, apabila kita pergi untuk mengadakan perbincangan setelah royalti dinafikan. Pihak Petronas memberi penjelasan bahawa pendapat Petronas, itu adalah hak Kerajaan Negeri Terengganu. Dan itulah sikap Pegawai-pegawai Tertinggi Petronas dan kita bimbang pegawai-pegawai ini akan ditukar bila-bila masa sahaja. Dan sehingga ini kita mendapat simpati daripada majoriti pegawai-pegawai kerajaan di peringkat Pusat, bukan sahaja di peringkat negeri yang mengetahui hak mereka dan kewibawaan mereka tercabar seolah-olah mereka tidak mampu untuk mengendalikan kewangan. Apabila dituduh kemungkinan berlakunya tidak cekap dan seumpamanya.

Dalam satu demonstrasi yang dianjurkan baru-baru ini pihak yang menganjurkan ialah NGO bukan Kerajaan Negeri. Saya dimaklumkan bahawa pihak yang menghantar nota bantahan kepada Kementerian Kewangan telah mendapat sambutan yang hangat daripada pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan. Ini menandakan sikap pegawai-pegawai. Begitu juga sikap di kalangan mereka yang terpelajar. Satu dialog yang diadakan di Universiti Kebangsaan, yang diwakili oleh semua universiti. Dialog secara undang-undang, secara akademik yang dihadiri oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hisbah, Yang Berhormat Pengerusi yang berkait dengan petroleum. Dalam dialog itu kita mendapat sokongan yang padu daripada kalangan akademik. Setelah mengambil kira perkara-perkara ini dan kita telah menyampaikan melalui saluran politik dan melalui saluran pentadbiran dengan cara yang sewajarnya, kita merasakan bahawa sudah tiba masanya untuk diambil mengikut saluran undang-undang.

Kita juga mengadakan hubungan melalui Kementerian-kementerian, Alhamdulillah di sana ada Kementerian-kementerian yang menunjukkan sikap ukhuwah yang baik dengan mempelawa Exco-exco Kerajaan Negeri yang dianjurkan oleh Pusat, dan menyertakan Exco Negeri dalam beberapa lawatan di luar negara. Dan di sana ada juga Kementerian yang menunjukkan sikap tidak baik. Contohnya, Kementerian Perumahan yang telah menjemput Kerajaan Negeri kali yang pertama

18 DISEMBER 2000

supaya menghantarkan wakil, kita hantar wakil. Yang kedua dihantar jemputan. Dua hari sebelum tarikh ditetapkan, kita mendapat surat yang kedua meminta supaya Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan tidak payah hadir. Ini adalah satu sikap yang tidak baik yang ditunjukkan oleh Kementerian Perumahan.

Saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan penemuan telaga minyak. Saya tidak pernah membuat kenyataan bahawa telaga minyak sudah dijumpai. Kenyataan saya hanyalah, di sana ada tanda-tanda positif yang membolehkan usaha mencarigali dilakukan di daratan dan di pesisiran pantai Negeri Terengganu. Sekiranya terbukti ada dan boleh dicarigali, sudah tentu difahamkan daripada langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat mungkin hasil di daratan ini 100% akan dapat kepada Negeri Terengganu. Kalau kaedah yang dipakai oleh Kerajaan Pusat sekarang. Saya mengharakan tidak begitu, kita mahu secara ukhawah dan kita berpegang dengan perjanjian yang telah dimeteraikan. Dan kita menganggap kita sama-sama bertanggungjawab di atas perjanjian-perjanjian yang telah dimeteraikan tetapi syaratnya mestilah sama-sama kita merasa bertanggungjawab. Kalau ada pihak yang membatalkan perjanjian, seolah-olah perjanjian itu sudah batal. Kita tidak menganggap begitu dan kita tidak mahu jadi begitu, dan kita menganggap kita adalah sebahagian daripada Persekutuan.

Berdasarkan kepada perkara-perkara di atas, kita menganggap bahawa belanjawan yang dikemukakan adalah belanjawan kenyataan bukannya belanjawan 'knayalan' sebagaimana yang dituduh. Alhamdulillah, pegawai-pegawai kita telah mengendalikan kewangan dengan cara yang sebaik-baiknya. Dan insya Allah, kita bercadang untuk membayar bonus kepada kakitangan kerajaan sebelum hari raya ini. Bonus ini akan dibayar berdasarkan kepada kemampuan kita yang ada sekarang iaitulah bonus setengah bulan gaji dan sekurang-kurangnya RM500, itu yang sekurang-kurang. Dan insya Allah, kalau diberi kemampuan oleh Allah s.w.t. kita akan melakukan dengan cara yang lebih baik lagi.

Yang kedua, saya ingin menyentuh perkara yang tiap-tiap kali persidangan Dewan, jarang saja kalau tak disebutpun, sama ada di masa saya jadi pembangkang ataupun di masa kerajaan. Iaitulah berhubung dengan ucapan saya yang dinaikkan kelas menjadi amanat. Berhubung dengan ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Musa Hitam yang sekarang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Suhakam, Pengerusi Suhakam yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri, di mana beliau tidak terikut-ikut dengan provokasi yang dilakukan oleh wakil-wakil UMNO Terengganu. Dalam tiap-tiap perhimpunan agung UMNO mereka membawa isu ini dengan harapan supaya satu tindakan undang-undang diambil ke atas PAS pada amnya dan ke atas saya khasnya ... ISA saya tak tahulah, apa yang mereka nak ambil. Tetapi Yang Berbahagia Dato' Seri Musa Hitam telah meneliti perkara ini yang saya anggap itulah yang sebaik-baiknya. Di mana kaset-kaset ucapan saya di seluruh negara dan di luar negara termasuk buku-buku yang saya tulis, telah dikaji oleh pihak Agama Jabatan Perdana Menteri. Dan telah dikaji oleh pihak yang berkenaan dan saya tak suruhlah mereka kaji tapi mereka mengkaji. Dan saya difahamkan, di masa itu mereka menyatakan bahawa di sana tidak ada perkara-perkara yang menunjukkan salah dari segi ajaran Islam. Saya hanyalah ... cuma ia boleh disalah faham, itu orang lain bukan hal saya. Boleh disalah faham.

Dan saya telah menerima sepucuk surat daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan buku yang saya tulis yang bertajuk "Hisbullah dan Hisbusyaitan" iaitulah Parti Allah dan Parti Syaitan. Di mana surat Jabatan Perdana Menteri telah memberi peringatan berhubung dengan kesilapan cetak kepada salah satu daripada ayat Quran, kesilapan cetak. Dan itu adalah perkara biasa dan

kami telah mengucap terima kasih kerana pembetulan yang dilakukan oleh Jabatan Perdana Menteri. Dan pihak kami telah dipanggil oleh IKIM, Yang Berhormat Wakil Manir pernah hadir dalam perjumpaan IKIM bersama dengan Presiden PAS. Dan kali yang kedua, saya sendiri telah hadir dalam perjumpaan IKIM dengan salah seorang daripada pimpinan Pusat. Di mana dalam dialog IKIM, Alhamdulillah kita telah berbincang secara akademik dan secara ilmiah. Dan saya diberitahu bahawa kaset perbincangan saya dan ucapan saya dalam perbincangan itu tiba-tiba dijual di Lorong Chow Kit, Kuala Lumpur. Saya pun tak tahu siapa yang jual dan ini bukan urusan saya, itu terpulung kepada IKIM yang merakamkan perbincangan itu. Terpulung kepada mereka yang sepatutnya menyimpan kerahsiaan perbincangan itu.

Dan kita tidaklah mahu perkara ini diumumkan kepada masyarakat yang tidak faham. Kerana isu perpecahan, yang ditimbulkan ini sepatutnya diselesaikan secara ilmu kerana PAS mempunyai Dewan Ulamak dan UMNO mempunyai Biro Agama. Kalau tidak ada pihak yang boleh menemukan, saya mencadangkan supaya melalui Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku, melalui Majlis Raja-Raja boleh diatur pertemuan di antara Dewan Ulamak PAS dan Biro Agama UMNO dan boleh disertakan oleh Mufti-Mufti dari seluruh negara supaya diadakan perbincangan secara ilmiah. Untuk mencari mana yang betul, mana yang salah dan kita mencari kebenaran, bukan untuk cari menang dalam perkara ini. Dan pihak Kerajaan Pusat mempunyai bidang kuasa yang lebih dalam perkara ini dan mereka boleh mengatur.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan JKKK yang telah disebut oleh Wakil daripada Batu Buruk. Bagi menyokong kenyataan yang dibuat oleh beliau, saya suka mendedahkan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang terakhir, kami telah diberi taklimat oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di mana dalam taklimat itu, salah seorang daripada Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah meminta supaya JKKK dibuat penyusunan semula bagi mengikut keadaan-keadaan semasa. Di mana Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan menjawab bahawa JKKK ini adalah bidang kuasa negeri bukan bidang kuasa Pusat. Itulah jawapan yang rasmi saya rasakan, itu yang rasmi sebenarnya. Dan tindakan yang berlaku ini adalah menyalahi undang-undang dan menyalahi peraturan, tidak syak lagi.

Dan akhirnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan seorang yang kita anggap berjasa kepada Kerajaan Negeri, iaitulah Pesuruhjaya Hisbah yang dilantik dari Negeri Perak tak dilantik daripada Negeri Terengganu. Kita perlu menyedari bahawa tugas-tugas yang diamanahkan terbahagi dua, yang pertama tugas yang sangat bergantung dengan keadaan masyarakat setempat. Yang kedua, tugas yang sangat bergantung dengan keilmuan, keahlian dan ketelusan. Dan kita berpendapat Almarhum Tuan Haji Idris dilantik menjadi Pesuruhjaya Hisbah kerana pengalaman beliau dalam bidang undang-undang di Jabatan Perdana Menteri, dalam bidang kehakiman dan beliau mempunyai pengalaman yang secukup-cukupnya dan menunjukkan keikhlasan yang terbukti, apabila beliau mahu memulang gaji di masa keuzuran. Saya rasa payah nak cari orang yang macam ini. Inilah bukti keikhlasan yang ditunjukkan oleh beliau. Dan ini perkara biasa, kita boleh pilih dari mana saja orang yang kita anggap boleh menjalankan tugas sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.:

الحكمة ضالة المؤمن انى وجدها فهو احق بها

Kebijaksanaan adalah barang tercicir kepunyaan orang yang beriman, di mana saja kebijaksanaan itu berada maka orang yang beriman yang berhak untuk memungutnya. Di atas

18 DISEMBER 2000

dasar inilah orang Madinah Nabi s.a.w. bukan sahaja sebagai seorang Rasul, dilantik menjadi Ketua yang memimpin negara Islam, Madinah.

Ketika menyedari ketokohan kita tidak sama dengan Rasulullah, tak sama tetapi kita boleh mengambil iktibar. Dan oleh kerana itulah berdasarkan kepada kebijaksanaan kita bertuah di Negeri Terengganu mendapat dua orang Mufti daripada luar Negeri Terengganu ... daripada luar Malaysia. Almarhum Sheikh Hassan Yamani yang berasal dari Yaman, Arab Saudi pernah jadi Mufti Negeri Terengganu dan beliau termasuk di dalam *Qibar Ulamak* di Arab Saudi. Ini bertuah kepada Negeri Terengganu. Dan Negeri Terengganu pernah mempunyai Mufti, Syeikh Syed Yusoff Zawawi yang berasal juga daripada negara Arab, yang pernah menjadi Mufti telah memberi sumbangan ilmu yang banyak kepada Negeri Terengganu. Dan saya rasa itulah juga barangkali UMNO mengambil contoh, mengambil pemimpin daripada Pulau Pinang untuk menjadi Ketua Perhubungan Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itu sebagai sentuhan kepada soalan-soalan yang dikemukakan, perkara-perkara yang lain telah banyak ditimbulkan rakan-rakan dan Yang Berhormat Ahli Exco. Dan saya rasa sekadar itulah, saya mengucapkan herbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan kelancaran Kerajaan Negeri sama ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun pegawai-pegawai kerajaan.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN 2001 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA
BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTUHUT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN 2001 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH
DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN
DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN
SUARA TERBANYAK.

18 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2001 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 6 Tahun 2000**.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, saya berterima kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ketua-ketua Jabatan yang telahpun berada di dalam Dewan ini hampir lima jam tanpa henti. Dan ini adalah salah satu daripada barangkali luar biasa yang berlaku dan saya menganggapkan bahawa ini adalah suatu pengorbanan sesuai dengan bulan yang begitu mulia yang diberkati oleh Allah s.w.t., moga-moga lima jam kita berada di sini dilimpahi dengan keberkatan.

Dan saya berhasrat tangguhkan Dewan ini sehingga kepada esok, 19 haribulan Disember 2000, tepat jam 9.30 pagi. Kita tangguh dengan *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 2.25 PETANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 19 DESEMBER 2000**

Hari Selasa
19 Disember 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 274]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 278]
3. Rang Undang-Undang:
 2. *Enakmen Perbekalan Tambahan (2000)
(No. 2) 2000* [Muka 288]
 3. *Enakmen Hisbah 2000* [Muka 292]
4. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:
 1. *Peruntukan Perbelanjaan Rancangan
Pembangunan Negeri Bagi Tahun
2001* [Muka 333]
 2. *Rancangan-rancangan Kemajuan Bekalan
Air Negeri Bagi Tahun 2001* [Muka 335]
 3. *Musyarahah Pemangku Raja* [Muka 336]
5. TANGGUHAN [Muka 337]
LAMPIRAN `A` [Muka 338]

19 DISEMBER 2000

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang BERTHORMAT Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang BERTHORMAT Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang BERTHORMAT Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang BERTHORMAT Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang BERTHORMAT Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang BERTHORMAT Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang BERTHORMAT Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang BERTHORMAT Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang BERTHORMAT Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

19 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Hajii Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PIC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

19 DISEMBER 2000

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

- Dengan Maaf

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

- Dengan Maaf

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

- Dengan Maaf

19 DISEMBER 2000

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan membaca umul Quran – Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Soalan-soalan Lisan. Persilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmni rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Adakah benar Y.A.B. Menteri Besar telah meluluskan bantuan kewangan kepada sebuah pertubuhan di Negeri Pahang? Jika benar, namakan pertubuhan tersebut dan daripada mana sumber kewangan itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil Kemasik ingin tahu adakah benar Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan bantuan kewangan kepada sebuah pertubuhan di Negeri Pahang? Saya jawab, suatu fitnah dan tidak benar, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tanya bukan saya buat fitnah. Adakah benar, kalau tak benar

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya jawab satu fitnah. Bukan ... saya kata tidak benar dan satu fitnah, saya kata.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Berapa ramaikah kakitangan kontrak yang bekerja di Wisma Darul Iman yang telah diberhentikan atau mengambil keputusan berhenti kerja semenjak PAS mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik bertanya berapa ramaikah kakitangan kontrak yang bekerja di Wisma Darul Iman yang telah diberhentikan atau mengambil keputusan berhenti kerja semenjak PAS mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri Terengganu?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kakitangan kontrak yang berkhidmat di Wisma Darul Iman yang telah diberhentikan satu orang, yang memohon berhenti 5 orang.

19 DISMEBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga –

Bagaimanakah langkah Kerajaan Negeri mahu memulihkan imej Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) selepas ianya diakui sebagai lubang PAS?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Wakil Kemasik bertanya, bagaimanakah langkah kerajaan negeri mahu memulihkan imej Kolej Agama Sultan Zainal Abidin selepas ianya diakui sebagai lubang PAS?

Jawabnya Kolej Agama Sultan Zainal Abidin dari semasa ke semasa terus menambahkan kecemerlangannya, tidak pernah menurun imejnya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Berapa ramaikah Kerajaan PAS telah melantik amil. Mengapa amil-amil tidak diberi kepercayaan mengagihkan zakat kepada fakir dan miskin?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, wakil daripada Ajil ingin mengetahui berapa ramaikah Kerajaan PAS telah melantik amil. Mengapa amil-amil tidak diberi kepercayaan mengagihkan zakat kepada fakir dan miskin?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Dewan ini masa kerajaan baru mengambil Kerajaan Negeri Terengganu ini amil yang sudah sedia ada seramai 1,023 orang dan sampai kepada bulan November tahun 2000 maka kerajaan melantik amil-amil tambahan seramai 402 orang. Adapun kenapa amil tidak diberi kepercayaan mengagih zakat kepada fakir miskin, soalan ini tidak berbangkit sebab semalam saya telah menerangkan kenapa kita berbuat demikian kerana kita tidak mahu bertindih, maknanya orang miskin itu dia terima dua kali, satu amil bagi kemudian kerajaan pula, MAIDAM bagi sekali lagi. Jadi sebab itu kita ambil alih pembahagian dan pengagihan zakat kepada fakir miskin sekali saja dalam satu tahun. Sekian.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan kedua –

Nyatakan kriteria pelantikan Imam atau Khatib di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil juga ingin mengetahui kriteria pelantikan Imam atau Khatib di Negeri Terengganu.

Mengikut amalan yang diadakan sekarang, pertamanya calon Imam atau Khatib hendaklah dipersetujui oleh anak mukim. Yang keduanya, dia mesti boleh membaca Quran dengan baik dan betul, dan boleh berkhotbah dengan betul. Mengetahui hukum hakam mengenai ibadat terutama sekali ibadat yang berkait dengan kerjayanya itu. Kemudian, dia berkemampuan mengajar anak-anak mukimnya. Seterusnya dia mempunyai keperibadian yang baik. Bagi menentukan kelayakan calon ini maka satu Jawatankuasa dibentuk dengan dipengerusikan Sahibul Samahah Mufti, Ketua Penolong Pesuruhjaya (Dakwah) sebagai ahli, Imam Besar sebagai ahli, Pegawai Agama Daerah berkenaan ahli, Penolong Pesuruhjaya (Qaryah 2) sebagai Urusetia. Jawatankuasa ini yang menemudugakan calon-calon Imam itu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah pihak kerajaan sedar bahawa ada seorang Imam yang telah menjadi Imam di sebuah masjid, telah menjadi Imam tanpa tauliah?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan sangat sedar masih ada lagi Imam-imam yang belum diberi tauliah tetapi ... walaupun dia telah diberi surat kuasa oleh Pesuruhjaya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jika Imam ... menjadi Imam tanpa tauliah, apakah tindakan pihak kerajaan terhadap mereka?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya telah bagi tahu Imam-imam yang belum dapat tauliah itu diberi surat kuasa oleh Pesuruhjaya. Tidak sebarang tindakan dilakukan malahan ada orang-orang yang tidak bertauliah juga dia berkhotbah, di kawasan Hulu Terengganu ada dia khotbah ... kawasan Ajil dia berkhotbah. Kita tahu tapi tak ambil tindakan apa-apa.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan ada seorang Imam di kawasan Setiu yang telah didapati bacaan Fatihahnya tidak betul oleh Jawatankuasa Penemuduga. Jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap orang ini?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau nak kira bacaan Fatihah tak berapa betul ni boleh jadi lebih pada seorang. Dan kerajaan mengambil tindakan melatih Imam-imam yang ada dengan memanggil mereka kursus di API. Dalam kursus ini di antara agenda yang kita lakukan ialah ... melakukan *tasmek* untuk mendengar bacaan-bacaan. Dan ramai lagi, daripada dulu lagi bukan seorang. Maklumat kalau ada pada Wakil Ajil seorang, maklumat tu dok tepat.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan yang ketiga –

19 DISMEBER 2000

Pimpinan kerajaan negeri sering mengadakan lawatan keluar negara. Nyatakan aktiviti dan tujuan lawatan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil mengemukakan soalan - Pimpinan kerajaan negeri sering mengadakan lawatan keluar negara. Nyatakan aktiviti dan tujuan lawatan tersebut?

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi jawab soalan ini saya merasakan perkataan 'sering' yang digunakan itu tidak tepat. Rombongan kerajaan negeri yang mengadakan lawatan keluar negara sepanjang tahun 2000 ini bertujuan antara lainnya:

1. Menyertai persidangan/seminar dan juga pameran
2. Mengadakan pertemuan dan mengadakan perbincangan dengan usahawan-usahawan serta pelabur-pelabur asing.
3. Menjalinkan perhubungan dan membentuk "net-working" dengan kumpulan-kumpulan perniagaan dan industri asing.
4. Membuat tinjauan ke atas projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan di negeri ini.
5. Melaksanakan aktiviti-aktiviti bertujuan untuk menarik pelabur dan pengumjung untuk datang ke Terengganu ini.

Terima kasih, Yang Berormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Sepanjang tahun 2000, berapakah jumlah lawatan telah diadakan keluar negara.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jumlah lawatan yang diadakan oleh pimpinan negeri hanyalah 7 kali. Saya boleh sebut di sini, Yang Amat Berhormat telah 3 kali keluar ke Sulawesi, Pakistan dan Timur Tengah. Yang Berhormat Wakil Manir ke Kanada, Yang Berhormat Wakil Batu Rakit ke Australia, Yang Berhormat Wakil Tepuh juga ke Australia mengikuti rombongan PEMADAM dan Yang Berhormat Wakil Sura ke Timur Tengah bersama-sama dengan Menteri dalam rombongan galakan pelancongan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Apakah kesan positif daripada lawatan-lawatan tersebut kepada Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang dari hasil lawatan tersebut kita mempunyai banyak kesan-kesan yang positif, antaranya menarik minat *potential investor* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dan juga dapat memberikan bagi sektor pelancongan galakan kepada rombongan dan juga industri pelancong negeri dan rombongan juga dapat memberi kesan yang positif antara hubungan di antara rakyat dengan rakyat terutamanya bagi negeri-negeri umat Islam di seberang laut.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Apakah kerajaan sedar bahawa suatu tempat tertentu di dalam masjid KUSZA telah dijadikan tempat untuk menampal poster, iklan dan lain yang ada kaitannya dengan politik?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Seberang Takir ingin tahu, apakah kerajaan sedar suatu tempat tertentu di dalam masjid KUSZA telah dijadikan tempat untuk menampal poster, iklan dan lain-lain yang ada kaitannya dengan politik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Dewan ini papan-papan kenyataan dan iklan telahpun ada di serambi masjid KUSZA sejak dahulu lagi. Sekarang ditambah beberapa buah rak untuk majalah semasa sebagai bahan bacaan ringan kepada ahli-ahli jemaah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Yang penting di situ, dulu satu tempat saja sekarang sudah bertambah menjadi dua. Dulu tidak ada hal-hal yang ada hubungannya dengan tapi sekarang lebih daripada itu termasuklah gambar-gambar kartun yang menceritakan hal-hal politik, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Wakil Manir?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masjid KUSZA bukan sahaja diguna oleh pelajar-pelajar dan kakitangan KUSZA malah masjid KUSZA terbuka kepada masyarakat-masyarakat setempat. Jadi oleh sebab itu kunjungan daripada masyarakat setempat sekarang ini semakin ramai maka dengan sebab itu mungkin mereka menggunakan tempat ini untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada saudara-saudara mereka melalui papan yang disediakan itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah ini bermakna kalau tidak ada pelawat ataupun orang luar yang datang sembahyang di situ, bermakna tidak perlu diadakan iklan ataupun poster dan lain-lain yang ada hubungannya dengan politik khusus untuk pelajar-pelajar sahaja?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pelajar KUSZA baik, masyarakat setempat baik tidak perlu dipisahkan dengan politik. Masjid di dalam Islam tidak hanya terhenti kepada kegiatan-kegiatan yang diketahui selama ini kegiatan agama seperti sembahyang dan lain-lain, masjid merupakan sebuah parlimen. Mengikut Islam pada zaman dahulunya semasa dia diamalkan, Islam diamalkan secara yang betul, secara yang lengkap, secara yang sempurna. Maka sebab itu tidak menjadi kesalahan kalau di kawasan

masjid itu ditampal dengan iklan-iklan, berita-berita semasa sama ada berkaitan dengan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya untuk maklumat dan pengetahuan orang ramai.

Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan baru merancang masjid yang baru dibina nanti adalah masjid yang mengandungi semua kemudahan-kemudahan di dalam itu; tempat perhimpunan, tempat belajar, tempat itu dan sebagainya. Tidak masjid seperti dulu, zaman orang putih dulu, dia bina masjid untuk masjid sahaja. Zaman politik suku, agama suku itu insya Allah akan berakhir di Terengganu ini tidak lama lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa surat-surat layangpun ditampalkan di situ?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, surat-surat layang itu kalau tidak ditampal di masjidpun sekarang ni rata, di dalam *internet* lebih hebat lagi. Sebab itu satu masyarakat yang bertamadun maka dia boleh mengemukakan pandangan dan pendapatnya. Orang-orang yang mempunyai keperibadian yang baik, yang gagah dan kuat maka dia tidak akan menyebarkan surat layang kerana dia bertanggungjawab apa yang dia tulis dan dia capai. Orang-orang yang tidak mempunyai kekuatan peribadinya maka dia menyebarkan surat layang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya satu lagi - Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkara-perkara yang semacam itupun layak diberi tempat di dalam masjid KUSZA?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya telah memberitahu maklumat-maklumat perlu diberitahu sama ada melalui masjid atau lain-lain tempat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Maksud Yang Berhormat maklumat yang bersifat surat layang.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, surat layang, surat sebar itu terpulanglah kepada orang yang ingin menyampaikan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Adakah pengakuan beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri di dalam sidang Dewan yang lalu (12 dan 13 September 2000) menyatakan bahawa Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) tempat latihan kader-kader PAS menguntungkan KUSZA sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang keduanya - Adakah pengakuan beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri di dalam sidang Dewan yang lalu, iaitu 12 dan 13 September menyatakan bahawa Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) tempat latihan kader-kader PAS menguntungkan KUSZA sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soal ini tidak berbangkit daripada kerajaan baru mengambil negeri ini dan pentadbiran baru di KUSZA, Alhamdulillah murid semakin ramai dan gurupun semakin ramai, kursus-kursus barupun makin bertambah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan – Adakah benar soalan ditanyakan “beberapa orang Ahli Dewan yang mengaku pada sidang yang lalu,” sebab saya merujuk kepada sidang yang lalu tidak ada orang yang mengaku.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia bukan kenyataan Yang Berhormat, itu soalan. Soalan dia tanya, dia nak mendapat penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin jawab ikut soalan. Jadi memanglah persidangan yang lalu Wakil Seberang Takir ada bercakap, saya masih ingat lagi, bila pindah kerajaan ni KUSZA semacam nak jadi pusat latihan kader-kader PAS. Pada masa itu saya dengan jelas menyatakan pusat-pusat latihan ... pusat-pusat untuk melatih kader-kader PAS terlalu banyak di dalam Negeri Terengganu ini, tidak perlu kepada KUSZA. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil daripada Bukit Besi bangun menyatakan “saya anak jati KUSZA dan menjadi ahli PAS, dan Ahli Dewan Undangan Negeri daripada parti PAS.” Saya juga menambah dalam Dewan ini ada 3 orang daripada bekas pelajar KUSZA, iaitu Wakil Paka dan Wakil Jabi ialah bekas pelajar KUSZA. Pada masa itu tidak timbul PAS jadikan tempat latihan kader-kader sebab masa itu Barisan Nasional yang memerintah. Kalau Barisan Nasional yang memerintah, dia yang tadbir KUSZA, KUSZA boleh dijadikan tempat latihan kader PAS maka alangkah lemahnya pentadbiran pada masa itu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUDL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya minta maaflah mungkin ingatan saya tidak begitu tepat tapi Wakil Bukit Besi salah seorang daripada wakil yang berucap di dalam Dewan yang lalu yang mengatakan bahawa dia adalah salah seorang daripada orang yang mendapat latihan di KUSZA yang bermakna pada faham saya adalah salah seorang yang termasuk dalam istilah “perkaderan” di KUSZA, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau itu maksudnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita ucap terima kasihlah kerana UMNO tolong latihan kader kita di KUSZA, Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Wakil Manir tadi bermakna pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil Manir, ditambah pengakuan yang dibuat oleh beberapa orang wakil yang lain, yang telah mendapat pendidikan di KUSZA telah memberikan satu rangsangan kepada pengambilan atau kemasukan KUSZA seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Wakil Manir tadi. Jadi dalam hal ini, saya turut sama mengalu-alukan satu rangsangan daripada pengakuan yang seumpama itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang saya sebut ialah bahawa pada masa itu KUSZA bukan ditadbirkan oleh kerajaan yang baru, KUSZA ditadbir oleh kerajaan yang lama. Walau bagaimanapun dia melahirkan kader-kader yang berjuang di dalam Parti Islam se-Malaysia iaitu parti PAS. Dan barangkali ini di antara kejayaan yang telah dicapai oleh KUSZA sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi di negeri ini yang berjaya memberi kefahaman Islam yang baik kepada pelajar-pelajarnya. Maka pelajar-pelajar yang diberi kefahaman Islam yang baik dengan sendirinya dia memilih parti PAS, tidak payah PAS kaderkan dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, izin saya membetulkan kenyataan. Jawapan yang diberikan sekejap tadi bahawa tidak terjejas malah dengan kenyataan-kenyataan itu kemasukan pelajar-pelajar bertambah, kursus-kursus baru juga bertambah. Jadi itulah ertinya yang saya sebutkan bahawa pengakuan-pengakuan itu merupakan satu rangsangan kepada pelajar-pelajar yang ingin belajar di situ tidak sebaliknya. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Itu yang dimaksudkan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan yang hendak dikemukakan oleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalannya pendek saja - Adakah Yang Berhormat Wakil Manir bersetuju dengan rumusan yang saya buat itu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bukan masalah rumusan saya jawab soalan. Soalannya ... setakat ini tidak ada apa-apa masalah yang dihadapi oleh KUSZA dengan sebab adanya bekas pelajar KUSZA itu yang mengaku dia yang belajar di KUSZA menjadi ahli PAS. Maka dengan sebab itu sekarang ini KUSZA tidak terjejas apa-apa makin bertambah minat, saya sebut ... pelajar semakin ramai, guru semakin ramai, kursus semakin banyak. Saya tak tahu yang pelajar mari tu dia nak belajar parti PAS ke, kalau nak belajar parti PAS lain atau dia nak belajar Islam. Tapi saya percaya dia nak belajar kursus-kursus yang ada di KUSZA itu dari semasa ke semasa menarik minat para pelajar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara yang kita bincangkan bukanlah satu perkara yang terlalu payah untuk difahami. Maksud kita berlegar di sekitar tempat itu telah dijadikan pusat perkaderan. Itu pokoknya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukan pusing ... pusing begitu tidak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, saya beritahu nak kader PAS ni tempat banyak dah, tak perlu KUSZA. Kami tak pernah pun pergi ke KUSZA masa kami dapat keyakinan daripada rakyat dalam pilihan raya tahun 1999 yang lalu. Kami dok jadipun KUSZA tempat latihan kader kami. Kader-kader kami yang sedia ada di Rusila, di Batu 6, di KL (Kubang Lembik) dan sebagainya, cukup dah orang-orang menjadi jentera kegiatan parti PAS Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

Selain daripada Universiti Azhar, Mesir berapa buakkah lagi Universiti lain di luar negara Malaysia yang mengiktiraf kelulusan Diploma KUSZA, terutama daripada Universiti-universiti di negara-negara Timur Tengah?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga Wakil Seberang Takir ingin tahu, selain daripada Universiti Azhar, Mesir berapa buakkah lagi Universiti lain di luar negara Malaysia yang mengiktiraf kelulusan Diploma KUSZA, terutama daripada Universiti Timur Tengah.

Saya telah menerangkan semalam sekarang ini kita sedang berusaha untuk mengadakan program berkembar dengan beberapa buah universiti di Sudan, Universiti Islam Antara Afrika dan juga di Jordan, Universiti Muktah dan juga Jamiah Al-Ulum Wateknologiya di Yaman. Setakat ini itulah usaha yang dibuat maknanya bila dia terima kita buat program berkembar dengan mereka, mereka mengiktiraf diploma yang ada di KUSZA.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini usaha ... yang diterangkan tadi usaha yang sedang dijalankan. Yang saya nak tahu keadaan sekarang, berapa buakkah universiti di luar negara Malaysia baik daripada Timur Tengah terutama di Timur Tengahlah, yang telahpun mengakui diploma KUSZA selain daripada Azhar? Yang diusahakan, tu terima kasihlah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya jawab sekali gus maknanya dia menerima buat program berkembar untuk mengeluarkan ijazah di sini, makna dia mengiktiraf diploma kita. Kalau dia tak iktiraf diploma kita, kita tak boleh nak keluarkan ijazah di sini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Jadi, saya sebut tadi ada universiti di Jordan dan beberapa buah universiti di Sudan, dan satu unversiti iaitu Jamiah Al-Ulum Wateknologiya di Yaman. Kemudian satu lagi Kuliah Dakwah di Libya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Dipertua, yang saya tanyakan ni kerana yang diterangkan tu dalam usaha. Bolehkah Yang Berhormat Wakil Manir memberi kepastian bahawa daripada beberapa buah universiti yang telah diusahakan perundingan telah muktamadlah pengakuan daripada universiti yang berkenaan. Berapa buah?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sayapun tak berapa faham Wakil Seberang Takir ni bercakap. Pengiktirafan kepada diploma kita sudah ada, saya sebut usaha itu ialah untuk buat program berkembar supaya dia keluar ijazah di sini. Bermakna diploma kita sudah diiktiraf di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Ke saya kena terang lagu mana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Senang saja, kalau begitu kedudukannya beritahu berapa buah universiti, apakah universiti-universiti yang telah mengiktiraf diploma kita, senang saja sebutlah bukan payah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, bagus juga lama sedikit sebab soalan tak banyak pagi ni. Saya dah sebut tadi di Sudan, di Libya, kemudian di Jordan, di Yaman saya beritahu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

19 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kalau begitu 4, saya tolong jawab Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok apa ... dok jumlahpun dok apa satu, dua tiga ... kalau nak tolong kita dok apa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berormat Tuan Yang Dipertua, adakah sebarang universiti selain daripada Timur Tengah yang telah mengiktirafkan diploma KUSZA?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagaimana saya terangkan semalam bahawa UEF telah mengiktirafkan diploma KUSZA.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sesi soalan pada pagi ini telahpun selesai.

19 DISEMBER 2000

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (NO. 2) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Diatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2000 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (2000) 1999. Untuk butiran lanjutan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 21/2000. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berdiri bukanlah untuk tidak menyokong Undang-Undang ataupun Enakmen ini tetapi ingin memaklumkan kepada Yang Dipertua bahawa Dewan yang mulia ini juga pada pembentangan Belanjawan Tahun 1999 ataupun Belanjawan 2000, bulan Disember 1999 telah meluluskan Peuntukan Bekalan Tambahan bagi perbelanjaan tahun 1999 dan telahpun diluluskan Dewan berkenaan.

Maksud saya berdiri di sini Tuan Yang Dipertua, ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa kita merasa sangat dukacita oleh kerana perbelanjaan tahun 1999 itu adalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional dan telah dikeluarkan arahan pada tahun 2000 bahawa segala perbelanjaan yang bilnya telahpun dibelanjakan terdahulu atau dalam erti kata yang lain, dalam membayar bil semasa tidak dibenarkan bayarannya dibuat oleh pentadbiran kerajaan. Ini bermakna perbekalan tambahan pada tahun berkenaan tidak boleh dibelanjakan pada maksud-maksud perbelanjaan yang telah diluluskan. Jadi ini satu perkara yang sangat dukacita menyebabkan banyak perbelanjaan yang tidak dapat dijalankan dan pada saya, saya boleh merumuskan perkara ini sebagai suatu penganiayaan politik kerana pertukaran ataupun perubahan kerajaan daripada Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan PAS.

Jadi, inilah kenyataan yang saya ingin nyatakan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan. Apakah bil yang tidak dibayar, kata tadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, semua bil-bil yang terdapat ... dibelanja oleh ADUN terutamanya yang terdapat di Pejabat-pejabat Daerah yang telah disahkan perbelanjaannya dan telah diluluskan kelulusannya di dalam maksud Perbekalan Tambahan sebagaimana yang kita bentangkan pada hari ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi yang mahu berucap? Kalau tidak ada ... ada?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana apa yang diperkatakan tadi tidak diperjelaskan satu persatu dan saya merasakan bahawa apa yang dikata itu ialah peruntukan khas bagi Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan mengikut rekod yang kita ada, Ahli-ahli Yang Berhormat semasa BN dahulu pun diberi peruntukan yang khusus bagi jumlah yang khusus. Mana-mana perbelanjaan yang melebihi daripada jumlah yang diperuntukkan itu bukanlah tanggungjawab kerajaan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua. Saya tidak bermaksudlah untuk menyatakan secara detail kerana terlalu banyak dan melibatkan semua Pejabat Daerah. Tetapi kenyataannya perbekalan itu telah dibawa ke Dewan ini dan telah diluluskan. Tapi saya tak mahu memanjangkan urusan ini kerana ... saya tidak bermaksud perbekalan tambahan ini tidak akan diluluskan kerana kami tidak membangkang. Kerana ini adalah keperluan pentadbiran dan perlu kita selesaikan demi kelicinan pentadbiran. Terima kasih.

19 DISEMBER 2000

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DATI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

19 DISEMBER 2000

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 7 Tahun 2000.**

19 DISEMBER 2000

ENAKMEN HISBAH 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pelantikan Pesuruhjaya Hisbah untuk menjalankan penyiasatan dan tindakan pentadbiran yang dibuat oleh atau bagi pihak mana-mana organisasi kerajaan dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya, dibaca pada kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN MENGENAI PELANTIKAN PESURUHJAYA HISBAH UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN DAN TINDAKAN PENTADBIRAN YANG DIBUAT OLEH ATAU BAGI PIHAK MANA-MANA ORGANISASI KERAJAAN DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKENAAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mencadang supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pelantikan Pesuruhjaya Hisbah untuk menjalankan penyiasatan dan tindakan pentadbiran yang dibuat oleh atau bagi pihak mana-mana organisasi kerajaan dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya, dibaca pada kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, di dalam sesebuah masyarakat mestilah ada undang-undang dan peraturan. Dan tiap-tiap undang-undang dan peraturan itu mestilah diawasi dan diberi perhatian untuk pelaksanaannya. Kes-kes yang berlaku di dalam pelaksanaan undang-undang itu menjadi contoh yang boleh diikuti atau mesti boleh diikuti dalam bahasa Inggeris dinamakan *precedent*. *Precedent* itu sendiri menjadi bahan kepada undang-undang. Jadi penguasaan tiap-tiap undang-undang itu mestilah wujud satu badan yang mengawasi dan meneliti sama ada undang-undang itu dijalankan dengan betul ataupun tidak. Carilah mana-mana masyarakat sama ada masyarakat kuno ataupun masyarakat moden.

Di sini sedikit pandangan kepada sejarah manusia. Saya tidak pergi jauh sangat, saya ambil sejarah zaman Pemerintahan Romen, iaitu orang-orang Rom dia ada satu institusi bernama *Igronomes* dan apabila kerajaan Rom itu berpecah menjadi dua, Rom Barat sudah hilang, sudah dihapuskan oleh puak-puak Belanda daripada orang-orang asli di benua Eropah, jadi kerajaan Rom tertinggal di

sebelah Timur negeri itu, dinamakan *Banzaitine*. Dalam *Banzaitine*, badan yang menyelenggarakan ini ialah dinamakan *Prefect*. Jadi, *Igronomes* dan *Prefect* ini lebih kurangnya sama *function* dia, kerja dia dan tugas dia dengan Hisbah. Orientalis mengatakan Hisbah yang ada di dalam Islam ini adalah tiruan daripada *Igronomes* dan *Prefect* tapi tuduhan-tuduhan ini memang tidak benar. Kerana Hisbah dalam Islam ini dia berteraskan kepada Quran iaitu berteraskan kepada keadilan yang secara umumnya disebutkan sebagai *amar makruf dan nahi mungkar*, iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kejahatan. Jadi mengenai hal ini orang-orang yang mula-mula menjadi Hisbah dalam bahasa Arab, *terminology* dia ... saya tak pandai bahasa Arab tetapi apa yang saya sudah pick-up di sana sini, dinamakan *muktasik* daripada perkataan *hasaba* ataupun *hasabar*, jadi *muktasik*. Jadi orang-orang yang pertama jadi *muktasik* ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Baginda selalu keluar berjalan melawat di pasar-pasar, di *market* dan ada satu hadis yang diriwayatkan oleh *Bukhari* dan *Muslim* yang mengatakan pada suatu hari ketika baginda melawat di *market* dia berjumpa dengan orang menjual makanan. Apabila dia tengok makanan itu banyak, langsung dia menggunakan telunjuk dia mencelup makanan itu kemudian dia dapati makanan di atas itu kering tapi di bawahnya basah. Langsung diapun berkata kepada penjual makanan itu "apa ini, di bawah ni basah di atas kering?". Jadi orang tu kata, penjual tu kata, ni dia kata disebabkan *weather*, dengan sebab iklim itulah yang menjadikan makanan sermacam ini. Langsung Rasulullah tidak bersetuju dengan itu, dia kata, "kalau yang basah awak kena tunjukkan terang-terang di atas jangan letak di bawah untuk sembunyikan sebagai menipu kepada orang-orang yang hendak membeli." Jadi di sini begitu halusnyalah ehwal keadilan di dalam Islam mengatakan terhadap orang-orang yang menjual tidak boleh menipu dengan secara nak menipu dengan menyembunyikan kecacatan barang-barang yang diperniagakan itu. Jadi, satu lagi mengenai dengan Hisbah ini iaitulah dengan cara melihatkan keadaan seperti mengadakan barang-barang keluaran, jangan pula disembunyi supaya nak naik harga dan harga-harga yang dijual itu tidak boleh *dicontrol* bahkan mengikut pasaran. Inilah yang berlaku di dalam *market* ekonomi pada hari ini.

Jadi, Rasulullah dikenali sebagai *muktasik* yang pertama dan selepas daripada dia, dia lantik Omar Ibnu Khattab menjadi *muktasik* di Madinah dan satu orang sahabatnya lagi bernama Syaid Ibnu Al-As menjadi *mustasik* di Mekah. Dan pada zaman *khulafairusidin* tiap-tiap *khulafa*, itu *khlifah* itu menjadi *muktasik* dan di wilayah-wilayah yang ditakluki oleh Islam, gabenor-gabenornya telah dilantik menjadi *muktasik*. Dan ada juga yang lain-lain orang yang dilantikannya. Jadi, pada masa itu pelantikannya tidak secara rasmi dan institusi Hisbah ini tidak diadakan, dikenal sebagai institusi yang rasmi. Tapi akhirnya pada tahun Hijrah 157, satu pelantikan rasmi, satu institusi rasmi telah diwujudkan oleh Khalifah Amirumukminin Abu Jaafar al-Mansor iaitu satu *khalfifah* dalam pemerintahan Abasiah. Pelantikan *muktasik* yang pertama ialah bernama Abu Zakaria bin Yahaya bin Abdullah. Itulah pelantikan yang mula sekali yang menjadi rasmi institusi Hisbah iaitulah pada tahun Hijrah 157. Kemudian daripada situ, negeri Islam sudah berkembar, merebak dan tiap-tiap buah negeri boleh dikatakan institusi Hisbah ini telah diwujudkan. Yang mana di dalam zaman pemerintah Fatmiah, Ayubiyah dan Uthmaniah masing-masingnya mempunyai institusi Hisbah. Masalahnya di peringkat Afrika Utara dia tak gunakan perkataan *muktasik* dia panggilkan *shohibulsub* iaitu penjaga, ahli pasar kemudian di Tukri dipanggilnya *muktasik arasi* kemudian di India, dalam pemerintahan Mongul dia tak panggil Hisbah, dia tak panggil *muktasik* dinamakan pegawai ini *khatuwal*. Kerana sebagaimana saya dapati dalam buku yang saya baca, kerajaan Mongul ini ada sedikit dia punya *lapse in moral*, akhlak dia kurang sedikit ... longgar sedikit dia punya akhlak jadi dia tidak mahu *muktasik* ini memeriksa dia jadi diletakkan pegawai ini biarlah *khatuwal* nama dia.

Jadi inilah berterusan institusi Hisbah ini sehinggalah berlaraunan apabila negara-negara Islam telah dikuasai oleh penjajah daripada Barat, daripada Eropah. Jadi institusi Hisbah ini sudah dialihkan daripada *foundation* Islamnya itu, dialihkan daripada *foundation*nya jadilah ia satu institusi *sekular* tidak lagi menjadi institusi yang bersambung ... keduniaan dan keakhiratannya tidak ada lagi. Kemudian beberapa *function*, beberapa fungsi Hisbah itu telah dialihkan dan dipecahkan kepada beberapa *department* sehinggalah perkara itu berlaku pada hari ini. Sebab itu kita ada Polis, kemudian kita ada BPR, kemudian kita ada Audit dan bermacam-macam institusi untuk mengawasi dan mengkontrol segala aktiviti-aktiviti di dalam masyarakat itu. Yang sebenarnya, fungsi Hisbah ini terbahagi kepada tiga, yang pertama sekali ialah mengenai dengan menentukan hak Allah, iaitu anak Adam kepada Allah. Yang kedua mengenai hak anak Adam sesama anak Adam dan yang ketiga sekali mengenai hak awam seperti perkara-perkara nak membetulkan jalan, nak membetulkan parit, nak mencerahkan lampu dan sebagainya. Itulah kerja dia Hisbah pada masa dulu. Tapi sekarang kerana fungsi ini sudah di bahagi-bahagi kepada fungsi yang lain jadi apa yang tinggal hanyalah ... sebahagian Hisbah itupun telah lenyap kita tidak boleh kenal lagi, melainkan kerajaan Terengganu yang baru ditubuhkan pada tahun lepas, pada akhir tahun yang lepas, barulah nak timbulkan Hisbah ini.

Dan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini adalah mengambil masa sedikit lama, boleh dikatakan lama kerana kita nak mencari bahan-bahan, nak mencarikan orang dan sebagainya dan hari timbullah sebagai kemuncak kepada usaha kita untuk nak menimbul balik Hisbah ini. Jadi, walau bagaimanapun, mestipun ada bermacam-macam institusi untuk mengawasi akhlak-akhlak ataupun *behaviour-behaviour* yang berlaku di dalam masyarakat ini seperti kita ada BPR, kita ada Dewan ini, kita ada Polis, kita ada Audit dan sebagainya. Dan masih ada lagi ruang untuk kita meneruskan perjalanan untuk menentukan keadilan yang mesti berlaku, mesti diwujudkan di dalam masyarakat ini. Kerana di dalam penentuan dalam mahkamah bukan semuanya boleh diputuskan dalam mahkamah, ada beberapa perkara yang masih lagi tidak boleh diputus. Kerana tiap-tiap orang yang pergi berguam di mahkamahpun jikalau dia menang, dia menang tapi yang kalah masih lagi tidak berpuas hati. Dan begitulah juga di dalam Dewan ini, soal-meny soal memang boleh dijawab tapi ada juga orang yang tidak berasa begitu puas hati. Yang demikian, begitu juga mengenai dengan perjalanan undang-undang yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan, meskipun pegawai-pegawai itu menjalankan kuasanya mengikut undang-undang tetapi ada juga perkara-perkara yang mereka buat itu menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada orang yang berkenaan. Masalahnya, dalam pengalaman saya hampir-hampir satu tahun ini berapa banyak pengaduan-pengaduan yang saya terima mengenai tanah-tanah mereka yang diambil. Kononnya, kenapa tanah saya diambil tanah orang lain tidak ambil, kenapa tanah saya dipecah-pecahkan. Jadi, perkara semacam ini memang berlaku. Jadi, banyak orang membuat adu-aduan semacam itu tapi kita nak menjalankan tugas ini masih lagi terganggu kerana tidak ada kuasa yang kita boleh jalankan mengikut secara undang-undang. Dan begitulah juga orang kata, kenapa tanah saya tiba-tiba dilelong, kenapa tanah saya ini dulu saya punya sekarang jadi orang lain. Itu banyak perkara-perkara yang semacam itu, terutama di Negeri Terengganu ini hal ehwal tanahlah. Tapi banyak juga perkara-perkara mengenai dengan pengaduan-pengaduan menyalahgunakan wang, membelanjakan wang dengan tidak tentu arah. Jadi yang demikian inilah betapa sekali mustahaknya kita adakan undang-undang yang semacam ini.

Kemudian Undang-Undang Hisbah ini, Rang Undang-Undang yang ada di hadapan hadirin sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ialah dinamakan Rang Enakmen Hisbah. Dan peruntukan-peruntukan yang mustahak di sini ialah pada empat perkara, yang pertama sekali mengenai kedudukan Pegawai Hisbah itu, yang keduanya mengenai *function* dia, yang ketiga

mengenai kuasa-kuasa dan peraturan-peraturan yang hendak dijalankan dan yang keempatnya mengenai perlindungan undang-undang yang mesti diberi kepada saksi-saksi dan kepada pengadu-pengadu yang membuat pengaduan kepada Hisbah. Dan juga perlindungan Undang-undang kepada Pegawai-pegawai Hisbah itu sendiri dan juga kepada report-report atau laporan yang mesti dibuat Pegawai Hisbah itu. Jadi di sini, saya tak nak baca satu persatu peruntukan ini cuma saya nak menekankan di sini, oleh kerana Hisbah ini ialah satu institusi yang begitu mustahak jadi amat wajar sekali bahawa institusi Hisbah diletakkan di atas satu landasan yang bebas, yang tidak boleh diganggu oleh mana-mana politik. Kerana dia akan berhak dan mempunyai kuasa untuk memeriksa dan untuk menyiasat mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalipun, bukan saja pegawai-pegawai, bukan segala orang ramai bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga saya sendiri, boleh diperiksa. Jadi, dengan sebab itu kita mahu satu orang pegawai, di sini kita panggil Pesuruhjaya Hisbah kita tak panggil *muktasiklah*, kita panggil ambil moden sedikit, kita panggil Pesuruhjaya Hisbah. Dan dia ini pelantikannya ialah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di atas nasihat Menteri Besar, selepas mendapat sokongan ataupun *endorsement* daripada Dewan yang mulia ini. Di sini, cara pelantikan itu yang kita buat demikian kerana untuk nak menentukan kedudukan Pegawai Hisbah ini, Pesuruhjaya Hisbah. Dan Pesuruhjaya Hisbah ini kita tidak boleh ambil orang sebarang-barang, kita mahu orang yang berwibawa, yang ada *integrity* amanah dan juga mempunyai kemahiran iaitu *competence*. Dan dia tak had kepada sesiapa sama ada dalam bahagian jurusan undang-undang ataupun di dalam jurusan akauntansi. Saya lebih berminat dalam hal kepada akauntansi, jikalau ada mana-mana orang yang berminat sila tulis surat dan kita akan buat penyelidikan mengenai *ksuitability* pemohon-pemohon yang demikian. Tentang gajinya itu, tertinggallah kepada kerajaan negeri dan pegawai atau Pesuruhjaya Hisbah dia berhenti atas kehendaknya sendiri ataupun jikalau ada salahlaku yang tidak betul, kita boleh inpitch dia iaitu dengan mengadakan satu *tribunal* sebagaimana yang telah berlaku di Filipina sana. Kita boleh *impeach* dia, bila *impeach* iaitu mengadakan satu *committee* ataupun *tribunal* tak kata *tribunal* pun tak apalah, satu *committee* untuk menyiasat sama ada dia ni sudah hilang kelayakan menjadi Pesuruhjaya. Jikalau ada buktian, bolehlah buat *recommendation* kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan untuk dilucutkan dia daripada jawatan. Kemudian Pesuruhjaya Hisbah ini juga diberi kuasa untuk melantikkan Penolong dia, *deputy* dia, Timbalan dia dan juga beberapa orang pegawai Hisbah untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Itulah kedudukan Pegawai Hisbah, institusi Hisbah iaitu satu institusi yang mesti dilinat sebagai satu institusi yang *independent* ataupun bebas daripada mana-mana gangguan.

Mengenai dengan *function*nya pula, *function* Hisbah ini ialah untuk menyelidik perkara-perkara yang dianggapkan sebagai salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai kerajaan, oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mana-mana organisasi kerajaan termasuklah juga segala unit-unit dia, segala Yayasannya dan sebagainya yang dimasukkan di dalam kumpulan yang dinamakan organisasi kerajaan. Kemudian kuasa dia ialah untuk menyiasat dan dia mempunyai beberapa kuasa terutama sekali kuasa menerima aduan-aduan dan juga menyiasat dengan secara mengambil bukti secara bertulis dan juga dia boleh meminta mana-mana orang yang berkenaan untuk memberi kepada dia dokumen-dokumen dan membuat *extract* daripada dokumen-dokumen tersebut untuk keperluan dia supaya membolehkan dia membuat suatu keputusan sama ada perkara itu, sama ada kemusykilan ataupun aduan-aduan itu benar ataupun tidak. Jikalau sekiranya perkara ini terlibat dengan jenayah, institusi Hisbah ini akan bekerja rapat dengan penguat-penguatkuasa yang lain seperti Polis, Audit dan juga BPR untuk menentukan ... untuk meneruskan lagi penyiasatannya. Jikalau tidak ada apa-apa, maknanya siasatan itu habis di situ saja. Pada akhirnya sekali jikalau tiap-tiap tahun Hisbah akan membuat laporan mengenai kerja-kerja dia dan dia akan bentangkan report dia,

laporan itu kepada Dewan ini, sama ada Dewan ini nak bahas ke atau Dewan ini nak menerima begitu saja.

Satu lagi perkara yang mustahak ialah pegawai-pegawai Hisbah dan orang-orang yang memberi keterangan kepada Hisbah mestilah dilindungi oleh undang-undang daripada didakwa dalam mahkamah sebagai saman malu. Dengan sebab itulah saksi-saksi tersebut, bukti-bukti yang diberi dan pegawai-pegawai Hisbah dan laporan-laporan yang dibuat oleh Hisbah adalah dilindungi oleh undang-undang dan tidak boleh dibawa ke mana-mana sebagai menjadi bahan aduan di mahkamah. Jadi itulah dengan secara umumnya Undang-undang ataupun Rang Undang-undang Hisbah yang dibentangkan pagi ini untuk dibaca kali yang kedua. Tapi ada lagi, oleh kerana undang-undang ini mempunyai beberapa perkara yang mesti kita halusi. Dia ada tiga tempat yang saya cadangkan bila Dewan ini bermesyuarat dalam *committee* yang mana ada tiga pindaan yang akan dibuat kepada undang-undang ini. Dan ada juga beberapa perkara silap taip, silap *print* dan sebagainya itu tidak menjadi menyusahkan kerana apabila Rang Undang-undang ini diluluskan sebelum dicetak dia akan dibaiki *grammar-grammar*, nahu-nahunya akan dibaiki. Tapi sebagai *substantive* pindaan saya akan kemukakan di dalam *committee stage* kelak.

Yang Berhormat Tuan yang Dipertua, dengan itu saya cadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca pada kali yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila –

YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Wakil-wakil Jabatan, muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillah pada pagi ini saya ingin mengambil kesempatan untuk bercakap sepatah dua kata institusi Hisbah yang dibentangkan ini.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang berjaya mengembalikan semula institusi Hisbah dalam pentabiran Negeri Terengganu. Yang mana dengan adanya institusi ini mudah-mudahan Kerajaan Alternatif yang dipimpin oleh PAS di Negeri Terengganu ini dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Kerana institusi ini bertujuan untuk menangani dan memastikan segala suruhan dan larangan Allah dipatuhi dan dilaksana dalam urusan kehidupan harian khususnya yang melibatkan hubungan sesama manusia, berkaitan dengan pemerintahan, pergaulan dan lain-lain lagi. Sebagaimana yang disebutkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hisbah tadi, Hisbah ini berasal daripada perkataan *hasabar* dalam bahasa Arab, yang bererti menghitung, mengira, menimbang ataupun menilai. Jadi dengan pengertian inilah hisbah sering dikaitkan dalam sejarah ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam. Dan sebagaimana yang kita tahu sistem pengawalan dalam Islam sebenarnya terdapat dua aspek, iaitu pengawalan daripada dalam dan pengawalan daripada luar, hisbah dalaman dan hisbah luaran. Dan hisbah dalaman ini yang orientasikan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Dan inilah merupakan faktor pengawal aktiviti seseorang manusia. Tetapi begitulah, manusia ini tidak *maksum* sebenarnya ada saat-saat kelemahan mereka, mungkin mereka terlanjur ataupun mereka sengaja melakukan kesilapan. Jadi daripada situlah lahirnya institusi Hisbah ini, iaitu pengawalan daripada luar bertujuan untuk

menjaga aktiviti dan tindak tanduk pemimpin dan lain-lain supaya tidak terlanjur lebih jauh daripada itu.

Penubuhan Hisbah ini bukanlah perkara baru sebenarnya, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hisbah tadi sebenarnya zaman Rasulullah telah ada institusi Hisbah ini walaupun namanya *shohihulsub* ataupun Penyelia Pasar. Walaupun begitu, Rasulullah telah melantik sebenarnya seorang Penyelia yang bernama Syaid Ibnu As di Kota Mekah dan Othman Ibnu As di Thaif dan Omar Al-Khattab di Al-Madinah. Ertinya Rasulullah telahpun melantik pegawai-pegawai mengawal aktiviti ekonomi pada masa itu. Juga di zaman *Khalafairasidin* seperti Syaidin Omar, beliau sendiri juga mengambil peranan sebagai *muktasik* iaitu orang yang melaksanakan tugas Hisbah itu dinamakan *muktasik* dan kemudahan beliau menugaskan Said Ibnu Yazid di Madinah. Begitulah seterusnya di zaman *khalafairasidin* dan kerajaan-kerajaan Islam yang seterusnya. Hingga sampai kepada kerajaan Islam di Indiapun, umpamanya pemerintahan Balban di tahun 1266 hingga 1287 Mashi, beliau juga mengamalkan sistem hisbah ini. Kerajaan Islam Melaka di zaman Sultan Alauddin, beliau keluar malam untuk melihat kegiatan mencuri pada masa itu, melihat suasana masyarakat pada masa itu. Begitu juga Sultan Zainal Abidin III yang memerintah Terengganu di tahun 1888 dan 1988 di Terengganu, beliau juga mengamalkan sistem hisbah ini. Begitu juga Sultan Muhammad II yang memerintah 1839 dan 1886 di Kelantan. Pendek kata hisbah ini bukanlah perkara yang baru dalam pentadbiran Islam.

Jadi, saya sekali lagi mengucap tahniah kepada kerajaan PAS di Terengganu yang berjaya menubuhkan institusi Hisbah ini. Dan penubuhan ini membuktikan ketelusan kerajaan dan keberaniannya untuk dinilai oleh badan Hisbah dan ini sekalipun dapat dihindar sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pentadbiran. Dan di samping itu ia menggambarkan kesungguhan kerajaan dalam menegakkan sebuah kerajaan yang bersih dan amanah. Dan disamping menghidupkan kembali salah satu daripada ciri-ciri pemerintahan Islam yang selama ini kita memberitahu kepada masyarakat dan sekarang ini kita telah melangkah ke arah itu. Cuma ada beberapa perkara yang perlu kita lihat di sini, yang pertama sekali oleh kerana Pesuruhjaya Hisbah yang dilantik telah kembali ke rahmatullah, jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya melantik penggantinya dengan seberapa segera. Dan mungkin katakan, kalau anak Terengganu tidak ada, tidaklah menjadi kesalahan kepada kita untuk melantik orang yang luar daripada Terengganu. Dan kita tidak perlu berfikir kedacrahan yang sempit tentang perkara ini sebab umat Islam ini tidak ada semangat itu sebenarnya, semangat kedacrahan yang sempit. Bahkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin, Negeri Terengganu ini pernah melantik dua orang Mufti yang bukan daripada rakyat Malaysia tetapi mereka banyak memberi sumbangan kepada kita.

Yang kedua, pelantikan ini biarlah bukan dinilai berdasar kepada kemampuan akademik semata-mata tetapi apa yang lebih penting saya rasa, aspek moral pegawai yang dilantik itu perlu dilihat. Sebab ini merupakan tugas dan amanah yang begitu besar, ini merupakan pagar jadi kita tidak mahu *pagar makan padi* seperti yang disebut oleh Pengerusi Jawatankuasa Hisbah tadi, bersetuju di mana aspek moral, akhlak, peribadi Pesuruhjaya Hisbah yang dilantik itu hendaklah dititik-beratkan. Kemudian saya mencadangkan supaya kerajaan menambah kakitangan Hisbah untuk membantu aktiviti Hisbah, untuk memantau kegiatan-kegiatan seharian yang dilakukan oleh kerajaan seumpamanya soal pembahagian tanah, pembahagian balak, pembahagian projek dan lain-lain.

Dan akhir sekali, saya mencadangkan badan Hisbah membawa mereka yang terlibat dalam apa-apa kes yang melibatkan rasuah dan lain-lain kepada pihak yang berkenaan dengan seberapa segera sebab kita selalu dicabar tentang perkara ini. Jadi saya mencadangkan supaya institusi Hisbah ini bertindak dengan seberapa segera supaya kita dapat buktikan mereka-mereka yang bertanggungjawab ini dihadapkan ke muka pengadilan.

Dan akhir sekali, saya mengharapkan dengan adanya badan Hisbah ini merupakan satu sejarah baru bagi negeri kita, mudah-mudahan kita menjadi model kepada negeri-negeri lain di Malaysia ini. Dan insya Allah, badan Hisbah ini berfungsi sebagaimana dikehendaki, insya Allah. Cukup sekian Tuan Yang Dipertua, wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Payung. Tadi Wakil Telemong minta, sila --

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya juga turut ingin memberi sumbangan dalam usul pembentangan Enakmen badan Hisbah ini. Tuan Yang Dipertua, dengan pertamanya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Hisbah yang berjaya membentangkan Enakmen pada pagi ini dan sekali gus ia melambangkan hasrat kita di Dewan yang mulia ini untuk melihat pentadbiran pada masa akan datang akan jelas mencerminkan kepada kebaikan, ke arah mencemerlangkan Negeri Terengganu Darul Iman.

Tuan Yang Dipertua, dalam membentangkan Enakmen ini saya mengalu-alukan dalam pembentangan ini juga saya ingin menyatakan sumbangan saya kepada beberapa perkara terutamanya mengenai siasatan yang dijalankan oleh badan Hisbah yang dikatakan oleh Pengerusi sebentar tadi sebagai badan bebas yang akan menyiasat kepada semua aduan yang dibuat, tidak kira peringkat mana *waima* Ahli Yang Berhormat ataupun Pengerusi sendiripun, yang seperti mana yang dinyatakan pada pukul 10.32 pagi sebentar tadi. Jadi Yang Dipertua, saya mengalu-alukan perkara ini dan sebenarnya kita semua sebagai orang Islam memang tidak suka kekufuran, perkara-perkara yang tidak baik dan sebagainya. Tetapi Tuan Yang Dipertua, dinyatakan di dalam Enakmen ini, di dalam Fasal ataupun perkara yang mengenai budi-bicara tidak menyiasat aduan tertentu dalam Perkara 11.1, di mana kalau boleh diringkaskan di sini dalam keadaan budi-bicara ini, ia menyatakan jika pada pendapatnya, dengan izin saya membacanya Yang Dipertua, pertama hal perkara *aduan itu terlalu kecil* atau yang kedua, *aduan itu adalah remeh atau menyusahkan atau tidak dibuat secara suci hati*. Atau yang ketiga, *pengadu tidak mempunyai suatu kepentingan peribadi yang cukup dalam hal aduan itu* atau ... ini bahagian B, *jika pengadu telah tahu atau sepatutnya telah tahu tindakan pentadbiran organisasi kerajaan itu yang mana aduan itu dirujukkan lebih daripada 60 bulan sebelum aduan itu diterima oleh Pesuruhjaya Hisbah*.

Jadi dalam perkara ini Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini harapan kita bahawa peruntukan tidaklah digunakan dengan sewengan-wengannya. Kerana kita tahu badan Hisbah dilantik oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri pada hari ini ialah kerajaan pentadbirannya Parti PAS, kita tidak mahu nanti akan wujud perkara-perkara yang ditafsirkan ... perkara besar ditafsir kecil, perkara yang sepatutnya didahulukan ditafsirkan remeh atau menyusahkan dan sebagainya atas perkara yang diperuntukkan di dalam Enakmen ini.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang kedua sukacitalah juga saya menyatakan atas perkara ini, bukanlah dasar sentimen semata-mata tetapi atas dasar pengalaman dan juga keadaan yang telah

ditunjukkan oleh pentadbiran pada hari ini. Peluang ini saya ingin menyatakan keadaan yang kurang senang ataupun kurang berpuas hati mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak kerajaan terutamanya, bukan juga dalam keadaan boros dan kurang cermat dalam perbelanjaan tetapi boros dan kurang cermat dalam percakapan ataupun mengeluarkan kenyataan. Contohnya Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan di sini terutamanya kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri di dalam beberapa kenyataan telah banyak mengelirukan malah ianya menimbulkan atau mencerminkan keadaan tidak baik ataupun keaiban di pihak-pihak yang lain. Saya ingin nyatakan Tuan Yang Dipertua, pertamanya soal yang telah dibangkitkan di Dewan ini tetapi saya nampak tidak habis di Dewan ini kerana sidang kali inipun dinyatakan bahawa jawapan kepada satu kes yang dibangkitkan di Dewan ini iaitu mengenai perbelanjaan tidak cermat oleh salah seorang pegawai di anak syarikat kerajaan. Dinyatakan di Dewan ini bahawa perkara ini telah berlaku dan ada bukti. Kita mengalu-alukan perkara ini kerana tidak ada orang yang ingin mempertahankan perkara yang tidak baik. Tetapi isu ini telah dibangkitkan seolah-olah ia mencerminkan ke bab yang lain. Contohnya Tuan Yang Dipertua, di dalam akhbar atau kenyataan yang dikeluarkan oleh Islah, saya tidak tahu akhbar ini akhbar parti mana tetapi dinyatakan di sini empat parti yang terlibat, gambar lambang parti yang terlibat; dengan nyata di sini dinyatakan sebelah gambar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dengan besar dinyatakan di sini niat yang tersendiri saya nyatakan "*guna royalti minyak langgan perempuan*". Dan di bawahnya "*Haji Hadi dedah penyelewengan pemimpin UMNO Terengganu*". Ini sudah cukup Tuan Yang Dipertua, suatu gambaran Pengarang ataupun Editor akhbar ini dalam isi atau terjemahan beliau kepada ucapan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nyatakan di sini bahawa ucapan ini memang telahpun dicakapkan di Dewan ini dan kita mengalu-alukan. Tapi izinkan Tuan Yang Dipertua

YANG AMAT BERTHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya rasa saya tidak pernah membuat kenyataan "*guna royalti minyak untuk perempuan*" tu tak ada. Itu bukan kenyataan saya dan saya tak tahu surat khabar tu. Ini kali pertama saya mendengar.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Tuan Yang Dipertua, saya tidak menyatakan kenyataan Menteri Besar, tetapi di dalam ucapan saya tadi saya minta Menteri Besar cermat dan kurang boros dalam percakapan ataupun kenyataan yang dikeluarkan. Saya belum habis lagi kenyataan di sini, ini telah ditafsirkan oleh Pengarang akhbar ini dan telah dijual dengan harga RM2.00 ke seluruh negara. Daripada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ucapannya izinkan saya menyatakan di sini, saya bacakan Tuan Yang Dipertua daripada isu yang saya bangkitkan tadi dinyatakan kod dengan jelas di sini "*kerja mereka cukup memalukan.*" "Mereka" maksudnya Kerajaan Barisan Nasional ataupun pimpinan UMNO Terengganu; "*wang hasil royalti minyak itu digunakan untuk perempuan, mimam arak dan melakukan maksiat. Kita ada bukti nyata tentang hal ini.*" Katanya lagi, ini ulasan akhbar "*sambil mengingatkan bahawa adu ...*" ini kata-katanya "... *bukti berlari-lari tentang penyelewengan pemimpin terdahulu.*" Ini Tuan Yang Dipertua, telah dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini, kita mengakui. Dan Tuan Yang Dipertua, inilah yang saya maksudkan kenyataan yang kurang cermat yang dikeluarkan daripada Dewan dalam syarahan-syarahan, ceramah-ceramah dan sebagainya ia sekali gus membayangkan bahawa pentadbiran terdahulu telahpun membenarkan ataupun meluluskan bayaran ataupun perbelanjaan daripada hasil royalti minyak, daripada hasil kerajaan kepada perkara yang tidak baik.

Ini dijelaskan di sini Tuan Yang Dipertua, saya suka jelaskan telah dijawab dengan rasmi di Dewan yang mulia ini juga, dalam kenyataan perbelanjaan wang-wang yang telah diterima oleh kerajaan sebenarnya telah dimasukkan di dalam Wang Yang Disatukan. Apabila kita ingin membelanjakan Kumpulan Wang Yang Disatukan ini perlulah mendapat kelulusan di Dewan yang mulia ini. Setiap perkara yang tidak diluluskan lagi mestilah dibawa ke Dewan untuk Perbekalan Tambahan sebagaimana yang kita bawa sebentar tadi. Tuan Yang Dipertua, apa yang berlaku sebenarnya yang dibelanjakan atau tuntutan bil yang digunakan oleh anak syarikat ini sebenarnya tidak termasuk di dalam Wang Disatukan. Telah dijawab di Dewan yang mulia ini. Maka Tuan Yang Dipertua, ini jelaslah kepada kita, saya ingin nyata di sini bahawa peruntukan ataupun kelulusan bil yang kebetulan diluluskan oleh anak syarikat ini barangkali oleh Pengerusi syarikat berkenaan adalah hasil daripada syarikat itu dan telah dibelanjakan oleh syarikat itu. Tidak dibawa kepada Dewan ini, tidak dilulus oleh Dewan ini dan tidak berkait sama sekali dengan isu petroleum atau wang petroleum sebagaimana yang dinyatakan oleh akhbar ataupun hasil daripada penelahan ataupun pengertian daripada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak beri ucapan mengenai dengan Rang Undang-Undang ke ataupun perbincangan belanjawan ni?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Berkait dengan Rang Undang-Undang, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cuba kait, apa ada kaitan dengan Hisbah sekarang ni?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih. Itu perkara pertama ingatan saya supaya kita pihak badan Hisbah telah ditubuhkan, insya Allah, kalaulah kenyataan ini ataupun aduan ini, ataupun kenyataan, bukti ini diperolehi oleh kerajaan silalah rujuk kepada badan Hisbah dan buat tindakan. Kita mengalu-alukan sebarang tindakan dan pegawai yang tidak bertanggungjawab ini diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga dalam soal mempolitikkan ucapan-ucapan contohnya "*berlori-lori fail penyelewengan*" itu sepatutnya kerajaan telahpun mengetahui badan Hisbah ini akan ditubuhkan sebagaimana dinyatakan oleh Pengerusi sebentar tadi, maka kita mengalu-alukan segala penyelewengan ini didedahkan ataupun urusankan oleh badan ini supaya ianya tidak jadi bahan politik dan dipolitikkan sesuka hati dengan niat dan dengan hasrat ingin melemahkan pihak yang lain dalam keadaan yang seumpama itu.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang kedua juga di dalam Enakmen ini dinyatakan selain daripada aduan ada juga dinyatakan dalam tafsiran ini mengenai "orang yang terkilan" ertinya orang yang mana hak ataupun kepentingan dan keistimewaannya terjejas akibat tindakan pentadbiran yang dibuat oleh organisasi kerajaan. Dalam bab ini juga Yang Dipertua, saya ingin nyatakan dalam ertikata kita sebagai pihak kerajaan tidak boleh terlalu boros ataupun terlalu kurang cermat dalam mengeluarkan kenyataan. Saya minta maaf Tuan Yang Dipertua, pada hari semalam di sebelah sesi jawapan pihak kerajaan saya tidak berada di dalam Dewan ini tetapi dinyatakan oleh rakan kita daripada Pengkalan Berangan bahawa seolah-olah ada ahli Exco mendapat kawasan balak secara individu dan ia menyatakan ahli Exco itu tidak berada di dalam Dewan. Saya tidaklah ... kerana kerana bekas ahli Exco itu saya dan Yang Berhormat rakan saya daripada Sebarang Takir, mungkin di antara kami berdua tetapi saya ingin nyatakan di sini jikalau sekiranya perkara itu berbangkit,

19 DISEMBER 2000

saya sangat mengalukan supaya perkara ini dibangkit ataupun dihadapkan kepada badan Hisbah ini.. Kenyataan yang dikeluarkan seolah-olah pegawai-pegawai kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam kerajaan yang lepas menganggap ataupun membuat keputusan mereka sendiri bahawa perkara itu berlaku penyelewengan ke atas diri yang dimaksudkan "orang terkilan" sebagaimana Enakmen ini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga tuduhan ... jawapan yang kurang cermat dinyatakan juga oleh wakil kerajaan daripada rakan kita Wakil Tepuh dalam menuduh ataupun menjawab kepada soalan yang dibangkitkan mengenai kadar kemiskinan di dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini. Kita tahu Tuan Yang Dipertua, sebagai Negeri Terengganu pada satu ketika dahulu dan sekarang ini tidak boleh lari daripada taraf atau kedudukan kemiskinan ini. Kerana kita memang sedar kemiskinan ini tidak akan hapus ataupun terhapus sama sekali dalam apa corak sekalipun selagi dunia ini masih ada. Jadi, Tuan Yang Dipertua, di dalam jawapan ahli yang berkenaan, beliau menjawab

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan ini di luar kaedah dia.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tuan Yang Dipertua, ini dalam soal pentadbiran kita kena cermat. Dijawab di situ, kadar kemiskinan pada tahun ini ataupun tahun 1999, 17.3% dan ditambah

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa tak perlu Yang Berhormat memberi ucapan yang begitu panjang terhadap perkara yang telah diselesaikan oleh Dewan pada kelmarin.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tuan Yang Dipertua, ini berkaitan dengan apa yang sayan nak cakap

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kaitkan masalah itu untuk dirujuk kepada badan Hisbah ... untuk diadu kepada badan Hisbah, cukuplah. Tak perlulah diberi jawapan, penjelasan untuk dijawab kenyataan Exco.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Kenyataan ini ada kaitan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Rujuk terus.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya ingin merujuk kepada badan Hisbah ini belum ditubuhkan, kita sedang memincangkan badan ini

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Apa yang telah dinyatakan oleh kerajaan. Yang Berhormat tidak berpuas hati sila rujuk kepada Hisbah. Tak perlu memberi ucapan yang panjang.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya ingin merujuk di sini, saya ingin merujuk kepada badan Hisbah pentadbiran ini kurang ... ucapan ini dalam bersifat tuduhan dan ada orang yang terkilan di dalam hal ini. Kerana dituduh di sini kegagalan membasmi kemiskinan adalah atas dasar gagalnya program kerajaan

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak menyatakan bahawa masa untuk bahas belanjawan sudah selesai, tak perlu dibangkit lagi masa ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya tak bahas belanjawan, tidak cermat. Saya bahas soal kenyataan tidak cermat, ini saya adukan pada badan Hisbah melalui ucapan saya ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ucapan Yang Berhormat tu ucapan penangguhan bukan perbahasan terhadap Rang Undang-Undang.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya, Tuan Yang Dipertua, saya mewakili pihak “orang yang terkilan”.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu ucapan penangguhan bukannya ucapan perbahasan terhadap Rang Undang-Undang. Sila tumpukan kepada Rang Undang-Undang sama ada Rang Undang-Undang ini relevan ke tidak, itu saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya menumpukan kepada ucapan di helaian 117 mengenai Rang Undang-Undang ini mengenai “orang yang terkilan”, di mana saya dituduh sebagai pegawai ataupun kakitangan dalam kerajaan yang lalu, dituduh gagal menjalankan program membasmi kemiskinan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Apakah relevan atau tidak Rang Undang-Undang ini masukkan tafsiran ini?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya relevan kerana ini berbangkit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cukup, tak perlu dibuat ulasan dan ucapan terhadap belanjawan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasihlah Tuan Yang Dipertua, saya tidak boleh melawan ucapan Yang Dipertua. Tapi saya ingin meneruskan ucapan.

Tuan Yang Dipertua, nasihat ataupun sumbangan saya kepada Dewan, kepada pihak kerajaan, kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam kita mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-Undang ini, marilah kita melihat kepada perkara yang baik dan positif ke arahnya. Dan saya percaya, kita harus ingat di dalam pelaksanaan badan ini di masa yang akan datang hendaklah kita menjadikan saksi ataupun bersaksikan kepada kecemerlangan ataupun hasrat kita untuk melihat kepada kenyataan sebagaimana dinyatakan oleh Pengerusi yang panjang lebar sebentar tadi, untuk melihat keadilan akan terseralah ia melambangkan Islam ataupun pentadbiran Islam yang *syumul*.

Jadi Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang ingin saya nyatakan di sini dalam menggulung ataupun merumuskan dalam keadaan kurang cermat ataupun boros percakapan sebagaimana saya katakan tadi. Tuan Yang Dipertua, nasihat saya kepada Ahli-ahli Berhormat juga kepada Yang

19 DISEMBER 2000

Amat Berhormat Menteri Besar, dalam banyak kenyataan yang dikeluarkan yang telah dijawab di Dewan ini ataupun kenyataan di luar Dewan ia hendaklah kalau boleh hendaklah diputuskan sebaik mungkin ataupun

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon penjelasan. Wakil Telemong ni setuju ke dok Enakmen ni?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita berbahas Yang Dipertua, setuju dok setuju angkat tangan saja.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh tu saya minta penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya setuju dengan bahas. Saya khabar tadi doh, ni ucapan perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ke dok setuju dengan Enakmen ni? Pembangkang dok setuju ke dengan Enakmen ni?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ada telinga dok Wakil Paka ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh tu hak tukang jawab tu dok faham soalan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya ... inikah lambang yang kita nak bincangkan ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya mohon penjelasan sebab Wakil Telemong mengharapakan Hisbah ni dapat menyelesaikan siasatan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Beri laluan ke dok tu?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya dok beri laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak beri laluan Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Koman hak dulu, taubat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Inilah Tuan Yang Dipertua, saya nampak nilai ataupun bentuk seorang wakil yang dipilih dalam kerajaan PAS yang ingin saya katakan tadi sebenarnya kita tidak mahu gunakan sentimen, kita menggunakan Dewan ini dan kita dipilih oleh rakyat untuk berbincang dan memberi satu sumbangan yang besar kepada rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman. Dalam membahaskan ucapan ini, saya ingin mengingatkan biarlah sesuatu perkara yang hendak diberi kenyataan,

hendaklah diputuskan dahulu oleh badan Hisbah ataupun telah diputuskan dengan muktamad dengan kenyataan, bukti dan sebagainya barulah boleh didedahkan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Besi minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bukit Besi boleh bercakap lepas ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Sebentar saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sila –

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa terkilan juga bila disebutkan tentang kualiti wakil rakyat PAS begitu dan juga dibangkitkan tentang bahasa boros Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya persoalkan kepada Wakil Telemong, adakah perkataan “berlori-lori” itu dianggap sebagai boros? Sedangkan di dalam bahasa, kita masih ada bahasa kiasan. Kalau bahasa kiasanpun tidak difahami oleh Wakil Telemong, saya rasa mungkin orang Telemong juga tersilap memilih wakil.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang kita tidak nak bahas ucapan Yang Amat Berhormat, kita nak bahas mengenai dengan Rang Enakmen ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya difahami oleh semua yang berada di dalam Dewan ini kecuali dua orang bekas lahiran KUSZA yang dinyatakan dalam Dewan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya rumuskan bahawa sebagai menjaga imej dan orang yang perlu kita hormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar haruslah cermat di dalam menyampaikan ucapannya dan jangan sebarang ucapan yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti disalah tafsirkan sebagaimana saya nyatakan dalam kenyataan akhbar yang tidak bertanggungjawab sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, mengakhiri ucapan saya dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin nyatakan di sini satu aduan ataupun percakapan yang diadakan kepada saya, saya tidak bermaksud di sini lebih daripada itu bahawa suatu perkara telah berlaku dalam pentadbiran sebuah Majlis Daerah di mana seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telahpun ataupun ... saya tidak tahu mengarah ataupun memohon tetapi Majlis Daerah ini telahpun menghantar jentera ataupun kakitangan untuk menguruskan secara peribadi ataupun secara individu ke atas sebidang kebun yang dimiliki oleh wakil kerajaan ini. Jadi saya menyatakan di sini bukanlah ingin nak membuktikan tetapi di dalam soal yang ikhlas, inilah perkara-perkara yang harus dan juga aduan yang ingin kita jadikan kenyataan nanti apabila badan Hisbah ini diluluskan ianya betul-betul bebas dan boleh bertindak sebagai satu badan yang mencegah mungkar sebagaimana dinyatakan oleh penyokong kerajaan daripada Bukit Payung sebentar tadi. Terima kasih, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk perbahasan terhadap Rang Enakmen ini masih lagi diteruskan, Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati yang dihormati lagi dikasihi sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada kerajaan Barisan Alternatif yang dipimpin oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS) kerana berjaya menubuhkan empat portfolio iaitulah Pelaksanaan Syariah, Hal Ehwal Wanita, Hubungan Antara Kaum dan Hisbah. Dengan tertubuhnya Hisbah ini menandakan kepada kita bahawa manifesto yang dilaungkan oleh PAS sebelum pilihan raya umum yang kesepuluh bukanlah janji pilihan raya semata-mata, dan bukan janji untuk meraih simpati pengundi tetapi yang sebenarnya melambangkan kejujuran Parti Islam se-Malaysia (PAS) untuk melaksanakan keadilan Islam yang syumul dalam negeri Darul Iman ini.

Tuan Yang Dipertua, tindakan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Alternatif dengan menubuhkan badan Hisbah telah membuka mata dunia dan mata umat Islam bahawa pemerintahan yang hendak dilaksanakan di sini merupakan pemerintahan yang telus, jujur dan amanah. Kesediaan pemerintah negeri ini untuk ditegur dan diberi nasihat oleh semua pihak telah mengingatkan kepada sabda Nabi s.a.w. *Addinunasihah*, agama itu nasihat. *Liman Ya Rasulullah*, nasihat itu kepada siapa: *Nasihah bagi Allah, bagi kitab Allah, bagi Rasulullah, bagi pemimpin-pemimpin umat Islam dan bagi sekalian umat Islam.*

Di zaman kegemilangan Khulafa Rasyidin dalam melaksanakan pemerintahan Islam marilah kita melihat kepada ucapan Syaidina Abu Bakar Al-Siddiq r.a. dengan ucapan yang pertama antara maksudnya *"wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku dilantik sebagai pemimpin kepada kamu, aku bukanlah orang yang terbaik daripada kalangan kamu. Oleh yang demikian, sekiranya aku melaksanakan pemerintahan dengan baik, berilah sokongan dan semangat kepada ku, jika aku menyeleweng maka perbetulkan aku."*

Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan Hisbah di zaman dahulu telah menceritakan pemerintahan Islam seperti di zaman Salahuddin Al-Ayubi yang berjaya memerintah negara Mesir dalam keadaan baik. Juga dalam zaman Khalifah Umar Abdul Aziz yang terkenal dengan soleh dan adil. Dalam masa yang singkat ini sukaiah saya menyebut ucapan Khalifah Umar Abdul Aziz yang disimpan oleh ahli-ahli sejarah mengenai dengan perkara Hisbah, antaranya ucapan beliau menyebut "saya berpesan kepada kamu supaya bertakwa kepada Allah s.w.t. kerana Allah tidak akan menerima kecuai dari kalangan mereka yang bertakwa dan tidak mengalukan kecuai dari kalangan yang bertakwa." Sebelum ini ada Gabenor yang telah menyekat hak, sehingga hak dibeli daripada mereka. Di samping itu mereka menawarkan kebatilan sehingga ia ditebus daripada mereka. Demi Allah aku tidak akan hidup senang dalam satu saat melainkan setelah aku hiduapkan kebenaran yang sudah dimatikan serta mematikan kebatilan yang telah dihiduapkan. Hendaklah engkau perbaiki akhirat kamu dengan itu dunia kamu akan menjadi baik. Wahai manusia, sesungguhnya aku tidak

mengutuskan Gabenor-gabenorku kepada kamu untuk bergembira mendapatkan harta daripada kamu. Sesungguhnya aku mengutuskan mereka supaya menjadi pelindung kepada kamu dan membahagikan harta secara adil di antara kamu. Maka sesiapa di antara rakyat yang diperlakukan dengan cara yang lain daripada itu, hendaklah dia bangun dan memberikan keterangan kepada aku.” Tuan Yang Dipertua, makna Hisbah itu sendiri menegakkan yang makruf apabila ianya terang-terang ditinggalkan dan mencegah kemungkaran apabila ia dilakukan secara terang-terang. Inilah pendapat daripada Al-Imam Al-Mawardi dalam kitabnya *Ahkalmusultaniah Wawilatudiniah* dan inilah pendapat juga daripada Abu Yakla Alfaraq.

Tuan Yang Dipertua, bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu pemergian Almarhum Tuan Haji Idris, Pesuruhjaya Hisbah Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman merupakan kehilangan yang besar kepada kita walaupun ada pihak-pihak tertentu yang mempersendakan beliau semata-mata kerana beliau daripada orang Negeri Perak Darul Redzuan. Tetapi kepada kita keupayaan, kemampuan, keikhlasan dan keperibadian beliau mengatasi daripada ukuran persempadanan kenegerian.

Tuan Yang Dipertua, kita juga dapat melihat dalam perkembangan teknologi maklumat hari ini dalam mengharungi arus permodenan dan institusi Hisbah ditinggalkan, maka kita melihat berbagai jenayah dan penyalahgunaan kuasa telah wujud seperti pecah amanah, jenayah kolar putih, rasuah dan seumpamanya. Sesungguhnya perkara ini bukanlah tertumpu di masyarakat barat semata-mata ataupun masyarakat luar semata-mata tetapi sampai ke dalam negara kita dan dalam Negeri Terengganu Darul Iman. Kita boleh mendengar dalam perangkaan yang dimaklumkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Wakil Hisbah beberapa hari yang lepas bagaimana dari tahun 1995 sehinggalah sekarang terdapat 27 kes yang melibatkan kakitangan kerajaan dengan Badan Pencegah Rasuah. Kita juga mendengar rungutan daripada rakyat badan-badan kerajaan ataupun jabatan-jabatan yang agak lambat mengambil tindakan di atas permasalahan rakyat. Mengapa keadaan ini boleh berlaku sedangkan kita melihat dan menyedari bahawa sejak sekian lama kita diajar dengan disiplin kerja, di kursus, di seminar, di Biro Tata Negarakan kita, dipupuk semangatkan kita. Mengapa keadaan ini boleh berlaku kerana tidak lain asas yang diberikan kepada kita, asas yang tidak berdasarkan kepada agama sehingga berjaya melahirkan manusia yang gerun dan takut kepada majikan dan tidak gerun kepada Allah s.w.t.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya tindakan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang menubuhkan institusi Hisbah bukanlah untuk menunjuk-nunjuk kepada dunia ataupun menyusahkan mana-mana pihak, ataupun politik membalas dendam tetapi di atas dasar tanggungjawab dengan amanah yang dikurniakan oleh Allah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat. Sesungguhnya Kerajaan Negeri hari ini adalah kerajaan yang menyedari adanya dosa dan pahala, syurga dan neraka yang dijanjikan oleh Allah dan semua kepimpinan dan rakyat akan dipersoal oleh Allah pada hari qiamat. Firman Allahutaala:

يوم ندعو كل اناس بإمامهم فمن اوتى كتابه بيمينه
فأولئك يقرءون كتابهم ولا يظلمون فتىلا.

19 DISEMBER 2000

Dan ingatlah bahawa pada hari qiamat kamu dibangkit oleh Allah bersama dengan imam, pemimpin yang menjadi sokongan kepada kamu di atas dunia. Barang siapa di kalangan kamu dikurniakan suratan amal daripada tangan kanan tidak akan dizalimi oleh Allah. Barang siapa yang buta mata hati di atas dunia maka pada hari qiamat dalam keadaan yang buta dan sesat-sesatnya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dengan usaha yang murni ini tidak ada sebab seorompok yang mengaku beriman kepada Allah sama ada pegawai-pegawai kerajaan, rakyat jelata ataupun Wakil-wakil Rakyat yang mengambillsikap menolak usul ini kerana perkara ini merupakan perkara yang paling baik kepada kita. Dan akhirnya saya menyeru kepada semua pihak supaya memberikan sokongan padu di atas usaha yang baik ini, mudah-mudahan negeri kita akan dirahmati oleh Allah s.w.t. Kepada Kerajaan Negeri, kami memberi sokongan yang padu, kami memberi suatu jaminan penyokong Barisan Alternatif akan bersama berdiri teguh di belakang Kerajaan Negeri dalam menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Cuma suatu pandangan daripada saya, oleh kerana perkara Hisbah ini suatu perkara yang ditenggelamkan begitu lama, diwujudkan kembali mestilah pihak kerajaan mengaturkan perancangan yang rapi di semua peringkat untuk memberi penjelasan kepada masyarakat. Mudah-mudahan segala niat baik kita akan diberi kebaikan oleh Allah s.w.t. Wallahualam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, turut sama dalam perbincangan mengenai Enakmen Hisbah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tun Mohd Salleh pada pagi ini, sukalah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyebut beberapa perkara.

Daripada segi sejarahnya memanglah yang diterangkan secara ringkas oleh Yang Berhormat Tun, Hisbah ataupun satu badan yang seumpamanya itu sangatlah berguna. Tetapi kegunaannya seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tun juga dalam kata penghantarnya sejak tadi, bila negara telahpun masuk kepada perkembangan-perkembangan dan kemajuan selanjutnya

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Kalau boleh biar kuat sedikit, tak berapa jelas. Tak berapa dengar. Kalau Yang Berhormat Wakil Seberang Takir bercakap kuat sedikit, tak berapa dengar kami sebelah sini. Biar kuat sedikit bercakap tu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Diminta supaya tinggikan sedikit suara untuk

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya ingat barangkali sesuatu yang tidak kena berhubung dengan pembesar suara. Sebab itu saya ... apa yang Yang Berhormat Wakaf Mempelam berucappun tak berapa jelas kepada saya. Tapi walau bagaimanapun saya cuba Yang Berhormat untuk memperkeraskan suara saya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua negara kita, negeri kita adalah sebuah negeri yang moden yang telah melalui proses yang lama bertahun-tahun membuat bermacam-macam peraturan,

undang-undang dan sebagainya. Untuk mengawal perbelanjaan misalnya, Dewan diberi kuasa untuk menubuhkan apa yang disebut PAC atau **Public Account Committee** atau Jawatankuasa Kira-Kira Awam yang kuasanya kalau dilaksanakan sebaik-baiknya terlalu luas bukan sahaja kuasa yang diberikan kepada PAC boleh meneliti kira-kira atau laporan kewangan yang telah diaudit dibentangkan di dalam Dewan, malah boleh membuat berbagai-bagai teguran malah boleh memanggil Ketua-ketua, Pengarah-Pengarah Jabatan tertentu untuk memberi penerangan-penerangan yang lebih jelas jika sekiranya timbul sesuatu yang tidak jelas. Malah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, PAC boleh melawat jabatan-jabatan tertentu untuk memeriksa. Apa kurangnya kuasa yang diberikan kepada BPR? Apa kurangnya kuasa yang diberikan kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, untuk menentukan sama ada cuka telah bercampur ataupun tidak dan sebagainya untuk melindungi pengguna-pengguna. Begitu juga halnya dengan Kanun Tanah Negara untuk melindungi seorang tuan punya tanah atau lain-lain yang terjumlah dalam "orang yang terkilan", teraniaya dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak berniat untuk memperkecilkan usaha kerajaan yang baru sekarang tapi kalau sekadar untuk menjadi lain daripada yang lain, saya rasa ini satu usaha yang tidak banyak mendatangkan banyak hasil, membuang atau membazirkan duit semata-mata atau paling banyak barangkali Hisbah ini merupakan *fault finder* sahaja, pencari-pencari kerosakan sahaja yang akhirnya kita akan dapati berlonggak-longgak dengan masalah pengaduan-pengaduan. Lebih baik kalau Hisbah ini ditukarkan kepada satu Biro Pengaduan saja yang boleh menyelesaikan barangkali masalah lebih berkesan, sungutan-sungutan, aduan-aduan yang lebih baik daripada untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Hisbah ataupun satu Hisbah yang diperlukan setakat ini. Saya tidak nampak Negeri Terengganu duduk dalam sebuah *federal* yang kuat seperti Malaysia ini, yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang dikemaskinikan daripada masa ke semasa mengikut peredaran zaman perlunya kepada Hisbah yang seumpama ini. Jadi saya tidak menyokong diadakan Hisbah dalam soal ini, Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kuala Berang, sila –

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Bismillahi rahmani rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu Darul Iman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Enakmen Hisbah 2000. Terima kasih kepada Wakil Telemong yang telah memperkenalkan Islah di dalam Dewan ini dan saya rasa mana-mana pihak tidak perlu merasa bimbang apabila Enakmen ini diluluskan nanti. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu pimpinan Barisan Alternatif ini kerana dapat membentangkan suatu Rang Undang-Undang yang boleh dianggap sebagai satu langkah yang terkehadapan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini bahkan juga negara kita Malaysia. Langkah yang baik ini bagaimana yang diucapkan oleh Wakil Rantau Abang tadi adalah untuk memenuhi kehendak rakyat sebagaimana janji kita dalam manifesto pilihan raya 1999 yang lepas untuk membentuk satu Lembaga Hisbah. Rakyat telah memberi kepercayaan kepada kita untuk memimpin negeri ini dan menjadi satu komitmen pihak kerajaan melaksanakannya.

Kerajaan yang baru ini menggambarkan kepada kita bahawa sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat kerana kepentingan rakyat diutamakan. Rakyat mahu kita mempunyai sebuah kerajaan yang *transparent*, yang telus, bersih dan bersifat terbuka. Rakyat mahu supaya tidak wujud unsur-unsur yang bersifat negatif di dalam pentadbiran negeri ini sama ada di kalangan ahli-ahli politik dan badan berkanun, dan institusi-institusi kerajaan yang lain. Rakyat diberi peluang untuk membanteras penyelewengan, rasuah, kronisma, nepotisma dan lain-lain lagi yang bersifat negatif. Rakyat seolah-olah diberi peluang dan kuasa untuk sama-sama membentuk atau mengarahkan hala tuju sesebuah kerajaan. Saya yakin ini akan menambahkan hubungan intim antara rakyat dan kerajaan yang ada. Ini menggambarkan juga kerajaan yang baru ini tidaklah hanya pandai berceramah sahaja bahkan kita akan melaksanakan apa yang diucapkan. Kita mahu rakyat menghisab, membuat perkiraan, menganalisa terlebih dahulu di dunia ini sebelum kami pemimpin-pemimpin dihisab di hadapan Allah di hari akhirat nanti. Inilah komitmen kita kepada rakyat dan kepada ajaran Islam itu sendiri. Oleh itu tidak berbangkit pilih kasih di dalam tindakan ke atas aduan seperti mana diucapkan Wakil Telemong tadi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, antara lain tujuan Enakmen ini adalah untuk memantau aktiviti-aktiviti jentera pentadbiran, ahli politik dan lain-lain institusi supaya ianya selaras dengan kehendak Islam dan kehendak umum. Rakyat dibuka peluang seluas-luasnya untuk mengadu dalam perkara yang dianggap menyeleweng. Lembaga Hisbah yang diberi kuasa yang besar dan bebas insya Allah akan dapat menyelesaikan permasalahan rakyat tersebut. Kalau dulunya Akta tertentu seperti OSA, ISA, Akta Mesin Cetak, Penerbitan dan lain-lain seolah-olah menjadi pelindung kepada maklumat sebenar, menjadi penutup bangkai agar bau tidak merebak keluar. Saya mengharapkan Akta-akta ini tidak menjadi penghalang kepada Lembaga ini untuk beroperasi secara jujur dan ikhlas. Saya percaya dan berkeyakinan penuh pimpinan Ulama Tuan Guru dan Exco Hisbah dan Tugas-tugas Khas yang mempunyai latar belakang yang luas berupaya mengadakan sebuah Lembaga yang dapat bergerak maju, berkesan dan beretika untuk mengendalikan kes-kes yang diadu sebaik mungkin. Dalam berbelanja secara berhemat seharusnya wang rakyat digunakan sebaik mungkin, tidak ada wang rakyat digunakan untuk merasuah sesuatu badan atau individu. Tidak wujud pemborosan walaupun dahulunya kita mempunyai wang yang banyak tetapi ada terdapat bocor di sana sini yang menyebabkan kocak menjadi kempis dan mengecil. Saya rasa Enakmen ini tidaklah membazir bahkan melengkapkan kerja-kerja yang tidak dapat diselesaikan oleh PAC, BPR dan sebagainya.

Akhir kata, saya mohon kerjasama dari semua pihak untuk melihat pentadbiran Kerajaan Terengganu ini menjadi sebuah kerajaan yang bersih dan diredhai oleh Allah. Kerjasama dari semua pemimpin-pemimpin masyarakat sama ada di kalangan PAS, UMNO, Keadilan atau dari mana-mana individu. Semoga apa yang kita buat ini menjadi satu ibadat kepada Allah dan menjadi teladan, ikutan kepada lain-lain negeri. Sekian padangan saya untuk menyokong Rang Undang-Undang tersebut. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTUHON YANG DIPERTUA: Ya, Wakil Kemasik.

YANG BERTUHON DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Bertuhon Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Bertuhon Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Bertuhon, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Bertuhon Tuan Yang Dipertua kerana memberi kesempatan untuk saya turut sama membahaskan Enakmen ini iaitu Pelantikan Pesuruhjaya Hisbah bagi kerajaan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah dapat membentangkan satu Enakmen bagi melihat keadilan dan ketelusan pentadbiran Negeri Terengganu dapat berjalan dengan baik. Dan juga akan memberi kemudahan kepada rakyat untuk mengemukakan aduan-aduan di atas perkara-perkara yang mungkin bagi mereka menjadi masalah ataupun melibatkan pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya. Cuma dalam masa yang singkat ini saya cuba mengambil sedikit masa untuk mempersoalkan sama ada penubuhan Pesuruhjaya Hisbah akan menimbulkan bahawa pihak kerajaan tidak berkeyakinan kepada badan-badan yang sedia ada, iaitu seperti Badan Kehakiman, BPR misalnya, badan-badan Audit ataupun PAC itu sendiri. Ataupun pelantikan ini sebagai satu tambahan kepada badan-badan ini. Ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci. Dan kita juga berharap kerajaan yang ada pada hari ini dapat mentadbir dengan secara telus sebagaimana yang dikehendaki oleh Rang Undang-Undang ini. Kita tidak hendak lihat ada di antara pegawai-pegawai ataupun pemimpin-pemimpin yang melakukan perkara-perkara yang diarahkan oleh pihak kerajaan lain dan dibuat oleh pegawai-pegawai lain daripada arahan tersebut. Sebagai contoh, saya ingin satu penjelasan di Dewan yang mulia ini di atas satu jawapan dan ucapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sidang Dewan yang lalu dan juga jawapan yang diberi oleh Exco Kerajaan iaitu Wakil Pengkalan Berangan berhubung dengan elaun Pengerusi-Pengerusi anak-anak syarikat yang dipegang oleh Exco.

Dalam jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Wakil Pengkalan Berangan mengatakan bahawa Pengerusi-Pengerusi anak-anak syarikat yang dipegang oleh Ahli-ahli Exco tidak menerima apa-apa bayaran dan elaun. Jadi, saya timbul satu kekeliruan kerana ada anak syarikat yang dipegang oleh Exco, elaunnya dibayar. Saya bukan cakap sebarang sebab saya ada bukti melalui minit mesyuarat yang diadakan oleh anak syarikat tersebut. Dengan izin boleh saya petik satu minit mesyuarat ini, iaitu minit 6/2000 Bil. 3 yang mengatakan antara lainnya "bahawa mesyuarat bersetuju syarikat membayar elaun bulanan sebanyak RM2,500 sebulan kepada Pengerusi syarikat mulai tarikh lantikan sebagai Pengerusi Syarikat." Sedangkan kerajaan sendiri melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar telahpun membuat pengumuman bahawa Exco yang memegang Pengerusi syarikat tidak menerima apa-apa elaun. Tapi minit mesyuarat ini yang dipegang oleh seorang Exco, menerima elaun bulanan sebanyak RM2,000 sebulan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, saya.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Adakah kalau dicatatkan di situ Yang Amat Berhormat menyatakan tidak menerima, tidak menerima tidak semestinya tidak diberi. Mungkin diberi tetapi tidak diterima.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih. Ini minit mesyuarat dan saya ada bukti juga yang Wakil Rakyat tersebut ada baucarnya sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua untuk penjelasanlah, saya nak tahu syarikat yang disebutkan tu

19 DISEMBER 2000

syarikat mana supaya mudah kita *check* takut mungkin juga ada kesilapan di mana-mana, kita boleh *check*lah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat, itu yang saya pohon penjelasan. Saya akan beri nama syarika tapi saya tak akan beri nama Exco tersebut. Syarikat saja saya beri itu terpulanglah kepada pihak kerajaan untuk buat siasatan. Saya beri nama syarikat iaitu Syarikat Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. Saya minta pihak kerajaan, pihak Yang Berhormat dapat menyelidik, menyiasat perkara ini sebab minitnya tercatat bahawa elaun dibayar RM2,500 sebulan. Di samping itu

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Satu lagi Yang Berhormat, tarikh mesyuarat tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-121/2000 yang telah diadakan di Dewan Cempaka, *Cheneh Recreation and Resort Centre* Bandar Cheneh Baru pada hari Isnin, 7 Februari 2000 jam 9.30 malam.

Dan yang kedua juga dikatakan bahawa Exco yang memegang anak-anak syarikat tidak diberi sebarang elaun hanya kerja secara sukarela. Tetapi salah seorang Exco yang memegang syarikat, saya sebut syarikat tadilah, iaitu Rakyat Perwira Ketengah Sdn. Bhd., telah menerima wang tunai sebanyak RM10,000 pada 5 Disember 2000 di atas katanya, elaun ataupun dengan izin *reimbursable expenses* dan juga dikatakan sebagai bayaran 'lawatan industri'. Dan wang ini diberi secara tunai kepada Yang Berhormat tersebut. Saya bukan nak kata perkara ini salah dari segi undang-undang

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya minta Yang Berhormat Kemasik bila tu kemukakan nama syarikat berkenaan supaya mudah kita buat semakan. Tidak payah tiap-tiap kali saya kena tanya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya faham maksud, syarikat tadi Ladang Rakyat Terengganu, yang beri *reimbursable expenses* ialah Rakyat Ketengah Perwira Sendirian Berhad. Ini bukan menjadi satu kesalahan pada syarikat tersebut untuk memberi bayaran *reimbursable* ini tetapi saya nak mempertikaikan di sini bahawa bayaran ini telah lama tidak dilaksanakan, tidak dilakukan syarikat ini sebagaimana Kertas Kerja Bil. 206/2000. Dalam kertas kerja tersebut ada menyatakan bahawa sebelum ini kepada Ahli Lembaga Pengarah yang menjadi amalan syarikat sebelum ini, dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-122/2000 pada 14 April 2000 Pengurusan membentangkan membayar *reimbursable expenses* kepada Ahli Lembaga Pengarah yang menjadi amalan syarikat sebelum ini tetapi pihak Lembaga Pengarah bersetuju menggantungkannya cadangan tersebut. Telah bersetuju menggantung bayaran tersebut. Tetapi Lembaga Pengarah ini telah membuat keputusan untuk meneruskan bayaran ini sebagaimana yang diluluskan Bil. 43 bagi tahun kewangan 2000 dicadangkan jumlah bayaran *reimbursable expenses* ialah sebanyak RM10,000 bagi Pengerusi, RM9,000 bagi Pengarah-Pengarah biasa dan RM5,000 bagi Setiausaha / Officer Syarikat. Jadi ini bercanggah dan berlawanan dengan pengumuman yang dibuat oleh kerajaan. Yang ini saya minta penjelasan dan sepatutnya disiasat oleh badan Hisbah ini, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pada waktu inilah saya nak dapat penjelasan dulu. Adakah Yang Berhormat Kemasik boleh beza dok ataupun reti dok beza antara elaun bulanan dengan *reimbursable*, perbezaan dia tu faham dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya faham dan saya boleh beza. Sebab itu saya kata tidak menyalahi dari segi peraturan, saya sebut tadi. Tak salah syarikat nak beri.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Begini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang disebut oleh pihak kerajaan ialah elaun bulanan tak termasuk *reimbursable* ni satu bentuk elaun bayar balik apa yang telah dibelanjakan, itu lain. Jangan dicampur adukkan dua tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saa faham saya dok campur aduk, tadi saya dah sebut dah minit mesyuarat menyatakan kelulusan diberi kepada Pengerusi untuk mendapatkan elaun bulanan, yang pertama. Yang kedua, saya nak terangkan walaupun tidak menjadi kesalahan kepada siapa yang memegang sebuah syarikat sebab termaktub di dalam undang-undang mengata boleh berbuat demikian. Tetapi saya nak mempertikaikan sebab kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat sendiri bahawa Pengerusi-Pengerusi

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua penjelasan, ke dok habis lagi. Begini apa yang diumumkan oleh kerajaan elaun bulanan itu pihak Exconya tak ambil, *reimbursable* ialah belanja yang dibelanjakan oleh Pengerusi ataupun siapa dia daripada duit dia sendiri digantikan, itu lain tu. Jadi, tidak ada satu kenyataan dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan *reimbursable*, yang ada ialah mengenai elaun. Sebab itu saya tanya tadi yang Ladang Rakyat kalau beri kenyataan kita *checklah* yang ini tapi jangan dicampur adukkan sekali yang menggambarkan sebenarnya Yang Berhormat Kemasik tak faham benda ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya bukan nak campur aduk Yang Berhormat, tadi lain elaun bulanan, itu sudah selesai. Yang ini saya nak tanya sebab dalam perkara ini pihak Lembaga dulu telah menetapkan bahawa bayaran ini digantungkan, tidak lagi dilaksanakan. Tapi apabila syarikat ini dipengerusikan oleh Pengerusi yang baru

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya apa kena mengena dengan Enakmen Hisbah ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Di bawah 'salah tadbir' ataupun saya kata tadi nak 'ketelusan'. Saya bukan nak bangkit apa, saya ingin penjelasan berhubung dengan perkara ini dalam kaitan 'ketelusan'.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dengan maaf. Tadi apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kemasik, Kerajaan atau khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah buat

19 DISEMBER 2000

kenyataan Exco tidak menerima bayaran bulanan daripada syarikat ataupun anak syarikat Kerajaan Negeri. Kemudian ditimbulkan, dikaitkan pula ... kita kata Ladang Rakyat, baik kita akan siasat Ladang Rakyat ni. Tetapi yang *reimbursable* ni tak dikatakan oleh Yang Amat Berhormat dan kerajaan tidak pernah buat kenyataan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, saya faham Yang Berhormat, yang elauun Pengerusi saya tahu. Yang ini saya nak mempertikaikan diberi kuasa kepada Lembaga Pengarah tersebut yang telah digantungkan dulu dihidupkan balik, itu saja. Kalau betul elauun Pengerusi tak dapat tapi mungkin juga dia ambil cara ini sedangkan yang ini telahpun digantungkan, tidak dibayar sebelum daripada ini. Tapi dihidupkan balik oleh Jawatankuasa ataupun Lembaga Pengarah yang baru dilantik. Yang ini saya nak suruh siasat dan nak minta penjelasan bukan saya buat tuduhan. Jadi inilah ketelusan, dan disebut ... tak apalah kalau betul. Yang *reimbursable* ni boleh juga buat tuntutan pergi ke tanah suci, buat ibadat ummrah, lepas tu ... banyak lagilah kepada tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat. Jadi saya tak faham perkara-perkara seperti ini, jadi minta pihak kerajaan siasat.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Boleh Yang Berhormat Kemasik bercakap kuat sedikit tak berapa dengar tadi, apa benda berhubung dengan ummrah tadi tu? Tak berapa jelas ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bentuk *reimbursable expenses*, boleh juga dibuat tuntutan di atas kerja-kerja pemergian ke tanah suci Mekah untuk mengerjakan ummrah. Tercatat di dalam ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, syarikat mana tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tadi ... yang tadi Rakyat Ketengah Perwira. Saya baca satu petikan kalau yang Berhormat izin.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila ... sila ...

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Baik ... baik terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah baca. Jadi yang ini saya minta ketelusan bukan saya bangkit, bukan saya bangkang, bukan saya mempertikaikan. Saya hanya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan berhubung dengan pembentangan Enakmen ini supaya kita ada ketelusan. Saya tidak nak ada perkara-perkara yang boleh diambil kesempatan oleh pemimpin-pemimpin di atas sekatan yang dibuat oleh kerajaan tapi digunakan kaedah lain untuk mendapatkan kepentingan tersebut. Yang kita nampak sekali benda ni tidak bercanggah tapi mereka menggunakan kuasa untuk mengambil kesempatan tersebut. Ini yang perlu diberi penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Jadi, saya berharap benar perkara-perkara ini tidak akan berlaku dalam kerajaan yang ada hari ini yang mengatakan sebuah kerajaan yang akan melaksanakan secara Islam dan mempunyai ketelusan-ketelusan. Tapi kita kena ingat supaya perkara-perkara ini tidak akan diambil

19 DISEMBER 2000

kesempatan oleh pemimpin-pemimpin di bawah kuasa yang ada untuk mentadbir sesebuah anak-anak syarikat. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Bukit Besi dan diminta supaya seringkas mungkin.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saf Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih atas peluang diberi kepada saya untuk membahaskan tentang Enakmen Hisbah Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya melihat pertamanya kecelaruan sedikit kepada pihak pembangkang apabila Ketua Pembangkang tadi kata tidak menyokong tetapi *back banchernya* nyata menyokong pula. Nampaknya memang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan sedikit saja ... beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Saya tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak kata menyokong, saya kata ucap tahniah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Tahniah, sokonglah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Itu dua perkara yang berbeza tu, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Wakil Telemong, kata sokong tadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya beri tahniah ... sokong kemudian apabila Yang Dipertua minta sokongan. Kena pandai sedikit bekas

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Tak apa nanti kita boleh lihat dalam Penyata Rasmi Dewan pada penggal akan datang.

Tuan Yang Dipertua, memang UMNO suka berpecah belah dan kerana ini agaknya bila saja pendidikan yang kita terima di KUSZA dahulu membuatkan kita menolak UMNO kerana ia menentang arus perdana Islam dan kebangkitannya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Biar masuk dalam kumpulan Hisbah ni.

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkait dengan Hisbah ini

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jangan lari daripada perbincangan kita mengenai Rang Enakmen.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Ya, Yang Dipertua, terima kasih.

Saya menyebutkan tentang KUSZA itu kerana saya telah sempat ... sejak 14 tahun dulu pada tahun 1986, pada masa itu masih belajar dengan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua sendiri. Di bawah tajuk Hisbah inilah pada tahun itu saya sempat menterjemah sebuah buku yang berkaitan dengan Hisbah oleh Al-Shaikh Abdul Muis Abdul Sattar. 14 tahun dulu masa itu masih pemerintahan UMNO. Dan 14 tahun saya menanti untuk melihat melaksanakan Hisbah ini walaupun saya masih pelajar pada masa itu tapi saya melihat dan mengharapkan UMNO melaksanakan. Tapi Alhamdulillah, pada hari ini, 19 Disember ini tahun 2000 baru kita dapat, itupun setelah saya dilatih oleh KUSZA walaupun bukan dilatih oleh PAS tetapi dilatih oleh KUSZA hari dapat membahaskan bersama Enakmen Hisbah Negeri Terengganu setelah kita dapat menjatuhkan UMNO.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nampak perubahan *period* dakwah yang kita lakukan. Dahulu kita masih belajar dan berdakwah dengan hati dan kemudian bila kita keluar belajar, habis belajar kita dapat pandai berceramah, kita boleh berdakwah dengan lidah. Dan kini kita berkuasa kita boleh berdakwah dengan tangan kita. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana badan Hisbah satu badan yang sangat penting, yang sangat agung, sangat mulia iaitu sebagai melaksanakan perintah Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

ولتكن منكم امة يدعون الى الخير ويأمرون بالمعروف
وينهون عن المنكر.

Hendaklah ada satu golongan daripada kamu yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Maka saya mohon mencadangkan untuk memastikan bahawa Hisbah ini berjalan dengan baik, seseorang *al-muktasik*, seseorang Pesuruhjaya termasuk Exconya sendiri, termasuklah Pegawai Penguatkuasanya nanti mestilah orang yang menepati kehendak-kehendak ciri-ciri Islam. Antara yang digariskan oleh Al-Shaikh Abdul Muis Abdul Sattar dahulu, orangnya mesti berilmu dan Alhamdulillah, Exco kita sangat berilmu. Orangnya warak, Alhamdulillah *very low profail* dengan izin. Orang mesti adil, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, keadilan boleh kita buktikan apabila kita hanya mengharapkan ganjaran daripada Allah s.w.t. Dan juga keadilan boleh kita buktikan bila kita mengadakan Hisbah bukan untuk tujuan politik dan bukan bertujuan bertindak membalas dendam atau bukan untuk mencari publisiti semasa pilihan raya semata-mata. Tetapi kita buat ikhlas kerana Allah s.w.t. kerana orang baik akan dibalas ... kalau kita berlaku baik insya Allah, kemenangan akan tetap diberikan kepada kita.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu mestilah Pesuruhjaya Hisbah ini orang yang baik akhlaknya, sebagaimana juga mestilah orang yang lemah lembut:

Jika sekiranya kamu keras, kasar nanti mereka akan lari dari sekeliling kamu. Dan para sahabat Ibnu Masoud, apabila mengkritik seseorang dia akan mengatakan *mahlam rahimatullah* cukuplah semoga Allah akan merahmati kamu. Dan selain itu, Pesuruhjaya dan semua pegawai-pegawainya juga, termasuk Exconya juga mestilah orang yang sabar insya Allah, kita lihat kesabaran ini akan terbukti. Dan bukanlah maksud saya bersabar ini orang yang sanggup boleh bertahan sehingga kepalanya dipijak, tetapi orang yang sabar ialah orang yang tegas sehingga boleh menggerunkan pihak yang akan disiasat. Dan saya telah melihat dan perhatikan ada beberapa orang yang telah mula gerun kalau-kalau mereka juga disiasat. Dan saya harap perkara-perkara yang pertama yang ditugaskan kepada Hisbah nanti, carilah siapakah dalang pertama yang merompak duit royalti kita. Ini tugas utama untuk Hisbah nanti insya Allah, kita akan cari.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masih banyak lagi kepincangan di dalam pentadbiran terutamanya, juga ini perlu diberi perhatian yang berat. Kerana banyak pengaruh-pengaruh lama yang masih bertampok di dalam pentadbiran yang mungkin perlu kepada penjelasan, perlu kepada pembetulan. Dan kita harap pegawai-pegawai negeri dan juga yang berkaitan dengannya akan diberi perhatian yang lebih agar segala apa dasar yang kita putuskan di dalam Dewan ini dapat dilaksanakan dengan baik sehingga terlaksanalah cita-cita rakyat yang telah memberi kepercayaan kepada kita untuk memerintah negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah tugas dakwah, tugas *period* dakwah kita pada hari ini. Dan kita semua berbangga dapat Menteri Besar yang sanggup dan mengemukakan institusi Hisbah ini untuk diperkenalkan kembali ke Negeri Terengganu, yang pernah diamalkan di sini, yang pernah ditenggelamkan oleh UMNO kemudian kita akan hidupkan kembali di sini. Dan insya Allah, perkara ini akan kita lihat dan akan menjadi kebanggaan rakyat dan saya harap mana-mana pihak jangan berusaha, tidak akan berusaha untuk menghapuskan institusi yang begitu baik ini. Kerana kita bukan buat untuk apa, tapi kita buat hanyalah untuk melaksanakan perintah Allah s.w.t. seperti dalam ayat yang telah sebutkan tadi, untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Dan hari ini kita telah dapat tubuhkan Hisbah di Negeri Terengganu dan insya Allah, pada tahun 2004 nanti kita akan bentangkan sekali lagi Hisbah di peringkat national di Kuala Lumpur, di Parlimen insya Allah. Semoga Allah memberi rahmat-Nya kepada kita, rakan kita, lawan kita. Semoga Allah membuka mata hati mereka menerima institusi ini sebagai satu institusi yang baik dan selepas ini semuanya akan mengangkat tangan mengundi setuju supaya Enakmen Hisbah ini dijadikan satu Enakmen di Negeri Terengganu.

Sekian, saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, Ajil –

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPETUA: Ringkas, ya. Seringkas mungkin.

19 DISEMBER 2000

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin, hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Enakmen Hisbah tahun 2000 pada Dewan kali ini. Dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berjaya hal ini, perkara ini dalam Dewan ini untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi sebenarnya apa yang dibuat, apa yang telah dirancang ini adalah sesuatu yang patut dipuji. Pun begitu, kita perlu menyedari bahawa walaupun dituduh, dikatakan UMNO tidak pernah menjalankan Hisbah. Cuma apa yang ingin saya tekankan di sini bahawa kita melaksanakan hal perkara yang sebegini cuma namanya berbeza. Namanya berbeza tetapi pendekatan apa yang ingin dilaksanakan oleh Hisbah ini saya rasa sama saja dengan apa yang ingin dilaksanakan, apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin memetik kata sahabat:

حاسبوا انفسكم قبل ان تحاسبوا.

Maksudnya: *Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya dalam menjalankan apa yang diperkatakan, apa yang dirancang dalam Hisbah ini kita perlu kepada ketelusan. Kita yakin dan percaya dengan ada ketelusan, hak Allah, hak anak Adam, hak-hak awam akan tetap terpelihara. Cuma saya ingin memberi beberapa pendapat, beberapa pandangan bahawa Hisbah ini kita tidak boleh nilai sekarang kerana dia masih belum dilaksanakan lagi. Apa yang kita harapkan, pelaksanaannya nanti akan tidak menjadikan pegawai-pegawainya mengikut arahan dan janganlah nanti mereka ini dijadikan mangsa oleh Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, kita bimbang kalau-kalau ada orang-orang yang menjadi Polis kerana untuk nak jadi perompak. Jadi apa yang dikatakan itu, betullah sebagaimana dikatakan oleh pepatah Inggeris dengan izin Yang Dipertua, *law maker law breaker*. Kita harap hal ini tidak terjadi dalam Hisbah ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dok jelas tadi hak bahasa Inggeris. Cuba sebut, apa benda?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): *Law maker law breaker*. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu kita juga berharap dengan pelaksanaannya nanti agar Pesuruhjayanya, walaupun dikatakan bahawa Islam membatasi daerah, membatasi negeri, tapi kita harap diberilah peluang kepada anak-anak Negeri Terengganu yang *competent* yang berkemampuan. Saya yakin dalam ramai-ramai rakyat Terengganu yang hampir satu juta ini, takkan tak ada seorang pun yang layak untuk memegang jawatan setinggi ini, dengan gaji yang sebesar ini yang beramanah untuk memegang jawatan ini. Kerana kita bimbang, pepatah Melayu mengatakan *kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan*. Jadi, berilah peluang seluas-luasnya kepada anak-anak negeri ini yang kita yakin dan percaya, anak-anak negeri ini juga mampu melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu kita juga berharap agar dengan adanya Hisbah ini pihak kerajaan tidak lagi melakukan kenyataan-kenyataan yang berunsur dakyah, yang akan memberi

19 DISEMBER 2000

peluang dan pengaruh sehingga merosakkan fahaman rakyat. Kerana yang penting sekarang bukan bercakap, bukan berceramah dan bukan bersyarah, yang penting sekarang ialah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Kerana apa yang akan dilaksanakan ini adalah akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah di akhirat kelak.

Cuma akhirnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masa yang diberi kepada saya terlalu singkat, sebagaimana yang tersebut dalam satu, yang saya rasa tetap relevan dengan apa yang kita bahaskan pada tengah hari ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa itu saja apa yang ingin saya sumbangkan kepada Enakmen ini. Yang akhir sekali, saya bagi pihak pembangkang pada bulan yang mulia ini ingin mengucapkan *selamat berpuasa dan selamat menyambut hari raya*. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya buka seorang lagi. Wakil Paka, sila – Boleh tak Wakil Paka bercakap jangan lebih 10 minit?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Berapa minit Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sepuluh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahi rahmani rahim.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai dan juga pemerhati yang dihormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Pertamanya saya mengucapkan Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. dan juga saya mengucapkan ribuan terima kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama turut memberi perbincangan dan pandangan pada Enakmen yang dibentangkan ini. Dan saya berdiri di sini memberi sokongan sepenuh-penuhnya terhadap cadangan ini dan kerana ianya merupakan suatu yang menjadi detik sejarah pada kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang telah berjaya mewujudkan institusi Hisbah ini yang merupakan satu badan yang sering dikaitkan dalam sejarah, iaitu tentang ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam sebagai satu institusi yang memerhati, meninjau dan supaya semua kerja berjalan di atas landasan dalam menegakkan *amar makruf dan nahi mungkar*. Sebagai seorang Islam yang mengaku beriman dan bertakwa kepada Allah, memang program yang seperti ini, agenda yang seperti ini kita sokong penuh kerana kita mengharapkan apa yang pernah dibina dan diasaskan di zaman Rasulullah s.a.w. Sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi, semenjak di zaman Rasulullah s.a.w. institusi ini sudah diwujudkan walaupun peringkat awal yang disebut *shohibulsub* tetapi kemudian diperkembangkan daripada masa ke semasa. Sehingga di zaman empayar *fatimiah* ia telah menjadi sebuah institusi yang cukup berwibawa, *muktasik* atau sekarang disebut sebagai Pesuruhjaya Hisbah telah menjadi satu jabatan yang penting selepas daripada Ketua

Hakim, *Qadhi Al Qudha* dan juga sebagai Ketua Pendakwah, *daimudoa*. Biasanya mereka yang berkedudukan tinggi dalam bidang kehakiman akan dilantik sebagai seorang *muhtasib*. Dan di zaman *fatimiah* inilah Hisbah sudah menjadi sebagai suatu jawatan, sebagai suatu jabatan yang mempunyai rangkaian ke segenap pelosok daerah yang dibantu oleh *muktatarwat* yakni pelaksana ataupun yang sukarela untuk membantu *muhtasib*.

Begitu juga melihat di zaman pemerintahan *Mamluk* sudah diadakan *darulad* iaitu di mana satu majlis perhimpunan khas antara Raja Mamluk dengan rakyat yang dihadiri oleh *muhtasib* yang mengiringi Raja ketika itu bersama Mufti, Qadi dan juga Penyelia Dewan *Mazalim*, iaitu dewan aduan orang ramai dan juga Ketua *Sultah* termasuk juga Polis dan juga askar untuk mendengar aduan dan juga menyelesaikan permasalahan rakyat ketika itu. Dan ketika inilah Hisbah sudah menjadi satu institusi yang mencakupi segenap bidang yang peringkat awalnya bermula di pasar-pasar yang melibatkan bidang perniagaan, tetapi sudah berkembang yang melibatkan keselamatan, jenayah, moral, maksiat, masyarakat sehingga menyebabkan menjaga, memantau penyelewengan kakitangan kerajaan dan juga pimpinan-pimpinan negara sendiri. Di Andulisia, Jabatan Polis sudah diletakkan di bawah institusi Hisbah dan ia terus dikekalkan walaupun zaman kejatuhan pemerintahan Islam diganti dengan pemerintahan baru yang ketika itu disebut dengan perkataan Spenyol, *Amatacen* tetapi ianya telah dilaksanakan mengikut teras yang diasaskan oleh Islam di dalam institusi Hisbah ini. Begitu juga kita melihat di zaman Uthmaniah, Turki di zaman era empayar akhir umat Islam sudah ada kitab-kitab panduan dan peraturan yang lengkap tentang Hisbah sehingga setiap wilayah yang baru dibuka akan disegerakan penubuhan Jabatan Hisbah di situ. Seinggalah kejatuhan kerajaan Shafawi pada tahun 1722 Mashi maka peranan Hisbah ini merosot akibat dasar sekularisma yang telah menjangkau ke seluruh negara-negara umat Islam yang menjejaskan institusi Hisbah ini. Seinggalah akhirnya Jabatan Hisbah hanya diberi kuasa untuk menetapkan harga barang ataupun memeriksa sukatan dan timbangan sahaja, maknanya dekat raya ni tukang *check* harga ayam saja tak mahu beri nak harga ayam. Itulah status Hisbah apabila dasar sekularisma telah menguasai negara-negara umat Islam. Dan pada abad ke-19 Mashi para *muktasik* sudah hilang daripada bandar dan kota-kota umat Islam.

Kerana itulah, ini merupakan satu inisiatif yang telah dimulakan oleh kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini sendiri bagi mewujudkan dan mengembalikan serta memulihkan imej nama bagi institusi Hisbah ini bagi ditonjolkan kembali ke arah era pemerintahan umat Islam, dan mengembalikan kekuatan umat Islam di muka bumi ini. Begitu juga kita melihat bagaimana perkembangan di tanah ... di alam Melayu sendiri sebagaimana disebut oleh sahabat kita daripada Wakil Bukit Payung, bagaimana ianya telah dilaksanakan di Rantau Asia Tenggara ini. Seinggalah kedatangan penjajah dasar sekularisma juga yang sama diterapkan yang menyebabkan ianya hilang daripada pemerintahan di kalangan pemimpin-pemimpin yang mengaku Islam di negara yang kita kasihi ini. Kerana itulah kita melihat bahawa fungsi Hisbah yang diwujudkan ini yang diteraskan konsep *amar makruf dan nahi mungkar* kalau dahulunya hanya sebagai mengawasi perniagaan dan kehidupan di pasar sahaja tetapi kita mengharapnya ianya berkembang sebagaimana yang telah dicadangkan oleh para ulamak dan sebagainya, telah dibahaskan di kalangan mereka-mereka, di kalangan bijak pandai umat Islam yang telah meliputi sama ada melibatkan moral, etika, yang melibatkan sains, politik, ekonomi, geologi dan sebagainya, yakni mencakupi keseluruhan bidang hidup umat Islam. Sebagai Islam agama yang syumul yang mencakupi segenap bdiang kehidupan itu.

Dan mengikut Wasfi dalam kitabnya *Almunasafatun Nuzulmu Islamiah* bagaimana ia menyebut bahawa institusi Hisbah ini ia terserah kepada kebijaksanaan pemerintah yang sedia ada dalam

melaksana dan merealisasikan penubuhnya. Ia bertambah dan berubah mengikut keperluan pemerintah berdasarkan prinsip-prinsip *siasah syariah* bagi melihat kepentingan awam dan kesejahteraan rakyat serentak dengan membendung penyelewengan dalam jentera pentadbiran dan pelaksanaan tuntutan syariah Allah s.w.t.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memandangkan institusi Hisbah ini yang kuasanya menjangkau semua walaupun melibatkan Wakil Rakyat, ini merupakan satu perancangan yang patut kita dokong walaupun mungkin satu hari saya juga akan dimasukkan ataupun akan dipersoalkan di bawah institusi Hisbah. Tetapi atas rasa kepentingan rakyat yang merupakan hak dan tuntutan rakyat untuk menjamin kepentingan mereka dan kesejahteraan mereka maka apa yang dibuat atau dicadangkan oleh kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini merupakan satu yang selari dengan janji-janji kita sendiri dalam pilihan raya. Itulah saya mengharapkan bahawa institusi Hisbah di Negeri Terengganu walaupun ini peringkat awal, kita mengharapkan bahawa di masa-masa akan datang ia akan menjadi contoh, model yang baik kepada negeri-negeri yang lain. Walaupun kita menyedari bahawa institusi Hisbah ini mungkin baru sekarang ini tetapi kita mengharapkan bahawa ia akan lebih baik dari masa ke semasa.

Kekuasaan yang diberi sebagaimana yang telah diberi jaminan oleh Pengerusi Hisbah sendiri bahawa ia merupakan suatu institusi yang bebas yang tidak akan dikuasai oleh kuasa-kuasa politik atau tangan-tangan ghaib yang akan mengganggu gugat pelaksanaan dan juga keadilan yang akan diterapkan institusi Hisbah ini. Ini merupakan satu jaminan oleh pihak kerajaan untuk menjamin kebebasan dan keadilan kerana yang kita pentingkan adalah melaksanakan konsep *amar makruf dan nahi mungkar*. Dan begitu juga kita mengharapkan Hisbah ini akan mempunyai satu jalinan dan penyelarasan yang baik dengan semua jabatan-jabatan, agensi-agensi yang sudah ada penguatkuasaan mereka sendiri supaya tidak ada pertindihan dan juga dapat diselaraskan dengan cara yang baik untuk kepentingan dan juga perjalanannya dengan cara yang baik, insya Allah.

Dan juga saya mengharapkan semua pihak sama ada pihak pimpinan negeri dan juga Wakil-wakil Rakyat dan juga keseluruhan memainkan peranan bagi menyampaikan dan memberi penjelasan tentang institusi Hisbah ini supaya ianya tidak disalah faham dan disalah anggap di peringkat masyarakat bawahan dan sebagainya. Begitu juga saya mengharapkan khususnya media supaya dapat memainkan peranan bagi menyedarkan masyarakat dan juga dapat membangkitkan supaya masyarakat sendiri boleh membuat kajian dan penelitian akan khazanah-khazanah Islam yang masih lagi banyak. Supaya pihak media tidak hanya memainkan peranan untuk mencari *point-point* ataupun tajuk-tajuk yang dirasakan sebagai menjadi ruang untuk menghentam kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan sebagainya. Saya dalam hal ini banyak kita melihat laporan-laporan media dan sebagainya kadang-kadang berat sebelah, tapi kadang-kadang tu menguntungkan. Contohnya dalam kes yang disebut penemuan minyak oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita tengok gaduh sekali dari kalangan pemimpin-pemimpin Pusat atau pun juak-juak di peringkat Negeri Terengganu ni. Peringkat awal kitapun rasa ... macam saya kawasan Dungun, rasa sedap hati dah nampak nak terbit minyak doh. Yang kita rasa peringkat seterusnya kita tengok ia merupakan satu perangkap yang mengena kepada pimpinan Pusat. Kita nak tengok, orang Pusat ni rupanya tamak sungguh. Peringkat awal masing-masing memberi penjelasan minyak yang di luar pantai merupakan hak Kerajaan Pusat dan sebagainya. Tapi bila kenyataan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, ada minyak darat esokan bingkang selalu

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Boleh beri laluan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak kelmarin dok jawab lagi, nak soal pula doh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Adakah pihak kerajaan memberi pengakuan kepada ucapan Yang Berhormat Paka tadi bahawa itu gambaran penemuan minyak itu untuk melihat keadaan sebenar Kerajaan Persekutuan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik ni dok faham saya pun *check* balik dalam soalan tu, dia tanya telaga minyak, memang orang kata tak dok. Kalau dia tanya ada tanda-tanda minyak, munasabah orang kata ada. Tok Guru sebut tanda ada minyak bukan khabar telaga minyak. Telaga minyak dia main kereklah, berapa kerek tanya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebab itulah kita melihat bagaimana pimpinan Kerajaan Pusat terus membuat pengakuan besok harinya, sama ada laut, darat hak Pusat belaka. Itulah kita tengok betapa tamak, orang Terengganu panggil *kerlong* nak baham dia belaka, hak laut ... hak aku belaka. Sebab itu masa saya ingat di kampung dulu, bila banyak sangat kera dekat kebun, saya kata ada kaedah ke nak tangkap kera ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tambahan Yang Dipertua, kita ni dua *marhalaf* belaka jauh ni. Sebab Hisbah ni kali pertama nak heri penjelasan sedikitlah, insya Allah.

Bagaimana dia sebut, dia kata boleh dia kata. Sebabnya saya ni orang muda, dia kata "boleh Awang," dia kata. Dia kata cari buah nyiur sebutir paras bor-bor telus tangan kera

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, ni tidak ada kaitan dengan Hisbah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni nak sebut ni, kera dia ada kait dengan Hisbah. Nanti saya beri penjelasan, ke dok reti ... ke tak dok telinga? Dok beri laluan, masa sedikit sangat. Sabit tu bila dia paras bor-bor tu ... dia kata tambat nyiur tu di batang kelapa. Lepas itu, dia kata bubuh lima butir coklat ikat di buah nyiur tu sebagai jerat, dan bubuh lima butir lagi dalam buah nyiur. Apabila datang kera dia ambil hak lima butir ni dia bubuh dalam mulut, dia solor hak dalam buah nyiur tu. Dan dia kebas habis lima-lima butir dan nescaya dia akan pegang kera tu tak boleh lari. Saya kata kalau dia makan hak kenyang dia lari, dok fesyen kera tamak ni nak baham belaka, lima persen hak atas darat dia kerkah, dia holor pula hak lima persen hak dalam buah nyiur tu. Sebab tu dia letak le ni, rakyat tengok belaka ni. Jerkah nak lari tak boleh, nak lepas tak boleh. Kita harap dalam hal ini pihak media boleh memainkan peranan memberi penjelasan yang sebaik-baiknya mengenai institusi Hisbah ini. Kita tidak mahu media ni dia pusing pula membuat kenyataan yang kadang-kadang tidak sesuai yang memberi satu imej yang tidak baik kepada institusi Hisbah ini.

Sebab itulah di dalam hal ini kita mengharapkan semua pihak memainkan peranan bagi memberi penjelasan kepada rakyat. Walaupun institusi Hisbah ni merupakan khazanah Islam tetapi kadangkang apabila ia menjadi warisan yang lama dan kita mengharapkan supaya ianya dapat dipromosikan kembali, diberi penjelasan yang seadil-adilnya ataupun yang selayaknya dan automatik akan mendorong rakyat kita khususnya Negeri Terengganu Darul Iman akan menjadi golongan-golongan ilmunan yang dapat menceduk, memetik daripada institusi-institusi yang lebih banyak lagi yang kita rasa, akan diwujudkan dan akan dipertunjukkan di masa-masa yang akan datang, insya Allah.

YANG BERTAMBAH HORMAT YANG DIPERTUA: Sila tamatkan.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Memandangkan masa cemburu kepada saya, sekadar itulah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTAMBAH HORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Bertambah Hormat, sekarang saya beri masa untuk penggulungan. Silakan, masa untuk gulung.

YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Bertambah Hormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian memberikan beberapa respons kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Bertambah Hormat dalam Rang Undang-Undang yang berkait dengan Hisbah yang baru saja selesai dibahaskan.

Ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Bertambah Hormat khususnya daripada pihak pembangkang yang saya sendiri tak berapa jelas, kecuali seorang iaitu Wakil Seberang Takir yang menyatakan penentangan terhadap Rang Undang-Undang ini. Yang lain, tak jelas sekali nampak macam sokong, sesekali ... tetapi saya menganggaplah bila Ketua dia bangkang barangkali hak lain bangkang jugalah. Kalau saya tak betul, tolong betulkan saya. Saya menganggap begitu.

Antara perkara yang dibangkitkan oleh Yang Bertambah Hormat Seberang Takir, apakah perlunya Hisbah ini dikemukakan. Apakah kita tidak yakin dengan segala institusi yang telah diwujudkan sekarang, dengan mahkamah, dengan BPRnya, dengan penguatkuasaan Kementerian Perdagangan dan macam-macam lagi tanpa menafikan bahawa fungsi yang dijalankan oleh institusi itu memang sebahagian dari kerja-kerja Hisbah. Tetapi kita mempunyai *reservation* tentang bagaimana ianya dilaksanakan dalam institusi ini melaksanakan tugasnya. Saya menyatakan demikian berdasarkan kepada pengalaman dan juga pengamatan, berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang sampai kepada kita. Memang kalau ditanyakan kepada saya dan kebanyakan daripada kami, kita kurang yakin kepada BPR, terus terang saya menyatakan kita kurang yakin dengan BPR dalam melaksanakan tugasnya. Kerana *accountability* BPR ialah kepada Perdana Menteri, PM yang kita tahu PM bukan mempunyai *tread record* yang baik dari sudut beberapa hal. Suatu contoh yang sangat nyata, dalam perbicaraan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim bekas Pengarah BPR telah menyatakan secara terus terang di dalam mahkamah bahawa beliau telah dihalang oleh Perdana Menteri supaya jangan menyalah satu kes yang dianggapnya sebagai penyelewengan oleh bekas Gabenor Bank Negara. Saya takboh sebut nama sebab orang tahu nama itu. Secara terus terang menyatakan bahawa PM menghalang beliau daripada menyalah. Dan BPR, oleh kerana dia sebagai Pengarah, di halang sebagai seorang pegawai bimbang barangkali perkara-perkara yang terlibat dengan *insubordination* dan perkara-perkara yang lain maka penyalah itu dihentikan. Ertinya BPR tidak bebas melakukan kerja yang sepatutnya bebas. Terlalu banyak yang telah diucapkan bahawa BPR hanya menumpukan kepada ikan bilis tidak kepada ikan jerung. Ini sejak

berpuluh-puluh tahun dah. Inilah yang menyebabkan bahawa Hisbah ini, saya tidak mengatakan Hisbah ini akan menggantikan yang itu tetapi sekurang-kurangnya sebagai pelengkap kekurangan-kekurangan dan kelemahan yang dihadapi oleh beberapa institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu satu contoh. Contoh yang kedua berkait dengan peranan Peguam Negara, saya tidak bercakap tentang orangnya, sama ada Peguam Negara sekarang atau tidak, tetapi institusi Peguam Negara di bawah Perkara 145. Dan kita tahu satu *clause* dalam Perlembagaan Malaysia bahawa Peguam Negara boleh mengarahkan suatu kes itu dijalankan, suatu kes itu dihentikan, suatu kes itu ... macam-macam, ertinya mempunyai kuasa penuh. Tanpa mempersoalkan wujudnya *clause* itu dalam Perlembagaan tetapi ia boleh disalah gunakan. Satu kes tahun 88 kalau tak silap saya, sewaktu saya jadi Ahli Dewan ini sebagai pembangkang. Ada satu kes penyelewengan yang dilakukan oleh seorang JKKK di Wakaf Mempelam dalam pembaikan Masjid Wakaf Mempelam, saya melaporkan sendiri kepada BPR dan BPR telah mengambil perjalanan, telahpun berjalan kes itu. Berjalan ... *hearing* sudah berlaku, sudah sampai kepada peringkat seorang penting dalam UMNO akan memberikan saksi di dalam kes itu. Berlaku penangguhan dan akhirnya kes itu ditarik balik, tidak diteruskan menggunakan *Clause* 145 ini.

Dan ini satu pengalaman, kejadian-kejadian yang menyebabkan kita tidak begitu yakin dengan perjalanan-perjalanan yang berlaku sekarang. Jadi, sebab itu kalau ditanyakan, apakah kita tidak yakin, memang saya tidak yakin sebenarnya bukan tidak yakin seluruhnya, ada yang dia berjalan tetapi Hisbah mempunyai peranan yang sangat besar dalam kes-kes seumpamanya. Pengalaman yang biasanya BPR ni boleh siasat apabila adanya aduan, adanya dokumen barangkali yang jelas, tak ada satu dokumen walaupun diyakini bahawa ini berlaku penyelewengan saya rasa di luar bidang kuasa BPR untuk melaksanakannya tetapi masih ada ruang di mana Hisbah ini boleh memainkan peranannya. Misalnya, seorang pemimpin, pemimpin politik ke ataupun seorang pegawai misalnya, yang hidup di luar daripada keupayaannya, gajinya RM5,000.00 tetapi memakai kereta mewah, rumahnya besar dan sebagainya. Maknanya kita mempunyai ruang untuk mempunyai *suspicion* kesangsian bahawa ini dibina hasil daripada duit dia. Hisbah mempunyai peranan untuk sekurang-kurangnya panggil, benarkah begini, takut bertakunya wang rakyat telah disalah gunakan. Hisbah boleh memainkan peranannya. Tetapi kalau perkara itu boleh dijelaskan bahawa memang ini duit daripada dia, jual tanah ke ataupun macam mana, itu jelaslah. Tetapi ertinya masih ada peranan Hisbah di sini yang barangkali di luar daripada tangan-tangan institusi-institusi ini memainkan peranannya. Sebab itu Hisbah sangat relevan dalam kes yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Yang Berhormat Wakil Kemasik ada membawa beberapa kenyataan khususnya satu minit mesyuarat yang menyebut bahawa Ladang Rakyat telah memutuskan bahawa elauan untuk Pengerusi RM2,500 sedangkan Menteri Besar telahpun mengumumkan bahawa semua Exco yang menjadi Pengerusi kepada anak syarikat ini tidak akan mengambil elauan untuk peribadinya, untuk dirinya. Dan nasib jugalah saya tanya bila tarikh mesyuarat itu, bulan Februari tahun 2000. Suka saya menyebut di sini kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung dengan Exco tidak akan mengambil elauan sebagai Pengerusi syarikat dibuat dalam sidang Dewan yang berjalan pada 11 haribulan Mei tahun 2000. Ertinya minit itu mendahului satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan oleh kerana itu benda yang sudah berlaku itu sebelum daripada kenyataan ini dibuat. Jadi tidak munasabahlah menggunakan minit yang sudah *out-dated* berbanding dengan kenyataan yang dibuat, kemudian menghentam keputusan yang

19 DISEMBER 2000

seperti itu. Walaupun begitu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik sekurang-kurangnya memberi ruang kepada kerajaan untuk *check* perkara ini.

Yang keduanya berhubung dengan apa yang dinamakan *reimbursable* ini

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Keputusan dibuat pada 7 Februari mesyuarat Dewan 11 Mei, ini saya akui. Tapi ada satu lagi baucar iaitu Elaun Keraian Pengerusi tersebut bulan Julai, Ogos dan September. Saya nak tahu yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar termasuk ke tidak Elaun Keraian?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya baru nak sampai situ sebenarnya, saya baru nak sebut bahawa *reimbursable* ini tidak termasuk dalam apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, elaun keraian pun tak masuk dalam apa yang diumumkan itu. Kerana ini satu kos yang terpaksa ditanggung dan mestilah *reimbursable* termasuk elaun keraian. Adapun elaun ini bukan kos ertinya semua kami ini berkhidmat secara percuma, jadi itu yang dimaksudkan itu. Dan dari sudut inipun *income-tax* sendiripun bagi *exemption* kepada perkara ini. Jadi biarlah kita jelas ... walau bagaimanapun saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik sebab ada satu kes yang dia sebut tadi masalah ummah apa tu, kita akan siasat insya Allah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Penjelasan sedikit, saya sebut tadi sebab ada tersebut dalam kertas kerja cadangan ini, iaitu disebut di bawah skop bilangan 2.2 – Perkara-perkara yang didahulukan perbelanjaan merangkumi:

- Perbelanjaan lawatan industri
- Ummah
- Obligasi sosial
- Penyelidikan
- Pembangunan ilmu,
- Teknologi

Itulah saja saya pohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang itu insya Allah pihak Exco Hisbah akan membuat penyiasatan. Saya duduk ingat tadi dalam keputusan mesyuarat itu ummah termasuk dalam *reimbursable* juga yang Pengerusi tu dapat faedah. Itu yang maksud saya tu, saya duduk ingat begitu. Kalau dah begitu tidak ada masalahlah sebenarnya. Itu satu cadangan yang dikemukakan oleh Hisbah dan Hisbah akan membuat penjelasan, insya Allah. Dan kita mempunyai 100 syarikat lebih tapi yang dijumpai oleh Yang Berhormat Kemasik satu, satu ni pun tak betul juga. Itu gambaran bahawa Alhamdulillah kita telah melaksanakan tugas kita dengan sebaik-baik yang mungkin tanpa menafikan kelemahan-kelemahan kita sebagai manusia, insya Allah.

Kemudian Yang Berhormat Telemong, dia bercakap waktu saya tak dok tadi. Dan dia bercakappun pakai pukul borong, saya berdasarkan orang beritahulah, dia kata saya bercakap pakai pukul borong ke, boros ke begitulah lebih kurang. Saya sebut sekali Yang Berhormat, begini Yang Berhormat hak saya sebut kelmarin takut laporan tak sampai, saya sebut, Yang Berhormat Ajil kalau nak

19 DISEMBER 2000

bercakap tentang balak ni kena rujuk kepada Telemong sebab Telemong ini telah lama, orang lama bergelumang dengan balak tentulah dia tahu banyak, saya sebut begitu. Dan kemudian saya menyebut lagi bahawa di antara senarai-senarai nama yang disebut tu sebenarnya ramai orang UMNO, daripada 4 nama tu 3 daripadanya UMNO satu lagi tidak dapat ... bukan saya yang kenal pasti ni pihak Perhutanan. Dan ada seorang yang sanggup sebenarnya, saya tak tahulah sama ada Yang Berhormat Telemong sanggup terima atau tidak, kalau Yang Berhormat sanggup terima kita buat satu majlis yang terbuka biar ada surat khabar ada semua sekali, kalau itu satu yang memalukan kita timbanglah lagu mana; bahawa orang ni sanggup menyatakan dengan kehadiran Yang Berhormat kalau tak boh ranaipun Yang Berhormat, saya dan dia, kalau tak boh ramai bahawa dia pernah menjadi pengantara di antara seorang tauke balak dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat sanggup dak nak buat begitu?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sila, saya sanggup.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Insya Allah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat Yang Dipertua, maksud 'bergelumang' ... saya pun tak dak kelmarin, 'bergelumang dengan balak' apa maksud Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): 'Bergelumang' ni satu istilah yang lazim dipakai, bergelumang dengan darah, bergelumang dengan tahi, bergelumang dengan ... ertinya terlalu biasalah dengan benda tu. Itu makna 'bergelumang' tu, biasa sebab Yang Berhormat jaga bahagian balak.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat, saya sebenarnya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tender Balak bersama dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Kalau kata 'gelumang' sekarang kalau Yang Berhormat sebagai Pengerusi, Yang Berhormat juga bergelumang dengan balak juga, dengan tahi sebagaimana contoh tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah saya bergelumang juga tapi saya sempat sepak tahi tu hala ke lain, Alhamdulillah (KETAWA).

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya sepak awal daripada Yang Berhormat lagi dah.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat sanggup dok?

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya boleh bila-bila masa.

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Bila-bila masa? Okey, ini rekod Dewan ni kita akan bertemu insya Allah. Ada surat khabar, apa TV, tak apa?

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong)L: Saya tak tahu Yang Berhormat, itu atas urusan Yang Berhormat. Kita tak boh perkara yang kita bangkit di sini saya bangkit tadi Yang Berhormat tak dok, saya tak suruh Yang Berhormat tak dok. Saya bangkit tadi, kita tak boh menggunakan boros bercakap seolah-olah menuduh percakapan kita tu tidak difahami oleh orang lain. Kemudian seolah-olah orang lain terlibat secara terus dengan perkara-perkara yang kita cakap. Itu maksud saya. Jadi kalau Yang Berhormat maksud begitu kehendak Yang Berhormat, kita ikut cara Yang Berhormatlah.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, saya kena minta persetujuan daripada Yang Berhormat. Kalau saya-bawa orang ni, kalau Yang Berhormat tak dok, tak dok erti sebenarnya ... jadi, mungkin Hisbah ada seorang boleh bawa.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak ada masalah Yang Berhormat. Sila kemukakan cadangan Yang Berhormat yang nak, kemudian kita bolehlah mengikut fakta dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Insya Allah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Jangan buat pukul borong begitu sebagai kerajaan bukan pembangkang.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebelum orang ni datang saya tak boleh nak sebut dulu. Biarlah orang ni sendiri menyatakan begini ... begini, baru boleh saya sebut. Diapun tidak cerita secara detail tapi dia sanggup

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat. Kalau begitu saya juga boleh membuat perkara yang demikian untuk wakil-wakil kerajaan ataupun pihak-pihak kerajaan, boleh?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tidak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kita pakat mudah, Yang Berhormat cari seorang hak boleh jadi saksi bahawa saya ni gomo duit, saya cari seorang kita temu. Mudah saja tak payah mana, insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jadi itu maknanya menggambarkan berasalah tu kalau begitu tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta tarik balik, ini tuduh liar daripada Yang Berhormat Exco Kanan Kerajaan yang seolah-olah saya melakukan perkara itu dengan terasa.

19 DISEMBER 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Berasa ni bukan tuduhan Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Berasa, Yang Berhormat yang berasa. Yang Berhormat yang berasa, nak larikan dari kata-kata ...

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah ... nak kata saya berasa tak dok masalah, sama berasa tapi ringan berat lain barangkali (KETAWA).

Jadi saya nak sebut Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini benda-benda yang seperti ini sesuatu yang lumrah berlaku di dalam masyarakat kita dan sebut itu apa yang saya bangkitkan berhubung dengan Yang Berhormat Wakil Telemong tadi, saya akan selesaikan dengan Wakil Telemong. Insya Allah, saya tidak akan umum di dalam Dewan ini, nanti saya bercakap dengan beliau, Yang Berhormat Wakil Telemong cara mana kita nak buat dan kita carilah satu tarikh dan masa yang sesuai dan munasabah, insya Allah. Sebab saya tidak berhalangan untuk berhubung dengan Wakil Telemong ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Itu baru comel sedikit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Pasal Yang Berhormat tak dok kelmarin, hari ini saya bercakap begitulah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kemudian yang wakil yang keempat Wakil Ajil ada juga sentuh sedikit tadi berhubung dengan lantikan Pesuruhjaya Hisbah. Cara dia bercakap macam bersetuju dengan Hisbah, dia kata Hisbah nak tu sangat pasal apa lantik orang luar patut ambil orang Terengganu. Maknanya bersetujulah tu. Cumanya pasal apa ambil orang luar? Saya ingat Yang Berhormat Exco yang menjaga Hisbah ni dah jawab dalam satu keadaan di mana kita duduk cari-cari orang tetapi itulah berdasarkan kepada pengalaman, berdasarkan kepada kebolehan yang kita dapat. Tetapi kalau ada cadangan-cadangan daripada mana-mana pihak sekalipun, saya rasa tidak ada halangan dan keberatan pihak Exco yang berkenaan untuk terima orang ni. Jawatan tu kosong sekarang ni. Jadi kita sama-samalah tengok.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak inginlah mengambil masa yang lebih panjang itulah sedikit respons daripada apa yang dibangkitkan. Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin membuat satu ucapan yang amat ringkas untuk mengakhiri perbahasan pada pagi ini mengenai dengan Rang Undang-Undang Hisbah.

Yang pertama sekali saya nak bangkitkan di sini ialah saya mengatakan di sini Hisbah ini bukannya menjadi sebagai ganti kepada institusi-institusi yang ada seperti BPR, Polis dan Audit, dan lain-lain *inforcement authorities*. Kita hanyalah ... Hisbah ini ialah untuk pada skopnya untuk menyasat kemusykilan yang dialami oleh orang yang terkilan mengenai dengan pentadbiran di Negeri Terengganu. Jadi skopnya amat *limited*, kita tidak nak mengambil peranan yang dijalankan oleh BPR mestipun ada keraguan tentang perjalanan BPR, Polis dan sebagainya. Tapi di sini biarlah saya sebutkan di sini definisi "orang terkilan", dia kata orang terkilan ertinya orang yang mana hak kepentingan dan keistimewaannya telah terjejas akibat tindakan pentadbiran yang dibuat oleh

organisasi kerajaan. Bukan sebarang-barangan orang, bukan terkilan oleh sebab tak makan nasi, bukannya terkilan kerana tak tidur cukup ... ini terkilan mengenai hak dia, kepentingan dia dan keistimewaan dia itu telah terjejas. Terjejas kerana apa, kerana tindakan pentadbiran yang telah dibuat oleh organisasi kerajaan.

Apakah itu "tindakan pentadbiran", kita tengok pula dalam definisi di sini yang mengatakan bahawa "tindakan pentadbiran" ertinya suatu tindakan berhubung dengan perkara pentadbiran dan termasuklah suatu keputusan, syor, perbuatan atau peninggalan. Kemudian kita tanya lagi, apa itu "organisasi kerajaan" kerana tindakan yang dibuat oleh organisasi kerajaan. "Organisasi kerajaan" pula ditakrifkan di sini, "organisasi kerajaan" ertinya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, mana-mana jabatan perkhidmatan awam negeri, mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan di bawah perundangan negeri atau mana-mana badan entiti atau pihak berkuasa yang mana kerajaan negeri mempunyai pelaburan wang negeri atau kepentingan termasuklah pegawai-pegawai, ahli-ahli dan pekerja-pekerjanya. Jadi "organisasi kerajaan" di sini hanyalah terlibat kepada organisasi kerajaan dan juga pelaburan-pelaburan yang mana kerajaan negeri telah melabur dalam pelaburan itu iaitu anak-anak syarikatnya. Jadi di sini bukan sewenang-wenangnya sahaja.

Kemudian apakah tujuan penyiasatan yang akan dibuat oleh Pesuruhjaya Hisbah ini di atas aduan terhadap orang yang terkilan tadi ialah untuk mencari sama ada tadbir itu salah tadbir atau betul tadbir. Kemudian di sini disebutnya pula diberi satu definisi lain mengenai dengan "salah tadbir". "Salah tadbir" ertinya sesuatu tindakan pentadbiran organisasi kerajaan yang:

- (a) Bertentangan dengan undang-undang
- (b) tidak munasabah, tidak adil, zalim, menindas sewenang-wenang ataupun bersifat diskriminasi
- (c) kesemuanya atau sebahagian daripadanya dibuat berdasarkan khilaf undang-undang atau fakta; atau
- (d) salah.

Jadi, jikalau selepas disiasat perkara ini didapati salah tadbir maka tengoklah salah tadbir itu. Jikalau perkara itu melibatkan jenayah dan ebagainya itu akan dikemukakan kepada badan-badan yang munasabah, yang sesuai dengannya. Jikalau sekiranya di akhir penyiasatan itu didapati tidak salah tadbir, maka habislah minit penyiasatan di situ dan laporan walau macam manapun sama ada salah tadbir ataupun tidak salah tadbir akan dibuat satu laporan yang akan dikemukakan dan dibentangkan di dalam Dewan ini.

Jadi di situlah skopnya ataupun setakat mana tugas-tugas atau fungsi yang mesti dijalankan oleh institusi Hisbah ini. Jadi mengenai dengan "cakap boros", "belanja boros", kalau belanja boros tengoklah bagaimana sama ada belanja itu mengikut undang-undang, mengikut *estimate*, mengikut belanjawan dan ini pihak Audit akan memantaunya. Dan kita daripada pemantauan Audit itu kita juga boleh menyiasat juga, mencari apakah sebab punca boros itu. Jikalau punca boros itu melibatkan satu perkara yang dikatakan teraniaya maka perkara itu tindakan seterusnya akan diambil. Berkenaan dengan "cakap boros" tadi, kita tak bolehlah kalau "cakap boros" ini kalau cakap itu ada menyinggung cakap orang dan menyentuh hak-hak dia, ini perkara mesti dibawa ke mahkamah oleh orang yang berasa syak. Dia boleh bawa, dia menyamakan orang yang berkenaan di atas undang-undang saman malu. Tapi jikalau "cakap boros" mengenai dengan cakap politik, itu tidak boleh masuk dalam kuasa Hisbah. Hisbah ini hanyalah berfungsi mengenai jikalau ada hak dia, keistimewaan seseorang itu telah terjejas dan orang itu dianggapkan kena aniaya.

Tadi ada cadangan, tak usahlah kita tubuhkan Hisbah bahkan sudah cukup jikalau kita mengadakan hanyalah Biro Pengaduan sebagaimana yang ada di peringkat Pusat. Yang sebenarnya beberapa tahun dulu satu orang *ombudsman* bagi New Zealand datang atas jemputan Kerajaan Persekutuan membuat tinjauan sama ada Malaysia ini peringkat Persekutuan mengadakan *ombudsman* pada kerajaan pada masa itu tidak berapa yakin mengadakan *ombudsman* dan langsung ditubuhkannya Biro Pengaduan. Maknanya ada sebab-sebab yang mana perkara-perkara kemusykilan rakyat itu mesti disiasat. Cuma kerajaan pada masa itu Kerajaan Pusat pada masa itu fikir buat sementara hendaklah dilantik Biro Pengaduan sahaja sebelum dilantik *ombudsman*. Tapi sampai sekarang *ombudsman* belum lagi dilantik pada hal di negara-negara barat pelantikan *ombudsman* itu memang sudah menjadi satu institusi yang amat popular. Dan *ombudsman* pada hari ini bersamaanlah dengan institusi Hisbah yang ada di sini. Bahkan pada masa kerajaan baru PAS Negeri Terengganu ini mengumumkan bahawa cita-cita kerajaan ini hendak mengadakan *ombudsman* banyak pertanyaan datang daripada luar negeri mengucap syabas kepada kita. Dan kita juga telah membuat perhubungan dengan satu NGO di peringkat antarabangsa yang dikenali sebagai nama Transparency International yang berpejabat, berhead quarters di Berlin, Germany. Dan baru-baru ini Allahyarham Tuan Haji Idris telah dijemput menghadiri konvensyen *Transparency International* itu. Tapi oleh kerana beliau di dalam keuzuran dan kita hantar dua orang saja pegawai pergi, iaitu satu orang pegawai Hisbah dan satu orang lagi ialah Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu ni pergi ke Kanada untuk menghadiri konvensyen *Transparency International* itu.

Jadi kita telah membuat satu persefahaman untuk menjalankan Hisbah ini bertujuan semata-mata kita nak menunjuk *transparency* atau ketelusan pemerintahan Negeri Terengganu ini. Dan jikalau kita di sini berjaya, insya Allah pada satu masa kelak mungkin sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Besi tadi, mungkin Kerajaan Persekutuan juga akan meniru kita sekurang-kurangnya mengadakan Hisbah. Jikalau Hisbah maknanya tidak ada lagi Biro Pengaduan dan itulah maknanya *ombudsman* dalam cakap moden pada hari ini. Oleh kerana saya kata skop Hisbah ini ialah satu skop yang boleh dikatakan *limited* yang terhad, tidak sebagaimana Hisbah pada zaman pemerintahan Islam dalam zaman kegemilangan Islam dahulu. Jadi kita mengambil sedikit ruangan saja iaitu ruangan yang mana kes-kes, hal-hal yang tidak boleh diuruskan oleh badan-badan yang ada sekarang.

Satu perkara lagi yang akhir saya nak sebut di sini tentang orang yang akan menjadi Pesuruhjaya Hisbah ini. Kerana Pesuruhjaya Hisbah ini satu orang yang bebas, yang bebas ini bukannya semata-mata dia mesti memihak kepada sesiapa, dia tidak memihak kepada politik PAS, tidak memihak kepada politik UMNO, tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Dia berjalan atas *consent* dia sendiri, atas *consent* dia, kita mahu orang yang berwibawa, orang yang mempunyai *consent*, orang yang mempunyai *competency* dan orang yang mempunyai *integrity* iaitu orang yang mempunyai amanah. Jadi buat sekarang ini kita tidak had kepada sesiapa, tidak kita kata orang Terengganu tidak berhak, tidak ada orang yang pandai ada orang yang pandai mungkin dia orang tersembunyi. Insya Allah, jikalau ada orang yang betul-betul yang semacam ini silalah kemukakan tapi yang saya fikir orang ini mesti yang berpengalaman, tahu cara nak menyiasat dan tahu cara nak mengarahkan penyiasatan itu dijalankan. Jadi setakat pengetahuan dia, kelulusan diapun kita mahu juga tengok tapi yang utama sekali pengalaman. Dan orang ini tidak semestinya terhad kepada orang yang mempunyai ijazah dalam undang-undang bahkan kita boleh buka kepada *engineer* sekalipun, kepada *accountancy* supaya mereka ini betul-betul orang yang disegani, orang

yang boleh dihormati dan boleh membuatkan sesuatu keputusan dengan sendiri dengan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Yang demikian harapan kita memanglah ada sedikit ragu-ragu, maklumlah manusia ini tidak sunyi daripada membuat kesalahan, bimbang takut orang ini akan menyalahgunakan kuasa, yang lemah boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Jadi keraguan semacam ini memang ada kerana kita manusia biasa. Yang demikian, kita berharap kita akan memberi sokongan, kita berharap dengan harapan yang baik supaya Pesuruhjaya Hisbah yang dilantik ini yang menjadi satu orang yang mana undang-undang ini diluluskan. Diharapkan supaya matlamat atau objektif bagi undang-undang ini akan tercapai. Dan lagi beberapa perkara nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali daripada pihak pembangkang telah mengeluarkan bermacam-macam *complaint*, jikalau itu *complaint* yang amat ikhlas saya suka jikalau komplain itu dihantar dengan surat kepada saya dan saya akan siasat benda tu. Kalau boleh taklah mesti diterangkan di hadapan Dewan ini, kalau betul tulis surat dan kami akan siasat. Dan jikalau hasil siasatan itu kami akan beri jawapannya dan penentuannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berasa ragu-ragu.

Jadi yang sebenarnya kita sepatutnya Dewan ini tidak berpihak, tidak berbelah jikalau pembangkang boleh sokong, tidak sokongpun ada alasan-alasannya. Jikalau perbuatan kita ni semua tidak betul, silalah beri pengaduan ataupun tulisan kepada kita, kepada Exco yang berkenaan iaitu kepada sayalah mengenai Hisbah ni supaya mudah-mudahan saya akan telitikan, saya mengarahkan orang-orang di bawah saya untuk menyiasat dan hasil penyiasatan itu kita akan beri kepadanya. Inilah apa yang diamalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di England sana, MP di sana, jikalau dia orang MP di sana, Ahli Parlimen di sana menerima rungutan daripada orang-orang daripada kawasan dia, yang pertama sekali sebelum dia bawa ke Dewan, dia mesti berurus dengan Menteri-menteri yang berkenaan dulu. Jikalau Menteri berkenaan fikir cara ini tidak ada kes dan jikalau nak buat juga tinggallah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berasa senang dan berasa ragu-ragu mengenai keputusan yang dibuat oleh Menteri itu. Dengan secara itu kita telah mendirikan satu *bridge* atau jambatan untuk mengadakan perhubungan yang baik di antara pembangkang dengan pihak kerajaan. Janganlah pihak kita melemparkan perkara yang tidak elok dan pembangkang melemparkan perkara yang tidak elok, jadilah bercanggah cakap-cakap itu. Kita tidak mahu menjadi Dewan ini sebagai gelanggang perang sebagaimana yang telah berlaku di negeri-negeri yang lain.

Dengan itu saya sudah memberi penjelasan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, iaitu mengenai dengan skop setakat mana institusi Hisbah ini akan berfungsi, bagaimana pegawai Hisbah, Pesuruhjaya Hisbah ini mesti menjalankan kuasa dan tugasnya, juga mengenai dengan kewibawaan dia, mengenai kebijaksanaan dia menjalankan tugasnya. Kerana tiap-tiap tugas yang diberi itu bukannya sebagai robot, dia mesti ada satu *area* yang mana dia akan menggunakan kebijaksanaan dia. Dengan sebab itulah ditulis di dalam undang-undang yang mana saya *referkan* balik iaitu di seksyen 11, dia kata dia tak payahlah nak menyiasat sekiranya perkara itu, perkara aduan itu terlalu kecil ataupun aduan itu remeh temeh iaitu dalam bahasa Inggeris *trivial*. Tiganya jikalau pengadu tu tidak mempunyai apa-apa kepentingan, tidak kena mengena dia dalam hal itu tak payah. Itulah dia. Jadi yang demikian tiap-tiap kuasa yang diberi itu memang ada *discussion* dan tidak mesti dijalankan, kalau benda tu ada itu tertinggallah ... dan dia terpaksa mengambil tindakan. Kita berharap orang yang akan dilantik kelak akan menjalankan Hisbah sebagaimana kita semua berhajat mudah-mudahan institusi ini menjadi satu *step* yang pertama, langkah yang pertama meluaskan kerjanya lagi sehinggalah sampai kepada taraf *ombudsman* di peringkat Persekutuan.

19 DISEMBER 2000

Dengan itu saya mohon supaya Rang Undang-Undang ini dibaca pada kali yang kedua.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN MENGENAI PELANTIKAN PESURUHJAYA HISBAH UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN ATAS TINDAKAN PENTADBIRAN YANG DIBUAT OLEH ATAU BAGI PIHAK MANA-MANA ORGANISASI KERAJAAN DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKENAAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN MENGENAI PELANTIKAN PESURUHJAYA HISBAH UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN ATAS TINDAKAN PENTADBIRAN YANG DIBUAT OLEH OLEH ATAU BAGI PIHAK MANA-MANA ORGANISASI KERAJAAN DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKENAAN DENGANNYA TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

19 DISEMBER 2000

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN MENGENAI PELANTIKAN PESURUHJAYA HISBAH UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN ATAS TINDAKAN PENTADBIRAN YANG DIBUAT OLEH ATAU BAGI PIHAK MANA-MANA ORGANISASI KERAJAAN DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKENAAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 8 Tahun 2000.**

19 DISEMBER 2000

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

**Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan
Negeri Bagi Tahun 2001**

YANG BERTHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang
Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2001 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri	Diganti oleh Persekutuan	Pinjaman (Negeri)	Pinjaman (Pusat)	JUMLAH
P.02	Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	70,505,010	-	-	32,147,300	102,652,310
P.10	Jabatan Kerja Raya	21,325,000	-	-	-	21,325,000
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	5,070,000	-	-	-	5,070,000
P.12	Pejabat Daerah Besut	1,200,000	-	-	-	1,200,000
P.13	Pejabat Daerah Dungun	1,200,000	-	-	-	1,200,000
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1,200,000	-	-	-	1,200,000
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	1,200,000	-	-	-	1,200,000
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	1,500,000	-	-	-	1,500,000
P.17	Pejabat Daerah Marang	1,200,700	-	-	-	1,200,700
P.18	Pejabat Daerah Setiu	1,200,000	-	-	-	1,200,000
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	15,000,000	-	-	-	15,000,000
P.29	Pejabat Perhutanan Negeri	2,000,000	-	-	-	2,000,000
P.30	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	2,000,000	-	-	-	2,000,000
P.31	Jabatan Pertanian Negeri	4,787,400	-	-	-	4,787,400
P.32	Pelbagai Pembangunan	10,230,000	-	-	8,000,000	18,230,000
JUMLAH BESAR:		139,618,110	-	-	40,147,300	179,765,410*

19 DISEMBER 2000

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 19/2000.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

Qleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

19 DISEMBER 2000

Rancangan-Rancangan Kemajuan Bekalan Air
Negeri Bagi Tahun 2001

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2001 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:

JADUAL			
Tajuk Perkara	Perbelanjaan Negeri	Pinjaman Pusat	JUMLAH
Pengurusan Perbekalan Air	539,000	-	539,000
Pembangunan Perbekalan Air	9,423,000	92,400,000	101,823,000
JUMLAH:	9,962,000	92,400,000	102,362,000"

Butiran lanjut berhubung dengan peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 20/2000. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Di sini bermakna kita masih memerlukan Pinjaman Pusat daripada usul yang dibentangkan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini perkara biasalah sebab perkara ini sebenarnya telah dibincang daripada dulu lagi termasuklah apa yang telah diputuskan dalam perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelapan.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

19 DISEMBER 2000

Musyarahah Pemangku Raja

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya
pohon mencadangkan:

“Bahawa menurut fasal XVIB Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) dan seksyen 2(1) Undang-Undang Musyarahah Pemangku Raja atau Imbuhan Majlis Pemangku Raja Tahun 1965, menetapkan satu musyarah kepada Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Syed Omar bin Abdul Kadir Al-Idrus selama mana-mana tempoh Yang Maha Mulia Pemangku Raja itu dilantik menurut fasal XVIA Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) kerana menjalankan hak mutlak dan menyempurnakan kewajipan-kewajipan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, pada kadar ½ daripada jumlah musyarahah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai daripada 14 September 2000.”

Sekian, terima kasih saya mengusulkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

19 DISEMBER 2000

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Dan sehingga kepada tarikh yang akan ditetapkan itu, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Yang Berhormat sekalian dan *Selamat Hari Raya Aidil Fitri*.

Marilah kita tangguh dengan sama-sama membaca *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.25 PETANG.

LAMPIRAN A
[SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS]

SOALAN-SOALAN BERTULIS

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah dan luas kawasan balak yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2000 ?

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(b) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Y.A.B. Menteri Besar telah mengumumkan penemuan telaga minyak di pesisir pantai dan daratan di Dungun dan Besut. Bilakah kajian dijalankan dan berapakan kos kajian serta syarikat manakah yang menjalankan kajian tersebut ?

JAWAPAN : Setakat ini tidak ada telaga minyak yang ditemui kecuali tanda-tanda awal yang akan dibuat kajian lanjut.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR HAJI MAMAD BIN PUTEH
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan secara terperinci nama-nama syarikat dan jumlah pelaburan yang dibuat oleh Amanah Saham Darul Iman (ASDI) ?

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah kampung mengikut pecahan daerah di seluruh negeri yang masih tidak mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan telefon.

JAWAPAN : Keseluruhan tanah daratan Negeri Terengganu mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan telefon, kecuali bekalan air ke Pulau Kapas dan Pulau Tenggol.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Berapakah pendapatan perkapita penduduk negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah dalam Rancangan Malaysia Ke 6 dan Ke 7 ?

JAWAPAN : Pendapatan perkapita yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri adalah merupakan pendapatan purata bulanan isirumah. Pendapatan perkapita adalah berbeza dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar perkapita (KDNK perkapita).

KDNK perkapita pula hanyalah anggaran kerana sukar untuk mengiranya sebab tidak ada sempadan ekonomi antara daerah-daerah. Walaupun begitu, UPEN Terengganu telah membuat anggaran KDNK perkapita setiap akhir Rancangan Malaysia untuk panduan membuat perancangan pembangunan ekonomi. Kedua-dua petunjuk ekonomi ini adalah sepertimana berikut:

Daerah	RMK 6 (1995)		RMK 7 (2000)	
	KDNK Perkapita (RM)	Pendapatan Perkapita (RM)	KDNK Perkapita (RM)	Pendapatan Perkapita (RM)
Besut	7,910.7	870.1	8,109.1	1,406.8
Dungun	7,182.1	1,094.7	7,012.8	1,918.4
Hulu Terengganu	14,137.7	1,080.1	14,446.5	1,534.7
Kemaman	15,654.4	1,720.2	14,842.7	3,197.3
Kuala Terengganu	5,621.9	1,563.8	5,683.0	2,302.0
Marang	8,997.3	855.4	9,011.3	1,610.9
Setiu	14,319.8	625.5	14,276.9	1,151.0
NEGERI	8,808.8	1,115.6	9,112.4	1,874.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ISMAIL BIN HARUN
WAKIL AIR PUTIH

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah bayaran royalti petroleum yang telah diterima oleh kerajaan negeri mengikut tahun sejak ianya mula dibayar oleh Petronas.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah pun menerima bayaran hasil royalti minyak daripada Petronas sebanyak 5% setahun. Pembayaran hasil royalti Petroleum ini telah diterima sejak tahun 1978. Pembayaran ini dibuat sebanyak 2 kali setahun iaitu setengah tahun pertama pada bulan Mac dan setengah tahun kedua pada bulan September setiap tahun. Sehingga kini jumlah hasil royalti petroleum yang diterima adalah sebanyak RM7,129,413,373.00. Pecahan terperinci terima hasil royalti petroleum sehingga tahun 2000 adalah sebagaimana berikut:-

**ROYALTI MINYAK YANG DITERIMA
DARI PETRONAS**

TAHUN	AMAUN (RM)
1978	13,200,000.00
1979	75,114,699.00
1980	108,412,054.00
1981	186,641,649.00
1982	181,940,948.00
1983	205,924,509.00
1984	264,193,596.00
1985	280,916,928.00
1986	264,006,911.00
1987	202,056,222.00
1988	266,606,651.00
1989	266,016,870.00
1990	348,516,639.00
1991	418,191,311.00
1992	418,834,558.00
1993	412,196,601.00
1994	360,447,636.00
1995	395,309,874.00
1996	447,307,861.00
1997	514,878,605.00
1998	565,148,360.00
1999	498,722,126.00
2000	434,828,765.00
JUMLAH	7,129,413,373.00

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ROSOL BIN WAHID
WAKIL AJIL

SOALAN 1 : Benarkah kerajaan negeri telah menerima wang royalti sebanyak RM432 juta. Sila nyatakan kemana wang tersebut dibelanjakan ?

JAWAPAN : Bagi tahun 2000 jumlah penerimaan sebenar wang royalti yang diterima setengah tahun pertama adalah RM434,828,765.00 pada 29 Februari 2000.

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri seperti terkandung dalam Perlembangan, segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima, kecuali Zakat Fitrah, Baitulmal atau Hasil Agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam serta menjadi satu kumpulan wang yang dinamakan "**KUMPULAN WANG DISATUKAN**" bagi Negeri itu Fasal 97 (2).

Mengikut kehendak Akta Acara Kewangan, 3 akaun berasingan diselenggarakan dibawah Kumpulan Wang Disatukan.

- a. **AKAUN HASIL YANG DISATUKAN**, yang kedalamnya hasil kerajaan dibayar dan darinya perbelanjaan mengurus dilakukan.
- b) **AKAUN AMANAH YANG DISATUKAN**, yang dibawahnya segala terimaan dan bayaran Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan maksud tertentu diakaunkan.
- c) **AKAUN PINJAMAN YANG DISATUKAN**, dalam mana semua penerimaan pinjaman dipindahkan kepada kumpulan wang yang lain diakaunkan.

Segala perbelanjaan daripada **kumpulan wang disatukan** adalah tertakluk kepada kelulusan Belanjawan Negeri yang telah diluluskan **oleh Persidangan Dewan Undangan Negeri** pada setiap tahun kewangan. Segala terimuan hasil dan perbelanjaan akan dilaporkan dalam Penyata Kewangan Negeri yang disediakan sebaik sahaja akaun tahun berkenaan berakhir. Penyata kewangan ini disediakan oleh Akauntan Negeri dan disemak oleh Ketua Audit Negara untuk dibuat penilaian berasaskan peraturan semasa. Kaedah ini diterima pakai oleh semua negeri. Penyata Kewangan setelah diperakukan oleh Ketua Audit Negara akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri mengikut seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan.

Royalti yang diterima sebanyak RM434,828,765.00 telah dimasukkan di dalam kumpulan wang disatukan dan perbelanjaannya mengikut kaedah sebagaimana di dalam buku belanjawan.

SOALAN 2 : Sila senaraikan ahli-ahli yang berhormat dan orang-orang perseorangan yang diberi tauliah untuk menjadi imam atau khatib sepanjang tahun 2000 ?

JAWAPAN : Setakat ini tiada tauliah diberi kepada Y.B. dan orang-orang perseorangan.

SOALAN 3 : Pimpinan kerajaan negeri sering mendakwa dalam ceramah mereka bahawa terdapat bil-bil perkhidmatan sex kakitangan kerajaan yang lalu. Nyatakan jumlah perbelanjaan tersebut dan nama-nama mereka yang terlibat.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(l) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berapa ramaikah pegawai atau kakitangan tetap, sementara atau sambilan Unit Perpaduan Insan. Nyatakan kriteria pelantikan mereka ?

JAWAPAN : Unit Perpaduan Insan tidak wujud yang ada Unit Pembangunan Insan. Di Unit Pembangunan Insan tidak ada pegawai atau kakitangan tetap, sementara atau sambilan, yang ada hanyalah kakitangan kontrak seramai 448 orang. Kriteria pelantikan mengikut pertimbangan Kerajaan Negeri.

SOALAN 5 : Yang Berhormat SUK Terengganu telah beberapa kali memberi amaran kepada kakitangan kerajaan negeri agar meletak jawatan sekiranya tidak dapat mematuhi dasar PAS. Sila nyatakan statistik kakitangan terlibat mengikut kategori perjawatan ?

JAWAPAN : Tiada statistik kakitangan terlibat mengikut kategori perjawatan kerana perkara berkenaan merupakan nasihat umum daripada seorang Ketua Perkhidmatan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawahnya sebagaimana yang termaktub di bawah Peraturan 4 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu)(Kelakuan dan Tata tertib) 1995 yang memperuntukkan :-

"Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberi taat setia yang tak berbelah bagi kepada Yang Di Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan"

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH
WAKIL SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Daripada 446 buah rumah Kos Rendah di Taman PERMINT PERDANA, Kampung Batin, Kuala Terengganu berapa buah telah diberikan kuncinya kepada penghuni-penghuni yang telah dipilih ?

JAWAPAN : Sebanyak 238 buah rumah telah diberi serahan kunci. Penyerahan dibuat kepada pembelian yang telah membayar wang pendahuluan 10% daripada harga jualan.

SOALAN 2 : Berdasarkan jawapan kerajaan kepada soalan bertulis saya pada Sidang Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kesepuluh (12 & 13 September 2000) mengenai pembahagian rumah di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa kerajaan tidak mementingkan penduduk setempat iaitu kampung-kampung berdekatan. Adakah keadaan ini telah dibaiki dengan pengagihan selanjutnya.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah kursus-kursus baru yang telah diputuskan untuk diperkenalkan di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin mulai sesi 2001 ?

JAWAPAN : Kursus-kursus baru adalah diperingkat perancangan dan perundingan.

SOALAN 4 : Apakah program-program berkembar yang telah diputuskan untuk diperkenalkan dalam tahun 2001 baik dengan Intitusi Pengajian Tinggi Dalam Negara atau Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara ?

- JAWAPAN : Program-program yang dirancang bagi tahun 2001 adalah Program Kerjasama di Peringkat Ijazah Pertama iaitu dalam bidang Pengajian Islam, Pengajian Pengurusan dan Teknologi Maklumat. Ia masih diperingkat perbincangan. Usaha ke arah tersebut sedang giat dijalankan.
- SOALAN 5 : Sudahkah sistem pengasingan pelajar lelaki dan pelajar wanita semasa mengikuti kuliah dimulakan di KUSZA. Kalau belum, apakah halangan kepada usaha ini ?
- JAWAPAN : Sistem mengasingkan pelajar lelaki dan perempuan di dalam bilik-bilik kuliah telahpun berjalan. Pengasingan secara total pelajar lelaki dan perempuan dalam bilik kuliah yang berasingan masih belum berjalan keseluruhannya. Halangannya ialah kewangan, kemudahan fizikal dan tenaga pengajar.

Dicetak oleh:
PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-6664611 & 6664652 Fax: 09-6662611